DEWAN NEGERI PAHANG
TINGKAT 1, BLOK A,
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG,
WISMA SRI PAHANG,
25503 KUANTAN, PAHANG.
TEL: 09-5126623
FAKS: 09-5161443
E-MEL: dun@pahang.gov.my

PENYATA RASMI
DEWAN NEGERI PAHANG

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL KE-2
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15
8 HINGGA 12 MEI 2023

PENYATA RASMI

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL KE-2
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15
8 HINGGA 12 MEI 2023

PEJABAT DEWAN NEGERI
PAHANG DARUL MAKMUR

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL KE-2
DEWAN NEGERI PAHANG
KE-15

HARI PERTAMA
08 MEI 2023
(ISNIN)

KANDUNGAN

HARI PERTAMA: 08 MEI 2023 (ISNIN)

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	KEHADIRAN	i - iv
2	DOA	1
3	MENGESAHKAN PERINGATAN MESYUARAT MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA DEWAN NEGERI PAHANG KE-15	1
4	TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA PAHANG	3
5	BACAAN DOA OLEH SAHIBUS SAMAHAH MUFTI NEGERI PAHANG	7

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KE-2
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.

Tarikh : 08 Mei 2023 (Isnin)

Masa : 9.30 Pagi

HADIR:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negeri Pahang
Dato' Sri Haji Mohd Sharkar bin Haji Shamsudin,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang
Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, - **Jelai**
SSAP., SUMW., DSAP., DIMP., SMP., AMP.
EXCO Perancangan, Kewangan, Tanah, Sumber Asli, Tenaga dan Air.
EXCO Pembangunan Ekonomi, Perladangan dan Komoditi.

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ir. Mohd Soffi bin Tan Sri Abd Razak, - **Benta**
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP.
EXCO Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan.

Yang Berhormat Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, - **Kerdau**
SSAP., DIMP., AMP., AMN.
EXCO Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa dan Hal Ehwal Orang Asli.

Yang Berhormat Dato' Mohammad Fakhruddin bin Mohd. Ariff, - **Bebar**
DSAP., DIMP., AMP., AMN., PKT.
EXCO Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan.

Yang Berhormat Tuan. Ir. Razali bin Kassim. - **Muadzam Shah**
EXCO FELDA, Koperasi dan Usahawan.

YB. Dato' Sri Johari bin Harun, - **Pelangai**
SSAP., DIMP., SMP.
EXCO Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar Dan Teknologi Hijau

Yang Berhormat Dato' Mohamad Nizar bin Dato' Sri Mohamad Najib, - **Peramu Jaya**
DSAP.
EXCO Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi Dan Inovasi

Yang Berhormat Dato' Sabariah binti Saidan, DIMP., SMP. **EXCO Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita Dan Keluarga**	-	**Guai**
Yang Berhormat Tuan Fadzli bin Mohamad Kamal, DSM., AMP. **EXCO Komunikasi Dan Multimedia, Belia, Sukan dan Badan-badan Bukan Kerajaan**	-	**Dong**
Yang Berhormat Tuan Sim Chon Siang **EXCO Hal Ehwal Pengguna Dan Sumber Manusia**	-	**Teruntum**
Yang Berhormat Cik Leong Yu Man **EXCO Perpaduan, Pelancongan Dan Kebudayaan**	-	**Triang**
Yang Berhormat Tuan Lee Chin Chen **(Timbalan Yang di-Pertua Dewan)**	-	**Bilut**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Sharif, SSAP., DSAP., DIMP., SMP.	-	**Inderapura**
Yang Berhormat Dato' Abd Aziz bin Haji Mat Kiram , DSAP., DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK.	-	**Batu Talam**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd Johari bin Haji Hussain, SSAP., DIMP., PPA.	-	**Tioman**
Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Long, DIMP.	-	**Padang Tengku**
Yang Berhormat Mohd Sharim bin Hj Md Zain	-	**Chini**
Yang Berhormat Dato' Rodzuan bin Zaaba, DIMP.	-	**Jenderak**
Yang Berhormat Tuan V Arumugam a/l A Veerappa Pillai,	-	**Sabai**
Yang Berhormat Tuan Khaizulnizam bin Mohamad Zuldin	-	**Kemayan**
Yang Berhormat Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji	-	**Tras**
Yang Berhormat Tuan Su Keong Siong	-	**Ketari**
Yang Berhormat Tuan Woo Chee Wan	-	**Mentakab**
Yang Berhormat Tuan Ho Chi Yang	-	**Tanah Rata**
Yang Berhormat Tuan Chan Chun Kuang	-	**Semambu**

Yang Berhormat Dato' Sri Tuan Ibharim bin Tuan Man SSAP., SJMK., DIMP., AMP.	-	**Cheka**
Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Abdul Jabar	-	**Tanjung Lumpur**
Yang Berhormat Tuan Haji Andansura bin Rabu	-	**Beserah**
Yang Berhormat Tuan Mohd Zakhwan bin Ahmad Badarddin	-	**Tahan**
Yang Berhormat Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud	-	**Damak**
Yang Berhormat Tuan Mohd Tarmizi bin Yahaya	-	**Panching**
Yang Berhormat Tuan Mohd Sofian bin Abd Jalil	-	**Luit**
Yang Berhormat Tuan Mujibur Rahman bin Ishak	-	**Chenor**
Yang Berhormat Tuan Shahril Azman bin Abd Halim	-	**Jengka**
Yang Berhormat Tuan Mohd Yazid bin Mohd Yunus	-	**Lepar**
Yang Berhormat Dato' Jasri bin Jamaludin, DIMP.	-	**Kuala Sentul**
Yang Berhormat Tuan Yohanis bin Ahmad	-	**Pulau Tawar**
Yang Berhormat Tuan Mohamad Ayub bin Mat Ashri	-	**Sungai Lembing**
Yang Berhormat Tuan Mohammad Rafiq Khan bin Ahmad Khan	-	**Pulau Manis**
Yang Berhormat Tuan Hasan bin Omar	-	**Lanchang**
Yang Berhormat Tuan Hassanuddin bin Salim	-	**Kuala Semantan**
Yang Berhormat Tuan Nazri bin Ahmad	-	**Bukit Ibam**

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN II PERKARA 11 UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG:

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang,
Dato' Indera Haji Zulkifli bin Haji Yaacob,
SIMP,. DSAP., DIMP., AAP., AMP.

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Pahang,
Dato' Indera Nazri bin Abu Bakar,
SIMP., DSAP., DIMP., SMP.

Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang,
Dato' Saiful Edris bin Zainuddin,
DSAP.

SETIAUSAHA MESYUARAT:

Encik Mohd Zukri bin Sidek, SMP., AMP.

SETIAUSAHA DEWAN

Mesyuarat Pertama Penggal Ke-2 Dewan Negeri Pahang Ke-15 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari : Isnin, 8 Mei 2023
Bersamaan 17 Syawal 1444Hijriah

DOA

Perkara pertama: Bacaan doa.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Bismilahirrahmanirrahim [Ayat al-Quran]. Segala puji bagi Allah di buka Mesyuarat Dewan Negeri yang menyebut nama Allah, yang maha pemurah, yang maha mengasihani kepada-Nya terpulang segala puji- pujian. Ya Allah yang bersifat maha hikmah limpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas Raja dan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi mentadbir maslahah masyarakat pergaulan, mudah-mudahan sentosa aman makmur limpah kebahagiaan meliputi penduduk negeri Pahang ini. Ya Allah, kami sekelian hamba-Mu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan yang terutama bagi negeri serta rakyatnya sekalian.

Ya Allah berkat-Mu ke atas kami berhimpun. Dipohon anugerahkan Taufiq-Mu dipohonkan menyuluh memandukan kepada ketika kami berunding, menimbang, bertukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran, kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduknya sekalian. Ya Allah dipohon doa kami diperkenanakan. Amin Ya Rabbal A'lamin.

MENGESAHKAN PERINGATAN MESYUARAT

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kedua: Mengesahkan Peringatan Mesyuarat.

Mengesahkan Peringatan Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Dewan Negeri Pahang Ke-15 pada 29 Disember 2022 di negeri… di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Assalamualaikum WBT. Selamat pagi. Salam Sejahtera.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-pertua,

Saya mohon izin membawa cadangan bahawa peringatan Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Dewan Negeri Pahang Ke-15 pada 29 Disember 2022 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan disahkan.

YB DATO' SRI HAJI IR MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon izin monyokong cadangan tersebut.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, soalannya adalah suatu cadangan bagi mengesahkan peringatan Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Dewan Negeri Pahang Ke-15 pada 29 Disember 2022, di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan telah pun mendapat sokongan. Sekiranya ada… sekiranya tiada apa-apa pindaan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila katakan "ya".

AHLI-AHLI YANG BERHORMAT

Ya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila katakan "tidak". Peringatan mesyuarat tersebut disahkan dengan tiada pindaan.

SETIAUSAHA DEWAN

Peringatan mesyuarat disahkan dengan tiada pindaan dan dibawa untuk pengesahan Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negeri.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Menurut Perkara 29 Bab IV Bahagian Kedua, Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Pahang, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang telah berkenan berangkat untuk menyempurnakan Titah Diraja.

Oleh yang demikian, saya mohon izin untuk mengadap merafak sembah mempersilakan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang berangkat untuk bersemayam di Dewan ini. Dengan ini saya menempohkan Dewan ini sebentar.

SETIAUSAHA DEWAN

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun. Patik mohon ampuni limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk meneruskan Aturan Urusan Mesyuarat.

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara ke-3: Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang.

TITAH DIRAJA
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA PAHANG

Assalamualaikum WBT [Ayat Al-Quran]. Bersyukur ke hadrat Allah subhanahu wata'ala kerana berkat limpah kurnianya, maka saya berkesempatan melafazkan titah bersempena Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Negeri Pahang ke-15 pada pagi yang indah ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,

Pertama sekali, saya ingin menzahirkan ucapan tahniah kepada orang tua saya, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Wan Rosdy bin Wan Ismail yang sekali lagi telah dilantik sebagai Menteri Besar Pahang serta barisan EXCO Kerajaan Negeri Pahang. Ucapan tahniah juga dizahirkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang telah dipilih sebagai wakil rakyat pada Pilihan Raya Umum Ke-15 yang lalu dan ingat pantun saya ini,

Bermandi-manda di Air Terjun Pelangi Singgah,
sebentar di Kampung Ubai,
jangan berbalah jangan bagi,
nanti rakyat saya hidup terabai.

Singgah di Rompin mencari nanas,
menghala ke Pekan membeli baju raya,
pemimpin berlawan, rakyat yang lemas.
Marilah bersatu demi negeri kita.

Suka saya ingatkan bahawa pelantikan ini satu amanah untuk berkhidmat berbakti dan memelihara nasib rakyat saya. Bukannya bermegah-megah dan tunjuk kuasa malah tugas ini harus dilaksanakan oleh setiap Ahli Yang Berhormat dengan penuh ikhlas, jujur dan berintegriti. Insya-Allah.

Saya juga menzahirkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd Sharkar Bin Haji Shamsudin yang dilantik sebagai Yang Berhormat Yang di-Petua Dewan Negeri Pahang dan Yang Berhormat Encik Lee Chin Chen yang dilantik sebagai Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negeri Pahang.

Saya berharap Yang Berhormat dapat mengurus kelancaran persidangan kita ini dengan baik dan teratur. Dalam pada itu, saya turut menzahirkan ucapan tahniah kepada Dato' Indera Haji Zulkifli bin Haji Yaakob yang dilantik sebagai Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Pahang. Saya berharap Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan akan melaksanakan tugas dengan penuh komitmen bagi memastikan negeri saya ini dapat diurus secara proaktif. Tidak lupa juga saya ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada Dato' Sri Dr Sallehuddin Bin Ishak, mantan Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Pahang yang telah banyak menabur hikmat bakti kepada pembangunan negeri saya.

Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan, saya berharap pentadbiran baharu kerajaan saya ini dapat meneruskan keharmonian serta kegemilangan untuk membangunkan ekonomi dan fizikal serta meningkatkan pendapatan negeri demi kemakmuran rakyat saya.

Kerajaan saya harus memperkukuh lagi iltizam untuk melipat gandakan produktiviti dan daya saing bagi memastikan prestasi kutipan hasil tahun 2023 dipertingkatkan lagi

sebagaimana sasaran yang telah ditetapkan. Saya berbangga dengan pencapaian kerajaan sehingga Disember 2022, sebanyak 7 projek pelaburan antarabangsa dari negara Singapura, China, Thailand dan Korea Selatan telah berjaya dimuktamadkan dengan jumlah nilai pelaburan lebih kurang RM11 billion.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, suka saya nasihatkan, pantau betul-betul pelaburan ini. kita tidak mahu hanya gah pada angka tetapi biarlah rakyat turut menerima limpahan pekerjaan yang bakal tercipta. Dan yang paling penting, kesemua pelaburan yang masuk tidak mencemarkan alam sekitar di negeri saya ini. Apa jua projek yang dilaksanakan, ianya mestilah seimbang antara pembangunan yang menyokong ke arah pelepasan karbon sifar bersih atau *net zero emissions*.

Ingat, dalam usaha kita mengejar kemajuan negara dan negeri, kita tidak boleh sama sekali membelakangkan alam sekitar dalam kehidupan. Saya tidak mahu "menang bersorak, kampung tergadai" (pepatah). Lebih-lebih lagi, Pahang merupakan negeri yang kaya dengan sumber asli dan khazanah alam yang paling bernilai. Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan, sumber asli yang kita ada sekarang ini tidak akan bertahan lama jika tidak ada pengurusan dan perancangan yang tersusun. Setakat ini, sumber asli negeri Pahang dijangka mampu bertahan selama 150 tahun. Namun, saya mahu sumber asli ini dapat bertahan lebih daripada 300 tahun atau lebih lama daripada itu.

Justeru, kita tiada pilihan. Kita perlu merangka strategi untuk beralih daripada sumber ekonomi tradisional seperti hasil tanah, mineral dan balak sekarang kepada sumber ekonomi alternatif yang lain. Kalau kita bersatu dan fokus Pahang sebagai sebuah negeri dalam Persekutuan Malaysia, bukan sahajalah akan terus berdikari, bukan sahaja boleh menjadi penyumbang besar kepada ekonomi negara, malah turut menjadi penyumbang utama kepada *net zero emissions* negara.

Justeru, saya mahu kerajaan saya mengamalkan Pembangunan Lestari berdasarkan konsep *Environment, Social and Governance* (ESG) dalam setiap projek bagi menjamin kesejahteraan dan kemakmuran rakyat. Hadirin yang dihormati sekalian, kerap kali saya menerima laporan terhadap aktiviti penguatkuasaan seperti pencerobohan tanah, kecurian hasil tanah dan mineral serta penerokaan hutan simpan secara tidak sah.

Saya melihat aktiviti penguatkuasaan kita masih pada tahap yang lemah dan perlu banyak ditambah baik. Ya, Pahang ni memang luas. Tapi tidak boleh dijadikan satu alasan untuk kita tidak boleh bertindak agresif kepada pencuri khazanah Pahang ini. Mahu tidak mahu aktiviti penguatkuasaan ini perlu diperhebat lagi. Saya mahu semua agensi penguatkuasaan tegas dan berani. Jalankan tugas dengan profesional tanpa mengira latar belakang pesalah.

Pada kerajaan saya, cari jalan supaya aktiviti penguatkuasaan dapat ditingkatkan lagi. Berilah bajet yang bersesuaian agar mereka dapat jalankan tugas dengan sempurna. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, terima kasih kepada kepada kerajaan saya yang telah mewartakan Hutan Simpan Gunung Ais dan Hutan Simpan Gunung Ais Tambahan sebagai Rizab Harimau Diraja Al Sultan Abdullah. Rizab Harimau Diraja ini merupakan yang pertama di Malaysia dan usaha ini harus diberikan pujian kerana Pahang paling hadapan dalam usaha melindungi spesis yang semakin terancam ini.

Gunung-ganang, tasik dan hutan dara,
Khazanah Pahang tiada terhingga,
Habitat harimau mesti dijaga,
Kelestrian hutan akan terpelihara.

Saya yakin dan percaya bahawa kelestarian alam sekitar mampu menjamin kesejahteraan kehidupan kemampanan sumber asli, kestabilan politik dan kerajaan yang memerintah serta kelangsungan pembangunan negara yang seimbang. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mahu melihat kadar jenayah komersial dan jenayah sivil di negeri saya dikurangkan setiap tahun.

Kerajaan saya harus bekerjasama dengan SPRM dan PDRM dan semua pihak dalam meningkatkan usaha bagi memastikan kadar jenayah di dalam negeri dapat dikurangkan. Baru-baru ini kita dikejutkan dengan berita kes buang bayi yang berlaku di Tanjung Lumpur, Kuantan. Kejadian ini... kejadian seperti ini adalah amat dikesali dan saya berharap kejadian menyedihkan seperti ini tidak berlarutan di negeri Pahang.

Bimbingan kaunseling yang bersesuaian serta didikan agama perlu diterapkan demi kesedaran golongan muda. Justeru, saya bertitah, semua jabatan dan agensi kerajaan berkaitan serta NGO perlu berganding bahu. Kempen-kempen kesedaran semua peringkat lapisan masyarakat hendaklah diperluas sama ada kempen secara lisan, ceramah dan media sosial, melibatkan organisasi atau agensi pendidikan untuk turut sama menyumbang ke arah pencegahan jenayah seperti buang bayi, dadah, mat rempit dan keganasan rumah tangga.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, biarlah kita bersama sama menjaga martabat dan maruah kaum wanita yang mulia. Kita sedia maklum bahawa wanita Malaysia telah banyak mencapai kejayaan dalam pelbagai bidang. Justeru, agenda pemerkasaan wanita di negeri saya sudah tentu menjadi salah satu agenda penting kerajaan dan memerlukan komitmen tinggi daripada semua pihak.

Saya menyokong langkah kerajaan saya dalam menggubal dasar wanita Pahang seterusnya mewujudkan plan tindakan bagi memastikan dasar ini dapat mencapai matlamatnya. Selain itu, saya amat gembira dengan pelaksanaan program Rumah Rakyat Pahang (RRP) sejak tahun 2020 sehingga hari ini diberikan secara percuma kepada rakyat yang layak dan memerlukan.

Saya mahu inisiatif ini diteruskan dan bilangan kelulusan Rumah Rakyat Pahang dapat ditambah lagi Insya-Allah. Ahli ahli Yang Berhormat sekalian, pembangunan Orang Kurang Upaya (OKU) juga tidak boleh dilupakan. Golongan OKU perlu sentiasa mendapat perhatian istimewa daripada kerajaan negeri. Saya menzahirkan tahniah kepada kerajaan saya atas penubuhan Majlis Penasihat OKU Negeri Pahang.

Begitu juga dengan masyarakat Orang Asli, kebajikan mereka juga hendaklah sentiasa terjaga. Dalam hal ini, saya telah berkenan agar Majlis Penasihat Orang Asli Negeri Negeri Pahang ditubuhkan supaya dapat menjadi platform bagi pembangunan Orang Asli di negeri Pahang.

Hadirin sekalian, saya ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah meluluskan lebih RM400 juta Peruntukan Tahunan Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia atau MARRIS kepada negeri saya. Menerusi peruntukan ini, saya berharap isu kerosakan jalan raya dapat diselesaikan untuk memberikan keselesaan kepada pengguna jalan raya di negeri ini.

Dari Semambu hingga ke Gebeng,
Berlopak sudah sana dan sini,
Kebajikan rakyat tak di pandang enteng,
Jalan raya pastikan dibaiki.

Saya menyeru kerajaan saya agar dapat menubuhkan *task force* dan fokus supaya proses membaik pulih jalan yang rosak ini dapat disegerakan. Janganlah nanti musim tengkujuh tiba baru tender atau sebut harga nak dikeluarkan. Saya juga menzahirkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana meneruskan projek tebatan banjir di semua negeri terlibat termasuk... termasuklah negeri Pahang. Setiap kali musim tengkujuh, ribuan rakyat saya akan terkesan teruk, justeru ianya perlu dilaksanakan dengan segera demi kepentingan rakyat saya.

Satu lagi saya nak beri nasihat, saya tidak mahu projek-projek kerajaan di negeri Pahang ini lewat jadual. Projek yang sepatutnya siap awal, rugilah kalau siap lewat. Lambat rakyat saya merasa nikmatnya. Kepada kontraktor yang melaksanakan projek projek tersebut pula, tolonglah buat betul betul guna bahan yang bermutu tinggi. Ikut spesifikasi jangan curi curi.

Ahli ahli Yang Berhormat Sekalian,

Perasmian Persidangan Dewan ini merupakan yang terakhir buat saya sebagai Pemangku Raja Pahang dalam tempoh lima tahun ini. Insya-Allah tahun hadapan Seri Paduka Ayahanda saya akan kembali sebagai Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang. Suka saya nasihatkan kepada semua ahli Yang Berhormat baik daripada kerajaan mahupun pembangkang untuk sama sama membangunkan negeri kita ini. Saya harus berikan pujian. Saya kira kajian saya sekarang dalam landasan yang betul. Hasil negeri meningkat dan ada pelbagai inisiatif yang baik untuk rakyat, namun masih ada banyak yang boleh ditambah baik. Fokus lebih kepada masalah-masalah yang dihadapi rakyat seperti masalah bekalan air, jalanraya, banjir, peluang pekerjaan, kesesakan lalu lintas, keselamatan, pembangunan belia dan sebagainya.

Kepada Pembangkang, berilah idea idea membina yang boleh membantu kerajaan. Hampir 66 tahun merdeka, landskap politik kita kena berubah. 60 tahun ini sepatutnya telah matang. Yang menjadi kerajaan, raikan pembangkang kerana mereka juga telah dipilih oleh rakyat. Peruntukan yang ada perlu diberikan kepada mereka juga. Kepada pembangkang pula, janganlah menghentam semua yang kerajaan buat. Apa yang baik berilah pujian, apa yang kurang berilah pandangan. Rakyat mahu politik yang stabil dan matang. Pahang perlu terus bergerak laju ke hadapan. Kita mesti menjadi contoh kepada negeri negeri lain dan negara lain juga.

Suka saya nasihatkan kepada Pegawai Kerajaan dan Penjawat Awam, anda semua juga perlu bergerak pantas dan laju. Kepada majikan swasta juga sama. Kerajaan telah sedia itu ini, maka pulanglah balik kepada kerajaan dalam bentuk cukai, zakat, CSR atau ESG. Apabila sudah untung lebih, jangan lupa beri semula kepada pekerja. Ada untung lebih, bayarlah gaji pekerja lebih sikit atau beri bonus yang lebih baik. Mereka sudah pasti akan berbelanja. Maka usahawan atau yang bekerja sendiri perlu dapat merasa manisnya. Hubungan simbiosis semua pihak inilah akan menjadi kunci kepada kemajuan negeri Pahang. Sama-sama kita berdoa semoga Pahang akan terus maju dan rakyatnya sentiasa makmur Insya-Allah.

Dengan lafaz suci Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan pembukaan Persidangan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Negeri Pahang ke 15 pada pagi ini. Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

SETIAUSAHA DEWAN

Ampun tuanku beribu ribu ampun, sembah patik mohon diampun. Sahibus Samahah Mufti Negeri Pahang mohon membaca doa.

MUFTI NEGERI PAHANG

Bismillahirrahmanirrahim. (Bacaan dalam Bahasa Arab). Ya Allah Ya Latif Ya Hafiz. Maha Suci Allah Yang Maha Esa yang tiada sekutu bagi-Nya dan segala pujian kepunyaannya. Dan Dialah Tuhan Yang Maha Berkuasa ke atas sesuatu. Sesungguhnya kami memohon limpahan keberkatan dan rahmat mu di Istiadat Pembukaan Penggal kedua Dewan Negeri Pahang yang Ke-15 pada pagi yang penuh keberkatan ini.

Ya Allah, jadikanlah perhimpunan kami di Dewan Yang Mulia ini usaha yang diterima, amal soleh yang dimakbulkan, perancangan yang tidak merugikan dan dosa yang diampuni dan janganlah engkau Ya Allah, biarkan perpecahan dan perselisihan di antara kami melainkan kau perkukuhkannya. Dan janganlah engkau biarkan segala hajat dan keperluan rakyat negeri ini melainkan engkau perkenankan serta permudahkan segala urusannya.

Kami bermohon kepadamu Ya Allah, Ya Dzal Fadhli Wal Ihsan dengan mengurniakan negeri Pahang kemajuan, kejayaan dan keamanan agar kami dapat hidup dengan dalam aman, sentosa dan selamat di bawah pemerintahan sultan kami Sultan Pahang selaku ketua agama dan raja pemerintah serta menjadikan rakyat sejak serta menjadikan kami rakyat yang taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada baginda Tuanku Sultan Kami. Ya Allah lindungilah negeri Pahang Darul Makmur daripada kemunduran, kejahilan, kemiskinan serta selamatkan daripada segala ancaman bala, wabak penyakit dan selamat daripada kekacauan dan huru hara. Kami juga bermohon barang dipelihara dan diredhai olehmu. Maka perkenankanlah doa kami.

Semoga engkau memberkati hari-hari pemerintahan sultan yang kami kasihi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah selaku Sultan dan Raja pemerintah bagi negeri Pahang Darul Makmur serta segala jajahan takluknya dengan dikurniakan kepada baginda, taufik, hidayah, riayah dan inayah, selamat sejahtera, sihat walafiat, lanjutkan usia dan sentiasa dalam rahmat pemeliharaanMu. Kekal memerintah bersemayam di atas singgahsana tahta Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj, Tengku Ampuan Pahang. Begitu juga kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah. Yang Amat Mulia Paduka-Paduka Anakanda Putera Puteri, cucunda dan kerabat, para pemimpin, alim ulama muslimin muslimat, serta rakyat jelata sentiasa berada dalam keselamatan dan kesejahteraan serta mendapat keredaan dan keampunan dari Mu Ya Allah. [Sambungan Bacaan Doa dalam Bahasa Arab]

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekian, dengan sempurnanya Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang sebentar tadi, maka sukacita saya menempohkan Mesyuarat Dewan ini pada hari Selasa, 9 Mei 2023, bersamaan 18 Syawal 1444 Hijrah mulai jam 9.30 pagi. Terima kasih.

SETIAUSAHA

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang berangkat meninggalkan Majlis.

[*Persidangan ditempohkan pada jam 10.25 pagi*]

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL KE-2
DEWAN NEGERI PAHANG
KE-15

HARI KEDUA
09 MEI 2023
(SELASA)

KANDUNGAN

HARI KE-2: 09 MEI 2023 (SELASA)

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	KEHADIRAN	i - iv
2	DOA	1
3	PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR	1
4	USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA PAHANG	25
5	PERBAHASAN USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA PAHANG	25
6	SAMBUNGAN PERBAHASAN USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA PAHANG	43

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KE-2
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.

Tarikh : 09 Mei 2023 (Selasa)

Masa : 9.30 Pagi

HADIR:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negeri Pahang
Dato' Sri Haji Mohd Sharkar bin Haji Shamsudin,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang
Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, - **Jelai**
SSAP., SUMW., DSAP., DIMP., SMP., AMP.
EXCO Perancangan, Kewangan, Tanah, Sumber Asli, Tenaga dan Air.
EXCO Pembangunan Ekonomi, Perladangan dan Komoditi.

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ir. Mohd Soffi bin Tan Sri Abd Razak, - **Benta**
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP.
EXCO Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan.

Yang Berhormat Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, - **Kerdau**
SSAP., DIMP., AMP., AMN.
EXCO Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa dan Hal Ehwal Orang Asli.

Yang Berhormat Dato' Mohammad Fakhruddin bin Mohd. Ariff, - **Bebar**
DSAP., DIMP., AMP., AMN., PKT.
EXCO Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan.

Yang Berhormat Tuan. Ir. Razali bin Kassim. - **Muadzam Shah**
EXCO FELDA, Koperasi dan Usahawan.

YB. Dato' Sri Johari bin Harun, - **Pelangai**
SSAP., DIMP., SMP.
EXCO Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar Dan Teknologi Hijau

Yang Berhormat Dato' Mohamad Nizar bin Dato' Sri Mohamad Najib, - **Peramu Jaya**
DSAP.
EXCO Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi Dan Inovasi

Yang Berhormat Dato' Sabariah binti Saidan, DIMP., SMP. **EXCO Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita Dan Keluarga**	-	**Guai**
Yang Berhormat Tuan Fadzli bin Mohamad Kamal, DSM., AMP. **EXCO Komunikasi Dan Multimedia, Belia, Sukan dan Badan-badan Bukan Kerajaan**	-	**Dong**
Yang Berhormat Tuan Sim Chon Siang **EXCO Hal Ehwal Pengguna Dan Sumber Manusia**	-	**Teruntum**
Yang Berhormat Cik Leong Yu Man **EXCO Perpaduan, Pelancongan Dan Kebudayaan**	-	**Triang**
Yang Berhormat Tuan Lee Chin Chen **(Timbalan Yang di-Pertua Dewan)**	-	**Bilut**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Sharif, SSAP., DSAP., DIMP., SMP.	-	**Inderapura**
Yang Berhormat Dato' Abd Aziz bin Haji Mat Kiram , DSAP., DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK.	-	**Batu Talam**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd Johari bin Haji Hussain, SSAP., DIMP., PPA.	-	**Tioman**
Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Long, DIMP.	-	**Padang Tengku**
Yang Berhormat Mohd Sharim bin Hj Md Zain	-	**Chini**
Yang Berhormat Dato' Rodzuan bin Zaaba, DIMP.	-	**Jenderak**
Yang Berhormat Tuan V Arumugam a/l A Veerappa Pillai,	-	**Sabai**
Yang Berhormat Tuan Khaizulnizam bin Mohamad Zuldin	-	**Kemayan**
Yang Berhormat Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji	-	**Tras**
Yang Berhormat Tuan Su Keong Siong	-	**Ketari**
Yang Berhormat Tuan Woo Chee Wan	-	**Mentakab**
Yang Berhormat Tuan Ho Chi Yang	-	**Tanah Rata**
Yang Berhormat Tuan Chan Chun Kuang	-	**Semambu**

Yang Berhormat Dato' Sri Tuan Ibharim bin Tuan Man SSAP., SJMK., DIMP., AMP.	-	**Cheka**
Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Abdul Jabar	-	**Tanjung Lumpur**
Yang Berhormat Tuan Haji Andansura bin Rabu	-	**Beserah**
Yang Berhormat Tuan Mohd Zakhwan bin Ahmad Badarddin	-	**Tahan**
Yang Berhormat Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud	-	**Damak**
Yang Berhormat Tuan Mohd Tarmizi bin Yahaya	-	**Panching**
Yang Berhormat Tuan Mohd Sofian bin Abd Jalil	-	**Luit**
Yang Berhormat Tuan Mujibur Rahman bin Ishak	-	**Chenor**
Yang Berhormat Tuan Shahril Azman bin Abd Halim	-	**Jengka**
Yang Berhormat Tuan Mohd Yazid bin Mohd Yunus	-	**Lepar**
Yang Berhormat Dato' Jasri bin Jamaludin, DIMP.	-	**Kuala Sentul**
Yang Berhormat Tuan Yohanis bin Ahmad	-	**Pulau Tawar**
Yang Berhormat Tuan Mohamad Ayub bin Mat Ashri	-	**Sungai Lembing**
Yang Berhormat Tuan Mohammad Rafiq Khan bin Ahmad Khan	-	**Pulau Manis**
Yang Berhormat Tuan Hasan bin Omar	-	**Lanchang**
Yang Berhormat Tuan Hassanuddin bin Salim	-	**Kuala Semantan**
Yang Berhormat Tuan Nazri bin Ahmad	-	**Bukit Ibam**

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN II PERKARA 11 UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG:

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang,
Dato' Indera Haji Zulkifli bin Haji Yaacob,
SIMP,. DSAP., DIMP., AAP., AMP.

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Pahang,
Dato' Indera Nazri bin Abu Bakar,
SIMP., DSAP., DIMP., SMP.

Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang,
Dato' Saiful Edris bin Zainuddin,
DSAP.

SETIAUSAHA MESYUARAT:

Encik Mohd Zukri bin Sidek, SMP., AMP.

Encik Muhamad Anuarudin bin Yusoff@Ahmat, AMP.

SETIAUSAHA DEWAN

Mesyuarat Pertama Penggal Ke-2 Dewan Negeri Pahang Ke-15 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari : Selasa, 9 Mei 2023
Bersamaan 18 Syawal 1444Hijriah

DOA

Perkara pertama: Bacaan doa.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Bismilahirrahmanirrahim [Ayat al-Quran]. Segala puji bagi Allah di buka Mesyuarat Dewan Negeri yang menyebut nama Allah, yang maha pemurah, yang maha mengasihani kepada-Nya terpulang segala puji- pujian. Ya Allah yang bersifat maha hikmah limpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas Raja dan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi mentadbir maslahah masyarakat pergaulan, mudah-mudahan sentosa aman makmur limpah kebahagiaan meliputi penduduk negeri Pahang ini. Ya Allah, kami sekelian hamba-Mu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan yang terutama bagi negeri serta rakyatnya sekalian.

Ya Allah berkat-Mu ke atas kami berhimpun. Dipohon anugerahkan Taufiq-Mu dipohonkan menyuluh memandukan kepada ketika kami berunding, menimbang, bertukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran, kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduknya sekalian. Ya Allah dipohon doa kami diperkenanakan. Amin Ya Rabbal A'lamin.

Baiklah, untuk meneruskan Aturan Urusan Mesyuarat pada kali ini, saya menjemput Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Sabai mengemukakan pertanyaan yang pertama.

YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

[Gangguan Audio]

> [Kerugian dan trauma yang dialami mangsa Insiden banjir Disember 2021 memang tidak terkata walau berapa pampasan dan bantuan disediakan oleh kerajaan. Projek tebatan banjir adalah langkah wajib bagi mengurangkan risiko banjir berulang. Apakah perkembangan projek tebatan banjir di seluruh negeri Pahang, khasnya di Daerah Bentong?]

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Assalamualaikum WBT. Selamat pagi salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat daripada Sabai yang nampaknya begitu prihatin berhubung dengan tebatan banjir kerana Yang Berhormat ini faham bahawa di negeri kita ini kadang-kadang Yang Berhormat Yang di-Pertua sampai 2 kali banjir.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

2 kali setahun.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Jadi, ya 2 kali setahun. Cuma hari ini soalan itu biar jelas sikit. Lazimnya, saya ingin mengemukakan soalan nombor satu [kurang jelas]. Sebab boleh jimatkan masa ni.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri Pahang melalui Jabatan Pengairan dan Saliran ataupun JPS sedang melaksanakan 4 projek merangkumi Rancangan Tebatan Banjir ataupun kita selalu sebut RTB dan Pembangunan Lembaga Sungai Bersepadu yang kita selalu sebut PLSB dengan kos keseluruhan projek sebanyak RM501.46 juta yang telah pun diluluskan. Manakala status projek-projek RPB tersebut adalah seperti berikut:

Yang pertama, tajuk projek RTB Pekan Fasa II - Parcel 2 Pembinaan *levee* Sungai Pahang. *Levee* ini *technical term* kalau tak silap saya... Dato' Sri daripada Benta ni *engineer,* ban.. ban dia lebih kurang begitulah... ban tapi bahasa cantiknya *levee*. Buat di daerah Pekan. Kod kerjanya ialah Pembangunan Lembangan Sungai dengan membina tebatan banjir sungai di kawasan Pekan serta kerja-kerja berkaitan. Status projek ini untuk makluman Yang Berhormat daripada Sabai 69%. Tarikh mula siap… tarikh mula 10 Julai 2017 dan dijangka siap sepatutnya telah siap tapi ada masalah teknikal dan kontraktor, ianya berlaku sedikit kelewatan.

Manakala yang kedua ialah PLSB Sungai Kuantan Pakej 1 - menaik taraf Sungai Belat dan membina struktur pencegah banjir. Ini di dalam daerah Kuantan. Skop kerjanya ialah pembangunan lembangan sungai dengan membina tebatan banjir sungai di kawasan Sungai Belat, Kuantan serta kerja-kerja berkaitan. Ini hampir 100% Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, iaitu 99.73%. Cumanya sekarang ini pihak kontraktor memerlukan sedikit masa lebih kurang 3 bulan bagi tujuan kemasukan bekalan elektrik.

Yang ketiga iaitu projek PLSB Sungai Kuantan Pakej 3 membina ban pencegah banjir di Perkampungan Cenderawasih serta mempertingkatkan ban sedia ada di Perkampungan Sungai Isap. Ini di daerah Kuantan dan baru bermula kerja sahaja lebih kurang 3%.

Yang keempat ialah RTB Sungai Semantan, Temerloh Fasa 1, Temerloh. Yang ini saya masih ingat Dato' Sri *Speaker*, mohon dari Kementerian. Alhamdulillah telah pun diluluskan. Iaitu membina ban tebatan banjir yang merangkumi kawasan bandar Mentakab serta kerja yang berkaitan. Ini pun baru mula sahaja lebih kurang 8%.

Manakala terdapat 3 lagi projek yang sedang dalam peringkat reka bentuk dan pelantikan kontraktor dengan anggaran kos keseluruhan sebanyak RM168.7 juta. Projek tersebut adalah seperti berikut:

Yang pertama RTB Sungai Jelai, Lipis Fasa 1 di daerah Lipis, iaitu membina ban tebatan banjir untuk kawasan di sekitar Sungai Jelai, Lipis serta kerja yang berkaitan. Status projek ini masih di peringkat reka bentuk oleh kontraktor yang dilantik oleh JPS Malaysia.

Yang kedua ialah PLSB Sungai Kuantan Pakej 2 - Sungai Pandan dan Sungai Kuantan. Skop kerjanya ialah membina ban tebatan... ban tebatan pencegah banjir di Sungai Pandan dan Sungai Kuantan di Bukit Rangin serta kerja yang berkaitan. Statusnya ialah masih di peringkat perolehan oleh JPS Malaysia. Tender telah dikeluarkan pada 11 April 2023 dan akhir sekali ialah RTB Tanjung Gahai, Lipis di

daerah Lipis, membina ban tebatan banjir yang merangkumi kawasan Tanjung Gahai serta kerja yang berkaitan. Statusnya ialah dalam proses pelantikan kontraktor oleh JPS Pahang. Ini adalah peruntukan Kerajaan Negeri dengan kos sebanyak RM7.7 juta.

Manakala bagi daerah Bentong, YB Sabai sebenarnya nak tunggu yang ini lah, daerah Bentong. Bagi daerah Bentong, Kerajaan Negeri melalui JPS telah membuat kertas permohonan cadangan RTB Bentong secara *off-budget* kepada Kerajaan Persekutuan dengan anggaran kos sebanyak RM410 juta pada tahun 2022 dan sehingga kini cadangan projek ini masih dalam tindakan Kerajaan Persekutuan. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

YB TUAN MUJIBUR RAHMAN BIN ISHAK

> [Berapakah jumlah keluasan tanah yang telah diusahakan sebagai penanaman padi di kawasan Chenor dan Negeri Pahang serta berapakah jumlah tan metrik yang dapat dihasikan dalam setahun?]

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Assalamulaikum WBT. Wakil Chenor bangkitkan tentang penanaman padi khususnya di kawasan Chenor dan di negeri Pahang iaitu berapa kawasan yang terlibat dan juga hasil jumlah tan metrik yang dapat dihasikan dalam setahun.

Yang Berhormat Dato’ Sri Yang di-Pertua,

Sebenarnya soalan ini kalau berkaitan dengan padi Yang Berhormat Dato’ Sri yang [kurang jelas] dengan izin, boleh menjawab dengan lebih *detail* penanaman padi, pengeluaran dan juga beras hasil daripada pemprosesan padi. Jadi, kalau ada soalan-soalan tambahan ya berkaitan dengan padi secara khususnya Yang Amat Berhormat Dato' Sri boleh respons ya.... antara pegawai kanan BERNAS yang cukup prihatin dan berpengalaman luas ini… isu padi.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini Dato' Sri Yang di-Pertua, luas kawasan padi di daerah Maran sendiri berjumlah 377 hektar. Luas kawasan padi yang terletak dalam kawasan DUN Chenor berjumlah 348 hektar dan baki 29 hektar lagi terletak di luar iaitu dalam kawasan DUN Luit tetap… tetapi kalau kita lihat dari segi kawasan-kawasan penanaman padi di DUN Chenor, saya nak maklumkan Paya Kertau. Paya Kertau ada 93 hektar skim kecil dipanggil er… skim kecil ini skim tak boleh tanam 2 kali setahun menggunakan.... [kurang jelas] dan sebagainya.

Paya Chenor Seberang 66 hektar, Paya Sentang 79 hektar, yang ini di luar skim, yang itu ditanam di luar skim ini ditanam sekali setahun mengharapkan air hujan. Paya Pesagi 62 hektar, Paya Baharu Bukit Cempedak 48 hektar dan dalam tahun 2022, luas kawasan er… padi di DUN Chenor ini ialah semuanya 263 hektar. Dengan hasil jumlah yang dikeluarkan 817.34 metrik tan, iaitu purata hasil lebih kurang 3.1 metrik tan per hektar dan pencapaian pengeluaran negeri Pahang bagi musim pertama pada tahun 2021/2022 adalah jumlahnya 33,464.72 metrik tan, iaitu purata hasil sehektar ialah 3.88 dan kalau kita lihat misal contoh perbandingan peringkat nasional 2020. Peringkat nasional 3.654 metrik tan per hektar dan tahun 2021, 3.768 metrik tan per hektar.

Jadi, kita Pahang 3.88 tinggi sikit pada purata nasional dan er… saya ada memaklumkan makna kalau misal contohnya kita di Pahang ni kita ada kawasan jelapang padi. Kita difahamkan kita ada kawasan yang baharu tidak satu di Rompin satu lagi di Pekan dan dikendalikan oleh IADA, IADA bukan nama orang ya. ingat IADA Pekan, IADA Rompin, IADA kita sebut 'AIDA', *Integrated Agriculture Development Authority* ataupun dengan izin ya, Agensi Pembangunan Pertanian Bersepadu Rompin dan di Pekan. Dan di Rom… di Pekan ada 6,199 hektar, di Rompin ada 2,920 hektar semuanya di bawah jelapang padi seluas 9,119 hektar. Terima kasih Yang di-Pertua.

YB TUAN MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Yang Berhormat Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua,

Saya cuma nak tahu rancangan masa depan ya. Kemudian tanaman padi ini berkaitan dengan *food security* negeri. Terima kasih.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

[GANGGUAN AUDIO]

... padi paya itu satu saya tengok itu. Mungkin nanti kalau boleh kita lihat sejarah, mengapa jadi begitu. Ada setengah tempat itu, dia cukup tempa. Tapi saya rasa itulah cabaran kita insya-Allah. Saya yakin bahawasanya ...

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

er... boleh mencelah sedikit?

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Boleh.

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Saya setuju dengan apa yang EXCO cakap tadi. Sebabnya pertanian tanah ini penting. Contohnya apabila kita melihat sendiri Musang King. Kalau kita makan Musang King di daerah Raub lebih sedap daripada kawasan lain.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Betul itu Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, betul. Bila ADUN apa nama… Tras maklum begitu, memang tepat sekali kata ...

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Dia lebih betul lagi ADUN Tras ini dengan kerajaan sekarang [ketawa].

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Bak kata orang muda-muda la, padu lah. Tapi sebenarnya saya tengok, tengok saya bagi contoh Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, ini ADUN Cheka. Macam gitu. Di kawasan saya, lain benar Yang Berhomat. Macam mana kalau kita makan keladi kemahang di kawasan Budu, di kawasan perhutanan kita tak dapat. Tapi cuba pergi ke kawasan Tanjung Lumpur, letak keladi di Tanjung Lumpur, tak merah katanya.

Maknanya hatta tanah yang sama, keladi kemahang dia kata. Sebab kawasan tertentu itu sesuai. Kalau di Budu, di Kemahal, maknanya kawasan Benta lah, insya-Allah ada juga sedikit belah-belah Raub tu, betul tak ini sahabat saya daripada er... maknanya bayangkan kalau demam itu Yang Berhormat Dato' Sri, maknanya peratus yang tidak ... tapi kalau diambil letak sekali, dia keluar pada kawasan itu, dia buat .. Maknanya kawasan tak kena, kawasan itu kena sesuai dengan tanah.

Saya ingat ini cabaran dia dan insya-Allah. Tetapi setakat ini IADA Pekan nampak ini… Rompin sedang mengusahakan penanaman padi ini secara bersungguh-sungguh. Kita terpaksa ratakan dia punya paya, dulunya dia tidak sama. Jadi bila kita bekalkan air contohnya, dia tidak sama dan yang paling utama sekali ialah sikap petani. Ini yang sebenarnya yang kadang-kadang dia tanamnya apa namanya… *variety-variety* yang dia luar daripada setengah kawalan-kawalan ataupun cadangan-cadangan daripada agensi.

Namun insya-Allah ya, pandangan daripada Yang Berhormat Cheka tadi kita ambil kira dan cabaran kita ialah untuk meningkatkan daripada 3 er... lebih metrik tan per hektar ini kepada tahap Sekinchan yang pergi 13, 14 metrik tan sehektar, yang ini kita usahakan insya-Allah.

YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

> [Berapakah jumlah terkini guru berstatus tidak tetap di Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) dan apakah usaha Kerajaan Negeri agar mereka diserap ke jawatan guru tetap?]

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan saya daripada Ibam yang mempersoalkan mengenai guru-guru sementara ataupun guru-guru yang berstatus tidak tetap di sekolah agama. Berapa ramaikah dan apakah usaha kerajaan bagi membantu mereka supaya menjawat jawatan tetap di sekolah-sekolah agama.

Sebenarnya kita ada 168 orang guru yang tidak berjawatan tetap di sekolah menengah agama. Usaha kerajaan memang banyak untuk apa… membantu sekolah-sekolah agama ini supaya perjawatan mereka itu dapat dibantu dari semasa ke semasa tetapi untuk kita maklum di Dewan Yang Mulia ini, perjawatan sebenarnya di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam Kerajaan Persekutuan.

Jadi kita boleh memohon dari semasa ke semasa untuk mendapat perjawatan yang lebih banyak supaya kita boleh tawarkan kepada guru-guru yang berjawatan tidak tetap dan guru-guru ini bolehlah memohon secara online di apa… online JPA supaya apabila ada perjawatan itu dibuka dan temuduga dipanggil mereka bolehlah, terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Soalan seterusnya.

YB TUAN HASAN BIN OMAR

[Infrastruktur - Jalan

a) Berapakah peruntukan membaiki jalan-jalan Persekutuan dan Negeri mengikut daerah-daerah dalam Negeri Pahang pada tahun 2023?

b) Mohon menurap semula jalan bermula daripada simpang Bandar Lanchang, laluan Kampung Mempatih sehingga Felda Lakum sejauh 15 kilometer.

c) Berapakah peruntukan jalan-jalan Pembangunan Luar Bandar (PLB) untuk daerah-daerah dalam Negeri Pahang?]

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Terima kasih Yang Berhormat,

Bismillahirrahmanirrahim

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

4 ini ya…. 4 lagi.

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Bismillahirrahmanirrahim, terima kasih kepada Encik Hassan daripada ADUN kawasan Lanchang kerana telah mengemukakan pertanyaan ke-4 ini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Permohonan peruntukan untuk membaiki jalan-jalan Persekutuan bagi… untuk tempoh tahun 2023, yang berjumlah RM414 juta yang kita pohon dan mengikut daerah-daerahnya, yang pertama Bentong RM19 juta, Bera RM38 juta, Cameron Highlands RM14 juta, Jerantut RM19 juta, Kuantan RM177 juta, Lipis RM45 juta, Maran RM23 juta, Pekan RM14 juta, Raub RM10 juta, Rompin RM21 juta, Temerloh RM30 juta. Tempoh peruntukan untuk tahun 2023.

Manakala permohonan peruntukan untuk Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM200 juta. Kos pembaikan jalan negeri di bawah peruntukan MARRIS di mana agihan mengikut daerah adalah seperti berikut. Yang pertamanya Bentong RM9 juta, Bera RM12 juta, Cameron Highlands RM8 juta, Jerantut RM13 juta, Kuantan RM23 juta, Lipis RM21 juta, Maran RM15 juta, Pekan RM18 juta, Raub RM19 juta, Rompin RM18 juta dan Temerloh RM25 juta.

Dan ... mengikut pecahan-pecahan daerah peruntukan yang dipohon. Bagi menjawab soalan (b) Yang di-Pertua, pihak JKR kita telah mengemukakan permohonan untuk peruntukan bagi pembaikan jalan yang sebagaimana yang ditanyakan ADUN Lanchang, kepada pihak cawangan senggara CSFJ dan JKR Malaysia pada 3 Januari 2023 untuk pertimbangan dan juga kelulusan oleh pihak Kementerian Kerja Raya dan kerja-kerja pembaikan hanya akan dilaksanakan setelah kelulusan peruntukan dari Kementerian Kerja Raya ini diluluskan kelak.

Bagi menjawab soalan (c), peruntukan jalan-jalan pembangunan buat sementara ini untuk tahun 2023 adalah bergantung kepada kelulusan yang dimohon oleh agensi-agensi berkaitan bagi daerah-daerah yang berkaitan.

Tidak tetap, maknanya bergantung kepada permohonan. Jalan-jalan kampung ke jalan… bergantung kepada permohonan daripada setiap daerah-daerah yang dikemukakan oleh wakil rakyat masing-masing.

[GANGGUAN AUDIO]

... takda atap la Tuan Yang di-Pertua, begitu juga jalan. Sebagai contoh kita beritahu. 3 tahun yang lepas, negeri Pahang kita, kita mohon RM273 juta. Kemudian diluluskan hanya RM147 juta. Hanya 47% tak cukup, tolak begitu sahaja. 2021 kita mohon RM230 juta diluluskan RM150 juta oleh Kerajaan Persekutuan dan 2022 kita mohon RM300 juta, yang diluluskan hanya RM132 juta. Tak cukup lagi nak [tidak jelas] dan benda ini berlaku seterusnya. Dan apabila jalan ini tidak diselenggara dengan baik, ia akan menyebabkan kerosakan yang lebih teruk. Jalan ini dia 7 tahun sahaja jangka hayat dia. Makna kalau daripada 2015 Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kita hanya diluluskan 40% sampai sekarang ini dah melebihi 7 tahun.

Bayangkan lah kita dalam musim tengkujuh. Musim tengkujuh, negeri Pahang dah la tak dapat bajet yang mencukupi, akhirnya hujan yang lebat jalan pun telah [tidak jelas] yang itu semua jadi tercabut. Tapi kita harapkan pada masa akan datang ni peruntukan yang lebih baik dapat kita terima untuk kerajaan negeri Pahang. Dan kita juga sedia maklum kekangan kewangan juga memainkan peranan penting dalam pengagihan peruntukan kepada kerajaan negeri. Bukan kerajaan kita je nak. Kerajaan Kelantan pun nak, Kerajaan Terengganu pun nak. Baiki jalan ni bukan kita je yang bermasalah satu Malaysia bermasalah.

Khususnya kepada pantai timur Kelantan, Terengganu, Johor, Pahang semuanya jalan bermasalah. Jadi kita haraplah tuan Yang di-Pertua dari tahap peruntukan kerajaan negeri dapat diterima untuk memastikan kualiti jalan raya di Pahang ini akan lebih bertambah baik demi masa akan datang. Sekian terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Soalan berikutnya.

YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

[Projek Perumahan Generasi Baharu Felda (PGBF) di Felda Sungai Retang

a) Projek PGBF di Sg Retang telah dijenamakan semula kepada Rumah Pahang yang diuruskan oleh Kerajaan Negeri, berapa unit yang akan dibina dan berapa unit yang telah siap?

b) Bilakah rumah tersebut mula dijual atau boleh dibeli?

c) Bagaimanakah cara jualan rumah tersebut dan apakah kelayakan untuk membelinya?

d) Sekiranya jualan rumah tersebut melalui e-Perumahan Pahang, berapa % khusus untuk generasi baru di Felda Sg Retang?

e) Bagaimanakah status pemilikan rumah tersebut? Hakmilik kekal atau pajakan?]

YB. TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM

Bismillahirrahmanirrahim Assalamulaikum WBT selamat pagi dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua begitu juga kepada Tahan yang mengemukakan soalan berkaitan dengan Projek Generasi Baharu Felda (PGBF) di Felda Sungai Retang. Soalannya ada lima sub soalan berkaitan dengan berapa unit yang akan dibina dan berapa unit telah siap. Kedua kerajaan negeri telah mengambil alih 10 tapak projek PGBF yang telah terbengkalai dari pihak FELDA untuk dibangunkan semula mulai 12 April 2021. Pembangunan semula projek ini adalah melalui kaedah kerjasama dengan pihak pemaju di mana kerajaan negeri tidak mengeluarkan sebarang peruntukan kewangan sebaliknya kerajaan negeri memperolehi penempatan dari pembangunan ini. Er... berkaitan dengan berapa unit yang di er... bina bagi projek rumah Pahang er... di FELDA Sungai Retang, sebanyak empat ratus unit akan dibina secara fasa di mana pembangunan fasa pertama melibatkan baik pulih sebanyak 104 unit dan dijangka siap pada Disember 2023.

Soalan seterusnya berkaitan dengan bila rumah tersebut mula dijual atau boleh dibeli?

Permohonan bagi rumah Pahang telah mula dibuka sebenarnya pada 11 November 2022 dan boleh dipohon melalui sistem e-Perumahan berdasarkan kelayakan-kelayakan seperti berikut:

Pertamanya, pemohon adalah dari golongan generasi kedua peneroka FELDA atau sepenuhnya menetap atau bekerja di negeri Pahang dalam rancangan berkenaan atau dalam gugusan rancangan yang sama. Seterusnya Warganegara Malaysia dan keutamaan kepada rakyat di bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang. Ketiga jumlah pendapatan seisi rumah tidak melebihi RM5,000.00 sebulan. Keempat, tidak mempunyai tanah atau rumah atau kedua-dua sekali yang didaftarkan atas nama pemohon atau suami/isteri permohonan tersebut.

Seterusnya, tidak pernah memiliki kediaman yang sama atau nama isteri dan bukan seorang peserta di bawah Rancangan Pembangunan Tanah atau Rancangan Penempatan Semula yang dianjurkan oleh kerajaan dan akhirnya yang menetap di negeri Pahang secara terus menerus selama tidak kurang pada lima tahun.

Soalan seterusnya berkaitan dengan kelayakan untuk membelinya. Er... Jualan akan dibuat melalui Perjanjian Sewa Beli, *Sales and Purchase Agreement* dengan izin, di antara pembeli dan pemaju selepas pembeli lulus semakan kelayakan sebagaimana syarat-syarat yang disebutkan tadi. Pembeli boleh memohon pinjaman perumahan menerusi Institusi Kewangan atau Syarikat Jaminan Kredit Perumahan (SJKP).

Dan soalan seterusnya Tahan bertanya tentang berapa peratus khusus untuk generasi baru di Felda Sg Retang? Pemohon adalah… pemohon *up* data melalui e-Perumahan untuk tapisan. Perhatian projek termasuk projek seratus peratus dikhususkan untuk generasi kedua FELDA atau yang menetap atau yang bekerja di dalam kawasan berkenaan sahaja atau dalam gugusan yang sama. Keutamaan diberi kepada pemohon dan kepada pemohon yang di kawasan yang sama. Jadi itu tadi tentang status pemilikan rumah sama ada status pemilikannya hak milik kekal atau pajakan. *So,* status pemilikannya adalah pajakan selama 99 tahun mengikut [tidak jelas]

YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Dato' Seri Yang di-Pertua soalan tambahan saya pertama sekali yang pertama.

[GANGGUAN AUDIO]

YB. TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM

Terima kasih. Pertama berkenaan dengan er... Pinjaman yang tidak .... untuk makluman. Pinjamanya ialah melalui institut kewangan-kewangan daripada kewangan yang dan er... kepada yang tidak memiliki slip gaji er... sebenarnya er... kita telah berusaha untuk membantu mereka-mereka yang er... mencari kaedah bagaimana untuk membantu kepada mereka yang tidak mempunyai slip gaji dan ini lah perhatian dan tindakan kerajaan membantu mereka yang tidak mempunyai slip gaji. Kemudian, berkenaan dengan *progress* kerja ... sebelum ini pihak kontraktor ada masalah. Projek bermula tahun 2021 di dalam situasi COVID-19 dan memang ada kelewatan dan kita akan tengok balik apa puncanya dan terima kasih lah kepada Tahan yang bagi… yang kemukakan soalan ni dan semak balik dengan pihak pemaju apa masalah yang dihadapi.

YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Yang Berhormat Dato' Sri. Soalan tambahan. Pada musim pilihan raya baru ni saya lihat projek itu telah dijalankan telah dimulakan tapi sekarang projek itu telah terbengkalai semula setelah sekian lama setelah saya ingat dua penggal projek terbengkalai. Jadi saya nak tahu status projek Perumahan di FELDA Bukit 1 er... Bukit Sagu 1 tu sekarang dan saya ingin penjelasan kaitan dengan apa yang disebutkan tadi er... Kerajaan tidak kerajaan negeri tidak mengeluarkan modal ke? Sebaliknya mendapat untung daripada projek tersebut. Boleh tolong jelaskan. Terima kasih.

YB. TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM

Projek yang di Bukit Sagu?

YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

FELDA Bukit Sagu 1. Eh… FELDA Bukit Sagu 2

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat nak bercakap kene berdiri. Ini bukan Mesyuarat JKK.

YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Minta Maaf Yang di-Pertua.

YB. TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM

Terima kasih kepada Sungai Lembing yang mengemukakan soalan tambahan. Yang Bukit Sagu 1 ini dia termasuk dalam sepuluh… sepuluh yang di bawah er... dengan kerajaan Kerajaan Negeri projek melalui pemaju ini. Jadi yang terbengkalai tu ialah semasa sebelum ini dan sekarang ini dah melalui pemaju dalam proses pembinaan. Jadi er... ini juga sikit akan pantaulah dari semasa ke semasa er... pastikan ia berjalan seperti dirancang. Sekian.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Seterusnya...

YB TUAN SU KEONG SIONG

[Apakah status terkini draf Rancangan Daerah Tempatan Bentong (RTD) dan Rancangan Kawasan Khas (RKK) Janda Baik? Adakah kerajaan Negeri sudi mempertimbangkan pembatalan perancangan tersebut?]

YB DATO' SRI JOHARI BIN HARUN

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. Selamat sejahtera dan selamat pagi. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Ketari atas soalan yang dikemukakan. Yang Berhormat Ketari er... bertanyakan tentang status RTD Bentong dan juga RKK Janda Baik. Jadi soalannya adalah, adakah kerajaan sudi mempertimbangkan untuk membatalkan perancangan tersebut?.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Rancangan Tempatan Daerah Bentong atau RTD 2035 in er.. ketika ini dalam proses untuk mendapatkan nombor warta, bagi pewartaan dan dimasukkan, dikuatkuasakan di daerah Bentong dan manakala Rancangan Kawasan Khas (RKK) Janda Baik, ditangguhkan buat sementara waktu bagi memberi peluang kepada Kerajaan Negeri untuk meneliti secara terperinci serta membuat menyelarasan bersama jabatan-jabatan teknikal yang terlibat.

Bagi kedua-dua rancangan ini pihak Kerajaan Negeri er... ketika ini tiada perancangan untuk membatalkan kedua-dua rancangan ini er.. untuk maklumat Yang Berhormat Ketari, RTD atau Rancangan Tempatan Daerah Betong 2035 ini merupakan Rancangan Tempatan Daerah keseluruhan bagi daerah Bentong dan ia menggantikan RTD 2020, sekarang ini yang baru RTD 2035 dan keseluruhan Bentong, Janda Baik adalah sebahagian daripada er... dalam Rancangan Tempatan Daerah 2035 inilah dan Janda Baik ialah RTD 2035 ini er... kita zonkan sebagai kawasan pelancongan.

Jadi RTD in terus dia bukan Janda Baik sahaja, ada banyak juga kawasan-kawasan di dalam daerah Bentong yang perlu kita naik taraf ataupun kita ubah, ubah suai dari tahun 2020 yang RTD sebelum ini. Jadi RTD ini kita teruskan dalam proses pewartaan. Dan manakala bagi RKK Janda Baik, ini yang menjadi isu dan er... kita... RKK Janda Baik ini memang khusus untuk Kampung Janda Baik yang dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Bentong beberapa tahun yang lalu dan RKK ini adalah proses lazim yang dilakukan oleh MITI. Untuk er... melaksanakan pembangunan secara lebih tersusun dan sistematik dan untuk Janda Baik ini, Kerajaan Negeri juga menangguhkan RKK ini setelah mendapat bantahan daripada penduduk di Kampung Janda Baik sendiri dan kita tangguhkan dan kita tidak batalkan RKK ini.

Saya secara peribadi telah er... berurusan dengan pihak-pihak yang membantah RKK ini dan kita telah berbincang dan menyatakan bahawa eloklah kita tangguhkan. Walaupun mereka meminta untuk membatalkan dan kalau kita batalkan maknanya langsung tak ada apa-apa, kita *stop* teruslah, kita berhenti teruslah. Jadi kebimbangan yang diutarakan ataupun kebimbangan yang dinyatakan oleh penduduk Kampung Janda Baik ini adalah berkaitan dengan cadangan pengambilan pengambil alihan tanah ini yang menjadi cerita kejadian tanah ini memang payah sikit lah.

Jadi mereka membantah RKK ini sebab dalam RKK ini banyak dijangkakan untuk kita mengambil alih tanah. Namun begitu, dalam RKK ini bukan sahaja pengambilan tanah, ia ada banyak lagi yang dinyatakan dalam perancangan-perancangan tersebut untuk pembangunan lebih tersusun.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, dan Yang Berhormat sekalian,

Di Janda Baik ini kalau kita tengok hari demi hari jumlah *chalet* ataupun *resort* yang er.. di yang ada di Janda Baik ini semakin bertambah. Sekarang lebih hampir ataupun hampir 200 buah *chalet* ataupun *resort* yang berada di dalam Kampung Janda Baik yang tak adalah besar mana pun. Jadi pemberian itu telah meningkat begitu drastik dalam tempoh 10 tahun. Namun kemudahan asas adalah kemudahan asas yang sama, jalan yang sama. Jadi, kalau kita tengok setiap hujung minggu er... trafik *jam* ataupun kesesakan lalu lintas begitu ketara sekali.

Jadi, lantaran itulah maknanya PBT ataupun Majlis Perbandaran Bentong kita wujudkan RKK. Benda ini penting. Jadi dengan adanya Rancangan Kawasan Khas ini tadi, banyak perkara yang kita boleh lakukan khususnya jalannya tadi. Masalah sekarang ini pembangunan yang begitu memang tidak tersusun sebabnya tidak ada pengawasan Majlis Perbandaran Bentong disitu. Jadi sebab itulah, kita pihak Kerajaan Negeri er.. tetap prihatin dengan apa juga keresahan daripada penduduk tempatan.

Namun, kita tangguhkan RKK tersebut, yang tidak kita batalkan. Supaya kita tangguh tu kita boleh berunding kita boleh buat *engagement* dengan semua pihak yang terbabit apakah yang terbaik, khusus untuk Janda Baik ini. Kalau kita tidak buat sesuatu mungkin 10 tahun akan datang keadaan akan menjadi lebih teruk. Terima kasih.

YB. SU KEONG SIONG

Kawasan tertentu memang dialu-alukan, tapi apa yang difahamkan rancangan RKK Janda Baik ini telah menimbulkan banyak kerisauan dan kebimbangan penduduk di sekitar kerana sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Pelangai ia melibatkan pengambilan tanah dan mereka risau apabila tempat ataupun kawasan yang diusahakan mereka diambil alih dan akan menjejaskan terutamanya kehidupan mata pencarian mereka dan juga secara keseluruhan, mereka bimbang corak kehidupan di situ, perkampungan dan juga keunikan Janda Baik ini akan hilang.

Jadi saya harap kerajaan dan mengalu-alukan keputusan kerajaan untuk menangguhkan projek ini agar apa tu.. *feedback* daripada [tidak jelas] berkenaan diambil sebelum kita melaksanakan sebab mereka memang khuatir pembangunan besar-besar, moden-moden di kawasan-kawasan lain mungkin adalah baik. Tapi di Janda Baik, kita perlu menjaga ekosistem dan keunikan tempat tersebut. Jadi, saya berharap dalam usaha Kerajaan Negeri untuk mendapat apa tu… pendapat dan juga *feeback* daripada mereka, kesemua isu-isu keunikan tempat itu dipertimbangkan. Kita boleh bangun satu tempat sebagai satu..

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, apa soalannya?

YB. SU KEONG SIONG

...sektor pembangunan pelancongan. Tetapi ya.. yang penting adalah soalan saya yang penting adalah kita kekal akur dan mencari tarikan keunikan tempat itu. Jadi

bagaimana kita nak cari satu kesinambungan-kesinambungan di mana sektor ini boleh dimajukan di kawasan Janda Baik tetapi tidak menjejaskan kawasan tersebut terutamanya mata pencarian penduduk-penduduk di situ.

YB DATO' SRI JOHARI BIN HARUN

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua, er.. sepertimana yang saya beritahu tadi itu, kita memang tangguhkan RKK tadi supaya kita membuat *engagement direct* dengan penduduk di Janda Baik. Kita faham bahawa apa yang dibimbangi oleh penduduk tempatan adalah pertanian pengambilan tanah. Saya juga setuju. Ini adalah cadangan, maknanya PDT ataupun Majlis Perbandaran Bentong untuk menguruskan RKK ini mereka buat proses kaedah-kaedahnya untuk apa namanya untuk menjayakan RKK ini, itu adalah cadangan dan perkara ini telah dibawa agar penyelenggaraan awam dan sebagainya itu adalah cadangan daripada pihak [tidak jelas].

Jadi er.. usaha pengambilan tanah, kita faham. Makna nombor satu sekali adalah tentang pelebaran jalan. Apabila nak melebarkan jalan sendiri Janda Baik di kebanyakan jalan yang ada itu belum diwartakan lagi. Jadi dia perlu pengambilan tanah kiri dan kanan jalan masih lagi, jalan yang ada sekarang ini adalah masih lagi jalan tanah penduduk. Jadi pengambilan tanah perlu dibuat untuk kita wartakan jalan ini secara rasmi dan kelebaran jalan tersebut ini isu utama tentang jalan.

Sekarang ini *resort* makin hari makin bertambah, tapi jalan itu lah yang ada. Nak bas, nak dua-dua berselisih kita pun akan jadi masalah. Jadi ada perkara kita juga perlu ambil perhatian dan yang kedua tentang sungai. Jadi sungai apa nak diwartakan dalam RKK tersebut? 40 meter sebelah kanan 40 meter sebelah kiri. Jadi itu perlu diwartakan. Inilah menjadi keresahan kepada penduduk di Kampung Janda Baik tadi. Maknanya 40 meter daripada tanah-tanah dekat tepi sungai ini akan diambilalih oleh kerajaan yang telah diwartakan sebagai tanah… inilah tanah kerajaan. Jadi, perkara inilah yang kita nak kena berbincang. Jadi kita faham perkara ini dan masa yang sama Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, perlunya RKK ini tadi untuk kita membangun. Sudah pasti tindakan tidaklah sampai membuat suatu pembangunan itu begitu drastik.

Sebagai contoh di Janda Baik itu dengan banyaknya orang luar datang dan juga mengunjungi resort-resort atau pun chalet tersebut. Di Janda Baik masih ada klinik desa sahaja dan tidak ada klinik kesihatan walaupun kategori yang paling bawah masih belum ada. Jadi yang terdekat, kita memang kena ke Bentong lah. Ambulans pun tak ada, kalau ada pun kecemasan. Jadi perkara inilah yang saya fikir kerajaan memang telah mengkaji perkara ini perlu kita adakan RKK ini.

Namun kita tangguhkan seperti yang saya cakap tadi kita ambil kira segala Yang Berhormat bagitahu tadi bahawa kita perlu buat sedikitlah *engagement* dan juga kesedaran daripada bersama dengan perunding yang baik. Insya-Allah, apa pun kerajaan yang prihatin di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sekali lagi tetap akan mengambil kira apa yang disuarakan, apa yang diresahkan oleh penduduk di dalam seluruh negeri Pahang ini. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat, sikit je.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Silakan Yang Amat Berhormat.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang pertama sekali apabila Kerajaan Negeri mendapat aduan daripada penduduk di kawasan Janda Baik dan sebagai kerajaan yang prihatin kita terima aduan itu dan kita tangguhkan. Dan selepas ditangguhkan, saya telah buat kajian dengan ketua-ketua jabatan di Cameron, kita dapati kawasan ini memang ada sebab kita tangguhkan [tidak jelas]. Yang kedua ialah ada [audio tidak jelas] yang melanggar syarat [tidak jelas].Dan yang ketiga ialah keselamatan. Ini adalah alasan kukuh kerana kita tidak mahu berlaku seperti mana yang berlaku di Batang Kali, Yang Berhormat Yang di-Pertua. Kalau berlaku, Nauzubillah minta dijauhkan [tidak jelas] jadi atas dasar itulah, atas dasar keselamatan [tidak jelas] Kita akan perhati dan kita akan lihat perkara ini [tidak jelas] Terima kasih Yang Berhormat.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat telah mendapat penjelasan panjang lebar daripada pihak kerajaan. Seterusnya soalan ke-7, Wakil daripada Beserah.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera. Yang di-Pertua, terima kasih. Saya kemukakan soalan nombor 7.

[Mohon nyatakan
a) Jumlah pelaburan asing baharu yang diterima oleh Negeri Pahang untuk tahun 2021 dan 2022 ?

b) Bagaimanakah agihan pelaburan baharu itu mengikut daerah serta jenis-jenis sektor yang terlibat ?
c) Apakah inisiatif kerajaan untuk menarik pelaburan baharu untuk tahun 2023 ?

YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT saya ucapkan kepada Dato' Sri Yang di-Pertua dan terima kasih kepada YB Beserah yang kemukakan soalan nombor 7. Soalan ini terbahagi kepada 3 bahagian. 7(a) bertanyakan jumlah pelaburan asing baru yang diterima oleh negeri Pahang untuk tahun 2021 dan 2022.

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah pelaburan asing yang diterima dan diluluskan pada tahun 2021 adalah sebanyak RM10.5 bilion, manakala bagi tahun 2022 adalah sebanyak RM11.1 bilion.

Soalan 7 (b) bertanyakan bagaimanakah agihan pelaburan baru itu mengikut daerah dan juga jenis-jenis sektor yang terlibat.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Berdasarkan pecahan tersebut, antara sektor yang terlibat bagi tahun 2021 adalah sektor perkhidmatan dan sektor pembuatan. Pelaburan-pelaburan tersebut tertumpu di Bentong dan Gebeng. Manakala bagi tahun 2022 sektor pembuatan, sektor perkhidmatan, sektor penternakan serta sektor pelancongan yang menyumbang kepada pelaburan negeri Pahang ini tertumpu di Pekan, Kuantan dan Rompin.

Soalan 7 (c) apakah inisiatif kerajaan untuk menarik pelaburan baru untuk tahun 2023?

Bagi menarik lebih ramai pelabur antarabangsa ke negeri Pahang, Kerajaan Negeri membuka peluang perbincangan kerjasama melalui Lawatan Hormat dari kedutaan asing di Malaysia. Perbincangan antara kerajaan negeri dan pihak kedutaan diharap dapat membuka peluang kerjasama dua hala di mana mengikut kepakaran dan ruang dapat diterokai daripada negara tersebut.

Selain itu, perbincangan melibatkan agensi-agensi kerajaan, agensi-agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan seperti MITI dan MIDA bersama sama pelabur berpotensi juga giat dijalankan bagi meyakinkan pihak pelabur untuk memilih Pahang sebagai destinasi utama pelaburan. Melalui perbincangan tersebut juga, agensi-agensi yang terlibat akan memastikan keperluan pelabur diutamakan berdasarkan kesesuaian misi pelaburan ke negara negara yang telah dikenal pasti juga diadakan bagi meluaskan peluang pelaburan yang sedia ada.

Antara kerjasama negara luar yang berjaya dicapai berdasarkan inisiatif-inisiatif tersebut adalah dari Switzerland, Uzbekistan dan juga China. Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Setiausaha Kerajaan (PSK) juga mewujudkan laman sesawang Invest Pahang, di mana kami memperkenalkan dengan izin, *Location Centric Approach* di mana para pelabur dijemput untuk melabur mengikut lokasi.

Sebagai contoh, taman industri di Pekan memang sesuai untuk industri automotif dan taman industri di Gebeng sesuai untuk industri berat dan ringan. Ini adalah antara usaha usaha untuk mempromosikan peluang pelaburan di negeri Pahang. Bahagian pelaburan dan penswastaan juga sedang meneliti beberapa cadangan insentif pelaburan yang belum dimuktamadkan dan kami mengharapkan melalui inisiatif baharu yang bakal ditawarkan ini kita juga dapat meningkatkan nilai pelaburan di negeri Pahang. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih kepada Wakil Kerajaan yang telah menjawab soalan yang dikemukakan cuma saya ingin mengemukakan soalan tambahan. Yang pertama, angka yang diberikan tadi, jumlah pelaburan 2022 sebanyak RM11 bilion berbanding dengan angka yang kita ada di sini. Saya terima daripada masa kita buat pemukiman RM20.6 bilion untuk tahun 2022. Bermakna ia *initiation rate* atau pun kadar kita boleh merealisasikan komitmen untuk pelaburan hanya 50%. Maknanya RM11 bilion berbanding dengan RM20 bilion komitmen besar. Maknanya ada separuh daripada mereka mungkin sama ada tidak jadi nak melabur atau pun masih lagi dalam proses nak mempertimbangkan pelaburan masa depan.

Cuma persoalan saya seterusnya apakah yang diutamakan Kerajaan Negeri Pahang terhadap pelaburan asing ini. Dimanakah sektor strategik, *future industries* atau pun *future mix* yang perlu kita berikan tumpuan. Contohnya, apa yang berlaku pada hari ini. Contohnya semalam kita dapati bahawa pihak kerajaan pusat Aussie telah membatalkan rayuan, telah menolak rayuan Lynas itu untuk nak meneruskan operasi. Tidakkah itu akan menjejaskan sentimen atau persepsi pelabur kerana ini telah

memberikan kesan buruk kerana kerajaan membuat keputusan berdasarkan persepsi, bukan fakta. Jadi ini akan menjejaskan usaha Kerajaan Negeri. Bila kita nak tarik orang melabur tapi dalam masa yang sama, kita batalkan lesen dia, kilang dia kena tutup. Bayangkan Lynas kena potong kepala, macam mana dia nak hidup?

Syarat yang diberikan itu supaya tutup kilang [tidak jelas] ini adalah kepala. Cuma ada [tidak jelas] sahaja. Yang ini adalah *industry future*. [tidak jelas] adalah merupakan industri yang paling utama masa depan. Kita bercakap soal alternatif, *source of energy* [tidak jelas] (dengan izin). Jadi, kalau kita tidak ambil peluang ini dengan *double standard*, apa kata kalau pelabur-pelabur asing yang lain datang. Kita minta juga *waste* dia hantar balik. Adakah mereka akan melabur di sini? Yang ini saya anggap hala tuju kita mesti jelas dan saya nak tanya apakah hala tuju kita? Di manakah *target* kita untuk industri-industri yang ada potensi masa depan, ada kompetatif *advantage* untuk negeri Pahang, terima kasih.

YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Terima kasih kepada YB. Beserah yang menanyakan soalan tambahan er… berkenaan dengan isu Lynas itu saya difahamkan pihak universiti telah memberi *extension timeline* kepada pihak Lynas untuk mematuhi syarat-syarat alam sekitar yang telah dikenakan oleh *Atomic License Agency*. Saya faham er… kerisauan YB dan juga penduduk-penduduk kampung di… walaupun dengan apa kerisauan pekerja-pekerja di sana tetapi kita perlu mengimbangi apa tu… kebimbangan masyarakat di sana mengenai *radioactive wastre* dengan izin, dan er… saya rasa keputusan kerajaan untuk memberi *extension timeline* dengan izin, apa tu adalah memadai supaya Lynas akan diberi masa untuk membuktikan, bahawasanya tidak ada bahan radioaktif yang membahayakan penduduk setempat.

Dari segi halatuju pelaburan, kita juga menggalakkan pelaburan dari pelbagai industri. Terutama sekali industri-industri berat, dan saya bagi contoh baru-baru ini, Kerajaan Negeri telah pergi ke New Zealand untuk memuktamadkan perjanjian dengan syarikat Sea Lake, syarikat yang membuat bot amfibia di mana syarikat tersebut berminat untuk berpindah lokasi ke negeri Pahang. Di mana mereka melihat Pahang mempunyai *cost structure-cost structure* dengan izin, yang lebih rendah dari segi gaji minima dan juga mempunyai potensi untuk menjadi pintu gerbang kepada Asia Pasifik. Sebab mereka mempunyai *structure cost* yang lebih besar di New Zealand, dengan memindahkan operasi mereka, ia akan memudahkan mereka untuk… untuk memasarkan bot-bot amfibia tersebut kepada pasaran baru seperti US dan juga Asia Pasifik.

Jadi pelaburan-pelaburan sebegini kita patut er… menggalakkan ke negeri Pahang dan kita juga sedia maklum ada begitu banyak syarikat-syarikat yang ingin berpindah lokasi daripada negeri-negeri China ke lokasi di Asia Tenggara atas pelbagai faktor dan mungkin kita boleh menggalakkan mereka melabur ke negeri Pahang juga.

Er… jadi itulah sedikit sebanyak apa itu… penjelasan daripada saya. Kita ada banyak insentif juga yang kita perlu tarik untuk er… untuk apa… merancakkan lagi pelaburan di negeri Pahang ini dan pelbagai insentif telah disediakan. Terima kasih.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Terima kasih Yang di-Pertua. Tahniah kepada kerajaan yang telah berusaha menarik pelabur luar ke negeri Pahang walaupun di waktu yang sama sebagaimana dibangkitkan oleh Beserah kebimbangan tetap ada dan saya mengharapkan Kerajaan

Pahang berusaha semaksimum mungkin bagi mempertahankan kilang Lynas. Mekanisme perlu dicari bagi melibatkan penyelesaian yang menyeluruh. Bagi pihak saya, kementerian, kita membantu meletakkan pusat simpanan bersebelahan dengan kilang yang ada. Ini yang kita cuba buat.

Saya nak bertanya ialah soal projek… status Projek Petrokimia Tanjung Agas. Ia telah mendatangkan satu… saya kira projek ini gagal dan tidak ada sebarang perancangan. Waallahualam. Boleh saya mendapatkan penjelasan tentang status Projek Petrokimia Tanjung Agas. [tidak jelas] tindakan dan saya kira perancangan itu terpaksa diubah kepada benda lain. Mungkin Kerajaan Negeri boleh mendapatkan penjelasan tentang status Projek Petrokimia Tanjung Agas. Status terkini dan status perancangan.

YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Terima kasih kepada YB. ADUN Cheka. Dato' Sri Yang di-Pertua, untuk pertanyaan soalan ini saya perlu semakan fakta terkini dan kita akan kemukakan secara bertulis kepada YB. ADUN Cheka. Terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Soalan seterusnya, kita pergi kepada soalan nombor 8. Sila ADUN er… Wakil daripada Tanjung Lumpur.

YB. TUAN HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Assalamualaikum WBT, Yang Berhormat Yang di-Pertua, soalan saya nombor 8.

[Berkaitan Kemiskinan.

a) Apakah kriteria yg melayakkan seseorang dikategorikan sebagai miskin dan
miskin tegar?

b) Bolehkah dinyatakan berapa jumlah pendapatan isi rumah dan per kapita yang melayakkan seseorang untuk dikategorikan sebagai miskin dan miskin tegar?

c) Mohon diberikan satu garis panduan kemiskinan termasuk miskin bandar dan
miskin luar bandar?]

YB DATO' SABARIAH BINTI SAIDAN

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, Setiausaha, Yang Berhormat ADUN Tanjung Lumpur. Terima kasih dengan pertanyaan. Okey. Pertanyaan nombor lapan ada tiga. Biar saya jelaskan. Yang 8(a), yang ditanyakan oleh ADUN Tanjung Lumpur. Apakah kriteria yg melayakkan seseorang dikategorikan sebagai miskin atau miskin tegar?

Untuk makluman, Yang Berhormat Tanjung Lumpur ya, kategori…kriterianya ada dua sahaja iaitu warganegara dan juga bermastautin di Malaysia, dan untuk soalan 8(b), bolehkah dinyatakan berapa jumlah pendapatan isi rumah dan perkapita yang melayakkan seseorang untuk dikategorikan sebagai miskin dan miskin tegar. Okey, untuk soalan tersebut untuk lebih faham. Bagi kawasan bandar, jumlah pendapatan isi

rumah berjumlah RM2,344.00 ke bawah adalah dikategorikan sebagai miskin dan pendapatan isi rumah RM1,265.00 ke bawah adalah miskin tegar.

Manakala untuk kawasan luar bandar pula, jumlah pendapatan isi rumah yang dikategorikan sebagai miskin adalah RM2,148.00 dan pendapatan isi rumah RM1,093.00 adalah untuk miskin tegar, dan perkapitanya adalah RM653.00 untuk bandar dan RM540.00 untuk luar bandar.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Seterusnya jawapan untuk 8(c). Mohon berikan satu garis panduan kemiskinan termasuk miskin bandar dan miskin luar bandar. Okey, untuk jawapan tersebut adalah, Garis Panduan untuk Miskin Bandar adalah yang berpendapatan sebanyak RM2,344.00 dan kebawah dan untuk luar bandar adalah RM2,146.00 dan kebawah. Manakala pendapatan perkapitanya adalah RM653.00 untuk bandar dan RM590.00 untuk luar bandar. Sekian Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Soalan Tambahan. [tidak jelas] Mohon pihak Kerajaan dapatkan keluarkan data [tidak jelas] orang miskin negeri Pahang ini.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Itu Yang Berhormat sebenarnya tengok di internet je. Soalan yang macam tu, tengok di internet, tengok di *google*. Kita *google* je, boleh dapat semua itu. Nak bagi tahulah.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Yang di-Pertua, saya minta soalan tambahan satu. Saya tengok, ni…ni *general* ya. Kebanyakan ukuran dibuat berdasarkan pendapatan perkapita bukan beban yang ditanggung oleh keluarga. Jadi oleh kerana itu, saya dapati kategori-kategori miskin tegar kerana jumlah pendapatannya adalah RM663.00. Sedangkan beban dia, anak dia, rumah sewa, kos-kos lain perlu diambil kira. Kerajaan Pusat telah pun mengumumkan hujung tahun ini, dia akan tamatkan, noktahkan miskin tegar dan kita harapkan Pahang juga termasuk dalam usaha ini, insya- Allah. Cuma saya fikir selain daripada ini, faktor pendapatan. Faktor-faktor tanggungan yang dihadapi setiap keluarga juga perlu diambil kira. Sekian, terima kasih.

YB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Saya mohon mencelah, Yang Berhormat Yang di-Pertua, setahu sayalah Yang Berhormat Dato' Sri, pendapatan perkapita termasuklah. Jadi tidak ada isu. Dan keduanya Yang Hormat Dato' Sri Yang di-Pertua, lazimnya biasanya bantuan, kadang kala ada masa kita pergi ke rumah, bukannya kita tengok ada kereta tak. JKM akan pergi rumah ke rumah. Walaupun kita masukkan dalam perbelanjaan negeri tapi disebabkan ada unsur-unsur lain yang menimbulkan bebanan kepada keluarga tersebut, yang itupun kerajaan Negeri [tidak jelas]. Terima kasih Yang Hormat Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Soalan seterusnya. Soalan yang kesembilan. Sila daripada Adun Kawasan Padang Tengku.

YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Assalamualaikum WBT, Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua,

Buah Betik Buah Peria,
Walaupun Pahit tetap ditelan,
Tahniah dilantik EXCO Belia,
Soalan saya nombor sembilan.

[Daerah Lipis tidak mempunyai kemudahan khusus dan lengkap untuk anak-anak muda melaksanakan aktiviti sukan dan sosial sebagaimana yang ada di daerah-daerah yang lain.]

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Bismillahirahmanirahim. (Bacaan dalam Bahasa Arab) Assalamualaikum WBT dan Salam sejahtera, Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Soalan daripada YB Kawasan Padang Tengku adalah mengenai kemudahan khusus dan lengkap untuk anak-anak muda melaksanakan aktiviti sukan dan sosial di Lipis perancangan kerajaan Negeri untuk membina sebuah pusat seperti Kompleks Rakan Muda atau Kompleks Sukan daerah Lipis.

Yang Hormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Jabatan Belia Sukan Negeri Pahang mengambil maklum dengan penuh keyakinan berkenaan sesi sukan seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat Padang Tengku. Kebanyakan program sukan yang dinyatakan dari daerah Lipis keadaan fasilitis sedia ada padang sekolah, padang awam mahu pun dewan serta kemudahan sukan yang dimiliki oleh Majlis Daerah Lipis. Selain itu Lipis juga memiliki Kem Wawasan Negara bertempat di Jalan Kuala Lipis, Padang Tengku bagi pelaksanaan program-program pembangunan anak muda dan belia termasuk yang melibatkan kursus-kursus serta latihan-latihan kemahiran serta sasiah.

Dalam pada itu, daerah Lipis juga mempunyai Institut Pendidikan Guru yang mempunyai peralatan sukan yang cukup lengkap untuk pelaksanan program-program sukan dan pembangunan belia. Bagaimanapun bagi memenuhi keperluan semasa, pihak Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pahang bersama Kementerian Belia dan Sukan Malaysia telah membuat lawatan tapak Padang Tembak Semboyan bagi meninjau ke tapak cadangan pembinaan kompleks sukan negeri daerah Lipis pada tahun lalu dan telah menyenaraikan projek ini sebagai antara keutamaan Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pahang.

Justeru, permohonan peruntukan sebanyak RM20 juta bagi pelaksanaan projek ini dalam Royal Plan tiga Rancangan Malaysia Ke-12 telah diangkat untuk tindakan lanjut pihak Kementerian Belia dan Sukan. Dan kerajaan Negeri telah dimaklumkan bahawa Permohonan pembinaan projek ini telah dihantar kepada pihak Unit Perancangan Ekonomi Negeri untuk dipertimbang bagi kelulusan peruntukan. Sehingga kini, pihak Kementerian Belia dan Sukan Malaysia tidak menerima keputusan dari pihak EPU.

Sementara itu, kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Pahang tetap memberi tumpuan kepada bakat sukan yang ada di kalangan anak muda di daerah Lipis. Setakat ini terdapat dua sukan utama yang dibangunkan di Lipis iaitu bola sepak dan sepak takraw. Majlis Sukan Pahang dengan kerjasama Persatuan Sepak Takraw Pahang dan Jabatan Pendidikan Negeri Pahang telah mewujudkan program Pembangunan

Sukan Sepak Takraw di SK Sekolah Kebangsaan RPS Betau. Program ini memberi tumpuan kepada pembangunan atlet wanita dan Orang Asli di kawasan daerah Lipis yang melibatkan umur 13 hingga 16 tahun.

Sementara itu, bagi sukan bola sepak, terdapat satu program khusus iaitu Pusat Latihan Daerah. Program Pembangunan Bola Sepak Kebangsaan atau NFDP telah diwujudkan di Sekolah Menengah Kebangsaan Clifford. Seramai 100 orang atlet lelaki dilatih pelbagai peringkat umur iaitu 13 hingga 17 tahun terlibat dalam penganjuran program ini. Pusat ini memulakan fasiliti sedia ada di Sekolah Menengah Kebangsaan Clifford termasuk penginapan di asrama sekolah tersebut. Terima kasih.

YB DATO' MUSTAPA BIN HAJI LONG

Terima kasih kepada jawapan yang diberikan oleh EXCO. Untuk makluman daripada pembinaan Kem Wawasan Negara dan juga IPT untuk makluman sahaja dan untuk makluman tidak dapt digunakan IPT tempatan sebab ia memang ada program-program yang dianjurkan peringkat kementerian pusat Pusat. Masalah sekarang ini kita memang tidak ada satu pusat pun nak berbanding dengan daerah yang lain. Justeru itu kita memang menunggu program ini ataupun pusat ini akan dilaksanakan dan sementara untuk menunggu itu saya nak mencadangkan atau mungkin juga satu pertanyaan juga.

Bolehkah kerajaan bekerjasama dengan Majlis Daerah umpamanya, jika ada satu dewan yang di dewan Majlis Daerah di Padang Tengku yang penggunaannya sangat terhad dan tidak aktif. Jadi, kalau dewan itu boleh kita selenggarakan dengan menaik taraf dan kita dapat menggunakan sebagai pusat ini dan di situ sebenarnya berdekatan dengan beberapa kemudahan yang lain. Di sebelahnya ada padang bola, ada dua gelanggang gasing, ada petanque, ada dewan terbuka yang diluluskan oleh pertandingan atau permainan sepak takraw dan juga bola tampar. Dan saya kira untuk sementara menunggu projek-projek yang tak tahu bila dan sebab apabila saya tanya Jabatan Belia dan Sukan, mereka menjawab dah hantar permohonan tetapi kelulusan tidak pasti.

Oleh itu itu saya harapkan bagi menampung keperluan yang mendesak bagi penduduk-penduduk di kawasan di sini. Saya cadangkan supaya dipertimbangkan apa yang telah saya sebutkan. Terima kasih.

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Yang Berhormat Dato’ Sri Yang di-Pertua,

Untuk permohonan kompleks kami di Lipis yang saya nyatakan tadi Yang Berhormat, saya sendiri akan membuat susulan dengan pihak EPU dan juga Kementerian Belia dan Sukan untuk dapat jawapan lebih tepat kepada mereka. Berkenaan dengan cadangan untuk bangunkan satu dewan setanding dengan prasarana di Lipis, Saya perlu turun padang bertemu dengan pihak Yang Berhormat sendiri dan juga wakil daripada PDT Lipis untuk melihat kesesuaian lokasi atau prasarana tersebut, insya-Allah Yang Berhormat. Terima kasih Dato’ Sri Yang di-Pertua.

YB TUAN HO CHI YANG

Terima kasih Dato’ Sri Yang di-Pertua. Saya amat bersetuju dengan cadangan yang dikemukakan oleh Padang Tengku tadi, bahawa sekiranya tiada fasiliti sukan boleh kita kurniakan seperti dewan orang ramai untuk menaik taraf agar memberi fasiliti,

sama ada secara sementara atau *permanent* kepada orang ramai. Jadi soalan saya, setahu saya, ada juga masalah yang sama di daerah lain seperti Cameron Highlands, di mana contoh seperti Lembah Bertam Cameron Highlands, gelanggang bola keranjang telah dirobohkan untuk memberi laluan kepada projek tebatan banjir tetapi kerajaan masih belum membina semula gelanggang bola keranjang. Jadi, sama ada pihak kerajaan negeri atau ECXO Belia boleh memberi pertimbangan untuk menaik taraf fasiliti seperti Dewan Orang ramai di Lembah Bertam Cameron dan juga di daerah-daerah lain. Terima kasih.

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Terima kasih ADUN Tanah Rata atas soalan yang dikemukakan sebentar tadi. Untuk kita *upgrade* fasaliti kemudahan sukan ia ada *spec* tertentu yang perlu kita patuhi. Jadi saya tidak boleh jawab terus soalan ini sebab saya perlu bersama dengan pihak Majlis Sukan Pahang misalnya dan Ahli Yang Berhormat dan tengok kesesuaian. Nanti kalau kita ambil untuk fasiliti sukan, orang ramai nak buat kenduri kahwin di dewan tersebut contohnya, tak dapat. Jadinya tidak boleh bagi jawapan terus kena tengok kesesuaian *spec* dan sebagainya. Terima kasih Yang Berhormat, Terima kasih Dato' Sri.

YB DATO' ABD AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Assalamualaikum WBT Dato' Sri , Soalan saya nombor sepuluh**.**

> [Berapakah jumlah kes tuntutan pengguna melalui Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia yang telah diselesaikan di Negeri Pahang untuk tahun 2018 hingga kini dan apakah kategori kes tuntutan yang tinggi?]

YB TUAN SIM CHON SIANG

Salam sejahtera semua, Yang Berhormat Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Batu Talam kawan saya yang bertanyakan soalan terhadap tribunal. Untuk kenyataan Yang Berhormat semua, untuk tahun 2018, sebanyak 153 kes. Untuk 2019, 167 kes. Untuk tahun 2020 sebanyak 136 kes. Untuk 2021, sebanyak 130 kes, untuk tahun 2022 sebanyak 231 kes.

Soalan untuk… apakah kategori kes tuntutan yang tertinggi. Untuk makluman semua, tuntutan kes yang paling banyak adalah pakej umrah sebanyak 99 kes, untuk telefon sebanyak 78 kes, untuk kereta 70 kes dan untuk bengkel kereta, 68 kes. Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua.

YB DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita bagi pihak masyarakat, maknanya ada di antara negeri bagi sesuatu kes dia agak lama, bolehkah saya nak tahu berapa lamakah tempoh masa yang diambil untuk nak memproses satu-satu kes? Yang keduanya, berapakah banyak kes itu yang telah diselesaikan. Kalau mengikut ini, mengikut tahunnya semua lebih daripada lebih 100. Daripada lebih daripada 100 ini, berapa banyak kah kes ini yang telah di selesaikan?

Yang keduanya saya ingin tahu juga, berapa kalikah tribunal ini bersidang? Kerana ini melibatkan sebahagian daripada pengadu tertunggu-tunggu kerana ia mengambil masa yang begitu lama. Jadi berapa kalikah tribunal ini bersidang?

Yang ketiganya, apakah pendekatan proaktif yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk nak memberitahu ataupun menggalakkan masyarakat khasnya di kampung-kampung tradisional, kampung Orang Asli kerana mungkin sebahagian daripada kita mendapat akses internet yang agak baik tetapi bagi kampung-kampung tradisional dan kampung Orang Asli dia dari segi akses internet ini dia kurang. Jadi apakah ini pendekatan proaktif kerajaan untuk nak memaklumkan memberitahu kepada ini… masyarakat bagi mereka menggunakan tribunal ini bagi tujuan [tidak jelas]. Sekian, terima kasih.

YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih, soalan tambahan. Untuk menjawab, berapa hari tribunal bersidang. Untuk makluman semua, setiap minggu kita bersidang. Okey, untuk menyelesaikan semua kes. Dan untuk satu kes, kalau boleh kita cuba nak selesai dalam tiga bulan. Yang tadi yang saya bangkit itu, semua kes yang tadi yang bawak 99 kes, untuk kereta semua selesai. Kita semua selesai. Okey dan untuk kampung Orang Asli, kampung tradisional ini, untuk makluman semua, kalau kes di tribunal ini tidak melebihi RM50,000.00, dia boleh bawa ke tribunal. Untunglah kebijaksanaan pengguna. Kalau ada kes-kes ini sebenarnya tidak bawa ke mahkamah, boleh dibawa ke tribunal. Tapi ramai rakyat tidak tahu. Inilah kerja-kerja ADUN perlu bagitahu kepada penduduk setempat. Kalau ada kes, bawaklah ke tribunal. Tak payah cari *lawyer* pun. Terima kasih Yang di-Pertua.

YB DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Maksud saya tadi *progress*, contoh program-program ini di kampung-kampung tradisional nak memaklumkan kepada masyarakat di kampung. Kita lihat kuranglah program-program yang diadakan di kampung-kampung untuk menegakkan ataupun nak memberitahu kepada masyarakat setempat. Yang keduanya, di daerah Raub... saya sendiri mendapat maklum daripada pihak polis, pada tahun lepas sahaja, kes *scammer* ini melibatkan wang wang sebanyak RM4 juta, ni kena tipu. Dan pada tahun ini sehingga Mac, lebih kurang RM800,00.00 yang telah terlibat dalam kes *scammer.* Jadi saya nak tahu adakah kes *scammer* ini termasuk di dalam [tidak jelas].

YB TUAN SIM CHON SIANG

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Kalau kes lebih yang tadi saya katakan, untuk tribunal, kita hanya boleh terima kes tidak melebihi RM50,000. Kalau kes lebih RM50,000 kalau RM60,000 kita pun boleh terima. Tapi tuntutan hanya tidak boleh melebihi RM50,000. Kalau untuk yang kena *scammer* tu, itulah jadi kes polis. KPDN akan cuba turun, kalau kita boleh bantu, kita bantu.

Di pejabat daerah Raub juga kita ada pejabat. Kalau sesiapa yang perlukan bantuan dari KPDN sila ke pejabat. Kalau tidak, boleh *call* saya jugak. Saya kemukakan telefon saya yang saya janjikan sebelum ini... 012-9818819. *Call* saya. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, ada orang nak berkenalan ni. [Ahli Dewan ketawa]. Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian....

YB TUAN SIM CHON SIANG

Yang Berhormat Yang di-Pertua... sekejap ya. Baru-baru ini maaf ya. Saya... i... saya ingat semua orang tahu ni, saya ramai *scammer*. Di Mynmar, di Cambodia, juga isu pemerdangangan manusia. Kalau semua orang tahulah, untuk makluman Yang di-Pertua. Yang kena tipu ini, bukan 200,000 aje... 800,000 pun ada... juta-juta pun ada. Kalau ini orang tamak, kita tak boleh tolong. Kita dah bagi tahu jangan terpedaya dengan *scammer -scammer* ini. Tapi orang masih... Macam kita cakap pemerdagangan manusia ini bahaya di Myanmar, di Cambodia. Jangan pergi kerja. Tapi orang masih pergi. Apa kita boleh buat. Kalau kita dah cakap dengan penduduk... dia tak mahu dengar.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Nak mencelah sikit. Yang Berhormat Yang di-Pertua, nak mencelah sikit. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya tahu wakil Kerajaan dia pernah pergi menyelamatkan beberapa orang yang telah menjadi mangsalah. Minta Yang Berhormat berkongsi sikit pengalaman beliau semasa operasi menyelamat.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila Yang Berhormat, pergi ke Myanmar, pergi ke sempadan Thailand dan Myanmar.

YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasihlah, ini keluar tajuk ini. [Ahli Dewan ketawa]. Tak apa-tak apa, kita kongsi beramai-ramai.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, Yang Berhormat. Ianya boleh keluar tajuk di atas kebenaran Yang di-Pertua Dewan. [Ahli Dewan ketawa]. Keputusan Yang di-Pertua Dewan adalah muktamad. Sila. Kita nak dengar sebenarnya. Ini satu perkara yang menarik.

YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Sebenarnya kes pemerdagangan manusia ini bermula dari Filipina. Untuk pertama kali. Mungkin selama 10 tahun dahulu dah mula. Lepas itu, yang Filipina ini… ada satu presiden yang begitu kuat. [tidak jelas] kalau tak silap nama dia. Dia itu keras sikit, dia lawan sindiket. Itu sebab, semua orang pindah, pindah ke mana? pindah ke Cambodia. Lepas itu pindah ke Cambodia ini, [tidak jelas] memang tempatlah lahirlah ini… gangster dengan sindiket [tidak jelas].

Itu sebab... kita... dia menarik orang semasa... sebelum ini, sebelum 2019 memang perkara ini belum bangkit lagi atas ekonomi yang baik dan tempat itu tidak perlu buat *scammer* pun. Dan selepas itu, selepas COVID ini, ramai yang *bussines* dia jatuh dan terpaksa digunakan *scammer* ini sebagai pendapatan mereka. Inilah puncanya. Lepas itu, kalau *scammer* ni atau sindiket ini… kalau boleh kita cari tempat kerajaan yang lebih tidak apa tu… tidak berkesan seperti macam Mynmar. Di Kemboja sekarang,

scammer atau sindiket ini dikurangkan sebab kerajaan ambik tegas terhadap sindiket-sindiket…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ambil tindakan…

YB TUAN SIM CHON SIANG

Ambil tindakan. *So,* mereka tangkap dan sekarang semuanya berada di kawasan Myanmar seperti Myawaddy dan Pacilli dan Maulm, kalau tak silap saya. Itu tempat yang utama untuk pemerdagangan manusia, tempat inilah tempat yang seperti di dewan inilah tempat jual organ. Okey sindiket ini dia… dia di cuba hebat sangatlah *you* sampai ke sana kalau apa tu yang mangsa sampai ke sana, yang pertamanya dia cek darah, cek kesihatan dia dan er… dia simpankan rekod.

Kalau masa dia panggil jadi *scammer,* dalam satu minggu dia ajar, dia akan pasti tak pukul dia, sayang sama dia. Kalau minggu kedua *you* tak dapat *scam* apa *target* yang diberikan, sebanyak katakan USD3000 sehari, *target* dan… andai yang mangsa akan di *torture* dengan elektrik, dipukul, dikurung, tidak diberi makan. Itu cara dia seksa dia orang. Lepas tu kalau dia tak dapat juga lagi, dia akan mula dijual. Orang sampai di sana harganya dengan harga USD13,000 seorang. Macam mana kira? Sebab dia ada orang tengah di Malaysia atau ada orang tengah di Myanmar yang panggil kawan dia ke sana untuk kerja.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ini Yang Berhormat pernah ke sana la ni?

YB TUAN SIM CHON SIANG

Pernah, itu sebab tahu sangat tu. [Ahli Dewan ketawa]

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Nasib baik Yang Berhormat tidak dijual. [Ahli Dewan ketawa]

YB TUAN SIM CHON SIANG

Sebab er… lebih umur dia tak nak juga. [Ahli Dewan ketawa]. Okey, apa yang dia nak ni umur 17 sampai 23 er… 17 sampai 23. Dia boleh beli masuk di Myawaddy dengan harga USD 58,000. Itu harga. *So* kalau mangsa sampai ke sana dia akan mula dengan harga USD13,000. Lepas daripada pembeli A jual kepada pembeli B...

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat saya nak tanya, kalau Yang Berhormat ni berapa harga? [Ahli Dewan ketawa]

YB TUAN SIM CHON SIANG

Itu sebab sekali tengok tu dengan tambahan USD2,000. A jual ke B, B jual ke C tambah tambah tambah di Myawaddy paling mahal USD58,000, itu habis dah tapi dengan umur 17 sampai 23. 23…24 sampai 30 dengan harga USD38,000, turun

USD20,000. Kalau di er…di Kemboja, dia hanya boleh jual dengan harga USD38,000. Itu harga maksimum, lepas itu dia pindah orang ni ke Myawaddy, tunggu jual organ.

Hah inilah pemerdagangan manusia. Saya sedaya upaya telah menyelamatkan sampai bulan Mac seramai 96 orang dan er… saya [Ahli Dewan tepuk meja] saya er… telah dua kali menghadapi M-16, memang dia orang nak tembak saya. Itu sebab sekarang saya tak boleh pergilah, kalau saya pergi ni memang dia tarik sayalah. Bukan harga berapa, nak matikan saya.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Jangan Yang Berhormat nanti kena Pilihan Raya Kecil. [Ahli Dewan ketawa].

YB TUAN SIM CHON SIANG

So apa punca yang saya nak bagitahu kepada semua ADUN-ADUN, Yang Berhormat-Yang Berhormat kerana kita beritahu orang muda sila jaga-jaga jangan tertipu terpedaya dengan gaji lumayan, gaji lumayan yang diberikan sebagai katakan kerja dekat apa tu *housekeeping* sebanyak USD2,000. Itu semua tipu. Bila dia sampai sana sahaja, bukan, bukan, bukan itu kerja pergi cuci lantai kena jadi *scammer*. Er… itu yang paling teruk ialah seksa dia kurung dalam bilik gelap lebih kurang 6 hari, 7 hari dan dia gari tangan atas katil mungkin 7 hari tidur berdiri, makan berdiri, berak pun sama. Macam tu diseksanya.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat

YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Siapa nak tahu cerita lebih lanjut boleh hah boleh jumpa saya. [Ahli Dewan ketawa]

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik, nombor telefon pun dah dapat [Ahli Dewan ketawa]. Terima kasih er… Ahli-Ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita selesai membincangkan 10 pertanyaan dan jawapan dan saya bercadang untuk menempohkan persidangan pada pagi ini untuk minum pagi dan persidangan disambung semula pada pukul 10 err… 11.45pagi. Sekian, persidangan ditempohkan.

[*Persidangan ditempohkan*]

[*Persidangan disambung semula*]

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Ketiga: Usul Menjunjung Kasih atas Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon izin untuk membawa satu usul di Dewan Yang Mulia ini yang berbunyi:

> **"Bahawa Dewan Negeri Pahang yang bersidang pada hari ini, bersetuju Menjunjung Kasih Atas Limpah Perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang berangkat menyempurnakan Titah Diraja kepada Dewan Negeri."**

Saya berharap usul ini akan mendapat sokongan dan kelulusan Dewan yang Mulia ini.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, di hadapan majlis ialah satu usul yang berbunyi:

> **“Bahawa Dewan Negeri Pahang yang bersidang pada hari ini bersetuju Menjunjung kasih Atas Limpah Pekenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang berangkat menyempurnakan Titah Diraja kepada Dewan Negeri."**

Usul tersebut telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan telah pun mendapat sokongan. Sekarang kita meneruskan dengan aturan urusan selanjutnya.

PERBAHASAN USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA PAHANG

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Keempat: Perbahasan usul Menjunjung Kasih Atas Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya kemukakan semula usul tersebut kepada perbahasan. Dengan ini saya menjemput ahli dari kawasan Tioman untuk membahas usul tersebut. Silakan.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Bismillahirrahmanirrahim (Bacaan dalam Bahasa Arab). Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kerana memberi laluan kepada saya untuk membahaskan perbahasan Menjunjung Kasih Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah sempena Mesyuarat Pertama Penggal Ke-2 DUN Pahang Yang Ke-15.

Sidang yang dimuliakan, saya mengambil kesempatan mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, kerana dengan izin dan limpah kunia, Allah SWT telah memberi laluan kepada saya untuk membahaskan serta menjunjung kasih Atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang pada kali ini.

Dan tahniah serta syabas juga Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, kerana telah dilantik sebagai *Speaker* Dewan. Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar Pahang kerana dapat memimpin Negeri Pahang dan seterusnya juga membantu rakan-rakan Yang Berhormat sepanjang PRU dan khususnya saya sendiri di PRK DUN Tioman. Negeri Pahang bertuah kerana dalam Titah Ucapan Diraja menyentuh pelbagai aspek kehidupan bermula dengan urusan pentadbiran dan pengurusan di setiap peringkat lapisan Kerajaan Negeri sehinggalah rakyat di bawah naungan Tuanku.

Kain Tenun dibuat selendang,
Ikat kail memancing baung,
Tuanku ibarat pohon yang rendang,
Tempat rakyat tumpang bernaung.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Nyata dan jelaslah Tuanku sangat prihatin dan cakna menyentuh isu yang sangat sinonim dan dekat di hati rakyat jelata di negeri ini. Baginda turut menyentuh tanggungjawab kita semua agar terus bertanggungjawab dan memberikan perkhidmatan sehabis baik demi kelangsungan dan kesejahteraan serta kebahagiaan rakyat di dalam negeri Pahang.

Kelangsungan sebuah kerajaan ditunjangi sepenuh tanggungjawab setiap insan di kalangan kita semua dan dituntut agar rakyat di negeri ini terus diberi perhatian yang serius. Melahirkan masyarakat yang seimbang dengan kemajuan yang dicapai dalam negeri ini agar dapat dinikmati seluruhnya. Rakyat yang berbilang bangsa, agama serta lapisan umur.

Teras kesaksamaan dan keadilan dituntut agar rakyat di negeri ini sentiasa beroleh keselesaan pada tahap yang sepatut dan sebaiknya. Merangkumi aspek limpahan ekonomi yang sama-sama dinikmati, sama-sama berpeluang meraih dan mencapai hasil juga Kerajaan Negeri dipulangkan kembali kepada rakyat di luar sana.

Dengan beberapa pendekatan dan strategik serta inisiatif baru oleh Kerajaan Negeri perlu sentiasa dikenalpasti dengan sedaya upaya mewujudkan suasana yang lebih baik di negeri ini dari semasa ke semasa. Sebab itulah dalam Titah Diraja Tuanku telah membangkitkan dan menggesa isu-isu yang berkaitan rakyat dengan pencapaian hasil baru negeri ditingkatkan dan usaha baru ke arah memantap dan memperkasakan peranan dan penguatkuasaan dalam banyak sudut demi kepentingan dan kebaikan semua pihak tidak diabaikan.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua dan Sidang Dewan Yang dimuliakan,

Ini termasuklah usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dan seluruh jentera pentadbirannya secara komprehensif atau menyuruh berkaitan memperkasakan wanita di negeri ini kerana mereka juga merupakan tonggak atau tulang belakang kepada kestabilan rakyat di negeri ini.

Pembangunan masyarakat Orang Asli antara kaum yang yang terbesar, kelompok penduduk di negeri er...negeri ini diberi perhatian yang serius dalam pencapaian kehidupan mereka agar sama dengan masyarakat kaum yang lain. Peranan anak-anak muda dan belia yang sangat penting ditadbir urus dengan sebaiknya yang akan mewarisi generasi yang mendatang.

Tidak dilupakan, peranan-peranan, badan badan bukan kerajaan atau NGO turut membantu keharmonian, perpaduan dan cetusan idea khidmat bakti sukarela selama ini. Bahkan mereka mendapat pengiktirafan oleh Kerajaan Negeri, selama ini dihormati di dalam dan di luar Negeri Pahang.

Keprihatinan baginda Tuanku terhadap pembangunan modal insan turut dizahirkan, terutamanya melibatkan pembangunan sahsiah, moral dan sivik serta amalan agama yang dituntut seluhurnya agar rakyat mempunyai perisai atau daya tahan jati diri serta ketahanan mental, fizikal serta *spiritual* di kalangan masyarakat sama ada di dalam bandar, pinggir bandar mahupun luar bandar demi agama, bangsa dan negeri tanah air tercinta ini.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Ini adalah bentuk-bentuk pencegahan awal daripada anasir-anasir negatif yang menular dalam arus kemodenan anak bangsa di negeri ini. Suka saya menyebutkan antara usaha-usaha Kerajaan Negeri antara lain yang diberi pujian dan pengiktirafan dengan naungan Tuanku adalah Rumah Rakyat Pahang. Saya masih ingat, ketika mana rakyat berdepan dengan isu perumahan yang menghantui golongan yang tidak mampu memiliki rumah kediaman yang selesa untuk ahli keluarga, di mana Rumah Rakyat Pahang terus dinikmati oleh rakyat di negeri ini. Bahkan di seluruh pelusuk daerah telah dibina Rumah Rakyat Pahang bagi mereka yang layak dan terpilih bagi menerima, memiliki rumah yang selesa termasuklah di kawasan-kawasan yang ekstrim seperti di Hulu, Tembeling, Cameron Highlands dan Pulau Tioman.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Rasa bertuah dan terima kasih serta syukur terhadap Allah dan tidak keterlaluan menitis mata di saat penerima-penerima, menerima rumah RRP ini daripada Kerajaan Negeri. Syabas dan tahniah diucapkan juga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang kerana terus komited dan konsisten bersama barisan EXCO untuk terus menambah bilangan RRP ini dari semasa ke semasa. Inilah yang dikatakan hasil yang dipungut oleh Kerajaan Negeri dipulangkan balik kepada rakyat.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Menjunjung kasih Titah Diraja, Kerajaan Negeri terus berada di atas landasan yang baik dan sentiasa ke arah yang lebih baik sebagaimana harapan baginda Tuanku terhadap Kerajaan Negeri, kerajaan jajahan takluk Tuanku akan sentiasa cuba sedaya upaya memastikan yang kurang ditambah, yang baik ditambah baik lagi pada masa akan datang.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Rakyat negeri ini bertuah mempunyai seorang putera raja yang cakna dan prihatin dengan izin, *down to earth*. Dan inilah the *beauty of monarchy system in our state*. *This* is Pahang. Dengan izin Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

Yang dapat mengimbangi kestabilan, kesejahteraan, keteraman, kemakmuran, kesaksamaan dan keadilan sebuah Kerajaan Negeri naungan Tuanku, Pahang Darul Makmur

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Raja dan rakyat berpisah tiada
Negeri Pahang Makmur sentiasa
Menjunjung kasih titah diraja
Rakyat hidup aman bahagia.

Selain daripada itu Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Tuanku turut menzahirkan keadilan dalam aspek pentadbiran Kerajaan Negeri secara profesional antara lainnya agihan nikmat yang dicapai diagih sebaiknya peruntukan-peruntukan kepada mereka yang selayaknya termasuklah isu di kalangan ahli-ahli politik, sama ada pembangkang mahupun di pihak kerajaan yang sama turut berkhidmat untuk rakyat kerajaan tuanku sebaiknya. Termasuklah mereka di jabatan kerajaan, NGO-NGO dan lainnya di mana telah kita ketahui selama ini Kerajaan Negeri telah berbakti kepada golongan yang disebutkan tadi.

Terima kasih kepada semua rakan-rakan Ahli Yang Berhormat, sama ada pihak Kerajaan Negeri mahupun pihak pembangkang, sama-sama kita mendukung dasar Kerajaan Negeri yang baik selama ini dan perancangan yang dirancang pada masa akan datang adalah demi kesejahteraan rakyat di negeri ini. Saya penuh yakin Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, kebersamaan kita semua akan melahirkan sumber inspirasi yang baik kepada rakyat di negeri ini bagi menikmati keamanan, kemakmuran serta kesejahteraan daripada sebuah pentadbiran Kerajaan Negeri yang baik dan pemimpinnya berjiwa besar serta sentiasa berlapang dada bagi yang cakna kepada rakyat jelata di negeri ini.

(Bacaan ayat Al-Quran) dengan izin Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, begitu banyak yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sebagaimana sering diperkatakan dalam ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Sri selaku Ketua Kerajaan

Negeri berhubung dengan inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan kepada rakyat di negeri Pahang ini bermula dari buaian sehinggalah ke liang lahad. Ada pakej-pakej tertentu, inilah merupakan negeri-negeri ataupun antara negeri yang banyak melakukan dan melaksanakan kebajikan kepada rakyat. Titah nasihat Tuanku buat kita semua tanpa mengira fahaman politik, sewajarnya dipandang serius dalam semua aspek dan yang paling penting rakyat terjaga kebajikan dan lain-lainnya termasuklah aset alam sekitar seluruhnya dipelihara untuk tetapan serta nikmat generasi akan datang.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sedikit saya ingin sebutkan di sini kepada rakan saya bagi pihak kerajaan, kalau boleh saya sebut dalam bentuk pantun.

Indah bulan kerana cahaya,
Indah matahari kerana haba,
indah JKR kerana jalan raya,
namun traffic light di Teluk Gading belum ada.

Jadi, saya Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, ucap terima kasih...

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sejak menjadi wakil daripada Tioman, sejak jadi apa namanya ketua *backbencher* ni pandai berpantun pula dah.

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah.

Jadi saya terima kasih atas pantun daripada rakan saya, daripada Tioman dan untuk makluman Dewan, bahawa Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM1 juta untuk melaksanakan dan merancang untuk membina *traffic light* di Teluk Gading ini. Dan insya-Allah saya akan minta pihak JKR untuk melihat perkara ini untuk memastikan *traffic light* tersebut dapat kita pasanglah di Teluk Gading itu supaya pantun ini tidak ada lagi akan datang. Insya-Allah.

YB DATO' SRI HAJI MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Terima kasih, wakil Kerajaan yang telah memaklumkan bahawa sejumlah peruntukan sebanyak RM1 juta telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri melalui Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan mudah-mudahan dapat dilaksanakan segera demi kebaikan dan kepentingan pengguna jalan raya bersama.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sama-samalah... di akhir ucapan ini, kita sama-sama menjaga kelestarian negeri serta berdoa yang baik-baik sentiasa kerana kita ini akan terus mengurus dan mentadbir selagi, orang kata nyawa ada di badan, lagi menjadi pilihan rakyat dan tak mustahil kita juga akan bekerjasama secara sukarela pada setiap masa demi kebaikan bersama.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Dengan kata-kata tersebut, saya dengan ini menyokong Usul menjunjung kasih titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang dan moga-moga Tuanku dilanjutkan usia dan dikurniakan kesihatan tubuh badan sentiasa dan berpanjangan, sekian, Assalamualaikum WBT, terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila wakil daripada Cheka, untuk perbahasan.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Bissmilahirahmanirahim, (Bacaan ayat al-Quran).

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan seluruh EXCO Kerajaan Negeri dan rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat. Alhamdulillah, pertama sekali saya ucapkan terima kasih tidak terhingga kepada Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan menyokong Usul Titah Tuanku pada Pembukaan Sidang Penggal pada kali ini.

Ayat yang saya ambilkan tadi ialah satu peringatan Allah kepada kita semua. Allah Ta'ala menyebut, kalaulah penduduk maksudya kalaulah penduduk sebuah negeri itu beriman dan bertakwa kepada Allah, nescaya Allah akan bukakan pintu keberkatan yang turun daripada langit, yang keluar daripada bumi. Akan manusia mendustakan peringatan tersebut, maka Allah akan datang kepada mereka pelbagai bencana mudah-mudahan mereka kembali ingat pada Allah SWT.

Yang di-Pertua,

Kali pertama dalam sejarah Dewan Negeri Pahang mencatatkan jumlah pembangkang yang paling besar pada kali ini, seramai 17 orang. Saya ucapkan terima kasih pada pengundi-pengundi di Pahang yang telah memilih wakil-wakil yang telah kita dengar keputusan tersebut. Apa yang penting ialah kami bagi komitmen atas titah Tuanku untuk menjadi pembangkang yang konstruktif, pembangkang yang bina turut mencadangkan beberapa cadangan-cadangan yang baik bagi pembangunan negeri Pahang.

Kita tidak akan jadi pembangkang yang hanya membangkang semua apa yang dibuat oleh kerajaan. Tapi di waktu yang sama, kita perlu ada *check and balance* dalam pembangunan negeri Pahang. Keseluruhan ucapan titah Tuanku merumus kepada perkara-perkara yang besar dan saya lihat kepada perkara-perkara tersebut isu keprihatinan Tuanku terhadap isu pembangunan yang tidak merosakan alam sekitar. Kami menyambut baik er... titah Tuanku tersebut dan saya yakin Kerajaan Negeri juga melaksanakan program memelihara dan beri perhatian kepada isu soal alam sekitar.

Apa yang boleh saya sebutkan di sini ialah, kita akui bahawa beberapa projek-projek yang dilaksanakan di peringkat negeri bukan saja perlukan pemantauan, tapi peningkatan penguatkuasaan. Tuanku mencadangkan suatu peruntukan besar diberi kepada penguat kuasa supaya mereka boleh laksanakan tugas, tanggungjawab dengan lebih berkesan. Tanpa peruntukan yang... yang cukup, kemudahan teknologi yang canggih, penguat kuasa kita tidak mungkin dapat me... me... membuat pemantauan terhadap pembangunan yang berlaku di Pahang dengan jumlah yang luas.

Sebagai contoh Jabatan Alam Sekitar, kita akui Pahang ini memang tak cukup ya jabatan, Pejabat Alam Sekitar yang hanya ada di... di..., se... seingat... setahu saya ada dua atau tiga sahaja untuk kawal seluruh negeri Pahang. Dan kita di peringkat Persekutuan telah mengubah Akta Alam Sekitar yang menyebabkan denda sampai RM15 juta. Namun, kalau sekiranya penguat kuasa tidak cukup untuk sampai di tempat lokasi yang berlaku pencemaran... punca pencemaran, kita akan gagal membawa mereka ke mahkamah, dan kegagalan ini menyebabkan Akta yang... yang kita... kita... gubal tak dapat dilaksanakan sebaik mungkin.

Sebagai contoh juga saya ingin menarik perhatian soal er… pembalakan. Kita akui bahawa pembalakan ini sebenarnya menjadi hasil bagi negeri. Tetapi setengah-setengah projek pembalakan menyebabkan berlaku percemaran alam sekitar yang sangat serius. Sebagai contoh, terkadang projek-projek ini berselindung di bawah projek er... penanaman semula hutan, yang menyebabkan mereka membuat tebangan 80% dengan istilah… istilah guna ialah 'cuci mangkuk'.

Saya minta Kerajaan Negeri menghentikan segera projek cuci mang... er... penebangan hutan er... 'cuci mangkuk' 80%... 90%. Walaupun di atas nama untuk tanam semula hutan, kajian yang kita buat mendapati daripada jumlah kelulusan yang diberi kepada penebangan balak tahun 2020, 73,360 hektar, namun penanaman semula hanya 5% sahaja, sedangkan kelulusan itu diberi untuk projek tanam semula hutan. Ternyata selepas balak ditebang, bukit digondolkan, penebang... penanaman semula tidak dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Dan ini pun kita perlu buat pemantauan daripada 5% ini, berapa peratus yang berjaya ditanam semula?

Saya selalu masuk kawasan hutan dan saya juga melihat tentang bagaimana projek penanaman hutan dibuat, dan saya juga mengucapkan tahniah satu projek yang sedang dilaksanakan di kawasan Sungai Lembing, penanaman semula hutan. Saya fikir ini antara kawasan yang agak berjaya dari pemerhatian saya. Apa yang jelasnya er... sungai kita termasuk sungai yang tak mungkin kita dapat lagi melihat Sungai Pahang yang jernih. Punca besar kita ialah selain pada pembalakan ialah perlombongan pasir ya.

Pemantauan yang saya buat mendapati pasir-pasir dibersihkan tidak mengikut peraturan yang sebenar. Sepatut mereka ada takungan, dua tiga takungan, barulah air itu dilepaskan. Tapi sebahagian besar pengusaha pasir, dia basuh pasir tersebut di tepi sungai menyebabkan aliran pencemaran terus masuk ke sungai. Keladak inilah yang menyebabkan sungai kita bertambah cetek dan bertambah teruk. Jadi, saya mengalu-alukan Tuanku supaya bukan sahaja kita nak suruh penguat kuasa kita, tapi peruntukan dan penambahan kakitangan perlu dibuat.

Selain pada faktor yang kedua ialah pelom... perlombongan er... pasir. Perlombongan juga menyumbang besar pada pencemaran alam sekitar, di samping isu er... Musang King yang… ladang Musang King yang luas yang menyebabkan faktor-faktor ini mendatangkan kesan yang besar kepada sungai-sungai kita.

Suka saya maklum kepada Dewan Yang Mulia, beberapa loji kita di Pahang ini tak boleh proses air. LRA tak mampu nak proses kerana *turbidity*nya sangat tinggi, kekeruhan yang sangat tinggi. Sebagai contoh di Raub, lebih daripada 3,000 NTU. Macam mana loji nak bersih? Loji terpaksa ditutup kerana tak mampu, kerana keladak sungai yang sangat keruh.

Apa yang… yang kita mampu buat, kita luluskan di peringkat zaman saya, kita luluskan satu projek untuk buat er... takungan sebelum air itu dipam kepada loji. Tapi yang

jelasnya bahawa kita mesti... pemantauan dan er... perlu dibuat dengan lebih rapi supaya projek-projek ini tidak merosakkan alam sekitar negeri kita yang kita kasihi ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain daripada projek tersebut, saya juga ingin er...er...melihat tentang pembangunan yang seimbang, juga disentuh oleh Tuanku dalam ucapan. Pembangunan yang seimbang ini saya dapati bahawa sebahagian besar kita di Pahang ini berlaku ketidakseimbangan penggunaan mengikut daerah. Ada daerah yang sangat tertinggal, Lipis, Jerantut sebagai contoh ya. Sedangkan kawasan-kawasan, daerah-daerah ini adalah penyumbang besar hasil negeri sama ada perlombongan, pembalakan atau sebagainya. Tapi sayangnya, hasil itu gagal dapat kepada daerah-daerah tersebut.

Saya mohon pertimbangan Kerajaan Negeri sekiranya kita boleh buat satu mekanisme supaya sekurang-kurangnya 10% hasil daerah diserahkan kepada daerah tersebut. Sebagai contoh, katakanlah 10 juta balak dikeluarkan daerah Lipis, maka 10% hasil balak itu ialah terus disumbang, disalurkan kepada Pejabat Daerah Lipis ataupun Majlis Daerah Lipis bagi membangunkan Pelan Pembangunan Daerah Lipis.

Apa yang berlaku sekarang ialah semua kelulusan dibuat di peringkat negeri dan daerah tidak ada kuasa, hatta termasuk pemantauan. Dengan kaedah ini, saya fikir kita boleh memantau semua hasil keluar daripada negeri. Contohnya berapa banyak balak yang ditebang walaupun kelulusan diberi, tapi pemantauan daerah boleh terus memantau berapa jumlah tan metrik er... lombong, bijih besi yang dikeluarkan.

Jadi, oleh kerana itu kita bimbang berlaku dua perkara. Pertama, berlaku ketirisan hasil yang menyebabkan kita hilang hasil kerana pemantauan. Sebab pemantauan ini perlu daerah turut memantau supaya hasil tidak berlaku ketirisan dan insya-Allah kita dapat menjana. Saya jangka kita lebih daripada separuh ya, daripada hasil kita boleh kita tingkatkan kalau sekiranya pemantauan dapat dibuat lebih rapi di peringkat daerah tetapi daerah dapat hasil daripada ha... pengeluaran hasil daerah masing-masing. Dengan cara ini, daerah itu ada dana, ada duit yang boleh membangunkan kawasan tersebut dan akan berlaku perseimbangan pembangunan pada setiap daerah.

Yang ketiga, isu yang berlaku juga ialah tentang cadangan supaya kawasan-kawasan hutan simpan kekal dapat dipertahankan sebagaimana ucapan dalam Titah Tuanku dan juga ucapan waktu... Pahang ini antara penyumbang besar pada hutan... kelestarian hutan dan capaian *net zero* kita, 2030 disasarkan oleh Kerajaan Persekutuan, Pahang antara negeri yang menyumbang dengan mengekalkan lebih pada 50%. Hingga setakat ini, 1.6 juta hektar atau 57% hutan kekal kita… kita gazet.

Namun apa yang jelas, hutan simpan ini kadang-kadang diceroboh ya. Data-data yang ada saya menyaksikan bagaimana hutan simpan kekal kita turut diceroboh oleh pelbagai pihak ya... dan tahniah kepada pihak Jabatan Hutan yang telah melakukan pemantauan dan ambil tindakan terhadap pencerobohan tersebut.

Namun apa yang jelas, bahawa mereka ini kadang-kadang... pencerobohan berlaku di tempat yang kita buat projek pembalakan 'cuci mangkuk' tadi. Hutan yang dah bersih ditanam Musang King beribu hektar ya. Tahniah pada Kerajaan Negeri, khususnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang ambil tindakan tegas kepada pencerobohan Musang King yang berlaku di Raub dan sebagainya. Cuma saya ingin dapat penjelasan, apakah tindakan-tindakan yang Kerajaan Negeri telah buat selama ini dan status terkini saman Kerajaan Negeri terhadap pengusaha-pengusaha tersebut?

Dan saya harap jangan ada di antara kita yang membela orang yang melanggar peraturan dan Dewan yang Mulia [Ahli Dewan menepuk meja] kita harus menjadi ya... bersama-sama memelihara tanggungjawab kita, bersama dengan Kerajaan. Kalau berlaku pen... pelanggaran undang-undang, peraturan maka kita mesti bersama-sama mempertahankan tindakan Kerajaan tersebut.

Sehubungan dengan itu juga saya mencadangkan supaya kawasan tadahan air… kawasan tadahan air digazetkan sebagai kawasan yang tak boleh diluluskan penebangan balak. Hampir 30% air di Pahang masih lagi bergantung kepada sumber air bukit ya... masih lagi. Lantaran itu, pence er… kelulusan penebangan balak kawasan ini mendatangkan implikasi yang besar kepada penduduk. Sebagai contoh, saya di kawasan DUN Cheka, baru ini saya pergi ke satu kawasan di mana penduduk bergantung kepada sumber air bukit Kampung Lentang di Lipis. Hampir 60 hari mereka tidak mendapat bekalan air bersih kerana mereka berada pada hujung paip dan mereka bergantung kepada sumber air bukit.

Apa yang mendukacitakan, saya difahamkan kawasan ini juga telah diluluskan penebangan balak. Maksudnya mereka akan hilang punca air. Lantaran itu saya mohon pertimbangan pihak kerajaan supaya menyemak kembali dan mewartakan kawasan tadahan air sebagai kawasan hutan simpan kekal bagi menjamin generasi akan datang termasuk jugalah beberapa tempat-tempat lain yang saya fikir pergantungan kepada sumber air bukit ini sangat masih... masih besar dan insya-Allah di samping dia melestarikan alam sekitar, kita juga membantu penduduk dalam melaksanakan usaha mereka dalam kehidupan seharian.

Tuan Yang di-Pertua…Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua,

Saya ucap tahniah kepada Kerajaan Negeri telah pun er...kita telah pun mengadakan...menandatangani satu perjanjian pada 23 Disember 2020 dengan Pengurusan Aset Air Negara. Dengan itu, Kerajaan Pusat telahpun melupus kira hutang bekalan air luar bandar sebanyak RM1 bilion dan syarikat PAIP mendapat pinjaman sebanyak RM1.1 bilion… dengan termeterainya perjanjian pada 23 Disember 2020 yang turut disaksikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Persoalan saya ialah, berapakah jumlah pinjaman hingga setakat hari ini yang telah diluluskan oleh PAAB kepada er… syarikat PAIP dan dengan hasrat bahawa dengan pinjaman tersebut kerajaan mampu untuk menaik taraf beberapa loji-loji air di luar bandar termasuk loji air Mela yang saya fikir sangat penting dia loji terlalu lama, macam disebut oleh EXCO tadi bahawa perumahan makin bertambah, penduduk makin bertambah tapi loji, jalan raya masih lagi kekal dalam bentuk yang sama. Jadi oleh kerana itu, penaik taraf loji loji air ini perlu disegerakan di samping kita berusaha untuk mengurangkan kadar er…NRW yang sangat er…yang juga agak tinggi di negeri Pahang.

Yang di-Pertua,

Di samping itu saya juga ingin menyentuh soal…soal peruntukan pembangunan jalan-jalan raya khususnya di kawasan DUN Cheka saya tengok kita perlu naik taraf jalan daripada Kerambit ke Jerantut, yang saya rasa kawasan-kawasan lain hampir semua dah itu… walaupun saya dah maklum pada…pada di peringkat persekutuan, saya bawa isu dalam Parlimen juga tapi melalui Dewan Negeri ini saya yakin Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga boleh mengangkat isu-isu ini bagi menyelesaikan masalah jalan-jalan yang belum dinaik taraf di negeri Pahang. Dan saya juga merakamkan ucapan penghargaan terima kasih kepada er…Tuanku yang telah

menyentuh soal peruntukan kepada pembangkang yang diminta supaya diberi peruntukan yang sama sebagaimana yang rakyat telah pilih.

Saya memantau tentang laporan Titah Tuanku. Hampir semua media-media utama mengambil topik ini sebagai topik utama mereka er…hampir semua. Bermakna bahawa Titah Tuanku disambut oleh sebahagian besar media perdana. Jadi kita harapkan dengan Dewan Yang Mulia ini juga, kita Kerajaan Negeri dapat laksanakan hasrat Tuanku. Kami dipilih oleh rakyat dan kita tahu bahawa bila kita dipilih, rakyat bila berlaku satu musibah, mereka akan datang ke pusat khidmat, mereka minta bantuan bila berlaku bencana yang perlu segera dan ini pun pemantauan dibuat oleh pejabat daerah bukan bagi peruntukan kecuali peruntukan pusat khidmat. Saya mengalu-alukan Titah Tuanku.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih banyak dan menyokong penuh Titah Tuanku. Terima kasih. Assalammualaikum WBT.

YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih wakil daripada Cheka. Macam Menteri Alam Sekitar bercakap. [ketawa] Sila, seterusnya wakil dari Tras.

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Bismillahirrahmanirrahim. Assalammualaikum WBT, salam sejahtera, Salam perpaduan, salam madani. Terima kasih Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya pada tengah hari ini bersama-sama mengambil bahagian membahaskan Titah Diraja.

Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua,

Di kesempatan ini juga patik ingin menjunjung kasih di atas Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang yang telah menyempurnakan Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Ke-2 Dewan Negeri Pahang Ke-15 pada 8 Mei 2023 bersamaan 17 Syawal 1444 Hijrah. Di pagi yang mulia ini, saya ingin menyentuh beberapa perkara yang telah dititahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang.

Sebelum itu, dikesempatan ini juga saya merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Wan Rosdy bin Wan Ismail di atas pelantikan sebagai Menteri Besar Pahang kedua serta barisan EXCO, Yang di-Pertua Tuan *Speaker*, Timbalan *Speaker* dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Juga ucapan taniah saya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim di atas pelantikan sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-10 kerana telah berjaya mewujudkan Kerajaan Perpaduan Madani.

Titah Baginda Tuanku secara umumnya, banyak menekankan pembangunan negeri Pahang secara lestari, penjagaan alam sekitar dengan konsep *Environmental Social Governance (ESG)* bagi membolehkan memaksimumkan hasil negeri serta memanfaatkan kepada rakyat. Satu perancangan yang bersistematik dan berefisien tinggi bagi generasi yang akan datang perlu dirancang. Baginda juga banyak menekankan konsep berintegriti, beramanah, bekerja secara profesional, bermurah hati serta menggalakkan pemberian inisiatif kepada rakyat dan tenaga kerja, kepada

para pemimpin, penjawat awam, kontraktor serta perseorangan. Dalam konsep pembangunan lestari ini, sebelum er… sebelum sebenarnya negeri Pahang boleh memanfaatkan hutan-hutan yang ada sebagai konsep negara *net zero emissions.* Seperti mana daripada Cheka beritahu tadi ya.

Cumanya Kerajaan Negeri Pahang kena membuat kajian bersama dengan Kerajaan Pusat terhadap pemain-pemain industri yang mengeluarkan karbon supaya mereka dapat menyumangan er… menyumbangkan pengurangan karbon atau dalam bentuk kata lain sumbangan wang kepada kerajaan, serta memberi insentif kepada er… pekilang-pekilang dan bersama-sama mengurangkan pelepasan gas berkarbon. Saya amat bersetuju dengan pendirian Baginda supaya Kerajaan Negeri tidak lagi bergantung hasil tradisional seperti aktiviti pembalakan dan pengorekan tanah mineral ataupun galian.

Aktiviti-aktiviti tersebut boleh ditukarkan kepada aktiviti-aktiviti eko- pelancongan, pertanian berkomersial iaitu seperti tanaman durian *Musang King*, halia dan sebagainya. Aktiviti-aktiviti mineral mestilah menggunakan konsep yang dibenarkan dan tidak merosakkan alam sekitar serta dapat menghasilkan produk hiliran bagi tujuan peluang pekerjaan penduduk setempat. Pelabur-pelabur yang berteknologi tinggi juga digalakkan tapi tidak mendatangkan pencemaran alam sekitar.

Cadangan kedua, supaya Kerajaan Negeri melalui JKR Negeri menyatakan *grade quality* setiap jalan yang akan dibuat. Secara tidak langsung, orang ramai dan rakyat boleh menilai membuat aduan serta merta di atas kualiti jalan yang tidak berkualiti. Ini kerana di antara jalan yang tidak sampai sebulan, ini pengalaman di Parlimen Raub, yang telah dibuat, rosak. Seperti er… yang dinyatakan oleh EXCO sebentar tadi, di mana nilai ataupun ketahanan jalan itu kurang lebih 7 tahun, ini tak sampai sebulan ya.

Jadi cadangan ketiga saya, juga menyokong penuh di atas cadangan Tuanku Baginda untuk menubuhkan Majlis Penasihat Orang Asli Negeri Pahang. Dalam aduan masyarakat Orang Asli yang ada beberapa perkara yang sukar diselesaikan oleh pihak JAKOA seperti ibu tunggal, status ibu tunggal, konflik gajah dan manusia, tidak memahami perihal adat resam. Ini kerana semua perihal Orang Asli biasanya akan melalui JAKOA. Dengan adanya penubuhan ini, ianya sekurang-kurangnya dapat memudahkan urusan JAKOA itu sendiri. Dengan rasa rendah hati dan di atas kebertanggungjawaban ini, saya menawarkan diri untuk bersama-sama duduk dalam Majlis Jawatankuasa ini.

Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua,

Cadangan yang keempat, bagi membendung pencerobohan tanah kerajaan, kecurian hasil serta penerokaan hutan yang tidak sah, saya mencadangkan beberapa perkara di sini. Yang pertama, Kerajaan Negeri boleh bekerjasama dengan JPSM Pusat dengan menggunakan data satelit setempat secara mingguan ataupun bulanan. Yang kedua, kawasan-kawasan yang diceroboh oleh er… boleh dikesan dengan satelit ini melalui perubahan *image* yang berlaku serta penggunaan *drone* model terkini yang digunakan oleh pihak tentera yang beresolusi tinggi dan terbang kawalan jauh.

Yang ketiga, memberi inisiatif kepada ketua-ketua kampung, batin-batin dan penduduk setempat yang mem… yang dapat memberi maklumat. Yang keempat, menyediakan perkhidmatan pihak penguasaan tambahan secara kontrak. Luluskan… yang kelima meluluskan hukuman yang berat kepada penceroboh ini. Yang keenam mengadakan perbincangan *blue print* di antara semua agensi kerajaan yang terlibat dengan hutan

NGO-NGO badan bukan kerajaan, ketua kampung, JPKK, Batin dan penduduk setempat. Saya mencadangkan untuk kes-kes khusus seperti pencerobohan atau penggunaan tanah kerajaan dengan taman… dengan tanaman pokok buah-buahan yang melebihi 10 tahun haruslah diselesaikan secara berhemah, menang-menang supaya kerajaan dapat mengambil… dapat mengambil cukai dan alam sekitar dapat dipelihara secara lestari.

Pendekatan turun padang dan perbincangan dengan pihak yang terbabit perlulah diselesaikan secara baik. Manakala kampung-kampung yang wujud melebihi 20 tahun bolehlah diberi geran untuk tapak rumah serta sedikit tanah untuk mereka bercucuk tanam. Ini kerana kampung-kampung tersebut sudah dilengkapi dengan infra seperti jalan raya dan tenaga elektrik.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat,

Sebenarnya kalau tengok Perkara 35 iaitu Perkara 35, seseorang ahli tidak boleh membaca ucapan. Maknanya Yang Berhormat letak bawah boleh tapi tak boleh angkat. Ini peraturan Dewan. Terima kasih.

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Okey. Saya juga menyokong penuh cadangan…cadangan kerajaan negeri Pahang bagi mewartakan Gunung Aais dan Hutan Simpan Gunung Aais tambahan sebagai Rizab Harimau Diraja Al-Sultan Abdullah. Saya juga ingin mencadangkan satu rizab kawasan perlindungan untuk gajah-gajah perlu diwujudkan bagi mengurangkan konflik hutan liar dengan manusia.

Cadangan kelima mengenai projek tebatan banjir. Saya cadangkan semua projek JPS yang berisiko tinggi yang boleh menyebabkan bencana alam haruslah dibuat secara seberapa segera. D isamping itu, pihak JPS mestilah diberi peruntukan yang mencukupi bagi membersihkan sungai, parit secara berkala di samping itu mestilah mengenal pasti pembetungan saliran iaitu pembentungan saliran *culvert* yang lama haruslah ditukarkan dengan segera mengikut keadaan laluan air semasa bagi mengelakkan banjir kilat. Di samping itu juga pihak JPS hendaklah bekerjasama dengan pihak PTG, Pertanian, pekebun, petani supaya menjaga sungai kita daripada berlakunya halangan laluan air sungai.

Cadangan yang keenam berkenaan air bersih Pahang, khasnya di Parlimen Raub dan juga seluruh negeri Pahang. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada PAIP Pahang di atas kerja pembaikpulih yang telah dilakukan. Saya ingin mencadangkan ada beberapa perkara untuk mengatasi masalah air bersih ini seperti berikut, khususnya di Parlimen Raub. Pihak JPS, PAIP, PTG, PBT, Pertanian dan badan bukan kerajaan (NGO) supaya dapat duduk bersama-sama bagi membincangkan masalah guna tanah di tebing sungai yang tidak terurus yang boleh menyebabkan hakisan cerun runtuh apabila hujan lebat. Ini mengakibatkan kekeruhan agak tinggi di mana proses loji tidak dapat dilakukan.

Biasanya loji dia boleh proses antara 1,500 NTU. Apabila berlaku kekeruhan ini, mungkin lebih di antara 10-20,000 NTU. Pihak PAIP perlu menyediakan tangki lori air tambahan kepada kawasan yang amat teruk dan selalu ketiadaan air. Pihak PAIP ataupun kerajaan negeri mahupun kerajaan pusat hendaklah melantik atau memilih juru perunding, kontraktor yang betul-betul layak dan mempunyai pengalaman yang

luas supaya kerja-kerja ini dapat disempurnakan mengikut jadual yang ditetapkan. Loji-loji di Raub setakat ini lambat ya, daripada yang …lari daripada tempoh yang ditetapkan.

Cadangan yang ketujuh, *infrastructure* setempat hendaklah dirangka sekurang-kurangnya 10 tahun ke hadapan bagi mengatasi pembangunan yang tidak mampan seperti keperluan air, elektrik, jalan yang yang sedia ada dapat menampung pembangunan setempat. Saya mencadangkan juga satu jawatankuasa infrastruktur keperluan asas seperti air, elektrik, jalan raya perlu ditubuhkan. Ianya dapat melancarkan penyelesaian masalah air negeri Pahang. Saya juga mencadangkan di Dewan Yang Mulia ini supaya EXCO berkaitan dapat menjelaskan perancangan dan pelaksanaan serta penerangan yang jelas berkenaan perjanjian antara PAIP iaitu Pengurusan Air Pahang Berhad dengan PAAB-Pengurusan Aset Air Berhad, kerajaan pusat dan juga nyatakan tempoh seluruh siap perancangan untuk negeri Pahang.

Cadangan yang kelapan, pusat perlindung… perlindungan bayi ataupun *Baby Hatch*. Insiden pembuangan bayi yang perlu… lahir… yang semakin berluasa…. yang semakin berleluasa semenjak kebelakangan ini dan orang ramai turut melahirkan rasa marah terhadap perbuatan yang tidak berperikemanusiaan itu. Cadangan saya supaya kerajaan dapat mengadakan pelbagai program kesedaran dan juga penyediaan tempat pusat kebajikan serta pembangunan sosial antara anak dan ibu yang lebih selamat dan terjamin. Saya juga mencadangkan kursus pra perkahwinan harus digalakkan juga kepada belia-belia bukan Islam.

Cadangan yang kesembilan, Program Rumah Rakyat Pahang (PRRP) ini juga harus diperluaskan kepada pihak korporat dan swasta supaya sama-sama dapat membantu kerajaan ada bentuk kewangan sama… sama ada barangan. Ia juga boleh membantu secara sepenuh ataupun sebahagian dan juga konsep gotong-royong. Ada masa lagi?

Dan juga di sini mengambil kesempatan berkenaan dengan rumah orang-orang tua di Raub ya. Saya dimaklumkan sebelum ini sebelum 2018, peruntukan daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ketika itu 2018, diberhentikan atas faktor tidak tidak mengikut *specs*. Jadi saya harap kerajaan dapat meneliti balik atau berbincang supaya rumah-rumah orang tua ini ya, Kampung Ibadah Sempam, Rumah Orang Tua Sempalit, Sungai Lui dan Sungai Klau ini dapat kita bantu ya, untuk golongan warga emas

Akhir sekali, saya juga ingin mendapat kepastian daripada kerajaan negeri Pahang supaya dapat membantu pekebun durian Musang King di Raub khasnya dan juga di Pahang di mana teknologi tinggi yang telah diusahakan oleh negeri China sekarang telah menghasilkan buah. Jadi macam manakah untuk pihak-pihak ataupun kerajaan negeri sama-sama untuk kita mengatasi masalah ataupun saingan secara global ini di masa hadapan.

Sekian terima kasih. Saya menyokong Titah Diraja.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih wakil daripada Tras. Sebelum kita pergi ke wakil kita yang terakhir pada pagi ini iaitu wakil daripada Lepar. Saya ingin nak mengingatkan bahawa yang Perkara ke-36, 2. Di mana kita tidak boleh sebut perkara-perkara dalam pertimbangan… pertimbangan mahkamah seperti yang disebut tadi tentang apa, kes mahkamah di Tras, Musang King. Jadi ini kita kena ambil kira juga ya, kalau kita ikut tengok peraturan mesyuarat kita Perkara 36. Sila Wakil daripada Lepar.

YB TUAN MOHD YAZID BIN MOHD YUNUS

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

Bismillahirahmanirrahim [Bacaan dalam Bahasa Arab]. Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera.

Pertama kali izinkan saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pengundi-pengundi di DUN Lepar tak kira bangsa dan agama yang telah memberi kepercayaan kepada saya sehingga terpilih untuk menjadi Wakil Rakyat mereka. Insya-Allah akan saya jalankan amanah ini dengan sebaik mungkin jika peruntukan dan bantuan dari kerajaan negeri Pahang akan mengalir sentiasa di DUN Lepar. Insya-Allah nasib dan rakyat di DUN Lepar akan sentiasa terbela dan sudah tentu saya akan bekerja berlipat ganda demi bangsa, agama dan tanah air. Bicara pembuka kata Dato' Sri Yang di-Pertua, izinkan saya mulakan dengan dua rangkap pantun.

Dua tiga kucing berlari-lari,
Berlari-lari dikejar si ikan patin,
Mak Dhani suka ke sana suka kemari,
Namun kami tidak risau, sentiasa prihatin.

Buah cempedak di luar pagar,
Ambil galah tolong jolokkan…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Boleh, minta mencelah wakil daripada kerajaan. Tolong…

YB TUAN MOHD YAZID BIN MOHD YUNUS

Ikan patin baru.[Ketawa]

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Ikan patin boleh mengejar kucing.

YB TUAN MOHD YAZID BIN MOHD YUNUS

Ikan patin baru.

YANG DI-PERTUA DEWAN

Itu ikan patin dari Lepar. [Ketawa]

YB TUAN MOHD YAZID BIN MOHD YUNUS

Buah cempedak di luar pagar,
Ambil galah tolong jolokkan,
Saya insan baru belajar,
Silap dan salah mohon maafkan.

Pada bulan Januari, kami telah mengangkat sumpah setia kepada raja dan negeri di Dewan Yang Mulia ini seterusnya pada 17 Februari 2023, kami diajak ke Cameron Highlands untuk pemukiman dan menimba ilmu. Dihadiahkan pula dengan sayur-

sayuran segar. Walaupun singkat, namun alhamdulillah, terima kasih diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Kalau ada rezeki yang melimpah, bawa lah kami pula menggali ilmu ke negeri China. Kalau bajet kurang, ke Thailand dan Vietnam pun tidak mengapa. Kenapa kita perlu ke negara China, Thailand atau Vietnam tapi jangan pergi ke Kemboja?

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Seantero dunia mengetahui bahawasanya negara-negara ini memang hebat dengan sistem dan kecanggihan dalam bidang pertaniannya. Bukan sahaja dalam bidang tanaman namun hebat juga dalam bidang kejuruteraan pertanian serta penciptaan jentera pertanian. Umum tahu, negeri Pahang kita ini penuh dengan tanah-tanah yang subur termasuklah di DUN Lepar ini. Ramai anak-anak muda di DUN Lepar yang memiliki pengalaman dan menghadiri kursus. Namun apabila mereka membuat permohonan tanah untuk bertani dan menternak, dilayani umpama langit dijunjung, rupanya bumi dipijak masih milik orang. Tetapi saya sebagai wakil rakyat yang masih muda juga, akan membawa senarai nama pemohon-pemohon yang berminat untuk bertani dan menternak.

Mereka terdiri daripada anak-anak muda dan bukan hanya di kalangan anak-anak Melayu dan Bumiputera, tapi ada juga dari kalangan anak-anak kaum Tionghua, India dan Punjabi. Yang ingin membantu menaikkan ekonomi setempat sudah tentu mereka ini akan membayar cukai dan dengan pembayaran cukai ini akan menambah pendapatan negeri juga akhirnya. Petani dan penternak muda ini dapat membantu mengurangkan kos kenaikan harga barang seperti ayam, daging, ikan, sayuran serta masalah kekurangan telur ayam yang sentiasa jadi igauan sehingga bermimpi setiap malam.

Kami tiada formula tapi kami ada petani dan penternak yang ingin membantu kerajaan. Insya-Allah jika diizin, saya akan bertemu dengan Yang Berhormat EXCO Pertanian untuk dipertimbangkan hasrat mereka dan seterusnya diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita, insya-Allah. Namun pesanlah kepada semua yang di luar sana. Nak bertani, bertanilah. Nak teroka, terokalah dengan cara yang halal. Mohonlah dulu di Pejabat Tanah, nanti insya-Allah Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan pertimbangkan. Janganlah menceroboh tanpa izin. Tak baik berkelakuan begitu.

Dato' Sri Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Kita sering mendengar keluhan dari rakyat negeri Pahang mengenai keinginan mereka seperti mengidam telur tembakul, mengidam macam wanita mengandung, bermimpi bila agaknya mereka akan dianugerahi mahligai yang indah walaupun selepas terjaga dari mimpi mereka sedar mempunyai rumah flat pun tidak mengapa.

Ada yang dah tua tak kahwin-kahwin kerana nak memiliki rumah dahulu, bagi… nak bagi bakal isteri rasa bangga kononnya. Kalau dah kahwin ada yang terpaksa menumpang di rumah orang tua dan mertua. Mulalah asyik gaduh saja. Yang tua tak nak mengalah, yang muda lagilah pula. Nak bermanja pun susah, rumah padat dengan penghuninya. Sebab itu orang-orang sekarang lebih memilih untuk ada anak seorang atau dua sahaja. Lain kalau rumah macam mahligai ada 14 bilik yang selesa amat. Bukan menantu saja lepas mengandung akan bersambung-sambung, silap-silap *mother in law* ikut berlumba juga.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Mereka semua ini menagih rumah yang mampu milik, bukan mampu melihat. Banyak rumah dibina untuk orang-orang yang berada dan berduit dan akhirnya golongan orang kurang mampu ini sekadar mampu menyewa rumah sahaja.

Jika ingin membina rumah, pastikan jangan nak untung sahaja sehingga sanggup melihat rumah yang dibina itu runtuh seperti nasib yang menimpa 22 buah rumah di kawasan Gambang Damai. Dari tahun 2020 hingga sekarang, masih tidak terbela nasib mereka. Rumah ganti tiada, ansuran bank kena bayar juga. Tidak kasihankah kita kepada mereka kerana mereka juga anak bangsa kita. Pula itu, pembelinya ramai yang terdiri daripada penjawat awam. Bila tak bagi undi, salahkan pula kepada penjawat awam. Oleh itu, minggu depan marilah kita berpakat beramai-ramai menziarahi mereka.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kita kena pastikan membuat rumah, buatlah yang murah-murah dan elok-elok, jangan sampai kejadian tanah runtuh berlaku lagi, banjir yang terjadi seperti taman PR1MA Mahkota. Jika nak buat juga, pastikan buatlah rumah yang bertiang, rumah yang tinggi supaya harta benda tidak rosak. Rugi berpuluh ribu tapi dapat bantuan seribu dua. Adakah ianya adil kepada mangsa-mangsa banjir? Rakyat tidak gembira, rakyat marah, rakyat sakit hati. Mereka simpan dalam hati. Bila PRU akan datang tiba, mereka zahirkan dalam undi mereka.

Jagalah rakyat, insya-Allah kita akan dapat banyak barakah. Jika PRU-16, mereka masih tak nak mengundi juga yang di seberang sana, jangan bersedih, kerana pahala tetap menunggu di akhirat nanti. Apabila rakyat gembira, pahala di akhirat tak dapat dihitung dengan jari lagi. Apa nak dikejar dengan kekayaan, nanti dikejar-kejar keciciran pula. Kerugian sudah tentu, keuntungan entah ke mana. Bila kita rugi, paip air tidak berguna lagi. Namun kita perlu menimba di perigi kembali. Bak pepatah moden berkata, jangan sapu semua tapi ambil mana yang sempat. Negeri akan kaya jika rakyatnya kaya, bukan segolongan saja yang kaya. Baru kita dapat untung lebih daripada 1 bilion, insya-Allah.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita telah memaklumkan hasil dari tahun lepas kita mendapat untung lebih daripada 1 bilion. Kami dan rakyat mengucap taniah. Agihkan sebaik mungkin kepada rakyat yang amat memerlukan. Dan jangan lupa agih juga kepada kami untuk kami memakmurkan di kawasan-kawasan kami. Kami tak minta banyak pun. Bagi sejuta dua okeylah. Bagi jugalah peruntukan pengurusan pusat khidmat kami. Gaji pekerja pun dah mahal sekarang. Sewa pejabat, utiliti melambung naik. Kalau ada kereta-kereta lama tu bagilah kami pakai, tak ada kereta kecil yang besar pun jadilah.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Beberapa bulan yang lepas saya ada bertemu dengan Yang Berhormat Dong selaku EXCO Komunikasi, Multimedia, Belia, Sukan Dan Badan-Badan Bukan Kerajaan Negeri Pahang di padang hoki. Terlanjur berbicara tidak terlewat untuk saya mengucap tahniah kepada pasukan hoki SUKMA Negeri Pahang kerana pasukan lelaki dan wanita telah mencipta sejarah buat pertama kali iaitu kedua-dua pasukan telah mendapat pingat emas SUKMA 22. Ini kerana adalah kerana sokongan dan dokongan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tengku Hassanal

Ibrahim Alam Shah yang juga selaku Presiden Hoki Negeri Pahang. Taniah diucapkan sekali lagi.

Yang Berhormat Dong telah menzahirkan dalam perjumpaan saya dengan beliau, ingin mewujudkan satu Tabung Amanah Sukan untuk memastikan sukan di negeri Pahang tidak terbantut dengan masalah kekurangan dana. Saya mengalu-alukan niat yang baik ini dan saya berharap perkara ini akan menjadi kenyataan, insya-Allah. Jika perlu, boleh juga saya membantu apa yang mampu agar Tabung Amanah Sukan ini berjaya diwujudkan.

Melalui sukan, kita dapat memupuk semangat setia kawan, perpaduan bangsa, serta melahirkan generasi yang sihat dan cergas. Oleh itu, tolong tengok-tengokkan gelanggang yang daif, dewan-dewan prasarana semakin uzur untuk dibaik pulih. Bolehlah kita minta peruntukan dengan Menteri Kerajaan MADANI, kerana dengar kata mereka amat bertimbang rasa.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Pembangunan belia adalah penting juga kerana mereka adalah insan yang akan mengambil alih tugas-tugas kita apabila kita pergi menemui Ilahi satu hari nanti. Oleh itu jika kita dapat melahirkan belia yang berdisiplin, rajin, sopan santun, berpendidikan, beragama serta memiliki sifat kesukarelawan insya-Allah negeri Pahang akan makmur, maju dan sentosa. Memang benar anak-anak muda ramai yang mengundi kami. Namun, masih ada juga anak-anak muda yang mengundi parti kerajaan.

Oleh itu, janganlah marahkan nyamuk bakar kelambu. Kalau panas, kita pasanglah penghawa dingin. Memang hakikat kehidupan manusia. Mereka boleh mengubah selera apabila makanan yang sedia ada tidak lagi menyelerakan. Mereka akan mencari sesuatu yang baru. Seperti juga mereka rasa jemu ke... asyik ke Langkawi, sekali sekala mereka nak bertukar pula ke Pulau Tioman. Tapi masalahnya Lapangan Terbang selesa belum juga dibina di Tioman. Yang MADANI sibuk nak besarkan adalah Lapangan Terbang Subang dan Pulau Pinang.

Dato’ Sri Yang di-Pertua,

DUN Lepar ni ada satu Pusat Daerah Mengundi yang amat jauh iaitu FELDA Lepar Utara 1, 2 dan 4. Perjalanannya memang jauh tapi menyeronokkan sehingga boleh jamak solat. Kalau memandu kereta 110 kilometer sejam dari Gambang, kebiasaannya 2 jam 30 minit sampailah... sampailah di Lepar Utara atau di Kuala Lumpur. Jarak yang lebih kurang sama Dato’ Sri. Saya pernah dimaklumkan ada usaha untuk membina jalan raya dari Sungai Lembing ke Lepar Utara. Dengar kata jangka masanya akan jadi lebih singkat iaitu 30 minit sahaja.

Pembinaan jalan ini amat penting untuk dilaksanakan tapi bukan untuk memudahkan saya kerana saya boleh pinjam helikopter daripada kerajaan MADANI. Masalahnya ialah sekarang adalah rakyat. Kasihan mereka. Mereka sering keliru. Ada antara rakyat yang ada urusan perlu ke Kuantan, ada juga yang perlu ke Jengka, ada pula yang perlu ke Jerantut. Rasanya masalah ini telah lama mereka hadapi terlalu lama dan sudah sampai masanya perkara ini perlu diselesaikan.

Dato’ Sri Yang di-Pertua,

Berdirinya saya di sini, duduknya Dato' Sri Yang di-Pertua di atas sana dan duduknya sahabat-sahabat di sana dan sahabat-sahabat di sini, tidak bermakna saya yang

berdiri ini amat hebat kerana satu hari nanti kita semua akan kekal berbaring. Akhir kata, saya dengan ini menyokong usul menjunjung kasih atas Titah Diraja Pemangku Raja Pahang Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah sekian. Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih wakil daripada Lepar. Dengan gaya tersendiri ya.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya bercadang untuk menempohkan persidangan di sebelah pagi ini dan kita akan menyambung semula pada pukul 2.30 petang dan saya harap supaya kita semua dapat hadir ke Dewan ini pada pukul 2.30 Kerana masih ramai lagi rakan-rakan kita yang belum lagi dapat berucap. Kita ada lebih kurang dalam 10 orang lagi. 10, 11 orang lagi yang akan menyambung ucapan mereka pada sebelah petangnya. Dengan ini persidangan ditangguhkan.

[*Persidangan ditempohkan pada jam 1.01 minit tengah hari*]

[*Persidangan disambung semula*]

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara keempat: Sambungan perbahasan usul menjujung kasih atas Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Gugur setangkai bunga melati,
Berselerak kelopak celahan di dada,
Sudah lama saya menanti,
Izinkan saya mulakan bicara.

Selamat sejahtera, salam perpaduan dan salam Malaysia Madani. Kepada semua Ahli Yang Berhormat izinkan saya menyampaikan sepatah dua kata sebelum saya memulakan tugas saya sebagai Timbalan Speaker buat kali pertama. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar serta Jemaah Ahli Yang Berhormat yang telah sepakat melantik saya sebagai Timbalan Speaker bagi penggal kali ini. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Speaker Dewan Negeri atas lantikan beliau. Ini adalah satu penghormatan besar buat diri saya apalagi saya adalah Timbalan Speaker Dewan Negeri Pahang, bukan Melayu dan berketurunan Cina yang pertama dalam sejarah negeri ini.

Mengimbau kembali pada penggal yang lalu, saya seorang wakil rakyat pembangkang. Namun tugas sebagai pembangkang perlu dijalankan agar negeri ini ditadbir dengan baik.

Kalau menangkap si ikan bilis,
Pilihlah dulu lentik bongkoknya,
Kalau bercakap di dalam majlis,
Fikir dahulu baik buruknya.

Saya ingin menasihatkan kepada semua Jemaah Ahli Yang Berhormat, sepanjang kita berada di dalam Dewan yang mulia ini agar kita berkata-kata dengan sopan, relevan dan tidak mengeluarkan kata-kata sensitif, *racist* dan *sexist* kepada satu sama. Setiap apa yang kita lakukan dalam Dewan ini akan merekodkan dan dijadikan rujukan *president*, dengan izin, pada masa hadapan. Saya sebagai Timbalan Speaker tidak akan berkompromosi dengan sebarang tingkah laku yang mencemarkan Dewan Yang Mulia ini. Ahli Yang Berhormat perlu mencerminkan keperibadian yang baik walaupun ada perbezaan, namun kita perlu selesaikan dalam sidang ini dengan keadaan dan aturan yang telah ditetapkan.

Penubuhan Kerajaan Perpaduan Negeri Pahang adalah satu sejarah buat negeri ini. Ia adalah simbol anjakkan dan kematangan demokrasi dan politik dalam negeri kita. Oleh itu, perpaduan ini perlu dijaga dengan baik agar manfaat dapat dirasai oleh seluruh rakyat negeri Pahang, kerana kestabilan politik negeri sesungguhnya memberikan kesan terutamanya dalam menarik pelabur serta menjaga kebajikan rakyat.

Akhir kata, pesan saya kepada seluruh Ahli Yang Berhormat, sepanjang saya mempengerusikan sidang ini, sekali lagi saya mohon agar tiada pertelingkahan, tuduh

menuduh dan pertikaman lidah serta kelakuan dan kata-kata tidak senonoh dan tidak sopan di kalangan Ahli Yang Berhormat baik di blok pembangkang mahupun kerajaan.

Sebagai Ahli Yang Berhormat, kita semua perlu mencerminkan keperibadian yang molek agar ia menjadi tauladan kepada rakyat, dan adalah menjadi tanggungjawab saya untuk mempengerusikan sidang Dewan Negeri agar ia berjalan lancar dan setiap keputusan yang dibuat membawa kebaikan kepada rakyat. Sekian terima kasih.

Baik. Baiklah, kita teruskan dengan agenda seterusnya. Persidangan kita disambung semula. Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Kerajaan Negeri, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat sekalian, kita masih lagi di atas Usul yang berbunyi:

> **"Bahawa Dewan Negeri Pahang yang bersidang pada hari ini, bersetuju menjunjung kasih atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Pemangku Raja Pahang berangkat menyempurnakan Titah Diraja kepada Dewan Negeri."**

Pada petang ini, kita menyambung semula perbahasan atas Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Pemangku Raja Pahang dan saya akan memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengambil bahagian dalam perbahasan usul ini dan saya ingin memperingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana petang ini kita perlu selesai perlu mengadakan 11 Ahli Dewan Undangan Negeri untuk mengambil bahagian. Jadi saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat mematuhi masa yang diperuntukkan sebanyak 12 minit. Baiklah, saya menjemput Ahli Yang Berhormat dari kawasan Semambu.

YB TUAN CHAN CHUN KUANG

Salam sejahtera dan salam Malaysia Madani. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam usul menjunjung kasih Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Pemangku Raja Pahang. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dilantik sekali lagi memegang tampuk pimpinan kerajaan Negeri Pahang dan juga barisan-barisan EXCO yang baru dilantik.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Dato' Zulkifli Yaacob atas pelantikan sebagai Setiausaha Kerajaan negeri Pahang. Semoga di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dapat membawa Negeri Pahang ini ke satu peringkat yang lebih baik dan membina Pahang yang lagi makmur.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri Pahang berjaya mengutip hasil pendapatan negeri yang konsisten dengan mencapai RM1.027 bilion dan mengurangkan hutang negeri dari RM3.31 bilion kepada RM952.2 juta. Penurunan hutang sebanyak 71% hanya dalam tempoh 4 tahun merupakan satu kejayaan yang patut dibanggakan. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaburan negeri Pahang setakat 30 September 2022, telah mengumpul pelaburan sebanyak RM20.56 bilion dengan RM9.55 bilion pelaburan domestik dan RM11.01 bilion merupakan pelaburan asing. Bukan seperti yang dinyatakan oleh YB Beserah

tadi bahawa kami cuma mencapai *success rate* dengan 50%. Tahniah sekali lagi kepada Kerajaan Negeri Pahang.

Manakala bagi isu Lynas, Yang Berhormat Menteri MOSTI, YB Chang Lih Kang, hanya menolak rayuan untuk pengecualian empat syarat termasuk dengan memindah proses CNL ke luar negara untuk memastikan tiada sisa radioaktif selepas ini di Gebeng ataupun di daerah Kuantan dan ia seiring dan selaras dengan Titah Diraja semalam untuk melindungi alam sekitar. Saya yakin Lynas diberi masa yang secukupnya untuk menstruktur semula cara pengoperasian mereka.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan negeri Pahang kerana telah mewujudkan laman web investpahang.com.my, yang memperkenalkan secara lanjutnya maklumat pelaburan dan insentif yang bakal dinikmati oleh pelabur-pelabur sekiranya melabur di negeri Pahang.

Namun, cadangan saya kepada kerajaan adalah kami perlu lebih proaktif menarik pelabur-pelabur asing melalui kerjasama dengan berbagai pihak terutamanya pihak syarikat swasta tempatan yang mempunyai jalinan hubungan perniagaan dengan negara lain dan juga pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan yang bertujuan ataupun yang ditubuhkan untuk menarik pelaburan asing ke negeri Pahang seperti persatuan pedagangan dan pelaburan Guangxi Pahang dan juga NGO-NGO yang berkaitan.

Mengikut *US News Global Survey 2022*, dengan izin, ataupun dengan Tajuk *Survey* tersebut yang bernama *Best Country to Invest In,* negara yang paling baik untuk melabur, Malaysia berada di tangga ke-39 selepas negara jiran, seperti Singapura di tangga 4, Thailand di tangga 31 dan Indonesia di tangga Ke-35. Kami perlu usahakan lagi untuk menarik lebih ramai pelabur ke Malaysia, khususnya Pahang melalui perkenalan insentif kerajaan dan infrastruktur yang lagi lengkap dan banyak.

Bagi menyenangkan kerja-kerja permulaan pelabur sehingga bermulanya pengoperasian, saya mencadangkan untuk mewujudkan jawatankuasa khas bagi membantu pelabur, terutamanya pelabur asing. Jawatankuasa tersebut yang bertanggungjawab melancarkan proses pelaburan mereka di Pahang dan membantu mereka sehingga memperolehi kelulusan untuk pengoperasian adalah amat penting. Ia bertujuan untuk memastikan pelaburan mereka berjalan lancar sehingga manfaat dan kebaikan dapat dinikmati oleh rakyat biasa dan birokrasi dibuang jauh-jauh seperti Titah Diraja semalam.

Tuan Yang di-Pertua,

Pemangku Raja Pahang menitah bahawa harapan Tuanku agar sumber asli di negeri Pahang dapat berterusan ataupun dapat bertahan 300 tahun atau lebih lama lagi dengan pengurusan dan perancangan yang baik oleh kerajaan.

Saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pahang kerana hutan simpanan kekal (HSK) dan juga jumlah keluasan kawasan berhutan menunjuk peningkatan pada tahun 2021 berbanding dengan tahun yang sebelumnya. Mengikut dapatan saya, projek lahut… ladang hutan (PLH) seluas 100,505 hektar di mana seluas 89,976 hektar hutan asli telah ditebang habis. Apa yang menyedihkan adalah hanya 28,857 hektar yang juga bersamaan dengan 34% ditanam dengan tanaman ladang hutan dan selebihnya tidak diambil sebarang tindakan.

Saya sarankan untuk kerajaan untuk mengambil tindakan yang tegas dengan senarai hitamkan syarikat-syarikat yang terbabit. Sekiranya perlu mengambil tindakan undang-

undang terhadap mereka yang terbabit. Selain itu, saya juga ingin ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pahang kerana sentiasa prihatin dengan mangsa banjir dan telah memberikan bantuan wang ihsan banjir kepada mangsa yang terjejas pada tahun-tahun sebelum ini.

Namun begitu, saya amat berharapkan projek tebatan banjir terutamanya di Cenderawasih dapat disegerakan bagi mengurangkan impak banjir terhadap penduduk-penduduk kawasan tersebut. Bayangkan, setiap kali jika hujan berterusan, penduduk-penduduk yang tidak dapat tidur lena dan terpaksa berjaga malam kerana takut air akan naik secara tiba-tiba. Bukan itu sahaja, penduduk-penduduk terpaksa menanggung kerugian dari segi perabot, barangan dan masa untuk membersihkan rumah.

Terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang telah memulakan projek penebatan banjir di Cenderawasih dan harapan saya adalah harapkan projek tebatan tersebut dapat siap dalam masa yang ditetapkan. Selain itu, saya juga ingin mencadangkan kepada kerajaan untuk memberi tumpuan dan mengambil tindakan proaktif bagi menyelesaikan masalah banjir kilat yang berlaku di tempat-tempat tertentu yang sebahagian besar adalah disebabkan daripada sistem perparitan.

Saya bersama dengan rakan juga telah menyediakan satu laporan berkenaan dengan *hotspot* banjir di kawasan saya di kawasan DUN Semambu dan nanti saya akan serahkan juga kepada Yang Berhormat Pelangai dan saya amat berharap kerajaan dan agensi yang berkaitan dapat menyelesaikan isu-isu banjir kilat yang telah menjejaskan kehidupan harian penduduk-penduduk setempat.

Tuan Yang di-Pertua,

Isu yang terakhir saya ingin mem… memanjangkan ialah isu air. Terima kasih atas keprihatinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam memperuntukkan RM150 juta di Temerloh dan RM68.1 juta kawasan Bentong bagi menangani masalah air seperti yang dilaporkan pada Julai tahun lepas. Saya juga ingin memohon perhatian Dato' Sri untuk mempertimbangkan penukaran ke semua paip yang telah lama dan menaik taraf loji air yang sedia ada di daerah Kuantan. Contohnya di kawasan saya, terutama di kawasan Indera Mahkota 1, 2, Kampung Padang dan sebahagian kawasan Bukit Setongkol sering mengalami tekanan air rendah yang menjejaskan kehidupan harian penduduk setempat.

Tuan Yang di-Pertua,

Baru-baru ini masalah air keruh yang teruk telah berlanjutan lebih daripada seminggu di kawasan saya. Aduan yang saya terima meliputi 11 kawasan di seluruh Parlimen Indera Mahkota dan saya difahamkan perkara tersebut berlanjutan bermula ketika hari raya sehingga ke hari ini di mana loji air di Kobat tidak dapat menampung untuk proses kapasiti air mentah yang terlalu tinggi sehingga air tanpa terawat disalurkan kepada pengguna. Saya harap kerajaan dapat memberi pertimbangan yang sewajarnya untuk segerakan penaiktarafan loji air Kobat untuk menampung pengguna yang semakin banyak di daerah Kuantan. Ingin menamatkan ucapan perbahasan saya dengan menjunjung kasih Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang dengan pantun di bawah.

Semua ADUN datang ke Dewan,
Bersama sekali lontar pandangan,
Berbeza parti bukan halangan,
Perbaduan mesti mencapai kesefahaman.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Ahli dari Semambu. Seterusnya saya menjemput Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Lumpur.

YB. TUAN HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Assalamualaikum WBT. Bismillahirrahmanirrahim. [Bacaan dalam Bahasa Arab]. Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua, pertama-tama saya merakamkan ucapan terima kasih di atas kesempatan yang telah diberikan untuk sama-sama dapat berbahas berkaitan dengan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang dan alhamdulillah pada petang ini kelihatan semua sama ada Dato' *Speaker*, belum Dato' lagi ya. Apa tu? Yang Berhormat *Speaker* dan semua sahabat-sahabat Ahli Yang Berhormat yang kelihatan begitu segar.

Biasanya waktu ni, dia ada dua je waktu ni sesuai. Sama ada tidur ataupun Hindustan. Jadi, alhamdulillah pada hari ni pakat segar belaka. Jadi, saya nak merujuk yang pertama-tama, membaca dahulu sepotong Firman Allah SWT [Bacaan dalam Bahasa Arab]. Maksudnya iaitu "mereka yang jika kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi, nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang melakukan kejahatan dan juga perkara yang mungkar dan ingatlah bagi Allah jua lah kesudahan segala urusan".

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya suka untuk membawakan beberapa isu berkaitan dengan kawasan saya sendiri. Pertama, berkaitan dengan isu banjir. Isu banjir ini, tuan-tuan sekalian, Kempadang dia menjadi satu kawasan baru yang sejak 3, 4 tahun kebelakangan ini boleh dikatakan tidak ada banjir. Maknanya kalau tak banjir itu peliklah kalau di Kempadang. Semenjak 3, 4 tahun kebelakangan ni.

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasihlah kepada agensi-agensi yang terlibat membantu mangsa-mangsa banjir khususnya di Kempadang dan begitu juga dengan bantuan ataupun insentif yang diberikan kepada mangsa-mangsa banjir. Jadi, banjir di Kempadang ini tuan-tuan sekalian, kita melihat ia berlaku semenjak akhir-akhir 3, 4 tahun kebelakangan ini apabila berlakunya pemesatan pembangunan di sekeliling Kempadang sehingga banjir yang bukan sahaja di Kampung Kempadang yang paling teruk adalah di Kempadang Makmur dan kemudian melarat ke Kempadang Sejahtera sampai ke Permatang Gaharu dan sebagainya.

Jadi, kita melihat ia seperti tidak ada kesudahan dan alhamdulillah kita melihat agensi kerajaan yang terlibat memang mengambil berat dan kita yakin bahawa pihak JPS dan sebagainya yang kadangkala dapat bertemu dengan saya sendiri memang datang menziarah, melawat dan membuat sedikit sebanyak kajian tetapi saya tidak melihat pergerakan dari sudut untuk menyelesaikan masalah tersebut yang barangkali mungkin ada masalah-masalah yang begitu besar termasuklah kos-kos yang lebih tinggi yang mungkin tidak dapat dicapai oleh pihak kerajaan. Namun begitu, suka saya

mencadangkan melihat kepada contoh di Sungai Isap. Di Sungai Isap ni, tuan-tuan sekalian memang kita semua tahu bahawa banjir besar dan pernah menjadi satu kawasan yang terbesar banjirnya di Malaysia ya tuan-tuan sekalian.

Tetapi kita melihat semenjak 2 tahun ini, 2 tahun ini, setelah rumah pam itu dinaik taraf, rumah pam, sistem rumah pam itu dinaik taraf dengan lebih baik dan kita melihat ia berjaya dapat mengawal paras air itu terlebih awal. Makna sekurang-kurangnya rakyat sempat pindah ataupun air itu tidak sempat begitu tinggi dan kita mengharapkan di Kempadang ini juga mungkin pihak kerajaan boleh buat kajian untuk dibina rumah pam yang, yang sama memandangkan bahawa Kempadang ini Kempadang Makmur di antara kawasan yang paling teruk. Jadi, memiliki ribuan rumah dan ribuan penduduk.

Jadi, pada tahun lepas, Kuantan ini dapat anugerah. Anugerah apa… Bandar Paling Bahagia sempena Hari Kebangsaan 2022, haa bandar paling bahagia tu. Tapi kalau main dengan banjir ni, tuan-tuan sekalian, tak bahagia mana er... bahagiamu, deritaku. Dia jadi begitu tuan-tuan sekalian. Jadi, kita mengharapkan bahawa er... untuk masa yang akan datang, supaya masalah banjir di Kempadang ini dapat diselesaikan. Mungkin sedikit demi sedikit tu, er... insya-Allah mudah-mudahan kita mengharapkan Kerajaan Negeri dapat memberikan perhatian.

Yang kedua ialah, masalah judi. Judi, er... judi apa… judi tanpa lesen. Kita istilah judi haram, hak ini jadi dua kali haram ini. Kali pertama agama haram, satu lagi kerajaan haram. Jadi pada baru-baru ini memang saya ada buat aduan dan alhamdulillah terima kasihlah pada pihak MBK yang telah mengambil tindakan. Namun begitu, er... apa tauke-tauke judi ini memang licik tuan-tuan sekalian. Dia tutup sekejap, kemudian ada balik. Tutup sekejap, ada balik.

Jadi kita semua tahu, pertama judi ini, dia rosakkan institusi masyarakat. Sebab kita di Pejabat ADUN sendiri pun memang kita terpaksa berhadapanlah er... dengan kesusahan yang dialami oleh isteri-isteri, anak-anak mangsa kepada er... suami mereka yang berjudi. Kita terpaksa bantu tetapi er... kita merasakan bahawa perkara ini boleh dibanteras dengan cara tindakan yang er... yang lebih keras, saya rasa begitu. er... tindakan yang lebih keras er... di antaranya, ambil tindakan kepada pemilik premis judi ini, ambil tindakan yang keras sama ada batalkan terus pemilikan atau sebagainya yang menyebabkan mereka ini serik untuk tidak membenarkan lagi tauke-tauke er... judi secara haram ni dia beroperasi. Itu keruntuhan dari sudut masyarakat.

Yang keduanya, tuan-tuan sekalian dia akan menampakkan keburukan. Satu pandangan yang buruk pada pihak penguatkuasaan. Sebab ini masyarakat, pertama MPK yang ada er... penguat kuasa. Apa kata masyarakat? Penguat kuasa ini tidur ke? Begitu juga dengan polis, mereka akan sebut begitu.

Sama ada dia kata tidur, makan rasuah dan sebagainya. Ini adalah tuduhan daripada masyarakat kesan daripada apabila judi itu tutup sekejap, buka sekejap, tutup sekejap, buka sekejap. Ini adalah pandangan. Jadi, di antara cara untuk kita selamatkan tohmahan masyarakat pada pihak penguatkuasaan yang sepatutnya dihormati oleh… oleh masyarakat. Tetapi, dia akan jadi gagal apabila judi ini dia berterusan. Jadi minta pihak kerajaan ambil perhatian pada perkara tersebut.

Yang ketiga saya nak sebut dari sudut keselamatan pelajar. Yang pergi sekolah er... di Tanjung Lumpur. Walaupun isu ini yang saya sendiri sebut dah 4 kali lah berkaitan dengan jejantas, lintasan pejalan kaki dan juga motosikal oleh pelajar-pelajar ke Sekolah Menengah, Sekolah Menengah Tanjung Lumpur. Dan kita faham isu ini telah diangkat oleh Ahli Parlimen Kuantan pada baru ini di peringkat parlimen. Masuk untuk

masuk dalam RMK ke-12. Jadi er... cuma saya pada petang ini angkat sekali lagi, mohon pihak Kerajaan Negeri mengangkat pula di peringkat parlimen supaya tindakan segera dapat dilakukan.

Isu yang keempat ialah penjenamaan kampung. Ini ialah rungutan er... dan juga sungutan daripada ketua-ketua kampung sebenarnya. Saya juga merujuk kepada Kampung Kempadang. Misalnya, Pusat Tenun. Pusat Tenun ini di antara yang terkenal lah. Tapi bila sebut Pusat Tenun, alamat dia Soi. Bila sebut pusat kesihatan, alamat dia Soi. Kempadang Perdana, alamat dia Soi. Sedangkan dia berada di bawah seliaan Tok Empat di Kampung Kempadang.

Jadi, dia akan menimbulkan beberapa kekeliruan. Kekeliruan yang pertama dari sudut orang lah, er... yang dia nak datang sain dan sebagainya, tengok-tengok alamat dia Soi. Pergi ke Tok Empat Soi, Tok Empat Soi kata eh ini bukan kawasan saya, kan, mesti dia sebut begitu. Sebab er... kawasan tu memang kawasan Kempadang. Pergi pula, dia pun pergi ke Kempadang. Jadi, pening jugalah sebab alamat itu *area* lain. Jadi kita minta pihak kerajaan buat satu penjenamaan semula yang lebih tepat lah rasa saya supaya kekeliruan begini tidak… tidak berlaku.

Yang kelima, saya nak bawa sikit berkaitan dengan pendaftaran eKasih. Kita faham bahawa eKasih ini kalau dulu nama-nama er... pemohon itu diangkat oleh Penghulu dan Ketua Kampung. Kebiasaannya dia begitu kan? Dia begitu. Namun setelah dibuka pendaftaran *online*, bila buka pendaftaran *online* ini, er... maka ramailah yang, yang masuk. Jadi kesan yang pertama, pihak pembangunan wanita, JKM dan sebagainya, dia terpaksa buat kerja dua kali. Buat kerja dua kali sebab ikut mana pun dia kena merujuk kepada Ketua Kampung dan Penghulu juga.

Kemudian *online* ini juga dia mendedahkan kepada orang-orang yang tidak layak untuk…untuk memohon. Orang yang tidak layak untuk mohon tetapi dia mohon kerana nak dapat itu lah kan, kita faham. Mohon kerana nak, nak dapat duit. Jadi, ada pandangan daripada pihak Penghulu, pihak Ketua Kampung dan sebagainya supaya dibuat sedikit kajian. Mana sesuai tidak untuk pendaftaran er... apa eKasih ini secara *online* ataupun boleh dibuat *online* terus kepada Penghulu dan juga Ketua Kampung sahaja supaya nama-nama mereka itu diangkat dan bertepatan dengan kategori yang, yang dikendaki oleh apa… oleh pihak kerajaan. Ini perlu kepada perhatian.

Dan kemudian yang seterusnya berkaitan dengan masjid lah, Jabatan Agama Islam Negeri Pahang, yang saya mohon perhatian. Sebab kita banyak berkuliah di mana-mana. Jadi kadangkala, tuan-tuan sekalian, imam masjid ini uzur sangat dah er... tua sangat, gigi pun tak ada dah. Gigi palsu. Jadi, yang rukun pun tak lepas lah, Al-fatihah pun tak boleh nak baca dah tapi ada sebab lain lah.

Sebab er... orang kariah er... ahli-ahli kariah tu dia segan, er... segan nak er... mengadu dan sebagainya. Jadi, banyak aduan itu datang pada kita dan kadangkala kita pergi sembahyang, kenapa teruk sangat bacaan. Tapi nak protes tak boleh, sebab dia adalah imam yang diberikan tauliah lah. Tapi dia uzur sangat lah, tak daya dah. 80 lebih, 70 lebih yang dah tak boleh… tak boleh nak baca. Dia baca Quran macam orang sejuk. Ketar je tuan-tuan sekalian.

Jadi, kita sendiri tak bolehlah nak buat apa sebab kita bukan AJK masjid dan sebagainya. Kita cuma datang kuliah je. Jadi yang er… yang berhak yang berautoriti untuk adalah pihak er... Jabatan Agama Islam Negeri Pahang untuk ambil tindakan dan kalau nak minta tolong saya pun mungkin boleh saya senaraikan beberapa er... beberapa orang. Tapi saya pun takut juga, kalau dia tahu saya mengadu, mesti lepas

ni ustaz, siap lah. Jadi, maknanya yang kita minta adalah Jabatan Agama Islam ambil perhatian dan kita pecat dan ada pula imam ini, dia tak larat dah tapi sebab elaun imam itu ada, er... maka, dia suruh orang lain ganti.

Kalau saya pergi kuliah, ustaz lah ganti, ustaz muda sikit. Dia begitu. Jadi, sedangkan dia yang bertugas sebagai imam, dia tak larat dah. Jadi ini perlu diambil perhatian sangat-sangat sebab dia melibatkan perkara rukun ya er... terhadap rukun ini kita pun faham lah solat kita, bagaimana keadaan kalau sekiranya tidak sempurna, sempurna rukun ini. Jadi kita mintalah pada pihak ber*authority* ini untuk ambil sungguh perhatian terhadap, terhadap perkara ini.

Akhirnya, saya juga er...mengulangi, mengulangi daripada sahabat saya, Cheka dan Lepar untuk pihak kerajaan mengambil perhatian di atas titah Pemangku Raja, supaya peruntukan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat pembangkang juga diberi, er... diberikan sama rata bagi tujuan memudahkan kita untuk membantu rakyat, Insya-Allah.

Jadi, sekali lagi terima kasih er... kepada Yang Berhormat Yang di-Pertua, dan saya menjunjung kasih di atas Titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang.

Sekian, terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat Tanjung Lumpur. Seterusnya saya menjemput Ahli Dewan Undangan Negeri, kawasan Pulau Tawar. Sila.

YB TUAN YOHANIS BIN AHMAD

Bismillahirrahmanirraahim Assalamulaikum WBT dan salam sejahtera. (Bacaan dalam Bahasa Arab). Pertama saya mengucap terima kasih kepada er... Tuan Yang di-Pertua di atas ruang yang diberikan saya pada petang ini. Jadi dikesempatan ini saya mengucapkan taniah kepada Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas pelantikan dan EXCO dan terima kasih juga pada pegawai-pegawai kerajaan yang turut hadir pada petang ini.

Pertamanya di kesempatan ini saya Menjunjung Kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Memangku Raja Pahang, sempena merasmikan Mesyuarat DUN Penggal Ke-2 Dewan Negeri Pahang. Titah yang saya kira sangat menzahirkan kecaknaan Baginda Tuanku kepada rakyatnya. Alhamdulillah. Saya memetik satu hadis Nabi yang menyebut tentang pemimpin. (Bacaan dalam Bahasa Arab) Nabi sebut dalam hadis ini.

(Bacaan dalam Bahasa Arab) “Setiap kamu adalah pemimpin dan kamu bertanggungjawab di atas apa yang kamu pimpin”. Jadi kita yang duduk dalam Dewan Yang Mulia pada hari ini disebut sebagai pemimpin dan semua kita ini dipilih oleh rakyat, di DUN masing-masing sebagai pemimpin bagi mereka. Sudah tentu kehadiran kita ke Dewan Yang Mulia pada hari ini, sepanjang lima hari kita be… be… himpun berkumpul di sini adalah untuk er... meran… merancang, merancana, mencari yang terbaik kepada rakyat di seluruh negeri Pahang. Jadi untuk itu, suka saya menyebut tentang er... pertamanya berkait dengan pembangunan insan, seperti mana disebutkan oleh ADUN Yang Berhormat daripada Tioman pagi tadi.

Dalam aspek pembangunan insan ini, kita kena jemput dan cuba cari balik mana-mana anak negeri Pahang yang pakar dalam pelbagai bidang supaya mereka ini terus berbakti di negeri Pahang. Jangan diambil oleh negeri-negeri yang lain. Kita nak mereka ini terlibat dalam GLC dan sebagainya kerana kepakaran ilmu mereka kita perlukan untuk bersama-sama membangunkan negeri Pahang yang kita sebut pembangunan insan ini mesti kuat daripada segi spiritualnya, fizikalnya, emosi, *intellect* dan sosial.

Jadi lima penekanan kepada er...Modal Insan ini, pembangunan insan ini perlu kita galakkan kepada rakyat negeri Pahang dan insya-Allah kita nak rakyat Pahang ini rakyat yang berkualiti, yang bahagia, berkualiti, yang turut sama-sama membangunkan negeri Pahang ini insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya menyebut di sini tentang perkara berkait dengan peladangan dan komoditi. Pada 21 Mac baru ini saya melakukan lawatan kerja ke Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara di Kuantan. Fokus saya kepada kenaf bukan pada tembakau ye. Kenaf ini untuk pengetahuan kita semua, Ahli Mesyuarat, ia berkait dengan industri yang antara negeri terawal yang memperlopor kenaf ini negeri Pahang, iaitu sekitar pada 2010 kita dah ada Pusat Industri Kenaf di Kampung Tebu Hitam di Rompin. Satu kilang yang memproses kenaf ini, yang boleh memproses sehingga 10 ribu tan batang kenaf kering setahun.

Jadi, bertitik tolak daripada itu, industri ini semakin hari semakin berkembang. Kalau kita tengok hari ini tuan-tuan Ahli Mesyuarat, antara negeri yang berusaha menaikkan industri ini… industri ini adalah Terengganu, Kelantan, Kedah dan juga Perlis, selain daripada Pahang. Maka, saya nak sebut di sini adalah, kerjasama strategik yang perlu kita buat, kerajaan negeri dengan agensi swasta perlu kita terus tambah baik. Sebagai contoh, sebagai contoh er... Teknologi Sistem Binaan Industri (IBS) yang berasaskan kenaf ini mampu menghasilkan produk berkualiti serta menjimatkan tenaga dan kos pembinaan antara 20 ke 30%. Dalam Titah Tuanku semalam, Tuanku menyebut tentang meles… Kelestarian Alam Sekitar. Salah satu er... kebaikan produk kenaf ini adalah ia menyumbang kepada er... Teknologi ini menyumbang kepada kelestarian alam sekitar.

Maka untuk itu saya sarankan kepada kerajaan negeri untuk er... meningkatkan lagi pengeluaran kenaf ini khususnya di daerah-daerah Kuantan, Rompin, Pekan dan sebagainya supaya anak muda kita yang memiliki tanah dia boleh mengusahakan kenaf ini, yang boleh mencapai hasil bulanan, hasil pendapatan mereka sehingga RM5,000.00 dalam tempoh 3 ke 4 bulan… tanah yang mereka miliki.

Contoh yang seterusnya er... Ahli Mesyuarat, Yang di-Pertua, contoh kebaikan produk kenaf ini adalah kajian yang dibuat oleh Universiti UniMAP, Universiti Perlis, Universiti Malaysia Perlis baru-baru ni penanaman cendawan, penanam-penanam cendawan ini mereka menggunakan benih Media Bijirin untuk penanaman pelbagai spesies cendawan. Masalah pada benih ni adalah dia terdedah kepada ancaman tikus, hama, kulat perosak.

Maka kajian daripada Universiti ini, UniMAP, Universiti Malaysia Perlis ini membuat kajian mereka telah menjumpai, mereka guna kor kenaf ini untuk menghasilkan benih Cendawan Tiram, menggunakan kor kenaf ini sebagai alternatif kepada bijirin tadi yang saya sebutkan tadi. Hasilnya benih cendawan daripada kor kenaf ini telah berjaya dihasilkan dan mengurangkan risiko jangkitan kulat dan jangka hayat dan punyai

jangka hayat lebih panjang. Ini contoh yang boleh kita ambil daripada kebaikan-kebaikan yang ada pada produk kenaf ini.

Jadi saya kira kerajaan negeri boleh mempertimbangkan saranan ini, untuk kita di samping kita menjadikan ianya pendapatan baru kepada kerajaan-kerajaan di samping kita boleh membantu anak-anak muda yang mungkin berminat untuk menanam Kenaf insya-Allah. Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya nak menyebut tentang beberapa isu. Saya menyambung apa yang di sebut oleh Tanjung Lumpur tadi. Titah Tuanku semalam menyebut tentang er... berilah kepada pembangkang ini peruntukan yang adil. Saya kira ini satu harapan yang cukup tinggi daripada Tuanku Pemangku Raja Pahang.

Sementara saya duduk di sini tadi, Ahli Mesyuarat semua, saya dapat satu mesej daripada warga penduduk tempat yang saya wakili. Mereka minta kepada saya baju Khairat Kematian. Dia kata penggali-penggali kubur ni, “YB, nakkan baju”. Sebab dia kata, "Bila ada baju baru ni, semangat sikit gali kubur ni." Jadi, kos saya tengok tadi RM560.00, orang perempuan pun ada nak baju dia kata. Mana kami nak korek duit? Jadi, hujah dia kata, anak muda tadi nak gali kubur YB. Bukan kubur YB, kubur lah nak gali kubur semangat. Jadi saya kira Yang Berhormat-Yang Berhormat lain pun mungkin ada juga berhadapan dengan situasi ini.

Jadi andai kata peruntukan itu diberi pada kami, kami bolehlah bantu mereka-mereka tadi dan insya-Allah pahala dapat juga lah pada rakan-rakan Mesyuarat dan EXCO yang meluluskan, Menteri Besar sendiri yang meluluskan projek… meluluskan bajet tersebut insya-Allah. Ini contoh.

Maka, er... menjadi amanah kami di peringkat DUN yang kami wakili ini untuk menyelesaikan masalah rakyat. Antara perkara yang menjadi isu di DUN yang saya wakili ini, pertama sekali masalah gangguan bekalan air. Kampung Pulau Tawar, Kampung Batu Leja, Kampung Kelola dan Kampung Bukit Nikmat. Mereka ini jauh daripada bandar. Masalahnya adalah selalu sangat berlaku pecah… paip pecah. Bila paip pecah, yang di cari, kami. Pihak PAIP, pengurusan PAIP, Alhamdulillah buat kerja dengan baik. Bila pecah, mereka turun dan ganti. Tapi bila pecah di sini, ganti baru di sini, depan pecah pula. Jadi tak selesai masalah ni. Memang perlukan pada pergantian paip-paip lama ini Tuan Yang di-Pertua.

Maka, bila berlaku kemuncak, Hari Raya baru ni, dan Kampung Bukit Nikmat, mengadu kat saya, saya pergi ziarah, pergi tengok. Saya kata, "Tadah lah air siang." Dia kata, "Air ini tak ada daripada siang. Ada pukul 1 pagi sampai pukul 3 pagi. Kadang-kadang bunyi angin sahaja. Bunyi angin sahaja. Jadi tak keluar air."Saya tanya, "Macam mana minum? "Dia kata, "YB, Kami minum air, beli air mineral di pasar raya. Sampai bila nak beli? Jadi, isu air ni sampai tak mereka nak minum. Air nak minum. Bukan sekadar nak mandi dan sebagainya.

Maka hari ni kita be bersidang, berbincang. Carilah jalan yang terbaik untuk kita selesaikan masalah air ni di seluruh negeri Pahang ini, insya-Allah. Kita selesaikan masalah keperluan air ini yang menjadi kita faham er... Kerajaan Negeri berusaha, pihak PAIP berusaha dan insya-Allah ada di sana kemudahan-kemudahan yang pertolongan daripada Allah Ta'ala untuk kita selesaikan masalah air ini.

Seterusnya berkenaan dengan tahun lepas kita lihat fenomena filem Mat Kilau. Kebetulan Mat Kilau ni jasadnya ada di bumi Pahang dan pahlawan negeri Pahang. Sehinggakan kita tengok berbondong-bondong rakyat pelbagai bangsa datang ziarah kubur dia yang berada di kampung Kedondong, Pulau Tawar. Jadi apa yang saya lihat

waktu itu, Ahli Mesyuarat, Yang di-Pertua. Kita perlu ambil kesempatan ini, supaya kampung-kampung tradisional. Kita letakkan kampung-kampung ini satu keistimewaan kepada mereka. Kampung ini terus kita pelihara dan pulihara dan kita namakan kampung tradisional ini satu nama kampung warisan budaya pahlawan, contoh.

Kita ada tokoh-tokoh pahlawan di negeri Pahang. Tadi Yang Berhormat er... Benta sebut pagi tadi tentang pahlawan di Benta ada Kampung Budu. Kita ada di Pahang ini kampung tokoh Negarawan iaitu Almarhum Tun Razak sendiri, kampung beliau di Pekan. Jadi kampung-kampung warisan kampung tradisional bersifat warisan, negarawan er... pahlawan dan sebagainya perlu kita pelihara dan pulihara daripada masa ke semasa. Kerana akan datang, masyarakat akan datang, anak cucu akan datang nak tengok bagaimana keadaan kampung pahlawan negarawan kita yang ada negeri Pahang ini maka kita kena rebut peluang ini untuk kita naik taraf kita pelihara kampung-kampung tradisional yang ada seluruh Pahang ini supaya ia menjadi tempat pelancongan seluruh rakyat Malaysia ke kampung tersebut, insya-Allah.

Jadi akhirnya saya nak sebut satu lagi berkait dengan er... sebelum PRU baru ni ada satu program yang dijalankan di DUN yang saya wakili ini, iaitu Agihan Tanah Tapak Lot Rumah, Sis... Skim Tanah Rakyat (STR) dan perkara tersebut telah selesai di 12 buah tanah rancangan. Kita menyokong penuh apa sahaja dari usaha Kerajaan Negeri nak beri tanah pada rakyat, sama ada tapak ladang, tapak rumah.

Alhamdulillah, kita berterima kasih atas usaha Kerajaan Negeri nak beri tanah pada rakyat, ini satu usaha yang baik dan saya lihat perkara ini telah selesai di peringkat cabutan undi. Tinggal lagi rakyat bertanya bilakah mereka boleh dapat memiliki tanah tersebut untuk dibuat rumah. Maka saya tengok er... 12 tanah FELDA yang terlibat, melibatkan 248 luas kawasan lot hektar dan juga sebanyak 3,384 jumlah lot tapak rumah melibatkan 2,567 bilangan pemohon berdaftar. Isunya adalah status pelandaan…perlaksanaan tapak projek agihan tapak rumah ini, bagaimana keadaan terkini dan bagaimanakah status pembatalan GSA? Sebab ia berkait dengan FELDA dan juga lokasi yang ditawarkan itu jika ada yang tidak sesuai untuk dibuat rumah, maka saya kira dia patut dikaji balik. Dan jika projek ini bagus dan boleh selesaikan isu-isu yang berbangkit tadi, maka kita boleh buat di seluruh DUN-DUN yang ada FELDA di Negeri Pahang ini, insya-Allah.

Ini mungkin… ini projek *pilot* projek, dengan izin yang dibuat oleh pihak terdahulu dan saya kira projek ini kalau bagus baik, maka laksanakanlah di seluruh negeri Pahang untuk kita memberi tapak rumah kepada anak-anak muda yang berada di negeri Pahang ini. Jadi itulah beberapa perkara yang sempat saya sebut pada mesyuarat pada kali ini dan insya-Allah mudah-mudahan perkara tersebut dapat diberi perhatian dan boleh diselesaikan dalam jangka masa yang sesuai dan insya-Allah er... kita rasa gembira jika projek dan juga masalah rakyat tadi dapat diselesaikan dan saya ucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga barisan EXCO di atas komitmen kesungguhan yang diberikan dalam menyelesaikan masalah rakyat.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Titah Tuanku. Sekian.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Ahli Yang Berhormat Pulau Tawar. Seterusnya saya menjemput Ahli Yang Berhormat kawasan Jengka.

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum WBT (Bacaan dalam Bahasa Arab).

Terima kasih er...Yang Berhormat Timbalan Speaker memberikan izin dan kesempatan kepada saya untuk sama-sama membahaskan ucapan Titah Diraja. Dalam kesempatan ini, saya seperti rakan-rakan Yang Berhormat yang lain, merakamkan ucapan tahniah er... kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Wan Rosdy Wan Ismail, kerana sekali lagi dilantik menjadi Menteri Besar Pahang untuk Penggal Ke-2. Tahniah ya. Saya juga ucap tahniah kepada Dato' Sri Speaker, tak ada petang ini dan kepada Timbalan Speaker yang baru yang dilantik dan mengharapkan supaya penggal ke-15 ini dapat mengurus perjalanan Dewan Negeri dengan baik dan adil, insya-Allah ya.

Saya mengharapkan penggal ke-2 ini, Yang Amat Berhormat Dato' Sri disayangi oleh kawan dan lawan dengan melaksanakan pemerintahan dengan lebih baik dan adil kepada rakyat, kepada wakil rakyat, sama ada di pihak kerajaan ataupun di pihak pembangkang, termasuklah kepada rakyat yang dimenangi oleh pembangkang, tadi mungkin sudah disebut oleh beberapa wakil rakyat yang lain saya ulangi. Peruntukan mesti dberikan kepada wakil rakyat pembangkang sebagaimana titah Baginda Sultan, Pemangku Raja, semalam dalam ucapannya no. 78 dan 79, jadi saya baca sikit, saya ulangi. Pada no. 78 baginda menyebut “yang menjadi kerajaan raikan pembangkang kerana mereka juga telah dipilih oleh rakyat”. Maksudnya kalau YB pembangkang nak buat kunjung hormat kepada pejabat kerajaan, nak berjumpa dengan DO-DO, maksudnya berilah kebenaran. Sebab kita bukan nak runtuhkan kerajaan, tetapi kita nak bersama membina kerajaan.

Pada nombor yang ke-79, Baginda menyebut peruntukan yang adil perlu diberikan kepada mereka juga dan inilah yang dilakukan oleh kerajaan negeri Perak, kerajaan Kedah, Kelantan dan Terengganu. Walaupun mereka melantik penyelaras DUN daripada wakil mereka, tetapi dalam masa yang sama, peruntukan diberikan kepada Yang Berhormat Pembangkang. Saya sangat meyokong titah...

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Mohon penjelasan daripada wakil Jengka. Berapakah peruntukan yang diberikan kepada wakil pembangkang dalam er... dalam Dewan Negeri di Kelantan dan di Terengganu dan juga di Kedah untuk mendapatkan penjelasan.

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Terima kasih kepada Dato' Sri Exco ya, orang lama dalam dewan ini. Saya minta apa ni buah mangga tak dapat-dapat lagi.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Saya er…Dato'… Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya pun mohon, saya sahabat saya ini… wakil daripada Jengka selalu kita bincang borak. Jadi biasanya kita ada usahakan juga untuk dapatkan mangga ini… harum manis, harum manis ya Dato' Sri ya. Jadi hari itu, oleh kerana kerajaan itu kerajaan Barisan Nasional, EXCO, EXCO Pertanian itu daripada UMNO. Jadi saya dah minta sahabat saya ni kalau boleh *hello-hello* ke EXCO Pertanian di Perlis tu supaya dapat kita sama-sama meraikan. Jadi

ini… rindu ada yang mengidam. Jadi minta jasa baiklah kalau kira UMNO tu boleh saya *hello-hello.* Jadi kalau ni daripada PAS tu ingat serah ke wakil Jengka la insya-Allah.

YB. TUAN HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Yang Berhormat Yang di-Pertua, insya-Allah boleh.

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Terima kasih Dato' Sri. Er... berkaitan dengan peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Kelantan, Terengganu, Kedah termasuk Perak. Dari segi faktanya memang ada diberikan peruntukan itu. Cuma secara *detail* saya tak adalah. Tapi telah diumumkan iaitu sebanyak RM750,000.00...

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri, saya mohon mencelah.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Silakan Yang Amat Berhormat.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Kalau ADUN Jengka tak ada *detail*, saya nak bagi *detail*. Untuk tahun 2023, Kelantan, Tengganu tidak ada memberi peruntukan kepada ADUN pembangkang. Bagi Negeri Kedah, dia ada bagi peruntukan cuma RM2,000.00 sebulan. Itu *detail*. Saya dah sah 2, 3 kali lah. Jadi yang Berhormat ADUN Jengka boleh simpankan maklumat ini. Terima kasih.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Saya mohon er... laluan sikit... Saya nak sahkan bahawa Kelantan memberi sama banyak sebagaimana peruntukan Kerajaan. Memang sahkan. Saya sahkan minggu lepas dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Terengganu juga memberi peruntukan yang sama. Jadi...

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya baru sahkan. Pagi tadi lagi sekali bahawa Kelantan, Terengganu untuk tahun 2023 tidak ada memberi peruntukan kepada ADUN pembangkang.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Okay, kita... saya akan dapatkan *detail*.

YB TUAN SU KEONG SIONG

Dato' Sri Yang di-Pertua, minta saya mencelah.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, ADUN Ketari, sila.

YB TUAN SU KEONG SIONG

Memandangkan Ahli Yang Berhormat tidak dapat memberi sebarang fakta bahawa kerajaan di Kelantan dan Terengganu ada memberi peruntukan, saya memohon agar kenyataan beliau ditarik balik. Dia tidak berasas buat masa ini. *Its not*…

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Okey, terima kasih Dato' Timbalan Speaker. Saya ingat saya tak perlu...

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Jengka. Tadi ada Ahli Yang Berhormat Ketari minta Ahli Yang Berhormat Jengka untuk menarik balik perkataan sekiranya Ahli Yang Berhormat tidak dapat *details* yang diberi dalam Dewan ini.

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Saya rasa saya tidak perlu tarik balik. Tadi Dato' Sri Cheka bangun, ini Timbalan Presiden, yang Presiden parti yang sentiasa berhubung dengan Menteri Besar-Menteri Besar di Kedah, Kelantan dan apa di... Terengganu. Dan telah mengesahkan dengan Menteri Besar sendiri, memang ada peruntukan sama daripada pihak kerajaan PAS di Kelantan, Terengganu kepada pembangkang. Hatta di Perak sendiri pun walaupun kerajaan yang diterajui oleh UMNO ada beri peruntukan kepada pembangkang. Sekejap, sekejap... nanti dulu.

YB TUAN SU KEONG SIONG

Nak mencelah.

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Saya tak izin lagi.

YB TUAN SU KEONG SIONG

Diberi kerana ada MoU CSR, bukan kerana sebab lain. Mereka ada MoU.

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Saya tak izin dia bangun, pasal apa? Jadi di Perak pun ada beri peruntukan sebanyak RM7,000.00 kalau tak silap saya. Jadi saya hanya sebut secara umum bahawa peruntukan diberi oleh kerajaan PAS di Kelantan dan Terengganu kepada pembangkang, saya tak sebut angkalah. Dan saya ingat benda ini boleh disahkan dengan baik dan saya sangat percaya apa yang disebut oleh Timbalan Presiden saya tadilah. Jadi saya tak perlu tarik balik. Saya teruskan?

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Dato' Sri Yang di-Pertua...

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Amat Berhormat, sila.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Saya mencadangkanlah. Saya mengatakan pada tahun 2023 tidak ada peruntukan daripada Kelantan, Terengganu kepada membangkang. Kalau sekiranya perkara ini benar, saya minta Yang Berhormat daripada ADUN Jengka tarik balik. Mungkin bukan sekarang. Yang Berhormat daripada Cheka boleh buat pengesahan. Tapi saya dah buat pengesahan beberapa kali sebelum saya bercakap, bahawa inilah kedudukannya bagi tahun 2023. Kelantan, Terengganu tidak ada peruntukan untuk pembangkang. Tetapi Kedah ada memberi peruntukan untuk pembangkang sebanyak RM2,000.00 sebulan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Amat Berhormat atas penjelasan. Jadi saya harap saya minta wakil-wakil daripada PAS ataupun Jengka buat semakan selepas ini jika sekiranya tidak ada beri peruntukan kepada pembangkang di Kelantan dan Terengganu pada tahun 2023, saya harap Ahli Yang Berhormat Jengka boleh tarik balik perkataan yang disebut pada petang ini.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Yang di-Pertua,

Saya dapat pengesahan baru. Pengesahan daripada Pejabat Menteri Besar bahawa ya, Kelantan bagi peruntukan pengurusan kepada semua ADUN-ADUN termasuk daripada UMNO, terima kasih.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Bila tu Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua?

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Ini maklumat terbaru, terkini 2023. Terkini. Saya baru dapat seminit tadi daripada Pejabat Menteri Besar. Terima kasih. Saya fikir yang pentingnya kita faham menjunjung Titah Tuanku.

YB ENCIK SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Terima kasih kepada Yang Berhormat Cheka yang seminit yang lalu dapat berita daripada Kelantan, Pejabat Menteri Besar sendiri mengesahkan. Jadi saya ingat saya tak perlu tarik baliklah kot, insya-Allah. Saya teruskan. Jadi inilah yang dilakukan oleh kerajaan negeri Perak, Kedah, Kelantan dan Terengganu. Jadi Pahang harap menjunjung titah Pemangku Raja Pahang. Saya sangat menyokong titah Baginda yang memperingatkan kerajaan agar jangan menafikan hak rakyat, terutamanya paling penting kerajaan perlu menghormati hak rakyat memilih Ahli Dewan Negeri Pembangkang sebagai wakil rakyat mereka.

Berikan hak mereka melalui peruntukan kepada Wakil Rakyat. Walaupun dulu adalah yang mengatakan bahawa baik kita bagi terus kepada rakyat, daripada bagi kepada

Wakil Rakyat. Adalah yang kata begitu. Kalau begitu tak payahlah buat pilihan raya. Kita lantik Wakil Rakyat.
Berikan peruntukan ini kepada Wakil Rakyat, ini kerana kebanyakan rakyat akan datang mengadu kepada Wakil Rakyat, berbanding datang mengadu kepada pengurus yang dilantik di DUN, di beberapa DUN. Dia akan datang apa yang disebut tadi kalau berlaku ribut, atap melayang 2, 3 keping, dia akan jumpa Wakil Rakyat. Longkang pecah, dia akan jumpa Wakil Rakyat secara *direct* pada waktu itu dan kita waktu itu kena korek lah duit cari untuk beri kepada mereka ini. Maka sebab itu saya ingat Pemangku Raja Pahang menyelami perkara ini dan dia sebut dalam titah Baginda semalam.

Dalam hal ini saya bersetuju dengan pandangan Pengerusi BERSIH, Gabungan pilihan raya bersih dan adil, Thomas Fahn mengatakan bahawa pemberian peruntukan yang tidak sama rata dan saksama kepada Wakil Rakyat dilihat umpama satu hukuman kepada rakyat kerana memilih Wakil Rakyat yang tidak berpihak kepada kerajaan. Ini pandangan bersih yang menyokong kerajaan. Ingatlah, sesungguhnya pemimpin yang adil itu akan berada di bawah lindungan Allah di hari kiamat kelak insya-Allah, sebagaimana yang disebut oleh Nabi dengan izin Nabi kata (Bacaan ayat al-Quran), "ada tujuh golongan yang akan berada di bawah lindungan Allah pada hari tidak ada perlindungan lain". Yang pertama yang disebut oleh Nabi ialah pemimpin yang adil dan ini yang kita harapkan.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon izin. Saya nak tanya dengan rakan saya dari Jengka ini. Kenyataan ini, sebutan ini, saya kira petikan ini kita bangkitkan dalam Dewan ini, dia merangkumi semualah. Bukan sahaja masa era ini, masa pemimpin yang termasuk pemimpin-pemimpin dulu, saya kira begitu. Sebab kenyataan itu seharusnya juga kita bertanggungjawab sebab saya tahu, zaman dahulu di negeri-negeri yang dipimpin oleh bukan Barisan Nasional tidak memberi peruntukan kepada Wakil Rakyat. Jangan kita kata masa ini saja, yang dahulunya.

Mungkin sahabat saya yang juga merupakan Timbalan Presiden PAS pada masa ini sedia maklum, bahawasanya di Kelantan dahulunya tidak ada satu peruntukan pun dibagikan kepada Wakil Rakyat pembangkang. Itu yang saya nak peringatkan jangan kita buat kenyataan itu seolah-olah sesuai untuk kali ini tetapi pada ketika dulu tidak ada langsung ini apa nama… peruntukan diberikan kepada pihak pembangkang khususnya di kalangan Wakil Rakyat UMNO. Walaupun tokoh yang memimpin pada ketika itu merupakan tokoh yang hebat daripada parti yang...

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Minta laluan sikit. Saya setuju apa disebut oleh Yang Berhormat. Tahun 1999 saya jadi ADUN, saya tak dapat peruntukan satu sen pun. Dan lapan-lapan pembangkang kita tak dapat peruntukan. Saya fikir apa Titah Tuanku, setelah 66 tahun, kita tutup, kita buka era baru dalam politik Malaysia dan politik Pahang. Saya fikir kita harus bersama-samalah kerajaan dan sebagainya. Saya pun dulu pembangkang, tak dapat peruntukan di Pahang, satu sen pun tak dapat peruntukan sampai habis penggal. Bukan saya sahaja, semua pembangkang. Saya fikir era itu telah berlalu, era kini era kita membina masa depan negeri Pahang yang lebih baik.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Saya bersetuju Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, tetapi kenyataan daripada rakan saya daripada Jengka tu, bila menyebut tu seolah-olah dia merangkumi ya pemimpin yang dahulu. Ha…dia katakan, itu tu yang saya nak ingatkan tu.

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Terima kasih kepada sahabat saya, lepas ini dapat mempelam rasanya, insya-Allah ya Harumanis ya. Er…saya baca ayat ni dia tak sebut siapa-siapa, dia sebut umum. Tetapi siapa yang memegang tampuk pemerintahan dan dia yang berkuasa memutuskan keputusan, maka berlakulah secara adil siapa siapa pun ya.

Saya juga ucapkan tahniah kepada barisan EXCO yang lama dan baru, yang baru ramai ini. Tidak lupa juga tahniah kepada semua Ahli Yang Berhormat. Ada yang dua penggal, yang tiga penggal, yang baru. Sesungguhnya jawatan adalah amanah yang besar, yang mesti dilaksanakan dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh. Ini kepada saya dan kepada semua ya berdasarkan kekuatan dan ilmu yang ada, inilah yang dipesan oleh Nabi kepada sahabat baiknya Abu Zarin dengan izin, Tuan Timbalan Speaker, Nabi berkata kepada Abu Zarin mengatakan (Bahasa Arab), “Kamu lemah wahai Abu Zar”. (Bahasa Arab)"Kepimpinan ini adalah amanah." (Bahasa Arab) "Kepimpinan ini pada hari akhirat nanti, dia akan bawa kepada kecelakaan dan penyesalan kalau kita tak menunaikannya. (Bahasa Arab) "Melainkan orang yang mengambil jawatan itu dengan hak nya, dia tunaikan apa yang perlu ditunaikan dengan tidak mengkhianati”. Semoga kita semua yang diberikan amanah kepimpinan ini dapat melaksanakan dengan baik, insya Allah.

Dato’ Sri Timbalan Speaker,

Baginda Pemangku Raja Pahang. Saya bagi masa sikit pasal mencelah ramai tadi ya. Baginda Pemangku Raja Pahang telah menyentuh pelbagai perkara berkaitan dengan hasrat Baginda untuk melihat Kerajaan Negeri Pahang pada hari ini melaksanakan beberapa perkara penting untuk kesejahteraan rakyat, dan dalam Titah Baginda pada nombor 29 dan 30. Baginda ada menyebut pada nombor 29, “kerapkali saya menerima laporan terhadap aktiviti penguatkuasaan seperti pencerobohan tanah, kecurian hasil tanah dan mineral serta penerokaan hutan simpan secara tidak sah”, dan nombor 30, “saya melihat aktiviti penguatkuasaan kita masih pada tahap yang lemah dan perlu banyak tambah baik”.

Justeru, saya amat mengharapkan agar pihak kerajaan, pihak Kerajaan Negeri bertegas dalam isu pencerobohan tanah, hutan simpan kekal tidak tunduk dengan sebarang tekanan daripada mana mana pihak. Bertegas ke atas 500 orang penceroboh. Kita di…dimaklumkan baru-baru di… di Raub. Tanah, yang menceroboh tanah Kerajaan Negeri walaupun ada desakan daripada Wakil Rakyat ataupun Badan NGO yang minta Kerajaan Negeri melihat dan menilai semula Undang-undang Tanah mengenai penanaman durian Musang King.

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Yang Berhormat, Yang Berhormat. Minta laluan.

Saya rasa ini bukan kawasan Yang Berhormat, ini kawasan Raub. Saya rasa *statement* itu kena betullah, yang 500 semua ya. Saya rasa tarik balik.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat,

Saya ingin memberitahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, sekiranya perkara-perkara yang masih dalam mahkamah kita tidak boleh sentuh dalam Dewan Yang Mulia ini. Jadi saya harap Yang Berhormat boleh mematuhi er… apa itu Peraturan-Peraturan Mesyuarat. Terima kasih.

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Terima kasih Timbalan Speaker. Dari segi angka tu, saya ambil dalam akhbar saje lah. Kalau tak tepat tu, saya tarik baliklah. Akhbar sebut 500. Kemudian dari segi err… saya hanya minta Kerajaan Negeri bertegas sahaja er… dengan prinsip Kerajaan Negeri yang tidak akan mengalah kepada mana-mana yang menceroboh tanah, Hutan Simpan Kekal.

Dato' Sri Yang Di-Pertua, menyentuh ….

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Dato', saya minta mencelah sikit. Sebabnya, kalau bercakap tanpa fakta ni, dia akan menjejaskan apa ni, penduduk setempat yang lain sebab kalau di Raub ni kalau saya menyatakan bahawa ada Kampung Melayu yang telah 20 tahun duduk Hutan Simpan. Jadi kalau kita nak bercakap benda ni, dia akan melaratlah. Jadi kalau tak tau fakta, lebih baik tak bercakap. Terima kasih.

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Fakta yang saya ada, yang saya ada ialah 4,400 hektar hutan simpan di Raub telah diceroboh. Sehingga menyebabkan Kerajaan Pahang rugi jutaan ringgit dan dianggarkan 10 tahun itu Kerajaan Pahang rugi RM30 juta. Itu fakta yang saya ada.

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Err…saya minta mencelah sikit sebab saya nak terangkan macam ini. Saya boleh bercakap di sini, di kawasan Parlimen Raub, contoh dia. Satu kampung, saya sebut nama kampung, Taman Liat yang terdiri daripada orang Kelantan yang telah berhijrah di Bandar Raub atau di Raub pada tahun 70an. Mereka dah duduk situ lebih pada 20 tahun, termasuk ini… kawasan simpanan. Sebab itu dalam ucapan saya tadi, kita ada perbincangan. Bukan kita terus cakap macam ni, dia akan menjejaskan penduduk di sana. Terima kasih.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya minta laluan sikit. Yang patut menjawab ialah pihak Kerajaan. Bukan kita sama-sama kita. Jadi apa yang diucap oleh Wakil Rakyat, pihak Kerajaan akan jawablah nanti. Saya fikir kita tak perlu polemik sama-sama kita. Ada peluang bagi kerajaan untuk jawab setelah penggulungan nanti. Saya fikir Timbalan Speaker, saya minta maaf kerana nanti banyak masa kita terganggu kerana itu.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Okey, terima kasih er… Wakil daripada apa tu… Cheka. Saya, saya kiralah saya dah bagi masa panjang dari…kepada er… satu minit lagi. Kita gulung satu minit lagi.

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Saya diganggu tadi, waktu saya diambil. Dato' Sri Timbalan…

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat.

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Menyentuh isu Rakyat Pahang (RRP), Baginda bertitah bahawa err… kepada Pembangkang pula janganlah menghentam semua yang kerajaan buat. Apa yang baik berilah pujian, apa yang kurang berilah pandangan. Jadi di sini saya nak ucapkan tahniah kepada Kerajaan Pahang, khususnya Yang Amat Berhormat Jelai kerana telah melaksanakan satu agenda besar RRP, Rumah Rakyat Pahang ini yang sangat bermanfaat kepada rakyat. Cuma saya di DUN Jengka itu, Rumah Rakyat Pahang itu belakang rumah saya saja. Jadi waktu nak rasmi, nak serah kunci, panggillah saya. Belakang rumah, jadi orang kawasan itu, dia kata, "Mana YB Jengka?" Tak dipanggil. Jadi nanti rakyat dia akan semakin sayang kepada…

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, mohon mencelah sikit.

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Tengok ada lagi celah. Saya ingat saya tak nak bagilah orang mencelah.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Sahabat sahabat, boleh.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Berapa saat sahaja, boleh.

YB DATO' SRI HAJI MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Saya kira Yang Berhormat Tuan Yang Di-Pertua, kalau rasa benda tu kan untuk rakyat saya ingat YB ataupun ADUN kawasan boleh pergi, tengok, tak ada masalah. Insya-Allah.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, sila.

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Terima kasih. Justeru saya mengharapkan lot-lot kosong di kawasan FELDA dan tanah-tanah FELDA yang diambil semula pada penggal yang lalu, yang ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat dalam Ucapan Pembentangan Belanjawan dulu, yang mana komitmen Kerajaan Negeri untuk beri lot-lot kosong kepada Generasi Kedua dan Ketiga dapat direalisasikan, Insya-Allah. Cumanya apa yang menjadi masalah besar hari ini di kawasan DUN saya, khususnya kawasan FELDA. Saya ada sembilan peti undi FELDA, kesukaran untuk pertama ialah untuk membina rumah kedua di belakang rumah ayah. Kerana hari ini katanya sudah er… ditarik balik kebenaran itu saya pun tidak pasti sejauh mana keadaannya. Yang kedua masalah mendapatkan bekalan api dan air. Mereka ini…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, Yang Berhormat, Saya rasa masa sudah cukup kerana kita ada berapa, lapan lagi, lapan lagi wakil rakyat belum lagi bahas. Jadi saya rasa cukup lah. bagi masa untuk...

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Masa tambahan tak ada, pasal tadi tadi ada gangguan banyak.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Kerana Ahli Yang Berhormat berucap pada 3.18 minit, sekarang dah 3.40 minit, dah berapa, dah bagi peluang kepada Ahli Yang Berhormat.

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Akhir sekali saya menyokong, menjunjung kasih titah baginda. Sekian, Assalamualaikum.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Ahli Yang Berhormat dari Jengka. Seterusnya saya menjemput Ahli Yang Berhormat dari kawasan Batu Talam.

YB DATO' ABD AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Bismillahirahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Pertamanya saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjunjung kasih kepada Yang Maha Mulia di atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang di atas titah sempena Mesyuarat Pertama Penggal Ke-2 Dewan Undangan Negeri Pahang Yang Ke-15.

Saya juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada *Speaker* yang memberi peluang untuk bersama dalam membahaskan usul titah ucapan dan juga mengucapkan tahniah kepada dua *Speaker* dan Timbalan *Speaker* yang baru dilantik pada penggal ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Setiausaha Kerajaan Negeri kita yang baru dan ucapkan terima kasih kepada bekas Setiausaha yang telah banyak menabur jasa dan bakti iaitu Dato' Sri Sallehuddin bin Ishak.

Dalam titah Tuanku, kita nampak ianya telah jelas dan banyak menekankan mengenai pengurusan berkehendakkan keamanan dan juga keharmonian dan seterusnya ingin melihat agar perancangan Kerajaan Negeri Pahang ini lebih jauh dapat dirancang bukan hanya untuk penggal tetapi disebut lebih daripada 150 tahun, lebih daripada 300 tahun ataupun lebih daripada itu. Jadi ini bermakna Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, seorang raja yang sangat berpandangan ini jauh. Jadi, insya-Allah lah kita harapkan kita semua sebagai Ahli-ahli yang telah dilantik dapat bersama berusaha memastikan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja dapat dilaksanakan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Bagi daerah Raub, saya lebih kurang telah pun menengok ianya… kita telah menetapkan ataupun telah melaksanakan hasrat Tuanku yang mana daerah Raub telah pun menetapkan hala tujunya untuk menjadikan daerah, sebuah daerah sebagai daerah *Eco Agro tourism* yang melibatkan tiga aktiviti ini… besar. Jadi selaras dengan itu, kita juga berharap dengan program-program ini dapat juga membantu membangun keadaan sosial kita ekonomi setempat. Di antara contoh yang kita telah buat ialah kita telah dapat mencuci sungai yang terpanjang di Malaysia dan telah dimasukkan dalam buku *'Guinness Book of Records'* yang telah pun dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja.

Jadi dengan ini diharapkanlah agensi ataupun jabatan kerajaan dapat bersama membantu lagi agar usaha-usaha ini dapat kita teruskan bukan hanya di sungai di daerah Raub, tetapi dapat dipanjangkan di tempat- tempat yang lain. Keduanya, kita di daerah Raub telah mengwujudkan satu kawasan *rehab* iaitu memelihara dan memulihkan satu spesies beruk ataupun ungka. Jadi spesies ni dia *special* sikit. Di antara ramai-ramailah, kita panggil beruk ini ramailah, beruk inilah yang pandai bernyanyi.

Jadi hari ini Tuanku Pemangku Raja telahpun berangkat dan di antara usaha-usaha kita, kita bukan hanya menjaga *rehab* ini, tetapi kita cuba supaya ianya dapat kekal hidup sebagai habitat asal dan selepas itu kita akan lepaskan. Jadi dalam Dewan ini maknanya Tuanku Pemangku Raja telah berangkat melihat dan memberi makan dan sebagainya dan insya-Allah dalam 2, 3 bulan lagi, mungkin ada di antara ungka ini akan boleh lepas. Jadi kita minta lah, ingat, siapa-siapalah tapi kita minta Yang Berhormat Menteri Besar lah untuk melepaskan habitat asal habitat ini… ungka ini kepada habitat asal insya-Allah dalam 2, 3 bulan ini kita akan dapat melaksanakan ini… usaha ini.

Jadi dalam usaha ini, saya dapat membayangkan kalau kita ada Gunung Aais ini dia ada membela harimau, jadi dia boleh mengaum. Orang bahasa cakap mengaum. Dia tadi panas, biarlah sejuk sikit kan. Kita buat cerita lain, kita bawa cerita harimau. Jadi esok di Raub ni kita ada ungka pula dia boleh menyanyi. Tetapi lagu apa? Ha, itu tengoklah ungka tu dia menyanyi apa. Jadi inilah gambaran di antara hasrat atau pun kehendak Tuanku ini dapat kita realisasikan di negeri Pahang mungkin kita boleh melihat negeri kita sebagaimana yang dikehendaki oleh Tuanku dan ini juga akan menjadi satu produk pelancongan yang boleh membantu sedikit sebanyak sosial ekonomi.

Jadi kita harap lah dari segi pihak Kerajaan dapat sedikit sebanyak datang ataupun melihat usaha-usaha yang telah dijalankan oleh pihak pentadbir Raub dan kita harapkan ianya dapat bersama-sama kita menengok kejayaan.

Keduanya, saya juga ingin mengucapkan tahniah dari segi keharmonian… keamanan dan keharmonian di mana pihak kerjaan Negeri boleh dikatakan, dengan ada hasil lebihan, yang dianggap lebihan daripada pendapatan sebelum… jadi kerajaan Negeri telahpun bukan hanya membantu menyediakan rumah ataupun RRP tadi, tetapi bagi pihak kerjaan boleh dikatakan cakap ringkasnya daripada mula manusia itu iaitu tak tahulah yang mana lahir dulu ataupun kahwin dulu, kerajaan telahpun memberi sedikit sebanyak bantuan ataupun sumbangan bagi membantu masyarakat di negeri Pahang ini sehinggalah rakyatnya kepada bantuan kematian yang disebabkan penyakit COVID. Jadi banyak yang telah dibantu oleh pihak Kerajaan.

Jadi cuma pada hari ni kita nampak bantuan-bantuan ini kita semua dah tahu. Jadi kita haraplah bantuan-bantuan ini dapat lagi di… diperkemaskan. Maksudnya kadangkala ada contoh baru-baru ni kita beri bantuan ibu tunggal. Saya pun simpati juga dengan ibu tunggal ini. Tetapi pada tahun lepas oleh kerana ada di antara ahli-ahli ibu tunggal ini tidak mendaftar di bawah Persatuan Ibu Tunggal, mereka… mereka tak dapat. Tetapi kita khabar dah suruh khabar… suruh daftar, tapi mereka ini tak daftar.

Jadi maksudnya dalam proses ini supaya kita di pihak Kerajaan dapat lagi memperkemaskan agar segala perancangan ataupun bantuan yang disediakan oleh pihak kerajaan dapat disampaikan kepada golongan sasar. Ini termasuklah kepada kumpulan-kumpulan sebagaimana yang dititah iaitu OKU dan juga ini Orang Asli. Jadi tahniahlah dan terima kasih kepada pihak ahli Kerajaan Negeri yang telah mewujudkan satu dasar, satu bantuan yang dapat sedikit sebanyak membantu rakyat di Negeri Pahang.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya teringat… ingin juga menambah kepada Kerajaan Negeri, meningkatkan lagi satu sektor pelancongan yang pada satu ketika dulu telah dilaksanakan tetapi terhenti iaitu Feri Malaysia. Feri Malaysia ini telah diwujudkan pada tahun 1986 yang dirasmikan oleh Sultan Pahang tetapi ianya terhenti. Terhenti ini bukanlah kerana ribut dan sebagainya, tapi kerana terbakar pada tahun 1987. Jadi kita haraplah kepada Kerajaan ataupun Datuk Bandar Kuantan ataupun Jabatan ini… Pelancongan Pahang dapat mengwujudkan semula pihak Feri Malaysia ini iaitu daripada Kuantan ke Kota Kinabalu dan juga ke Sarawak, ke Kuching.

Yang mana ianya dilaksana di bawah Syarikat Feri Malaysia Sdn. Bhd iaitu anak syarikat Perbandanan National Shipping Line. Jadi dengan adanya perkhidmatan ini ataupun aktiviti ini, kita nampak di negeri Pahang ini ianya dapat mewujudkan lagi satu aktiviti yang begitu menarik. Tambahan pula tidak lama lagi ECER daripada Kota Bharu ke Kuala Lumpur akan siap dan akhirnya mungkin sebanyak kita di antara negeri yang boleh melaksanakan perkhidmatan ini memberi sumbangan bukan hanya di peringkat negeri, tetapi juga ianya dapat membangunkan, memberikan peluang di peringkat negara. Jadi kalau dah ada kapal itu bergerak daripada Kuantan ke Kuching, ke Kota Kinabalu, lepas itu di naik ECRL daripada Kota Baru pergi ke Kuantan dan juga Kuala Lumpur.

Jadi ini sikit sebanyak dapat menengahkan lagi negeri kita ini ke satu aktiviti yang lebih menarik. Saya berkata demikian kerana kita nampak daripada peringkat awal Jabatan Pelancongan Pahang ini telah mengendalikan ini… Perbadanan Bukit Fraser. Jadi saya ingin mencadangkan agar Perbadanan Bukit Fraser itu dikembalikan kepada hasrat asal untuk menjaga Bukit Fraser. Jadi bolehlah Perbadanan Pelancongan Pahang ini apa... buat kapal itu balik semula, jaga kapal itukan.

Jadi Perbadanan Bukit Fraser itu dibalikkan ke Raub dan pelancongan Pahang boleh mengadakan aktiviti untuk menggerakkan aktiviti pelancongan ini… kapal dengan menumpukan kepada kapal dan juga kereta api tadi. Jadi itulah maksud saya yang lebih kurang agar kita di daerah itu dapat melihat supaya Bukit Fraser ini dapat menjadi sebuah agensi yang dapat bergerak sebagaimana asal yang dicadangkan.

Seterusnya, saya juga ingin...

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, masa sampai dah gulung...

YB DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Masa?

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Gulung...Gulung...sila, sila...

YB DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Saya minta sikit sahaja, tak banyak. Saya nampak perkembangan di negeri Pahang ini ke depan ini begitu banyak. Tinggal lagi mungkin kalau kita tidak dapat melihat ianya mungkin merugikan ataupun melambatkan pembangunan khususnya di daerah Raub. Khususnya baru-baru ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar telahpun mendapat kebenaran mengubah laluan jalan ke Cameron Highlands, di mana sebelum daripada ini, daripada Kuala Lumpur, kita nak pergi ke Cameron Highlands daripada Kuala Lumpur kita kena pergi ke Perak, makna Pahang, Perak, Selang… Pahang, Selangor, Perak... lepas tu baru balik ke Pahang.

Tapi bagi pihak Kementerian Kerja Raya telah meluluskan jalan daripada er… ke Cameron Highlands melalui Bentong, Raub dan seterusnya Cameron Highlands. Jadi yang saya nak sebutkan ialah ada satu jalan iaitu ECR, Central Spine Road ini, saya nampak Central Spine Road ini dia hanya terus daripada Kuala Lumpur ke Kota Bharu. Tidak mengambil kira masalah setempat ataupun bantuan setempat.

Satu *exit* perlu dibuat iaitu di Kampung Panchor, Tanjung Raja. Yang mana lebih kurang 5 KM saja daripada ECER itu akan bertemu dengan jalan itu dan ianya akan terus ke Cameron Highlands. Itu minta satu cadangan. Jadi itulah yang saya nak tambah, Tuan Yang di-Pertua.

Sekali lagi lah saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dan kita sesamalah berdoa agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang dan keluarga sentiasa sihat dan kekal bertakhta di negeri Pahang. Sekian Assalamualaikum WBT.

YB CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya tertarik dengan perbahasan Yang Berhormat Batu Talam tentang pelancongan. Cumanya saya ingin membuat sikit pembetulan bahawa Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser pada tahun 1997 telah ada satu pindaan enakmen. Bahawa PKBF memang

berfungsi untuk merancang dan melaksanakan pembangunan pelancongan di negeri Pahang dan juga merancang dan melaksanakan program penggalakan promosi dan pemasaran pelancongan di negeri Pahang di samping menjaga aset PKBF di Bukit Fraser. Jadi, kenyataan Yang Berhormat Batu Talam bahawa PKBF harus balik kepada peranan asal, saya rasa tidak betul dari segi faktanya. Terima kasih.

YB DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Itu cadangan sahaja Yang Berhormat Dato' *Speaker*, sebab PKBF itu berada di Raub menggunakan Perbadanan Bukit Fraser menjaga pelancongan negeri Pahang. Jadi saya sekarang nak bagi kerja lain kepada PKBF, jaga kapal itu. PKBF tu bagi balik kat Raub, itu cadangan saya.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Okay... terima kasih er... Yang Berhormat...

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat...

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yer... sila...

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya baru mendapat maklum balas... yang ni saya terpaksa jawab sekarang juga. Minta maaf daripada YB Cheka ya, sepatutnya saya nak tunggu waktu penggulungan. Saya telah sahkan melalui Setiausaha Politik saya berhubung dengan ADUN Kok Lanas yang mengatakan sehingga hari ini tiada peruntukan.

Tapi ura-ura nak bagi itu memang ada. Tapi tak bagi lagi. Berbanding dengan Kerajaan Negeri Pahang, telah pun beri peruntukan RM5,000 kepada ADUN Pembangkang sebelum hari raya. Dah bagi dah. Tapi yang Kelantan memang ada ura-ura nak bagi. Tapi sehingga hari ini tak bagi. Kemudian saya *follow up* lagi sekali. Saya sahkan lagi sekali dengan Pejabat Kewangan Negeri Pahang untuk berhubung dengan Pejabat Kewangan Negeri Kelantan dan Pejabat Kewangan Negeri Kelantan pun mengatakan tidak ada apa-apa peruntukan yang disalurkan kepada ADUN Pembangkang di negeri Kelantan sehingga hari ini, bagi tahun 2023.

Jadi kita tak usah panjang-panjang, insya-Allah Kerajaan Negeri ini... kita semua pun pernah berkawan dulu, kita pun bukan talak satu kan. Jadi kita usah panjang-panjang... kita cuba. Kalau kedudukan kewangan negeri... insya-Allah kita menjunjung titah, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih atas perjelasan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Jadi saya mintalah Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang kita adalah mengadakan Sidang Dewan yang mulia, jadi saya haraplah Ali-ahli Yang Berhormat sebelum bagi ucapan ataupun

bagi apa tu… dalam perbahasan sila sahkan perkara-perkara tersebut dulu. Seterusnya saya ingin menjemput ahli Yang Berhormat dari Pulau Manis.

YB TUAN MOHAMMAD RAFIQ KHAN BIN AHMAD

Assalammualaikum WBT, (Bacaan dalam Bahasa Arab)

Berbusana pahlawan dihiasi sampin
Sampin dibuat kain pelikat
Kalau kita memilih pemimpin,
Pilihlah pemimpin yang sayangkan rakyat.

Sarang kedidi, sarang tempua,
Bebelan murai, terasa bingit.
Berlaku adil kepada semua,
Siapalah kita ingin menongkat langit.

Terima kasih Tuan Timbalan Yang di-Pertua Speaker, saya di sini merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat dan semua Ahli Yang Berhormat kerana memberi ruang kepada Pulau Manis untuk sama-sama berbahas Titah Diraja Pemangku Raja Pahang pada kali ini. Memandangkan ini adalah ucapan pertama saya di dalam Dewan Yang Mulia ini, saya terlebih dahulu ingin merakamkan ucapan terima kasih khususnya kepada semua rakyat negeri Pahang yang telah menunaikan kewajipan di dalam PRU yang Ke-15 baru-baru ini.

Terima kasih yang ter... juga diucapkan kepada seluruh warga DUN Pulau Manis yang telah memberikan kepercayaan kepada Perikatan Nasional untuk menja… menjadi suara wakil rakyat di dalam DUN Pulau Manis.

Timbalan Yang di-Pertua,

Sebaik sahaja saya disahkan sebagai Ahli Dewan Negeri Pulau Manis pada malam PRU yang ke-15 baru-baru ini, saya telah meletakkan keutamaan, kebajikan rakyat DN Pulau Manis di dalam sasaran paling utama tugas saya. Menggunakan *tagline* dengan izin "Peka, Peduli dan Prihatin" saya terus mendekati rakyat bermula hari pertama selepas PRU yang Ke-15.

Tuan Yang di-Pertua Timbalan Speaker,

KDYMM Pemangku Raja Pahang telah bertitah agar pihak pembangkang memberikan idea- idea yang membina yang boleh membantu kerajaan di dalam menjalankan urus tadbir Kerajaan Negeri. Bagi kami, Perikatan Nasional menyambut baik titah Tuanku dan ianya amat selari dengan amalan kami selam… selama ini iaitu BPMS, Budaya Politik Matang dan Sejahtera. Kami sememangnya sudi untuk menyumbang buah fikiran dan cadangan yang positif demi kesejahteraan rakyat khususnya di negeri Pahang. Kami sedar akan situasi ini kerana inilah kami dipilih dan...oleh rakyat dan kami sememangnya berkhidmat untuk rakyat.

Tuanku juga telah bertitah setelah 66 tahun kita merdeka, landskap politik kita perlu berubah dan realitinya kita ada yang berubah antaranya ialah Kerajaan Pusat telah bertukar beberapa kali, cuma di negeri kita masih belum bertukar. Baru-baru ni nyaris, tapi tak bertukar, *soon* insya-Allah. Tuanku ada menyentuh berkenaan Kerajaan er... sebagai Wakil Rakyat yang dipilih oleh rakyat Pulau Manis, saya *skip point* nombor 7

tapi kita dah sepakat untuk harmoni berkenaan peruntukan, saya hormat Dewan Yang Mulia, saya *skip* satu *point* saya.

Sebagai wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat Pulau Manis, sudah semestinya saya berhadapan dengan golongan yang memohon… memohon bantuan dari segi pelbagai… pelbagai bantuan yang diperlukan. Sekiranya… sekiranya Kerajaan Negeri sudi menyambut saranan yang telah disarankan oleh er...Tuanku amat-amatlah kami hargai dan itu semua adalah hak kami. Kerajaan Negeri juga perlu bersikap *gentleman* di dalam medan politik. Kita perlu berhadapan dengan musuh kita di dalam keadaan padang yang sama rata permukaannya. Sememangnya tidak adil kita bertinju dengan keadaan pihak musuh tangan digari, mulut ditutup dan mata digelapkan. Ketika mana kita bebas menghayunkan tangan yang hinggap ke muka pihak lawan kita. Hal ini boleh dikaitkan dengan Kerajaan menyekat kehadiran ADUN-ADUN pembangkang…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat er …Yang Berhormat sila.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

BY, meminta hak-hak rakyat memang bagus. Kita perlu sebut apa rakyat perlu, longkang pecah, peruntukan. Tetapi kita bukan berkelahi ni. Tak tak perlu cakap dengan mengatakan begini begitu kasar, macam macam kita nak memukul ataupun nak membahan, membaham tak perlu. Cerita je.

Kita perlu apa… bantu rakyat dan selama ini memang kita membantu rakyat pun. Dan apa nama… Yang Amat Berhormat Menteri Besar pun tadi sebut sebelum apa raya ke sebelum puasa, dah salurkan peruntukan kepada kita sebanyak RM5,000.00 dan tadi Yang Amat Berhormat Menteri Besar pun sebut dah juga. Kita akan menjunjung titah Ke Bawah Duli Tuanku. Jadi harmonikan apa… kata yang baik-baik. Makna berikan buah pandangan yang baik baik, yang positif untuk sama sama kita bangunkan Dewan ini untuk rakyat. Tak ada masalah. Terima kasih.

YB TUAN MOHAMMAD RAFIQ KHAN BIN AHMAD KHAN

Okey terima kasih. Saya cuma tu analogi se… kerana saya disekat nak buat kerja.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

(Bahasa Arab). Analogi ini maksudnya tasbih. (Bahasa Arab). Benda yang dibandingkan dengan benda yang kena banding. Jadi tidak ada beza niat seolah-olah nak menyamakan saja. Insya-Allah kita usaha beritahu apa yang boleh kita bantu, kita bantu, insya-Allah.

YB TUAN MOHAMMAD RAFIQ KHAN BIN AHMAD KHAN

Okey, terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Kemayan

YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Yang Berhormat Timbalan Speaker, saya mohon mencelah

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, ya.

YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Untuk Pulau Manis, bagi saya, banyak kali dah tadi er… Yang Berhormat-Yang Berhormat telah menyatakan berkaitan peruntukan dan sebagainya. Tapi bagi saya, bercakap pasal adil dan sebagainya, tapi Yang Berhormat daripada sebelah sana patutnya bersikap adil kepada Kerajaan. Adakah Yang Berhormat memberitahu ataupun menyebarkan kepada rakyat, ini adalah hasil ataupun pemberian daripada kerajaan? Pernahkah? Eh, beberapa penggal yang lepas, kita tengok daripada pihak PAS menyokong Kerajaan Barisan Nasional pada ketika itu.

Peruntukan diberikan. Adakah pihak PAS menyatakan… Yang Berhormat daripada pihak PAS menyatakan kepada rakyat, ini adalah daripada Kerajaan Barisan Nasional. Pernahkah? Mungkin kita boleh *scroll* kita punya *IG*, kita punya *Facebook*, berapa kali kita ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah memberikan er... bantuan dan juga kebajikan kepada rakyat di kawasan kita.

Pernahkah Yang Berhormat Yang Berhormat menyatakan terima kasih dan sampaikan kepada rakyat yang ini adalah sumbangan ataupun bantuan daripada Kerajaan Negeri Pahang yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Sebab tu, bila kita bercakap pasal adil, jangan kita adil kepada diri kita. Adil itu adalah secara keseruhan.

Meletakkan sesuatu perkara di tempat yang betul. Kalau Yang Berhormat rasa bagi peruntukan kepada Yang Berhormat itu adil kepada Yang Berhormat. Tapi, adilkah Yang Berhormat jika tidak berterima kasih kepada kerajaan negeri ataupun kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang peruntukan itu disalurkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. *So* saya rasa, Yang Berhormat-Yang Berhormat di sebelah sana, sepatutnya lebih harmoni lebih…

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Tuan Speaker…

YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Merasakan…

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Tuan Speaker…

YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Yang Berhormat perlu…

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Standing Order Tuan Speaker…

YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

memberikan kredit ataupun terima kasih Yang Berhormat kepada Yang Amat Berhormat Menteri besar.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Speaker…

YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Saya rasa tak ada masalah kalau begitu.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat ya.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Standing order speaker.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, ya.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Sekarang ini *floor* adalah *floor* Pulau Manis dan dia telah bercakap dengan dengan apa gaya bahasa dan juga cara dia dan sekiranya Pihak Pihak Kerajaan atau Wakil daripada Kemayan tidak bersetuju dia boleh bercakap lepas ni. Kenapa dia membincang atau membantah seperti begini. Ini bukan tujuan untuk nak…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Okey, okay Ahli Yang Berhomat, sila, sila.

YB ENCIK KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Sebenarnya bukan masalah membantah, saya cuma menyatakan jika kita hendak adil, kita bercakap pasal keadilan dan adil kepada Wakil Rakyat Pembangkang dan kita juga perlu adil kepada Kerajaan hari ini.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Terima kasih, terima kasih. Saya fikir Tuan Yang di-Pertua er... saya nak tenangkan keadaan er...kita tidak perlu bertengkarlah. Dia macam ini, sepanjang ucapan pun, banyak kali ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Kita pun semua dengar saya ucap pun terima kasih, semua ADUN-ADUN kita ucap terima kasih. Saya fikir kita untuk tenangkan keadaan, kita bagi *floor* dan kita hormati. Kita boleh bagi laluan kalau sekiranya Yang Berhormat berkenaan beri laluan. Kalau dia

tak bagi laluan, saya fikir Yang di-Pertua, untuk tenangkan keadaan, saya hormati satu sama lainlah. Terima kasih banyak.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABDUL RAZAK

Tuan Yang di-Pertua,

Saya pun bersetuju dengan kenyataan daripada er... mintak tu wakil daripada.. duduk.

Tuan Yang di-Pertua

Saya bersetuju dengan er… wakil daripada Cheka sebutkan tentang *Standing Order, floor* dan sebagainya dan sebab itu bila YB Cheka berucap, tidak ada gangguan itu. Kita nampak ada sentuh tapi kita perjelaskan. Misal contoh Yang Amat Berhormat Dato' Sri bila perkara ini berbangkit, beri penjelasan. Kalau tidak nanti, dia akan di*viral*kan dalam sosial media seolah-olah macam ada perkara yang er... yang tidak bertepatan itu, dibiarkan akhirnya akan dianggap sebagai betul. Hanya kalau boleh, sebagai ketua pembangkang, dapat maklumkan juga kepada anak buah supaya dalam perbahasan itu jangan terus er... seolah-olah menerkam kepada kami. Seolah-olah kami tidak adil. Jadi itu sebab tadi sahabat saya daripada Kemayan bangkitkan itu. Kalau nak bercakap pasal adil itu kena bercakap dalam not nada yang saya ingat bersesuaianlah. Makna kita pun ada juga ini sentimen perasaan. Saya ingat begitu. Tapi kalau boleh Yang Hormat Tuan Yang di-Pertua teliti perkara ini. Terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya perlu mengingatkan kepada semua bahawa kita.. apa itu… Masa yang memberikan laluan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat lain adalah hak kepada Yang di-Pertua. Jadi saya harap… saya haraplah Ahli-Ahli Yang Berhormat ringkaskan jika nak minta laluan ringkaskan, kerana masa kita singkat. Jadi saya jemput sekali lagi Pulau Manis dan juga sila pendekkan ucapan Yang Berhormat.

YB TUAN MOHAMMAD RAFIQ KHAN BIN AHMAD KHAN

Terpaksa pendekkan. Okey terima kasih Yang Berhormat Timbalan *Speaker.* Saya terus kepada isu setempat. Saya ingin menyentuh berkenaan masalah air yang dihadapi oleh rakyat dalam DUN Pulau Manis, khususnya di Sri Makmur. Isu air yang telah berpuluh tahun tidak pernah selesai, apa tindakan kerajaan berkenaan isu air di sana? Sampai bila agaknya isu air di sana boleh diselesaikan? Bayangkan ibu dan ayah kita yang berumur 70 hingga 80 tahun, terpaksa memikul air ke rumah. Cuba pejamkan mata, bayangkan sahaja. Tidak perlu berkata apa-apa. Begitu juga isu tanah di dalam kawasan DUN Pulau Manis. Ada yang masih belum dapat geran meskipun sudah berpuluh tahun memohon sedangkan dia ada paham…

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Saya nak tanya sikit tu ADUN Pulau Manis yang berkaitan dengan isu air di Sri Makmur ni, bila aduan tu dah dibuat kepada pihak PAIP?

YB TUAN MOHAMMAD RAFIQ KHAN BIN AHMAD KHAN

Banyak mana tu memang sekerap lah. Sepanjang sebelum raya dah sekali banyak banyak kali. Cuma saya tak dapat bilang beberapa kali dan kerap. Dan saya kerap

terima aduan. Kadang kadang sebulan sekali memang ada. Sepanjang seminggu, dua minggu saya terima aduan daripada penuduk.

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Berkenaan isu air ini, di Pekan ini memang selalu aduan berlaku. Tapi kadang- kadang terdapat juga adu-aduan yang perlu kita semak dan kita teliti dan kita siasat. Banyak berlaku kadang-kadang, pihak PAIP telah melakukan kerja-kerja pembaikan ataupun menghantar bekalan-bekalan air ke tempat-tempat yang menghadapi bekalan air ini. Maklumlah cuaca panas sekarang ini. Tetapi di Sri Makmur, saya dimaklumkan ada paip pecah dan paip telah dibaikpulih. Dan juga, pam juga telah dipasang. Dan ada ketikanya, pam rosak. Akhirnya, disebabkan ada sikit tersumbat dan telah dibaiki.

Jadi sebab itu, bila kita nak bercakap, kita tidak mengelirukan. Mengelirukan perasaan orang lain, mengelirukan pemikiran orang lain. Kadang-kadang sebab sedikit itu, kita menyebabkan orang jadi terkeliru. Pengundi-pengundi kita jadi terkeliru, orang ramai jadi terkeliru. Sedangkan kita telah melakukan yang terbaik untuk memastikan bekalan air ini adalah perkara yang sensitif. Semua orang nak air. Tetapi bila kita dah baiki, kita berterima kasih lah kepada kerajaan kerana bertungkus lumus untuk memastikan bekalan air itu dapat kita berikan kepada penduduk penduduk Sri Makmur. Tuan Yang di-Pertua.

YB TUAN MOHAMMAD RAFIQ KHAN BIN AHMAD KHAN

Terima kasih Bebar, selaku *caretaker* Pulau Manis. Dan itulah *point*nya beri laluan kepada ADUN yang dipilih boleh berhubung dengan pihak agensi. Supaya boleh berhubung dengan pihak PAIP, kemudian PAIP jawapan *first hand* Kalau tidak disekat, menda isu kekeliruan yang Bebar sebutkan tadi tidak timbul. Jadi saya teruskan, seterusnya…

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Tuan Yang di-Pertua,

Macam ni. Kalau saya… kita ada program, kita ada program di masjid. Dan pada kita ada program di masjid, YB pun ada bersama saya. Daripada Pulau Manis pun ada bersama saya. Saya tak cakap saya pergi ke lain. Duduk bersama saya, makan sekali bersama saya. Sebagai wakil kerajaan. Jadi bila kita makan bersama-sama wakil kerajaan, Yang Berhormat boleh beritahu saya tentang masalah yang dihadapi oleh Pulau Manis. Yang Berhormat, kita makan sekali dan boleh beritahu masalah yang dihadapi supaya kita dapat sama sama menyelesaikan masalah yang terbabit contohnya, dan kita tak ada bukan kita nak gaduh tapi jangan menyalahkan bahawa kita datang kawasan tersebut bukan nak cari gaduh, tapi nak menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rakyat. Kalau tak ada, tak ada kekangan.

YB TUAN MOHAMMAD RAFIQ KHAN BIN AHMAD KHAN

Sebab itu lagi cantik tidak disekat kehadiran kami kepada pejabat kerajaan. Seterusnya mengenai isu anak muda. Kerajaan perlu juga memberi laluan kepada pemuda untuk membangunkan ekonomi setempat. Contohnya di Kampung Belimbing, kebanyakkan anak muda di sana berhijrah keluar dan tinggal hanyalah warga tua

sahaja yang berada di sana. Hal ini perlu diberi laluan segera agar anak muda di sana dapat menjalankan aktiviti pertanian, penternakan atau sebagainya. Ini dapat menaikkan ekonomi setempat dan juga membuka peluang pekerjaan pada anak muda di sana dan sekaligus mengelakkan Kampung Belimbing akan menjadi kampung yang tidak berpenghuni. Hal ini dikritikal di Kampung Belimbing dan mungkin merebak ke Ganchong dan Pulau Rusa. Isu judi juga tidak ketinggalan di DUN Pulau Manis. Pada 1 Mac 2022, saya bersama-sama pegawai pusat khidmat telah pergi ke Majlis Bandaraya Kuantan bagi menyerahkan laporan berkenaan adanya pusat hiburan snooker tanpa lesen dan terdapat pusat perjudian haram akan tetapi apa yang menghairankan makin banyak pusat - pusat begini dibuka. Harap pihak kerajaan memandang serius isu ini kerana akan mengakibatkan keruntuhan moral dan akan menyebabkan pertambahan aktiviti jenayah dan tak bermoral di kalangan penduduk setempat. Hal ini kritikal di Taman Inderasempurna ...

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Yang Berhormat, satu minit lagi. Ha, gulung. sila.

YB TUAN MOHAMMAD RAFIQ KHAN BIN AHMAD KHAN

Dan yang Terakhir, begitu juga dengan isu di trafik light, simpang Paloh Hinai. mungkin YB Chini pun ada isu yang sama kot. Kerajaan boleh memikirkan kaedah yang baik untuk mengurangkan kadar kemalangan di situ kerana faktor jambatan dan hujung jambatan itu terus ada lampu isyarat dan telah membuatkan kemalangan di situ mungkin. Mungkin kerajaan boleh memikir inisiatif macam mana untuk memasang papan tanda atau sebagainya untuk mengurangkan kadar ke... malah menghentikan kadar kemalangan di situ. Er… saya nak sampaikan satu, pantunlah, sebab YB Tioman bagi pantun kepada Bebar, dan Bebar bagi terus hadiah kepada Tioman. Saya cuba ya, kot-kot lah Yang Amat Berhormat MB bagi.

Yang Berhormat MB disayangi semua,
kasihnya tidak berbelah bagi,
peruntukan itu hak semua,
patut juga diberi kepada kami.

Wallahhualam. Pualu Manis memohon menyokong Titah Tuanku. Wallaualam. Assalamualaikum Warahmatulahhiwabarakatuh

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima Kasih Ahli Yang Berhormat Pulau Manis. Seterusnya saya menjemput Ahli Yang Berhormat Kawasan Jenderak.

YB DATO' RODZUAN BIN ZAABA

Bismillahirahman nirrahim. Assalamualaikum Warahmatullah Hitaala wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Pertamanya saya ingin menjunjung kasih ke atas Titah Oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Pemangku Raja Pahang. Sebagai mana titah Tuanku, pelantikan kita sebagai Ahli Dewan Negeri ini adalah satu amanah untuk berkhidmat, berbakti dan memelihara nasib rakyat negeri Pahang, bukannya untuk bermegah-megah dan menunjukkan kuasa. Sebagai Ahli Dewan Negeri, kita mestilah sama sama berganding bahu untuk meningkatkan lagi pembangunan ekonomi negeri Pahang dan saya percaya kerajaan negeri sedang

berada di landasan yang betul dalam soal meningkatkan pembangunan ekonomi negeri.

Perkenan Tuanku, berkenaan penubuhan Majlis Penasihat Orang Asli Negeri Pahang juga akan menjadi satu wadah penting dalam meningkatkan lagi pembangunan masyarakat orang asli di negeri Pahang, di mana DUN Jenderak juga merupakan antara kawasan yang mempunyai banyak perkampungan Orang Asli. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang yang telah menguruskan negeri Pahang ini dengan amat cemerlang.

Syukur Alhamdulillah hasil pendapatan negeri yang telah meningkat kepada RM1.037 bilion pada tahun 2022. Menunjukkan bahawa pentadbiran kerajaan negeri di bawah kepimpinan yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang amat cekap dan cemerlang. Tambahan lagi, tujuh projek pelaburan antarabangsa bernilai RM11 bilion di muktamadkan. Hasil pendapatan negeri yang besar ini membolehkan Kerajaan Negeri memperkenalkan macam-macam inisiatif seperti Bantuan Prihatin Pahang, Program Kebanggaan Pahang dan banyak lagi. Sesuai dengan slogan "Tiada Janji, Lihat Bukti" kita adalah Kerajaan Negeri yang *walk the talk,* dengan izin.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua,

Saya nak sentuh sedikit berkenaan peranan Penghulu dan Ketua-ketua Kampung. Saya berpendapat kita perlu perkasakan lagi peranan Penghulu dan Ketua-ketua Kampung sebab mereka adalah pemimpin yang paling dekat sekali dengan rakyat atau masyarakat setempat. Untuk itu, saya nak mencadangkan Ketua-Ketua Jabatan juga perlu mengeratkan lagi atau memperkuatkan lagi kerjasama bersama Penghulu dan Ketua-ketua Kampung. Suara-suara yang mereka bawa kepada Ketua-ketua Jabatan Kerajaan ini perlu diambil kira dan kalau boleh dibantu sebabnya Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Kampung ini lebih dekat dengan masyarakat setempat dan pastinya mereka lebih faham dan dengan isu-isu semasa. Saya yakin mereka akan lebih dihormati masyarakat kalau mereka rasa dan merasakan masyarakat tahu mereka ini mempunyai peranan yang sangat besar.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua,

Di negeri Pahang ini juga lebih 1,700 penternak ikan sangkar yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan Negeri Pahang di DUN Jenderak sahaja ada lebih kurang 30 penternak yang berdaftar. Saya nak mohon kepada pihak berwajib serta agensi yang terlibat seperti Jabatan Perikanan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia serta Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan untuk lihat dan kalau boleh kawal harga makanan untuk ikan sangkar ini. Peningkatan harga makanan ikan yang amat ketara dalam setahun, sampai dua tiga kali telah memberi kesan yang besar kepada para penternak ikan sangkar.

Sebagai contoh, harga makanan ikan berjenama Dinding sekarang ini dah bernilai RM76.00 untuk satu beg dan yang seberat 20kg. Untuk jenama Tipi dalam RM85.00 untuk satu beg 20kg. Dulunya harganya kurang RM10.00 ke RM20.00 daripada harga sekarang. Peningkatan demi peningkatan, telah memaksa penternak untuk menaikkan harga ikan. Kalau kita tengok hari ini, ikan patin dan talapia dijual pada tanda harga RM22.00 satu kilo ditambah pula dengan masalah lain seperti hasil ikan yang tidak memuaskan, bencana menyebabkan penternak rugi besar.

Jadi saya harap agar pihak berwajib tengoklah semula perkara ini. Kalau boleh kaji semula dan buatlah kaedah yang bersesuaian demi kebajikan penternak ikan sangkar dan nelayan sungai. Saya juga di kesempatan ini ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang di atas keprihatinan membantu penternak ikan sangkar khususnya di Jenderak.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua,

Di dalam kawasan DUN Jenderak ini saja terdapat lebih kurang 10 perkampungan masyarakat Orang Asli dengan jumlah penduduk hampir 4,000 orang. Antara isu yang sedang berlaku di sini ialah berkenaan isu persempadanan semula rizab tanah masyarakat Orang Asli. Persempadanan ini melibatkan antara perkampungan Orang Asli dengan Jabatan Perhutanan dan juga Jabatan Perhilitan. Tiada persempadanan yang jelas menyebabkan berlaku pertikaian antara masyarakat Orang Asli dengan jabatan berkenaan. Sebagai contoh, tiada persempadanan yang jelas dari Kampung Perlok hingga ke Kampung Terbol.

Saya fikir pertikaian berpanjangan seperti ini perlu diakhiri segera, sebab kita pun tahu dan faham masyarakat Orang Asli ada peruntukan dan perundangan tersendiri apabila melibatkan hal ehwal tanah rizab ini. Kalau boleh, buat satu persempadanan yang jelas supaya nanti tidak ada lagi pertikaian dan masyarakat Orang Asli boleh meneruskan kehidupan mereka dengan lebih baik. Saya juga berpandangan masyarakat Orang Asli ini juga boleh transformasikan lagi dari segi ekonomi, pertanian, kesihatan dan juga pendidikan. Saya menyambut baik kenyataan yang telah dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah tempoh hari bahawa negara menyasarkan seramai 400 Orang Asli pada tahun ini untuk melanjutkan pengajian ke peringkat IPT.

Inilah satu sasaran yang sangat bagus dan meningkatkan lagi tahap pendidikan masyarakat Orang Asli. Saya juga berpendapat kita boleh memperkasakan perkampungan Orang Asli sebagai salah satu pusat atau hub pelancongan. Selain itu, menambah pendapatan mereka, ianya juga akan membolehkan para pelancong, baik dari dalam mahupun luar negara, mengenali budaya serta adat masyarakat Orang Asli di negeri kita.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua,

Yang terakhir, saya nak mengucapkan setinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan juga kepada PAIP. Untuk makluman, di DUN Jenderak saya terdapat 5 projek PAIP yang sedang dan akan dilaksanakan di kawasan *black spot* dengan izin, di mana kawasan ini sering berlaku isu ketiadaan air. Hal ini menunjukkan Kerajaan Negeri benar-benar serius dalam menyelesaikan masalah air. Bukanlah tak buat kerja macam ada setengah segelintir orang bercakap.

Saya nak mohon agar PAIP mengambil langkah segera dan bersifat jangka pendek sementara projek-projek sedang disiapkan. Hal ini kerana ada satu, dua kawasan yang masih berlaku gangguan bekalan air. Saya yakin dengan keupayaan Kerajaan Negeri dan PAIP dalam menyelesaikan isu air ini dan berharap perkara ini diselesaikan segera. Jadi saya akhiri dengan ucapan terima kasih dan menyokong Titah Ucapan Kebawah Duli Pemangku Raja Pahang, terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat dari Kawasan Jenderak. Seterusnya saya menjemput Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Luit.

YB TUAN MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Assalamualaikum WBT, salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua. Pertamanya syukur ke hadrat Allah SWT kerana dapat lagi bersama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini dan masih lagi saya nak ucapkan Selamat Hari Raya Maaf Zahir dan Batin. Puasa ada 6 hari lagi baki.

Yang keduanya, saya nak ambil kesempatan mengucapkan Ucapan Menjunjung Kasih atas Titah Diraja oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang semalam, yang saya kira dia sebuah Titah yang boleh apa ini… mencetus semangat untuk kita bersama-sama untuk membina sebuah negeri yang sejahtera, yang maju dan yang berperadaban, ada tamadun insya-Allah. Juga ucapan tahniah kepada pihak kerajaan yang berjaya menubuhkan kerajaan selepas PRU-15 dan terus diketuai oleh Yang Amat Berhormat Jelai. Juga ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Indera Haji Zulkifli bin Haji Yaacob atas perlantikan beliau sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang yang baru. Semoga pelantikan ini menjadi sinar kejayaan untuk negeri demi masa yang akan datang insya-Allah.

Dato' Yang di-Pertua,

Saya nak terus kepada isu tempat saya lah, kawasan saya. Walaupun saya juga terlibat dengan rakan-rakan, lain masalah dana peruntukan. Saya nak cerita sikitlah dana peruntukan ini. Saya sebenarnya di tempat saya Yang Berhormat Jelai ya, saya terus terang je dengan orang kampung. Kalau tak ada, saya kata tak ada lah. Tapi kesian juga kadang-kadang, dia kata ke Kerajaan. Teruknya Kerajaan ini kan. Tapi saya bayangkan kalau Kerajaan beri dana, kita pun beri juga dana kepada orang kampung ini, dia mesti kata bagus, baiknya Kerajaan ini ya. Jadi, saya percaya ya, walau macam mana pun jumpa orang kampung saya, walaupun tak dapat peruntukan dana sebagainya, tapi dia beri jaminan dia tetap mengundi saya juga dia kata. Insya-Allah. Jadi elok juga kalau ada dana tu mungkin…

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Sri yang Yang di-Pertua.

YB TUAN MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Majoriti kurang sikit kot.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Mohon izin...kan sedap bercakap…ar…manis, halus walaupun sinis. Terima kasih. [Ahli Dewan ketawa]

YB TUAN MOHAMMAD RAFIQ KHAN BIN AHMAD KHAN

Insya-Allah, Pulau Manis sedang belajar, Insya-Allah.

YB TUAN MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Terima kasih Kerdau. Malam ni saya bagi *point* boling. Er... saya nak terus kepada isu di tempat saya, isu air ya. Isu air ini ada tiga perkara yang pertama, saya ucap terima kasihlah kepada pihak kerajaan ya, kerana projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) yang telah siap ya, untuk Kampung Berkat Kampung Lampung, Kampung Sentosa, Kampung Bongkok dan Kampung Serengkam.

Yang keduanya, pra pembinaan iaitu membina tangki 2,272 m^3 meter padu dan rumah Pam di Sri Jaya dalam pra pembinaan. Kemudian kerja-kerja NWR atau pun *None Revinue Water* penggantian paip Kampung Luit, Lubuk Paku, Bukit Batu, Mentenang, Kuala Wau dan dalam pra pembinaan. Jadi saya pun nak dapat penjelasanlah daripada pihak kerajaan. Apa makna pra pembinaan tu? Dan satu lagi er... kerja-kerja NWR juga yang baik pulih tangki Sri Jaya, Luit dan Taman Keramat. Statusnya dalam pembinaan. Juga kita mohon dapat penjelasan sikit daripada pihak kerajaan.

Dan saya nak sebut juga isu masjid di kawasan saya ini ada dua masjid. Satu status pembinaan Masjid Kampung Lubuk Paku yang telah terhenti. Jadi kita nak tahu status er... bila nak bina, berapa lama pembinaan itu ataupun er... ya status Masjid Lubuk Paku. Yang kedua, status tanah Masjid Ulu Luit yang pernah kita ada sekali perjumpaan antara agensi-agensi kerajaan kerana Masjid Ulu Luit ni sangat istimewa. Dia dibina oleh er…dana penduduk kampung tu sendiri, Tuan Yang di-Pertua.

Kemudian er…isu jalan raya pun saya nak sentuh tempat saya, ada 3 perkara di sini. Yang pertamanya, status pembinaan naik taraf jalan Maran ke Serengkam yang sering terputus akibat banjir. Dulu dengar kata dah ada dah peruntukan-peruntukan itu, jadi kita nak tahu apa statusnya, ya. Kemudian yang keduanya, jalan raya di pinggir Sungai Pahang daripada Kampung Lubuk Paku ke Simpang Jengka dengan dalam anggaran RM90 juta itu, kita nak tahu status dia. Mungkin er... tahun lepas kita dengar proses pengambilan tanah.

Kemudian, Jalan 3 Kampung Berkat, dulu dikenali sebagai jalan Kuarters Peladang. Hah…itu tak panjang dalam seratus... 150 meter ya. Ar…sekarang keadaan sangat teruk dah bertahun-tahun, jadi penduduk ada 10, 11 buah keluarga di situ melalui jalan tu. Er... dan jalan raya juga untuk Kampung Embus, kampung Orang Asli kita mohon untuk naik taraf jalan tu kerana selalu tenggelam... ditenggelami banjir. Kalau banjir tak apa, kalau banjir tiga, empat hari tapi lepas banjir itu, ada air termenung. Jadi jalan itu tengelam sehingga sampai dua hingga tiga minggu. Jadi kita mohon dapat perhatian daripada pihak kerajaan juga.

Kemudian isu banjir. Isu banjir saya... kita nak tahu juga status projek tebatan banjir yang saya nampak ada papan tanda di tepi sungai itu Fasa 1 dan ada beberapa jentera-jentera sedang melakukan kerja dan kita nak tahu juga berapa fasa yang ada untuk menjayakan projek ini, kemudian jangkaan siap dan sebagainya dan kita nak tahu jugalah daripada pihak kerajaan, bagaimana projek ini boleh, nak kata menjamin payah juga ya, boleh mengatasilah masalah banjir dan membebaskan penduduk di tepi sungai ini daripada banjir di masa-masa akan datang.

Dan saya nak mengambil kesempatan juga di sini untuk menjunjung kasih ke atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang datang ke tempat saya menyantuni, memberi sumbangan dan menyelami perasaan sedih semasa banjir baru baru ini. Yang lain-lainnya ada satu dua perkara lagi iaitu untuk makluman pihak kerajaan, terdapat ada lebih dua... 25 keluarga yang tinggal di Kampung Bintang yang kita kenali sebagai rumah kilang. Jadi penduduk dia

mengadu ke saya tentang kebimbangan mereka, masa depan tempat tinggal mereka di...di kawasan itu.

Jadi kita mohon pencerahan daripada pihak kerajaan lah, apa perancangan-perancangan yang akan berlaku di situ, supaya mereka boleh bersedia untuk menerima apa-apa tindakan daripada pihak kerajaan di masa-masa akan datang, kerana di kalangan mereka semua, mereka tidak ada tempat lagi jika sekiranya diminta berpindah atau sebagainya ataupun ada apa-apa perancangan kerajaan di tempat-tempat mereka itu. Dan juga di Kampung Embus, Kampung Orang Asli ya di Kawasan saya dibina balai raya di tepi bukit tu cuma masalahnya balai raya tu tidak ada tempat letak kereta, *parking* kereta dan pagar tu muatlah 2 kereta sahaja saya ingat. Jadi mohon juga pihak kerajaan dapat melihat balik er... kawasan balai raya Kampung Embus tu.

Tuan Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Hari ni ada juga kawan-kawan sahabat bercerita tentang pelancongan sebagainya, saya pun nak sentuh juga nih tentang pelancongan ini. Pelancongan ini sahabat saya daripada Triang ini... lambai sikit. Kalau senyumlah lawa YB Triang ni (ketawa) betul-betul, ikhlas ni. Okey. Tahun lepas, kita di DUN Luit kita buat satu *rally... rally,* lumba kereta dan dapat sambutan yang sangat menggalakkan, sangat meriah di... di... sertai juga oleh Karamjit Singh, seorang pelumba antarabangsa. Dan tahun ini acara kita nak buat lagi tapi malangnya atau sedihnya Yang Berhormat Pembangkang ni dia tak boleh guna tanah kerajaan dah.

Jadi walau macam mana pun kita tak adalah sedih sangat. Cuma kali ini saya nak buat tawaranlah kepada pihak Kerajaan, hah daripada DUN-DUN, YB Dong jaga sukan dak. Saya nak *offer* lah ni, Bahasa Inggerisnya *offer*lah kalau nak peminat, kita boleh bincang dan boleh buat. Syarat utamanya buat di DUN Luit lah ya, dan kita akan cuba ajak lagi juga apa Karamjit Singh untuk datang. Sebab tahun lepas kita buat ada dalam 12 ke 14 buah kereta ya, yang bermain di rally, kita buat di ladang Kampung New Zealand. Jadi itu pun satu produk pelancongan ya YB Triang ya.

Kemudian... dalam penggal lepas, saya selalu menyebut *world industry design day* ini satu *event*, Malaysian *chapter*. *Event* yang kecil je di Kuala Lumpur. Yang kita offer pada Kerajaan Pahang, kalau berminat ambil program ini, mungkin kita buat boleh buat satu *event* acara tahunan Bandaraya Kuantan contohnya lah. Sebab saya rasa *event* ni kalau kita dapat buat, dia memberi impak yang besar kepada negeri dan pembangunan industri.

Orang kata bahasa Inggeris *starting point*, dengan izin ya, untuk... Untuk kita keluarkan imej baru negeri Pahang sebagai sebuah negara pra industri dan sebagainya. Sebab kita rasa cukuplah Pahang ni kita sebut kain batiklah, nasi dagang, ikan patin. Saya rasa sampai masa dah tahun ini, dah millenium dah ni. Kita tak bolehlah pihak kerajaan me...me apa ini… membuat imej baru negeri Pahang di masa-masa akan datang.

Dan lagi kita ada juga, saya rasa macam *research,* Pusat penyelidikan Pertanian di Sungai Tekam. Saya rasa tu satu produk pelancongan yang boleh kita bangunkan juga kalau ada kolaborasi Kerajaan Negeri dan Pusat, sebab kita rasa pelancong ni bukan melancong habiskan duit sahaja. Ada juga pelancong dalam golongan-golongan *researcher*, penyelidik-penyelidik dan pelajar-pelajar daripada universiti-universiti seluruh Asean, contohnya.

Saya rasa boleh kita…kita bangunkan pusat pendidikan tu sebagai pusat apa ni pelancongan juga, dan er…saya panggil Jalan Jepun. Jalan Jepun ni ialah Jalan Jerantut ke Benta, saya rasa di situ ada nilai sejarah. Saya rasa jalan tu jalan, produk pelancongan yang terbarulah kalau boleh untuk…untuk Negeri Pahang ini. Kalau di Melaka tu, dia gunakan sungai, dan tepi-tepi sungai itu ada rumah-rumah tradisional dan sebagainya. Saya rasa jalan raya, jalan Jepun, Jerantut ini kita bangunkan sebagai produk pelancongan.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Tuan Yang di-Pertua,

Makluman Dewan. Sebenarnya sepertimana yang dibangkit oleh ADUN Luit tu, memang jalan ini boleh jadi produk pelancongan. Kalau di Melbourne itu, dia dipanggil *great… scenic view, scenic road, yang er… what do we call.* Ada jalan yang melalui persisiran er… ni er…pantai yang menjadi tarikan. Salah satu daripada produk pelancongan yang…yang sebenarnya menjadi *one of the popular*, ini… tourism produk. Terima kasih.

YB TUAN MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Terima kasih Benta. Tuan Yang di-Pertua, antara perkara yang paling seronok di Dewan ini bila cadangan kita disokong, Ya Allah itulah nikmat. Disokong pula oleh kerajaan. Orang-orang *senior* daripada kerajaan. Betul, saya dah membayangkan jalan tu, kalau kita kena pastikan rumah-rumah tradisional, tepi jalan dibangunkan beri peruntukan sikit, bina semula. Kalau ada pekan sari, kita guna buat satu pekan sari yang bentuk tradisional.

Boleh terbangunkan lagi kebudayaan, kesenian, bunyi bunyian, silat sebagainya. Sepanjang jalan kita tak payah ambil semua jalan tu, mungkin ada *portion* 15- 20km. Kalau ada lori Jepun yang lama boleh hidupkan semula, boleh naik bayar RM10.00, jalan 10-15km. Lori komunis pun lalu tapi tak payahlah ya. Lori Jepun cukup lah, rendah sekali pun, lori-lori askar British sebagainya. Cantik saya rasa boleh-boleh...boleh difikirkanlah

Dan terakhir dalam pelancongan ini juga. Baru ini kita pergi berkampung di Cameron Highlands...Cameron Highlands. Saya tahu Cameron Highlands itu satu produk perniagaan yang sangat besar penyumbang... penyumbang besar di Pahang dan saya rasa kerajaan ada kena memperkasakan lagilah imej Cameron Highlands itu kalau saya difahamkan oleh pelancongan, memang imej *english* ya imej orang putih, dan saya rasa tak ada masalah *all out*. Banyak lagi saya rasa ruang-ruang dan peluang kita untuk menaikan imej inggeris di Cameron Highlands.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Tuan Yang di-Pertua,

Minta maaf. Saya terlupa nama dia, nama dia *Great Ocean Road*. Ini Dato' Sri *Speaker* dia dengar tu dia bagi *text. Great Ocean Road*. Jadi maknanya kita lalu tepi-tepi pantai, tengok pantai dia jadi produk pelancongan. *So* yang itu pun satu, *you know*. Boleh, boleh kita *pick up idea* daripada ini rakan saya daripada Luit. Terima kasih.

YB TUAN MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Terima kasih sekali lagi. Saya catit itu dan kalau ada rancangan kerajaan untuk melawat sana, jangan lupakan saya lah. *Great Ocean Road* itu, saya nak pergi itu. Nak ikut juga. Dan Cameron Highlands itulah tadi, itulah. Cameron Highlands itu kalau dapat betul, *real english*. Dengan papan tanda signboard dia, dengan jalan raya dia dengan cuaca dah sejuk. Dan kita kalau main golf sana pun boleh kita pakai macam orang *english* juga. Dengan topi bareta sebagainya, nampak *feeling* english itu dan kalau lagi hebat Cameron Highlands itu pergi 3 hari balik boleh cakap Inggeris, lagi bagus.

Kemudian, yang terakhir lah, tentang perpaduan. Saya nak *offer* kepada sahabat saya Yang Berhormat Triang itu. Ada satu ayat al-Quran, Surah Al-Hujurat ayat 13. Ayat Qur'an ini bukan untuk orang Melayu, untuk semua manusia siapa- siapa pun boleh pakai maksud ayat tu, "*wahai manusia kami telah mencipta kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan. Kemudian kami jadikan kamu berbangsa bangsa dan bersuku-suku agar kamu saling mengenal*". Saya nampak ayat ini ,*starting point* untuk proses perpaduan di kalangan kita, rakyat negeri Pahang ini. Saya nak cadang kerajaan kalau… kalau DAP buat ini, memang kita tabiklah, saya rasa orang Islam ini memang tabiklah. Buat *signboard* atau *billboard* besar-besar size 10, 14, apa ini… 12 bandar ya, 10,11 bandar di Pahang ini. Buat tulis Melayu, China, India ke tak apa. Inilah ayat keraiaan yang kita pegang, bahawa kita kena mengenali antara satu sama lain. Inilah *point* perpaduan sebenarnya. Tak kira apa bangsa. Jadi kalau dapat promosi ke ayat ni pun, cantik juga ya. Ini untuk program perpaduan kita di Negeri Pahang

Dan Alhamdulillah daripada program-program perpaduan yang lepas pun kita nampak ada ya, ada kesan, ada perkembangan dalam proses-proses perpaduan di negeri ini. Saya rasa Yang di-Pertua, sekadar itu dapat saya dalam perbahasan saya kali ini dan akhirnya saya mohon menyokong Usul yang dicadangkan. Sekian terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih, Yang Berhormat Luit. Seterusnya, saya menjemput ahli Yang Berhormat kawasan Mentakab.

YB TUAN WOO CHEE WAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan bagi memberikan ucapan di dalam Dewan Yang Mulia ini. Saya mulakan dengan merafak sembah dan menjunjung kasih di atas Titah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang yang bernas dan penuh nasihat. Terlebih dahulu, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua atau *Speaker* DUN Pahang di atas pelantikan. Saya percaya Yang di-Pertua mampu menjalankan tanggungjawab dengan cemerlang kerana selama mengenali beliau, perwatakannya yang mesra dan mudah didekati.

Begitu juga dengan Timbalan Speaker, saya ucapkan tahniah di atas pelantikan. Saya juga bersyukur kepada tuhan kerana dengan izinnya, di Pahang kita telah berjaya menubuhkan Kerajaan Perpaduan, yang saya yakini akan dapat memberikan perkhidmatan kepada rakyat dengan lebih cemerlang dan juga bagi memajukan negeri Pahang yang kita kasihi. Saya anak Pahang sejati seperti mana yang saya percaya ramai dari kalangan yang YB-YB ada di dalam Dewan Yang Mulia ini. Jadi, mari kita

ambil kesempatan di dalam persidangan Dewan kali ini untuk menyumbang pandangan dan idea dengan penuh ikhlas bagi memajukan negeri Pahang di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya mempercayai sebagai anak jati Temerloh, Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua boleh bersetuju dengan saya bahawa isu yang menjadi keluhan rakyat ialah tidak lain tidak bukan masalah air. Saya sudah lupa berapa kali saya menyebut isu ini. Di dalam...di dalam Dewan Yang Mulia dan untuk berlaku adil, memang ada usaha-usaha yang dicadangkan sebagai penyelesaian seperti pengumuman mantan Perdana Menteri memperuntukkan RM100 juta sebagai penyelesaian masalah air.

Saya memohon... saya memohon dapat disegerakan peruntukan ini bagi membina loji baru dan menggantikan paip-paip usang. Menjelang raya Aidil Fitri baru-baru ini, terlalu banyak kawasan yang bekalan air terputus. Pada 18hb April, paip utama di hadapan Balai Bomba Mentakab pecah dan telah menjejaskan ribuan pengguna. Saya mengucapkan terima kasih dan taniah kepada pihak PAIP Temerloh kerana segera membaik pulih paip yang pecah.

Tetapi saya merasakan ini hanyalah penyelesaian sementara memandangkan paip-paip yang lama, yang puluhan tahun tidak diganti akan menyebabkan masalah yang sama akan berulang. Kemudiannya pada keesokan hari, iaitu pada 19...19 April sebuah pam air Loji Lubuk Kawah mula rosak. Masalah ini berlarutan sehingga ke hari ini. Bayangkanlah didalam suasana perayaan Aidil Fitri, masalah bekalan air berlaku yang pastinya menyebabkan kemarahan daripada rakyat. Kerana itulah ada penduduk sebuah kampung di Lanchang berdemonstrasi.

Saya memohon untuk direkod penghargaan dan terima kasih kepada PAIP Pahang di atas tindakan segera. Mereka mendapatkan lori *tanker* besar daripada sebuah syarikat swasta di Selangor bagi mengedar air kepada penduduk. Namun begitu, memandangkan kepadatan penduduk yang tinggi serta kawasan perumahan yang banyak, saya memohon supaya *tanker* ditambah kepada beberapa buah lagi sebagai penyelesaian sementara.

Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini, saya juga menerima aduan daripada penduduk-penduduk di Lanchang meminta bantuan dan di atas dasar keprihatinan serta sesama anak Pahang, saya mengambil inisiatif membantu dengan menguruskan *tanker* dihantar khususnya di taman perumahan Taman Saga Indah, Saga Damai dan taman-taman berhampirannya. Seperti pepatah Melayu, cubit peha kanan, peha kira terasa juga. Jadi masalah air di kawasan saya juga merupakan masalah yang sama yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di DUN Lanchang.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Dalam kita mahu pembangunan pesat, satu syarat yang penting adalah infrastruktur yang *tip top* dengan izin, bekalan air bersih dan terawat menjadi elemen penting yang menarik minat pemaju-pemaju swasta untuk membangun kawasan perumahan dan juga komersial. Malangnya, disebabkan masalah air yang berlarutan ini, menyebabkan pihak swasta segan untuk melabur khasnya di Temerloh. Saya menerima keluhan daripada ramai *developer,* di mana mereka sanggup kehilangan deposit dengan tuan-tuan tanah kerana masalah air menyebabkan permohonan mereka ditolak PAIP. Isunya, dengan masalah sedia ada serta kapasiti loji air yang tidak *at par* dengan izin,

dengan pertambahan penduduk serta pembangunan yang pesat, maka menyebabkan pembangunan di Temerloh terganggu.

Masalah air ini jangan dipandang ringan kerana juga melibatkan pembangunan yang tersekat yang tentunya akan memberi kesan kepada ekonomi negeri Pahang. Namun begitu, saya menaruh keyakinan yang tinggi Kerajaan Perpaduan yang di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang mempunyai keazaman yang tinggi bagi menyelesaikan masalah bekalan air yang saya berharap dalam penggal ini juga. Bagi pihak seluruh pengundi, DUN Mentakab khususnya dan rakyat Temerloh amnya, saya memohon bersunguh-sungguh ada berita gembira atau ada cahaya di hujung terowong yang boleh dikongsikan dengan rakyat.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kawasan industri Mentakab sangat perlu diberikan nafas baru dan *facelift* dengan izin. Dengan lokasi yang berhampiran dengan Lembah Klang dan stesen ECRL di situ untuk membawa penumpang dan juga kargo, saya percaya dengan pendekatan yang betul dan tepat di samping inisiatif membawa masuk pelabur-pelabur, kawasan industri Mentakab boleh tubuh berkali ganda maju daripada hari ini. Saya memohon perhatian yang lebih diberikan oleh Kerajaan Negeri bagi menambah, maju serta menjadikan Kawasan Industri Mentakab yang terletak di titik tengah Semenanjung sebagai destinasi pelaburan dan industri, termasuklah industri hiliran memandangkan Pahang kaya dengan hasil bumi yang ulung. Saya menyakini ia boleh memberikan sumbangan yang besar kepada peluang pekerjaan dan ekonomi negeri Pahang.

Saya juga menerima rungutan daripada peniaga-peniaga kecil di mana dasar Kerajaan Pahang iaitu mereka yang mahu *renew* lesen perniagaan perlu juga jelaskan tunggakan cukai pintu dan cukai tanah. Ini mendatangkan beban kepada peniaga-peniaga kecil. Saya mencadangkan budi bicara Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk mengkaji semula dasar ini, sama ada dimansuhkan ataupun ditangguhkan buat sementara waktu sehingga keadaan ekonomi pulih sepenuhnya. Ini sangat membantu peniaga-peniaga kecil di dalam keadaan ekonomi yang masih belum pulih sepenuhnya.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Di awal ucapan saya, saya telah mengatakan kesyukuran dan kegembiraan di atas pembentukan Kerajaan Perpaduan, namun ada juga sisi-sisi lain yang perlu disegerakan bagi merealisasikan keazaman kita di Pahang bagi memajukan negeri yang kita kasihi. Pengalaman saya di Temerloh, memandangkan saya satu-satunya YB atau ADUN daripada sebelah kerajaan yang menang, izinkan saya melahirkan sedikit dukacita kerana sehingga ke hari ini Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah, iaitu JKPTD masih lagi tidak bersidang atau barangkali mesyuarat dijalankan tetapi saya tidak diundang.

Ini sangat mendukacitakan saya dan saya mempercayai banyak isu tempatan yang mencakupi kemaslahatan rakyat dapat diselesaikan di peringkat daerah. Juga, untuk membolehkan kita bertukar fikiran bagi memajukan daerah Temerloh yang akan menyumbang kepada kemakmuran negeri Pahang. Saya difahamkan Bentong, Cameron Highlands dan Raub telah berlangsung Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah, iaitu JKPTD, dengan Wakil Rakyat Kerajaan Perpaduan diundang dan menjadi ahli. Saya memohon untuk Temerloh dapat disegerakan Mesyuarat JKPTD ini.

Terakhir, keluh kesah penduduk Mentakab khususnya yang tinggal di pesisir Sungai Semantan, ialah jambatan Tanjung Kerayong yang hanyut akibat banjir pada 27 Mac 2022 masih belum ada khabar berita untuk dibina baru. Ini sangat menyulitkan penduduk bukan saja mereka pergi ke kebun tetapi juga apabila melibatkan kematian. Tanah perkuburan bagi penduduk Tanjung Kerayong dan kampung-kampung lain berdekatan adalah di seberang Sungai Semantan. Apabila jambatan ini runtuh, tentulah menyulitkan proses pengebumian serta menyebabkan kos yang tinggi bagi penyewaan kereta jenazah.

Saya sekali lagi memohon kerana saya telah sebut perkara ini di dalam persidangan terdahulu untuk kerajaan mempercepatkan pembinaan jambatan Tanjung Kerayong bagi kemudahan penduduk. Saya mempercayai dengan perpaduan di antara Barisan Nasional dan Pakatan Harapan yang membentuk Kerajaan Pahang pada hari ini akan mampu melonjakkan pembangunan negeri Pahang dengan lebih pesat lagi.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Berkenaan permohonan pihak pembangkang untuk dapatkan peruntukan yang sama dengan ADUN Kerajaan, saya fikir ini sangat bergantung kepada keadaan kewangan negeri. Adakah ia dapat dilaksanakan atau tidak? Atau keutamaan harus diberikan kepada kebajikan rakyat memandangkan kos sara hidup semakin meningkat. Ini bergantunglah kepada kebijaksanaan Menteri Besar kita. Sekian, terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat Mentakab. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat kawasan Lanchang.

YB TUAN HASAN BIN OMAR

Assalamulaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. (Bacaan dalam Bahasa Arab).

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Pada petang ini, er…Terima kasih kerana memberi ruang kepada Lanchang untuk turut bersama mengambil bahagian dalam titah ucapan Pemangku Raja. Di samping itu, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua, Timbalan, di atas lantikan sebagai *Speaker* menjalankan Persidangan kita pada hari ini. Juga yang tidak lupakan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan barisan EXCO yang telah pun dilantik.

Dan seterusnya kepada seluruh Yang Berhormat-Yang Berhormat yang mana telah pun dipilih dalam PRU yang Ke-15 baru ini dan insya-Allah saya yakin dan amat percaya bahawa rakyat kita di kawasan masing yang telah pun memilih kita untuk hadir dalam Dewan Yang Mulia ini mempunyai satu pemikiran yang mereka harapkan kepada kita untuk menyelesaikan masalah mereka, maka kita bawa ke sini adalah satu amanah yang besar dan saya kira kita dapat selesaikan dalam Sidang Dewan Yang Mulia ini. Mulai pada hari ini hinggalah masa-masa akan datang.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Titah ucapan Duli Yang Mulia… Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja telah mencakupi pelbagai aspek yang saya kira mengambil satu ucapan yang cukup bijaksana. Bagi pihak Lanchang, saya ingin melihat kepada satu er… secara

keseluruhan, di mana dalam sudut ekonominya ialah beberapa perkara yang telah disentuh oleh Baginda.

Tuan Yang di-Pertua,

Pertanian adalah merupakan elemen yang penting yang mempunyai hubungan antara hidupan manusia dan alam dan ia juga sering dikaitakan di antara satu sama lain, manusia, tumbuhan dan sebagainya lah. Firman Allah Taala dalam surah al-An'am, ayat 99 yang bermaksud "*Dan Dia lah yang menurunkan air dari langit, lalu Kami tumbuhkan dengan air itu segala macam tumbuh-tumbuhan, maka Kami keluarkan dari tumbuhan itu tanaman yang menghijau, Kami keluarkan tanaman yang menghijau...Kami keluarkan tanaman yang menghijau itu butir yang banyak; dan dari mayang kurma yang mengurai tangkai-tangkai yang mengurai... yang menjulai, kebun-kebun anggur, dan (Kami keluarkan pula) zaitun dan delima yang serupa, yang tidak serupa. Perhatikanlah bagaimana buahnya pada waktu berbuah yang menjadi masak. Sungguh, pada yang demikian itulah tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang beriman*"

Hadis Rasulullah SAW juga menyebut melalui Anas bin Malik yang... yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik "*Mana-mana orang Islam yang bercucuk tanam kemudian dimakan daripada burung, manusia atau binatang, tiadalah yang lain kecuali baginya adalah sedekah*."

Maka melihat daripada kepentingan tersebutlah, Lanchang ingin membangkitkan perkara khusus mengenai pertanian, khusus untuk negeri Pahang ini. Sejak akhir-akhir ini, dunia sudah dilanda dengan krisis kekurangan makanan secara global. Kekurangan makanan mungkin disebabkan oleh faktor cuaca, alam sekeliling, ataupun pertambahan manusia dari masa ke semasa yang memerlukan makanan yang banyak. Maka negara kita Malaysia tidak terkecuali daripada isu tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Pahang adalah merupakan sebuah negeri yang paling luas di semenanjung. Bentuk rupa bumi yang Allah anugerahkan merupakan antara yang terbaik kita dapati. Hutan belantara yang kehijauan, tanah berbukit dan datar, sungai lebar serta panjang, purata taburan hujan yang banyak, tanah yang subur, majoriti penduduknya adalah yang berminat dengan pertanian. Maka semua itulah faktor yang baik dijadikan sebagai satu asas kepada tumbuh-tumbuhan untuk hidup dengan subur di bumi Pahang ini. Maka atas itulah saya suka mencadangkan kepada kerajaan supaya negeri Pahang menumpukan kepada pertanian secara besar-besaran sebagai sumber ekonomi negeri yang mampan, menjadi pengeluar produk-produk pertanian makanan berasaskan produk pertanian serta produk pengeluaran huluan dan hiliran yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk melaksanakan pertanian, dia mungkin memakan kos yang banyak. Besar di peringkat permulaannya untuk memulakan ring…untuk pertanian tetapi apabila berjaya, ianya memberi pulangan yang lumayan serta berpanjangan. Maka saya ingin mencadangkan kepada kerajaan jugak untuk mengeluarkan bantuan yang selama ini kita telah pun sedia maklum bahawa kerajaan tidak pernah melupakan hal bantuan tetapi untuk mengeluarkan skala yang lebih besar ini memerlukan bantuan yang lebih besar kepada usahawan-usahawan yang kina… yang kita kenal pasti untuk dinaiktarafkan sebagai pengeluar utama sama ada di dalam sektor pertanian atau

penternakan ataupun perikanan dan sebagainya. Maka dengan itulah mereka dapat menjadi penghasil, pengeksport pertanian buk... bukan sahaja untuk kegunaan dalam negeri malah di peringkat er... negara sekalipun.

Yang keduanya ialah tanah merupakan aset dan asas yang utama untuk kerja-kerja pertanian. Mengikut ja er...laporan Jabatan Pertanian pada tahun 2020, Pahang yang sebuahnya… sebuah negeri luas ni mempunyai keluasan tanah terbiar yang agak tinggi. Yang pada masa tersebut adalah lebih kurang 39,000 hektar lebih. Dan saya melihat yang terpe...kenyataan er…buletin yang terbaru pada Jabatan Pertanian, angka tersebut telah pun menurun.

Saya mengucapkan tahniah kepada Jabatan Pertanian kerana angka tersebut daripada 39 telah turun kepada 29,391 hektar. Ini bermakna bahawa 10,000 hektar tanah tersebut telah pun dimajukan dan telah terbebas daripada yang disifatkan sebagai tanah terbiar. Maka oleh kerana faktor itulah, maka saya suka mencadangkan bahawa er... kita perlulah mengambil perhatian yang lebih serius supaya tanah-tanah yang disi... yang dikategorikan sebagai tanah terbiar itu boleh keluar daripada kategori tanah terbiar, dan diguna pakai supaya memajukan dia sebagai satu tanah yang berpotensi untuk dimajukan sebagai pertanian.

Dan kita juga telah berbincang daripada apa yang saya katakan tadi bahawa er.... tentang er... sawah padi dan sebagainya. Maka sudah tentulah daripada jumlah tanah terbiar ini, daripada tanah paya atau tanah daratan yang kemungkinannya boleh dikenal pasti sebagai sawah padi dan sebagainya, ataupun tanah daratan digunakan sebagai tanam buah-buahan ataupun sayur-sayuran.

Keluasan tanah yang begitu luas dan hampir 30,000 hektar itu saya fikir jika dimajukan sebahagian daripadanya ialah boleh mendatangkan ekonomi kepada rakyat kita di kampung-kampung, yang sebahagian besarnya mereka adalah petani-petani atau peladang-peladang di kampung-kampung kita yang menjadi teras kepada ekonomi utama orang kampung. Dan dalam masa yang sama boleh meningkatkan taraf hidup mereka yang selama ini saya yakin dan cukup percaya bahawa yang menjadi beban kepada kita di peringkat er... peringkat kerajaanlah khususnya di negeri Pahang ini.

Yang ketiganya ialah, masih lagi berkenaan pertanian. Saya amat tertarik dengan perbincangan awal tentang pertanian, kerana apa yang saya sebut tadilah oleh kerana di negeri Pahang ni sebahagian besar kita ialah kita memiliki asas faktor-faktor yang cukup baik untuk kita majukan, kita sebagai sebuah negeri pertanian, pengeluar pertanian supaya orang fikir akan datang, sebut pertanian, dia akan nampak negeri Pahang. Produk pertanian, dia akan nampak negeri Pahang. Maknanya, sepertimana kalau di negeri lain, disebut jelapang padi, dia akan nampak negeri tersebut, negeri Kedah, Kelantan dan sebagainya.

Dan maka itulah saya mengharapkan, mengambil masa kini teknologi pertanian telah pun berkembang, bergerak maju ke hadapan berbagai kaedah sistem tanaman yang digunakan adalah sistem fertigasi, sistem hidroponik secara konvensional ataupun…kaedah-kaedah tersebut telah diguna pakai hari ini. Faktor bagaimana yang telah disebut er...tanah yang tidak *strength* pun boleh diubah suai supaya menjadi tanah yang subur dengan teknologi tersebut. Maka saya kira sudah tidak ada masalah sebenarnya untuk kita memberi peruntukan yang besar, menjadikan er…cita-cita kita sebagai sebuah kawasan, sebuah negeri untuk mengeluarkan makanan kepada rakyat kita sendiri, malah kepada rakyat Malaysia juga.

Untuk yang keempatnya bagi melancarkan perhubungan yang baik dan selesa, saya ingin menyebut di sini bahawa er...perhubungan merupakan satu perkara yang penting iaitu jalan yang mencukupi...mencukupi untuk menghubungi ke satu tempat ke satu tempat. Jalan raya-jalan raya di Pahang ini perlu dinaik...naik...dinaiktarafkan kepada kualiti tinggi. Masalah jalan rosak dan berlubang perlu diatasi segera. Dan kita telah pun mendapati, bahawa daripada jawapan kerajaan tadi, bahawa kita mendapat banyak peruntukan.

Maka kita harapkan bahawa selepas pada ini perkara tersebut dapat diatasi. Dalam masa yang sama juga saya ingin er...menyebut bahawa bagi mengelakkan pembaziran berlaku, keselarasan di antara jabatan-jabatan juga perlu ada kerana kita melihat apabila satu projek er...penemuan dilaksanakan, contohnya pihak Jabatan Kerja Raya mengadakan projek er...menurap jalan, pembaikan jalan.

Tetapi selepas dua tiga bulan tersebut, agensi lain pula mengorek, menanam paip dan sebagainya menyebabkan belanja yang kita... kita belanja sebelum ini untuk jalan telah pun er... menjadi satu pembaziranlah, kerana kita terpaksa menurap semula selepas pada itu. Maka satu… satu keselarasan yang di antara agensi dan jabatan kerajaan perlu ditingkatkan dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua,

Titik tengah semenanjung terletak di daerah Temerloh khususnya di DUN Lanchang. Saya berterima kasih kepada mantan Yang Berhormat er... yang lalu kerana telah memperkenalkan Temerloh lah, khususnya Lanchang di mata masyarakat khususnya pelancong. Untuk masuk ke negeri Pahang, sudah tentulah dia melalui Lanchang. Dan di Lanchang ini ia merupakan er…satu merupakan banyak apa nama… hubungan-hubungan untuk dihubungi, sama ada daripada pantai barat melalui er...Tol Bentong ataupun daripada pihak selatan melalui Bera dan sebagainya. Tetapi apa yang berlaku ialah er... tentang perhubungan yang saya kira amat kurang. Sebagaimana yang kita telah maklum bahawa baru-baru ini kita mengalami banjir yang besar.

Lanchang telah dua kali mengalami banjir yang besar dua...dua tahun berturut-turut. Pada tahun 2021 dan 2020... 2020 dan 2021. 2021 berlaku pada awal tahun dan hujung tahun. Maka apabila berlaku banjir besar tersebut, semua hubungan untuk masuk ke Temerloh khususnya Lanchang telah terputus, sama ada daripada Karak ataupun daripada Bera. Maka saya ingin mencadangkan bahawa satu jalan baru alternatif dibina yang bermula daripada Felda Chemomoi ke Lanchang melalui Hutan Kemasul yang menembusi Kem…yang melalui Kem Batu 5.

Di mana jalan itulah merupakan jalan balak yang digunakan…diguna pakai sewaktu banjir besar berlaku pada masa tersebut. Maka saya mengharapkan bahawa satu er…dan satu er… dalam masa yang sama juga apabila jalan tersebut dibina, ia akan memendekkan perjalanan er…untuk pergi ke bandar Temerloh khususnya ke Pantai Timur lah dalam masa yang sama sudah tentulah menggamit pelancong untuk hadir ke Temerloh dan juga khususnya di Lanchang. Seterusnya saya ingin er…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, er…gulung lah kerana masa dah sampai.

YB TUAN HASAN BIN OMAR

Terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB TUAN HASAN BIN OMAR

Er…sedikit lagi. Satu perkara khusus ialah tentang tadi disebut tentang er…Temerloh, patin ikan sangkar. Ada satu masalah di perkampungan Pangsenam, di mana terlibatnya 20 orang penternak ikan sangkar yang telah pun mulakan industri ini agak lama, kira-kira 15 tahun yang dulu. Tetapi apa yang berlaku ialah, berkaitan tersebut ialah terdapatnya er…satu pam pasir yang beroperasi di bahagian hadapan.

Maka saya ingin er… memaklumkan dan memohon budi bicara supaya pihak kerajaan boleh menghentikan operasi pasir ini kerana ia mengancam pertumbuhan ikan-ikan tersebut, di mana saya telah pun dimaklumkan mereka telah mengalami kerugian lebih daripada 50% apabila seribu ekor anak benih dilepaskan dalam sangkar…sebuah sangkar, hanya 30% hingga 40% sahaja yang hidup oleh sebab gangguan air situ. Dan mengikut Jabatan Perikanan dalam radius 2km, tidak boleh ada sebarang industri yang mengganggu pertumbuhan sangkar-sangkar.

Dan akhirnya seperti mana juga yang disebut oleh sahabat-sahabat saya yang lain ialah masalah air di…di Lanchang. Maka saya ingin menyeru sekali lagi antara perkara benda perkara yang telah pun diumumkan oleh Perdana Menteri yang lalu ialah Loji Air Kampung Mempatih. Saya minta supaya perkara ini disegerakan kerana menurut er… perjumpaan saya dengan pihak pengurusan PAIP, alhamdulillah maklumat yang telah diberikan bahawa… oleh kerana Lanchang ini jauh daripada Loji Lubuk Kawah di penghujungnya, maka sudah tentulah tekanan-tekanan air begitu rendah. Maka Loji Mempatih ini perlu disegerakan supaya masalah yang telah disebut oleh sahabat saya dari juga daripada Mentakab dapat diatasi dengan segera dalam tempoh masa yang terdekat. Jadi dengan itulah saya ucapkan sekali lagi… dengan ini saya menjunjung serta menyokong Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan. Terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Lanchang. Sebelum saya menjemput Ahli Yang Berhormat seterusnya, saya ingin mengalu-alukan tetamu er… ke Sidang Dewan Pahang sesi petang ini mereka adalah guru-guru dan murid-murid Tingkatan 6 dari Sekolah Menengah Kebangsaan Tok Sira, Kuantan. [Ahli Dewan menepuk meja] Selamat datang ke Sidang Dewan Negeri Pahang. Seterusnya, iaitu Ahli er… Ahli Dewan Negeri yang terakhir pada sesi ini adalah er…Yang Berhormat kawasan Chini, sila.

YB TUAN MOHD SHARIM BIN HJ. MD ZAIN

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya menyampaikan perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah sempena Mesyuarat Penggal Ke-2 Dewan Negeri Ke-15 petang ini.

Pertamanya, sama-sama kita memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya memberikan kita ruang dan peluang dapat kita bersama di

Dewan Yang Mulia ini sebagai Ahli Dewan Negeri Ke-15 selepas Pilihan Raya Umum Ke-15 yang lalu. Kata orang tua-tua,

Sebelum berbunga si pohon ara,
Baik dibawa mudik dahulu,
Sebelum diteruskan perbahasan saya,
Izinkan saya berpantun dahulu.

Sebelum pulang ke Felda Chini,
Singgah sebentar jumpa Tok Batin,
Selamat Hari Raya Aidilfitri,
Maaf zahir dan batin.

Parang tajam tidak berhulu,
Buat menetak di pohon tahan,
Menjunjung kasih Titah Tuanku,
Kesejahteraan rakyat dijadikan keutamaan.

Menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang atas titah yang menzahirkan kecaknaan kepada kerajaan dan kebajikan rakyat negeri Pahang.

Yang berhormat Dato' Yang di-Pertua.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang serta barisan EXCO Kerajaan Negeri Pahang yang telah dilantik pada penggal ini menerusi kerjasama Kerajaan Perpaduan di mana ianya seiring dengan Kerajaan Pusat. Semoga kerajaan ini dapat meneruskan agenda pembangunan dan kebajikan rakyat serta mempertingkatkan hasil pendapatan negeri demi kemakmuran dan kesejahteraan rakyat negeri Pahang.

Pada tahun lalu, kejayaan kutipan hasil Kerajaan Negeri sebanyak RM1.037 bilion telah memasukkan negeri Pahang dalam kelab RM1 bilion bersama negeri-negeri yang maju yang lain. Ini menunjukkan betapa seriusnya Kerajaan Negeri dalam mencari dana bagi memajukan negeri Pahang selain itu dikongsi bersama rakyat. Seperti kata pepatah, kalau sedikit secubit dirasa, kalau banyak, sama-sama lah merasa. Apa yang saya amati, peningkatan hasil Kerajaan Negeri ini sangat signifikan dan efisien dalam semua sudut bagi kesejahteraan rakyat negeri Pahang. Peningkatan ini sangat baik kerana hasilnya dikongsi melibatkan semua lapisan masyarakat. Pelbagai inisiatif melalui Belanjawan 2023 dan antaranya adalah Bantuan Prihatin Pahang.

Dengan peruntukan sebanyak RM42.4 juta, sudah pasti satu angka yang besar dan memastikan golongan sasaran dengan pecahan kluster rakyat di negeri Pahang ini mendapat manfaatnya. Saya juga melihat usaha Kerajaan Negeri membantu golongan keluarga yang tidak berkemampuan untuk memiliki rumah dengan membantu menyediakan sebuah rumah yang sempurna melalui Skim Rumah Rakyat Pahang (RRP) yang diberikan secara percuma. Peningkatan jumlah penerima RRP ini juga meningkat tahun demi tahun selari dengan peningkatan hasil Kerajaan Negeri ternyata bertepatan dengan slogan "Tiada Janji, Lihat Bukti".

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kejayaan pentadbiran Kerajaan Negeri Pahang di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang telah berjaya menarik sebanyak tujuh projek

pelaburan antarabangsa dengan jumlah nilai pelaburan RM11 bilion. Saya pasti sudah tentu ada mekanisme membuatkan para pelabur berminat untuk membuat pelaburan di negeri Pahang ini dan yang pastinya dengan kestabilan politik para pelabur berasa sangat yakin dalam memastikan keuntungan mereka dapat er…boleh diraih dan dalam masa yang sama negeri Pahang juga mendapat hasil daripada pelaburan tersebut. Saya juga ingin mencadangkan agar Kerajaan Negeri Pahang dapat menarik pelabur untuk membuat pelaburan di kawasan luar bandar.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai Ahli Dewan Negeri Chini, saya juga mengucapkan jutaan terima kasih sekali lagi atas Kerajaan Negeri Pahang, Jabatan Perhutanan, agensi-agensi dan NGO yang terlibat dalam usaha pemuliharaan kawasan Rizab Biosfera Tasik Chini dengan aktiviti penanaman pokok hutan. Usaha ini sangat bertetapan dengan Menjunjung Kasih Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, di mana dalam titah Baginda yang sangat serius mementingkan kelestarian alam sekitar. Harapan saya juga agar kawasan resort Chini dapat dibangunkan semula sebagai kawasan tarikan pelancong di masa akan datang.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Anak muda adalah aset negara untuk masa hadapan. Justeru itu, saya ingin mencadangkan agar Kerajaan Negeri dan agensi-agensi kerajaan dapat mempertingkatkan program-program yang berunsur kerohanian dan ilmiah untuk diterapkan kepada mereka bagi membendung gejala sosial masa kini. Selain itu, dapat memperbanyakkan aktiviti-aktiviti kesukaan mereka kepada golongan muda terutama kawasan luar bandar supaya mereka dapat menghindari daripada melakukan perkara-perkara yang tidak berfaedah sebagai contoh merempit dan penyalahgunaan dadah.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha memperkasa komuniti dan masyarakat Orang Asli di DUN Chini secara khususnya dan negeri Pahang secara amnya, saya menyokong penuh titah baginda agar Majlis Penasihat Orang Asli ditubuhkan supaya menjadi platform bagi pembangunan masyarakat Orang Asli di negeri Pahang pada masa akan datang. Di samping itu, mohon juga agar diberi perhatian kepada kampung masyarakat Orang Asli DUN Chini berkenaan bekalan air yang sering terganggu ketika ini iaitu di Kampung Gumum dan di Kampung Tanah Merah. Saya juga mengharapkan kerajaan negeri dan agensi yang terlibat dapat memberi perhatian kepada usaha mengawal selia ternakan lembu berkeliaran yang sering menjadi isu kemalangan kepada pengguna jalan raya di kawasan-kawasan FELDA terutama di kawasan DUN Chini.

Semoga segala usaha dan perancangan kerajaan negeri Pahang di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Wan Rosdy bin Wan Ismail dapat… usaha memastikan segala keperluan dan kehendak rakyat dapat direalisasikan. Akhir kata Chini menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang.

Sekian. Wabillahi Taufik Wal Hidayah Asalamulaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Ahli Yang Berhormat kawasan Chini.

Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, untuk hari ini saya perhatikan seramai 15 orang Ahli telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan saya mengucapkan ribuan terima kasih. Saya ingin mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Program Sukan Mesra ADUN akan diadakan pada 8.00 petang…malam ini di PlayGround No.6 Semambu. Insya-Allah persidangan kita akan disambung semula pada hari Rabu, 10hb Mei, 2023 bersamaan 19 Syawal 1444 bermula pukul 9.30 pagi. Sekian terima kasih. Persidangan ditempohkan.

[Persidangan ditempohkan pada 5.58 petang]

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL KE-2
DEWAN NEGERI PAHANG
KE-15

HARI KETIGA
10 MEI 2023
(RABU)

KANDUNGAN

HARI KE-3: 10 MEI 2023 (RABU)

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	KEHADIRAN	i - iv
2	DOA	1
3	PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR	1
4	SAMBUNGAN PERBAHASAN USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA PAHANG	30
5	SAMBUNGAN PERBAHASAN USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA PAHANG	61

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KE-2
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.

Tarikh : 10 Mei 2023 (Rabu)

Masa : 9.30 Pagi

HADIR:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negeri Pahang
Dato' Sri Haji Mohd Sharkar bin Haji Shamsudin,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang
Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, - **Jelai**
SSAP., SUMW., DSAP., DIMP., SMP., AMP.
EXCO Perancangan, Kewangan, Tanah, Sumber Asli, Tenaga dan Air.
EXCO Pembangunan Ekonomi, Perladangan dan Komoditi.

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ir. Mohd Soffi bin Tan Sri Abd Razak, - **Benta**
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP.
EXCO Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan.

Yang Berhormat Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, - **Kerdau**
SSAP., DIMP., AMP., AMN.
EXCO Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa dan Hal Ehwal Orang Asli.

Yang Berhormat Dato' Mohammad Fakhruddin bin Mohd. Ariff, - **Bebar**
DSAP., DIMP., AMP., AMN., PKT.
EXCO Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan.

Yang Berhormat Tuan. Ir. Razali bin Kassim. - **Muadzam Shah**
EXCO FELDA, Koperasi dan Usahawan.

YB. Dato' Sri Johari bin Harun, - **Pelangai**
SSAP., DIMP., SMP.
EXCO Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar Dan Teknologi Hijau

Yang Berhormat Dato' Mohamad Nizar bin Dato' Sri Mohamad Najib, - **Peramu Jaya**
DSAP.
EXCO Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi Dan Inovasi

Yang Berhormat Dato' Sabariah binti Saidan, DIMP., SMP. **EXCO Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita Dan Keluarga**	-	**Guai**
Yang Berhormat Tuan Fadzli bin Mohamad Kamal, DSM., AMP. **EXCO Komunikasi Dan Multimedia, Belia, Sukan dan Badan-badan Bukan Kerajaan**	-	**Dong**
Yang Berhormat Tuan Sim Chon Siang **EXCO Hal Ehwal Pengguna Dan Sumber Manusia**	-	**Teruntum**
Yang Berhormat Cik Leong Yu Man **EXCO Perpaduan, Pelancongan Dan Kebudayaan**	-	**Triang**
Yang Berhormat Tuan Lee Chin Chen **(Timbalan Yang di-Pertua Dewan)**	-	**Bilut**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Sharif, SSAP., DSAP., DIMP., SMP.	-	**Inderapura**
Yang Berhormat Dato' Abd Aziz bin Haji Mat Kiram , DSAP., DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK.	-	**Batu Talam**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd Johari bin Haji Hussain, SSAP., DIMP., PPA.	-	**Tioman**
Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Long, DIMP.	-	**Padang Tengku**
Yang Berhormat Mohd Sharim bin Hj Md Zain	-	**Chini**
Yang Berhormat Dato' Rodzuan bin Zaaba, DIMP.	-	**Jenderak**
Yang Berhormat Tuan V Arumugam a/l A Veerappa Pillai,	-	**Sabai**
Yang Berhormat Tuan Khaizulnizam bin Mohamad Zuldin	-	**Kemayan**
Yang Berhormat Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji	-	**Tras**
Yang Berhormat Tuan Su Keong Siong	-	**Ketari**
Yang Berhormat Tuan Woo Chee Wan	-	**Mentakab**
Yang Berhormat Tuan Ho Chi Yang	-	**Tanah Rata**
Yang Berhormat Tuan Chan Chun Kuang	-	**Semambu**

Yang Berhormat Dato' Sri Tuan Ibharim bin Tuan Man SSAP., SJMK., DIMP., AMP.	-	**Cheka**
Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Abdul Jabar	-	**Tanjung Lumpur**
Yang Berhormat Tuan Haji Andansura bin Rabu	-	**Beserah**
Yang Berhormat Tuan Mohd Zakhwan bin Ahmad Badarddin	-	**Tahan**
Yang Berhormat Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud	-	**Damak**
Yang Berhormat Tuan Mohd Tarmizi bin Yahaya	-	**Panching**
Yang Berhormat Tuan Mohd Sofian bin Abd Jalil	-	**Luit**
Yang Berhormat Tuan Mujibur Rahman bin Ishak	-	**Chenor**
Yang Berhormat Tuan Shahril Azman bin Abd Halim	-	**Jengka**
Yang Berhormat Tuan Mohd Yazid bin Mohd Yunus	-	**Lepar**
Yang Berhormat Dato' Jasri bin Jamaludin, DIMP.	-	**Kuala Sentul**
Yang Berhormat Tuan Yohanis bin Ahmad	-	**Pulau Tawar**
Yang Berhormat Tuan Mohamad Ayub bin Mat Ashri	-	**Sungai Lembing**
Yang Berhormat Tuan Mohammad Rafiq Khan bin Ahmad Khan	-	**Pulau Manis**
Yang Berhormat Tuan Hasan bin Omar	-	**Lanchang**
Yang Berhormat Tuan Hassanuddin bin Salim	-	**Kuala Semantan**
Yang Berhormat Tuan Nazri bin Ahmad	-	**Bukit Ibam**

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN II PERKARA 11 UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG:

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang,
Dato' Indera Haji Zulkifli bin Haji Yaacob,
SIMP,. DSAP., DIMP., AAP., AMP.

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Pahang,
Dato' Indera Nazri bin Abu Bakar,
SIMP., DSAP., DIMP., SMP.

Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang,
Dato' Saiful Edris bin Zainuddin,
DSAP.

SETIAUSAHA MESYUARAT:

Encik Mohd Zukri bin Sidek, SMP., AMP.

Encik Muhamad Anuarudin bin Yusoff@Ahmat, AMP.

SETIAUSAHA DEWAN

Mesyuarat Pertama Penggal Ke-2 Dewan Negeri Pahang Ke-15 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari : Rabu, 10 Mei 2023
Bersamaan 19 Syawal 1444 Hijrah

DOA

Bacaan doa.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Al-Fatihah. [Bacaan Al-Quran] Bismillahirrahmanirrahim. [Bacaan dalam Bahasa Arab] Segala puji bagi Allah dan dibuka Dewan Negeri dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah Yang Maha Mengasihani kepadaNya terpulang segala puji-pujian. Ya Allah yang bersifat maha hikmah, limpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas raja dan Ahli-Ahli Dewan Negeri bagi mentadbir maslahah masyarakat pergaulan. Mudah-mudahan sentosa aman makmur limpah kebahagiaan meliputi penduduk negeri Pahang ini. Ya Allah, kami sekalian hambaMu yang diperkenankan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan yang terutama bagi negeri ini serta rakyatnya sekalian.

Ya Allah berkatMu ke atas kami berhimpun dipohon anugerah taufikMu. Dipohonkan menyuluh memandukan pada ketika kami berunding menimbang bertukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduknya sendiri sekalian. Ya Allah dipohon doa kami diperkenankan. Amin Ya Rabbal 'Alamin.

PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara kedua: Pertanyaan-pertanyaan kepada Menteri Besar.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Assalamualaikum WBT. Salam sejahtera, Salam Pahang 1st dan Salam MADANI. Ahli-ahli... Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dapat meneruskan persidangan kita pagi pada pagi ini. Saya lihat pada pagi ini, kehadiran sangat memuaskan dan Ahli-ahli Yang Berhormat semuanya nampak ceria kerana ramai yang mendapat hadiah semalam.

Saya tak sangka rupa-rupanya Ahli-ahli Yang Berhormat ni, dia berlatih senyap-senyap dan bila main boling semalam tengok-tengok jadi juara. Jadi kita nak maklumkan juga bahawa kenapa kita pilih permainan boling ini kerana inilah satu-satu permainan yang boleh selain daripada mengeratkan silaturrahim sesama kita, tetapi semua orang boleh main. Mudah, ambik bola, lontar. Dia tidak macam main permainan-permainan yang lain.

Saya masih ingat lagi di tahun 1999, apabila ketika itu saya mula menjadi Ahli Yang Berhormat bersama-sama dengan Yang Berhormat daripada er... Benta dan juga Cheka. Kita main bola ketika itu, tapi tu kita semua muda, boleh. Sekarang ni kita semua dah… dah berumur sikit, bukannya tak boleh main, tapi stamina kurang.

Jadi sebab itulah semalam saya lihat semua dapat hadiah. Ada yang tak dapat hadiah, maklumkan kepada Yang di-Pertua, kita boleh buat Yang Amat Berhormat Menteri Besar boleh bagi hadiah lain pula yang belum dapat hadiah. Saya ingat semua dapat. Tapi yang paling penting sekali kita dapat mengeratkan dan saya telah maklumkan kepada Setiausaha Dewan supaya kita cari tarikh bilakah sebenarnya permainan boling ini dijadikan sukan ADUN ini. Ini satu sejarah juga kerana ia dapat er... siapa sahaja nanti yang akan apa… namanya mengambil alih sebagai Yang di-Pertua atau sebagainya. Kita... kita kekalkan apa namanya, ukhwah dan juga persahabatan seperti ini. Dalam dewan kita boleh berbeza pandangan tetapi di luar dewan kita kekalkan ukhwah Islamiah kita.

Baiklah, untuk meneruskan aturan urusan mesyuarat kita pada pagi ini, saya menjemput Ahli Yang Berhormat dari kawasan... dari kawasan Padang Tengku untuk dari... minta maaf Yang Berhormat, Allah. Maklumlah, Speaker baru ni, dia tempat-tempat letak tu tak berapa reti lagi rupanya fail ni di sini. Dah makan dah ya. Yang Berhormat, nak bercakap, berdiri.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Minta maaf, saya memang... tapi saya makan ubat pagi ni.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Eh… betul la Yang Berhormat, saya belum makan ubat. Sila soalan pertama Ahli daripada Semambu.

YB TUAN CHAN CHUN KUANG

Selamat pagi. Salam Malaysia MADANI.

Saya memohon izin Dato' Sri Yang di-Pertua untuk kemukakan soalan nombor 1.

> [Sila memperincikan kutipan hasil RM1.027 billion ringgit yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri pada tahu 2022. Dari segi sektor, daerah dan jenis kutipan hasil.]

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Assalamualaikum WBT, selamat pagi, salam sejahtera. Saya nampak mukadimah Yang di-Pertua panjang lebar. Cuma saya nak tanya satu soalan. Yang di-Pertua dapat nombor berapa semalam sukan boling?

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Amat Berhormat, saya *top 10*. Nombor 10 lah. [Ketawa]

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Tahniah Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Semambu yang mengemukakan soalan bersabit dengan jumlah kutipan hasil bagi tahun lepas dan Yang Berhormat berminat ingin mengetahui bagaimanakah atau minta kerajaan negeri memperincikan kutipan tersebut daripada sector, daerah dan juga jenis kutipan.

Lagi sekali, saya suka mengulangi bahawa angka tidak pernah berbohong. Angka yang kita perolehi ini adalah yang sebenar-benarnya yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri melalui kutipan hasil. Cuma ada perbezaan sedikit Yang Berhormat bertanyakan RM1.027 bilion yang diperolehi oleh kerajaan. Itu adalah sasaran, tetapi Kerajaan Negeri berjaya mendapat sehingga 31 Disember 2022 berjumlah RM1.288 billion.

Manakala daripada segi *detail* nya dan perbandingan kutipan hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2022 dan 2021, kita dapat jenis hasil bagi tahun lepas daripada segi cukai tanah, kita, Kerajaan Negeri mendapat RM754 juta. Berbanding dengan tahun 2021, RM508 juta. Hutan, RM134 juta tahun lepas, sebelum itu, RM102 juta. Air RM23 juta. Sebelum itu,RM16 juta. Lain-lain hasil RM284 juta. 2021 RM164 juta, Geran Persekutuan RM91 juta tahun lepas 2021, RM73.53 juta.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada semua agensi kerajaan kerana telah berjaya mencapai dan merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri [Ahli Dewan menepuk meja]. Kalau tidak mana mungkin… pinjam ayat Yang di-Pertua, mana mungkin...

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ini macam Perdana Menteri je. [Ketawa]

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Mana mungkin pencapaian ini dapat dilaksanakan. Seterusnya, daripada jumlah tersebut, kutipan hasil meliputi hasil tanah dan lain-lain hasil bagi Pejabat Daerah dan Tanah termasuk Pejabat Tanah dan Galian Negeri. Pada tahun 2022 dan tahun 2021 adalah seperti berikut.

Pejabat Daerah dan Tanah Bentong pada tahun lepas berjaya mendapat RM70 juta. Sebelum itu, RM66 juta. Cameron Highlands, RM16 juta 2022 hampir RM15 juta tapi sebelum itu lebih sikit, RM16 juta lebih sikit. Jerantut RM55 juta tahun 2022, sebelum itu, 2021 RM31 juta. Kuantan RM182 juta. 2021, RM125 juta. Lipis RM39 juta sebelum itu, RM20 juta. Pekan RM51 juta 2022. 2021, RM40 juta. Raub RM30 juta. Sebelum itu, RM13 juta. Temerloh RM50 juta sebelum itu RM25 juta. Rompin RM63 juta sebelum itu RM46 juta. Maran RM45 juta sebelum itu RM16 juta. Bera 2022 RM36, 2021 RM28 juta dan Pejabat Tanah dan Galian 2022 RM133 juta sebelum itu RM91.44 juta.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Lagi sekali saya ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada semua Pegawai Daerah di seluruh Negeri Pahang kerana telah berjaya mencapai dan meningkatkan kutipan hasil. [Ahli Dewan menepuk meja]. Yang Berhormat Yang di-Pertua, terima kasih.

YB TUAN CHAN CHUN KUANG

Terima kasih er... Dato' Sri Yang di-Pertua. Terima kasih di atas penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya mohon pertimbangan Dato' Sri Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk mempertimbangkan untuk tidak meningkatkan cukai tanah atau cukai taksiran dalam tempoh 5 tahun ni dan berharap agar remisyen yang lebih tinggi atau yang lebih besar dapat diberikan kepada warga-warga Pahang. Saya mohon mengemukakan soalan saya, apakah rancangan kerajaan dalam tempoh 5 tahun ini untuk meningkatkan ataupun menambah kutipan hasil dengan tidak meningkatkan kadar cukai? Terima kasih.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya ucapkan terima kasih lagi sekali kepada ADUN Semambu yang begitu prihatin, kerana bimbang ada kemungkinan pihak Kerajaan Negeri menaikkan cukai tanah untuk masa-masa yang akan datang. Saya suka memberi jaminan di Dewan Yang Mulia ini Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, walaupun ada beberapa garis cadangan yang akan kita laksanakan untuk 5 tahun yang akan datang saya memberi jaminan di Dewan Yang Mulia ini bahawa tidak ada cadangan untuk menaikkan cukai tanah dalam masa 5 tahun. [Ahli Dewan menepuk meja] itu jaminan Kerajaan Negeri.

Jadi apakah cadangan-cadangan yang akan kita laksanakan kerana kita tidak boleh *maintain* kekal dengan status quo yang ada ini kerana kita tahu kenaikan gaji, barang naik dan pertambahan penjawat awam dan sebagainya jadi Kerajaan Negeri kena berusaha untuk mempertingkatkan lagi hasil untuk Kerajaan Negeri. Antara usaha yang kita akan laksanakan ialah pastinya usaha-usaha ini berterusan ialah supaya kita dapat meningkatkan hasil tanah tanpa menaikkan cukai tanah. Antaranya apa yang akan kita buat? Kita akan meningkatkan kutipan hasil yang berulang. Sebagai contohnya, sekarang kita ada 700 tak silap saya 740,000 hak milik tanah. Yang ini kita akan tingkatkan hingga 1 juta.

Bermakna bila kita dapat tingkatkan hingga 1 juta Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, hasil tahunan untuk meningkatkan hasil kita akan meningkat dan begitu juga proses untuk menukar syarat. Kita akan tingkatkan kecekapan kerana syarat tanah ini akan menambahkan jumlah hak milik sepertimana yang saya katakan tadi dan saya dapati juga bahawa sehingga hari ini masih ada lagi agensi-agensi kerajaan seperti FELCRA, RISDA, TNB yang masih belum dapat mengeluarkan hak milik tanah, yang mana tanah itu adalah tanah mereka, tapi kita akan pastikan mereka akan dapat hak milik tanah dan ini dalam masa yang sama akan meningkatkan hasil kepada Kerajaan Negeri.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, ialah usaha untuk meningkatkan penguatkuasaan. Saya ingin memaklumkan di Dewan Yang Mulia ini, bahawa Kerajaan Negeri telah menubuhkan *Elite Group*, lebih kurang 2 atau 3 tahun yang lepas. Yang ini kita tubuh, ada 20 orang yang diberi latihan yang secukupnya

yang akan berada di mana-mana, di setiap daerah untuk melihat dan memantau. Walau bagaimanapun saya dapati masih tidak cukup. Jadi insya-Allah kita akan usahakan supaya tindakan penguatkuasaan ini akan ditingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang supaya dapat mengelakkan ketirisan dan kebocoran. Terima kasih, Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Soalan tambahan. Sila.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Pertama saya ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Kerajaan Negeri kerana berjaya meningkatkan hasil yang sangat ketara khususnya kepada Pegawai Daerah dan Pentadbir di Raub dan di Maran yang saya tengok peningkatannya sangat luar biasa. Di Raub, daripada RM13 juta kepada RM30 juta dan di Maran RM16 juta kepada RM45 juta. Ini satu pencapaian luar biasa. Tahniah.

Cuma saya ingin bertanya, apakah pihak kerajaan tidak berhasrat untuk membagi diskaun atau potongan kepada mereka yang *advance* membayar untuk tempoh 5 tahun ke hadapan sebagai contoh? Bermakna dia dibenarkan boleh bayar lebih awal supaya dia tidak terikat setiap tahun nak kena bayar dan sebagainya. Kalau sekiranya dapat dipertimbangkan, saya fikir ada antara kita yang mampu bayar untuk tempoh 2 tahun ke hadapan 3 tahun atau 5 tahun ke hadapan. Mungkin kerajaan boleh pertimbangkan satu potongan ataupun diskaun boleh diberi kepada mereka? Terima kasih.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Satu soalan yang sangat baik. Dan untuk makluman Yang Berhormat daripada ADUN Cheka, selain daripada diskaun yang dicadangkan itu, Kerajaan Negeri telah memberi pelbagai insentif. Terutamanya kepada penjawat awam dan lain-lain yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Jadi cadangan daripada ADUN Cheka itu kita akan pertimbangkan. Terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya benarkan satu soalan walaupun kita hanya tiap-tiap soalan dua. Tapi saya benarkan satu soalan lagi. Sila wakil daripada Jenderak kerana hal tanah ni elok kita ada satu, dua soalan. Okey.

YB DATO' RODZUAN BIN ZAABA

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri *Speaker*. Soalan tambahan. Soalannya, caj kelestarian atau *fee* kelestarian telah mula diperkenalkan oleh pihak Kerajaan Negeri sejak tahun 2022. Sejauh manakah pengenalan cukai atau *fee* kelestarian ini telah dapat menyumbang kepada usaha meningkatkan hasil Kerajaan Negeri? Terima kasih.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada ADUN Jenderak. Sebenarnya, kalau Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua masih ingat cadangan ini adalah daripada Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua ketika itu menjawat EXCO Pelancongan. Boleh Dato' Sri Yang di-Pertua sahkan? Boleh Dato' Sri Yang di-Pertua sahkan?

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya sahkan. [Ketawa]

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Baik, terima kasih. Sah. Ekoran daripada cadangan tersebut saya suka memaklumkan bahawa cadangan tersebut kita kenakan RM3.00 untuk satu malam bagi mereka yang menginap di hotel di negeri Pahang. Dan ini sebenarnya telah meningkatkan hasil Kerajaan Negeri di mana pada tahun lepas hampir RM9 juta kita telah buat kutipan bila kita mengenakan caj ini. Dan caj ini adalah antara usaha-usaha yang kita kira di bawah kategori lain-lain hasil. Supaya dengan tujuan untuk meningkatkan hasil bagi Kerajaan Negeri. Tujuannya ialah antaranya ialah untuk kita *marketing* balik. *Tourism*, pelancongan di negeri Pahang ini dan dalam masa yang sama kita ada duit yang kita dapat ini, kita akan buat penambahbaikan daripada infrastruktur. Terima kasih, Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Soalan seterusnya, sebelum itu saya nak mengalu-alukan kehadiran tetamu-tetamu kita yang berada di galeri kita bagi satu tepukan kepada tetamu-tetamu kita. [Ahli Dewan menepuk meja]. Soalan seterusnya wakil daripada Lanchang. Nombor dua.

YB TUAN HASAN BIN OMAR

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Soalan saya nombor dua.

> [Menurut *manual* prosedur Jabatan Perikanan untuk ternakan ikan air tawar, tiada sebarang aktiviti industri dalam radius 2km dari sangkar ikan untuk tumbesaran ikan patin atau tilapia.
>
> a) Apakah kriteria diberi kebenaran pam pasir berhampiran kawasan penternakan ikan sangkar di Kampung Pangsenam dan Kampung Tengah, Temerloh yang telah lama beroperasi?
>
> b) Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkkan lebih ramai pengusaha penternakan ikan patin wujud di tepi sungai sebagai satu industri penternakan ikan sangkar ke arah satu tarikan pelancong ke Negeri Pahang?]

Terima kasih.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Assalamualaikum WBT. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, semalam saya mengaku saya tak pergi mainan boling. Sebab apa saya tengok syarat yang dikenakan...

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Benta, yang itu saya dapat nombor 10 tu kalau tak saya dapat nombor 11. [Ketawa]

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Sebab dalam syarat tu dia kata berboling dengan pasangan. Jadi kebetulan saya tak ada pasangan. Saya tak biasa berboling dengan orang yang lain ni. Sebab tu yang saya kira saya tak pergilah. Ha… tu sebab saya minta maaf Dato' Sri saya tak bolinglah semalam.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Tak apa, dimaafkan.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Jadi alhamdulillah Dato' Sri Speaker, ADUN Lanchang bangkitkan tentang industri perikanan. Dan persoalan yang ditanya ada dua soalan. Pertama sekali, apakah kriteria yang diguna pakai untuk meluluskan permit-permit pam pasir. Termasuk yang berhampiran dengan kawasan penternakan ikan sangkar di Kampung Pangsenam dan di Kampung Tengah Temerloh dan yang keduanya ialah apakah langkah yang diambil oleh kerajaan menggalakkan lebih ramai pengusaha ternakan ikan patin, dalam mewujudkan atau menggalakkan lagi industri perikanan ini. Sebelum saya menjawab terus kepada soalan ini saya nak maklumkan di sini bahawasanya, er… pihak kerajaan mendapat pertimbangan pada semua pihak. Khususnya, katalah di Temerloh. Kita tahu bahawasanya industri perikanan ini er... khususnya er… perikanan air tawar ini dia amat mendapat sambutan yang hebat, ya. Saya nak maklumkan, ya.

Kerana kita sepertimana yang kita sedia maklum, ia merupakan sumber protein dan kalau saya nak beritahu dia punya *profile*, bilangan pengusaha ikan air tawar ni di daerah Temerloh… di daerah Temerloh yang merangkumi dua Parlimen… kawasan Parlimen, Dato' Sri. Pertama Parlimen Temerloh dan juga Parlimen Kuala Krau. Kesemuanya berjumlah 476 pengusaha, 476 pengusaha . Malahan kalau kita lihat misal contohnya sangkar bilangan sangkar yang... yang terbabit, adalah lebih kurang er… dalam er… 4,600 sangkar yang terlibat. Ini bab yang penternak ini perikanan.

Pada masa yang sama, saya juga nak berkongsi. Iaitu di daerah Temerloh ini, kita ada kontraktor ada lagi satu profesion, kontraktor yang didaftar di bawah CIDB khususnya Kelas G1, dulunya kelas F… Kelas F. Jumlah ni, 1,045… 1,045 dan yang aktifnya 700. Mengapa saya bahagikan gambaran ini kerana dua-dua ini adalah satu profesion yang juga diberi perhatian oleh pihak kerajaan. Iaitu juga kita kena tengok, apakah kesan dia?

Kesan dia begini. Pihak penternak ikan ini tadi dia akan menternak ikan dan menghasilkan bekalan ikan. Ini bawah agenda *food security,* dengan izin keterjaminan makanan. Tetapi pada masa yang sama ada penduduk ramai penduduk di dalam, saya bagi zon negeri Pahang dan termasuk di daerah Temerloh ni yang memerlukan keperluan kemudahan asas. Apakah kemudahan asas itu? Sepertimana yang rakan-rakan sahabat-sahabat, ADUN-ADUN, Ahli-ahli Dewan Yang Mulia ini, bangkitkan. Kepentingan jalan, binaan, rumah...

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

ECRL.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

...ECRL dan lain lain, dan ini memerlukan bekalan. Kerana kalau kita tidak ada bekalan untuk *construction material,* (dengan izin), iaitu bahan-bahan binaan, maka ia akan memberi kesan kepada kos dan juga tidak dapat kita selesaikan permasalahan ini. Sebab itu dalam konteks seumpama ini, kita didatangi dengan pelbagai permohonan. Daripada pemimpin masyarakat termasuk Wakil-wakil Rakyat, mohon supaya kita selesaikan masalah Rumah Rakyat Pahang, PR1MA, Rumah Makmur, rumah yang PPRT dan sebagai-sebagainya. Maka di sinilah itu pihak kerajaan terpaksa mengimbangi antara *food security* dan juga kesan impak daripada kekurangan bahan binaan.

Dan ini dibangkitkan oleh bukan sahaja rakan-rakan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, oleh rakan-rakan daripada kedua-dua belah pihak. Mengapa kita tidak menyegerakan kelulusan permit termasuk pengeluaran pasir? Dan itu juga semalam saya lihat ramai juga sahabat-sahabat kita, Ahli-ahli Dewan Yang Mulia ini bangkitkan tentang masalah banjir. Apakah langkah kerajaan? Dan apabila kita sebut berkenaan dengan RTB ataupun Rancangan Tebatan Banjir. Tidak boleh kita nafikan bahawasanya...

Yang di-Pertua, kering tekak. Tidak boleh kita nafikan...

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Wakil Benta, kita menjawab soalan ni. Kalau boleh, cepat sikitlah. [Ketawa]

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

… antara… [ketawa] Saya teringat Dato' Sri, bila Dato' Sri sebut tahun 1999. Dato' Sri, saya, wakil Cheka, kita kira anak muda masa tu. Pegang *mic* ini kiranya berebut ya Dato' Sri, tapi alhamdulillah, setelah 24 tahun kita melalui, kita bertemu semula hari ni. Alhamdulillah.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Cuma... wakil Cheka tetap belah sana. Dia tak belah sini. [Ketawa]

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dia ingat nak satu perahu, tapi perahu lain-lain, daripada dulu lagi.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Sekejap je Yang Berhormat. Sekejap je, kami sini sekejap je. Insya-Allah.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dato' Sri boleh bagi satu tepukan kepada wakil Cheka. [Ahli Dewan menepuk meja]. RTB, mantan Menteri. Menteri NRE, Wakil Cheka nii mantan Menteri, selalu sebut pasal RTB... RTB. Rancangan Tebatan Banjir yang telah diluluskan RM2 bilion di kawasan Pahang semasa YB Menteri... Cheka jadi Menteri... tapi yang lulusnya Perdana Menteri. Ahli Parlimen Bera lah. Maknanya Menteri bagi je, kalau tak PM tak *sign*, tak lulus. Jadi, ha... maknanya, alhamdulillah. Jadi RTB ini meliputi pengorekan sungai. Kalau kita tidak ada peruntukan seumpama itu, kita pelawa pengusaha-pengusaha pasir ini datang dan kita bahagikan permit itu supaya mereka mendalamkan pasir kita dan mengambil pasir itu tadi dijual, pasir sungailah. Mendalamkan pasir… dalam ke sungai... dalam ke pasir, mintak maaf. Mendalamkan sungai.

Jadi bila mendalamkan sungai, kita dapat satu keratan sungai yang lebih dalam dan kita boleh bukan saja dapat mem... membekalkan bahan binaan kepada industri binaan, tetapi pada masa yang sama, kita juga dapat menyelesaikan permasalahan keperluan asas, rumah, jalan, lain-lain binaan yang diperlukan bahan-bahan binaan tersebut dan juga menyelesaikan masalah banjir itu tadi, nampak.

Tapi pada masa yang sama, kita juga nak jaga *food security.* Jadi makan buah serba-salah. Sebab itu dalam konteks seumpama ini, kita telah meletakkan garis panduan, iaitu garis panduan untuk meluluskan permit pasir ini tadi telah pun disediakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Mohon izin. Saya nak tunjuk. Garis Panduan Pengambilan Pasir Sungai (Pindaan 2020) yang ada lambang Kerajaan Malaysia ini... ini... ini... daripada kementerian bagi pindaan dan digariskan pelbagai, bawah ni, lokasi pengambilan pasir.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Tahun... tahun berapa tu?

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

2020, pindaan. Baru lagi, 2020. Maknanya hari itu dah ada dah. Dia sebenarnya, dia dipanggil *DID Manual*, (dengan izin) manual Jabatan JPT dulu masa memula saya bekerja. *So*, kita tambah baik dan sekarang kita ada ni, garis panduan yang ini yang sebenarnya. Persoalan daripada ADUN Lanchang mengatakan apakah kriteria yang diambil untuk meluluskan permit pasir ini? Yang inilah. JPS kita tengok. Bila permit pasir, kita kemukakan laporan yang saya terima daripada Pejabat Pengarah Tanah dan Galian. Kita sebenarnya di Temerloh ini kita ada jumlah 25 permohonan LPS bercantum permit bagi tahun 2022 hingga 2023 dan termasuk memperbaharui yang baru.

Pasir sungai atau pasir lombok ini yang paling banyak, 22 dan sebagai-sebagainya dan di kawasan er... Temerloh ini, dalam DUN Kuala Semantan, ada empat. Namanya Jania, Mariah Jusoh, Nor… Norsukairee Samsudin, Uzaizan... Usaizan Abu Bakar. Di

Jenderak ada tiga, Teh Han Keong, Shariff bin Azib, Abdullah Awang Brahim. Di Lanchang... di Lanchang ada Sabaruddin bin Mat Ali, Rosli bin Basri, Norhana Ahmad. Di Mentakab ada Wong Siew Sian. Saya ada satu, permit yang dah lulus tapi belum dibuat bayaran, DUN Kuala Semantan ada 2, Hamdan Said, Jamaluddin Mohamad, DUN Lanchang ada, Hamdan Sulaiman, AKNZ SDN. BHD.

Tujuan tadilah, bukan sahaja dia membekalkan binaan untuk bahan binaan ini… ini… ini… bahan-bahan untuk binaan tetapi pada masa yang sama menyelesaikan masalah permit, eh masalah banjir tadi. Jadi, maknanya yang ini saya kira jawapannya ini. Ini dia asas yang digunakan untuk meluluskan dan dibentangkan JKPT, dibincangkan semua jabatan teknikal bagi pandangan. JMG bagi pandangan, JKR bagi pandangan, lain-lain jabatan teknikal bagi pandangan. Satu hari proses dibincangkan, diteliti baru diangkat untuk kelulusan, angkat tu bawa kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri... EXCO ya PTG uruskan.

Jadi, saya kira ini soalannya, pertama apakah kriteria yang diberi? Ha… ini persoalannya.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Panjang lagi ke Yang Berhormat?

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Ya?

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Panjang lagi ke? Jawapan dia?

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang kedua, balik kepada cerita tadi. Saya harap lepas ni tak ada soalan tambahanlah, itu jawapan saya, panjang sikit tu… kecuali tak faham betullah. Yang keduanya (b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai lagi? Ha… ni memang. Memang galakan. Sebab apa ikan patin ni kalau sebut ikan patin Temerloh, Temerloh. Patin mana? Temerloh. Durian mana? Raub. Durian Pahang? Dok, bukan. Dia sampai, dia kata ini durian Pahang? Bukan, Raub. Dia bukan kata Pahang, betul tak? ADUN… ADUN Tras. Betul tak?

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Betul, betul. Mungkin jadi satu *joke* sekarang ni. Durian bukan daripada Pahang, tapi daripada Raub.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Telo dia...

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, jangan sebut je, bawa lain kali [Ahli Dewan ketawa]

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Insya-Allah ya. YB ya, boleh ya. Dia kabor, “Pahang! Maulah”. Raub… Raub… Raub tu. Patin Temerloh ni punya hebatnya dia punya hebat, sampai ke Kuala Lumpur orang kata patin mana? Temerloh, walaupun datang daripada lombong Puchong, bin ke Temerloh tu. Kalau sebut patin Temerloh… Penghulu Jazam, er… padu.

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Boleh saya mencelah sikit. Apa yang dicakap tadi saya ingin menambah sikit ya… saya rasa mungkin boleh diambil kira. Biasanya sesuatu kawasan yang contohnya kalau kawasan pertanianlah, kadang-kadang dia buat penternakan lembu dulu, kemudian orang buat rumah. Jadi, orang rumah ni *complaint,* dia kata lembu ada, busuk bau. Jadi saya rasa, cuma mungkin ada penyelesaian lain daripada pihak apa ni tadi yang menternak ikan dengan lombong pasir. Siapa dulu? Pasir dulu ke ternak ikan dulu? Sebab saya tengok kat sini *statement* dia pasir tu lama sama ada dia dulu ataupun ikan dulu sebab benda ni pun kena ambil kira. Terima kasih.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Saya nak maklumkan satu kes. Nama pengusaha ni Wan Zahari, dia ni duduk di Kuala Krau. *Mengker*nya, alah *mengker* pulak…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Bahasa baku Yang Berhormat, bahasa baku Yang Berhormat.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Minta maaf Dato’ Sri, orang kampung.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Kalau nak, kalau nak guna bahasa tersebut, kena minta izin pada saya.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dengan izin, *mengker*nya, Dato' Sri. Dia ni, menternak ikan ni tadi lebih kurang dalam 30 kaki je daripada pam pasir. Lepas tu saya menanya ke dia, ada masalah tak? Eh takde hal dia kabor. Kome ni takde hal. Dia kata pam pasir kan 30 kaki je duk sini, dia tak ade masalah. Takde gangguan? Takde masalah. Yang jadi gangguan ni ikan mungkus ter, ikan mungkus, ikan kecil. Ikan reyu ke apa? Ikan bador. Ikan reyu, ikan bador dan lain-lain yang sewaktu dengan dia. Dia masuk ke dalam sangkar ni tadi, dia mengigit ke badan ikan patin. Yang itu yang buat kojol tu yang ikan patin tu. Bukan kerana dia lemas dek kerana itu, dia kabor ke saya, dia kabor ke saya. Dia yang buat ni, lama tu.

Jadi, maknanya kehadiran pam pasir dengan apa nama sangkar ni tadi sebenarnya bukan yang jadi faktor sangat tetapi yang menjadi faktor ialah kerana paras air itu kurang. Ha… ini fenomena. Dato' Sri tahu tak? Di Venice sekarang ni, kadang-kadang tu gondola, Dato' Sri biasa pergi kan?

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ada pernah pergi.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Pernah pergi?

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya pernah pergi 2 kali ke Venice.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dato' Sri kalau tengok tu, kalau gondola dekat Venice tu, dulu dia boleh berkayuh tu. Sekarang dekat Venice tu, kadang-kadang air tohor sampai orang boleh jalan kaki dalam sungai. Ini fenomena dunia. Maknanya perubahan iklim menyebabkan air paras air tu, dia surut. Jadi, fenomena ni berlaku juga di Sungai Pahang, semua. Jadi, dia surut air tu, bila surut tu tadi, berubah. Jadi, sangkar ni tadi dia terapung. Jadi, di Pangsenam ni saya ingat yang ni pihak JPS sedang membuat kajian sebab bila dia ada tu, dia ada berubah dia punya aliran sungai. Dulu tu ni ada pasir kat tengah-tengah tu. Tujuan kita tadi sebab pasir tu ada untuk kita keluarkan pasir. Bila kita sedut pasir tu tadi maka aliran air sungai tadi, dia berubah. Bila dia berubah yang sangkar yang tadi yang dulunya dia duduk tempat air yang dalam jadi tohor, tohor ni bahasa baku?

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Baku ya, bahasa baku.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Tak payah minta izinlah. Jadi tohor. Jadi, bila tohor tu tadi, yang ini yang menyebabkan yang sangkar dia ni tadi terapung. Dia maknanya...

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat saya bagi seminit lagi.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Okey, jadi dalam konteks seumpama ni saya harap tak ada soalan tambahan sebab tu saya... jadi, galakan tadi memang banyak, macam-macam kita bagi. Saya kalau nak sebut ni kang, saya akan melanggar pula arahan daripada Yang di-Pertua. Jadi, saya harap semua tu lepas ni kalau tak jelas lagi, saya minta ADUN Lanchang kita duduk nanti borak kat luar. Insya-Allah saya perjelaskan, saya bagi yang buku ni. Kalau ikut perikanan, dia keluar buku dia panggil Malaysian Standard. Ha… ini saya nak tegurkan sikit, bukan nak tegur, nak membetulkan sikit. Sebab apa ADUN Lanchang sebut, menurut manual prosedur Jabatan Perikanan untuk ternakan ikan tawar, ikan air tawar tak ada aktiviti industri dalam radius 2 kilometer daripada sangkar.

Puas dah saya mencarinya, kalau boleh bagi saya itu, manual itu. Saya panggil pengarah, saya suruh dia panggil Ibu Pejabat. Dia tak ada dia kabor tapi ada yang adanya, Malaysian Standard, *Good Agriculture Practices* (GAP) maknanya kalau

pertanian tu GAP la kan… *Good Agriculture Practices* (GAP), ha… ni *Good Agriculture Practices Agriculture Farm General Guidelines*, dengan izin, Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang ni sebenarnya dia takde manual prosedur tu, manual prosedur ni takde saya puaslah cari nak tunjuk ke mana, kalau boleh tu kita borakkan saya minta ADUN Lanchang tunjuk ke saya manual tu. Saya nak supaya jangan, supaya dapat kita betulkan rekod. Jadi kita tengok, biar kita tengok buku yang sama, Dato' Sri ya.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dato' Sri baca buku ni tadi ADUN Padang Tengku tapi saya baca tadi ADUN Semambu. Jadi...

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Silap Yang Berhormat. Baru 2 hari jadi Speaker.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Itu la pasal. Maknanya kita *missing*. Terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Dato' Sri. Saya tak bercadang untuk soalan tambahan. Pergi ke soalan nombor 3.

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Terima Kasih Dato' Sri Yang di-Pertua, saya minta soalan nombor 3 dijawab. Terima kasih.

> [Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menaik taraf kehidupan Orang Asli yang di mana, ada di kalangan mereka yang masih bergantung hidup dengan hasil hutan dan masalah tanah adat?]

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Yang Berhormat Dato’ Sri Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada rakan saya daripada Tras yang menyoalkan tentang apakah usaha Kerajaan Negeri bagi membantu masyarakat Orang Asli yang mana untuk mendapatkan sumber ekonomi dia, mempertingkatkan sumber ekonomi dia yang selama ini hanya bergantung kepada hutan pencariannya.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Orang Asli dengan hutan ini bagaikan cincin dengan jari tak boleh dipisahkan Dato' Sri. Bagaikan rantai dengan leher.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Aur dengan tebing...

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Aur dengan tebing. Kalau kita pisahkan mereka dengan hutan ni memang agak sukar tetapi walaupun demikian, Kerajaan Negeri tidak membiarkan mereka begitu saja. Usaha demi usaha telah dilaksanakan bagi memastikan masyarakat Orang Asli ini dapat dipertingkatkan kehidupan mereka berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan kita semua kerana dia itu adalah manusia yang sama. (Bacaan dalam Bahasa Arab). Mereka itu adalah bahagian daripada bangsa dan keturunan yang sepatutnya kita bersama, bertolong bantu, berkenal sapa untuk kehidupan.

Hasil daripada itu, sebanyak RM60 juta telah diperuntukkan oleh kerajaan kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, JAKOA bagi mempertingkatkan prasarana kehidupan mereka, memudahkan bekalan air, memudahkan bekalan api, memudahkan apa jalan, dewan, sekolah dan sebagainya untuk dibinakan di kawasan Orang Asli supaya mereka dapat diperhebatkan. Itu sebab kita tengok hari ini, Timbalan Speaker er... Parlimen kita adalah daripada orang Asli. Ahli Parlimen Cameron Highlands. Pengarah, Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli juga adalah daripada orang Asli sendiri. Pengarah JAKOA Negeri Pahang pun adalah daripada Orang Asli sendiri yang ...

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Senator, senator kita daripada Pahang, daripada Orang Asli.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Ini adalah hasil daripada didikan, pembinaan yang diusaha, dipertingkatkan oleh kerajaan dari semasa ke semasa. Terkini, Kerajaan Negeri Pahang telah mengadakan usaha sama dengan JAKOA. Contohnya dengan mempertingkatkan nilai diri yang ada pada Orang Asli itu sendiri. Kita gerakkan Yayasan Pahang melalui KIPP supaya mereka ini dididik. Kita bina mereka supaya mereka mendapat peluang pekerjaan.

Seramai, yang terbaru ini, seramai er... 26 orang mengikuti pelbagai kursus Dato' Sri Yang di-Pertua. Begitu juga er..., kita telah memperhebatkan kebolehan mereka di dalam usaha untuk membina modal diri mereka supaya mereka boleh pandai ber*pomen* boleh *wiring* dan sebagainya, dengan izin Dato' Sri Yang di-Pertua, seramai 40 orang kita didik mereka duduk di Yayasan Pahang sana dan juga dengan GIATMARA kerana GIATMARA ni di bawah kementerian yang sama kita bina juga mereka, bawa mereka ke tempat latihan di GIATMARA supaya mereka pandai. Kalau minat menjahit, jahitlah kalau minat apa membaiki motor dan sebagainya Dato' Sri Yang di-Pertua.

Kerajaan Negeri Pahang juga telah memperuntukkan sebanyak 69 buah ladang untuk menjadi sumber hasil kepada Orang Asli ini supaya mereka boleh berhidup. Ada setengah keluarga itu dapat pendapatan sampailah kepada mencecah RM1,000.00,

RM600.00 dan sebagainya sebulan. Ini kita nak menampung usaha penduduk Orang Asli yang kampungnya sebanyak 262 buah kampung iaitu 25,000 apa Ketua Isi Rumah, Dato' Sri Yang di-Pertua. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Okey, terima kasih YB EXCO yang menerangkan masalah ataupun berkenaan tindakan kerajaan ya. Soalan tambahan daripada saya, soalan ini ada berkenaan dengan tanah adat jadi boleh tak terangkan sikit sama ada tanah adat ini ataupun mungkin juga tanah rayau yang mana mereka pertikaikan. Terima kasih

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Istilah tanah adat ataupun tanah rayau ini tidak ada di dalam enakmen. Ada di dalam sebutan biasa orang ramai untuk meraikan saudara kita daripada Orang Asli. Walaupun demikian, bukan bererti kita tidak apa mengambil berat kerana kita tahu dia perlu kepada tempat duduk yang selesa dan sesuai dengan jiwa mereka. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan, kita minta JAKOA membuatkan lot-lot tanah mereka ataupun di*gazet*kan dengan izin, tanah khas untuk masyarakat Orang Asli. Beberapa buah kampung, saya tak dapat nak sebutkan jumlahnya, telah pun mendapat kelulusan.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Usaha untuk melaksanakan kerja ini terlalu teknikal. Perlu kepada kerjasama di antara JUPEM, di antara PTG, Pejabat Daerah, supaya kita dapat mengukur secara halus sehingga kita dapat memastikan tanah itu di*gazet*kan, dengan izin kepada masyarakat Orang Asli. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Soalan yang seterusnya, soalan nombor 4, wakil daripada Sabai. Eh, minta maaf, wakil daripada Padang Tengku. Minta maaf, *sorry*lah [ketawa].

YB DATO' MUSTAPA BIN LONG

Assalamualaikum WBT. Dato' Sri Yang di-Pertua.

Lompat si katak lompat,
Lompat sampai ke pekan,
Soalan saya nombor 4,
EXCO berkenaan sila jelaskan.

[Hospital Kuala Lipis adalah hospital yang menjadi tempat rawatan susulan oleh hospital-hospital daerah di kawasan Pahang Barat.

a) Nyatakan perkhidmatan-perkhidmatan kepakaran yang ditawarkan oleh hospital Kuala Lipis dan apakah perancangan kerajaan bagi meningkatkan kemudahan dan mutu perkhidmatan sesuai dengan tarafnya sebagai Hospital Pakar Minor.]

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Terima kasih kepada rakan saya daripada Padang Tengku. Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya pun seperti ADUN daripada Benta. Minta maaf banyak-banyak tak dapat datang semalam. Sebabnya pertamanya kaki sakit, terlanggar rel keretapi semasa melawat projek ECRL di Bentong.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat sahabat saya takut ke saya. Oh, rupanya isu lain dia tak datang.

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Yang pertama, terlanggar besi, besi palang ECRL itu. Insya-Allah ECRL akan siap. Yang keduanya, semalam ada kes, abang ipar masuk Hospital UIA, *emergency* punya *operation.* Jadi tak dapat datang, minta maaf Dato' Sri. Tapi kalau datang pun Dato' Sri Yang di-Pertua jangan risau sebab memang tak masuk *top 10,* tak lepas*.*

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Padang Tengku kerana telah mengutarakan soalan yang sangat baik iaitu di antara hospital-hospital yang telah dikategorikan sebagai Hospital Berpakar Minor adalah Hospital Lipis. Di mana, sehingga Februari 2023 sebanyak 14 kepakaran telah ditawarkan di Hospital Lipis.

Yang pertamanya, Perubatan Am, yang ke-2 nya Pediatrik, ke-3 nya Psikologi, ke-4 Pembedahan Am, ke-5 Ortopedik, ke-6 Obstetrik dan Ginekologi, ke-7 Otorinologi tak pandai sebut, ini Otorinolaringologi. Yang ke-8 nya Oftalmologi, ke-9 Patologi, ke-10 Radiologi, ke-11 Anesthesia, ke-12 Kecemasan dan Trauma, dan 14 Pembedahan Mulut dan Pergigian Kanak-kanak. Pada masa yang sama, kita juga menambah akses, adalah untuk keutamaannya adalah untuk menambah akses kepada rakyat bagi kepada perkhidmatan klinikal dan pelbagai inisiatif telah dimulakan sebagai contohnya. Ini adalah bagi menambah akses rakyatlah kepada perkhidmatan klinikal.

Kita menambah baik, contohnya dengan mewujudkan Hospital Kluster. Hospital dinamakan Hospital Kluster Pahang Barat. Yang keduanya dengan mewujudkan lawatan pakar perubatan secara berkala dan juganya *Global Surgery*. Bagi menambahkan kapasiti hospital, dimaklumkan juga bahawa pihak KKM dengan izin Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia telah bersetuju untuk Jabatan Kesihatan Negeri Pahang *log in,* dengan izin Yang di-Pertua atau mengunci masuk permohonan Projek Naik Taraf Dewan Bedah Ketiga Hospital Kuala Lipis dengan kos berjumlah RM5 juta ke dalam sistem MyProject pada 10 April 2023 dan pihak Kementerian kini sedang menunggu kelulusan lanjut daripada pihak Kementerian Ekonomi.

Saya juga nak mengucapkan terima kasih kepada ADUN Benta kerana sentiasa dalam Mesyuarat EXCO la ya, selalu mengutarakan kemudahan fasiliti di Hospital Lipis ini, terutamanya berkaitan dengan Dewan Bedah ini dan alhamdulillah kita telah mengunci masuk *log in* supaya dengan kos berjumlah RM5 juta dapat kita laksanakan di Hospital Lipis.

Buat sementara ini, Dewan Bedah yang baru, kita, sementara menunggu dibangunkan di Hospital Lipis, melalui inisiatif Hospital Kluster Pahang Barat dan inisiatif Global Surgery, pesakit-pesakit yang memerlukan pembedahan khususnya pembedahan yang melibatkan perkhidmatan Ortopedik dan perkhidmatan Pembedahan Am telah mula dihantar untuk menjalani pembedahan di Hospital Sultanah Hajjah Kalsom, Cameron Highlands bermula pada Disember 2022. Sehingga ini, sehingga kini, sejumlah 16 pembedahan yang melibatkan kes daripada Kuala Lipis telah selamat dibuat di sana. Dan alhamdulillah juga, Yang Berhormat Yang di-Pertua, pertama kalinya pembedahan laparoscopy telah dapat dilaksanakan di Hospital Cameron Highlands baru-baru ini. Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, ada soalan tambahan?

YB DATO' MUSTAPA BIN LONG

Soalan tambahan Dato' Sri. Pertama sekali saya nak ucapkan terima kasih kepada EXCO yang telah memberikan penerangan tentang Hospital Lipis ini. Saya sebenarnya dapat beberapa aduan lah tentang kemudahan-kemudahan sedia ada. Umpamanya jumlah katil yang tak mencukupi, kemudian keperluan *parking*, juga yang paling penting sekarang mendesak ialah keperluan mesin pembedahan mata. Saya tak reti nak sebut macam EXCO juga, dia punya nama itu. Tapi adalah pada saya senarai itu. Nanti saya boleh bagi dengan kos-kos harga dan sebagainya. Dan juga mungkin keperluan orang datang jauh ya, *food court* tak ada dan sebagainya. Tapi untuk membangunkan di kawasan lokasi yang sedia ada tu saya nampak dia tak begitu mungkin sukarlah ke kawasan yang sempit dan sebagainya.

Jadi, saya nak tahu apakah perancangan terdekat ini dalam usaha kita untuk memastikan bahawa er... apa ni kemudahan-kemudahan yang er… membesarkan lagi keupayaan Hospital Lipis supaya ianya dapat setaraf dengan menjadi hospital daripada minor jadi kepada major sebagaimana hospital di Kuantan dan hospital di Temerloh. Untuk makluman tuan-tuan, banyak kes yang dirujuk ke ke apa nama ni tempat panjang ni sedangkan daripada Lipis nak pergi Kuantan ni kena jalan *roller coaster* tu. Jadi saya ingat, er... perancangan untuk pembinaan satu lokasi yang baru perlu diwujudkan dalam tempoh lima tahun. Saya minta komen daripada EXCO.

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Terima kasih kepada Yang Berhormat DUN Padang Tengku dan pihak kerajaan akan mengambil saranan dan perhatian daripada Padang Tengku. Tapi untuk menjawab sekarang ni tak boleh nak jawablah sebab tiada dalam maklumat. Jadi, walau bagaimana pun saranan dan pandangan daripada Padang Tengku itu dan keluhan daripada Padang Tengku itu akan diambil… diberi… diberi perhatian. Contohnya, Klinik Mata, nama tu pun saya tak berapa nak ingat tak ada dalam *Oftalmologi, Oftamologi* ada O*ftalmologi nak* sebut tu kena pandai juga ye *Oftalmologi. Oftalmologi* dan kita pembesaran *parking* dan lain-lain tu adalah melibatkan peruntukan dan akan dibawa ke perhatian Jabatan Kesihatan Negeri untuk diperhalusi dan dikaji akan

keperluan ini dan sekiranya keperluan ini didapati sesuai akan terus diangkat kepada pihak kementerian untuk dimohonkan projek peruntukan seterusnya untuk dilaksanakan, insya-Allah.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua, er... saya mohon mengajukan soalan tambahan kepada wakil kerajaan. Saya ada dengar dalam penjelasan er... menjawab soalan tadi tentang kluster-kluster. Jadi er... saya ingin bertanyakan er... kluster yang dimaksudkan tadi, adakah melibatkan kepakaran yang disalurkan kepada hospital-hospital lain dan adakah Hospital Rompin ini er... terangkum ataupun tersenarai dalam Hospital Kluster? Mohon penjelasan dari pihak kerajaan. Terima kasih Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat itu ingat kita jawab bertulislah pasal kita bercakap pasal Hospital Lipis je. Boleh satu lagi.

YB SU KEONG SIONG

Terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Hospital Rompin ni dia lain soalan lain ni Hospital Lipis.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua sebab dia sebut kluster tu kita nak faham jugak kluster tu.

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Terima kasih kepada ADUN Tioman dan er... terima kasih juga tahniah kerana maklumat sebegini memang patut kita tanyalah supaya mendapat kita mendapat satu pengetahuan baru. Apa yang dah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dan juga pihak Kementerian Kesihatan untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dalam negeri Pahang kita. Contohnya, Hospital kluster ini adalah kita adalah sekumpulan hospital-hospital yang kita gabungkan, yang kita bahagikan kepada tiga iaitu kita namakan yang tadi di sana kita namakan di sebelah barat kita namakan Hospital Kluster Pahang Barat di mana Hospital Pahang Barat yang terdapat di dalamnya adalah Hospital Raub, Hospital Cameron Highlands dan Hospital Kuala Lipis.

Dan Hospital Kuala Lipis adalah *lead* hospital, hospital yang menerajui hospital kluster ini kerana mempunyai 14 pakar tadi dan di mana Hospital Kluster Pahang Tengah pula *lead* hospitalnya adalah peneraju hospital tersebut adalah Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh (HOSHAS) dan Hospital yang termasuk dalam Kluster Pahang Tengah ialah Hospital Bentong, Jerantut, Jengka dan Bera di mana Hospital Kluster Pahang Timur dan peneraju hospital tersebut adalah Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) sendiri dan di mana hospital-hospital terlibat ialah Hospital Pekan, Rompin dan Muadzam Shah.

Dan di mana soalan daripada rakan saya tadi Hospital Rompin dan Mersing belum ye belum ada perkhidmatan pakar yang banyak jadi merujuk kepada HTAA nanti akan memberikan er... perkhidmatan pakar di Hospital Rompin di mana perkhidmatan kepakaran ini diberikan kepada penduduk di mana diadakan lawatan pakar-pakar dalam kluster tersebut secara berkala untuk memberikan kemudahan kepada rakyat, contohnya seperti pesakit-pesakit dalam wad dan juga pembedahan yang dilaksanakan di dalam hospital kluster tersebut.

Melalui penyampaian ini, melalui inisiatif hospital pakar ini Hospital kluster ini, diharapkan penyampaian perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dan yang bersepadu yang melibatkan semua hospital dalam kluster melalui sistem pengurusan-pengurusan perkhidmatan yang lebih efisien.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya pergi ke… Yang berhormat takpelah kita pergi ke soalan yang Ke-5 wakil daripada Sabai. Kalau tak kita abis nak bertanya. Saya boleh amik ketetapan kita takyah tanya 10 soalan kita tanya 5 soalan je. Jadi tak bolehlah semua EXCO menjawab. Jadi kita nak supaya semua EXCO dapat menjawab soalan-soalan tertentu. Jadi kalau boleh jawab pertanyaannya *precise*, dengan izin dan saya minta maaf teliti dan jawapan pun kena apa namanya… apa Yang Amat Berhormat Menteri Besar? Yang Amat Berhormat Menteri Besar selalu sebut tu. *Sharp and*…

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Short and sharp dan padu.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Short and sharp dan padu.

YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Baik. Salam sejahtera dan selamat pagi. Yang Berhormat Dato Sri Yang di-Pertua. Saya mohon izin untuk kemukakan soalan nombor 5. Terima kasih.

> [Usaha Kerajaan Negeri menyantuni usahawan mikro melalui Skim Pembiayaan Kewangan Usahawan Mikro (Skim I-PUSH) amat dialu-alukan. Adakah RM20 juta yang diperuntukkan bagi tahun 2022 telah dimanfaatkan sepenuhnya? Berapakah jumlah permohonan yang diterima dan diluluskan, mengikut pecahan kaum? Berapakah peruntukan Skim I-PUSH bagi tahun 2023?]

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua dan er... terima kasih kepada Sabai yang merupakan soalan berkaitan dengan usahawan yang soalannya berkaitan dengan Skim Pembiayaan Kewangan Usahawan Mikro ataupun Skim I-PUSH er... adakah RM20 juta diperuntukkan pada tahun 2022 telah dimanfaatkan sepenuhnya?

Berapakah jumlah permohonan yang diterima dan diluluskan mengikut pecahan kaum? Berapakah peruntukan Skim I-PUSH pada tahun 2023?

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Skim Pembiayaan Kewangan Usahawan Mikro ataupun dengan ringkas yang dipanggil Skim I-PUSH merupakan inisiatif daripada pihak Kerajaan Negeri Pahang yang diumumkan dalam Belanjawan Negeri Pahang pada tahun 2022 dengan peruntukan permulaan er... ada dua fasa. Fasa pertama dan fasa kedua yang berjumlah RM20 juta dan tambahan sebanyak RM10 juta pada tahun 2023. Bagi fasa pertama yang dilaksanakan pada tahun 2022, kelulusan pembiayaan yang telah diberikan kepada ataupun seramai 751 orang yang melibatkan peruntukan berjumlah RM7.15 juta.

Manakala baki peruntukan, fasa pertama sebanyak RM12.5 juta tersebut akan diagihkan dalam fasa kedua pada tahun 2023, bersama-sama dengan peruntukan tambahan sebanyak 10 juta pada tahun 2023 yang menjadikan jumlah keseluruhan untuk diagihkan pada tahun ini berjumlah RM22.85 juta. Pentadbiran BPEN, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Pahang telah menerima permohonan-permohonan melalui sistem atas talian (SMU) ataupun Sistem Maklumat Usahawan ni Pahang berjumlah 245… eh 2,415 permohonan dan kini dalam proses pengagihan dana melalui bank yang dilantik iaitu Bank Muamalat dan dijangka akan selesai dalam bulan Jun ni dan er... Skim I-PUSH ni tidak pernah memperuntukkan kuota khusus bagi mana-mana daerah mahupun DUN atau Parlimen, bangsa atau kaum.

Namun, peratusan permohonan berdasarkan kepada bangsa dapat rumuskan seperti yang lampiran yang disertakan ni. Er... kalau mengikut permohonan mengikut bangsa, Melayu 3,020 orang atau dalam peratusannya 92.16%, Cina 441.34%, India 196.6% atau lain-lain 17 ataupun 0.51 %. Jadi er... itu antara jawapan yang dapat dikemukakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih.

YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Dato' Sri Speaker, mohon soalan tambahan. Saya difahamkan tempoh permohonan bagi bantuan I-PUSH ini, daripada tarikh diiklan, ditemuduga dan diberi kelulusan itu saya rasa satu tempoh yang panjang. Tak silap saya dalam permohonan terkini yang telah diluluskan adalah disiarkan pada bulan November tahun 2022 dan baru dua hari lalu pemohon telah diberi kelulusan. Saya rasa satu tempoh yang cukup panjang. Golongan yang betul-betul yang telah membuat permohonan dan yang memerlukan bantuan untuk mengembangkan perniagaan ini adalah golongan yang betul-betul berminat untuk menceburi bidang tersebut dan saya rasa tempoh tersebut sepatutnya perlu dikurangkan kalau dalam tempoh 2 bulan itu cukup bagus.

Apakah kerajaan ada cadangan untuk mengurangkan tempoh tersebut supaya golongan yang telah membuat permohonan ini tidak kita letakkan dalam keadaan situasi yang menunggu-nunggu untuk mengharapkan bantuan tersebut. Sekian, terima kasih.

YB TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kita memahami proses yang sebelum ini dan pihak Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Pahang, kita telah mewujudkan satu *task force…* mengadakan *task force* untuk mengurus proses Skim I-PUSH ini dan biasanya kita buat iklan itu lebih kurang sebulanlah tempoh iklan dan selepas bulan tu kita akan mengadakan proses temuduga. Temuduga juga melibatkan penglibatan di peringkat daerah yang dianggotai oleh Pegawai-pegawai Kanan Daerah dan juga pihak PBT dan pihak daerah pun mengambil masa untuk membuat proses temuduga dan selepas siap proses temuduga, dia akan hantar balik laporan kepada pihak BPEN untuk kita membuat tawaran peruntukan tersebut. Insya-Allah kita akan cuba lagi untuk perkemaskan dari segi masa sepertimana yang dibangkitkan oleh Sabai tadi.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Soalan seterusnya, soalan nombor 6. Wakil daripada Kuala Semantan.

YB TUAN HASSANUDDIN BIN SALIM

Assalamualaikum WTB dan salam sejahtera. Dato' Sri Yang di-Pertua, soalan saya nombor 6.

[Cukai Taksiran Oleh PBT:

a) Sila kemukakan butiran terperinci prestasi kutipan Cukai Taksiran di semua PBT negeri Pahang bagi tahun 2022?

b) Apakah faktor-faktor yang dikenalpasti menjejaskan prestasi kutipan Cukai Taksiran tersebut?

c) Sila nyatakan apakah inisiatif dan kaedah yang dilakukan bagi melonjakkan prestasi kutipan cukai tersebut?]

YB DATO' SRI JOHARI BIN HARUN

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Yang Mulia ini. Yang berhormat Kuala Semantan bertanyakan soalan berkaitan dengan prestasi Kutipan Cukai Taksiran Am PBT di negeri Pahang tahun 2022 dan apakah faktor-faktor yang menjejaskan prestasi dan apakah inisiatif yang diambil untuk meningkatkan hasil Kutipan Cukai Taksiran ini.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Secara keseluruhannya prestasi kutipan Cukai Taksiran Am bagi kesemua PBT di negeri Pahang er... bagi tahun 2022 menunjukkan peningkatan berbanding dengan tahun 2021. Jumlah keseluruhan kutipan Cukai Taksiran bagi semua PBT bagi tahun 2022 adalah sebanyak RM183.65 juta berbanding dengan kutipan pada tahun 2021 iaitu sebanyak RM177.91 juta yang mana peningkatannya adalah sebanyak RM5.74 juta ataupun 3.23%.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Masa yang sama peratusan prestasi pencapaian bagi kutipan hasil bagi keseluruhan PBT adalah sebanyak 85.25% berbanding dengan anggaran cukai yang telah ditetapkan. Manakala jumlah kutipan tunggakan cukai bagi tahun 2022 adalah sebanyak RM32.4 juta berbanding dengan RM22.36 juta pada tahun 2021 dan peningkatan adalah sebanyak 45.08% iaitu bagi kutipan tunggakan inilah.

Dato' Sri Yang di-Pertua.

Suka saya er… untuk membacakan perincian prestasi kutipan Cukai Taksiran Am bagi setiap PBT di seluruh negeri Pahang. Yang pertama, Majlis Bandaraya Kuantan. Anggaran hasil cukai yang ditetapkan adalah sebanyak RM76.3 juta anggaran dan hasil kutipan pada tahun 2022 adalah sebanyak RM66.4 juta, iaitu pencapaian sebanyak 87.02%. Manakala Majlis Perbandaran Temerloh anggaran adalah sebanyak RM18 juta dan hasil kutipan adalah sebanyak RM13.8 juta iaitu 77.17%. Majlis Perbandaran Bentong anggaran RM63.9 juta dan kutipan adalah sebanyak RM57.8 juta pada tahun 2022 pencapaian sebanyak 90.47%.

Manakala Majlis Daerah Bera anggaran sebanyak RM5.8 juta dan kutipan adalah sebanyak RM4.7 juta iaitu 82.34%. Majlis Daerah Cameron Highlands anggaran adalah sebanyak RM9.5 juta dan kutipan adalah RM8.85 juta iaitu 93.17%. Manakala Majlis Daerah Jerantut, anggaran adalah sebanyak RM7.4 juta dan kutipan adalah sebanyak RM6.1 juta, 83.48%. Majlis Daerah Maran, anggaran adalah sebanyak RM2.8 juta, kutipan adalah sebanyak RM2.4 juta, 85.31%.

Majlis Daerah Pekan, anggaran RM8.6 juta dan kutipan adalah RM7.3 juta, iaitu 84.85%. Majlis Daerah Raub, anggaran RM8.5 juta dan kutipan adalah RM7.04 juta, iaitu 82.84%. Majlis Daerah Lipis, anggaran RM3.9 juta, kutipan adalah RM3.6 juta, iaitu 93.49%. Majlis Daerah Rompin, anggaran adalah sebanyak RM4.79 juta, kutipan adalah sebanyak RM3.93 juta, iaitu 81.93%. Dan akhir sekali, Lembaga Pembangunan Tioman, anggaran cukai adalah sebanyak RM852,228.26 dan kutipannya adalah sebanyak RM740,081.22 iaitu pencapaian sebanyak 86.84%.

Seterusnya berkaitan dengan punca-punca yang menjejaskan prestasi, Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, daripada apa yang diperhatikan bahawa punca-punca berkaitan dengan kita tidak mencapai 100% hasil kutipan ini yang pertama adalah dengan keadaan ekonomi semasa yang tidak menentu dan yang kedua bencana alam seperti banjir besar dan yang ketiganya adalah pemilik-pemilik harta bagi sektor industri masih lagi terkesan dengan pandemik COVID-19. Seterusnya kedudukan kewangan, pembayar cukai itu sendiri dan seterusnya pemilik premis diisytiharkan muflis dan akhir sekali kurang kesedaran untuk membayar cukai taksiran.

Dan seterusnya apakah inisiatif yang kita ambil ataupun yang dilaksanakan oleh PBT Negeri Pahang adalah seperti berikut. Yang pertamanya mempelbagaikan saluran pembayaran. Seperti pertama mengadakan kutipan luar ataupun kaunter bergerak di taman-taman perumahan dan juga lain-lain tempat difikirkan sesuai. Dan yang keduanya... mengadakan *task force* kutipan dari rumah ke rumah serta premis perniagaan, kaedah bayaran secara ansuran, kemudahan bayaran secara dalam talian dan menjadikan kaunter pandu lalu ataupun *drive-thru.*

Sebenarnya mengadakan promosi dan menawarkan ganjaran kepada mereka yang membayar cukai taksiran, antara insentif yang telah dilaksanakan... pertama

menawarkan hadiah ataupun cenderahati bagi pembayar cukai terawal setiap tahun. Kedua, memberi rebat kepada er... memberi rebat pengurangan denda Notis E ataupun notis supaya membayar cukai tunggakan kadar dan memberi surat perhargaan kepada syarikat-syarikat bagi pembayaran cukai terbesar.

Dan seterusnya menggiatkan lagi usaha-usaha penguatkuasaan yang bersesuaian. Pertama, mengeluarkan notis pra mahkamah, waran tahanan kepada pemilik yang dikenalpasti mempunyai tunggakan yang tinggi atau tempoh yang lama. Yang kedua, mengeluarkan Notis E kepada pemilik yang mempunyai tunggakan cukai taksiran dan menjalankan pindaan nilai tahunan ke atas pemilik yang telah membuat ubah suai bangunan. Mengadakan rundingan dua hala antara pemilik dan juga pihak PBT dalam menyelesaikan tunggakan cukai taksiran dan akhir sekali bagi kes-kes *bankruptcy* sekiranya bayaran pernah dibuat, pengecualian bayaran denda lewat dipertimbangkan. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Jawapan yang sangat komprehensif. Kita pergi kepada soalan seterusnya. Soalan nombor 7. Wakil daripada Cheka.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua. Saya kemukakan soalan nombor 7.

> [Kerajaan Negeri difahamkan telah mengadakan rundingan dengan pelbagai pihak untuk mengadakan perdagangan kredit karbon. Mohon penjelasan lanjut dan apakah status terkini?

YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. Saya ucapkan kepada Dato' Sri Yang di-Pertua dan juga rakan-rakan Ahli Yang Berhormat. Soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat YB Cheka adalah seperti berikut. Kerajaan Negeri difahamkan telah mengadakan rundingan dengan pelbagai pihak untuk mengadakan perdagangan kredit karbon. Mohon penjelasan lanjut dan apakah status terkini?

Baik, terima kasih kepada YB ADUN Cheka di atas soalan tersebut. Perdagangan kredit karbon masih dalam penelitian oleh pelbagai pihak. Untuk makluman, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) kini dikenali sebagai Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim dalam tindakan memuktamadkan kerangka dasar pasaran karbon. Sehingga kini, ada beberapa sesi libat urus dan rundingan telah diadakan oleh Kerajaan Negeri bersama pihak yang berminat melalui Bahagian Pelaburan dan Penswastaan.

Namun, rundingan masih belum dimuktamadkan berikutan dasar pasaran karbon negara yang masih dalam tindakan pembangunan yang seterusnya. Dan dasar ini akan menjadi garis panduan kepada Kerajaan Negeri di masa hadapan. Bagi sebarang urusan berkaitan dengan perdagangan kredit karbon, Kerajaan Negeri telah diminta untuk merujuk atau menguruskannya melalui Kerajaan Persekutuan.

Memandangkan Kerajaan Persekutuan menggunakan dengan izin, *focal point* bagi pelaporan kepada badan antarabangsa. Kementerian juga telah menyatakan bahawa terdapat keperluan untuk membangunkan sistem dan proses yang jelas supaya mana-

mana pihak sama ada Kerajaan Negeri ataupun pihak swasta yang menjalankan perdagangan kredit karbon perlu melaporkan kepada Kerajaan Persekutuan. Ia bagi memastikan setiap pelaporan memenuhi syarat dan tiada pengiraan berganda berlaku. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Soalan tambahan sikit. Pertama, terima kasih di atas jawapan yang lengkap dan tepat dengan apa yang saya bangkitkan. Memandangkan Pahang ini mempunyai keluasan hutan simpan yang sangat besar 1.5… 1.6 juta hektar dan kita mempunyai kawasan tanah gambut yang juga luas. Kita ada di Rompin, di Pekan, di Kuantan dan sebagainya. Tanah gambut adalah penyerapan karbon yang tertinggi selain daripada buluh.

Soalan saya ialah, oleh kerana kerajaan telah pun menyerahkan kepada Bursa Malaysia untuk menjadi agensi dalam urus niaga kredit karbon, saya fikir polisi Kerajaan Persekutuan membenarkan urus niaga dalam bentuk *domestic emission trading scheme* (DETS) melalui agensi di bawah dalam negara. Saya fikir peluang besar terbuka untuk Pahang sebab kita boleh *deal direct* dengan Petronas, dengan TNB yang sangat memerlukan. Mereka perlu beli, termasuk juga sawit kita. Kalau kita tak ada *green certificate*, sawit kita akan *double* cukai bila masuk ke pasaran Eropah.

Jadi oleh kerana itu semua jualan sawit kita dan produk Malaysia mesti ada *green certificate. Green certificate* ini dia mesti beli hutan kita dan saya fikir Kerajaan Negeri akan menjadi, mendapat dana tambahan dengan keluasan 1.6 juta hektar ladang tanah hutan simpan yang kita masih ada. Dari pandangan saya, saya ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri atau usaha inisiatif ini dan peluang ini terbukalah untuk kita menambah pendapatan bagi negeri. Terima kasih.

YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Terima kasih Yang Berhormat Cheka di atas cadangan tersebut. Saya setuju di atas komen tersebut di mana di masa hadapan kita ada peluang cerah untuk perdagangan kredit karbon. Pertama sekali seperti YB sebut tadi, kita ada khazanah hutan simpanan yang begitu besar di negeri ini, Dato' Sri yang di-Pertua. Pada ketika ini, apa yang saya fahamkan pasaran kredit karbon dalam negara kita masih dalam keadaan membangun di mana Kerajaan Persekutuan masih sedang mengkaji kerangka rang undang-undang yang lebih lengkap untuk pasaran ini dan kita tidak mempunyai jumlah pembeli karbon kredit dan penjual karbon kredit yang besar seperti yang ada di negara-negara maju dan seperti yang diucapkan oleh YB Cheka, hutan paya bakau ini mempunyai potensi yang besar di mana ada kajian yang menyatakan kadar penangkapan ataupun penyerapan karbon oleh hutan paya bakau adalah 8 kali lebih berkesan daripada hutan khatulistiwa yang ada di negeri Pahang.

Oleh itu, di masa hadapan, Kerajaan Negeri akan teliti bagaimana kita boleh melipatgandakan usaha untuk menanam semula pokok-pokok dan juga untuk menanam semula hutan paya bakau agar kita dapat menangkap karbon secara optima di mana Kerajaan Malaysia berhasrat untuk mensasarkan *target* dengan izin, *net zero carbon* di masa hadapan. Tapi cabarannya buat masa sekarang ini kita tidak ada rangka rang undang-undang yang dimuktamadkan.

Selain itu, kita tidak ada polisi cukai karbon ataupun dengan izin, *carbon tax* yang akan memaksa syarikat-syarikat yang memerlukan *carbon credit* ini untuk membeli kredit karbon di pasaran. Baru-baru ini Bursa Malaysia telah melancarkan *carbon credit*

exchange yang baru. Ini satu permulaan yang baik tetapi *carbon credit* yang diperdagangkan masih diperoleh daripada luar negara seperti daripada China dan Cambodia.

Kita masih belum ada projek *carbon credit* yang diusahakan dalam negara ataupun dalam negeri Pahang kerana cabarannya projek-projek kredit karbon ini memerlukan jangka masa yang panjang untuk direalisasikan dan ia melibatkan komitmen dengan masyarakat setempat dan mana-mana pemaju perlu bekerjasama dengan komuniti setempat, contohnya dengan masyarakat Orang Asli sebagai contoh ya, sekiranya mereka ingin menanam paya bakau di kawasan Orang Asli dan ini memakan jangka masa yang panjang di mana er... kepercayaan perlu diperoleh oleh masyarakat setempat supaya mereka sama-sama dapat mengusahakan projek komuniti yang akan apa mengujudkan er… kredit karbon yang akan diberi sijil oleh pensijil-pensijil yang terkenal sebagai contoh Syarikat Alvera di antarabangsa dan insya-Allah, Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan cadangan tersebut. Terima kasih, Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Seterusnya soalan nombor 8, Wakil daripada Jenderak. Sila.

YB DATO' RODZUAN BIN ZAABA

Terima kasih Dato' Sri Speaker,

Pergi Jenderak untuk beli santan,
Soalan yang ke-8.

[Siapakah golongan yang layak untuk memohon Bantuan Anggun Niaga? Bagaimana cara untuk memohon dan bilakah jangkaan penerima akan menerima bantuan tersebut?]

YB DATO' SABARIAH BINTI SAIDAN

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua serta sahabat kita, Yang Berhormat ADUN Jenderak yang bertanyakan soalan. Siapakah golongan yang layak untuk memohon Bantuan Anggun Niaga. Bagaimana cara untuk memohon dan bilakah jangkaan penerima akan menerima bantuan tersebut?

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Bagi Program Pembangunan Ekonomi Wanita Negeri Pahang, salah satu Kerajaan Negeri memberi fokus kepada usahawan kecil Ibu Tunggal melalui program yang dinamakan Program Anggun Niaga. Bantuan Anggun Niaga merupakan bantuan yang dikhususkan kepada Ibu Tunggal Golongan B40 yang mempunyai perniagaan kecil-kecilan, berminat dan bersungguh-sungguh menceburi bidang perniagaan sebagai sumber pendapatan. Jumlah bantuan yang diberikan adalah sebanyak RM1,000.00.

Permohonan adalah secara atas talian dengan mengimbas "QR Code" atau mengisi *link* yang telah ditetapkan oleh Unit Pembangunan Wanita dan Sosial Pahang. Tawaran untuk permohonan telah dibuka sehingga Mac 2023 yang lepaslah untuk tahun ini dan sesi akan dilaksanakan bagi memilih 700 orang usahawan kecil Ibu

Tunggal yang layak daripada 1,200 permohonan yang telah kita terima. Cuma hanya calon-calon yang disenarai pendek akan dipanggil temuduga. Setelah mendapat senarai pemohon yang lulus temuduga, penyerahan akan dibuat di setiap parlimen dan jangkaan penyerahan adalah bermula seawal pertengahan Jun 2023. Sekian, terima kasih, Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Soalan tambahan?

YB DATO' RODZUAN BIN ZAABA

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Speaker. Soalan tambahan saya er… berapakah er… berapa ramaikan pemohon yang telah menerima bantuan Anggun Niaga ini? Terima kasih.

YB DATO' SABARIAH BINTI SAIDAN

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua, apakah maksud pertanyaan tadi? Adakah untuk tahun ini ataupun tahun-tahun yang lepas?

YB DATO' RODZUAN BIN ZAABA

Er… jumlah keseluruhan.

YB DATO' SABARIAH BINTI SAIDAN

Okey, setiap tahun daripada tahun lepas kita memberikan bantuan sebanyak 700 orang setiap program dan cuma untuk tahun ini, kita fokuskan kepada golongan Ibu Tunggal dan pada tahun lepas er… 700 orang juga dan terdiri daripada bukan saja Ibu Tunggal cuma kita memanggil juga peniaga-peniaga Wanita Golongan B40 yang betul-betul berminatlah seperti yang dikatakan tadi. Sekian, terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Kita pergi kepada soalan seterusnya. Soalan nombor 9. Sila ADUN, Wakil daripada Tanah Rata.

YB TUAN HO CHI YANG

Terima kasih, Dato' Sri Yang di-Pertua, dan izinkan saya mengemukakan soalan 9.

[Pelan Rekalibrasi Pendatang Asing Tanpa Izin

a) Nyatakan jumlah syarikat dan jumlah pekerja asing yang terlibat dalam Pelan Rekalibrasi berdasarkan Daerah dan tahun sejak pelaksanaan pelan ini?

b) Nyatakan syarat-syarat untuk menyertai Pelan Rekalibrasi?]

YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih er… pertanyaan dari Tanah Rata. Sebelum ini, Dato' Sri Yang di-Pertua, saya ingin mengumumkan, semalam saya dapat markah terendah, saya dapat hadiah juga. Terima kasih. Nanti kalau tak tau main macam saya, dapat hadiah juga. Jangan takut.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Dapat nombor berapa Yang Berhormat?

YB TUAN SIM CHON SIANG

Last sekali. [Ahli Dewan ketawa]. Untuk menjawab soalan Tanah Rata er… untuk permohonan untuk syarikat untuk dari 28 hari bulan, bulan 2 dari Disember 2020, sampai ke 31 hari bulan Oktober 2022 er… apa dalam 22 bulan, okey.

Pemohonan yang dimohon oleh majikan adalah di Kuantan adalah 3,005 syarikat, dan di Cameron adalah 461 er… majikan yang memohon untuk program RTK, yang kita ringkaskan yang Warga Asing yang dimohon oleh di Kuantan adalah 379 orang dan di Cameron adalah 3,572 orang.

Untuk menjawab soalan nombor 2, apa syarat-syarat dia? Syarat untuk majikan. Untuk majikan adalah sektor perkilangan, pameran, pertanian, ladang, perlombongan, kuari, pegawai keselamatan, pembantu rumah asing dan perkhidmatan, dan sektor tidak dibenarkan untuk memohon adalah peniagaan tekstil, tukang emas, tukang gunting rambut, rumah kebajikan dan kitar semula.

Untuk syarat-syarat penggajian pekerja asing adalah seperti warganegara, jantina, had umur, bayaran levi, kelayakan pas dan juga tidak di dalam senarai disyaki dan senarai hitam dan bukan bankrupsi, dan juga ada kes yang belum selesai dengan Jabatan *Immigration* Malaysia.

Untuk warga asing, kita panggil PATI. Syarat-syarat untuk kelayakan, hanya 15 negara sahaja kita yang dipertimbangkan Indonesia, Bangladesh, Thailand, India, *Philippine*, Kemboja, Laos, Nepal, Myanmar, Sri Lanka, Vietnam, Pakistan, Turkmenistan, Uzbekistan dan Kazistan. [Ahli Dewan ketawa]. Okey, Kazistan.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Kazakhstan. Turkmenistan.

YB TUAN SIM CHON SIANG

Hanya 9 negara saja untuk pembantu rumah asing. Thailand, Kemboja, Nepal, Laos, Vietnam, Filipina, Sri Lanka, India dan Indonesia, er… yang untuk er... PATI-PATI ini perlu mendaftar dengan Program *Rehiring* dan dalam Program 6p atau lebih dikenali, dan mempunyai perjalanan negara asal yang masih sah laku sekurang- kurangnya 18 bulan.

Dan kalau ada laporan dari majikan yang asal dan direkodkan dalam sistem Jabatan *Immigration*, tidak layak. Okey, tidak layak menyertai program RTK 2.0 dan er… Kalau juga ada dalam senarai hitam, memang tidak dibenarkan. Kelayakan untuk PATI adalah sekurang-kurang umur 18 ke atas dan juga menjalani saringan pemeriksaan

kesihatan dan diperakui *fit to work,* maknanya dia sihatlah untuk kerja, itu saja dibenarkan. Sekian terima kasih, Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB TUAN HO CHI YANG

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, Kementerian Dalam Negeri ada mengumumkan bahawa sejak tahun lepas. Program Rekalibrasi Tenaga Kerja menjana pendapatan sebanyak RM700 juta untuk tahun 2022. Maka untuk tahun ini berapakah pulangan hasil ataupun anggaran hasil yang akan dijana melalui program tersebut? Terima kasih.

YB TUAN SIM CHON SIANG

Er... yang saya tahu tu 700 itu sebagai bukan hasil iaitu sebagai kompaun. Kompaun kepada majikan atau kepada warga asing. Untuk maklumat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya tak ada maklumat untuk ini dan saya kalau boleh saya nak bagi jawapan dalam bertulis dan untuk… untuk lebih ketahui umum semua JTK tidak… pada tahun... awal tahun ni JTK sudah tidak terlibat dalam rancangan RTK ini. Dan ini semua telah diambil alih oleh Jabatan Imigresen Malaysia.

So, untuk syarikat- syarikat atau warga asing ingin memohon dalam rancangan ini, saya mohon ke imigresen, jangan ke JTK salah jalan pula tu, rugi masa. Er... Saya hanya boleh lagi bagi tahu apa yang dalam sektor pekerjaan yang dapat diluluskan lebih cepat itu dalam sektor 3D. Kita panggil 3D. Itu sektor kotor (*dirty*), bahaya (*dangerous*) dan sukar (*difficult*). Yang selalu tidak… tidak apa…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Dirty,dangerous & difficult.

YB TUAN SIM CHON SIANG

Difficult.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Okey.

YB TUAN SIM CHON SIANG

Dan dia… orang Malaysia ini yang selalu taknak kerja dalam apa di sektor perkilangan yang lainlah akan diutamakan. Okey, itu sahaja.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih wakil daripada Kerajaan. Soalan kita yang terakhir untuk hari ini iaitu seorang nombor 10. Sila wakil daripada Tioman.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Hormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mengajukan pertanyaan nombor 10. Terima kasih.

[Rompin terkenal dengan acara Royal Pahang Billfish International Challenge. Untuk menarik lebih ramai pelancong dengan penganjuran acara, adakah acara Golf Monsun Cup dianjurkan pada tahun ini dan dijadikan acara tahunan?]

YB CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada YB Tioman yang menanyakan soalan 10. Acara 'Golf Monsoon Cup' dianjurkan bawah inisiatif dan usaha Yang Berhormat Tioman selaku penaung. Ia merupakan acara tahunan dan pernah disertai 3 orang pemain golf dari dalam dan luar negeri Pahang. Tahniah kepada Yang Berhormat Tioman. Penganjuran acara ini dapat mempromosikan Rompin sebagai destinasi kepada peminat-peminat golf. Jadi untuk tahun ini, cadangan tarikh adalah pada hujung tahun. Kerajaan Negeri melalui Tourism Pahang akan memberi sokongan dan masukkan dalam kalendar acara pelancongan negeri Pahang.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih semua. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita selesai membincangkan sepuluh pertanyaan dan jawapan, saya bercadang untuk menempohkan persidangan pagi ini untuk minum pagi dan persidangan disambung semula pada pukul 11.30 pagi. Persidangan ditempohkan.

[*Persidangan ditempohkan pada pukul 11.30 pagi*]

[*Persidangan disambung semula*]

SAMBUNGAN PERBAHASAN USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA PAHANG

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara ketiga: Sambungan perbahasan usul Menjunjung Kasih atas Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, di hadapan majlis adalah satu usul yang berbunyi:

> **"Bahawa Dewan Negeri Pahang yang bersidang pada hari ini bersetuju menjunjung kasih atas limpah perkenan kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang berangkat menyempurnakan titah diraja kepada Dewan Negeri. Usul tersebut telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan telah pun mendapat sokongan. Sekarang saya kemukakan semula usul ini kepada perbahasan".**

Dengan ini saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat… Ahli Yang Berhormat daripada kawasan Padang Tengku untuk membahas usul tersebut.

YB DATO' MUSTAPA BIN LONG

Bismillahhirrahmanirrahim. [Bacaan dalam Bahasa Arab)]. Terima kasih kepaa Yang Berhormat Dato' Sri *Speaker* kerana beri ruang dan peluang untuk saya turut sama membahaskan Titah Diraja yang telah disempurnakan pada hari Isnin lepas. Saya juga mengambil kesempatan dan peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Sri atas pelantikan sebagai *Speaker* dan juga Timbalan *Speaker* yang... kepada Yang Berhormat Encik Lee Chin Chen, ADUN Bilut sebagai Timbalan *Speaker*.

Saya percaya *Speaker* mampu menjalankan tugas dengan baik berdasarkan pengalaman luas yang dimiliki sebagai ADUN... sebagai EXCO dan juga akan mengendalikan Aturan Mesyuarat Dewan walaupun terpaksa berhadapan dengan komposisi Ahli Dewan yang hampir seimbang pada hari ini.

Di kesempatan ini juga saya nak mengucapkan taniah kepada Dato' Sri… Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Wan Rosdy Wan Ismail di atas pelantikan sebagai Menteri Besar untuk kali yang ke-2 setelah beliau berjaya meletakkan negeri Pahang sebaris dengan negeri-negeri maju yang lain seperti Selangor, Johor, Pulau Pinang dan di atas kepercayaan juga diletakkan sebagai Naib Presiden UMNO. Orang yang ke-3, pemimpin yang ke-3 dalam barisan pemimpin UMNO hari ini.

Di peluang ini juga saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Indera Dato' Zulkifli Yaacob atas pelantikan sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang yang baru di samping penghargaan yang setinggi tingginya kepada bekas... bekas Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato'…Yang Hormat Dato' Sri Dr Sallehuddin Ishak yang telah menunjukkan perkhidmatan yang begitu cemerlang dan gemilang dalam mengemudikan negeri Pahang sebagaimana pantun lama:

Burung punai mati dipanah,
Jatuh seekor tepi telaga,
Hancur badan dikandung tanah,
Budi yang baik dikenang jua.

Dan pastinya saya tidak lupa kepada rakan-rakan Ahli Dewan yang menang di kawasan masing-masing sama ada yang baru mahupun yang lama dan saya mengucapkan selamat datang ke Dewan Negeri Pahang dan marilah kita bersama-sama untuk kita sama ada kerajaan mahupun pembangkang untuk kita jadikan Titah Diraja Pemangku Raja Pahang yang… sebagai satu panduan untuk kita menjalankan amanah bagi kita membela dan terus memperjuangkan nasib rakyat dengan penuh kejujuran, penuh integriti. Maka kita marilah bersama-sama untuk kita memberikan idea yang membina bagi membantu kerajaan dengan memberikan hujah-hujah yang bernas dalam dan janganlah kita berbalah, janganlah kita berkelahi sebaliknya kita bersatu demi membela nasib rakyat sebagaimana yang telah disarankan oleh Tuanku.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya meninjau dan mengamati Titah Ucapan dan ada beberapa isu yang menarik perhatian saya. Di antaranya perkara yang dibangkitkan nombor 19. Saya bacakan, "ingat dalam usaha kita mengejar kemajuan negara dan negeri, kita tidak boleh sama sekali membelakangkan alam sekitar dan kehidupan" dan banyak rakan-rakan yang telah mengulas isu ini tetapi di antara isu yang menarik dan saya kira belum disentuh lagi ialah berkaitan dengan isu pembuangan sampah-sarap, pembuangan sampah merata-rata. Dan wujudnya kawasan-kawasan pembuangan sampah secara haram.

Kalau di kawasan DUN Padang Tengku ataupun Lipis, di Merapoh sahaja tak kurang daripada 6 kawasan dan memang Padang Tengku ni memang terkenal dengan tempat buang sampah. Setiap kali musim perayaan, memang di tepi Lebuh Raya CSR menuju ke Kelantan itu secara rutin, tak henti. Setiap musim perayaan dan musim cuti dan sebagainya sampah-sampah banyak dilonggokkan di situ.

Tetapi sekarang ni, kita tahu dan kita telah tinjau wujudnya kawasan-kawasan pembuangan sampah di merata-rata, diletak di tepi-tepi sungai, diletakkan di apa nama ni di lopak-lopak tertentu, di kawasan-kawasan tanah-tanah terbiar, di tepi-tepi bahu jalan dan sebagainya dan ini merupakan sesuatu perkara yang sepatutnya tidak berlaku kerana kita semua tahu bahawa kita berada dalam negara yang maju. Tapi kita tahu inilah risiko sebagai sebuah negara maju daripada rekod ataupun kajian yang telah saya jumpa.

Kes pembuangan sampah ni bukan isu Tuan Yang di-Pertua... bukan isu orang Padang Tengku, bukan isu orang Lipis, bukan isu orang Pahang, bukan isu orang Malaysia tetapi di seluruh dunia. Dan di Malaysia ni saja sejumlah 26 juta.... 626 juta... 699 tan telah dikenal pasti sampah dibuang setiap hari. Dan kalau ikut dari segi perseorangan ni ataupun purata setiap penduduk kita yang membuang sampah ini setiap rakyat Malaysia membuang sampah 1.17 kilo sehari. Jadi ini merupakan isu yang serius sebab itulah Tuan… Tuan… Dato' Sri Yang Di-Pertua, saya mengharapkan bahawa isu ini ditangani dengan baik.

Yang menjadi persoalan sampah ini terutamanya di kampung-kampung tradisional di mana dia tidak ada perkhidmatan. Kalau di kawasan Majlis Daerah, Majlis Perbandaran, Kerajaan Tempatan, memang ada yang mengutip sampah. Tetapi di kampung-kampung, macam disebutkan tadi diletakkan di belakang rumah dan di kawasan yang memang menyakitkan mata memandang dan akan mendedahkan

kepada faktor-faktor kesihatan, pencemaran bau, pencemaran apa nama ni alam sekitar, apa namanya air dan sebagainya.

Dan inilah merupakan satu usaha yang perlu kita lakukan, dan untuk itu... saya dulu kalau di Padang Tengku ataupun di Lipis ni... kita ada satu tempat yang diletakkan… dikenali sebagai Tong Komuniti ataupun Tong Pusat. Tetapi sekarang ni apabila apa kawasan-kawasan berkenaan telah diwartakan sebagai kawasan perkhidmatan majlis, maka tong-tong itu telah tak ada. Dulu orang kampung tolong 'tumpang tui' lah, dia menumpang buang sampah ke situ. Kesedaran ni memang tinggi dah, orang tak nak dah... banyak dah, tak nak dah buang sampah di keliling rumah dan sebagainya.

Jadi orang kampung pergi hantar ke pusat-pusat ni. Kemudian dalam satu taklimat yang diberikan oleh pihak majlis dengan apa ni, Sisa... Jabatan Sisa Pepejal ini mereka telah dimaklumkan bahawa buang sampah menggunakan tong yang disediakan di kawasan-kawasan ini merupakan satu kesalahan. Ini menyebabkan mereka akan jadi lebih takut dan akhirnya membuanglah sampah di merata-rata.

Dan saya kenal pasti di kawasan-kawasan di Kuala Lipis ini ada beberapa lokasi. Pertama, kawasan Terenggun berhampiran dengan Kem Wawasan Negara di kawasan di mukim... apa ni... di sempadan... Mukim Gua dengan Mukim Penjom. Kemudian di Simpang Kampung Lalang. Di Jambatan Kuala Kechau 8, di Sungai Bedung Kampung Petola di Mukim Kechau, di Jalan Lipis-Benta. Di Merapoh saja macam disebutkan tadi ada 6 lokasi dan Merapoh ni… satu kawasan er… pelancongan. Jadi, kita memang ini akan memberikan nama yang tidak begitu baiklah kepada apa ni kerajaan kita dan penduduk setempat.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Er… sekarang ni masalah mereka ni masalah undang-undang. Mereka nak dapatkan perkhidmatan sampah, mereka kena bayar… bayar. Kalau nak majlis, kena bayar, kena bayar cukai pintu. Kena bayar cukai pintu. Tapi orang kampung dia rasa terbeban dengan cukai pintu ini. Dia tak nak bayar. Kita telah buat perjumpaan di Merapoh macam yang saya sebutkan tadi, mereka menolak. Dia tak nak sampah tapi tak nak bayar cukai pintu ini.

Jadi saya nak cadangkan supaya mungkin kerajaan boleh mengasingkan atau buat satu… satu apa nama ni satu kaedah cukai khas sampah maknanya kepada kampung-kampung tradisional yang tidak memerlukan perkhidmatan er…yang lain nak cuci longkang ke nak lampu ke dan sebagainya sebab mereka dah ada di bawah perkhidmatan luar bandar maka mereka ini hanya dikenakan cukai khas bagi kutipan sampah. Maka di situ Alam Flora dan lain-lain agensi yang berkaitan boleh memberikan perkhidmatan kepadanya dan ini mungkin tidak membebankan er… pengguna-pengguna. Itu cadangan yang… yang saya kira er… mungkin boleh menyelesaikan sedikit sebanyak masalah ini.

Yang keduanya, mengadakan satu kaedah yang membolehkan komuniti melantik er… kontraktor-kontraktor tertentu tetapi yang jadi masalah yang ini mungkin dari segi kawalan harga dan sebagainya. Maka kita perlu ada satu mekanisme untuk memastikan bahawa kontraktor-kontraktor yang dilantik ini er… mereka mematuhi er… akta-akta tertentu apa nama enakmen-enakmen tertentu yang membolehkan kawalan harga di… dilakukan.

Dan yang seterusnya saya mencadangkan mengwujudkan semula perkhidmatan tong-tong pusat ataupun tong komuniti di lokasi-lokasi strategik yang satu ketika dulu diwujudkan. Cuma masalah di sini bila ada tong itu semua dilonggokkan dan sampah juga akan jadi banyak dan busuk kerana apa ni terlalu banyak dan melebihi kapasiti ataupun kemampuan… keupayaan tong-tong itu er… menerima sampah-sampah yang begitu banyak. Dan… dan…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, ada… ada seminit dua lagi.

YB DATO' MUSTAPA BIN LONG

Ya, habis dah? Baru… baru cerita hal sampah ni.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, Yang Berhormat dah cakap 10 minit 38 saat.

YB DATO' MUSTAPA BIN LONG

Ya… ya… ya… dan seterusnya mewujudkan tapak pembuangan secara… secara berzon di di daerah-daerah di kawasan-kawasan tertentu. Seterusnya, saya nak menyebutkan tentang beberapa isu di kawasan saya.

Yang pertamanya, berkaitan dengan er… guru-guru sekolah, guru di Sekolah Agama Padang Tengku. Sekolah Menengah Agama Padang Tengku ni masalah guru mata pelajaran Bahasa Inggeris dan juga guru apa nama ni er… ni bahasa Bahasa Melayu. Guru Bahasa Inggeris sekarang langsung tak ada. Dulu kita ada, kemudian ditukarkan ke sekolah yang lain dan digantikan pula guru Bahasa Arab. Jadi guru Bahasa Arab, guru agama dah berlebih sedangkan masalah guru Bahasa Inggeris tak diselesai. Itu berkaitan dengan isu sekolah yang saya… yang saya nak sebutkan.

Saya ni juga nak sebutkan di sini tentang satu lagi isu, satu lagi isu terakhir ni iaitu berkaitan dengan er… Tadika Perpaduan. Dalam tahun 2019… 2020 saya dapat kelulusan er… daripada menteri… Menteri Perpaduan… apa ni… Datuk Halimah Mohamed Sadique pada ketika itu sebanyak RM200,000.00 untuk pembinaan Tadika Perpaduan di bangunan tadika perpaduan di Padang Tengku tapi malangnya sampai sekarang bangunan itu tidak dibina… tidak dapat dibina tak tahu dengan apa sebab dan sebagainya.

Jadi saya nak minta EXCO yang berkenaan cuba teliti perkara ini apa sebab dan sebagainya dan sekarang ini untuk makluman Dato' Pengerusi er… Dato' *Speaker*, er… dah 3 kali dah tadika di Padang Tengku ini berpindah randah. Jadi kesian budak-budak ni setiap 2 tahun sekali, setahun sekali mereka terpaksa menyiapkan barang dan sebagainya untuk berpindah. Jadi untuk tu saya nak minta isu Tadika Perpaduan di Padang Tengku ni diatasi dan pembinaan dapat disegerakan. Saya ingat itu sahaja er… Dato' Sri, terima kasih. Saya mohon menyokong.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat er… dari Padang Tengku. Kita juga nak mengalu-alukan anak-anak kita daripada Sekolah Menengah Teknik Kuantan. mKita bagi tepukan (Ahli Dewan menepuk meja). Untuk makluman anak-anak sekalian, ada 4

orang di sini yang daripada sekolah teknik iaitu yang baru bercakap tadi wakil daripada Padang Tengku, wakil daripada Tras, Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri kita yang baharu dan *Speaker* yang sedang bercakap (Ahli Dewan menepuk meja). Seterusnya kita jemput wakil daripada Beserah.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Bismillahhirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua di atas keizinan membenarkan saya sama-sama mengambil bahagian di dalam kita menyokong Titah Diraja yang telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja semasa sesi pembukaan Dewan pada hari Isnin yang lepas. Ada beberapa perkara yang ingin saya petik dan saya sentuh di dalam membahaskan Titah Diraja ini.

Yang pertama, baginda telah menyatakan kegembiraan baginda apabila Kerajaan Negeri telah berjaya menarik pelaburan sepanjang tahun 2022 sebanyak RM20 bilion untuk negeri Pahang. Dan saya ingin mengucapkan terima kasih juga kepada wakil daripada Semambu yang telah memberikan pencerahan kepada persoalan saya semalam kerana dalam Titah Diraja dan juga jawapan daripada pihak kerajaan menyatakan bahawa pelaburan itu kita terima RM11 bilion tapi daripada angka yang diterima, kita ada RM20 bilion maka perbezaan itu kerana RM11 bilion adalah daripada pelaburan asing. RM9 bilion adalah daripada pelaburan domestik maka memang angka yang tepat adalah RM20.6 bilion.

Jadi, tahniah dan setinggi tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri kerana telah berjaya menarik pelabur untuk datang melabur di negeri Pahang. Sudah semestinya ia bukan satu tugas yang mudah terutama sekali di dalam pasca COVID-19 ini setiap daripada negeri bersaing untuk mendapatkan pelabur dan juga untuk nak meningkatkan dan memacu pergerakan ekonomi negeri masing masing.

Namun begitu ada beberapa perkara yang saya ingin kemukakan di dalam Dewan ini iaitu yang pertama sekali kita perlu mencari satu *niche* ataupun satu keutamaan serta *advantage* yang ada di dalam negeri Pahang untuk kita memper… mempertingkatkan lagi keyakinan pelabur-pelabur untuk melabur dalam negeri Pahang dan kita perlu seiring dengan negeri-negeri maju dalam negara ini yang ada pada hari ini. Contohnya, kita tidak tidak ada kekurangan jika dibandingkan dengan Pulau Pinang, dibandingkan dengan Selangor, dibandingkan dengan Johor kerana semua negeri-negeri yang maju ini contohnya Selangor berjaya menarik RM60 bilion pada tahun 2022. Negeri Johor menarik RM70 bilion pada tahun 2022. Negeri Pulau Pinang menarik RM76 bilion pada tahun 2021.

Kesemua negeri ini mempunyai logistik yang sama dengan negeri Pahang. Semua negeri ini ada pelabuhan. Negeri lain tak ada pelabuhan, termasuk Pahang tetapi mereka berjaya mempertingkatkan pelaburan mereka kerana ada *conducive environment* yang disediakan untuk pelabur-pelabur dan meyakinkan mereka. Maka keyakinan pelabur untuk datang ke negeri Pahang ini dan melabur perlu kita pertingkatkan. Justeru itu, tindakan Kerajaan Persekutuan yang menarik lesen pemprosesan daripada kilang LYNAS itu, dija… ditakuti… dikhuatiri akan menjejaskan keyakinan pelabur untuk datang melabur ke negeri Pahang.

Saya mengharap dan saya mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya berbincang semula dengan MOSTI, dengan Kerajaan Persekutuan supaya mempertimbangkan, menarik balik er… syarat-syarat yang ditetapkan kepada LYNAS. Saya dapati bahawa LYNAS ini telah beroperasi 12 tahun hampir dan apa yang

dinyatakan oleh *public* sebelum ini adalah tidak tepat. Fakta telah ada, maknanya kita perlu buat keputusan berdasarkan data. 12 tahun data boleh dikutip. Data apa yang kita perlu? Data pencemaran air, data pencemaran udara, data kesihatan, semua kita boleh dapat dan tidak pernah ada pelanggaran syarat daripada lesen LYNAS dan kenapa kita hukum mereka pelabur ni? RM3 bilion pelaburan mereka dan sekiranya kita sekat mereka dan berhentikan proses mereka bermakna kita telah menghilangkan keyakinan pelabur-pelabur asing kepada keputusan yang kita buat.

Yang kedua Yang di-Pertua, kita juga mengharapkan bahawa hasil yang diberikan kepada kawasan-kawasan industri ini, saya sokong cadangan daripada Yang Berhormat Cheka supaya dikembalikan *certain percentage,* dengan izin, beberapa peratus kutipan hasil daripada kawasan industri yang telah kita wartakan ini. Pekan ada automotif, di Gebeng kita ada industri kimia dan petrokimia dan di kawasan-kawasan lain, semua ini dan namun kawasan industri yang ada ini infrastrukturnya amat menyedihkan.

Kawasan saya contohnya, kawasan Perindustrian Gebeng daripada sempadan Kemaman sehinggalah ke bandar Kuantan adalah kawasan yang mempunyai *loading* yang berat, nilaian lalu lintas, pelbagai muatan tidak kurang daripada 100 tan satu kontena lalu kawasan itu. Maka *loading* dia tak sama dengan kawasan di Lipis. Tak sama, beban dia tak sama. Maka kerosakan dia akan jadi lebih cepat. Kerosakan dia akan jadi lebih teruk dan dalam masa yang sama, jalan yang sama digunakan oleh orang awam. Maka ini yang akan menjejaskan reputasi, kita menyediakan suasana yang kondusif kepada pelabur.

Jadi saya mencadangkan supaya hasil yang dikutip di kawasan industri Gebeng contohnya atau kawasan Pekan dan sebagainya, daripada mana-mana pihak ditubuhkan tabung *maintenance*, tabung penyelenggaraan infrastruktur supaya sebarang kerosakan di kawasan tersebut boleh dibaiki menggunakan sumber daripada tabung yang disumbangkan ini.

Tidak perlu kita… kita tahu jalan ini jalan persekutuan. Kita kena mohon dana daripada persekutuan. Kerajaan Negeri tak boleh nak buat sebab ini jalan persekutuan. Tapi kalau kita ada tabung penyelenggaraan untuk infrastruktur, jalan raya ke, elektrik ke, air dan sebagainya, maka kita gunakan tabung ini untuk membaik pulih sebarang kerosakan yang berlaku di kawasan yang *loading* berat ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Sama juga saya juga menyambut baik usaha-usaha kerajaan dan ucap tahniah di dalam membangun dan memacu perkembangan ekonomi negeri Pahang. Projek ECRL sedang pesat, sedang bergerak sekarang. Kawasan saya terlibat. Namun apa yang saya perlu berikan cadangan dan juga penambahbaikan di dalam perkara ini adalah...

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN

Er… Beserah, minta laluan sikit.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Sila.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN

Sebelum pindah kepada agenda. Saya er… pandangan Beserah, saya fikir di antara usaha yang boleh dibuat oleh kerajaan negeri ialah meningkatkan promosi pelaburan luar er… bersama-sama dengan MITI di peringkat Persekutuan untuk… untuk menjalin kerjasama dalam setiap misi pelaburan luar negara. Saya fikir ini antara mekanisme sebab mungkin banyak tempat, banyak pelabur luar yang tidak mengetahui kemudahan yang kita ada di Pahang. Dan dengan cara kita bersama dengan misi tersebut, saya fikir kita boleh meningkatkan daya tarikan kepada pelabur-pelabur luar. Ini pandangan saya.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Saya sokong er… pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Cheka dan saya harap supaya ianya diberikan pertimbangan dan dimasukkan dalam...

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dato' Yang di-Pertua… Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Mohon mencelah hanya untuk sedikit penjelasan, pencerahan sebenar usaha-usaha dari masa ke semasa sebenarnya Kerajaan Negeri, daripada dulu lagi dah memang ada menyertai *trade mission,* dengan izin, misi pelaburan yang diterajui oleh MITI dengan penglibatan MIDA dan juga MATRADE. Ini memang kita buat.

Pada masa yang sama, misi pelaburan ini juga dilaksanakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri dengan mengetuai rombongan… rombongan pelaburan er… Singapura, Thailand dan juga ke Eropah. Dan juga begitu juga dengan wakil-wakil kerajaan, masing masing juga er… melaksanakan usaha menarik pelabur dan ini telah pun membuahkan hasillah, insya-Allah jadi mana hanya untuk penjelasan, macam saya mohon supaya penjelasan ni tidak menampakkan seolah-olah kerajaan negeri tidak mengambil inisiatif atau tidak melibatkan diri dalam misi pelaburan.

Tetapi sepertimana yang kita sedia maklum, tadi Yang Berhormat daripada Beserah maklumkan misal contohnya Selangor, Johor, Pulau Pinang. Mereka mempunyai *advantage* yang berbeza. Macam orang main golflah. Saya tak… *i'm not a golfer*, dengan izin, saya bukan *golfer* tapi *handycap* lain-lain, kedudukan kita. *So* kita kena fikirkan yang terbaik, misal contohnya. Jadi, terima kasihlah.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Sila Beserah, sambung.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih penjelasan daripada Wakil Kerajaan tadi. Ya, kita menyertai misi itu kita akui. Memang sentiasa tapi persaingan dengan negeri lain pun kita perlu ambil kira sebab negeri lain pun menyertai misi yang dibuat oleh MITI ataupun MAIDA. Maka inilah yang kita perlu buat bahawa bagaimana kita nak meyakinkan pelabur, mereka… Pahanglah, *first choice*. Ha… baru kata Pahang 1st.

Yang BerhormatTuan Yang di-Pertua,

Baik. Projek ECRL di tempat saya sedang berjalan pesat, begitu juga dikatakan bahawa kita akan ada projek lapangan terbang, di kawasan saya. Saya ucap terima kasih di atas usaha ini untuk memajukan dan juga memberikan limpahan nikmat kepada rakyat. Namun, projek yang dicadangkan ini perlu tidak memberikan ganggu-gugat ataupun perlulah dilaksanakan secara baik. Ada beberapa isu yang perlu kita halusi dan juga perlu kita tangani dengan baik.

ECRL contohnya. Saya dihubungi oleh beberapa orang penduduk di kawasan saya di Kampung Kubang Ikan, Chendor. Melibatkan 20 keluarga yang tanah mereka kena ambil sebab projek ECRL. Tapi yang malangnya, tidak ada satu pihak pun daripada kerajaan yang datang berjumpa dengan penduduk beritahu benda ni yang tanah mereka kena ambil. Yang datang dan jumpa adalah pihak konsultan. Bagaimana pihak konsultan boleh datang jumpa padahal pengerusi JKKK pun tak tahu? Tok Penghulu pun tak tahu.

Maka ini kelemahan yang kita perlu urus dengan baik. Maka bila orang ketiga, pihak ketiga datang, beritahu bahawa, "Encik… Pakcik, tanah Pakcik nak kena ambil ni. Rumah ni kena roboh dah ni, laluan ni". Terkejutlah orang kampung. Datang jumpa saya, "YB, saya nak duduk mana?" Menangis… menangis, ya sudah pasti, dia duduk situ. 40 tahun, beranak cucu tapi tiba-tiba tanah kena ambil tanpa sebarang makluman daripada pihak kerajaan. Yang datang beritahu adalah pihak konsultan yang minta supaya dia diambil supaya jadi konsultan bagi pihak penduduk, yang ini berlaku.

Maka saya harap tambah baik cara kita melayan rakyat di dalam kita nak mengembangkan atau membangunkan negeri. Mereka yang telah duduk, yang ada geran, sudah ada 10 keluarga. Yang tak ada geran, ada 10 keluarga. Yang tak ada geran ni pula lagi sedih kerana dimaklumkan pihak ECRL tak akan bayar. Mereka dah duduk situ. Mereka ni duduk situ hanya untuk tapak rumah, Yang Berhormat Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ada 2 minit lagi.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri, saya ingin mencelah sikit.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Mencelah banyak Yang di-Pertua, banyak buang masa.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Boleh ADUN Beserah?

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Boleh, saya benarkan.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Negeri kita ni bukan mengamalkan *jungle law*. Tu yang pertama. Saya nak pastikan bahawa ada prosedur, ada tatacara dan ada *engagement*. Cuma saya tidak dapat maklumat lengkap. Insya-Allah, saya akan jawab dalam penggulungan. Tidak mungkin kerajaan boleh ambil begitu saja tanpa berjumpa dengan tuan milik tanah. Saya rasa mungkin ada *misscommunication,* kekeliruan ataupun mungkin ada bisikan-bisikan yang negatif menyebabkan berlakunya. Insya-Allah, saya akan jawab dalam penggulungan, Yang Berhormat. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih Yang Amat Berhormat. Saya harap dapat diberikan sedikit pertimbangan sebelum sebarang tindakan. Sebab ada sebahagiannya, Yang Berhormat untuk makluman Dewan, sebahagiannya bila konsultan datang, “Pakcik kena pindah, kena cari rumah sewa”. Terpaksa pindah, cari dah rumah sewa. Benda ni kita tak tahu kepala ekor lagi ni. Jadi saya harap cara kita melayan, berkomunikasi dengan rakyat perlu diperbaiki, perlu ditambah baik supaya tidak timbul persepsi-persepsi negatif atau dibatuapikan oleh pihak-pihak lain. Jadi itu yang pertama.

Yang kedua, saya juga ingin menyentuh Titah Diraja tentang perumahan. Saya ucap tahniah, syabas Kerajaan Negeri Pahang. Cemerlang di dalam usaha untuk nak memberi rumah mampu milik kepada rakyat. Banyak projek, rumah PR1MA ada, rumah makmur ada, RRP ada, macam-macam projek. Ini adalah usaha yang perlu kita berikan sokongan dan Titah Diraja juga minta supaya ditambahkan lagi. Saya sokong supaya kita menambahkan rumah. Cuma, satu perkara yang perlu kita tambah baik juga adalah jaminan kepada mereka yang telah membeli ni.

PR1MA Cherating sepatutnya siap pada tahun 2020. Hari ini jadi hutan balik. Pembeli telah bayar. Sebahagian mereka kena keluar RM15,000.00. 10%, 150... Rm15,000.00. Tapi sampai sekarang rumah tak ada. Bila datang jumpa, pemaju lari dah. Dua kontraktor dah lari. Bila pembeli datang jumpa Bahagian Perumahan, perumahan kata kena runding dengan pemaju. Bila minta dengan pemaju nak *refund* RM15,000.00, pemaju kata kita tak boleh bayar RM15,000.00, kita boleh bayar separuh je. Nak ambil… ambil, tak nak kena bawa ke mahkamah. Inikah cara kita nak… nak bantu rakyat?

Cuma sekarang ni bukan salah kerajaan 100%, tidak kerana jaminan bahawa hak mereka dilindungi daripada perkara-perkara ini. Kontraktor perlu diberikan tanggungjawab dan bertanggungjawaban. Sekiranya berlaku kegagalan, pembeli perlu dilindungi. Hak mereka perlu diutamakan. Jangan kita anggap sebab bila pemaju kata, “eh, kami dah bayar kerajaan banyak ni. Tak boleh nak bayarlah”.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato' Pengerusi,

Ingat ini, minta izin sikit. Dia biasanya, bawah Akta Perumahan memang ada. Malahan kita wujudkan tribunal, macam mana yang ADUN Teruntum wakil kerajaan maklumkan. Kita ada tribunal, *housing* tribunal, yang mana segala *complaint*, aduan kita akan ajukan dan pihak yang terbabit ini akan buat siasatan. Jadi memang ada, dia

ada ini er... hak masing masing dan perkara ni hendaklah dirujuk kepada er... agensi yang bertanggungjawab. insya-Allah.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih er… Wakil Kerajaan.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Minta Wakil daripada Beserah gulung.

YB TUAN ANDASURA BIN RABU

Cuma… cuma kita faham cuma kita harap Kerajaan jadi pemudah cara kepada… kepada rakyat ini jangan kita tending, jumpa Perumahan kata macam ni, jumpa pemaju kata dia tidak ada tanggungjawab. Kita jadi pemudah cara kepada orang pembeli ini. Mereka pun tidak tahu tribunal dan sebagainya maka ini yang kita harapkan tambah baiklah.

Saya pergi kepada perkara lain. Pihak PBT terutamanya Majlis Bandaraya, tahniah kerana usaha yang baik di dalam er... mewujudkan Bandar Lestari banyak usaha-usaha telah dibuat oleh pihak Majlis Bandaraya Kuantan untuk mengindahkan bandar Kuantan, mencantikkan landskap kawasan-kawasan...

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Minta gulung Yang Berhormat ya.

YB TUAN ANDASURA BIN RABU

Ya… ya hampir nak gulunglah ni, sekejap lagi. Berapa banyak ni kita ganggu sikitlah ya Tuan Yang di-Pertua. Er… maka tanam pokok supaya ada… ada cantik dan sebagainya cuma yang perlu ditambah baik adalah *maintenance* pokok tu. Kadang-kadang pokok ni sampai nak rebah dah dan satu kes di kawasan saya, 19 Januari 2023. Kawasan taman permainan, pokok tumbang ribut hempap budak mati seorang, patah tangan 1 orang, 6 butir kereta... 6 buah kereta rosak. Tidak ada wakil daripada Majlis Bandaraya datang jumpa mangsa ni. Yang ada malam tu masa nak kebumikan mangsa ada bagi duit RM500.00 lepas tu tak datang langsung.

19 Januari 2023, saya cuba hubungi Majlis Bandaraya nak jumpa supaya apa sebenarnya yang boleh dibantu mereka ni. Kereta baru beli di… dihantar bengkel kos RM15,000.00, hempap teruk. Jadi maksud saya pokok tu kalau dah tanam tu cantik. Tapi kalau rasa dah orang dah buat aduan, merbahaya perlu tebang, tebanglah. Sebab kalau orang tebang kena saman. Saya difahamkan setiap pokok tu diinsuranskan.

Maka kalau pokok ni hempap atau ada mangsa atau ada kerugian, perlu diberi ganti rugi, kena datang pihak wakil daripada PBT kena jumpa mangsa beritahu, kena pandu mereka, kena nak buat tuntutan, bagaimana? Buat apa? Ini tidak ada sehingga terpaksa mereka *engage lawyer* buat duit lagi untuk dapat hak mereka. Yang ini saya rasa perlu ditambah baik. Cantik dah bandar hias dan sebagainya. Tapi pihak er… bahagian penyelenggaraan perlu kita tambah baik.

Yang di-Pertua,

Saya juga nak… nak tutup dah ni. Er… saya tertarik dengan Wakil daripada Benta dulu, sekarang pun masih lagi menjaga perikanan dan pertanian yang melabel ataupun yang memberikan gelaran *'unsung heroes'* kepada para nelayan. Saya rasa itu adalah gelaran yang sangat tepat kerana kalau tanpa mereka kita tak boleh makan ikan ni kecuali orang mungkin Jenderak dia ada kolam ikan, dia ada dan sebagainya lainlah.

Kita ni nak pergi ke laut tak boleh nelayan ni yang tolong kita tapi nasib mereka perlu kita berikan keutamaan. Mereka di kawasan saya ada 5 sungai, muara sungai yang telah cetek. Nelayan terpaksa ber... bersabung nyawa untuk nak pergi ke laut, terpaksa daratkan bot di tengah laut. Waktu surut tak boleh masuk muara dah… dah timbul dan perkara ini telah dibangkitkan lebih 20 tahun... lebih 20 tahun. Tidak ada satu pun muara sungai di kawasan saya yang telah diusahakan untuk nak perbaiki makna tempoh 20 tahun kalau 2 tahun 1 projek cukup dah selesai dah tapi satu pun tak ada bermakna macam nelayan ini rasa diri mereka ini tidak dihargai usaha mereka jadi kita kata mereka '*unsung heroes'* tapi nasib mereka kita tidak dapat nak bagikan keutamaan.

Jadi saya harap projek mendalamkan ataupun me… melebarkan muara sungai untuk nelayan… jeti-jeti nelayan ini kita berikan perhatian sekurang-kurangnya ada perancangan 2 tahun sekali lagi ke ataupun satu tahun satu.

Tuan Yang di-Pertua, banjir satu lagi…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, kita ramai lagi orang ni kita kena ada yang ini pun curi masa orang ni pun tak betul juga ni.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Ya… ya... saya tak curi orang curi masa saya banyak juga Yang di-Pertua, jadi curi sama curi ni okey sikit kot saya tak tahu la… [Ahli Dewan ketawa]. *Last… last* okey, akhir, *point* saya yang terakhir, satu minit. Banjir kawasan saya juga adalah kawasan yang selalu yang… yang selalu *flood prone* yang sentiasa banjir…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Dah 20 minit Yang Berhormat.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Banjir di kawasan saya ini disebabkan ada punca dia yang utama sekali adalah kerana er… sistem dia pembentungan tu *culvert* ini terlalu kecil dah bina 30 tahun dulunya dengan perumahan dan pembangunan yang ada tak cukup nak menampung air hujan 1 jam lebat je rumah tu banjir kerana *bottle neck* dia duduk di sini juga telah diangkat hampir 20 tahun kalau sekiranya setahun kita belanja RM20 juta untuk nak mangsa banjir kalau kita peruntukkan sekali RM20 juta tu untuk baiki ni.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Hormat Yang di-Pertua, mohon mencelah. Boleh Dato' Sri? Sekejap je.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Sekejap mencelahnya tu Yang di-Pertua…

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Tak. Saya nak tanya juga sebab saya pun isu yang sama lebih kurang…

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Ha… nak tanya.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Seorang boleh duduk tak? Boleh?

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Terima kasih ADUN Beserah. Boleh Yang di-Pertua?

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Macam yang saya cakaplah sebab itu berdiri tu…

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Okey saya dengar er… dengar kata daripada ADUN Beserah 20 tahun… 20 tahun tapi saya nak tanya Wakil Beserah pernah tak minta dengan JPS untuk sediakan er… kajian ataupun bajet berapa untuk mendalamkan sungai tu ataupun macam mana? Silakan.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Patut beritahulah pada Menteri dulu.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Dah pernah… dah pernah. kita bukan setakat menteri... sebab itu saya kata 20 tahun tu maksudnya saya dah tanya orang sebelum saya lagi pun dah angkat benda sama telah ada *costing,* telah ada sistem atau *method* untuk nak baiki macam mana ada dah cuma duit je tak ada, nak turunkan duit ni…

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Ha… itu maksud saya *cost* itu berapa?

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Ha… ada ke tak? Memang besar.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Sebab saya Yang Berhormat Yang di-Pertua, *sorry* saya fikir macam Sungai Endau di tempat saya tu RM55 juta saya ingat lebih 20 tahun juga lebih kurang. Kos itu tinggi jadi saya nak tahu juga kos yang di Beserah itu berapa lebih kurang?

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Tak apa, kita nak minta Beserah gulungkanlah? Kita ramai lagi yang nak berucap ni.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Saya nak gulunglah ni. Banjir tu tadi cuma kalau boleh kita peruntukan untuk katalah untuk satu tahun punya kos kita bantu banjir ni kita perbaiki sistem ini.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat sila gulung, tolong.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Cuma satu lagi bantuan mangsa banjir. Terima kasih Kerajaan Negeri telah menghulurkan bantuan segera semasa banjir, pindah. Tapi ada lagi mangsa banjir di kawasan saya yang tak dapat kerana mereka tak pindah pada masa itu tapi namanya telah disahkan dan telah didaftarkan mangsa banjir. Cuma dia tak pindah di pusat pemindahan banjir. Dan juga telah dijanjikan akan diberikan bantuan. Tapi sampai hari ni, masih tidak ada… tidak ada… banjir.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Wakil Beserah, saya… saya…

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Saya mohon…

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Saya… Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, saya nak menyokong Yang Amat Berhormat Menteri Besar waktu dalam ucapan kita ada *one off budget* yang kita dah lulus untuk Pahang ni sebenarnya RM2 bilion untuk atasi banjir. Saya mengalu-alukanlah er... Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk memastikan bahawa bajet yang telah kita *allocate* untuk banjir semua kawasan dapat kita perkasakan, insya-Allah. Dan saya pun dah bincang dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya projek-projek yang dah diluluskan di peringkat negeri Pahang ni dapat di*proceed* dan janji beliau dia akan teruskan jadi mohon insya-Allah, kerjasama yang baik ini daripada Kerajaan Negeri saya yakin isu banjir kita… kita dapat RM2 bilion, insya-Allah, kita… banyak tempat boleh selesai. Terima kasih.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Okey Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih di atas er… bagi masa kepada saya lebih dan saya mohon menyokong, terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Wakil daripada Beserah, 8 minit lebih. Sila, Wakil daripada Ketari.

YB TUAN SU KEONG SIONG

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih er… atas peluang yang diberikan kepada Ketari dan membenarkan saya membahas Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang sempena dengan pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Ke-2 Dewan Negeri Pahang Yang Ke-15 pada 8 Mei 2023 yang lalu. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan merafak sembah dan menjunjung kasih atas Titah Diraja Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang yang telah menyempurnakan Istiadat Pembukaan Penggal Ke-2 Dewan Negeri Pahang Yang Ke-15. Saya mengalu-alukan Titah Tuanku yang menyentuh dan menekan keperluan untuk Kerajaan Negeri dan juga Ahli-ahli Berhormat di dalam negeri Pahang yang mulia ini terus menjaga keharmonian serta kegemilangan untuk membangun ekonomi dan fizikal serta meningkatkan pendapatan negeri demi kemakmuran rakyat negeri Pahang.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Sri atas pelantikan Dato' Sri sebagai Yang Berhormat Speaker Dewan Yang Mulia ini. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada YB Bilut yang telah dilantik sebagai Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negeri Pahang. Saya penuh yakin pelantikan Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua ini akan membawa Dewan Yang Mulia ini ke tahap demokrasi dan kelancaran persidangan yang lebih tinggi dan teratur.

Dato' Yang di-Pertua,

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Wan Rosdy bin Wan Ismail atas yang telah mendapat kepercayaan Ahli Dewan Negeri dan sekali lagi telah dilantik sebagai Menteri Besar Pahang serta [Ahli Dewan menepuk meja] EXCO Kerajaan Negeri Pahang.

Pasca Pilihanraya Umum Ke-15. Ia juga merupakan taktik… detik yang bersejarah di mana pada pertama kalinya, satu Kerajaan Perpaduan telah ditubuhkan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Jelai. Saya penuh yakin Kerajaan Perpaduan dengan pimpinan Yang Amat Berhormat Jelai akan menumpu perhatian sepenuhnya dan bekerja keras untuk memastikan kesejahteraan, kemakmuran dan keharmonian rakyat negeri Pahang senantiasa diutamakan dan terpelihara.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Izinkan saya mengambil peluang perbahasan Titah Diraja Pemangku Raja Pahang untuk membangkitkan beberapa isu berkaitan dengan kawasan saya Ketari. Yang pertama, Infrastruktur Pembekalan Air di bawah PAIP. Memang banyak Ahli-Ahli Yang

Berhormat di dalam Dewan ini telah membangkitkan isu bekalan air yang… dalam perbahasan masing-masing. Kawasan DUN Ketari juga tidak terkecuali dan ia adalah pengetahuan umum bahawa isu kebocoran paip air adalah satu masalah yang berlaku hampir setiap hari, daripada Kg Perting ke kawasan Janda Baik.

Masalah kebocoran paip air kerap berlaku dan hampir pada setiap hari, Pejabat Pusat Khidmat saya akan menerima aduan berkenaan kebocoran paip di kawasan saya. Kebocoran paip air ini yang sering berlaku ini boleh menyebabkan kerugian dari segi kewangan di mana *Non Revenue Water* dengan izin, air yang tidak berhasil menjadi satu isu serius yang dihadapi oleh kita di negeri Pahang. Mujur, ingin saya rakamkan di sini bahawa pihak PAIP memang selalunya mengambil langkah yang secepat mungkin untuk membaiki dan/atau menyelesaikan aduan yang dibuat oleh Pejabat saya.

Saya memang faham bahawa masalah yang dihadapi sering kali adalah disebabkan sistem perpaipan yang uzur dan usang. Paip-paip tersebut perlu diganti semula, terutamanya di kawasan Janda Baik. Kita juga faham bahawa kerja-kerja penggantian paip-paip ini memerlukan peruntukan yang besar dan… untuk menyelesaikan masalah ini.

Jadi saya di sini, ingin berharap pihak Kerajaan mengambil inisiatif dan perhatian berkenaan dengan isu ini dan berusaha untuk memohon peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dan/ataupun kerjasama daripada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) untuk menyelesaikan masalah yang dibelenggui rakyat ini dapat diselesaikan dengan sebaiknya dan rakyat Pahang boleh mendapat perkhidmatan air yang lebih baik selain daripada mengurangkan kerugian akibat kerugian air yang dirawat.

Isu yang keduanya, ingin saya bangkitkan adalah berkenaan Rancangan Kawasan Khas (RKK) Janda Baik. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pelangai, EXCO KPKT yang telah memberi jawapan secara panjang lebar berkenaan pertanyaan saya mengenai Rancangan Kawasan Khas (RKK) ini. Kita semua sedia maklum, kawasan Janda Baik memang merupakan kawasan pelancongan yang amat berpotensi tinggi untuk dimajukan dengan perancangan yang baik daripada Kerajaan Negeri.

Namun begitu, saya berpendapat sebarang perancangan untuk membangun kawasan tersebut perlu mengambil kira ekosistem dan corak kehidupan yang telah wujud sekian lama di kawasan Janda Baik. Memang saya akui bahawa terdapat beberapa infrastruktur yang perlu dinaik taraf seperti sistem pembekalan air yang sering bermasalah dan juga sistem pembuangan sampah-sarap yang amat berkurangan di kawasan tersebut dan juga pembangunan yang tidak terancang.

Jadi, saya percaya masalah ini boleh diatasi oleh agensi-agensi berkenaan dengan komitmen dan perancangan yang betul. Ingin saya rakamkan di dalam Dewan Yang Mulia ini bahawa kebanyakan penduduk-penduduk sekitar amat risau dan bimbang bahawa RKK ini akan menjejaskan mata pencarian dan corak kehidupan yang wujud di kawasan tersebut.

Saya tertarik dengan jawapan YB EXCO yang telah mengatakan bahawa RKK ini ditangguhkan oleh Kerajaan Negeri untuk mendapat *engagement* dan maklum balas dengan penduduk-penduduk sekitar. Ini adalah satu er… alasan atau sebab yang baik untuk kita mendapat pendapat dari semua er… penduduk sekitar tersebut.

Di sini, saya amat berterima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri yang mengambil maklum bantahan daripada penduduk terhadap RKK tersebut dan saya amat yakin Kerajaan Negeri akan mencari jalan penyelesaian secara "*win-win*" kepada semua pihak yang terlibat.

Di sini, saya berharap Kerajaan Negeri mempercepatkan dan mempertingkatkan usaha untuk mengadakan perjumpaan dengan penduduk sekitar di Janda Baik untuk mendapatkan maklum balas yang betul dan tepat.

Pada pendapat saya, apa yang penting adalah kita harus menjaga ekosistem dan juga pelihara alam sekitar, terutamanya kawasan Janda Baik yang agak… yang agar tempat tersebut yang boleh dianggap sebagai satu khazanah alam yang berpotensi dapat di bangunkan tanpa mengusik dan menjejaskan ekosistem dan alam sekitar yang unik.

Pendekatan sedemikian juga adalah selari dan senada dengan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang yang mengatakan bahawa kesemua pembangunan ataupun pelaburan tidak mencemar alam sekitar dan dalam usaha kita mengejar kemajuan negara dan negeri, kita tidak boleh sama sekali membelakangkan alam sekitar dalam kehidupan.

Isu yang ketiga ingin saya bangkitkan adalah Lebuhraya Kuala Lumpur – Karak. Untuk makluman Dato' Sri Yang di-Pertua, Lebuhraya Kuala Lumpur - Karak adalah merupakan satu lebuh raya yang utama yang amat sibuk, terutamanya pada musim perayaan, musim cuti dan juga pada hujung minggu. Di kawasan Kampung Bukit Tinggi, iaitu kawasan susur keluar-masuk kawasan Bukit Tinggi adalah merupakan kawasan *hotspot* yang mana kemalangan jalan raya sering berlaku kerana keadaan lebuh raya dan juga kekurangan lampu jalan di kawasan tersebut.

Untuk langkah pengurangan kes kemalangan dan mengurangkan risiko kemalangan di kawasan tersebut, saya mencadangkan agar langkah-langkah yang sewajarnya diambil segera seperti pemasangan tanda-tanda keselamatan ataupun kita panggil *road furniture* agar pengguna-pengguna lebuh raya lebih berhati-hati dan cermat apabila kita er… mereka melalui kawasan tersebut. Saya juga amat berharap pihak pengurusan Lebuhraya Kuala Lumpur - Karak boleh mengambil langkah segera untuk memasang lampu jalan di kawasan tersebut agar ia dapat mengurangkan kes-kes kemalangan yang berlaku hampir setiap minggu di kawasan tersebut.

Isu yang keempat ingin saya bangkitkan adalah tentang Pembangunan Ekonomi Negeri Pahang. Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan Negeri dan Persekutuan atas pelaksanaan projek ECRL yang sedang giat dan pesat dijalankan. Mudah-mudahan, dengan penyempurnaan dan pelancaran ECRL sepanjang 665 kilometer ini pada tahun 2027 ia akan memacu aktiviti komersial, menarik lebih pelaburan, meningkatkan peluang pekerjaan dan merangsangkan sektor ataupun aktiviti pelancongan di negeri Pahang.

Dalam pada itu, saya amat yakin Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Jelai akan membuat perancangan jangka masa pendek dan juga jangka masa panjang dan membawa kemakmuran dan pembangunan pesat yang akan memanfaatkan keseluruhan rakyat negeri Pahang ini. Saya percaya Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Kerajaan Negeri mempunyai pelan pembangunan dan perancangan untuk menarik pelaburan ke negeri kita. Saya cadangkan satu *"blue-print"* jangka masa panjang disediakan untuk membangun sektor pelancongan di negeri kita, terutamanya di kawasan DUN Ketari.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Negeri Pahang memang mempunyai kelebihan dari er… dalam sektor pelancongan yang mana ia dapat dibangunkan dengan perancangan yang rapi dan teliti. Sebagai contoh, di kawasan saya, iaitu kawasan Janda Baik terutamanya Bukit Tinggi dan juga Genting Highlands serta kawasan-kawasan berdekatan mempunyai potensi yang amat baik untuk dibangunkan dari segi pelancongan. Malah, destinasi Genting Highlands adalah satu destinasi pelancongan yang amat terkenal di kalangan rakyat Malaysia dan juga di persada antarabangsa.

Dan juga dari segi automotif, negeri Kuantan er… negeri Pahang memang mempunyai sektor pembuatan automotif yang sedang pesat membangun terutama di… di dalam daerah Kuantan dan dengan pelancaran ECRL pada tahun 2027, saya yakin sektor pembuatan automotif ini juga akan dapat dimajukan lagi dengan lebih pesat.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Isu yang kelima ingin saya bangkitkan di dalam Dewan Yang Mulia ini adalah bertentangan… berke… berkenaan dengan Rang Undang-Undang - Anti Lompat Parti.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Rang Undang-Undang Anti Lompat Parti yang sepatutnya diusulkan untuk perbahasan dan kelulusan dalam sidang DUN kali ini telah terpaksa ditangguhkan ke Sidang yang kemudiannya untuk meneliti beberapa isu yang perlu diselesaikan sebelum ia dapat dipersetujui dan diluluskan oleh kedua-dua pihak dalam Dewan Yang Mulia ini.

Saya berharap kita semua memberi komitmen dan bersatu hati dalam hasrat pembentangan RUU ini kerana rakyat di luar sedang memerhatikan perkembangan landskap politik di Malaysia, terutamanya selepas "Langkah Sheraton" yang menumbangkan Kerajaan Pakatan Harapan pada tahun 2020.

Saya berharap isu yang timbul dalam pembentangan RUU ini dapat diselesaikan dangan kadar segera dan satu Rang Undang-Undang Anti Lompat Parti dapat di bentangkan pada sidang yang akan datang. Dengan kelulusan Rang Undang-Undang Anti Lompat Parti, ia akan mengembalikan keyakinan rakyat terhadap Ahli-ahli politik yang bakal dipilih oleh mereka. Iannya akan… dengan adanya Rang Undang-Undang Anti Lompat Parti, saya percaya ia juga menyuburkan dan memarakkan sistem demokrasi di negara kita ini.

Dan er... isu yang terakhir ingin saya bangkitkan adalah berkenaan dengan er... masalah masa menunggu di wad kecemasan Hospital Bentong dan ketiadaan Hospital Pakar di Bentong. Saya berharap Kerajaan Negeri berusaha untuk menubuh ataupun bincang dengan Kerajaan Persekutuan untuk mendapat kelulusan dan peruntukan untuk membina satu Hospital Pakar di daerah Bentong yang kita memang amat-amat memerlukannya. Dengan itu, saya dengan rendah hati memohon Menjunjung Kasih dan menyokong Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang. Sekian, terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Tepat pada masanya. Ini bagus. Seterusnya, kita jemput er... Wakil daripada Kuala Sentul.

YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillahi Rabbil Alamin SWT. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, para pegawai kerajaan, tuan-tuan, puan-puan, assalamualaikum dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Terlebih dahulu saya ingin berucap… mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar serta barisan EXCO yang telah berjaya membentuk kerajaan. Dan saya juga ingin mengucapkan tahniah juga kepada Yang Berhormat Dato' Sri Sharkar Samsudin yang budiman yang telah dilantik sebagai Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri yang terkini. [Ahli Dewan menepuk meja]

Saya bersyukur dan turut menyokong Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang semasa meras... merasmikan Dewan Undangan Negeri pada 8 Mei yang lalu. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pengundi DUN Kuala Sentul termasuk para pengundi muda kerana memberi saya kepercayaan untuk mewakili DUN Kuala Sentul. Insya-Allah, saya akan terus berbakti kepada Kuala Sentul dengan sebaik- baiknya.

Di samping itu saya memegang amanah dengan meneruskan niat idealisme dan perjuangan membangunkan Pahang yang lebih baik yang berasaskan dasar-dasar induknya dan nilai-nilai makruf seperti kebenaran, keadilan dan keharmonian dan menentang unsur-unsur mungkar seperti kepalsuan, kezaliman dan kehuruharaan. Kita mesti meningkatkan kerja-kerja is... islah, pembaharuan dan reformasi dalam dasar-dasar, sistem-sistem dan institusi-institusi kita termasuk reformasi di Dewan Yang Mulia ini serta membasmi kereputan politik wang, rasuah dan nepotisme.

Yang berhormat Dato' Sri yang di-Pertua,

Di Parlimen Malaysia wujudnya jawatan rasmi yang digelar ketua pembangkang dan ketua pembangkang ini mempunyai keistimewaan atau kelebihan-kelebihan tertentu. Terutama dari sudut semak dan imbang, *check and balance,* dengan izin. Maka dengan ini saya ingin mencadangkan agar jawatan Ketua Pembangkang DUN Pahang diwujudkan. Saya memohon agar Yang Berhormat, yang budiman sekalian untuk menyokong agar jawatan Ketua Pembangkang Dewan Undangan Negeri Pahang ini diwartakan.

Saya yakin perwartaan ini akan membuka lembaran baru terhadap politik negeri Pahang dan sekali gus menandakan bahawasanya Pahang mungkin makin matang dalam melayari arena demokrasi.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kerajaan kini perlu bertindak dan bersikap inklusif. Kenapa perlu inklusif? Kerana kita ini semua berkhidmat untuk rakyat. Rakyat wajib mendapat khidmat yang terbaik dari semua Ahli Yang Berhormat tidak kira dari kerajaan atau YB-YB Pembangkang. Kita semua sama.

Saya suka memuji sikap dan memuji sikap terbuka Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar apabila beliau semalam menyatakan beliau akan Menjunjung Titah Tuanku demi kebaikan dan kesejahteraan rakyat jelata.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, sebelum titah pun dah… dah banyak dah.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat. Bila seorang bercakap seorang lagi kena duduk. Ha… tu peraturan dalam dewan.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, sebelum titah pun kita dah buat. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Kita selalunya bila dapat itu, senyap saja.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Itu ada masalah sikit.

YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Kita... kita maklum perkara itu. Tapi ada beberapa perkara yang bermain di benak fikiran saya contohnya hal-hal melibatkan penggunaan premis-premis tertentu seperti dewan dan balai raya untuk tujuan program rakyat.

Saya mohon janganlah premis-premis ini eksklusif sangat dan bagilah kami kalangan YB Pembangkang untuk menggunakannya juga. Sebagai contoh, baru-baru ni kita mengadakan er... Ahli Dewan Negeri kawasan Maran, di Maran. 3 Ahli Dewan Negeri mengadakan majlis rumah terbuka dan kami terpaksa menggunakan tapak dan meletakkan *crusher run*, batu-batu untuk mengadakan majlis. Jadi kami mohon pertimbangkan perkara ni.

Yang berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang kelmarin memperlihatkan keperhatinan... keprihatinan Tuanku kepada pemasalahan rakyat. Antara yang sangat signifikan adalah mengenai peranan pembangkang dalam mengambil peluang ini untuk memuji inisiatif peranan pembangkang dalam membangun negeri Pahang ini.

Justeru, saya ingin mengambil peluang ini untuk memuji inisiatif yang telah diambil oleh YB EXCO Perumahan di atas inisiatif berkat... berkaitan perumahan yang telah beliau ambil seperti moratorium LPS... LPPSA dan tindakan segera beliau dalam menanga... menangani isu rumah retak di Tanjung Lumpur. Yang baik kita puji, yang tidak baik kita akan bantah. Namun masih banyak lagi perkara yang perlu diperbaiki.

Contohnya, duit pembelian pendahuluan pembelian rumah yang rata-rata rakyat tidak mampu. Jika harga rumah RM150,000.00 maka pendahuluan adalah RM15,000.00 iaitu lebih kurang 10%. Yang mana masih ramai rakyat tidak mampu. Ingin saya sarankan agar Kerajaan Negeri fikirkan jalan penyelesaian terbaik sama ada turunkan

wang pendahuluan ini ke 5% atau wujudkan sistem kewangan khas untuk pin... pinjaman dan jual beli.

Contoh mudah, kalau kita beli motosikal di kedai motosikal dan kita boleh meminjam dari kedai... kedai tersebut. Jadi kalau boleh difikirkan perkara yang sama, alhamdulillah. Dan ini akan mewujudkan kemudahan pinjaman kepada rakyat yang kurang berkemampuan. Selain dari itu, saya juga cadangkan agar sistem sewa beli diperkenalkan semula tapi kerajaan hari ini perlu ada SOP yang dapat menjamin kutipan sewa yang lebih konsisten. Acap kali saya terima aduan daripada rakyat, yang memohon agar sewa beli diperkenalkan kembali. Saya sedia maklum, memang ada segelintir penyewa yang liat untuk buat bayaran bulanan. Tetapi ianya bukan alasan kerana sekiranya ada penguatkuasaan yang ampuh maka skim sewa beli ini boleh diteruskan.

Satu perkara lagi adalah mengenai Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP). Terus-terang saya katakan ianya hanyalah membebankan rakyat dan berkonsep *double dipping,* mohon izin iaitu proses yang sama diulangi sekali lagi walaupun *submission* hanya di SJKP tetapi perlu juga melalui bank. Apa kata kalau diwujudkan sistem yang bersepadu yang berkonsepkan *one stop centre*, dengan izin. Yang kedua adalah kadar bunga yang tinggi dibantu pula dengan kenaikan OPR yang diumumkan oleh Kerajaan Madani, akan menyulitkan lagi rakyat Pahang untuk memiliki rumah.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Hal melibatkan cukai perniagaan dan komersial oleh Kerajaan Negeri saya nak cakap mudah saja, kalau cukai naik, harga naik. Jadi saya sarankan agar segala cukai yang pernah diberi... diberitakan naik sehingga 100% itu dipertimbangkan semula. Hal ini kerana bila cukai perniagaan naik maka akan... yang akan menanggung akibat kenaikan ini adalah pengguna dan rakyat keseluruhannya.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Rakyat di Kuala Sentul telah memilih saya sebagai Wakil Rakyat mereka dan saya melihat banyak perkara yang perlu dibangkitkan. Antaranya, yang pertama, penggunaan premis seperti dewan, balai raya untuk program rakyat dan kemasyarakatan oleh pihak pembangkang. Sekali lagi saya mohon kepada pihak kerajaan untuk berilah kita untuk menggunakannya.

Yang kedua, jalan raya di Jengka 2 yang perlu diperbaiki. Saya difahamkan, MARRIS yang sudah menerima dana dari Kerajaan Persekutuan sebanyak RM400 juta. Jadi mohon disegerakan pembaikpulihan jalan ini termasuklah jalan-jalan yang disebut oleh YB Beserah tadi.

Yang ketiga, kawasan tarikan pelancong di Lubuk Yu yang telah wujud sekian lama tetapi tiada promosi atau apa program... apa-apa program yang dijalankan. Jadi saya mohon kepada YB EXCO Pelancongan, kalau kita boleh berkolaborasi mungkin kita boleh memajukan pusat pelancongan ini di Kuala Sentul.

Yang keempat adalah isu sekolah KAFA di Kawasan Kuala Sentul. Isunya adalah jumlah kelas yang tidak mencukupi dengan pertambahan pelajar-pelajar. Sebagai contoh di Kuala Sentul ada 2 kelas sahaja untuk pelajar-pelajar KAFA ini yang memerlukan sebanyak 6 kelas. Jadi saya mohon...

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat boleh gulung.

YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Saya mohon kalau boleh er... diberi peruntukan...

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila gulung.

YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Okey yang terakhir, generasi ke-2 ya, rumah generasi ke-2 ni ada generasi ke-2 yang membina rumah di kawasan rumah utama. Jadi, masalah yang dihada… dihadapi ialah tidak dapat elektrik ya untuk dimasukkan. Jadi er... kebenarannya adalah daripada Pengurus FELDA. Jadi saya mohon kalau boleh EXCO FELDA yang dapat... dapat berbincang dan mencari penyelesaian untuk masalah ini.

Jadi, er... sebelum gulung, saya… saya pantunlah ya Dato' Sri Yang Berhormat Yang di-Pertua.

Sarapan pagi di Parlimen Maran,
Minum petang di Kuala Sentul,
Rakyat di luar memberi harapan,
Agar kerajaan buat yang betul.

Sekian, wassalamualaikum. Menjunjung kasih Titah Tuanku, Kuala Sentul menyokong.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Wakil dari kesu... daripada Kuala Sentul kita mintak Wakil daripada Inderapura.

YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. Terima kasih Yang di-Pertua... Dato' Sri Yang di-Pertua Dewan. Alhamdulillah (Bacaan dalam Bahasa Arab). Alham… alhamdulillah dapat saya mengambil bahagian dalam perbahasan Dewan kali ini. Sidang DUN yang Ke-15, Penggal yang Ke-2. Sebelum saya pergi jauh, marilah kita sama-sama merafak syukur ke hadrat Allah SWT. Selawat dan salam atas junjungan besar Nabi Muhamad SAW, atas nikmat dan kurniaanNya maka saya selaku Ahli yang dipilih bagi kawasan DUN Inderapura dapat mengambil bahagian dalam Sidang Dewan kali ini lebih-lebih lagi untuk membahas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Pemangku Pahang.

Lepas itu, saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah terutama kepada Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua atas pelantikan begitu juga Dato' Sri er... Timbalan Yang di-Pertua Dewan juga atas pelantikan kedua-dua dan tidak lupa juga saya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Wan Rosdy Wan Ismail yang sekali lagi telah terpilih untuk menjawat jawatan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, tahniah.

Untuk diri saya, saya hadir dalam Dewan ini sudah 5 penggal. Sudah 5 penggal, ham.... menghampiri usia 20 tahun. Alhamdulillah, dengan izin Allah semua. Jadi atas sifat itu, saya ingin membaca sepotong ayat Quran. Doa… doa. (Bacaan dalam Bahasa Arab). Dan pastinya saya seorang yang beragama Islam. Walaupun parti saya parti UMNO Barisan Nasional, agama kalimah saya nak masuk, nak mati (Bacaan dalam Bahasa Arab). Itu prinsip pertama dan alhamdulillah, rakyat telah memilih saya untuk berkhidmat lagi. Walaupun rakan-rakan saya dalam satu daerah, saya je yang tinggal, Alhamdulillah tapi saya nak melahirkan rasa syukur saya kepada Allah SWT buat sekian kali ini. Jadi saya terpaksa juga membawa harapan rakyat. Satu harapan rakyat sebelum saya beri kepada makna ayat Quran tadi ya.

Harapan rakyat di kawasan saya ini demografi dia tak... bukan kampung sangat tetapi dia juga dalam bentuk *urban* dan *sub urban*. Demografinya pula ada nelayan, ada petani, ada pekebun sayur. Yang pekebun sayur itu hantar sampai Pasar Borong Selayang. Tapi malangnya radius kawasan saya ini tak jauh, dekat je dengan Kuantan, 15 km, 20 km. Sampai saya berkhidmat ni saya tak pernah *claim* elaun perjalanan dalam kawasan. Saya tak layak untuk *claim* elaun perjalanan di kawasan sebab radius dia tidak mencukupi 50 km.

Jadi saya antara yang paling rugi. Tapi saya untung sebab pengundi saya hanya 18,000, *45 minutes around,* saya boleh melawat semua kawasan saya. Alhamdulillah, ini izin Allah. (Bacaan dalam Bahasa Arab) apa ni.... (Bacaan dalam Bahasa Arab) ya. Nikmat yang Allah berikan kepada saya sebagai Wakil Rakyat boleh berkhidmat di kawasan yang menyebabkan saya boleh menang lagi, alhamdulillah.

Jadi isunya tempat saya ini, saya harap pihak kerajaan, terutamanya pembekal monopoli elektrik. Negara kita ini ada satu je pembekal elektrik. Tidak ada orang lain dah iaitu Tenaga Nasional Berhad. Satu kawasan saya itu tak ada api, pakai generator, saya amat terkejut. Bila saya dah utarakan pihak ini kena pulak RM100,000.00. Dia pulak, orang yang mohon elektrik tu kena, pasal dia *under power*. Kena buat subseksyen baru. Allahuakbar. Saya harap kepada pihak-pihak kerajaan ni yang bertanggungjawab, tolonglah rakyat.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, Yang Berhormat baru tahu ke tempat tu tak ada api?

YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Baru tahu pasal dia bawa mengadu.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Allah... 20 tahun. [Ahli Dewan ketawa]

YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Ya. Tapi menang lagi. Menang lagi.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Menang kalah tak kira. Tapi baru tahu tu itu pelik sikit.

YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Ha itulah... itulah [ketawa]. Aduh... ni tadi saya sedih saya sedih dan saya pun telah menyampaikan perkara ni kepada pihak-pihak berwajib untuk diambil tindakan sepatutnya. (Bacaan dalam Bahasa Arab). Kepada ibu bapa saya alhamdulillah, semasa saya jadi Wakil Rakyat, bapa saya masih ada hingga hari ini saya masih menumpang dengan ibu saya, dapat menumpang kasih dengan ibu. Alhamdulillah, (Bacaan dalam Bahasa Arab) saya dapat bersama-sama dengan ibu sampailah tahap pencapaian saya hari ini. [Ahli Dewan menepuk meja]

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Bab elektrik dah sudah, ini bab banjir pula. Semua orang cerita bab banjir. Memang tempat saya ada projek tebatan banjir. Betul, *well done, very good*. Tapi, bila manusia merancang, *there is no perfection*. Tidak ada *perfection in design or whatever*. Mesti ada kelemahan-kelemahan tertentu. Itu atas sifat baharu, sifat manusia yang baharu. Saya ingat masa mula-mula Projek Tebatan Banjir Sungai Belat dirancang, dia ada buat *public engagement*. Saya terlibat, saya ingat er… ahli… isteri ahli daripada Benta pada ketika itu saya berjumpa saya tak kenal lagi isteri dia. Tiba-tiba saya kenal, oh yang ini rupanya er… tapi ada sejarah tapi *public engagement* ada sehingga Projek Tebatan Banjir Sungai Belat itu dah mengalami 2 kali banjir.

Yang sedihnya, saya tak tahu macam mana perancangan 2 kali banjir, masih tiada elektrik lagi. Lah… sebab cerita elektrik juga. Saya terpaksa kait. Seolah-olah perancangan kerajaan ini tidak ada *synchronize* antara pihak-pihak tertentu. Buat dulu, elektrik kemudian. Itu yang saya terkejut. Tapi saya nak ngaborkan nak cerita ke hal, buat bagus tapi *culvert* kecil pula, air masuk dalam kawasan tebatan tu nak keluar ambil… ambil masa 2, 3 hari pula dan pula dah… dah kawasan lengkung itu dah tak banjir, orang ada kampung persekitaran kampung itu pula, dah kena banjir pula. Ha… dialah orang yang pertama.

Jadi saya nak ngabor, saya ingin mencadangkan supaya pihak kerajaan mengambil usaha untuk buat *retention pond* yang jauh lebih murah. Di Kuantan ini, tidak er… dulu *swampy area*, kawasan bergambut. Di kawasan bergambut ini ialah merupakan tapak tadahan air. Jadi semua dah menambun untuk jadi perumahan. Luas mana kita nak tebatkan banjir, luar mana kita nak buat kepung-kepungan ini. Jadi kita perlukan satu *area* yang besar, 10 ekar ke, 20 ekar ke, untuk sebelum air mengalir ke sungai kita salurkan ke kawasan itu dulu. *Retention pond* ataupun mungkin *retention lake* ke *whatever*.

Dan seterusnya, mengenai juga ini satu lagi di kawasan saya. 2 tahun berturut- turut, petani tak boleh bersawah kerana projek kerajaan juga, Alhamdulillah. Ada juga masalah saya minta pihak kerajaan, Projek Sawah Padi Kampung Sepat tolonglah tengok sedikit ya, saya harap dapatlah cepat-cepatkan sedikit pasal rakyat ini tak boleh nak tanam padi.

Seterusnya, saya juga ucap tahniah kepada pihak kerajaan kerana buat Skim Tanah Rakyat. Kawasan saya ada juga Skim Tanah Rakyat, dah dapat geran hari ini, esok nak jual, *defeat the purpose*. Kadang-kadang saya juga panas hati juga, kita tolong orang merayu kat kita, minta tanah minta ini akhirnya mereka ini jual untung untuk dia. Kita ini berhati-hati la tak jual er… adik-beradik kita tak mohon tanah tapi di peringkat kampung dia jual.

Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan untuk mengenakan moratorium. Di negeri-negeri lain, saya dah semak mereka telah mengenakan moratorium, memang ada tanah ini tak boleh dijual-beli dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri atau pihak Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Tak ada kita kena sebut 5 tahun, 10 tahun tak boleh jual tanah ini kalau dia jual melebihi harga pasaran jadi mereka ini pulang balik duit kerajaan. Moratorium kita kenakan moratorium untuk tempoh dan juga kalau harga itu melebih, STR biasa jual RM300.00 saja bayar RM300.00 dapat tanah sekeping yang harga dia sekarang ini RM30,000.00, RM40,000.00, Dato' Sri Yang di-Pertua. Ada lagi masa saya? Boleh lagi?

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Boleh lagi, 2 minit.

YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

2 minit sahaja? Okey, tak apa. Saya juga er… 2 minit kita baca ayat Al-Quran tadi la balik ya. Sebab kita kena ingat, ini doa ini. Umur 40 tahun siapa-siapa, saya rasa lebih dari 40 tahun ini (Bacaan dalam Bahasa Arab), "Ya Allah Ya Tuhanku, Engkau ilhamkan kepadaku", ini kalau orang putih panggil, *inspire me* (Bacaan dalam Bahasa Arab), "untuk bersyukur kepada Allah SWT atas nikmat Kau bagi kepada aku, juga bagi kepada ibu bapaku", (Bacaan dalam Bahasa Arab), "amal-amal soleh", kita ini Wakil Rakyat semua beramal soleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan Program Bantuan Prihatin, macam-macam bagai-bagainyalah. Orang haji ke, orang tak haji, orang sekolah, orang universiti, orang sakit kat er… ini amal soleh, apa benda lagi nak kebajikannya habis dah kita buat. (Bacaan dalam Bahasa Arab), ya Allah reda, kita ini alhamdulillah, saya percaya saya berdoa moga Allah reda dengan apa yang saya lakukan untuk menolong rakyat tak kiralah kalau dia orang masyarakat kaum Tionghua di tempat saya, dia kenal nama saya (Bacaan dalam Bahasa Cina) Shafik er… (Bacaan dalam Bahasa Cina) itu Wakil Rakyat…YB…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Boleh… boleh gulung.

YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Gulung dah? Ha... okey [Ahli Dewan ketawa] Tak habis, tak dan habis cakap dah. Okey, satu lagi Dato' Sri Yang di-Pertua, saya nak mohon pada pihak kerajaan ini… ini untuk rakyat, untuk… untuk wakil DUN apa… Ahli Dewan ini saya dapat beritahu, mereka ini tak boleh *claim* Yang Amat Berhormat jadi *member* yang apa… Kelab Golf Diraja Pahang, Ahli-ahli Dewan yang minat main golf ini tak boleh *claim*, RM2,000.00 lebih jadi saya fikir kalau pihak kerajaan boleh *claim*, mana anggota perkhidmatan awam boleh *claim,* Dewan ini bagilah kemudahan. Boleh ke Dato' Sri Menteri Besar buat gitu? RM2,000.00 lebih sahaja untuk Dewan inilah kawan-kawan saya yang tak jadi ahli lagi.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya kena lihat implikasi kewangan, saya kena berbincang dengan Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri dahulu.

YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Tak apalah, kita ikut la cakap Menteri Besar pasal kita ahli *backbenchers* yang setia kepada kerajaan [Ahli Dewan menepuk meja] Dengan itu, saya mohon menyokong. Terima kasih. Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Wakil daripada Inderapura. Saya nak mem er… meminta seorang lagi sebelum kita rehat iaitu Wakil daripada Damak. Sebelum itu, saya nak mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Chow Yu Hui yang dulunya ADUN Tras, sekarang ini Ahli Parlimen Raub bersama-sama dengan kita pada hari ini. [Ahli Dewan menepuk meja] Sila Wakil daripada Damak yang terakhir sebelum kita rehat.

YB TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Bismillahirrahmanirrahim. Assalammualaikum WBT. [Bacaan dalam Bahasa Arab]. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua kerana memberikan ruang kepada saya untuk sama-sama berbahas berkaitan dengan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja Kebawah Duli Yang Mulia Tuanku Pemangku Raja Pahang. Saya sangat berharap dan berdoa agar Titah Diraja yang sangat bernas dan tuntas ini yang menyeru kita supaya berganding bahu bersama-sama dan lebih matang dalam berpolitik menjadi pedoman dan dalam menguruskan kebajikan rakyat di negeri Pahang Darul Makmur ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang kerana kembali diberikan amanah dalam menerajui negeri Pahang bersama-sama dengan barisan EXCO.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Walaupun PRU Ke-15 sudah berlalu lebih kurang 6 bulan namun saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan jutaan terima kasih kepada para pengundi di kawasan DUN Damak secara khususnya kerana telah memberikan mandat buat kali yang kedua kepada saya untuk sama-sama menggalas amanah iaitu dalam membawa aspirasi rakyat dan insya-Allah saya akan meneruskan tradisi 'amar ma'aruf, nahi mungkar' menyokong mana-mana yang baik dan menegur mana-mana yang perlu akan secara konsisten dilaksanakan, insya-Allah.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Allah SWT berfirman, (Bacaan dalam Bahasa Arab) yang bermaksud, "wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan kebenaran kerana Allah SWT, menjadi saksi dengan adil dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu pihak, sesuatu kaum mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah, kerana adil itu lebih dekat kepada taqwa dan bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah maha mengetahui apa yang kamu kerjakan".

Allah SWT dalam ayat ini mengingatkan kita bahawa kadang-kadang kita benci kepada seseorang itu secara tidak berasas oleh itu saya mengajak semua Ahli Dewan yang telah dipilih oleh rakyat ini marilah sama-sama kita mengenepikan sentimen politik kerana saya bila dilantik sebagai ADUN saya bukan ADUN kepada mana-mana parti politik, mana-mana agama dan mana-mana kaum tapi merupakan Wakil Rakyat kepada seluruh pihak. Semoga kita sama-sama dalam Dewan ini mengamalkan

konsep politik matang dan berkasih sayang sudah pasti demi kemaslahatan negeri Pahang Darul Makmur yang kita kasihi ini.

Antara perkara yang ingin saya sentuh dalam ucapan terakhir ini dan saya pasti Dato' Sri Yang di-Pertua memberikan ruang masa yang panjang sikit sebab yang terakhir.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, kalau panjang, kita tak sembahyang… waktu Zuhur dah masuk, makan pun dah… perut pun dah lapar.

YB TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Insya-Allah, berhenti sebelum Zuhur, Dato Sri Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ha… okey.

YB TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Allah SWT juga berfirman dalam surah Al-A'raf, ayat 56 (Ayat Al-Quran) yang bermaksud dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi ini. Sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan kepada kamu dan berdoalah kepada Allah dengan perasaan bimbang kalau-kalau tidak diterima doa kita dan juga dengan perasaan terlalu mengharapkan supaya ia diterima. Sesungguhnya rahmat Allah kepada kita adalah dekat khususnya bagi orang yang sentiasa memperbaiki amalannya.

Berkenaan dengan titah Tuanku yang menyentuh tentang kelestarian alam. Maka saya ingin mengajak Dewan Yang Mulia ini sama-sama kita memberikan tumpuan agar sama-sama kita menjaga khazanah Allah SWT yang dikuniakan kepada kita. Antara perkara yang saya ingin sentuh khususnya dalam DUN Damak secara *direct* ialah berkaitan dengan Hutan Simpan Som yang berkeluasan lebih kurang 1.5 hektar. Hutan Simpan Som ini adalah hutan simpan yang pada hari ini ia telah berlaku aktiviti pembalakan sedangkan di kawasan ini ya setelah saya membuat pemantauan dan tinjauan ia terdapat lebih kurang 26 ekor gajah dan juga harimau belang serta hidupan liar yang lain.

Saya telah dimaklumkan oleh pihak JBKK bahawa permit pembalakan dikeluarkan untuk aktiviti pembalakan di sini dan telah bermulanya aktiviti penanaman durian Musang King yang sewajarnya di kawasan sebegini apabila pokok ditebang ia perlu ditanam dengan hutan semula namun saya belum pasti, apakah dilakukan *environmental impact assessment* ataupun tidak dilakukan di kawasan ini yang mana ia amat perlu supaya berlaku komunikasi di antara pihak berkepentingan iaitu masyarakat setempat, pemaju dan pihak berkuasa dan di kawasan Hutan Simpan Som ini juga terdapatnya kawasan rayau hidupan liar iaitu habitat semula jadi kawasan ini yang telah digariskan sebagai koridor hidupan liar di dalam Kompleks Sukan Central Forest Spine ataupun CFS.

Namun kawasan ini telah diserahkan kepada pengusaha Musang King. Apa yang menimbulkan kemusykilan khususnya kepada warga penduduk kampung ialah yang mereka memohon tanah pemilikan di kawasan tersebut, permohonan ini tidak

diluluskan dan alasannya kawasan ini adalah kawasan CFS ataupun kawasan laluan kehidupan liar.

Seterusnya Hutan Simpan Som ini adalah hutan yang sangat kaya dengan flora dan fauna namun di kawasan hutan ini saya pernah sebut di dalam Dewan ini satu ketika dahulu terdapat Taman Eko Rimba Som kawasan yang cukup strategik, laluan yang kita kata menjadi penyambung antara Jerantut dan Benta dan satu ketika dahulu pernah menjadi lokasi persinggahan pelancong dan rekreasi. Namun apa yang berlaku hari ini amat menyedihkan kawasan ini terbiar bangunan-bangunan yang menjadi hak milik Jabatan Perhutanan pun sudah terbiar. Malah ada bangunan baru pun hari ini saya lalu situ dah naik semak dan yang terbaru ialah pagar yang dibina pun naik semak juga dan ada penduduk kata ini telah menjadi kawasan jin bertendang.

Jadi saya harap pihak yang berkaitan memberikan tumpuan dan perhatian kepada isu ini. Semoga kawasan ini yang bukan sahaja ada flora dan fauna bahkan ada sungai kecil yang cukup jernih dan boleh dijadikan lokasi destinasi pelancongan. Seterusnya Dato' Sri Yang di-Pertua, pencerobohan tanah juga telah berlaku di kawasan tanah rizab melayu Kampung Som. Penduduk telah membuat aduan kepada pihak Pejabat Tanah namun hingga kini masih belum ada tindakan yang berkesan. Saya dimaklumkan bahawa kawasan tersebut ingin dijadikan kawasan (STR) Skim Tanah Rakyat dan para penduduk juga telah mengusulkan kepada pihak yang berwajib namun belum ada sebarang perkembangan positif.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Isu yang seterusnya ialah saya ingin menyentuh berkaitan dengan perkara yang pernah saya juga sentuh sebelum ini dan di… pada peringkat awal selepas PRU Ke-14 kita dalam Muafakat Nasional ketika itu apabila saya melaporkan isu yang berkaitan di Kampung Baru ini alhamdulillah jabatan-jabatan kerajaan telah turun dan dapat ditangani isu ketika itu.

Namun demikian perkara yang berkaitan dengan pencemaran ini berulang kali khususnya di kawasan Kampung Baru kerana di sana terdapat lombong dan ada ketikanya penduduk mengadu asap tebal keluar daripada corong-corong lombong ini dan kemudian bukan sahaja berlaku pencemaran udara, malah berlaku pencemaran bunyi dan ada juga penduduk yang menyatakan ketika berlakunye letupan kuari apa semua… menyebabkan cermin rumah mereka pecah saya pergi tengok kat rumah berkenaan dan yang terbaru saya juga melihat sungai-sungai yang ada di situ khususnya Sungai Teh telah tercemar dan kawasan ini pada asalnya menjadi lokasi penduduk mencari ikan air tawar tapi sudah tidak ada ikan air tawar di situ.

Ini saya harap diberi keperhatian oleh pihak Jabatan Alam Sekitar dan juga pihak Jabatan Mineral dan Galian serta pihak berkuasa tempatan agar sentiasa memantau supaya kelestarian alam kita dapat dipelihara dengan sebaiknya. Berkaitan dengan isu ini juga saya mengambil ruang ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih khususnya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang kerana isu pembalakan di Kampung Baru, alhamdulillah telah selesai. [Ahli Dewan menepuk meja]

Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Dato' Sri Menteri Besar Pahang dan juga isu yang berkaitan dengan perlombongan di Kampung Brau di bukit apa… di Kampung Brau yang menjadi sumber air bukit. Saya ucapkan terima kasih dan insya-Allah saya harap pihak kerajaan negeri mengambil pendirian yang tegas dan konsisten dalam memelihara ekosistem dan khazanah alam kita. Seterusnya yang terakhir walaupun

yang terakhir tapi ada banyak *point* di dia insya-Allah iaitu berkaitan dengan kemudahan asas.

Dato' Sri Yang di-Pertua, ada berapa minit lagi?

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Zuhur masuk 1.07 minit, *so* ada 1.06 minit.

YB TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Insya-Allah, 1 minit.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Boleh, boleh. 2 minit lagi boleh. Yang Berhormat boleh jamak tak apa.

YB TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Nabi Muhammad SAW bersabda (Ayat Al-Quran). Nabi bersabda orang muslim berkongsi dalam tiga perkara iaitu air, padang ragut dan api. Jadi isu pertama yang ingin saya sentuh di ialah berkaitan dengan sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri, kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Sebenarnya saya rasa ada pihak yang kata kami tak berterima kasih.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dato' Sri Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Maaf saya menulis tadi.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Menulis ya.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya menulis apa yang disebut oleh YB tadi air, pandang ragut dan api. Sila.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya perhatikan ya ADUN Damak kali ini dia… dia lain macam sikit. *Steady* ya? Dia macam ada apa…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ceria, ceria.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Ha… ceria, lepas tu dia macam ada geli-geli sikit [ketawa]

YB TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Terima kasih. Jadi saya ceria ni sebab *first time* saya berada di hadapan Dato' Sri Menteri Besar sebenarnya [Ahli Dewan ketawa) dan begitu hampir dengan Dato' Sri Yang di-Pertua. Jadi saya ucapkan terima kasih…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, macam ini bunyi jet meninggal, Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

YB TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Jadi saya ingin menyentuh tentang… saya ucapkan terima kasih kerana saya dimaklumkan bahawa Projek Bekalan Air Luar Bandar (BLB) bagi Batu Balai ini telah lulus dengan peruntukan RM60 juta. Jadi insya-Allah saya harap isu-isu yang berkaitan dengan masalah air di DUN Damak khususnya di kawasan yang berhampiran dapat diselesaikan dengan baik. Namun, ini adalah merupakan projek jangka panjang. Jadi saya ingin mencadangkan untuk projek jangka pendek.

Eh… kerana di kawasan DUN Damak ni memang banyak berlaku isu air ni, saban waktu, saban tahun, dan khususnya di waktu musim perayaan dan cuti sekolah. Jadi saya cadangkan agar Kerajaan Negeri memberikan peruntukan agar projek kaedah sistem Telaga Tiub diperluaskan dalam kawasan-kawasan yang berisiko tinggi. Terutamanya di Kampung Ulu Cheka, Kampung Koi, Kampung Damak, Kampung Baru dan Kampung Som. Jadi kalau boleh diberikan peruntukan dan diperluaskan.

Jadi untuk makluman Yang di-Pertua juga, di dalam kawasan DUN Damak ini banyak kampung-kampung yang masih lagi menggunakan air bukit ataupun air kesihatan ni. Ya malah tadi di Inderapura ada kawasan kampung yang tak ada elektrik. Di DUN Damak ini ada kawasan yang tak ada air.

Tapi kalau Inderapura tadi lama sangat, 20 tahun itu, saya baru 2 penggal tak ada air ni. Jadi saya harap pihak PAIP dapat menyalurkan projek air di kawasan er... kawasan Kampung Sempadan dalam DUN Damak. Dan saya harap juga agar pihak Kerajaan Negeri memberikan peruntukan tak kiralah nak disalurkan melalui pihak mana sekalipun supaya PAIP kesihatan ini dapat diselenggara dan dibaik pulih daripada masa ke semasa.

Seterusnya saya ingin menyentuh berkaitan dengan jalan. Jadi, dalam kawasan jalan raya, dalam kawasan DUN Damak ni kalau kita lalu sekarang memang banyak kawasan yang berlubang dan ada 2 kawasan yang putus jalannya di Batu Balai. Jadi, saya yakin pihak kerajaan telah memperuntukkan dan memang sedang projek sedang dilaksanakan untuk membaik pulih jalan yang putus ini di Batu Balai. Eh, cuma kadang-kadang tu ada lubang-lubang kecil tu ditampal-tampal. Jadi bila ditampal-tampal ni, pertama dia er... agak tidak enak mata memandang bila kita lalu tu.

Yang keduanya, bila lori-lori yang berat, khusus lori sawit, lori bijih yang lalu, maka jalan ni kembali rosak. Dan banyak berlaku kemalangan maut di kawasan ini. Jadi saya harap pihak yang berkaitan dapat memberikan perhatian. Seterusnya berkaitan dengan kesesakan lalu lintas di Sekolah Menengah Temin, khususnya di kawasan di

awal pagi waktu sekolah. Jadi saya harap kawasan ini kalau bolehlah dicadangkan dibuat satu jejantas supaya anak-anak kita tidak terdedah dengan kemalangan jalan raya khususnya di waktu ibu bapa mereka menghantar anak-anak ke sekolah.

Begitu juga di hadapan Taman ICT ke klinik kesihatan bandar Jerantut. Kawasan ini juga adalah kawasan yang sangat sesak khususnya ketika er... pesakit-pesakit pergi klinik. Jadi saya harap kalau boleh juga dibina jejantas agar pengguna-pengguna dapat menggunakan dengan sebaiknya. Dan yang berikutnya, ialah berkaitan dengan isu banjir. Saya sarankan… ingin mencadangkan di Batu Balai ini ada kawasan yang memang saban tahun, 9 buah rumah tenggelam dengan banjir di kawasan Jalan Aki Ayub 1 dan 4 buah rumah lagi di Kampung Joor Batu Balai.

Saya harap kalau boleh pihak kerajaan memindahkan mereka ini ke kawasan Tanah Rizab Kerajaan yang berhampiran dengan Loji Batu Balai. Nampaknya Dato' Sri Yang di-Pertua memandang kepada saya ni. Jadi saya rasa *point… point* terakhir yang ingin saya sentuh ialah isu rizab bandar Jerantut ini yang kawasan-kawasan yang strategik dan er... berpotensi tinggi yang asalnya menjadi hak milik Majlis Daerah Jerantut tetapi saya dapat makluman telah dipindahkan hak milik individu.

Jadi saya harap kawasan-kawasan ini kalau boleh jangan dilepaskan kepada individu lah kerana ada kawasan contohnya Benteng Jerantut. Kawasan ini memang meriah dengan aktiviti perniagaan satu ketika dahulu tapi sekarang dah jadi tapak *parking* dan malah Majlis Daerah Jerantut pula bila nak mengadakan Bazar Ramadan, dan nak membuat ekspo, terpaksa mencari kawasan-kawasan yang strategik ini kerana kawasan-kawasan ini sudah dipindah hak milik.

Antara kawasan yang begitu bernostalgialah iaitu *bus stand* lama, Jerantut. Kawasan ini cukup meriah dengan aktiviti perniagaan satu ketika dahulu. Tapi kalau Dato' Sri Yang di-Pertua datang ke Jerantut, telefon saya, saya belanja gulai rong, saya bawa ke tempat ini insya-Allah untuk melihat kawasan ini dah naik semak-samun dah. Jadi saya cukup agak menyedihkan situasi ini.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Insya-Allah.

YB TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Jadi akhir sekali penutupnya, saya ingin merakamkan sekali lagi ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri. Buat pertama kalinya kami ADUN daripada pembangkanglah dan Ahli Parlimen telah dijemput hadir dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah pada 12 April yang lalu [Ahli Dewan menepuk meja] dan saya baru dapat mesej tadi bahawa mesyuarat yang ke-2 pula dijemput kami hadir. Saya rasa sangat orang kata lapang dada kerana apa? Kerana ini adalah platform untuk kami berkongsi idea khususnya dalam membangunkan daerah Jerantut.

Di akhir kalam ini saya ingin mengajak tuan-tuan semua agar kita bekerja secara ikhlas, saksama, hindari rasuah, berakhlak mulia. Saya yakin kalau kita mengamalkan ini, berkat daripada Allah SWT akan turun kepada kita mudah-mudahan negeri Pahang ini akan menjadi (Bacaan dalam Bahasa Arab). Akhir kalam, boleh bagi pantun sikit?

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Boleh.

YB TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Hendak belayar ke Teluk Betong, sambil mencuba...

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Yang di-Pertua, kira kalau dah ayat al-Quran tu, pantun tak payah dah. [Ahli Dewan ketawa]

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Tak apa Yang Berhormat, dia ayat Quran dia nak er... dia nak tak apa. Dia terakhir.

YB TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Hendak berlayar ke Teluk Betong,
Sambil mencuba er... labuhkan pukat,
Bulat air kerana pembetung,
Bulat manusia kerana muafakat.

Pergi berburu sampai ke sempadan,
Dapat kancil badan berjalur,
Biar carik baju di badan,
Asalkan hati bersih dan jujur.

Dari hulu turun ke pekan, last pantun ya…
Sampannya rosak di tengah hari,
Kalau selalu ingatkan Tuhan,
Apa dipinta, insya-Allah akan diberi.

Sekian, ucapan saya. Damak mohon menyokong.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Dalam senyum-senyum tu Yang Berhormat sekalian, 3 minit dia curi masa [ketawa]. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, 7 orang telahpun membahas dan insya-Allah pada petang ini kita akan sambung lagi dengan 9 orang lagi supaya semua daripada kita akan mengambil bahagian di dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja Kebawah Duli Tuanku. Saya bercadang untuk menempohkan persidangan di sebelah pagi ini dan kita akan sambung semula pada pukul 2.30 petang. Persidangan ditempohkan.

[*Persidangan ditempohkan pada jam 1.09 tengah hari*]

[*Persidangan disambung semula*]

SAMBUNGAN PERBAHASAN USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA PAHANG.

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara keempat : Sambungan Perbahasan Usul Menjunjung Kasih atas Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Assalamualaikum WBT, salam sejahtera, salam Pahang 1st, salam madani, selamat petang. Persidangan kita disambung semula. Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, rakan-rakan Yang Berhormat sekalian kita masih lagi dalam Usul yang berbunyi bahawa:

> **"Dewan Negeri Pahang yang bersidang pada hari ini bersetuju menjunjung kasih atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang berangkat menyempurnakan Titah Diraja kepada Dewan ini".**

Pada petang ini saya akan menyambung semula perbahasan. Kita akan menyambung semula perbahasan atas Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang. Saya akan memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan usul ini. Kita mempunyai 9 orang lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang masih lagi belum mengambil bahagian di dalam perbahasan ini. Kita harap semuanya dapat mengambil bahagian kerana ini penting kepada Kerajaan Negeri terutamanya untuk kita mendapat *feedback* daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Untuk itu, saya menjemput Yang Berhormat dari kawasan Kuala Semantan. Silakan.

YB TUAN HASSANUDDIN BIN SALIM

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. (Ayat Al-Quran). Terima kasih kepada Dato' Sri Yang di-Pertua kerana memberi peluang berbahas dan menjunjung kasih menyokong usul Titah Ucapan Diraja pada pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Ke-2 Dewan Negeri Pahang kali ke-15. Izinkan saya memulakan dengan serangkap pantun:

Buah kelubi tumbuh segar,
Isinya cerah boleh dimakan,
Saya YB baru belajar,
Salah silap mohon panduan.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Dato' Sri kerana telah dipilih sebagai Yang di-Pertua Dewan Negeri pada penggal ini. Begitu juga dengan Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua daripada Bilut. Tahniah juga saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Jelai Dato' Sri Menteri Besar Wan Rosdy Wan Ismail kerana sekali lagi dipilih mengetuai Kerajaan Pahang pada penggal ini. Begitu juga kepada semua barisan EXCO yang telah dipilih. Tahniah juga kepada Dato' Indera Haji Zulkifli Haji Yaacob yang telah dipilih sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri yang baru dan penghargaan juga kepada Yang Hormat Dato' Sri Dr. Sallehuddin Ishak,

bekas Setiausaha Kerajaan Negeri yang lalu yang telah menabur bakti di negeri Pahang kita yang tercinta ini.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Di sini saya juga mengambil peluang mengucapkan terima kasih dan jutaan penghargaan kepada para pengundi tanpa mengira agama, bangsa, keturunan, warna kulit dan darjat yang telah sudi memilih saya untuk menjadi Wakil Rakyat DUN 32 Dewan Negeri Kuala Semantan pada Pilihan Raya Umum Ke-15 yang lalu.

Izinkan saya membacakan sepotong ayat Al -Quran bagi menggambarkan keamanan dan kemakmuran negeri Pahang yang tercinta ini. (Bacaan ayat Al-Quran), "dan di bumi ada beberapa potongan tanah yang berdekatan. Tetapi berlainan keadaannya dan padanya ada kebun-kebun anggur dan jenis-jenis tanaman serta pohon-pohon tamar atau kurma yang berumpun dan tidak berumpun. Semuanya disiram dengan air yang sama dan kami lebihkan sesetengahnya daripada sesetengah yang lain pada bentuk, rasa dan baunya. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda kekuasaan Allah bagi orang-orang yang mahu berfikir dan memahami".

Jadi alhamdulillah, kita bersyukur kerana bumi Pahang ini dikurniakan dengan tanah-tanih yang subur, bukit-bukau, hutan dan sungai dengan pelbagai hasil mahsul yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada kita. Saya gambarkan keadaan ini dengan beberapa rangkap pantun.

Dari Serli ke Tanjung Jati,
Singgah sebentar di Pekan Benta, (Benta tak masuk lagi)
Sebagai negeri terbesar sekali,
Di dalamnya terdapat serbaneka.

Dari Pekan ke Pasir Mandi,
Singgah bermalam di Kuala Bera,
Gunung Tahan tertinggi sekali,
Terletak dalam Taman Negara.

Dari Sanggang ke Pulau Dedari,
Singgah menjala di Batu Sawar,
Sungai Pahang yang terpanjang sekali,
Ialah juga yang terbesar.

Di celah saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Jelai dan Kerajaan Negeri kerana telah berupaya meningkatkan hasil negeri dan membawa masuk pelaburan yang tinggi ke negeri ini pada penggal yang lalu.

Namun di celahan kerancakan, kerajaan negeri meningkatkan hasil mahsul negeri melalui pelbagai cara dengan peningkatan pengeluaran hasil mahsul semula jadi seperti balak, bahan-bahan galian melalui perlombongan, pengeluaran pasir juga peningkatan pelaburan antarabangsa. Pastikan semuanya ini dilakukan menepati Titah Kebawah Duli Pemangku Raja Pahang. Saya suka menarik perhatian kepada titah yang ke 16, 17 dan 18 yang dititahkan oleh Kebawah Duli Tuanku.

Yang 16, Tuanku menyebut… Tuanku bertitah, "kita tidak mahu hanya gah pada angka tetapi biarlah rakyat turut menerima limpahan pekerjaan yang bakal tercipta". Yang ke 17 pula titah Tuanku adalah "dan yang paling penting kesemua pelaburan yang masuk tidak mencemarkan alam sekitar di negeri saya ini".

Banyak disebutkan oleh pembahas-pembahas terdahulu perlunya kepada penguatkuasaan yang lebih tersusun dan mempunyai keanggotaan yang lebih ramai untuk memastikan semua projek dan pembangunan di negeri Pahang ini mematuhi segala kehendak-kehendak alam sekitar. Titah Tuanku juga dalam titah yang ke 18 "apa jua projek yang dilaksanakan ianya mestilah seimbang antara pembangunan dan menyokong ke arah pelepasan karbon sifar bersih atau *net zero emissions*".

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Demikianlah keprihatinan Kebawah Duli Tuanku terhadap kepentingan memelihara alam sekitar dalam usaha-usaha kerajaan negeri memajukan ekonomi dan meningkatkan hasil negeri.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Seterusnya saya ingin membawa perbahasan saya kepada perkara-perkara yang berkait langsung dengan tanggungjawab saya sebagai Wakil Rakyat di Dewan Negeri Kuala Semantan. Dua isu yang selalu dibangkitkan oleh warga Kuala Semantan kepada saya sama ada terus kepada saya atau melalui komen-komen di media sosial dan sebagainya iaitu isu-isu bekalan air bersih dan penyelenggaraan jalan raya.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Penyelenggaraan jalan ini dalam banyak keadaan berkait juga dengan kebocoran paip yang berada di bawah permukaan jalan tersebut. Di kawasan saya, banyak keadaan seperti ini yang berlaku. Contoh, semalam, semasa saya berada dalam Sidang DUN ini, saya mendapat mesej daripada pemimpin masyarakat setempat yang menyebutkan aduan dia tentang keadaan yang berlaku di Taman Setia Jasa. Saya sebutkan nombor lorongnya, SJ 16/1 dan SJ 16/2. Selepas dibaiki pada waktu pagi, petangnya bocor balik semula. Dan jalan di lorong tersebut kalau kita melaluinya, kita dapat tengok bagaimana keadaan rupa jalan itu yang menggerutu kerana selepas setiap kali dibaiki, dia akan berlaku kebocoran.

Ini berkaitan dengan jajaran paip yang berada di bawah jalan dan paip itu pula dibuat daripada PVC. Jadi menyebabkan tidak ada ketahanan yang sering kali berlaku kebocoran yang berulang. Ini bukan sahaja mendatangkan masalah bekalan air kepada masyarakat, tetapi juga mendatangkan masalah kepada permukaan jalan. Begitu juga di Jalan Bangau Tanjung, kalau tuan-tuan biasa di Temerloh ini, daripada Hotel Seri Malaysia hingga ke Simpang Lubuk Kawah dan Simpang Bukit Tingkat. Keadaannya berlekuk-lekir dan bergelombang. Kadangkala lubang yang terbentuk membahayakan pengguna-pengguna jalan raya, terutamanya penunggang motosikal. Ini sebahagiannya adalah akibat daripada lori-lori pasir yang menggunakan jalan tersebut secara intensif dalam kerja-kerja pengeluaran pasir di tempat tersebut.

Baru-baru ini kalau kita perasan, kalau kita tengok di media sosial, dalam satu kejadian berdekatan dengan Kampung Megat Segama. Seorang penunggang motosikal meninggal dunia selepas terlanggar lubang dan terjatuh di tempat kejadian ini berlaku dan ini berlaku pada 10 Februari yang lepas, di mana mangsa ini dikatakan baru saja berkahwin lebih kurang seminggu. 4 hari bulan dia kawin, kemudian dalam perjalanan dia nak pergi kerja, dia ni saya difahamkan kerja di *highway*, dia terlanggar lopak ataupun lubang, dia terjatuh menyebabkan dia meninggal dunia di jalan utama Temerloh-Jerantut di kawasan Kampung Megat Segama. Ini pastinya kita tidak ingin ianya berulang lagi pada masa-masa hadapan.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Secara spesifik berkaitan penyelenggaraan jalan raya ini, saya mohon supaya kerja-kerja penyelenggaraan ini dapat dilaksanakan di jalan-jalan berikut yang banyak diadukan oleh warga Kuala Semantan kepada saya. Yang pertama, menurap semula atau menutup lubang-lubang jalan di sepanjang laluan jalan utama antara bandar Temerloh ke bandar Mentakab.

Kemudian di jajaran yang sama juga, menyelenggara lampu-lampu jalan di sepanjang laluan tersebut. Banyak lampu-lampu jalan yang dah mati ataupun di tempat-tempat tertentu tak ada pun tiang lampu yang pada waktu malam, dahlah jalan berlekuk-lekir, kalau dilalui oleh penunggang-penunggang motosikal dia sangat membahayakan mereka.

Yang ketiga, menurap semula... atau menurap semula atau menutup lubang-lubang di laluan daripada simpang berdekatan simpang 4, berdekatan dengan Taman Sri Semantan hinggalah ke simpang berdekatan dengan er… Kolej Vokasional Sanggang. Begitu juga di jajaran ini juga masalah lampu jalan. Kalau lalu di waktu malam daripada Sri Semantan sampailah ke simpang Sanggang ini, kita dapati ianya gelap-gelita. Di sebahagian tempat ada lampu jalan tetapi su... sudah tidak menyala. Di sebahagian tempat pula langsung tidak ada tiang-tiang lampu jalan.

Perkara yang sama juga adalah perlu diperhatikan daripada laluan bandar Temerloh sehinggalah ke persimpangan Taman Setia Jasa yang bersempadanan dengan DUN Chenor.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, boleh gulung.

YB TUAN HASSANUDDIN BIN SALIM

Apa dia?

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Boleh gulung Yang Berhormat.

YB TUAN HASSANUDDIN BIN SALIM

Uish… banyak lagi ni er... Yang Berhormat Dato' Sri.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Banyak mana Yang Berhormat?

YB TUAN HASSANUDDIN BIN SALIM

Okey, baik.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Er… kita... takpe. Ini pengalaman pertama, kita faham.

YB TUAN HASSANUDDIN BIN SALIM

Baik-baik. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Yang keenam, permohonan lampu isyarat di persimpangan Sekolah Kebangsaan Paya Pulai di Batu 4 ni juga berulang kali sebutkan kepada saya. Yang ketujuh, permohonan lampu isyarat di persimpangan Bukit Tingkat ataupun Lubuk Kawah antara jalan utama Temerloh-Jerantut nak masuk ke Kampung Lubuk Kawah, keadaan ini merbahaya.

Kemudian berkaitan dengan isu paip air ini, saya nak sebut juga bahawa keadaan yang berlaku, saya rasa bukan saja di Temerloh, bahkan banyak tempat di negeri Pahang ini, apa yang kita boleh istilahkan adalah kita ada masalah dengan perbekalan air ini. Loji-lojinya telah berada pada usia yang tua dan perbekalannya bermasalah. Paip-paipnya juga telah berusia terlalu lama.

Jadi apabila kita bekalkan air, kita kenakan tekanan yang tinggi, maka paip dia pecah. Bila kita tidak kenakan tekanan pula, dia menyebabkan air tak sampai kepada kawasan-kawasan tinggi dan kawasan-kawasan yang jauh daripada sistem ini, banyak sangat aduan kepada saya terutama dalam musim perayaan yang lalu.

Saya boleh sebut beberapa kampung, kalau tempat tinggi ni di Kuala Semantan, antaranya adalah di Bukit Kelulut dan juga di Desa Murni, perumahan banjir, perumahan pemindahan banjir Desa Murni Sanggang yang banyak sekali aduan kepada saya tentang air tak boleh sampai ke tempat mereka. Begitu juga di dua perkampungan Orang Asli. Kampung Orang Asli Paya Badak dan Kampung Orang Asli Paya Mengkuang. Jadi isu air ini agak meruncing di negeri Pahang.

Saya er… kemudian satu lagi saya minta diberi perhatian kepada pembinaan Jambatan Baru Temerloh yang kerap kali mengorek jalan dekat situ menyebabkan paip pecah. Pada 10 Mac, berlaku sekali paip pecah. Bila pecah tu, *repair* berulang kali sampai 4 kali sampai 5 hari, penduduk sekitar taman-taman dalam bandar Temerloh ni, ketiadaan air selama 5 hari. Kemudian dia berulang lagi pecah selepas daripada itu.

Ini saya nak sebut satu benda, Dato' Sri Yang di-Pertua. Yang ini penting. Saya kira sebab er... dia ada kaitan dengan satu GLC ataupun agensi di bawah Kerajaan Negeri iaitu Koridor Utiliti Pahang (KUP). KUP ni tugas dia adalah antaranya untuk menyimpan maklumat-maklumat utiliti di seluruh negeri Pahang. Dia menjadi orang tengah kepada agensi dan juga pasukan juruukur profesional yang membuat pemetaan utiliti. Bayaran yang dikenakan oleh KUP ini agak membebankan kepada pemaju dan juga kepada kontraktor.

Dan ini juga kadangkala dia boleh memberi kesan langsung atau tidak langsung kepada harga-harga rumah, harga perkhidmatan kerana dia kena bayar kos utiliti ini. Dia semacamnya *redundant* sepatutnya penyedia perkhidmatan pasukan profesional macam juruukur dia memang dah buat kerja-kerja utiliti ini sebelum ni dia boleh *direct* dengan agensi sama ada TNB, sama ada PAIP, sama ada apa sahaja dan ada dah apa ni, penguasa yang me... me... menyelaras kerja-kerja utiliti ni iaitu JUPEM.

Tetapi bila diwujudkan Koridor Utiliti Pahang ni dia semacam orang tengah. Dia ambil duit daripada pemaju, dia ambil duit daripada juruukur profesional, dia ambil duit daripada kontraktor. Kemudian yang saya nak sebut ni bukan apa kita terima kasih dengan wujudnya penyelaras seperti ni tetapi peranannya mesti ditingkatkan.

Database kepada utiliti ni mesti disediakan oleh pihak KUP dengan cara baik dan sempurna supaya dapat menjadi rujukan kepada agensi-agensi, kontraktor, pemaju dan sebagainya apabila mereka nak membangunkan satu-satu tempat dah ada dah maklumat tentang utiliti-utiliti bawah tanah ini yang kadangkala dibuat berulang kali oleh pasukan juruukur profesional dan sebagainya yang melaksanakan kerja-kerja bagi membolehkan pembangunan dilakukan di satu-satu tempat. Tapi kalau dengan kadar yang dikenakan bayaran dan sebagainya, tetapi perkhidmatan yang dibekalkan kepada sama ada pemaju, kontraktor dan juga agensi-agensi berada pada tahap yang ada sekarang, saya kira dia suatu yang sangat perlu untuk ditambah baik.

Saya ambil contoh tadilah, Jambatan Temerloh, jambatan lama tu yang nak dibina baru. Berapa kali dah, korek-korek pecah, sedangkan kita dah buat dah pemetaan utiliti. KUP pun saya rasa pasti dia sudah menyelia, pasukan juruukur profesional juga telah melaksanakan kerja-kerja mereka memetakan utiliti di kawasan tersebut, tapi bagaimana perkara ini masih boleh berlaku dan menyebabkan masalah kepada taman-taman dan rakyat di persekitaran.

Saya rasa, sikit lagi saya nak tutup dah ni Dato' Sri. Er… akhirnya saya nak sebut, saya ingin mengucapkan terima kasih, setinggi-tinggi terima kasih kepada Ketua-Ketua Jabatan dan juga Pegawai-pegawai Kerajaan di kawasan Temerloh, di Parlimen Temerloh dan khususnya di DUN Kuala Semantan yang telah memberikan kerjasama yang baik kepada saya sepanjang saya dipilih oleh rakyat untuk menjadi Wakil Rakyat di DUN Kuala Semantan. Jadi mudah-mudahan kerjasama yang seperti ini akan dapat memberikan kebaikan, kebajikan dan mendatangkan suasana yang harmoni dalam kehidupan bermasyarakat di negeri kita Pahang yang tercinta ini. Buat akhirnya, saya menyokong, menjunjung kasih kepada Ucapan Diraja Titah Pemangku Raja Pahang dalam pembukaan sidang pada kali ini. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Wakil daripada Kuala Semantan. Kita jemput Wakil daripada Chenor.

YB TUAN MUJIBUR RAHMAN BIN SHAK

(Bacaan dalam Bahasa Arab). Terima kasih kepada Dato' Sri Yang di-Pertua yang mengizinkan saya untuk membahaskan Usul Menjunjung Kasih atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Daerah dan semua yang hadir dan juga menyaksikan persidangan kita pada petang yang mulia ini.

Alhamdulillah, saya menjunjung kasih di atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang yang bertitah berkenaan dengan perkara-perkara yang sangat besar yang menjadi asas kepada kemakmuran sesebuah negeri di mana Allah SWT telah menyatakan dalam Al-Quran bahawa seandainya manusia tidak menjaga khazanah, merosakkan alam sekitar maka Allah SWT telah memberi amaran. Di antaranya firman Allah SWT dalam Surah Rum ayat Ke-41, (Bacaan ayat Al-Quran). Di mana Allah SWT menyatakan telah zahir, telah nampak kerosakan di atas muka bumi dan juga di darat dan juga di laut dan Allah SWT menyatakan di antara kerosakan itu adalah hasil daripada perbuatan tangan-tangan manusia bila manusia merosakkan alam dan muka bumi ini maka Allah SWT menyatakan (Bacaan dalam Bahasa Arab). Kami rasakan kepada mereka sebahagian daripada perbuatan-perbuatan mereka. Moga-moga mereka akan insaf dan kembali kepada Allah SWT.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Di mana dalam Titah Diraja menyatakan berkenaan dengan penguatkuasaan. Manusia ini kata Imam As-Syafie (Bacaan dalam Bahasa Arab). Mentadbir manusia, mengurus manusia, lebih sukar, lebih susah, lebih payah daripada menguruskan haiwan. Maka kerana itu, Imam As-Syafie melihat bahawa manusia ini Allah SWT berikan kepada mereka akal dan di samping itu penguatkuasaan sangat penting untuk melindung dan juga menyelamatkan khazanah dan juga apa sahaja yang berkaitan dengan keharmonian yang akan dikecapi oleh masyarakat.

Jadi, saya nak membawa beberapa perkara yang terkait dengan kawasan saya. Yang pertama sekali, sepertimana sahabat-sahabat Ahli Yang Berhormat cerita berkenaan dengan air. Pertama, saya nak ucapkan tahniah dan juga terima kasih banyak-banyak kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Kerajaan Negeri yang telah pun meluluskan projek untuk pam penggalak di kawasan Kampung Awah menyelesaikan masalah penduduk Kampung Awah. Walaupun pada baru-baru ini bermula daripada Ramadan dan juga Aidilfitri. Mungkin cuaca yang begitu panas. Masyarakat, orang ramai mungkin mandi 3, 4 kali sehari ataupun lebih kerana panas menyebabkan air yang datang daripada Temerloh. Chenor menggunakan air Temerloh. Sebahagiannya menjadi tak sampai air. Air tak sampai ke Kampung Awah, ke Pekan Awah menyebabkan rakyat mula gelisah. Dari November tahun lepas sehinggalah April ini, Pejabat Pusat Khidmat DUN Chenor ini menerima 163 aduan berkenaan dengan air.

Jadi oleh kerana itu, saya ucapkan tahniah, terima kasih di atas kelulusan untuk membuat pam penggalak bagi menyelesaikan masalah. Cuma, kalaulah Temerloh tak boleh nak beri air, mungkin pam penggalak pun tak boleh nak pam. Jadi dengan sebab itulah, mungkin boleh difikirkan di sana ada satu lagi, datang daripada Batu Sawar sana pun ada satu lagi loji. Kalaulah boleh dialihkan ke situ, jadi lebih baik berbanding dengan Temerloh yang berkongsi dengan Setia Jasa yang berada dalam DUN Semantan yang begitu membangun sekarang ini banyak taman-taman. Kita takut bahawa walaupun ada pam penggalak tetapi air tak dapat juga nak dipam.

Kemudian saya juga nak ucapkan, maka…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Makna... air itu tidak menggalakkan [ketawa].

YB TUAN HASSANUDDIN BIN SALIM

Ya, tidak menggalakkan. Jadi, oleh kerana itu, kita kena galakkan dia dengan cara yang di mana air lebih dapat kita pam. Baik, kemudian saya juga nak ucapkan terima kasih kepada Pengurus PAIP Maran dan juga dia punya *team* yang begitu pantas apabila ada saja aduan berkenaan dengan paip pecah dan seumpamanya, mereka bekerja sampai malam dan seumpamanya, waktu-waktu yang mereka juga sebahagian kita kira mereka ini berada dalam keadaan yang beramal solehlah menyelesaikan masalah kerana air ini terkait dengan kita nak minum, nak mandi, nak berwuduk dan juga ibadah yang lain.

Kemudian yang keduanya berkenaan dengan persimpangan keluar Tol Chenor ni. Tol Chenor ni di antara tol yang akan menerima banyak kenderaan lebih-lebih lagi pada musim-musim perayaan. Jadi oleh itu, di keluar tol ini, *exit* tol ini di Simpang 3 dia tidak ada *traffic light*. Daripada Jengka 19 itu dia selekoh menyebabkan banyak berlaku kemalangan yang menyebabkan kehilangan nyawa. Jadi, saya mencadangkan

supaya untuk menyelesaikan masalah ini boleh diadakan satu *traffic light* di persimpangan keluar Tol Chenor ini bagi menyelesaikan masalah yang mungkin akan dihadapi lebih-lebih lagi ketika musim perayaan dan juga berhadapan dengan selekoh yang datang daripada Jengka 19.

Seterusnya berkenaan dengan pembinaan landasan ECRL jajaran Chenor di antara yang menerima jajaran ECRL ini dan kebetulan muka bumi Chenor ni banyak yang melalui bukit-bukau. Jadi, tanah-tanah ini sebahagiannya di*offer* kepada penduduk kampung.

Penduduk kampung sukalah dapat tanah untuk ditambun tapi ada masanya mereka minta tambun di belakang rumah mereka menyebabkan jiran sebelah bila hujan je dia tenggelam rupanya. Ha… dia nak selamatkan belakang rumah dia tapi jiran tenggelam menyebabkan ada perkelahian, pergaduhan dan seumpamanya. Jadi, oleh kerana itu, saya mohon supaya pihak yang berautoriti dapat bincang berkenaan dengan pembuangan tanah ini walaupun saya kira banyaklah selesainya tapi cuma ada beberapa tempat yang mana bila mereka tambun menyebabkan bila hujan, jalan pun tenggelam. Halaman rumah mereka juga tenggelam. Ini juga menjadikan masalah kepada rakyat.

Kemudian seterusnya berkenaan dengan jalan pintas daripada Jengka 7 melalui Ulu Kerut, Kampung Bot Bot Orang Asli dan juga ke Jengka 18. Saya ingin bertanyalah kepada agensi bilakah dia akan disiapkan kerana ia dapat, kalaulah berlaku banjir, maka ia boleh menjadi jalan untuk pintas kerana bila banjir ini, kawasan Pekan Tajau akan tenggelam. Kawasan di Sungai Kundang akan tenggelam. Jadi, inilah jalan alternatif untuk menghubungkan di antara sebelah Chenor ini ke Jengka 7, Jengka 6 dan seterusnya ke… sampailah ke Jengka 3 sana.

Kemudian berkenaan dengan Imam masjid ini. Di tempat saya ada Imam ni dia tua. Pernah sembahyang sekali, tengah sembahyang tu dia jatuh kerana mungkinlah dia dah tua. Maka kerana itulah saya minta supaya dapat dipantau Imam-imam yang tua. Mana-mana yang tua ini kalau mereka patut direhatkan, kena rehatlah. Kita kesian juga. Tapi dia istiqamah, nak jadi Imam. Tapi dalam keadaan yang kita menyebabkan kadang kalanya, dengan ketika sembahyang, dia rebah, dia jatuh.

Dan satu lagi berkenaan dengan masjid ini, tempat saya ada masjid-masjid ini banyak duit. Ada yang dekat RM90,000.00… masjid, tapi dia punya akaun tu dibekukan. Kerana permasalahan, berkaitan tandatangan dan seumpamanya, dibekukan. Maka kerana itulah, pada bulan puasa baru ini, oleh kerana akaun dibekukan, duit dia dalam kocek, duit-duit sumbangan orang dalam kocek dia. Dia bawalah ke mana-mana duit tu, sebab akaun masjid itu dibekukan. Maka kerana itulah, minta supaya pihak kerajaan ke boleh menyelesaikan masalah-masalah akaun di masjid yang dibekukan.

Kemudian berkenaan dengan status Masjid Jamek Chenor, saya dapat pertanyaan lah, dengan status Masjid Jamek Chenor. Apabila Pejabat Agama Chenor ditutup, maka status itu dikira macam mana. Apakah dikira sebagai masjid kariah sahaja ataupun macam mana?

Kemudian saya juga ucapkan terima kasih di atas pembinaan tempat pelupusan Al-Quran bagi negeri Pahang di pejabat… bekas Pejabat Agama Chenor yang sedang beroperasi dan saya sempat melihat bagaimana proses itu dilakukan, untuk kita membakar Al-Quran yang telah pun lama, yang kena banjir dan seumpamanya. Alhamdulillah ini juga sebahagian daripada kita nak menjaga kesucian ayat-ayat Allah SWT.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya juga ingin mengambil pasti berkenaan dengan pelancongan lebih-lebih lagi berkenaan dengan Pesta Chenor. Biasa 2000… masa 2018 dulu sebelum PKP, Chenor ini ada pesta, Pesta Air Chenor. Kemudian tukar jadi Pesta Chenor. Dan ia termasuk dalam takwim bagi Jabatan Kesenian dan juga Kebudayaan Malaysia. Jadi apakah untuk tahun-tahun seterusnya apakah ada Pesta Chenor ini ataupun telahpun dighaibkan ataupun tidak dibuat? Itu saya ingin jawapan.

Kemudian berkenaan dengan Sekolah Agama Chenor. Di mana terima kasih kepada kerajaan yang telah pun meluluskan pembinaan asrama, pembinaan asrama lelaki. Di Sekolah Menengah Agama Chenor. Alhamdulillah, cuma nak tahu bila ia akan bermula. Dan saya mengharapkan supaya ia dapat disegerakan.

Kemudian seterusnya berkenaan dengan ada sebuah surau di kawasan saya ini, air dia tertunggak sehingga RM1,000.00… RM1,000.00 lebih. Dia hantar saya *whatsapp,* dia tanya, kot-kot saya nak bayarlah. Jadi dia dah bayar separuh. Jadi oleh kerana itu, surau ini banyak. Di Chenor ni surau ini banyak. Satu masjid mungkin surau, tiga, empat buah surau. Jadi surau-surau ini dia akan beroperasi apabila bulan Ramadan, malam Jumaat begitu saja. Dengan jemaah yang sedikit.

Jadi oleh kerana itu, jemaahnya tak ramai. Dia kena bayar bil. Jadi oleh kerana itu, apalah kiranya kalau ada, skim percuma kepada suraulah bukan masjid. Masjid takpe jemaah ramai. Ini surau kot-kot ada skim air percuma 20 meter padu ke kepada surau yang mana jemaahnya tak ramai, dia punya *income* pun tak ada. Maka kalaulah kerajaan dapat memberi skim percuma kepada surau ini.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat…

YB TUAN MUJIBUR RAHMAN BIN ISHAK

Ya.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Minta gulung ya.

YB TUAN MUJIBUR RAHMAN BIN ISHAK

Baik, dan akhir sekali. Berkenaan dengan kanak-kanak, dia panggil kanak-kanak kurang zat makanan. Di Klinik Chenor, ada lebih kurang dalam 7 orang saya tak silap saya, kanak-kanak yang kurang zat makanan. Jadi saya mengharapkan supaya kanak-kanak yang kurang zat makanan ini, lebih-lebih lagi yang daripada keluarga B40 ini, saya nak mendengar penjelasan apakah ada bantuan-bantuan yang lain selain daripada susu dan seumpamanya, ada makanan dan bakul-bakul makanan untuk mereka supaya anak mereka menjadi sihat, lebih-lebih lagi, bila bayi ini sihat, maka dia punya otak, akarnya jadi sihat dari segi pembelajarannya, akan menyumbang kepada kebijaksanaan mereka.

Jadi, saya kira itu saja ucapan saya dan saya mohon menyokong titah ini. Wallahualam, assalamualaikum WBT.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Ahli Yang Berhormat kawasan Chenor. Seterusnya, saya menjemput Ahli Yang Berhormat kawasan Sabai.

YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Salam sejahtera dan selamat petang. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian.

Ucapan sulung di Dewan Negeri Pahang membawa suara aspirasi warga Sabai. Agenda rakyat menjadi fokus sidang. Moga segalanya berjaya dan tercapai. Pertama sekali saya ingin menjunjung kasih atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Pemangku Raja Pahang Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang berkenan menyempurnakan Majlis Pembukaan Sidang Dewan Negeri Pahang kelmarin.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang telah menzahirkan pujian Baginda kepada Kerajaan Negeri, yang berada di dalam landasan yang betul, hasil negeri meningkat, ada pelbagai inisiatif yang baik untuk rakyat. Syabas dan terima kasih saya ucapkan kepada Kerajaan Negeri Pahang pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar di atas kejayaan mentransformasikan negeri kita sebagai negeri yang berdaya maju dengan pelbagai inisiatif ekonomi mampan dan peningkatan pelaburan asing. Kesejahteraan rakyat tetap diutamakan melalui inisiatif dan insentif, berfokuskan rakyat seperti bantuan keusahawanan, I-Pos, Bantuan Prihatin, *Pride Student Kit*, Program Anak Kebanggaan Pahang, kad perubatan warga emas, dan Program Juadah Makmur dan banyak lagi. Semoga Pahang terus bergerak ke hadapan menjadi negeri teladan kepada yang lain.

Dato'… Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua ya,

Ucapan perbahasan saya pada hari ini akan tumpu kepada 6 isu yang berkaitan dengan kepentingan rakyat di kawasan DUN Sabai.

Yang pertama, perlunya fasiliti dewan serba guna dan sukan di kawasan Sabai. Sebuah dewan serba guna yang serba lengkap serta fasiliti sukan yang bersepadu menjadi keperluan dan permintaan berterusan rakyat Sabai. Tatkala dewan serba guna akan berfungsi sebagai pusat aktiviti kemasyarakatan, majlis keraian, majlis rasmi dan sebagainya. Fasiliti sukan bersepadu pula amat penting bagi membina masyarakat yang sihat dan produktif.

Yang kedua, pemerkasaan ekonomi kawasan Sabai. Saya mohon Kerajaan Negeri mengkaji potensi dan peluang bagi ekonomi kawasan Sabai diperkasakan melalui strategi yang sewajarnya. Lokasi Sabai amat strategik dengan jaringan lebuh raya LPT, CSR, kurang 1 jam dari ibu negara.

Saya cadangkan agar pembukaan sebuah zon perindustrian baru dengan tawaran insentif yang menarik dikaji di mana ianya dapat menggalakkan pelbagai industri dan pelaburan baru. Yang ini akan meningkatkan peluang kerjaya, tingkatkan ekonomi dan pendapatan rakyat. Saya juga mohon Kerajaan Negeri agar potensi Sabai sebagai hub rancangan tanah pertanian bagi agropreneur seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan dikaji dan dilaksanakan.

Di samping Raub, Karak juga makin popular sebagai hub durian. Tidak kurang juga potensi Sabai sebagai pusat pelancongan eko dan agro serta penginapan desa bagi pelancong tempatan dan asing. Sama-samalah kita makmurkan Sabai.

Yang ke-3, Projek Rumah Mampu Milik. Kebanyakan projek swasta di kawasan Sabai menawarkan rumah kos sederhana dan tinggi, di mana ianya di luar kemampuan rakyat kategori B40. Perlu ada projek baru dengan tawaran Rumah Mampu Milik dengan skim pembiayaan mampu bayar. Maka, saya memohon Kerajaan Negeri agar mengikhtiarkan dan perluaskan projek Perumahan Kos Rendah dan Sederhana Rendah di Sabai.

Yang ke-4, projek terbatan banjir yang mana saya telah bangkitkan dalam soalan lisan. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar ketika sesi soalan semalam telah memberi pencerahan bahawa, cadangan projek terbatan banjir di daerah Bentong yang bernilai RM41 juta masih di bawah kajian Kerajaan Persekutuan. Kerugian dan trauma akibat tragedi banjir yang melanda daerah Bentong pada Disember 2021 masih segar diminda. Saya berharap projek tempatan banjir daerah Bentong tersebut dapat diluluskan dan dilaksanakan segera bagi mengelakkan tragedi yang sama berulang.

Yang ke-5, isu kaum Orang Asli Kampung Ulu Pareh dalam DUN Sabai ini. Saya juga ingin menyuarakan rintihan kaum Orang Asli Kampung Ulu Pareh, Sabai. Tok Batin dan Jawatankuasa Kemajuan Kampung Orang Asli berulang kali memohon bantuan saya di dalam isu tanah kaum Asli yang masih belum diwartakan. Sebarang kelewatan dalam isu perwartaan tanah Orang Asli ini, akan memberi ruang kepada pihak tidak bertanggungjawab untuk menceroboh. Saya rasa Yang Berhormat Tras juga telah membangkitkan isu yang sama ketika sesi beliau tadi.

Pada masa yang sama, ada 20 keluarga kaum Asli di kawasan Kampung Ulu Pareh ini, yang masih belum menerima bekalan air bersih dan bergantung kepada air dari kawasan bukit untuk kegunaan kehidupan seharian. Harap isu-isu ini dapat diselesaikan oleh Kerajaan Negeri.

Yang ke-6, isu infrastruktur. Beberapa isu yang sering dibangkitkan oleh warga DUN Sabai antaranya capaian internet dan telekomunikasi yang kurang memuaskan di kawasan Kampung Karak Setia dan Kampung Paya Pelantar dalam DUN Sabai. Jalan-jalan kampung yang perlu diperbaiki di Kampung Jambu Rias, Kampung Lengkung, Kampung Karak Setia, Kampung Ulu Pareh, Kampung Aji Kubur dan Kampung Cinta Manis. Kebanyakan kampung-kampung tradisional ini, di luar kawasan bidang kuasa Majlis Perbandaran, maka jalan-jalan dan sistem perparitan yang sedia ada ni sudah lama tidak dipulihkan… dibaik pulih maka sering kali saya menerima aduan daripada komuniti dalam kawasan-kawasan kampung tradisional ni.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, Barisan Ahli Majlis Masyarakat Kerajaan Negeri dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sambil menggalas tanggungjawab sebagai Wakil Rakyat DUN Sabai, saya juga memikul amanah sebagai suara tunggal kaum India, di Dewan Negeri Pahang. Walaupun kaum India adalah minoriti di Negeri Pahang kira-kira dalam 40%... 4% maaf, 4% lebih namun kebajikan dan kesejahteraan kaum India tetap disantuni oleh Kerajaan Inklusif Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar.

Sesungguhnya, tiada pihak yang terpinggir atau terbiar dari menikmati hasil agenda pembangunan negeri Pahang. Seperti pelbagai bantuan pendidikan termasuk bantuan pada rumah ibadat, bantuan sempena perayaan, bantuan keusahawanan, bantuan kebajikan dan banyak lagi yang disalurkan kepada masyarakat India. Saya tidak nafi, memang terbaik Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar. [Ahli Dewan menepuk meja]

Saya mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan beberapa aspirasi khusus masyarakat India negeri Pahang, untuk perhatian dan pertimbangan Kerajaan Negeri. Lebih-lebih lagi ketika pembentangan belanjawan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, secara spesifik beliau telah menyatakan bahawa isu tentang kemiskinan kaum India dan beberapa program telah dilaksanakan di peringkat persekutuan untuk kepentingan kaum India.

Antara yang kita harus beri perhatian, saya harap daripada Kerajaan Negeri, peluang kerjaya sektor Perkhidmatan Awam Negeri dan Majlis Tempatan, adalah menjadi harapan kaum India agar peluang kerjaya di sektor Perkhidmatan Awam Negeri serta Majlis Berkuasa Tempatan dapat dipertingkatkan untuk permohon yang berkelayakan. Satu mekanisme khusus perlu diwujudkan untuk memantau pengambilan kakitangan daripada masyarakat kaum India.

Yang Ke-2, tapak tanah bagi pemindahan Sekolah Tamil dari kawasan luar bandar, memang sekolah-sekolah Tamil yang sedia ada ni kebanyakannya dalam kawasan ladang, *estate*. Berlaku penghijrahan besar-besaran daripada *estate* ke kawasan bandar menyebabkan er… masyarakat India yang tinggal di kawasan ladang ini sudah berkurangan. Maka banyak yang menetap di kawasan pinggir bandar atau bandar menyebabkan sekolah-sekolah ini mengalami kekurangan murid.

Rekod menunjukkan bahawa terdapat 31 buah sekolah Tamil di negeri Pahang adalah di bawah kategori sekolah kurang murid. Migrasi masyarakat luar bandar seperti dari *estate* ke bandar adalah antara faktor yang mencetuskan isu sekolah kurang murid. Pemindahan sekolah terbabit ke lokasi strategik baru di kawasan bandar ataupun Taman Perumahan dapat menyelesaikan isu sekolah kurang murid. Walaupun bukan semua, tetapi yang berpotensi, maka saya mohon tindakan Kerajaan Negeri bagi membantu usaha sedemikian dengan mengenal pasti dan menyediakan tapak tanah yang sesuai.

Yang ke-3, penyertaan dalam rancangan tanah pertanian, mejoriti kaum India satu ketika dulu, memang berkecimpung di dalam sektor perladangan, pertanian dan penternakan. Saya sendiri merupakan anak daripada *estate* jugalah, dari kawasan Karak. Terdapat ramai *agripreneur* termasuk dari kaum India yang mampu menjayakan projek pertanian dan perladangan dan penternakan jika diberi peluang dan bimbingan. Maka saya mencadangkan agar Kerajaan Negeri memperbanyakkan lagi Rancangan Tanah Pertanian Perladangan, skala kecil dan besar ke arah meningkatkan penyertaan *agripreneur*. Sektor ini terbukti salah satu penyumbang ekonomi negeri dan negara.

Yang Berhormat er... Timbalan Speaker,

Apa yang saya sampaikan ini adalah apa yang telah disampaikan kepada saya untuk sampaikan dalam Dewan Yang Mulia ini. Harap diberi pertimbangan, akhir kata tahniah dan terima kasih diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar dan Kerajaan Negeri, di atas segala usaha memacu pembangunan,

kemakmuran dan kesejahteraan negeri Pahang, dan rakyatnya. Maju terus Pahang. Sekian, terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Ahli Yang Berhormat kawasan Sabai. Seterusnya saya menjemput Ahli Yang Berhormat Kawasan Panching.

YB TUAN MOHD TARMIZI BIN YAHAYA

Assalamulaikum WBT dan selamat petang. Timbalan Yang di-Pertua, pertamanya saya mengucapkan terima kasih di atas kebenaran mengizinkan saya untuk bersama-sama berbahas ucapan perasmian ucapan Pemangku Raja Pahang. Kesempatan ini juga mengucapkan tahniah Menteri Besar, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan er... pada kesempatan yang ada ini, suka untuk saya menyentuh beberapa perkara yang telah juga dibangkitkan dalam ucapan perasmian Pemangku Raja Pahang.

Timbalan Yang di-Pertua,

Pertamanya, suka saya bangkitkan berkenaan dengan fasiliti kampung-kampung yang mana telah dibina perumahan-perumahan baru di atas tanah-tanah lot orang kampung. Di mana perumahan-perumahan yang ada yang dibina kita lihat er... baik untuk menambah bilangan penduduk sebuah kampung. Cuma er... pembinaan perumahan tersebut tidak diikuti dengan penambahbaikan er... seperti penaiktarafan, jalan, saliran dan longkang serta juga pengurusan sampah. Ini saya dah bangkit dalam penggal yang lepas.

Cuma saya kira hari ini banyak sekali kampung-kampung pinggir bandar yang dibina er... perumahan-perumahan dan serba sedikit memberi masalah kepada penduduk-penduduk kampong terutamanya masalah lalu lintas. Kalau di tempat saya duduk di Permatang Badak contohnya, hari ini di antara jalan utama juga sebagai jalan alternatif. Pada waktu pagi sebahagian daripada mereka yang menuju ke tempat kerja, mengambil jalan alternatif, memilih jalan kampung dan mula berlaku kesesakan. Begitu juga perumahan-perumahan yang dibina, kita lihat ada yang hanya menyalurkan air ke longkang-longkang tanah dan menyebabkan berlakunya longkang yang tersumbat, pencemaran air dan sebagainya dan sangat tidak memberi keselesaan kepada penduduk-penduduk kampung terutamanya.

Saya kira perlu ada rancangan yang baik daripada pihak kerajaan terutama daripada Majlis Bandaraya terutamanya untuk melihat bila mana diberikan keizinan, kebenaran merancang, membina sesebuah taman mestilah juga dinaiktarafkan er... kemudahan-kemudahan seperti yang disebut tadi terutamanya jalan yang sangat sempit jalan kampung mesti dilihat kembali, pengurusan sampah orang kampung dia tak ada tempat buang sampah sebagaimana taman, sedangkan tanah-tanah lot telah banyak dibina rumah dan sebagainya. Begitu juga yang paling ketara sekali ialah aliran air longkang yang mesti diuruskan dengan sebaik-baiknya.

Saya juga dulu pernah mencadangkan supaya kawasan-kawasan padat perumahan mestilah juga diadakan tempat untuk er… takungan-takungan air kumbahan sebelum dialirkan ke longkang-longkang besar yang kita lihat sebahagian kampung yang menerima er... kedatangan air-air lembah ini membawa bau yang sangat busuk pada waktu pagi.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Petua,

Perkara ke-2 yang ingin saya bangkitkan adalah berkenaan dengan isu capaian internet yang masih lagi dilihat tidak er... masih lagi dilihat agak teruk di kawasan-kawasan luar bandar. Kalau kita lihat dalam pada tahun 2020 kalau tak silap saya, telah dinyatakan bahawa akan dibina 224 menara, 224 menara yang dijangka siap pada tahun 2020 dan kalau kita lihat maklumat yang disebutkan dalam hasil daripada pembinaan… menara ini baru siap 26 menara sehingga Ogos 2020. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, baki sebanyak 218 lagi menara, bagaimanakah perkembangannya dan berapakah peratus rangkaian 5G yang telah berjaya kita naik taraf di dalam negeri Pahang?

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua,

Saya juga ingin membangkitkan isu kerosakan jalan raya yang saya kira kita di Pahang terutamanya di Kuantan kalau kita lihat netizen-netizen gelarkan kita sebagai Darul Lubang yang agak mengaibkan kita. Baru-baru ni saya ada juga melalui jalan Jabor untuk masuk ke lebuh raya pusingan tu, *roundabout* tu, sangat-sangat teruk jalan dia er... ketika mana saya nak pergi ke Terengganu, melalui jalan tersebut sangat-sangat teruk dan saya kira jalan-jalan ni yang merupakan jalan masuk ke bandar, pekan utama kita ni mesti dilihat dan diambil kira dengan sebaik-baiknya bukan sekadar kita tampal seketika tetapi perlu dibuat penyelesaian yang sebaik-baiknya.

Saya juga membangkitkan isu kesesakan lalu lintas yang sangat teruk di beberapa *traffic light*, terutamanya di Bukit Rangin, di Semambu, di JUPEM, di Tanjung Lumpur yang sangat er... menimbulkan keresahan di kalangan pemandu-pemandu, terutamanya pada waktu petang. Cuma saya dimaklumkan, kita telah melaksanakan penggunaan lampu isyarat pintar di tempat-tempat yang sesak. Oleh yang demikian, saya ingin memohon sejauh manakah kejayaan kita menggunakan lampu isyarat pintar ini? Adakah telahpun mengurangkan kesakan lalu lintas ataupun penggunaan lampu isyarat tersebut masih lagi gagal untuk kita mengurangkan kesesakan di tempat-tempat yang sangat teruk pada...

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Soalan tu bagus sekalilah daripada Panching. Jadi untuk makluman daripada Panching, bahawa kita sedang berbincang untuk mencari jalan ataupun mengkaji atau mencuba sistem *traffic light* pintar ini. Belum lagi, tak ada lagi yang pasang. Jadi kita, kalau boleh kalau sistem itu kita bincangkan kita berjaya, insya-Allah kita akan cuba cari jalan keluar untuk mengatasi kesesakan lalu lintas ini untuk lampu pintar itu.

YB TUAN MOHD TARMIZI BIN YAHAYA

Okey, terima kasih EXCO, saya harap kajian nanti kita dapat selesaikan insya-Allah, masalah.

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Insya-Allah kita... demi untuk kebaikan rakyat ini Kerajaan Negeri sentiasa dalam perbincangan bersama EXCO-EXCO, Mesyuarat EXCO Kerajaan Negeri pun sentiasa berbincang perkara-perkara yang berkaitan dengan rakyat ini, kemudahan kepada rakyat akan diberikan keutamaan, insya-Allah.

YB DATO' SRI JOHARI BIN HARUN

Yang Berhormat Timbalan Speaker,

Saya mohon mencelah sedikit, nak ke belakang sikit. Yang Berhormat Panching, berkaitan dengan perumahan tadi, boleh tak Yang Berhormat spesifikkan perumahan mana yang dikatakan bermasalah. Saya bimbang apa Yang Berhormat menyatakan tadi itu secara rambang yang memberi satu *signal* bahawa Kerajaan Negeri seolah-olah tak cakna ataupun orang kata apa, tak teratur. Jadi mungkin kalau dapat, dinyatakan perumahan-perumahan di mana sebab setakat hari ini, mana-mana projek perumahan sangat ketat dari segi nak meluluskan kebenaran merancang tu, jadi saya minta Yang Berhormat spesifikkan di mana, macam contoh tadi maknanya kumbahan tadi tu tak ada ataupun air-air yang longkang tu pergi kepada apa tempat yang berbau dan sebagainya.

Jadi nanti minta Yang Berhormat spesifikkan di mana dan mungkin kita boleh ambil tindakan, tapi kalau kita nak buat secara rambang sahaja Yang Berhormat Timbalan Speaker, bahawa kita nampak *signal* yang tak berapa kena sebab sedangkan PBT, pemaju sangat orang kata apa macam er... mengeluh tentang ketatnya peraturan yang dikenakan untuk meluluskan kebenaran merancang bagi satu-satu projek perumahan itu sendiri. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker.

YB TUAN MOHD TARMIZI BIN YAHAYA

Terima kasih, Yang Berhormat EXCO. Er... perumahan-perumahan yang saya sebutkan tadi banyak juga… ada. Kalau saya duduk di Pematang Badak memang ada perumahan itu dan kalau YB EXCO bercadang untuk melawat saya sedia untuk bawa. Ada perumahan yang saya melawat yang longkang, bukan longkang kecil, longkang besar keluar daripada pagar ini ada longkang besar yang sekiranya dibuka tempat penutup tu lebih daripada separuh kita kedalaman dia tadi dan setiap kali musim banjir maka akan berlaku sekatan air dan menyebabkan banjir. Saya kira kalau YB EXCO ada bercadang untuk melawat boleh berhubung dengan saya dan insya-Allah saya akan boleh bawa untuk kita lihat terutamanya yang saya sebut tadi longkang-longkang yang airnya hanya pergi kepada longkang-longkang tanah sahaja.

YB DATO' SRI JOHARI BIN HARUN

Timbalan Speaker, boleh. Saya memang sangat suka untuk pergi meninjau masalah-masalah yang dikemukakan ini. Sebagai contoh, di Tanjung Lumpur. Yang Berhormat Kuala Sentul bagitahu tadi. Jadi saya perlukan kalau boleh masa ini, suasana ini, kepada mungkin semua sekalian Yang Berhormat, kita spesifik dan saya memang sedia. Kerajaan Negeri hari ni memang kita sangat bersedia untuk melihat secara dekatlah apa juga masalah yang dikemukakan, insya-Allah. Terima kasih Timbalan Speaker.

YB TUAN MOHD TARMIZI BIN YAHAYA

Timbalan Yang di-Pertua,

Saya ucap terima kasih. Tahniah Yang Berhormat EXCO. Yang ini yang kita nak dengar sebenarnya daripada Yang Berhormat EXCO. Penglibatan EXCO untuk turun padang untuk melihat menyelesaikan masalah rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua,

Saya juga mohon kepada Kerajaan Negeri untuk melibatkan terutamanya YB-YB daripada pembangkang dalam Mesyuarat JKTD daerah-daerah. Saya dimaklumkan dah ada daerah yang jemput. Baru-baru ni di Jerantut, jemput tapi di Kuantan belum ada, mungkin belum ada mesyuarat.

Dan saya kira mesyuarat ini tidak ada apa-apa kepentingan politik melainkan kita dapat berkongsi masalah rakyat yang dapat disegerakan penyelesaian. Kalau YB pembangkang kita nak tunggu er... kalau YB lain ini kita nak tunggu sidang DUN baru kita nak bangkitkan isu, *so* dia akan jadi banyak isu yang kita bangkit, dah tak cukup masa. Tetapi dengan ada Mesyuarat JKTD dan kita jemput dan ini peluang untuk kita bersama-bersama berkongsi masalah yang dibangkitkan rakyat untuk kita kongsikan kepada agensi-agensi daripada kerajaan.

Saya juga mohon penjelasan daripada pihak kerajaan berkenaan dengan penggunaan bangunan-bangunan kerajaan, sejauh manakah keizinan untuk kita menggunakan dewan, bangunan, dewan orang ramai contohnya, adakah penggunaan terhad kepada program kerajaan, parti ataupun program umum sebab sebelum pada ini ada daripada kalangan kami yang menempah tetapi dibatalkan pada penghujung-penghujung masa menyebabkan menjadi sukar kepada kita untuk mencari tempat lain.

Timbalan Yang di-Pertua,

Saya juga mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan di atas kejayaan membina rumah RRP, rumah percuma kepada rakyat Pahang. Suatu inisiatif yang sangat baik dan juga dibangkitkan oleh Pemangku Raja Pahang. Cuma, antara perkara yang saya kira perlu juga diambil kira oleh kerajaan ialah kualiti rumah yang dibina.

Saya ambil contoh ada rumah yang dibina di kawasan saya yang sangat teruk strukturnya. Sebelum masuk ini dah ada keretakan yang sangat teruk yang boleh membahayakan kepada penghuninya. Ini saya kira kalau mana-mana EXCO yang terlibat yang nak tengok saya boleh bawa ke kediaman ini yang kita rasa bahaya.

YB TUAN SIM CHON SIANG

Minta celah… minta celah. Kalau ini bawah *portfolio* saya. YB boleh *call* saya, kita turun. Kita turun bersama.

YB TUAN MOHD TARMIZI BIN YAHAYA

Yes, steady... steady EXCO. Ini yang kita nak, insya-Allah. Saya akan bagi maklumat nanti insya-Allah. Yang keduanya tentang rumah RRP, pada tahun lepas kita lihat...

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli Yang Berhormat… Ahli Yang Berhormat, gulung ya. Masa dah sampai.

YB TUAN MOHD TARMIZI BIN YAHAYA

Pada tahun lepas, pelaksanaan rumah RRP ini tiada. Terutama di DUN sayalah. Dan kalau boleh saya nak dapat penjelasan daripada pihak kerajaan kenapa tahun lepas tidak ada pembinaan rumah RRP?

Tuan Timbalan Yang di-Pertua,

Pada petang ini juga, saya juga nak menyebut tentang satu perkara yang bagi saya agak mengguris juga hati saya. Tentang perkara yang kita bincangkan semalam tentang peruntukan. Tetapi keadaan itu dah berjaya ditenangkan oleh Menteri Besar. Menteri Besar dah sebut akan menjunjung titah Tuanku.

Cumanya saya lihat ada daripada kalangan EXCO kita menaikkan *posting*nya di *Facebook*nya, saya sebut sikit YB Dong. Dia pun tak ada, memang saya ingat dia ada tadi yang membangkitkan isu berkenaan. Kita sebenarnya ada lagi maklumat tambahan tapi bila... walaupun ada maklumat tetapi kerana kita meraikan besar jiwa Menteri Besar *so* kita diamkan isu ini, Timbalan Yang di-Pertua. *So* saya harap kita nak EXCO-EXCO yang macam tadi. Jadi EXCO ini dia pemimpin masyarakat kalau boleh *posting-posting* sampah ini biarlah ditulis oleh *cyber trooper* kitalah, bukan ditulis oleh pemimpin yang menjadi panduan di *page* berkenaan.

Jadi saya harap perkara ni tak akan berlaku lagi lah supaya walaupun kita tak bersama tetapi kita masih lagi boleh bekerjasama dan kita pernah rasa seronok duduk dalam muafakat seketika dan mungkin lepas ini 3, 4 bulan mungkin kita berpakat semula. Wallahulalam, ini kerja Allah Ta'ala belaka, kita tak tahu [Ahli Dewan menepuk meja]. Jadi saya kata sekadar itu saja ucapan saya pada petang ni, Timbalan Yang di-Pertua. Saya dengan ini menyokong ucapan perasmian Pemangku Raja Pahang. Sekian.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih, Ahli Yang Berhormat kawasan Pancing. Seterusnya, saya menjemput Ahli Yang Berhormat kawasan Tahan.

YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Timbalan Yang di-Pertua. Yang saya hormati, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, barisan EXCO, rakan-rakan Ahli Dewan, tak lupa juga kepada Ketua-ketua Jabatan dan pegawai-pegawai pemerhati. Terima kasih juga saya ucapkan kepada Yang di-Pertua… Timbalan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang dan juga kesempatan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam ucapan menjunjung kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang.

Timbalan Yang di-Pertua,

Saya menjunjung kasih di atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang ketika menyempurnakan Istiadat Pembukaan Dewan Negeri Pahang pada hari Isnin yang lalu. Sekurang-kurangnya ada 3 perkara penting yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang menarik perhatian saya iaitu soal penjagaan alam sekitar, penyediaan jalan raya yang baik untuk rakyat dan juga soal kebajikan masyarakat Orang Asal ataupun Orang Asli.

Timbalan Yang di-Pertua,

Pada penggal yang lepas, pada penggal ini dan dalam banyak acara dan program yang lain Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang secara konsisten memperingatkan kita tentang betapa pentingnya memelihara kelestarian alam sekitar walaupun dalam keadaan kita ingin membina kemajuan bagi negeri. Kita semua menyedari bahawa kehidupan manusia dan makhluk yang lain di dunia ini banyak bergantung dengan alam persekitaran. Allah SWT menciptakan manusia dengan

melengkapkan keperluan asas bagi membantu kita bertindak sebagai hamba yang ditugaskan untuk memakmurkan alam ini.

YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Allah SWT berfirman dalam Al-Quran, (Bacaan ayat Al-Quran) maksudnya, "dan kepada kaum Samud, kami utuskan saudara mereka, Soleh. Dia berkata, wahai kaumku, sembahlah kamu akan Allah. Sebenarnya tiada Tuhan bagi kamu selain daripadaNya. Dialah yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi serta menghendaki kamu memakmurkannya. Oleh itu, mintalah ampun kepada Allah dari perbuatan syirik, kemudian kembalilah kepadanya dengan taat dan tauhid. Sesungguhnya, Tuhan ku sentiasa dekat lagi sentiasa memperkenankan permohonan hambaNya".

Ayat ini menunjukkan konsep hidup yang dinamakan amanah. Selain tujuan beribadah kepada Allah SWT, manusia dihidupkan untuk memakmurkan bumi ini dengan segala bentuk kebaikan. Konsep ini sudah diperkatakan sejak zaman awal peradaban manusia lagi. Tanggungjawab memakmurkan bumi bukan terhad kepada pembangunan materialistik semata-mata. Sebaliknya membabitkan amanah memelihara alam yang didiami hampir keseluruhan makhluk bernyawa ciptaan Allah SWT, kerana kita dan alam sekitar saling perlu memerlukan antara satu sama lain.

Timbalan Yang di-Pertua,

DUN Tahan yang saya wakili merupakan kawasan yang sangat luas berbanding dengan DUN-DUN yang lain. Sehinggakan hampir 75% keluasan daerah Jerantut itu sendiri berada di dalam DUN Tahan. Keluasan ini terdiri daripada hutan flora dan fauna terutamanya di Lembah Tembeling dan Taman Negara yang sekali gus menjadi pembekal kepada oksigen yang berkualiti. Dalam masa yang sama ia juga menjadi tempat pengeluaran kayu balak yang menjadi antara hasil utama Kerajaan Negeri. Saya difahamkan masih banyak tempat-tempat yang telah diluluskan sebelum ini tetapi masih belum lagi dibuat pengeluaran kayu.

Timbalan Yang di-Pertua,

Tanpa boleh disangkal dan kita nafikan, aktiviti pembalakan ini akan menyebabkan konflik antara manusia dan gajah yang telah dan sedang dihadapi oleh rakyat. Tidak akan menemui jalan penyelesaian. Aktiviti pertanian yang mereka usahakan musnah tanpa adanya sebarang pampasan dan mereka juga hidup dalam keadaan ketakutan jika gajah-gajah ini menghampiri kampung dan juga kediaman mereka. Mutakhir ini, ancaman kera pula kepada sektor pertanian juga semakin menjadi-jadi. Tanaman jagung, pisang dan lain-lain juga dirosakkan.

Kemunculan kera berskala besar berhampiran kediaman juga menakutkan penduduk, dan ada antaranya telah memasuki rumah-rumah penduduk. Saya merasakan perlunya penyelesaian segera dituntas bagi perkara ini. Ada negeri yang hadapi ancaman burung gagak. Mereka atasinya dengan cara membuat pelupusan iaitu dengan cara menembak. Bagi masalah kera ini, kalau kita tahan perangkap, bagi saya tidak akan memadai. Banyak mana perangkap yang kita nak sediakan? Setelah kita tangkap, apa yang kita buat?

Setakat yang saya tahu, contohnya kalau ditangkap kera di Bera, kera itu akan dipindahkan dan juga dilepaskan ke Jerantut pula. Tak selesai. Di Bera selesai, di

Jerantut tiba masalah pula. Kalau kita nak buat pelupusan, kita akan hadapi pula tentangan dan kecaman daripada para pencinta haiwan.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Tuan Yang di-Pertua, lepas tu kera Bera tu dia kelahi pulok dengan kera Jerantut. Betul dak?

YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Mungkinlah. Kalau kita nak buat pelupusan, kita akan menghadapi pula tentangan dan kecaman daripada para pencinta haiwan. Sedangkan mereka tiada kebun tanaman dan tiada risiko hadapi kerugian daripada ancaman kera-kera ini. Jadi saya harap pihak kerajaan dan pihak yang bertanggungjawab perlu memikirkan satu mekanisme yang terbaik untuk atasi apa yang sedang berlaku demi kemakmuran rakyat kita.

Timbalan Yang di-Pertua,

Isu kerosakan jalan juga ingin saya bangkitkan. Jalan penghubung ke 5 buah kampung di Ulu Tembeling rosak teruk akibat mendapan dan cerunnya runtuh walaupun peruntukan baik pulih telah pun diluluskan dan diberikan serta kerja-kerja baik pulih sedang dibuat di sesetengah tempat, dan baru hendak dimulakan di sesetengah tempat yang lain. Namun kerosakan seperti jalan yang berlubang perlu ditampal.

Sehinggakan ada sesetengah tempat, lubang yang ada di tengah jalan itu terlalu banyak. Sehinggakan tiada ruang untuk kita mengelak. Keadaan ini menyebabkan timbul rasa tidak selesa di kalangan penduduk setempat dan membahayakan mereka. Di samping membahayakan juga kepada pengguna-pengguna luar di kalangan pelancong yang ingin melakukan aktiviti pelancongan di Kampung Pagi, Kampung Kuala Sat, Kampung Bantal, Kampung Bukit Mat Daling dan juga Kampung Gusai.

Dalam masa yang sama, lori-lori balak bertali arus melalui jalan ini dengan bebanan yang berat. Ia juga menjadi penyumbang kepada kerosakan berterusan kepada jalan ini. Saya mencadangkan agar pihak Kerajaan Negeri perlu mensyaratkan kepada pihak tauke-tauke balak ini agar mereka juga mengambil bahagian bagi membantu membaik pulih dengan menampal jalan-jalan yang pecah dan berlubang ini melalui projek CSR mereka termasuklah jalan-jalan lain yang mereka lalui.

Dato' Sri… Timbalan Yang di-Pertua,

Masalah garisan putih di kiri kanan, di tengah jalan yang pudar dan hilang juga perlu diberikan perhatian. Laluan daripada Kuala Tahan ke Jerantut Feri antara lokasi yang menghadapi masalah ini di sesetengah tempat. Ianya sangat membahayakan pengguna terutama di waktu malam dan dalam keadaan hujan.

Timbalan Yang di-Pertua,

Ada cerun yang runtuh di laluan menuju ke FELDA Padang Piol yang sehingga kini masih belum dibaiki. Walaupun ianya telah berlaku lebih daripada setahun yang lalu. Saya difahamkan pihak JKR Jerantut telah membuat permohonan untuk baik pulih cerun ini pada April 2022, Oktober 2022 dan November 2022. Persoalannya, apakah status permohonan ini? Laluan ini merupakan laluan utama yang dilalui oleh penduduk daripada 18 buah JPKK yang melibatkan nyawa lebih kurang 20,000 orang lebih. Di samping ia juga menjadi laluan utama ke kawasan pelancongan Taman Negara, Kuala

Tahan. Saya harap perkara ini dapat diberikan perhatian yang serius sebelum berlakunya kejadian yang tidak diingini.

Saya juga ingin menyentuh berkaitan laluan Jerantut-Kuala Lipis. Secara spesifiknya di kawasan yang dinamakan Bukit Atap. Kawasan ini sering berlaku kemalangan akibat daripada lori-lori besar yang gagal mendaki bukit ini. Sering kali berlaku kejadian lori terbalik dan melintangi… melintangi laluan ini yang menyebabkan pengguna terpaksa berpatah balik dan menggunakan laluan yang lebih jauh untuk sampai ke destinasi mereka.

Pada 20 Februari yang lalu sebagai contoh, berlakunya kejadian sebuah lori yang membawa muatan batu, gagal mendaki bukit tersebut dan terundur serta merempuh 6 buah kenderaan yang lain yang berada di belakangnya. Alhamdulillah, tiada sebarang jiwa, tiada sebarang kemalangan jiwa berlaku. Saya difahamkan cadangan untuk naik taraf laluan ini telah diangkat sejak RMKe-7 lagi. Namun sehingga kini belum ada khabar berita. Saya mohon sangat agar perkara ini diberikan perhatian segera dan satu penyelesaian alternatif perlu difikirkan.

Timbalan Yang di-Pertua,

Saya seperti rakan-rakan ADUN yang lain sama ada daripada blok kerajaan mahupun pembangkang ingin menyebut juga masalah bekalan air. Saya sangat menghargai usaha-usaha yang sedang dijalankan oleh pihak kerajaan bagi menyelesaikan perkara ini. Saya juga bersyukur kepada Allah SWT di atas peruntukan lebih kurang RM5 juta yang telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan bagi menyalurkan bekalan air bersih ke Kampung Tanah Pindah, Bukit Mat Daling. Kerja-kerja untuk mengenal pasti jajaran jalan dan paip sedang dirangka dan juga dilaksanakan.

Namun perlu disedari juga, masih ada kampung-kampung di dalam DUN Tahan yang masih bergantung kepada bekalan air bukit 100% seperti Kampung Kuala Sat, Kampung Pagi dan juga Kampung Batu Balak. Justeru, saya mengharapkan agar aktiviti pengeluaran kayu balak dan aktiviti pembukaan ladang yang hendak dibuat tidak akan menjejaskan sumber air penduduk yang terbabit. Kawasan-kawasan tadahan air tidak boleh diluluskan untuk sebarang aktiviti pembalakan dan juga sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua,

Masyarakat Orang Asli adalah sebahagian daripada kita. Penubuhan Majlis Penasihat Orang Asli …

YB YANG DIPERTUA DEWAN

Yang Berhormat, sila gulung ya.

YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Sikit lagi ya. Penubuhan Majlis Penasihat Orang Asli sebagaimana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku amat saya alu-alukan. Usaha bagi meningkatkan taraf hidup dan pendapatan mereka secara lestari perlu kita usahakan. Pergantungan mereka kepada hasil hutan kini semakin mengecil, memerlukan penyelesaian seperti penyediaan ladang sawit dan getah kepada mereka seperti yang dibuat di beberapa penempatan di kawasan Lipis. Isu pemilikan sijil lahir dan kad pengenalan mereka juga mestilah kita usahakan secara lebih agresif dan bersepadu.

Ketiadaan dokumen ini akan menyebabkan kesulitan dalam banyak urusan termasuk soal bantuan daripada KPM bagi anak- anak mereka yang sedang telah mula terlibat dengan kelas-kelas persekolahan di Sekolah-sekolah Kebangsaan seperti bantuan KWAM dan juga bantuan awal persekolahan. Terima kasih saya ucapkan kepada pihak JAKWA, JPN dan beberapa NGO seperti *Bird Group* Taman Negara dan Sahabat Jariah yang telah berusaha membawa dan menempatkan anak-anak Orang Asli ini ke sekolah-sekolah dan ini sekali gus akan dapat merubah cara pemikiran, kehidupan dan juga sosioekonomi mereka pada masa akan datang, insya-Allah.

Timbalan Yang di-Pertua untuk akhirnya, saya merakamkan ucapan tahniah kepada Kerajaan Negeri yang telah berusaha bagi memastikan rakyat negeri Pahang memiliki rumah seperti mewujudkan Projek PR1MA Pahang, Rumah Makmur, Rumah Pahang dan yang paling menjadi rebutan sekarang ini ialah Rumah Rakyat Pahang (RRP) kerana ia diberikan secara percuma. Namun bagi rumah RRP ini, saya mengharapkan pengagihannya bukan sahaja dipandang dari sudut kelayakan tetapi juga dari sudut keutamaan. Ada yang layak tapi bukan perlu diberikan keutamaan. Sebagai contoh, ada 2 orang yang layak. Seorang bujang dan seorang lagi telah berkeluarga dan ada anak-anak. Maka bagi saya, yang berkeluarga inilah yang perlu kita pilih. Saya juga mengharapkan agar pandangan dan saranan serta cadangan daripada para Penghulu juga perlu diberikan perhatian dalam kita mengagihkan rumah RRP.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Mohon mencelah YB

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin memaklumkan di Dewan Yang Mulia ini bahawa pengerusi pemilihan untuk Jawatankuasa Rumah Rakyat Pahang adalah Tuan Pegawai Daerah dan juga Ahli-ahli Jawatankuasa yang lain. Dan memang kita selalu berpesan pastikan yang menerima itu adalah yang benar- benar layak. Jangan yang tak layak dapat ataupun yang layak dapat. Pastikan yang benar-benar layak dapat. Sehingga sekarang ni saya dapati tidak ada aduan sampai ke pengetahuan saya. Cuma yang saya terima ialah masih belum dapat. Kita kena ingat 2019 setiap ADUN hanya kawasan ADUN cuma 2 buah rumah sahaja Rumah Rakyat Pahang. Kemudian naik kepada 4 buah, naik kepada 6 buah, akhirnya kepada 8 buah.

Jadi insya-Allah, kalau sekiranya kedudukan kewangan negeri bertambah baik, bertambah kukuh, mungkin kita akan tambahkan lagi. Jadi daripada segi pemilihan Rumah Rakyat Pahang ini, bukan EXCO yang jadi pengerusi ataupun EXCO Perumahan ataupun Wakil Rakyat kawasan. Ianya dipengerusikan oleh Tuan Pegawai Daerah yang ada hak untuk memilih siapa saja yang difikirkan layak. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Terima kasih kepada Dato' Sri Menteri Besar. Cuma apabila saya sebut tadi berkenaan dengan kelayakan dan keutamaan antara yang bujang dan juga yang telah

berkeluarga. Saya menyebut perkara ini kerana perkara ini berlaku di tempat saya, dalam DUN saya. Ada mereka yang tidak berkeluarga dapat rumah RRP. Sedangkan bagi saya keutamaan mesti diberikan kepada orang-orang yang telah berkeluarga.

Akhirnya, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhomat Dato' Sri Wan Rosdy Wan Ismail yang sekali lagi telah dilantik sebagai Menteri Besar Pahang bagi Penggal yang ke-15. Tahniah juga kepada Yang Berhormat Dato' Sri Speaker dan Timbalannya atas pelantikan sebagai Yang di-Pertua Dewan. Tahniah juga buat semua rakan-rakan ADUN yang diberikan kepercayaan oleh rakyat di tempat masing-masing bagi mewakili suara mereka pada PRU yang lalu. Marilah kita beriltizam untuk menunaikan amanah ini dan kepercayaan yang telah diberikan ini dengan sebaik mungkin.

Penghargaan dan terima kasih juga buat semua Ketua-ketua Jabatan di peringkat negeri dan daerah khususnya daerah Jerantut yang diketuai oleh Pegawai Daerahnya Dato' Khairunnissa Aris yang telah memberikan kerjasama kepada saya pada penggal yang lalu dan diharapkan kerjasama ini akan dapat kita teruskan dengan lebih baik pada penggal ini dan pada penggal-penggal yang akan datang.

Saya juga nak mengambil kesempatan untuk mengajak semua Ahli Dewan untuk kita tepuklah sedikit sebagai tanda ucapan selamat hari lahir kepada Dato' Pegawai Daerah Jerantut [Ahli Dewan menepuk meja] yang telah menyambut hari lahirnya yang ke-18 kata dia pada saya pada hari Ahad yang lalu 7 hari bulan. Akhirnya saya dengan ini mohon menyokong.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yelah, kami ikut permintaan Ahli-ahli Kerajaan. Sila, minta Ahli Yang Berhormat Tahan bacakan doa.

YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Bacaan Doa. (Bacaan ayat Al-Quran)

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Ahli Yang Berhormat Tahan. Seterusnya saya menjemput Ahli Yang Berhormat Kawasan Tanah Rata. Sila.

YB TUAN HO CHI YANG

Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan, salam sejahtera. Saya merakamkan ucapan menjunjung kasih ke atas Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang. Saya ingin ambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar atas perlantikan kali ke-2 untuk menjawat jawatan Menteri Besar dan juga barisan EXCO Kerajaan. Saya juga amat berasa bangga dan bertuah kerana kawasan saya sebenarnya bersebelahan dengan kawasan Yang Amat Berhormat kawasan Jelai, di bawah kawasan Parlimen yang sama.

Pertama sekali ingin saya bangkitkan di Dewan Yang Mulia ini, isu pertanian dan khususnya isu tanah pertanian di Cameron Highlands. Cameron Highlands merupakan satu pusat peranginan tanah tinggi yang menjadi tarikan pelancong serta

juga merupakan satu pusat penanaman pertanian tanah tinggi yang terkenal bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di luar negara. Berdasarkan Draf Rancangan Tempatan Cameron Highlands, peratus guna tanah untuk tujuan pertanian di daerah ini adalah 7,508.28 hektar atau 10.54% daripada keseluruhan keluasan daerah. 47.6% guna tenaga di daerah ini adalah terlibat dalam sektor primer khususnya Industri Pertanian. Dengan kata lain, hampir separuh tenaga kerja di daerah Cameron Highlands terlibat dalam sektor pertanian. Walau bagaimanapun terdapat kekangan dalam sektor pertanian yang sedikit sebanyak menjadi penghalang kepada pekebun daripada meningkatkan tahap pertanian dan mengamalkan aktiviti pertanian mantan dan lestari.

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak tahun 2020, para pekebun Cameron Highlands yang selama ini diberi Lesen Pendudukan Sementara (LPS) untuk bercucuk tanam telah ditawarkan sewaan berdaftar yang dikeluarkan oleh Pahang Corporation SDN BHD. Kadar sewaan baharu yang telah ditetapkan adalah sebanyak RM4,500.00 seekar setahun manakala tempoh sewaan adalah selama 3 tahun dengan opsyen penyambungan selama 2 tahun. Di sini saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Pihak Kerajaan kerana menawarkan tempoh sewaan selama 3 + 2 tahun yang lebih panjang dan lebih menjamin berbanding dengan tempoh setahun yang dahulu ditawarkan dalam melalui Lesen Pendudukan Sementara (LPS) sebelum tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua,

Kadar sewaan yang baharu sebanyak RM4,500.00 seekar setahun sebenarnya agak tinggi dan membebankan para pekebun Cameron Highlands khususnya pekebun kecil. Hal ini demikian kerana jika kita lihat kadar LPS sebelum tahun 2020 yang berserta dengan kadar sumber air ia berjumlah RM884.00 seekar manakala kadar sewaan sekarang adalah RM4,500.00. Jadi peningkatan dia adalah hampir sebanyak 500%.

Maka kebanyakan terutamanya pekebun berskala kecil masih perlu mendepani pelbagai cabaran sektor pertanian. Antaranya, harga sayur-sayuran di Cameron Highlands sebenarnya amat tidak stabil dan bergantung kepada pelbagai faktor, terutamanya cuaca.

Dengan kata lain, sektor pertanian ini seolah-olah amat bergantung pada nasib pekebun. Yang bernasib baik, mampu mendapatkan keuntungan. Manakala yang bernasib tidak baik, mungkin juga mengalami kerugian yang besar. Maka kita telah lihat bahawa sesetengah pekebun terpaksa membuang sayur disebabkan lambakan sayur pada bulan April untuk mengurangkan kerugian ataupun *cut loss*.

Saya faham bahawa Kerajaan Negeri perlu juga meningkatkan pungutan cukai ataupun hasil. Maka saya di sini ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri mewujudkan sinergi yang baik dengan Kerajaan Persekutuan membincangkan satu mekanisme, di mana sebahagian cukai pendapatan yang diperoleh daripada sektor pertanian dalam Cameron Highlands boleh disalurkan kepada Kerajaan Negeri Pahang. Dengan ini, Kerajaan Negeri Pahang bolehlah mengenakan cukai berdasarkan keuntungan pekebun dan meningkatkan hasil Kerajaan Negeri.

Pada masa yang sama, tempoh sewaan tanah sebanyak 3 tahun + 2 tahun. Walaupun telah panjang, tetapi masih tidak dapat memberi jaminan yang mencukupi kepada pekebun, kerana ada pekebun khuatir bahawa jika keselamatan pegangan tanah

ataupun *land continue security* tidak terjamin, kebanyakan daripada mereka akan risau dan tidak akan melaburkan modal dan masa untuk menggunakan kaedah dan teknologi yang lebih canggih demi meningkatkan tahap pertanian.

Oleh itu, saya amat berharap bahawa agar Yang Amat Berhormat dan Kerajaan Pahang dapat memberi pertimbangan untuk menurunkan kos sewaan tanah pertanian dan menawarkan tempoh sewaan tanah yang lebih panjang kepada pekebun di Cameron Highlands agar bersama-sama mewujudkan ekosistem sektor pertanian yang lebih stabil, meringankan beban dan risiko pertanian, memberi dorongan kepada pekebun untuk bersama-sama menuju ke arah pertanian lestari dan pertanian pintar, serta meningkatkan tahap keselamatan dan keterjaminan makanan.

Tuan Yang di-Pertua,

Seterusnya ingin saya bangkitkan dalam Dewan Yang Mulia ini, cadangan pewartaan melarang pemanduan dan penggunaan kenderaan barangan termasuk kenderaan sayur di atas sebahagian Laluan 59 iaitu Jalan Tapah-Cameron Highlands dari jam 10.00 pagi hingga 3.00 petang dari setiap hari Jumaat hingga Ahad termasuk hari kelepasan am dan cuti sekolah. Memandangkan terdapat banyak kebun di Cameron Highlands, rangkaian logistik sayuran di Cameron Highlands sebenarnya adalah amat rumit.

Maka gangguan masa akan menjejaskan masa perjalanan para pengusaha logistik yang diperlukan dan kemungkinan memudaratkan kualiti dan kesegaran sayur sayuran apabila tiba di pasaran nanti. Akhirnya, larangan kenderaan barang ini dikhuatiri akan mengurangkan bekalan sayuran di pasaran atau mungkin menyumbangkan kepada peningkatan harga sayuran disebabkan bekalan sayuran mungkin tidak mencukupi pada hujung minggu.

Saya sebenarnya telah juga mengemukakan cadangan alternatif kepada kerajaan bagi cuba mengurangkan kesesakan lalu lintas. Antaranya kita boleh menggunakan dengan sebaiknya tempat letak kereta swasta di er… *hotspot* kesesakan lalu lintas dalam Cameron Highlands terutamanya Kea Farm. Kita juga boleh contohnya hanya melaksanakan larangan kenderaan barangan terhadap kenderaan yang mengangkat *non essential* dan bukannya barangan *essential* untuk kita menjamin tahap keselamatan makanan dan jamin logistik er… makanan.

Maka saya dengan ikhlasnya, memohon Kerajaan Negeri untuk berbincang dengan kementerian-kementerian yang berkenaan untuk mengkaji semula larangan pemanduan kenderaan tersebut demi melindungi kepentingan semua pihak bukan sahaja pekebun sayur dan pengusaha logistik tetapi juga para pengguna di seluruh Malaysia yang berhasrat membeli sayur-sayuran yang segar dengan harga yang berpatutan setiap hari.

Tuan Yang di-Pertua,

Isu seterusnya yang ingin saya bangkitkan dalam Dewan Yang Mulia ini adalah isu pembangunan lestari di Cameron Highlands. Pada bulan Ogos sebuah syarikat telah diberikan permit kerja tanah untuk menjalankan kerja pembukaan tanah di atas bukit di mana jaraknya adalah tidak melebihi 1 kilometer dari Kampung Baru Kampung Raja. Akibat daripada pembukaan tanah tersebut yang tidak menepati standard dan tidak memperoleh kelulusan dalam kajian penilaian kesan alam sekitar atau EIA, banjir lumpur berlaku sebanyak beberapa kali sehingga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Agong juga berkenaan melawat ke Kampung Raja.

Walau bagaimanapun, saya ambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak kerajaan dan juga dan juga Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands kerana mengambil tindakan yang cepat dan cekap untuk mengambil langkah pencegahan. Cuma ada juga projek yang masih dalam dijalankan dan masih menunggu kelulusan daripada pihak kerajaan. Setakat ini saya juga difahamkan bahawa pemaju ataupun pemegang permit kerja tersebut masih belum memberi sebarang tawaran pampasan kepada para mangsa banjir.

Demi mengurangkan risiko pembangunan pada masa akan datang, saya menyeru bahawa projek-projek pembangunan di Cameron Highlands dan tanah tinggi, khususnya projek berskala besar, perlu memohon dan mendapat kelulusan EIA.

Selain itu, berlandaskan kepada prinsip ketelusan dan keterbukaan, laporan EIA tersebut haruslah diberi akses kepada orang ramai untuk sepanjang masa agar semua pihak berkepentingan termasuk penduduk tempatan boleh membaca dan memahami projek pembangunan yang berpotensi membawa impak sama ada positif atau mungkin impak negatif terhadap mereka. Ini juga membantu merealisasikan hasrat kerajaan dan juga menjunjung kasih ke atas Titah Diraja untuk menuju ke arah pembangunan lestari berlandaskan konsep ESG.

Tuan Yang di-Pertua,

Isu keempat yang saya ingin bangkitkan adalah kes banjir di Lembah Bertam, Cameron Highlands yang berlaku pada bulan Oktober 2013 yang telah meragut 5 nyawa dan mendatangkan kerugian harta-benda yang amat besar. 100 orang penduduk atau mangsa banjir telah berjaya dalam tuntutan saman kerana mahkamah tinggi telah mengenal pasti bahawa syarikat TNB selaku pemilik dan pengendali Empangan Sultan Abu Bakar bertanggungjawab kerana cuai sehingga menyebabkan banjir.

Pada bulan November 2019, Mahkamah Persekutuan telah menolak permohonan merayu pihak TNB. Tahun ini, Yang di-Pertua, adalah tahun ke-10 sejak tragedi banjir tersebut berlaku. Namun, penduduk dan mangsa banjir Lembah Bertam masih menunggu-nunggu keputusan terakhir kerana kedua-dua pihak sekarang masih berada dalam fasa penilaian kerosakan, *assessment of damage*.

Saya faham bahawa ini masih di mahkamah. Cuma saya ingin menyeru bahawa sebagai sebuah syarikat GLC yang amat mementingkan tanggungjawab sosial, korporat, CSR dan reputasi, TNB bolehlah mempercepatkan segala proses perundingan agar memberi pampasan kepada para mangsa dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk membincangkan isu peningkatan prestasi pentadbiran, *governance*. Saya ingin mengucapkan taniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri dan juga barisan EXCO atas kecekapan dan profesionalisme dalam menjalankan tugas dan mentadbir negeri. Saya di sini ingin mencadangkan kepada Dewan Yang Mulia ini untuk menubuhkan lebih banyak Jawatankuasa Pilihan Khas agar lebih ramai *backbenchers* dan Wakil-wakil Rakyat boleh terlibat dalam *governance* dalam pentadbiran untuk memberi idea dan pandangan yang lebih bernas dan menyumbang kepada peningkatan prestasi pentadbiran dan memperkasakan demokrasi.

Sebagai contoh, Kerajaan Persekutuan telah menubuhkan 10 Jawatankuasa Pilihan Khas seperti kewangan dan ekonomi, kesihatan, kos sara hidup dan pertanian dan sebagainya. Maka, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya juga ingin menyeru Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini umtuk bersama-sama menghayati dan menghargai kepelbagaian budaya, bahasa dan agama yang sememangnya merupakan aset unik dan asas kepada pembentukan masyarakat Malaysia yang majmuk dan berbilang kaum.

Antaranya, Kerajaan Pahang kini iaitu Kerajaan Perpaduan adalah salah-satu testimoni yang terbaik kepada pelbagai… kepelbagaian negeri yang terserlah. Maka kita perlulah memperkukuhkan lagi kepelbagaian demi mempertingkatkan perpaduan antara semua bangsa dan juga tanpa meringa… mengira kaum, agama dan bahasa. Nescayanya dengan memelihara dan memperkasa kepelbagaian budaya, negeri Pahang boleh menggunakan kekuatan ini untuk membangunkan negeri kita yang maju, makmur, progresif dan menjadi teladan bukan sahaja kepada negeri-negeri lain, tetapi juga di persada dunia.

Maka saya dengan ini menjunjung kasih ke atas Titah Diraja dan saya menyokong Titah Diraja Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang. Terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Ahli Yang Berhormat Tanah Rata. Seterusnya saya menjemput Ahli Yang Berhormat Sungai Lembing.

YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. (Bacaan dalam Bahasa Arab). Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua yang memberikan laluan kepada saya untuk menyertai perbahasan pada petang ini.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua,

Sungai Lembing menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang atas titah menzahirkan keprihatinan terhadap kesejahteraan dan kebajikan rakyat serta pembangunan negeri Pahang. Pertama kali saya berdiri di Dewan Yang Mulia ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada 6,962 orang pengundi Sungai Lembing yang telah memilih saya mewakili suara mereka di dalam Dewan ini.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua,

Sebelum saya membahaskan Titah Diraja, suka untuk saya membawa seisi Dewan untuk berkenalan dengan Sungai Lembing. Sungai Lembing adalah kawasan luar bandar yang terdapat di dalamnya kampung-kampung tradisi, pekan lama dan 3 rancangan besar FELDA iaitu Gugusan FELDA Bukit Sagu, Bukit Goh dan Bukit Kuantan. Sungai Lembing juga dikenali sebagai pusat bersejarah dan pelancongan yang giat membangun di negeri ini. Insya-Allah, sedikit masa sahaja lagi Sungai Lembing bakal diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Jika dile…dilihat dari er… perspektif sejarah, Sungai Lembing adalah pada masa dahulu adalah bandar terkaya dengan pengeluaran bijih timah di negeri Pahang Darul Makmur. Hatta sehingga hari ini, lombong-lombong ini masih lagi wujud namun operasinya telah dihentikan dan hanya dijadikan sebagai tempat tarikan pelancong sahaja.

Sungai Lembing juga tidak asing dengan keindahan alam semula jadi yang sangat menawan kedudukan geografinya muka buminya yang dilatari banjaran gunung-ganang dan bukit-bukau pasti akan menawan hati bagi sesiapa yang pertama kali berkunjung ke sini. Destinasi seperti Bukit Panorama, Air Terjun Pelangi dan Lata Pasir Puteri pasti akan menjadi destinasi wajib apabila berkunjung ke sini.

Dengan kedudukannya yang bersebelahan sahaja dengan Kota Sultan Ahmad Shah, KotaSAS yang akan menjadi Pusat Bandar Baru Kuantan dan Pusat Pentadbiran Baru Kerajaan Negeri Pahang pasti akan membuka ruang dan peluang terbesar untuk Sungai Lembing dijadikan tarikan destinasi pelancongan dan sejarah atau orang lud… orang muda lebih faham sebagai *port healing,* dengan izin.

Oleh itu, saya mencadangkan Kerajaan Pahang melalui *Tourism Pahang* bukan sahaja memandang Sungai Lembing sebagai satu peluang keemasan untuk dimanfaatkan tetapi juga mencadangkan agar dibina fasiliti-fasiliti dan dekorasi pelancongan berkelas dunia yang mana akan menjadi tarikan pengunjung untuk bertandang ke Sungai Lembing secara tidak langsung akan menaikkan taraf sosial dan ekonomi penduduk luar bandar di kawasan ini.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua,

Sungai Lembing menghadapi beberapa isu krik… kritikal untuk dibangkitkan. Isu utama iaitu infrastruktur bekalan air. Untuk makluman Sidang Dewan, Sungai Lembing walaupun menjadi sumber bekalan air bersih utama bagi penduduk Kuantan dan kawasan sekitarnya, namun Sungai Lembing sendiri tidak dapat menikmati bekalan air bersih yang stabil dan mencukupi.

Acap kali saya mendapat aduan bekalan air bersih yang sering terganggu terutamanya ketika musim perayaan dan cuaca panas. Saya menerima laporan mengenai isu bekalan air yang terjejas di beberapa kawasan seperti di Bukit Kuin, Kuala Kenau, Sungai Rimau, Kampung Kawah dan Kampung Batu Enam. Isu-isu ini berterusan walaupun Kerajaan Pahang telah ada usaha untuk… telah ada usaha daripada PAIP untuk menyelesaikannya.

Saya sendiri telah turun ke Kampung Sungai Rimau dan dapati… dan dapati penduduk di sana telah lama tidak mendapat bekalan air bersih dan kehidupan mereka adalah bergantung, er… kehidupan mereka pada hari ini adalah 100% bergantung kepada sumber bekalan air bukit. Saya sendiri dibawa oleh penduduk setempat untuk melihat sumber er… air bukit yang mereka ambil dari anak sungai di atas bukit berdekatan kawasan rumah mereka.

Sidang Dewan boleh melihat sendiri video *live* yang telah saya muat naik di laman *Facebook* saya. Hal ini juga sama berlaku kepada penduduk di Kampung Kawah. Sebahagian penduduk kampung tersebut mendakwa perkhidmatan bekalan air bersih ke kawasan mereka sangat buruk. Kadang-kadang pukul 3 petang baru ada air dengan tekanan yang rendah dan malam bekalan air kembali terputus kadang-kadang seharian itu tiada air langsung.

Inisiatif yang mereka lakukan adalah menggali perigi bagi mendapatkan bekalan air yang berterusan tetapi masalah tetap juga wujud apabila berlakunya kerosakan pan… pam air dan juga pihak KKM pula tidak mengesyorkan mereka untuk menggunakan air tersebut kerana dikhuatiri tercemar oleh air banjir yang melimpah masuk ke dalam perigi tersebut er… tiap… setiap kali berlakunya musim tengkujuh.

Saya juga telah membuat pertemuan dengan kakitangan PAIP Kuantan. Maklum balas yang saya terima masalah bekalan air di kawasan ini berpunca daripada pelbagai faktor termasuk infrastruktur yang tidak mencukupi, paip yang sudah tua dan kemudahan rawatan air yang tidak mencukupi. Akibatnya, penduduk mengalami kekurangan air, tekanan air rendah dan kualiti air yang buruk yang menjejaskan kehidupan seharian eko… dan aktiviti ekonomi mereka.

Tahniah kepada Kerajaan Negeri saya ucapkan telah melaksanakan beberapa inisiatif penyelesaian termasuk membina loji rawatan air baharu dan menaik taraf infrastruktur sedia ada. Walau bagaimanapun kemajuan dalam inisi… inisiatif ini adalah sangat perlahan tidak selari dengan pertambahan penduduk setempat menyebabkan ramai penduduk terus menghadapi gangguan bekalan air.

Maka saya ingin bertanya bagaimanakah Kerajaan Negeri Pahang menangani isu bekalan air berterusan di Bukit Kuin, Kuala Kenau, Sungai Rimau, Kampung Kawah dan Batu Enam memandangkan masalah itu masih berterusan walaupun sudah ada usaha sebelum ini. Adakah projek tangki air di Bukit Kuin mengikut jadual seperti yang dirancang? Jika ada, jika tidak, apa perancangan Kerajaan Negeri untuk memastikan projek ini disiapkan segera dan bila boleh beroperasi sepenuhnya? Saya juga er… ingin bertanya apakah rancangan dan inisiatif khusus yang dirancang oleh Kerajaan Negeri bagi menaikkan… menaik taraf sistem bekalan air di Sungai Rimau dan Kampung Kawah?

Yang… Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua,

Saya juga cakna dengan isu berhubung dengan masalah yang dihadapi oleh generasi ke-2 FELDA. Projek Perumahan FELDA Generasi Ke-2 di Sungai Lembing ada yang er… terbengkalai. Di antara 10 projek perumahan di dalam Bukit Sagu 1 er… yang diambil oleh Kerajaan Negeri dari FEL… daripada FELDA adalah di FELDA Bukit Sagu 1, Sungai Lembing. Jadi saya ingin bertanya berkenaan dengan bagaimana kemajuan projek bagi perumahan di Bukit Sagu 1 ini?

Bolehkah pihak kerajaan perincikan cabaran, masalah dan tin… tin… er… pelan tindakan dalam jangka masa pendek dan panjang bagi projek ini? Pada 2013, Kerajaan Negeri Pahang mengambil alih projek itu daripada FELDA dan memikul tanggungjawab ke atas pelaksanaan dan pengurusan pengurusannya. Walau bagaimanapun, kemajuan projek itu perlahan dengan laporan menunjukkan bahawa setakat 2021 hanya kira kira 20% sahaja dari daripada unit perumahan telah siap.

Dalam isu ini, saya ingin penjelasan daripada Kerajaan Negeri apakah pendekatan terkini yang dirancang oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan Projek Pembangunan Perumahan Generasi Ke-2, khususnya di FELDA Bukit Sagu itu dapat disegerakan. Saya mendesak Kerajaan Negeri untuk segera menyelesaikan masalah ini bagi memastikan nasib dan kebajikan generasi muda FELDA terbela sekaligus mampu memberikan impak besar kepada pembangunan dan kemajuan rancangan FELDA di kawasan ini.

Saya juga ingin bertanya bagaimana proses pemilihan pemohon yang layak untuk dilus… diluluskan dan siapakah yang terlibat dalam proses ini kerana er… rakyat di DUN Sungai Lembing datang bertemu saya kalau sekiranya er… apa ni er… generasi er… belia di FELDA Bukit Sagu ni datang untuk memohon rumah tu er… dengan dengan Wakil Rakyatlah. Jadi kita pun tidak ada maklumat yang secara *detail* untuk bagitahu kepada mereka jadi harap jawapan daripada Kerajaan Negeri boleh membantulah mereka.

Dan saya juga menggesa agar er… Kerajaan Negeri mempertimbangkan agar rumah ini diberi keutamaan kepada generasi betul-betul generasi ke-2 FELDA yang berada di dalam tanah rancangan tersebut kerana kalau dibagikan er… rumah ini jika diagihkan kepada setiap rumah peneroka yang ada di dalam er… FELDA Bukit Sagu 1 ini saya rasa itupun tidak cukup untuk kita memberi, membuka er… memberi peluang kepada orang luar untuk membeli rumah tersebut. Bukanlah saya untuk menafikan hak mereka yang layak sepertimana yang telah dijelaskan oleh YB EXCO FELDA. Di mana ada 7 kategori mereka yang layak untuk memohon perumahan tersebut.

Tetapi disebabkan perumahan ini dibuat di tanah rancangan FELDA Bukit Sagu 1 dan ramai lagi belia-belia ataupun generasi ke-2 yang masih menumpang dengan ibu bapa mereka yang memerlukan perumahan ini jadi saya fikir eloklah kita memberi keutamaan kepada mereka kerana inilah peluang untuk mereka memiliki rumah sendiri dengan harga yang lebih munasaba.

Timbalan Yang di-Pertua,

Sungai Lembing sebuah bandar yang terletak di negeri Pahang di Malaysia terkenal dengan sejarah perlombongannya dan sebagai salah satu tempat paling basah di Malaysia. Oleh kerana lokasinya di kawasan pergunungan, bandar ini terdedah kepada banjir kilat dan banjir besar apabila menerima taburan hujan yang lebat. Menurut kajian yang diterbitkan dalam *Journal Science* dan Kejuruteraan Alam Sekitar, Sungai Lembing pernah mengalami beberapa banjir pada masa lalu termasuk banjir besar pada tahun 1926, 1961 dan 1971.

Sejak kebelakangan ini, banjir telah berlaku di pekan tersebut hampir pada setiap tahun bermula daripada tahun 2013, 2014, 2017, 2018, 2019, 2020, 2021, 2022 dan sehingga 2023. Memetik Titah Diraja Pemangku Raja Pahang dalam titah baginda semasa pembukaan dewan tempoh hari, yang menitahkan agar projek tebatan banjir in disegera dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan. Oleh itu dalam hal ini saya ingin merujuk kepada jawapan yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar menjawab pertanyaan YB Sabai tempoh hari ada 4 projek besar yang sedang dilaksanakan oleh JPS merangkumi Rancangan Tebatan Banjir (RTB) dan Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) yang menelan belanja sebanyak RM501.46 juta.

Saya tertanya-tanya kenapa tidak ada kawasan Sungai Lembing yang terlibat dalam bagi mengatasi masalah banjir ini. Jadi saya ingin bertanya pihak kerajaan apakah langkah atau perancangan yang sedang atau diambil bagi mengatasi masalah banjir di kawasan Sungai Lembing ini? Saya juga ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri bagaimanakah pembinaan dan pelaksanaan sistem tebatan banjir di Sungai Lembing mampu mengurangkan kesan banjir di sekitar kawasan ini dengan berkesan dengan mengambil kira corak purata hujan dan bentuk muka bumi kawasan tersebut serta jangkaan peningkatan kekerapan dan intensiti ekstrem kejadian cuaca akibat perubahan iklim?

Selain itu, apakah jenis langkah dan langkah struktur dan bukan struktur yang boleh diambil untuk mengurangkan kerosakan yang disebabkan oleh banjir di kawasan ini seperti pembinaan empangan, pemasangan sistem amaran awal atau pelaksanaan program kesiapsiagaan bencana berasaskan komuniti? Akhir sekali, saya inginkan penjelasan berapa anggaran kos dan potensi faedah sistem tebatan banjir seperti itu termasuk pengurangan kerugian ekonomi dan perlindungan nyawa dan infrastruktur manusia.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua,

Sungai Lembing juga menghadapi isu kerosakan jalan yang sangat kritikal di kawasan ini, menyebabkan jalan-jalan persekutuan dan negeri yang perlu diperbaiki dan dinaik taraf. Kenapa saya katakan kritikal? Kerana impaknya besar sehingga melibatkan kematian.

Kemalangan jalan raya disebabkan oleh sIstem infrastruktur yang tidak diselenggara ini bukan sahaja yang pertama kali tetapi telah berulang kali terjadi. Besar harapan warga Sungai Lembing untuk memastikan hal infrastruktur terutamanya kemudahan jalan raya yang perlu mendapat perhatian lebih dan perhatian daripada bajet Kerajaan Negeri. Bagi DUN Sungai Lembing ini terdapat beberapa jalan utama yang perlu Kerajaan Negeri lihat untuk dinaik taraf antaranya jalan utama ke FGV Sagu 4, 6 dan 7, jalan utama dari simpang masuk FELDA Bukit Kuantan sehingga ke sempadan FELDA Neram serta jalan utama Bukit Goh. Jalan utama FELDA Bukit Goh bermula daripada Jambatan Sungai Mabuk sehinggalah ke simpang masuk FELDA Bukit Goh sangat perlu diberi perhatian segera. Kerana jalan ini terlalu sempit dan sibuk dengan kenderaan berat dan kerap berlaku kemalangan.

Jalan ini apabila berselisihnya dua lori yang besar salah satu lori mesti akan turun di bahu jalan untuk memberi laluan kepada lori yang satu lagi yang mempunya muatan untuk mengelakkan berlaku pergeseran antara lori tersebut. Situasi ini sebenarnya sangat membahayakan terutamanya kepada pengguna motosikal dan kereta kerana apabila lori tersebut hendak masuk semula ke atas jalan raya, kita bimbang berlakunya perkara yang tidak diingini seperti tergelincir yang menyebabkan lori tersebut terbalik dan boleh menghentam pengguna jalan raya yang lain. Kami sangat berharap agar jalan tersebut dinaik taraf dan dilebarkan sedikit bagi memberi keselesaan kepada pengguna apabila berselisih dengan kenderaan berat…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat. Sila gulung. Minta gulung.

YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Okey. Persoalan saya, apakah sudah ada perancangan Kerajaan Negeri untuk menaikkan taraf jalan Jambatan Sungai Mabuk sehingga ke FELDA Neram ini serta Jalan Kuantan ke Sungai Lembing. Jika ada, bilakah jangkaan projek ini bermula?

Timbalan Yang di-Pertua,

Yang terakhir, saya ingin menyentuh mengenai aspek peranan Ahli Dewan Negeri. Tahniah kepada semua rakan Ahli Dewan Negeri yang telah dipilih mewakili kawasan masing-masing. Di sini ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah meluluskan peruntukan sebanyak RM5,000.00 kepada ADUN pembangkang dalam sumbangan Ramadan yang lalu.
Alhamdulillah, sedikit sebanyak dapat membantu saya menyantuni mereka yang memerlukan khususnya di DUN Sungai Lembing. Peruntukan tersebut saya telah memanfaatkan untuk sebahagian daripada 115 anak-anak asnaf di kawasan Sungai Lembing untuk menerima sumbangan baju raya. Namun, bukanlah saya untuk mahu mengkufuri nikmat, tetapi jumlah tersebut masih tidak mencukupi untuk membantu mereka yang layak dan yang memerlukan di DUN Sungai Lembing kerana memandangkan masih ramai yang menghubungi saya untuk memohon bantuan tersebut sedangkan kemampuan kita adalah terhad.

Harapan saya kepada kerajaan supaya menambah dan meneruskan peruntukan kepada semua Ahli Dewan Negeri ini dapat diagihkan dengan adil… dan adil tidak kira sama ada kerajaan mahupun pembangkang. Kerana yang akhirnya keuntungan itu kembali kepada rakyat. Ianya juga adalah selari dengan titah Tuanku Pemangku Raja Pahang yang menitahkan agar peruntukan diagihkan dengan adil kepada semua Ahli Dewan Negeri untuk kebaikan semua rakyat. Sungai Lembing juga mengharapkan kerjasama daripada semua pihak termasuk agensi kerajaan, persekutuan, negeri dan daerah dalam melibatkan kami dalam pembangunan daerah kami. Libatkan kami dalam Majlis Tindakan Daerah. Berikan kami peranan dalam mencorak kawasan kami. Jangan risau dengan ziarah kami. Kita sama-sama mahu berkhidmat dan berbakti di kawasan kami.

Setakat ini sahaja perbahasan saya, perbahasan bagi Titah Diraja Kebawah Duli yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang sempena Pembukaan Penggal Ke-2 Dewan Negeri Ke-15. Sekian, terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Ahli Yang Berhormat Sungai Lembing. Sebelum saya menjemput Ahli Yang Berhormat seterusnya, saya ingin mengalu-alukan kedatangan 2 kumpulan pemerhati pada sesi petang ini iaitu murid dari Kolej Komuniti Kuantan dan juga UNiPSAS. [Ahli Dewan menepuk meja]. Selamat datang ke Sidang Dewan Negeri Pahang. Seterusnya saya ingin menjemput Ahli Yang Berhormat dari kawasan Bukit Ibam.

YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahhi wabaraktuh dan salam sejahtera. Alhamdulillahi Rabbil Alamin. (Bacaan dalam Bahasa Arab). Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan para pemerhati sekalian. Oleh kerana ini adalah ucapan sulung saya di Dewan Yang Mulia ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk pertamanya memanjatkan rasa syukur kepada Allah SWT dan memohon bantuan daripadanya bagi melaksanakan amanah yang besar ini.

Saya juga mengambil kesempatan untuk menyampaikan ucapan terima kasih kepada warga DUN Bukit Ibam yang telah memberi kepercayaan kepada saya dalam PRU15 yang lalu untuk membawa suara mereka ke Dewan Yang Mulia ini.

Yang berhormat Timbalan Yang di-Pertua,

Menjunjung titah Kebawah Duli Tuanku Pemangku Raja Pahang, agar semua pihak termasuk agensi-agensi kerajaan mengembleng tenaga bagi meningkatkan kesedaran masyarakat yang secara tidak langsung dapat mengurangkan kadar jenayah dan masalah moral. Kita sangat yakin segala penyakit masyarakat ini dapat dibendung apabila kita hidup berpegang kepada agama.

Justeru bagi memperkasakan lagi institusi agama, suka dicadangkan agar bukan sahaja diberikan elaun kepada pegawai-pegawai masjid kariah seperti masjid kampung, masjid di tanah rancangan FELDA dan FELCRA. Bahkan dapat kiranya diberikan juga elaun daripada MUIP dan JAIP untuk Imam, Bilal dan Siak di Surau-surat Kebenaran Jumaat (SKJ) di seluruh negeri Pahang. Begitu juga dalam pembentangan bajet 2023 pada 24 Februari lalu, kerajaan mengumumkan kenaikan

elaun bagi 35,000 orang Guru KAFA sebanyak RM100.00 kepada jumlah RM1,100.00 dengan peruntukan tambahan lebih RM40 juta. Namun difahamkan guru-guru ini belum menerima kenaikan elaun sebagaimana yang telah diumumkan oleh kerajaan ini. Jadi mohon penjelasan daripada pihak kerajaan.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua,

Baru-baru ini berlaku banjir yang agak besar melanda beberapa kawasan di DUN Bukit Ibam. Ada orang kampung beritahu banjir kali ini lebih besar daripada banjir tahun 2006. Selain daripada menenggelamkan banyak rumah dan memusnahkan tanaman, ada dua jambatan gantung yang menjadi laluan utama penduduk tempatan telah rosak dan tidak boleh lagi digunakan iaitu jambatan gantung Kampung Rekoh dan jambatan gantung Kampung Aur. Justeru saya mengharapkan ada penyelesaian terbaik daripada pihak kerajaan untuk alat perhubungan orang kampung ini yang sangat penting.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua,

Kesihatan adalah kepentingan semua dan tanggungjawab bersama. Memandangkan warga FELDA di gugusan FELDA Keratong, FELDA Selancar dan kampung-kampung di sekitar semakin berusia, pelbagai penyakit pun kunjung tiba. Ramai juga yang menghidap penyakit buah pinggang. Pusat hemodialisis yang terdekat ialah di Hospital Muadzam Shah. Saya pernah mendengar beberapa tahun lalu bahawa kerajaan berhasrat untuk mewujudkan pusat hemodialisis di Klinik Kesihatan Bandar Tun Abdul Razak.

Namun sehingga hari ini, tiada khabar berita. Justeru kami sangat berbesar hati jika dapat diwujudkan pusat hemodialisis di Klinik Kesihatan Bandar Tun Abdul Razak yang dapat meringankan beban ramai pesakit. Majoriti mereka adalah warga emas yang selama ini terpaksa merentas perjalanan sehingga 70 hingga 80 kilometer, ulang-alik 3 kali seminggu untuk rawatan cuci buah pinggang.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua,

Semua orang memperakui bahawa air satu keperluan penting dalam hidup. Oleh kerana itu, walaupun sudah ramai Ahli Yang Berhormat menyuarakan tentang isu bekalan air sama ada dari pihak pembangkang atau kerajaan. Saya juga ingin mengambil bahagian untuk menyampaikan keluhan rakyat tentang masalah air ini. Bukan hanya ketika sambutan Aidilfitri baru-baru ini yang saya dengar melibatkan banyak daerah seluruh negeri Pahang. Bahkan ada beberapa kampung di DUN Bukit Ibam seperti Kota Shahbandar, Bukit Seruk, Melati, Kota Bahagia dan beberapa kampung lagi sentiasa terputus bekalan air disebabkan pelbagai masalah antaranya tekanan air rendah dan paip yang sering pecah.

Justeru tanpa melupakan jasa pihak PAIP yang besar selama ini diharapkan ada khabar gembira tentang isu air... isu bekalan air daripada pihak kerajaan, insya-Allah. Begitu juga isu jalan rosak yang menjadi igauan kepada pengguna jalan raya apatah lagi DUN Bukit Ibam termasuk juga DUN Muadzam Shah menjadi antara laluan masuk ke negeri Pahang dari negeri Johor, Negeri Sembilan dan Melaka mudah-mudahan ia menjadi keutamaan dengan… oleh pihak kerajaan, insya-Allah.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua,

Akhirnya politik ini adalah suatu yang bersifat dinamik. Apa sahaja boleh berlaku, lawan boleh menjadi kawan, kawan boleh menjadi lawan. Sebagaimana yang kita lihat realiti pada hari ini. Justeru saya berpesan kepada diri saya, rakan-rakan di pihak pembangkang dan rakan-rakan di pihak kerajaan bahawa politik kebencian dan politik balas dendam perkara yang merugikan rakyat dan negeri Pahang yang tercinta ini.

Dengan izin, saya ingin membacakan sebuah Hadis Nabi SAW semoga menjadi renungan kepada kita bersama. Sabda Nabi SAW (Bacaan ayat Al-Quran), "berpada-padalah sayang kepada orang yang kamu kasih kerana mungkin dia akan menjadi orang yang kamu benci suatu hari nanti dan berpada-padalah benci kepada orang yang kamu benci kerana mungkin dia akan menjadi orang yang paling kamu sayangi suatu hari nanti".

Bahkan diajar oleh Al-Quran kepada kita (Bacaan ayat Al-Quran) "tolong-menolonglah, bekerjasamalah dalam perkara kebajikan dan taqwa terutamanya kepada kebajikan rakyat dan jangan bertolong-menolong dalam perkara keji dan permusuhan".

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua,

Saya ingin menutup ucapan saya yang ringkas ini dengan sebuah pantun.

Biji selasih di atas bangku,
Anak ayam mematuk kangkung,
Menjunjung kasih Titah Tuanku,
Bukit Ibam mohon menyokong.

Allahualam, assalamualaikum WBT. Terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat Kawasan Bukit Ibam. Seterusnya Ahli Yang Berhormat pada sesi ini yang terakhir, saya menjemput Ahli Yang Berhormat Kawasan Kemayan.

YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMED ZULDIN

Bismilahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT, alhamdullilah (Bacaan ayat Al-Quran). Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, alhamdullilah bersyukur kita ke hadrat Ilahi atas limpah kurniaNya dapat bersama-sama pada hari ini.

Ini adalah merupakan kali pertama saya berada di dalam Dewan Negeri Pahang. Sebelum ini pun belum pernah lagi jadi Dewan Negeri mana-mana pun. Tapi ini adalah kali pertama dan menjadi ruang kepada saya untuk er... berbahas, menyokong Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang. Pertama kalinya saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan juga barisan di Majlis Kerajaan Negeri Pahang di atas pelantikan sebagai Menteri Besar dan juga EXCO Kerajaan Negeri Pahang. Tahniah juga saya ucapkan kepada Yang Berhormat Dato' Sri Speaker dan juga Yang Berhormat Timbalan er... Yang di-Pertua.

Tahniah juga saya ucapkan kepada er... Yang Berhormat Dato' Indera Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang telah dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri dan juga saya ingin mengucapkan er... ribuan terima kasih kepada er... semua jentera pegawai-

pegawai kerajaan di dalam negeri Pahang terutamanya er... pegawai kerajaan di daerah Bera itu yang dipimpin oleh Dato' Pegawai Daerah yang banyak membantu saya dalam memastikan kesejahteraan rakyat terutama di dalam DUN Kemayan.

Selain itu juga, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pengundi-pengundi di dalam DUN Kemayan yang telah memberi kepercayaan kepada saya untuk menyuarakan, menjadi wakil kepada mereka untuk menyuarakan apa yang perlu kita lakukan bagi kesejahteraan rakyat terutamanya bagi rakyat di DUN Kemayan.

Kalau kita lihat dalam Titah Diraja, banyak perkara yang telah er... Tuanku titahkan kepada kita sebagai Wakil Rakyat. Dan dalam dua hari ini, banyak perkara yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Dewan yang er... berkaitan dengan Titah Tuanku yang saya ingin kongsikan di sini terutama adalah kejayaan Kerajaan Negeri Pahang. *So*, tahniah sekali lagi kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang pada hari ini boleh mencapai beberapa kejayaan dan saya yakin kejayaan ini akan terus meningkat. [Ahli Dewan menepuk meja]

Kalau kita ambil contoh paling mudah yang paling banyak disentuh oleh sahabat-sahabat Ahli-ahli Dewan yang lain er... rumah rakyat Pahang. Ha... daripada mula daripada dua pergi pada empat, pergi pada enam, sehingga sekarang pergi pada lapan. Mungkin akan datang, Yang Amat Berhormat Menteri Besar kata, dengan peningkatan hasil negeri, insya-Allah perkara ini akan dipertingkatkan lagi.

Kalau kita lihat hasil Kerajaan Negeri adalah penting, bagaimana membantu kerajaan hari ini untuk membantu rakyat. Jika hasil yang diperolehi oleh kerajaan rendah maka peruntukan yang diberikan kepada rakyat pun, saya rasa mungkin akan rendah. Tapi atas kejayaan Yang Amat Berhormat Menteri Besar berjaya mencapai RM1 bilion, mungkin akan datang lebih tinggi daripada ini, mungkin lebih banyak lagi perkara-perkara baik yang boleh kita berikan kepada rakyat.

Kita juga tidak perlu lupa banyak lagi inisiatif-inisiatif lain yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri Pahang. Kalau kita bandingkan dengan negeri-negeri lain pun, apa yang ada di negeri Pahang ini tak kurang daripada negeri-negeri maju yang lain. Kalau kita lihat di Selangor ada kad kesihatan, di negeri Pahang pun alhamdulillah ada kad kesihatan. Dan untuk makluman Yang Berhormat, kad kesihatan ini bukan hanya kepada kawasan yang dimenangi oleh Wakil Rakyat Kerajaan.

Saya rasa kad kesihatan ini semua yang layak mengikut jumlah yang diperuntukkan akan memperolehi. Itu RM500.00 setahun. Saya rasa ini cukup baik terutama bagi kawasan saya yang kebanyakan orang-orang, rakyat di sana yang daripada kalangan peneroka yang sudah berumur seperti kata Bukit Ibam tu, saya pun jiran dengan Bukit Ibam.

So, orang Bukit Ibam pun datang ke Kemayan, Kemayan pun pergi ke Bukit Ibam. Kalau Melati tak ada air maknanya Bera Selatan pun tak ada air sebab dia pakai PAIP Rompin. Kalau kita lihat bukan hanya kepada orang yang berumur, inisiatif yang diberikan oleh kerajaan hari ini daripada mula kahwin, lahirkan anak, dapat; pergi Sekolah Rendah Darjah 1, dapat; pergi masuk universiti dapat; kahwin lagi sekali, bukan kali kedua ya tapi maknanya anak dia itu kahwin, dapat lagi. Lepas tu sehinggalah pergi haji pun dapat dan sebagainya. Banyak inisiatif-inisiatif baik yang telah direncanakan dan telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri.

Selain daripada inisiatif-inisiatif tersebut dengan usaha daripada Kerajaan Negeri meningkatkan pelaburan dan sebagainya, ini semua akan memberikan impak positif kepada rakyat di negeri Pahang. Cuma, saya berterima kasih kepada rakan-rakan di sebelah sana, mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas segala bantuan dan juga inisiatif di dalam Dewan ini. Cuma saya cuma mengharapkan, mengharapkan kalau tadi, kalau semalam saya mencelah, bukannya kerana tidak berterima kasih di dalam Dewan, tapi saya mohon rakan-rakan di peringkat er... di sebelah kerajaan ataupun di sebelah pembangkang, sebarkanlah ya berita-berita baik yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri Pahang ini kepada semua rakyat di kawasan-kawasan kita.

Kita tidak boleh mengharapkan hanya Wakil Rakyat di belah kerajaan menyampaikan berita-berita baik ini kepada rakyat. Saya juga mengharapkan berita-berita baik seperti Rumah Rakyat Pahang, untuk kad kesihatan dan sebagainya, bantuan prihatin dan sebagainya ini dapat disebarkan kepada semua rakyat di kawasan masing-masing.

Selain daripada kejayaan yang ada, saya juga ingin menyentuh beberapa perkara di dalam kawasan saya. Terutama dari segi infrastruktur. Kalau tadi saya tengok ramai sahabat-sahabat er... Yang Berhormat telah sentuh isu air, isu er... jalan dan sebagainya dan di Kemayan pun mengalami masalah yang sama. Tapi alhamdulillah saya ucapkan terima kasih kepada er... Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Ke-9, kerana telah meluluskan beberapa projek untuk baik pulih loji dan sebagainya bagi memastikan air di DUN Kemayan ini, kita dapat atasi masalah air tersebut.

Cuma saya mohon supaya pihak PAIP dapat menyegerakan segala projek-projek yang telah diluluskan, supaya manfaat ini dapat terus kepada rakyat dengan lebih cepat. Untuk jalan, bagi saya di DUN Kemayan tak banyak jalan negeri, kebanyakan jalan-jalan di dalam DUN Kemayan ini adalah jalan persekutuan, sebab di dalam DUN Kemayan, kita ada 7 FELDA dan kesemua jalan FELDA merupakan jalan persekutuan dan juga er... kita ada 18 ladang FGV dan cuma ada 1 kampung tradisional tetapi kita ada 30 kampung Orang Asli.

Untuk jalan negeri, saya ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana kebanyakan aduan-aduan berkaitan dengan jalan negeri dapat diatasi dengan cepat dan pantas. Terima kasih saya ucapkan. Cuma bagi jalan persekutuan, mungkin pihak Kerajaan Negeri boleh berbincang dengan Kerajaan Persekutuan. Kaedah bagaimana? Sebab saya difahamkan jika kerosakan jalan melebihi 1 meter pihak konsesi tidak boleh menjalankan pembaikan jalan tersebut serta-merta. Kalau lebih 1 meter kerosakan perlu minta peruntukan dan sebagainya.

So, saya minta Kerajaan Negeri berbincang dengan Kerajaan Pesekutuan bagaimana untuk memastikan supaya jalan yang rosak ini taklah besar sangat tapi lebih pada 1 meter, konsesi dah tak boleh buat. *So*, mintaklah bincang dengan Kerajaan Persekutuan bagaimana supaya walaupun lebih 1 meter tapi taklah besar sangat kosnya, supaya dibenarkan untuk konsesi ataupun JKR melaksanakan kerja-kerja tersebut dengan lebih cepat. Itu berkaitan dengan jalan, saya faham. Saya ni anak peneroka, bila anak peneroka, isu perumahan adalah yang utama.

Kalau di dalam DUN saya, kita ada 7 FELDA, 7 buah FELDA dan tak ada projek perumahan generasi lagi. Cuma kita ada dulu projek perumahan warga, perumahan warga ini adalah melibatkan kakitangan dan juga er... generasi boleh membeli. Tapi saya ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana melalui Program Skim Tanah Rakyat iaitu pemberian lot-lot kepada pemohon ataupun

peserta dalam... walaupun sekarang ini dalam proses dan ada satu telah diluluskan oleh MMK, saya ucapkan terima kasih kerana program STR ini cukup baik bagi membantu generasi ke-2.

Walaupun rumah belum boleh buat tapi sekurang-kurangnya Kerajaan Negeri menyediakan lot-lot tanah kepada generasi ke-2. Kalau kita lihat, kalau di dalam DUN saya itu, saya cuba memerlukan lebih kurang dalam 3,000 lot sahaja. *So*, insya-Allah saya akan usahakan mencari jalan supaya dan kelulusannya saya bergantung kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besarlah.

Dengan pemberian ataupun lot-lot tersebut, insya-Allah bila mendapat hak milik dan sebagainya, boleh buat pinjaman bank dan kerajaan pun ada menyediakan skim kredit perumahan yang bagi rakan-rakan ataupun sahabat-sahabat kita yang tak ada slip gaji. *So*, insya-Allah, saya rasa isu-isu perumahan ini dapat kita selesaikan. Selain daripada generasi ke-2, masalah juga kepada pekerja-pekerja ladang FGV dan juga estet-estet yang persendirian. Betul, sekarang ni masa mula bekerja dia orang... mereka ada rumah di ladang-ladang dan juga di estet-estet.

Ini akan menjadi masalah apabila mereka sudah tidak bekerja. Bila mereka tidak bekerja. Mereka terpaksa keluar daripada rumah-rumah yang dibekalkan oleh er... syarikat. Apabila tak ada rumah dan mereka dan mereka terpaksa menyewa sementara di dalam er... ladang-ladang tersebut. Saya rasa sekali lagi saya ucapkan terima kasih. Ini adalah peringkat untuk menyenaraikan peserta STR di Bandar 35, Tembangau kerana 310 lebih kurang 300 er... lot telah diluluskan untuk terutama kepada peserta-peserta FELCRA di Tembangau.

Cuma sebelum ini patut dilaksanakan er… perumahan di situ tetapi atas pertukaran kerajaan dan sebagainya menjadikan satu masalah dan atas inisiatif oleh Kerajaan Negeri bagi dulu lot-lot kepada peserta tersebut. Saya ucapkan terima kasih bagi pihak peserta-peserta yang mendapat perumahan tersebut.

Kalau kita lihat pada hari ini dalam Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang pembangunan ekonomi adalah penting. Kalau di DUN Kemayan memang er... ekonomi utama adalah perladangan. Kebanyakannya adalah dipenuhi dengan ladang-ladang sawit apabila kita ada 18 FGV, ada lebih kurang dalam 7 estet persendirian dan ada 7 FELDA. *So,* di dalam DUN Kemayan ini adalah dipenuhi oleh er… perladangan.

Menjadi masalah kepada Generasi Ke-2 dan juga Ke-3 dan menyebabkan pengundi saya lebih kurang hampir 6,000 orang merupakan pengundi luar. Apabila mereka sudah habis belajar ataupun ingin mencari pekerjaan, tiada peluang pekerjaan di dalam kawasan. Mereka terpaksa pergi ke Kuantan, mereka terpaksa pergi ke Kuala Lumpur, Seremban dan sebagainya, Johor Bahru dan sebagainya untuk mencari pekerjaan. Saya mencadangkan kepada Kerajaan Negeri dengan kerjasama syarikat-syarikat GLC ataupun er... FGV yang mempunyai ladang yang besar di dalam DUN Kemayan supaya menyediakan ekonomi hiliran berasaskan kepada kelapa sawit untuk dibangunkan di dalam DUN Kemayan. Jika produk-produk hiliran ini melalui kerjasama dengan pihak swasta, insya-Allah dengan boleh mewujudkan peluang-peluang pekerjaan baru kepada Generasi Ke-2 dan juga belia.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, minta gulung ya Yang Berhormat.

YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Saya minta lebih sikitlah sebab saya *last* sekali hari ini. Saya ada beberapa perkara lagi di Bera ini, kalau daripada kita sekolah rendah, kita dah tahu dah dalam buku teks ke, dalam cikgu er... mengajar ke, dia kata tasik semula jadi yang paling besar sekali adalah Tasik Bera. Tapi malangnya Tasik Bera ini macam orang kata nak pergi pun tak nak pergi, nak pergi pun tak boleh nak pergi. *So,* saya mencadangkanlah kepada Kerajaan Negeri terutama sahabat saya, Yang Berhormat Triang merupakan EXCO Pelancongan ini supaya dapat membantulah untuk memastikan ekonomi melalui pelancongan di Tasik Bera ini kita dapat bangunkan.

Sebenarnya, walaupun Ketari tak bersetuju dengan apa rancangan kawasan khas di Janda Baik, saya amat bersetuju jika rancangan kawasan khas yang telah diluluskan di Tasik Bera ini dapat dibangunkan dengan segera. Kalau dah ada peruntukan untuk Janda Baik, saya rasa baik salurkan kepada RKK Tasik Bera. Sebab banyak ruang dan peluang yang boleh er... memberi manfaat kepada masyarakat di Bera jika RKK yang telah dibangunkan tersebut, yang telah dirancang tersebut dapat dilaksanakan. Kalau kita baca dari segi *blueprint* yang telah yang terdapat dalam RKK tersebut meliputi semua pihak termasuk masyarakat Orang Asli di sekeliling Tasik Bera.

Yang seterusnya adalah program-program keusahawanan bagi belia-belia. Saya cadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya memberikan lebih peruntukan bagi program-program pembangunan usahawan. Terutama dari segi kemahiran dan sebagainya, dari segi peluang tempat untuk berniaga dan sebagainya kepada belia-belia. Sebab kalau kita fikirkan er... kemahiran yang ada kepada golongan belia ini ramai. Dia dah keluar daripada IKM dan sebagainya, daripada GIATMARA dan sebagainya. Bila dia, mereka ingin memulakan perniagaan, dia orang memerlukan sokongan.

So, saya harap, walaupun hari ini dah banyak yang kerajaan sediakan tapi saya mengharapkan supaya setiap tahun er... program pembangunan usahawan belia ini dapat ditambah. Kalau kita lihat dari segi kelestarian dan sebagainya, kita banyak hutan. Hutan yang kita ada, memang kebanyakannya dipelihara walaupun ada sedikit pencerobohan dan sebagainya. Bagi saya, satu lagi bidang pelancongan yang boleh kita buat yang saya bawa adalah aktiviti sukan lasak sebab saya ini *join* juga aktiviti sukan lasak tak kiralah 4x4 ke ataupun er... *motocross* kalau nak main *motocross* saya terpaksa pergi tempat YB Lepar untuk main.

Jauh tapi produk itu cukup baik kalau sekali kita buat lebih kurang 300 orang akan ikut. Baru ini di Bera hujung tahun lepas *Rainforest Challenge, world international* punya *event* buat di Bera. Saya rasa kita patut manfaatkanlah hutan-hutan yang kita ada dan saya mohon jabatan hutan boleh memudahkan... memudahkan penggunaan untuk masuk dan sebagainya. Sebab dia tak merosakkan alam sekitar ya, *track* yang ada dia tak tebang pokok. Tempat tak boleh lalu cuma dia letak jambatan dia sendiri saja kalau naik *4 wheel.* Kalau naik motor dia tak kisah tak ada jambatan pun kita lalu dan banyak tempat-tempat.

Kalau kita lihat antara *event motorcross Enduro* yang besar di Malaysia adalah Rimba Raid itu pun baru ini dibuat di Mat Daling dalam DUN Tahan. Kalau kita produkkan ini, ramai sebab sahabat-sahabat saya, kawan-kawan saya sampai ke Indonesia dan juga Thailand pergi untuk main aktiviti ini dan kalau di Keratong dari segi litar *motocross* sekarang ini *international level* pun dah datang ke Keratong.

Saya rasa produk ini mungkin Kerajaan Negeri boleh fikirkan bagaimana untuk kita sama-sama *develop* bagi manfaat. Kalau kita lihat di Keratong tu, kalau *event* itu buat di Keratong limpahan itu akan dapat kepada masyarakat di Keratong. Orang meniaga pun boleh laku, ramai orang datang dekat situ. Lagi satu adalah berkaitan dengan Rizab Ramsar.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, minta. Okey.

YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Sikit ada *last*. Berkaitan dengan Rizab Ramsar. Ada satu projek pembasmian kemiskinan daripada EPU yang telah diluluskan di Kampung Kuin Lengut di Bera di bawah DUN saya er... terlewat dilaksanakan disebabkan oleh masalah kebenaran mendapatkan kebenaran jabatan hutan bagi menggunakan tanah di situ bagi projek tanaman yang telah mereka luluskan. Saya mohon agar er... kelulusan itu diberikan sebab ini adalah projek pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan oleh kerajaan tak mungkin akan diceroboh sebab projek ini dipantau oleh pejabat daerah dan juga oleh pihak EPU. Saya rasa, saya mohon supaya projek ini penggunaan tanah tersebut diluluskan supaya manfaat untuk seluruh penduduk di Kampung Kuin Lengut dan juga masyarakat Orang Asli di sekitarnya dapat manfaatnya.

Saya mengucapkan terima kasihlah kepada er... semua rakan-rakan Yang Berhormat daripada Pihak er... Kerajaan dan juga pemangkang yang sentiasa memberi sokongan dan bagi sokongan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan bagi saya er... sokongan daripada semua Ahli-ahli Yang Berhormat er… penting supaya er… Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri dapat er... merancang dan juga melaksanakan projek-projek er... pembangunan dan juga kebajikan untuk semua rakyat di dalam kawasan kita masing masing.

Akhir sekali er... saya ingin er... akhir sekali saya ingin menyatakan er… terima kasih kepada er... kerajaan yang sentiasa er... komited dan juga cakna. Kalau kita lihat tadi, bila sahabat-sahabat daripada sebelah sana ada aduan ini, EXCO kita terus bangun kata, “bila nak pergi?” Susah nak jumpa EXCO Kerajaan Negeri macam yang ada di negeri Pahang hari ini. Saya ucapkan taniah kepada er… Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga Ahli-ahli Kerajaan Negeri Pahang. Saya rasa itu saja er... perbahasan saya pada hari ini, saya mohon maaf jika ada salah dan silap. Yang baik itu hanya daripada Allah SWT, yang buruk adalah daripada diri saya sendiri. Sekian, saya mohon menyokong. Sekian, assalamualaikum WBT [Ahli Dewan menepuk meja].

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Ahli Yang Berhormat Kemayan. Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, untuk hari ini, saya perhatikan seramai 15 orang Ahli telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan saya mengucap ribuan terima kasih. Insya-Allah, persidangan kita akan disambung semula pada hari Khamis, 11 Mei 2023 bersamaan 20 Syawal 1444 Hijrah, bermula pukul 9.30 pagi. Assalamualaikum WBT. Persidangan ditempohkan.

[Persidangan ditempohkan pada jam 5.13 petang]

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL KE-2
DEWAN NEGERI PAHANG
KE-15

HARI KEEMPAT
11 MEI 2023
(KHAMIS)

KANDUNGAN

HARI KE-4: 11 MEI 2023 (KHAMIS)

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	KEHADIRAN	i - iv
2	DOA	1
3	PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR	1
4	MENIMBANG USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA PAHANG	32
5	SAMBUNGAN MENIMBANG USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA PAHANG	54

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KE-2
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.

Tarikh : 11 Mei 2023 (Khamis)

Masa : 9.30 Pagi

HADIR:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negeri Pahang
Dato' Sri Haji Mohd Sharkar bin Haji Shamsudin,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang
Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, - **Jelai**
SSAP., SUMW., DSAP., DIMP., SMP., AMP.
EXCO Perancangan, Kewangan, Tanah, Sumber Asli, Tenaga dan Air.
EXCO Pembangunan Ekonomi, Perladangan dan Komoditi.

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ir. Mohd Soffi bin Tan Sri Abd Razak, - **Benta**
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP.
EXCO Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan.

Yang Berhormat Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, - **Kerdau**
SSAP., DIMP., AMP., AMN.
EXCO Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa dan Hal Ehwal Orang Asli.

Yang Berhormat Dato' Mohammad Fakhruddin bin Mohd. Ariff, - **Bebar**
DSAP., DIMP., AMP., AMN., PKT.
EXCO Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan.

Yang Berhormat Tuan. Ir. Razali bin Kassim. - **Muadzam Shah**
EXCO FELDA, Koperasi dan Usahawan.

YB. Dato' Sri Johari bin Harun, - **Pelangai**
SSAP., DIMP., SMP.
EXCO Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar Dan Teknologi Hijau

Yang Berhormat Dato' Mohamad Nizar bin Dato' Sri Mohamad Najib, - **Peramu Jaya**
DSAP.
EXCO Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi Dan Inovasi

Yang Berhormat Dato' Sabariah binti Saidan, DIMP., SMP. **EXCO Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita Dan Keluarga**	-	**Guai**
Yang Berhormat Tuan Fadzli bin Mohamad Kamal, DSM., AMP. **EXCO Komunikasi Dan Multimedia, Belia, Sukan dan Badan-badan Bukan Kerajaan**	-	**Dong**
Yang Berhormat Tuan Sim Chon Siang **EXCO Hal Ehwal Pengguna Dan Sumber Manusia**	-	**Teruntum**
Yang Berhormat Cik Leong Yu Man **EXCO Perpaduan, Pelancongan Dan Kebudayaan**	-	**Triang**
Yang Berhormat Tuan Lee Chin Chen **(Timbalan Yang di-Pertua Dewan)**	-	**Bilut**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Sharif, SSAP., DSAP., DIMP., SMP.	-	**Inderapura**
Yang Berhormat Dato' Abd Aziz bin Haji Mat Kiram , DSAP., DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK.	-	**Batu Talam**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd Johari bin Haji Hussain, SSAP., DIMP., PPA.	-	**Tioman**
Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Long, DIMP.	-	**Padang Tengku**
Yang Berhormat Mohd Sharim bin Hj Md Zain	-	**Chini**
Yang Berhormat Dato' Rodzuan bin Zaaba, DIMP.	-	**Jenderak**
Yang Berhormat Tuan V Arumugam a/l A Veerappa Pillai,	-	**Sabai**
Yang Berhormat Tuan Khaizulnizam bin Mohamad Zuldin	-	**Kemayan**
Yang Berhormat Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji	-	**Tras**
Yang Berhormat Tuan Su Keong Siong	-	**Ketari**
Yang Berhormat Tuan Woo Chee Wan	-	**Mentakab**
Yang Berhormat Tuan Ho Chi Yang	-	**Tanah Rata**
Yang Berhormat Tuan Chan Chun Kuang	-	**Semambu**

Yang Berhormat Dato' Sri Tuan Ibharim bin Tuan Man SSAP., SJMK., DIMP., AMP.	-	**Cheka**
Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Abdul Jabar	-	**Tanjung Lumpur**
Yang Berhormat Tuan Haji Andansura bin Rabu	-	**Beserah**
Yang Berhormat Tuan Mohd Zakhwan bin Ahmad Badarddin	-	**Tahan**
Yang Berhormat Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud	-	**Damak**
Yang Berhormat Tuan Mohd Tarmizi bin Yahaya	-	**Panching**
Yang Berhormat Tuan Mohd Sofian bin Abd Jalil	-	**Luit**
Yang Berhormat Tuan Mujibur Rahman bin Ishak	-	**Chenor**
Yang Berhormat Tuan Shahril Azman bin Abd Halim	-	**Jengka**
Yang Berhormat Tuan Mohd Yazid bin Mohd Yunus	-	**Lepar**
Yang Berhormat Dato' Jasri bin Jamaludin, DIMP.	-	**Kuala Sentul**
Yang Berhormat Tuan Yohanis bin Ahmad	-	**Pulau Tawar**
Yang Berhormat Tuan Mohamad Ayub bin Mat Ashri	-	**Sungai Lembing**
Yang Berhormat Tuan Mohammad Rafiq Khan bin Ahmad Khan	-	**Pulau Manis**
Yang Berhormat Tuan Hasan bin Omar	-	**Lanchang**
Yang Berhormat Tuan Hassanuddin bin Salim	-	**Kuala Semantan**
Yang Berhormat Tuan Nazri bin Ahmad	-	**Bukit Ibam**

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN II PERKARA 11 UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG:

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang,
Dato' Indera Haji Zulkifli bin Haji Yaacob,
SIMP,. DSAP., DIMP., AAP., AMP.

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Pahang,
Dato' Indera Nazri bin Abu Bakar,
SIMP., DSAP., DIMP., SMP.

Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang,
Dato' Saiful Edris bin Zainuddin,
DSAP.

SETIAUSAHA MESYUARAT:

Encik Mohd Zukri bin Sidek, SMP., AMP.

Encik Muhamad Anuarudin bin Yusoff@Ahmat, AMP.

SETIAUSAHA DEWAN

Mesyuarat Pertama Penggal Ke-2 Dewan Negeri Pahang Ke-15 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari : Khamis, 11 Mei 2023
Bersamaan 20 Syawal 1444 Hijrah

DOA

Bacaan Doa

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Al-Fatihah. Bismillahirrahmanirrahim [Bacaan dalam Bahasa Arab]

Segala puji bagi Allah yang dibuka Mesyuarat Dewan Negeri yang menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah, Yang Maha Mengasihani, kepada-Nya terpulang segala puji-pujian. Ya Allah yang bersifat Maha Hikmah, limpah keadilan, yang menanggungkan kewajipan ke atas Raja dan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi mentadbir maslahah masyarakat pergaulan mudah-mudahan sentosa, aman, makmur, limpah kebahagiaan meliputi penduduk negeri Pahang ini. Ya Allah, kami sekalian hamba-Mu yang diperkenankan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan, yang terutama bagi negeri ini serta rakyatnya sekalian.

Ya Allah, berkat-Mu ke atas kami berhimpun. Dipohon anugerahkan taufik-Mu, dipohonkan menyuluh, memandu pada ketika kami berunding, menimbang, bertukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduknya sekalian. Ya Allah, dipohon doa kami diperkenankan. [Bacaan dalam Bahasa Arab]

PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kedua: Pertanyaan-pertanyaan kepada Menteri Besar

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Assalammualaikum WBT. Salam Sejahtera, Salam *Pahang1st*, Salam Kerajaan Madani Selamat Pagi. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan syukur pada Allah SWT kerana kita dapat meneruskan persidangan kita pada hari ini. Hari ini adalah merupakan hari yang kedua di mana Yang Berhormat er… akan er… apa Wakil Kerajaan hari ketiga ya Yang Berhormat Wakil Kerajaan akan menjawab segala persoalan dan juga perkara-perkara yang diajukan oleh ketika kita mengadakan perbahasan pada 2 hari yang lalu.

Untuk meneruskan Aturan Mesyuarat pada kali ini, saya menjemput Ahli Yang Berhormat dari er… Tanjung Lumpur untuk mengemukakan pertanyaan. Silakan, soalan 1.

YB TUAN HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Assalammualaikum WBT. Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan soalan nombor 1.

[Mohon penjelasan kenapa ADUN-ADUN pembangkang tidak diberikan kelayakan untuk menandatangani borang biasiswa bagi pelajar-pelajar di bawah DUN yang dimenangi oleh setiap ADUN? Mohon dipertimbangkan kerana rakyat telah memberi mandat kepada ADUN di kawasan mereka. Dalam pada masa yang sama, ini menyukarkan kepada rakyat untuk menandatangani borang biasiswa.]

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Assalammualaikum WBT. Selamat pagi, salam sejahtera.

Yang berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada ADUN Tanjung Lumpur yang bertanyakan kenapakah ADUN-ADUN pembangkang tidak diberikan kelayakan untuk menandatangani borang Yayasan Pahang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat di Dewan Yang Mulia ini, sukacita saya ingin memaklumkan walaupun perkara ini telah pun dimaklumkan bahawa mulai tahun ini 2023, Kerajaan Negeri Pahang telah pun er… memansuhkan tandatangan bagi mana-mana pemohonan biasiswa yang perlu ditandatangani oleh Wakil-wakil Rakyat ataupun wakil kepada Wakil Rakyat.

Prosedur ini adalah bertujuan untuk memudahkan er… para pelajar, mahasiswa-mahasiswi untuk membuat permohonan kerana mereka telah dibenarkan membuat pemohonan secara *online* dan ini memudahkan kita semua, memudahkan Wakil Rakyat dan memudahkan para pelajar. Jadi saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat boleh menyebarkan perkara ini kepada anak-anak kita di kawasan masing-masing supaya mereka boleh membuat permohonan secara *online*. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Tahniah kita ucapkan kepada Yayasan Pahang kerana telah mengambil inisiatif yang lebih baik. Sebab saya ingat lagi masa saya jadi Wakil Rakyat itu, bertimbun-timbun nak *sign*. Tinggi betul. Maknanya betul-betul 2,3 jam kita kena tumpukan untuk menandatangan. Sila, wakil daripada Tioman.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya ingin mengajukan er… soalan tambahan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri MB. Sebelum itu, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas la kepada Yayasan Pahang kerana banyak jasa kepada warga pelajar di negeri ini. Bahkan seingat saya la, umur 10 tahun er… saya lahir 1973. Kalau tak silap saya, Yayasan Pahang bermula 1983. Jadi, daripada Darjah 1 sehingga Darjah 6, sekolah menengah, kolej, universiti, buat BBA, buat *Master*, buat *PhD* bahkan dalam Dewan ini saya rasa kalau saya tanyalah Ahli-ahli Yang Berhormat Yang di-Pertua, ramai yang dapat pinjaman ataupun Yayasan er… Pahang ini biasiswa.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya salah seorang daripadanya.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Dan saya pun salah seorang. Saya ingat di kalangan kita kalau saya tanyalah ya, siapa di kalangan Ahli Yang Berhormat pernah dapat pinjaman ataupun biasiswa boleh angkat tangan tak? Saya… Alhamdulillah maknanya ramai. Cuma tinggal lagi belah sana, belah sini haa… itu tak apa. Maknanya Yayasan Pahang ini dia tak mengira ideologi.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Tapi masa itu tak belah sana. (ketawa)

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Belum lagi. (ketawa) Cuma Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya lihat Yayasan Pahang ini sangat er… kalau boleh kita beri lagi kawasan luas supaya bangun lagi ladang boleh bantu warga pelajar di negeri ini dan alhamdulillah saya nak tanya soalan saya ialah apakah Yayasan Pahang selama ini memberi sumbangan peruntukan dalam bentuk pinjaman atau biasiswa kepada para pelajar warga negeri Pahang ini dari segi jumlah ataupun sumbangan selama ini berapa banyak atau apa yang boleh dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar kita. Terima kasih Yang di-Pertua.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya ucapkan terima kasih kepada ADUN Tioman yang bertanyakan soalan dan begitu prihatin berkenaan dengan bantuan ataupun pemberian biasiswa Kerajaan Negeri Pahang melalui Yayasan Pahang. Suka saya memaklumkan di sini, kita seharusnya bersyukur dan mengucapkan terima kasih kepada pemimpin kita kerana telah mewujudkan Yayasan Pahang pada tahun 1983 lagi dan sehingga sekarang ini [Ahli Dewan menepuk meja] sehingga akhir tahun 2022, Kerajaan Negeri Pahang melalui Yayasan Pahang telah pun berbelanja sebanyak RM1.4 bilion untuk anak-anak kita di seluruh negeri Pahang. [Ahli Dewan menepuk meja] Jadi, Dato' Sri Yang di-Pertua, bayangkan RM1.47 bilion ini kalau duit RM50 penuh tak Dewan ini?

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Penuh Dato' Sri, penuh-penuh. Kalau bagi sedikit-sedikit seorang kita pun lagi bagus. (ketawa) [Ahli Dewan ketawa]

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang itu bisa diuruskan. (ketawa) Berbalik kepada soalan daripada ADUN Tioman sebentar tadi, bantuan pendidikan ini bermula hanya sebanyak RM1.5 juta pada tahun 1983 yang mana kita bagi kepada program pendidikan, sukan dan kebudayaan. Kemudian pinjaman pendidikan selain daripada biasiswa dan sehingga hari ini, seperti mana yang saya katakan tadi RM1.47 bilion yang melibatkan seramai 1.78 juta orang pelajar yang mendapat faedah dan manfaat daripada apa yang telah dilaksanakan

oleh Yayasan Pahang. Saya ucapkan terima kasih kepada Wakil Rakyat Pembangkang kerana tidak segan dan silu mengaku bahawa pernah menerima bantuan daripada biasiswa Yayasan Pahang. Syabas dan tahniah. [Ahli Dewan menepuk meja] Saya harap sumbangan ini dapat dimanfaatkan dapat dikembalikan kepada negeri Pahang dalam bentuk jasa dan perkhidmatan. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila, Wakil Cheka.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Terima kasih. Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Antara penerima ya?

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Saya penerima. Er… bahkan untuk makluman Dewan Yang Mulia, saya dibagi dulu dalam bentuk pinjaman tetapi bagus Yayasan Pahang ni bila pelajar cemerlang dia tukar pinjaman kepada biasiswa dan saya termasuk orang yang tak payah bayar kerana cemerlang dalam peperiksaan. Masa tu jadi Presiden Persatuan Anak Pahang. Soalan saya ialah, apakah kerajaan berhasrat untuk melebarkan peluang ini kepada kakitangan kerajaan? khususnya kerajaan Pahang untuk mendapat juga dalam bentuk pinjaman ataupun biasiswa bagi kakitangan kita melanjut pelajaran di peringkat ijazah, master ataupun PhD. Terima kasih.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Satu soalan yang baik. Yang Berhormat daripada ADUN Cheka ingin melanjutkan pelajaran lagi ke?

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Tengok kalau ada peluang, insya-Allah.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Kalau Yang Berhormat… Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, sekiranya ADUN Cheka ingin membuat PhD, mintak semalam hari ni kita luluskan [Ahli Dewan ketawa].

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Jawapan kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat daripada DUN Cheka. Jawapannya ada dan malahan walaupun kita katakan biasiswa, pinjaman ada kes-kes tertentu kita akan bincangkan di dalam lembaga pengarah dan kita akan pertimbangkan dan ianya memberi manfaat kepada pemohon dan kepada kerajaan negeri biasanya kita luluskan. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Amat Berhormat. Seterusnya soalan kedua Wakil daripada Kuala Semantan.

YB TUAN HASSANUDDIN BIN SALIM

Asalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Dato' Sri Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, barisan EXCO dan semua Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang dikasihi sekalian.

Dari hulu ke muara,
Soalan saya nombor dua.

[Bantuan Prihatin Pahang 2022 (BPP Murid Tingkatan 5 dan 6

a) Bayaran ini hanya dibuat kepada sebahagian pelajar di daerah Temerloh sebelum PRU15 yang lalu. Bilakah bayaran akan dibuat kepada baki pelajar yang belum menerimanya?
b) Apakah bayaran ini akan dibuat setiap tahun kepada semua pelajar tingkata 5 dan 6 di Negeri Pahang?]

Terima kasih.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Assalamualaikum WBT. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

soalan daripada ADUN kawasan Kuala Semantan bertanyakan tentang Bantuan Prihatin Pahang khususnya berkaitan dengan murid tingkatan 5 dan 6 iaitu… ha, ini jawapan saya. Pertama sekali bayaran bagi er… ataupun er… saya nak maklumkan begini. Yang Berhormat Dato' Sri Menteri Besar Negeri tadi telah pun memberi penjelasan bahwasanya agensi seperti Yayasan Pahang ni telah pun menyalurkan bantuan kepada pelajar-pelajar malahan kalau kita lihat misal contohnya dahulunya bantuan ni dipanggil sebagai Biasiswa Pahang Sekolah Rendah dan dijenamakan sebagai Biasiswa Sekolah Rendah, BSR dan juga Biasiswa Pahang Sekolah Menengah dan kemudiannya dijenamakan sebagai Biasiswa Sekolah Menengah, BSM yang tadi yang ADUN Tanjung Lumpur sebut mengenai berkenaan dengan borang.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Berkenaan dengan men*sign* borang ni kadang tak lulus tak guna juga. Biar tak *sign* borang tapi lulus. Ha…itu yang unik nya kalau nak kita men*sign* tapi tak dapat tak guna. Biar tak *sign* tapi dapat.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sekarang ni dia *formless* la tak ada borang lagi lah. *Formless*, dia tak ada *online* terus. borang

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dia tak payah dan kita tahu sebab apa kita jadi begitu sebab kita memberi sasaran kita bantuan kita tanpa mengenal…tanpa mengambil kira latar belakang…yang

pentingnya kriteria dia tu…maksudnya latar belakang tak kiralah sokongan ke fahaman dalam bentuk fahaman apa sekalipun kan? Politik ke kaitan dari segi apa, tak ada. Kita tengok…

Ha, mazhab mana? Kabilah mana? Kita tak kira.

Jadi kita bagi kalau sekiranya layak dibagi bantuan kepada golongan B40 itu yang pentingnya insya-Allah dan ini telah pun dilaksanakan daripada dulu lagi tak ada masalah tak timbul masalah pun sebenarnya. Kadang-kadang kita pun sendiri Dato' Sri Yang di-Pertua tak sedar pun yang pelajar tu dah dapat dah. Misal contohnya mana kadang-kadang bila dah dapat tu tak ada pula keluarga datang, terima kasih YB, dapat bantuan. Tak ada. Dia tak sedar pun. Macam dia biasa… tapi ini diteruskan.

Jadi…apa yang dilaksanakan yang bawah kepimpinan Yang Berhormat Menteri Besar, selain daripada bantuan biasa ini, Biasiswa Sekolah Rendah, Biasiswa Sekolah Menengah ni. Yang Amat Berhormat Dato' Sri telah melancarkan apa yang dipanggil sebagai Bantuan Prihatin Pahang dan Bantuan Prihatin Pahang ini adalah tambahan, tambahan kepada apa yang dah ada ini. Jadi Bantuan Prihatin Pahang ini dia ada kluster dia dan kluster yang kita kaitkan Yang Berhormat ADUN Kuala Semantan kaitkan itu ialah Bantuan Prihatin Pahang, BPP murid tingkatan 5 dan tingkatan 6 dan kita mula dan tahun 2022. Jadi kita bagi tingkatan 5 dan tingkatan 6 ni RM100.00 satu orang kita bagi.

YB DATO' SRI YANG DI-PERTUA DEWAN

Semua dapat Yang Berhormat ya? Semua dapat? Tingkatan 5 dan tingkatan 6?

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Kita bagi. Kita dapat. Maknanya kita bagi ini. Jadi bila kita bagi tu kita tak tahu masa bila tu pilihan raya tu sebab pilihan raya umum ni kita bagi sentiasa, bagi, bagi, bagi, bagi yang Temerloh ya. Bila kita dah bagi sumbangan tahu-tahu nya ada perisytiharan ini bukan kerja kita kerja di Kuala Lumpur lah. Maknanya diumumkan pilihanraya, bubar parlimen pilihanraya. Jadi kita tengah bagi tu ganjil lah sikit kerana kita ni… kita juga kena… maknanya Yang Amat Berhormat Dato' Sri selaras dengan keputusan daripada kerajaan pusat juga menghadap Kebawah Duli Mulia Tuanku dan Tuanku berkenan bubarkan DUN kita. Bila bubar DUN kita, guana buat sekarang ni? Ini kita tengah bagi ni. Kalau kita terus bagi kan ada pula pihak kata, ini dah melanggar dari segi etika pilihan raya. Jadi kome pun pakat-pakat kita berhenti dulu. Ha, ini dia kita berhenti dulu berkempen secara baik berhentilah.

Itu sebab soalan daripada ADUN Kuala Semantan tanya hari tu berhenti, bila nak bagi? lepas pilihan raya kita ni ada peraturan. Peraturan tu peraturan kewangan, bulan Disember kita kena tutup akaun. Bila kena tutup akaun tutup lah akaun. Makna tak boleh nak pandai-pandai mengeluarkannya sebabnya hanya komitmen bayaran-bayaran tertentu sahaja yang boleh dilangsaikan. Jadi bila dah semua okey, kita bentang semula dalam Dewan dan dalam bulan Februari, Pejabat ini Kewangan ataupun Pejabat Daerah telah mohon untuk teruskan semula ni bantuan. Jadi kita teruskan.

Dan alhamdulilah er… dalam pada 30 haribulan 3 ha, 30 Mac sebab saya tanya tadi… tanya ke urus setia er… Dewan… bila kita minta soalan ni? Saya difahamkan soalan ni telah pun dipohon daripada ADUN-ADUN bulan dua… bulan dua ya?

Bulan dua. Ha…sebab kita ni bulan lima dah ni saya kira eh tak akan lah YB tak tahu kita dah bagi. Rupa soalannya tadi bulan dua, bulan dua kita belum bagi lagi.

Jadi bulan dua tu kita baru salurkan kepada Pejabat Daerah…Pejabat Daerah dan Tanah? Ke Pejabat Tanah dan Daerah? Pejabat Tanah Daerah ya.

Ha, sebab soalannya, jawapannya PDT. PDT, Daerah dan Tanah patut PTD, Pejabat Tanah dan Daerah. Kita salur kepada Pejabat Daerah dan kita bagi pengagihan ni kita buat selesai 30 haribulan Mac, YB ya. 30 haribulan Mac Dato' Sri Yang di-Pertua. Jadi selesai dah tu tak ada masalah. Jadi kita bagi semua sekali jumlahnya banyaklah. Jadi semua kita dah selesai.

Kemudian tambahan daripada itu dia ada Pahang *Bright student* ni yang kerajaan negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar dia bagi lah. Apa dia Pahang *Bright Student* ni? nama Bahasa Inggeris tapi *bright* ni *bright* ni cerdik. Pahang *Bright Student* ni kita bagi kepada pelajar semua pelajar yang B40… B40 ha, kita bagi ni kad diskaun. Kita bagi kad tu nilaian dia RM100.00. Dia boleh pergi ke kedai MBS. Kita buat satu persefahaman dengan kedai MBS ni untuk beli barangan sama ada alat tulis, buku waima pakaian seragam ataupun keperluan bag sekolah maka MBS bagi diskaun mungkin antara 20%-30%.

Ini kita beri kepada pelajar-pelajar dan er… di samping itu juga tambahan daripada itu ini tambahan Yang Amat Berhormat Dato' Sri bersetuju juga bagi lagi kepada pelajar tahun satu namanya Bantuan Awal Persekolahan RM100.00 untuk setiap orang ianya tak kira anak DO ke, anak YB ke, baik pembangkang ke... baik kerajaan ke... anak EXCO ke... anak siapa juga lah yang layak masuk di tahun 1 ni dapat RM100.00 seorang. Dan tahu berapa banyak sekolah yang terlibat? Sekolah semua yang terlibat ni 736 sekolah. Murid yang terlibat nya 25,253 orang. Jumlah kewangan ataupun jumlah peruntukan yang terlibat ialah RM2,525,300.00. Kita bagi semua. Dia tidak melalui er...

Walaupun tidak melalui YB-YB di kawasan, tapi semua ni kita bagi tanpa mengira latar belakang keluarga ni tadi. Hijau ke biru ke...

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Semua dapatlah?

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Semua dapatlah. Oren ke ape benda semua dapat. Takde warna pun kita bagi juga. Janji dia ialah masuk sekolah Tahun 1. Okey YB Dato' Sri? Jadi itulah nak ngabor…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya mungkin cucu lah…anak tak ada dah.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Cucu lah ya... cucu cicit ke ape. Jadi, bantuan pendidikan ini memang menjadi satu agenda yang rapat di hati Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar. Tepuklah. Terima kasih.

YB TUAN HASSANUDDIN BIN SALIM

Dato' Sri Yang di-Pertua...

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ada soalan tambahan?

YB TUAN HASSANUDDIN BIN SALIM

Dato' Sri Yang di-Pertua, terima kasih kepada penjelasan yang panjang lebar dan terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah begitu prihatin dengan para pelajar kita. Cuma sedikit saya nak tanya apakah bayaran prihatin ini dan bayaran-bayaran yang disebutkan oleh Exco tadi akan diteruskan pada tahun ini dan tahun-tahun akan datang? Terima kasih.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Saya mula er... dah dah jelas, jelas... jelas. Tak faham lagi ke rupanya. Saya ingat begitu. Rupanya soalan dia, soalan lain. Ingat nak tanya lagi lah mahu betul maknanya dah jelas dah ni rupanya nanya sama ada terus ataupun tidak.

Yang Amat Berhormat Dato' Sri ni kalau bab belajar ni sebenarnya memang rapat. YB tahu tak, pernah pergi ke kampung Yang Amat Berhormat Dato' Sri dilahirkan ini. Nama kampung dia Tanjung Gahai (TG) Tanjung Gahai. Zaman Yang Amat Berhormat Dato' Sri pergi sekolah, masa tu naik keretapi je Dato' Sri ye, makna kalau pergi hari Jumaat, lepas tu… hari Isnin belum tentu lagi…cuti-cuti Malaysia walaupun masa tu tak ada tersebut.

Sebab apa, kemudahan masa itu naik keretapi dengan bot. Saya pergi sekali. Bukan pergi sekali banyak kali dah Dato' Sri tapi masa tu nak melepaskan ikan di Sungai Jelai. Dato' Sri kata naik bot. Saya mula pikir dah dua tiga kali. Saya kata mana er... *vest* ni, mana nya saya pakai kemas tu saya pakai kemas...

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, nak terus ke tak terus ni er... biasiswa... sebab...

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Tak, tak mau dengar cerita ke... cerita ini... saya nak ngabor Allahuakbar. Dato' Sri Yang di-Pertua masa tu sekolah kira jalan kaki je kan.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Jalan kaki.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Duduk dalam kem... sekolah dalam kem. arwah ayahanda masa tu tentera dak...

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Tentera…

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Duduk dalam kem…baling batu itu ha…memang sekolah itu di dalam kem. Ini nak mencerita kome dulu belah hulu belah hulu waktu susah... naik…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya pun tak tak duduk sangat dalam kem kita pun naik sekolah tu...

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Lari la selalu nya?

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Pergi sekolah tu turut naik bot masa tu...

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Naik bot?
Eh…pelik kalau sekiranya dalam dalam kem tu naik bot pulak.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Naik bot.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Er...duduk di kampung.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Pasal Kampung Bintang antara dia ada dua pilihan Yang Berhormat sama ada naik bot atau naik roket. Pasal bintang jadi kita naik bot lah. Naik bot, air sungai…

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Jadi Yang Berhormat Dato' Sri dah mengalami tu kesulitan bagaimana kesulitan anak-anak pelajar yang duduk di luar-luar bandar. Ekoran pada itulah tapi cerita tadi Dato' Sri, tak habis lagi... Cerita nya Dato' Sri ni bawak bot, dia punya konar baring saya mula gayat jugak tapi lepas pada tu sedap Dato' Sri kalau macam ini. Ini dah pun dia kabo rupanya bawak sebelah tangan je. Tangan kiri pulak tu er... konar.

Jadi kalau boleh rakan-rakan ADUN daripada seberang sana datang ke Tanjung Gahai Dato' Sri ya boleh. Makna Dato' Sri akan ooi seronok betul rasa masa tu kalau macam ni dia bawak boleh bukak *vest* lepas tu saya buka *vest* terus. Takde hal. Okey balik pada cerita tadi.

Oleh kerana Yang Amat Berhormat Dato' Sri datang daripada kampung, dia tahu betapa susahnya anak-anak kampung tadi Dato' Sri telah bersetuju Dato' Sri ye bukan kata nak tamat diteruskan dan ditambah baik lagi [Ahli Dewan menepuk meja] ini cerita dan kita akan bagi macam kita bagi semua sekali. Anak YB, anak tak YB er.... Ini apa nama ini, muslimat ke muslimah ke. Sama ada penggiat seni dan lain-lain insya-Allah.

Jadi jawapan tadi insya-Allah akan diteruskan dan ditambah baik. Ini jaminan Yang Amat Berhormat Dato' Sri. Terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Soalan seterusnya. Soalan er... nombor 3. Sila Yang Berhormat Tahan.

YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera Dato' Sri Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 3.

[Isu kebajikan orang asli

a) Apakah langkah dan usaha bagi menangani keciciran pelajaran bagi anak-anak Orang Asli ?

b) Berapakah jumlah anak-anak Orang Asli yang telah dan akan ditempatkan di sekolah-sekolah rendah dan menengah di Pahang? Minta nyatakan secara khusus bagi anak Orang Asli di dalam DUN Tahan?]

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih Dato' Sri yang di-Pertua, sahabat saya daripada Tahan bertanya mengenai keadaan pelajar-pelajar sekolah daripada masyarakat Orang Asli yang mana keadaaan mereka yang keciciran dan juga beliau bertanya tentang jumlah apa namanya kemasukan pelajar Orang Asli di sekolah khususnya di dalam DUN Tahan.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sesungguhnya kerajaan sememangnya serius di dalam pendidikan sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Dato'… Dato' Sri Benta sebentar tadi. Kita bertungkus lumus untuk memastikan pendidikan. Tak kira masyarakat Melayu, Orang Asli, Cina, India di negeri kita, Pahang Darul Makmur ini.

Kerajaan kita menubuhkan JAKOA semenjak sebelum merdeka lagi kemudian sehinggalah merdeka dan ke hari ini dipertahankan JAKOA itu tak lain tak bukan kerja utamanya adalah untuk memastikan kebajikan orang asli, keselamatan Orang Asli, kehidupan Orang Asli, kemajuan ekonomi Orang Asli dapat dibela dan dijaga serta dipelihara dengan sebaik mungkin termasuklah di negeri Pahang Darul Makmur.

Sebab itu JAKOA, dia buat kerja ini. Dia pastikan pelajar-pelajar ini dapat dimasuk anak-anak Orang Asli ini dapat dimasukkan dan didaftarkan ke sekolah-sekolah. Setelah itu bukan lepas tangan, disediakan pengangkutan seandainya perlu kepada pengangkutan, adanya bas-bas sekolah kemudian disediakan bayaran kos bayaran kepada pelajar-pelajar Orang Asli yang tak mampu seandai kata ada pembayaran-pembayaran tertentu yang perlu dilaksanakan dan ditunaikan oleh Orang Asli itu sendiri.

Manakala pelajar Orang Asli yang meningkat ke peringkat menengah, JAKOA akan menyediakan apa itu wang saku kepada pelajar-pelajar ini supaya mereka dapat berbelanja untuk menguruskan pembelajaran mereka sesuai dengan tuntutan yang

ada di sekolah-sekolah berkenaan. JAKOA juga akan memberi motivasi kepada anak-anak ini supaya mereka terdidik dan bersemangat untuk belajar dan pergi ke sekolah. Dalam waktu yang sama, masih ada juga lagi, tidak dinafikan pelajar masyarakat Orang Asli ini yang jauh hati, yang malu, yang sukar untuk pergi sekolah. Mereka ini akan dijejak. Ada program jejak pelajar oleh apa pegawai-pegawai kita pergi ke kampung-kampung dengan mengadakan hubungan sama ada dengan batin atau pun ketua kampung ataupun individu-individu yang berpengaruh yang boleh kita mendapatkan kerjasama mereka supaya anak-anak Orang Asli ini dipujuk dan dirayu dibawak kembali ke sekolah untuk mereka mengambil pendidikan.

Bukan sekadar itu, kita ada Jabatan Pendidikan Negeri Pahang. Jabatan Pendidikan Negeri Pahang telah memberi kerjasama kepada kerajaan negeri Pahang supaya anak-anak Orang Asli ini diberi ruang dan peluang untuk belajar. Guru-guru disediakan. Bahkan mereka ini dibuatkan program yang sama semacam mana dilaksanakan oleh JAKOA.

Seumpama kata diadakan program Kempen Jom Sekolah ataupun Ziarah Cakna ataupun Program Moh ke sekolah, lawatan apresiasi yang diadakan ke pusat-pusat seperti UiTM, pusat-pusat pengajian tinggi di KIPSAS, UNiPSAS ataupun di Yayasan Pahang supaya mereka rasa bersemangat untuk jadi macam mereka yang berjaya melanjutkan pengajian mereka ke pusat pengajian yang lebih tinggi. Hal ini dilaksanakan bukan sahaja di DUN Tahan, di setiap kampung Orang Asli yang ada di seluruh Negeri Pahang.

Tidak memadai dengan itu, Kerajaan Negeri Pahang yang apa namanya telah meminta bantuan daripada Jabatan Pendidikan supaya pujuk anak-anak ini kalau seandainya boleh mereka ini duduk di asrama bersama dengan cikgu mereka dan rakan-rakan mereka supaya mereka dapat belajar sebagaimana orang lain dapat belajar juga. Sebab itulah kita ada sekolah rendah, pelajar lelaki seramai 303 orang yang duduk di asrama, pelajar perempuan seramai 358 orang yang duduk di asrama yang membawa jumlah kepada 661 orang di seluruh Pahang pelajar Orang Asli ini berada duduk di asrama untuk mendapat pendidikan daripada sekolah-sekolah kita dan juga kalau kita perhatikan di DUN Tahan kita telah minta pujuk anak-anak Orang Asli ini duduk di asrama.

Seramai 7 orang pelajar lelaki berjaya kita pujuk untuk duduk di asrama dan 3 orang pelajar perempuan yang membawa jumlah seramai 10 orang yang berada di asrama di sekolah di DUN Tahan. Alhamdulillah, usaha tidak terhenti sekadar itu sahaja, Kerajaan Negeri Pahang juga telah menggemblengkan tenaganya melalui Yayasan Pahang. Apabila biasiswa yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri sebentar tadi dan juga Yang Berhormat Dato' Sri Benta juga dilebarkan kepada pelajar-pelajar Orang Asli untuk mereka mendapat dan menikmati biasiswa sekolah rendah dan biasiswa sekolah menengah.

Untuk pelajar Sekolah Rendah seramai 2,025 orang pelajar di seluruh Pahang telah menikmati, pelajar Orang Asli di seluruh Pahang menikmati biasiswa Sekolah Rendah dan 1,800 orang pelajar Orang Asli sekolah menengah yang juga dapat menikmati biasiswa Sekolah Menengah daripada Yayasan Pahang.

Setelah itu, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar pada tahun lepas tidak berpuas hati dengan prestasi rayuan, pendidikan pelajar-pelajar Orang Asli, Yang Amat Berhormat Dato' Sri telah minta Yayasan Pahang memperkenalkan satu program Baca Cepat Kawanku (BCK). Pada 2022, seramai 352 orang pelajar telah kita ambil untuk masuk di dalam program ini yang asalnya mereka bukan sahaja tidak

pandai membaca, menulis dan mengira, tidak kenal apakah huruf dan angka. Alhamdulillah berkat idea murni, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar kita mereka ini telah reti membaca, mengenal huruf dan boleh mengira dengan baik Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

Kita juga pada tahun 2023 ini kita pertingkatkan lagi jumlah pelajar yang apa namanya Orang Asli yang tidak tahu menulis, membaca dan mengira ini untuk dibawa di dalam program ini, seramai 505 orang Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

Merujuk kepada persoalan, berapakah ramai pelajar Orang Asli yang berada di sekolah pada ketika ini? Di seluruh Pahang, kita mempunyai jumlah murid seramai 10,129 orang pelajar sekolah rendah, 4,123 orang pelajar sekolah menengah. Manakala di DUN Tahan, kita mempunyai 152 orang pelajar sekolah rendah dan 16 orang pelajar sekolah menengah. Walaupun demikian, usaha yang telah kita buat, kenyataan yang telah kita dapat daripada pembentangan ini, saya juga bagi pihak kerajaan negeri merayu kepada rakan-rakan Ahli Dewan semua agar kita berganding bahu dari semasa ke semasa memujuk sedara mara kita, rakan taulan kita daripada masyarakat Orang Asli ini supaya mereka minat untuk belajar, sekolah dan kerajaan negeri akan berusaha sedaya mungkin sesuai dengan kehendak Orang Asli itu.

Kalau dia nak belajar cara berkaraoke, kita sedia karaoke Dato' Sri Yang di-Pertua. Kalau dia nak belajar…cara apa namanya sambil bermain, sedia alam sekitar dia, kita pergi ke kampung dia, bawa cikgu, ajar. Ini Yayasan Pahang buat begini dengan JPNP. Terima kasih, Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Soalan seterusnya, soalan nombor empat. Sila, Yang Berhormat dari Beserah.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Assalamualaikum WBT, salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya kemukakan soalan saya, nombor empat.

[Mohon nyatakan

a) Jumlah peruntukan yang diterima daripada kerajaan persekutuan untuk kerja-kerja membaiki jalan raya seluruh negeri Pahang pada tahun 2021 dan 2022?

b) Berapakah jumlah peruntukan yang dikeluarkan oleh kerajaan negeri untuk kerja-kerja mambaiki jalan raya negeri Pahang untuk tahun 2021 dan 2022?]

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada rakan saya ADUN Beserah. Daripada dulu sampai sekarang, tak pernah lekang dengan soalan. Mungkin saya sama kampung dengan dia.

Yang pertamanya untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, panjang keseluruhan jalan persekutuan di dalam Negeri Pahang adalah yang terpanjang dalam Malaysia, lebih daripada 3,900 km. Manakala jalan negeri ataupun kita namakan jalan MARRIS.

MARRIS ni Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, adalah bermaksud *Malaysian Road Records Information System,* MARRIS dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Dinamakan jalan MARRIS ataupun jalan yang menyeliputi jalan negeri, jalan kampung dan juga jalan ladang. Itu dinamakan jalan MARRIS. Dalam Negeri Pahang ni adalah berjumlah lebih daripada 43,036 km.

Untuk makluman YB Beserah, peruntukan tahunan yang kita terima untuk membaiki jalan raya di dalam Negeri Pahang ini, kita telah bahagikan kepada dua kategori. Pertamanya, peruntukan penyelenggaraan jalan persekutuan dan keduanya adalah peruntukan penyelenggaraan jalan MARRIS yang lebih dikenali sebagai jalan negeri yang meliputi inilah jalan negeri, jalan kampung dan juga jalan ladang.

Peruntukan sebagaimana soalan Yang Berhormat ADUN Beserah, peruntukan yang diterima bagi tahun 2021 dan 2022 adalah seperti berikut, permohonan yang kita buat pada tahun 2021 adalah berjumlah RM250 juta dan pada tahun 2021 juga permohonan tersebut telah diluluskan hanya sebanyak RM157 juta. Dan pada tahun 2022, permohonan yang kita buat oleh pihak Kerajaan Negeri adalah sebanyak RM391 juta manakala kelulusannya hanyalah sebanyak RM132 juta sahaja. Hampir separuh.

Manakala peruntukan yang diterima oleh jalan negeri pada tahun 2021 dan 2022 di bawah Jabatan Kerja Raya adalah seperti berikut, 2021 sebanyak RM254 juta dan 2022, RM262 juta. Semuanya ini jalan negeri adalah bergantung kepada panjangnya jalan yang ada dalam negeri kita. Kalau dulu ada 30,000, dia bayar ikut 30,000. Kalau kita ada 45,000 kilometer, dia bayar ikut 45,000 kilometer.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Sidang Dewan juga, pertambahan yang ketara dalam jalan negeri ini adalah salah satu yang saya ingat adalah satu usaha yang tak putus-putus daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita. Dulu ada 30,000 sahaja, tapi dengan kesungguhan Yang Amat Berhormat Menteri Besar akhirnya telah didaftarkan lagi jalan MARRIS ini kepada 43,000. Tahniah dan terima kasih Yang Amat Berhormat. (Ahli Dewan menepuk meja) dan akhirnya kita telah menerima lebih banyak peruntukan untuk menyelenggara jalan-jalan negeri dalam negeri Pahang. Sekian terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Soalan tambahan sila.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih Wakil Kerajaan di atas jawapan yang begitu lengkap tentang data. Saya suka nak tanya soalan ni bukan apa, sebab kita kena maklumkan kepada *public*, kepada rakyat betapa susahnya untuk kita nak menyelenggara jalan yang rosak dengan 3,900km panjang seluruh Negeri Pahang untuk *federal,* 43,000km untuk jalan luar bandar, kampung dan sebagainya. Jadi kalau Kerajaan Persekutuan hanya luluskan setakat RM157 juta untuk ini, kita hanya dapat lebih kurang 1,000 lebih saja 1km kos penyelenggaraan yang memang sudah pasti bila kita tampal biasa saja, itu je lah kos yang boleh dapat.

Jadi, ini yang sebenarnya kita nak bagi faham kepada masyarakat supaya tidak timbul kekeliruan ataupun salah faham dari sudut penyelenggaraan ini. Sebab itu saya

bangkitkan ini, soalan tambahan saya adalah adakah jumlah yang diterima ini sejajar dengan panjang dan luasnya jalan kita ini berbandingkan dengan negeri-negeri lain? dan adakah perbandingan kita buat dengan negeri-negeri lain yang dapat memberikan orang kata apa keadilan dari sudut jumlah diterima dengan jumlah keluasan panjang yang kita ada.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon izin mencelah daripada rakan sejawat saya daripada kerajaan. Saya ucapkan terima kasih kepada ADUN Beserah yang nampaknya begitu prihatin yang berusaha untuk memahamkan *public* dan tetapi apa yang saya lihat, tidak. Alam nyata tidak jadi begitu, banyak *public* yang mempersoalkan Kerajaan Negeri. Cuma di sini saya nak beritahu kepada Yang Berhormat, kita memohon peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan, setelah kita mengadakan perbincangan dengan Jabatan Kerja Raja (JKR).

Daripada dulu lagi saya tengok *track record* sebagai contohnya kalau JKR mengemukakan kepada kita untuk tahun ini perlu RM500 juta, untuk *repair* seluruh jalan di negeri Pahang ni. Tetapi kelulusan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan, tak sampai RM500 juta. RM150 juta, RM200 juta. Ini masalahnya, dan sudah tentulah ada jalan-jalan yang tidak dapat kita *repair,* kita baiki dengan kadar yang segera.

Walau bagaimanapun Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya telah membangkitkan perkara ini, di dalam Mesyuarat Menteri-Menteri Besar bersama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, selain daripada isu air, sekarang ni isu jalan. Kerajaan Persekutuan ada menyatakan baru-baru ini mengatakan bahawa sekarang ini jalan negeri ditambah baik, sebabnya ada peruntukan khas khusus yang diberikan, tetapi Jalan Persekutuan, memang bertambah teruk sebab tidak ada peruntukan yang diberikan. Jadi saya telah kemukakan masalah ini.

Jadi sama-samalah kita berdoa apabila Kerajaan Negeri memohon, bukan kita datang angka RM500 juta datang begitu saja. Ini angka yang dikaji, yang disediakan oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang. Dengan alasan-alasan, dengan lokasi-lokasi tertentu. Tetapi Kerajaan Persekutuan meluluskan tidak sampai setiap mana yang diminta. Ini halangan kita. Sekian, untuk makluman ADUN daripada Beserah. Terima kasih Dato’ Sri Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Boleh...boleh. Sangat boleh.

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Untuk makluman sidang Dewan, pekara yang berkaitan dengan jalan raya ni, memang tak habis-habis kita bincanglah dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, dan kita menggunakan apa saja cara untuk kita memastikan bahawa kita kalau boleh nak dapatkan peruntukan yang lebih, dan kita juga berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah membawa isu ini dalam Mesyuarat Jemaah Menteri, supaya perhatian yang lebih dapat diberikan kepada negeri Pahang yang mempunyai jalan yang sangat panjang ini, dan saya terima juga kepada soalan daripada ADUN Beserah, kerana sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Ahmad Berhormat Menteri Besar,

peruntukan yang kita terima sejak daripada 2015 sampailah sekarang boleh dikatakan purata yang yang diluluskan hanyalah 40%.

2015 sampai 2022 ini hampir 8 tahun, sedangkan jalan umur jalan ini adalah berusia 7 tahun je maksimum. Kalau lebih 7 tahun, dia kira dia dah meninggallah. Manakala buat baru, ganti baru, korek baru, buat baru yang lebih mahal. Jadi sebab itu kadang-kadang kita ni nasib kita dahlah lulus 40% tapi bila baru-baru ni bulan 11, 12, 1, 2 hujan pula lebat, peruntukannya tak ada, kurangnya peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan yang hantar kat sini mengakibatkan kerosakan yang teruk dan menjejaskan kepada pengguna-pengguna jalan raya. Tetapi jalan negeri tak ada masalah sangat. Jalan Persekutuan ni yang kita mengharapkan bajet dan peruntukan daripada kerajaan pusat yang diluluskan hanya 40%.

Contoh Yang Berhormat Yang di-Pertua, kita mohon 2018, RM279 juta, yang lulus RM49 juta je. RM279 juta ini, kita mohon kepada Kerajaan Persekutuan. Diluluskan hanya RM49...RM45 juta. Bukan kita main mohon je. RM279 juta ini, yang sebagaimana dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, adalah diselaraskan oleh Jabatan Kerja Raya mengikut keperluan. Maknanya kalau umur tu dah sampai, dia kena turap. Kalau jalan tu kena teruk sangat sampai umur dia, Yang Berhormat ADUN Beserah, dia kena baiki semula. Jadi keseluruhan pada 2018 itu, dikumpul-kumpul di semua di seluruh negeri Pahang, RM279 juta, lulus RM49 juta. 2022, kita mohon RM333 juta, lulus RM75 juta je. Macam mana nak *repair*?

Ibaratnya kalau kita buat rumah, kita rumah kita nak harga RM100 ribu, dia berikan RM30 ribu je. Maknanya mungkin tak ada atap, tak ada apalah, tak ada simen, tak ada *tile*, tak ada apa, tak ada bilik air. Maknanya begitulah juga jalan raya, kalau kita mohon sebanyak RM300 juta, lulus RM75 juta, sudah tentu akan kita menghadapi masalah.

Dan tahun ini, kita memohon lebih daripada RM400 juta. RM491 juta, kita mengharapkan peruntukan yang lebih dapat diberi kepada Kerajaan Negeri, supaya dapat menangani masalah jalan raya ini. Saya berharap dengan penjelasan ini serba sedikit ini, dapatlah Yang Berhormat ADUN Beserah memberikan sama-sama, memberikan penjelasan kepada seluruh rakyat Negeri Pahang ini…supaya tidak menyalahkan Kerajaan Negeri semata-mata. Sebab kita pun punyai peruntukan terhad dan kita terpaksa meng...mengagihkan juga peruntukan kepada perkara-perkara yang lain. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih.

YB TUAN HAJI ROSLI BIN ABU JABAR

Soalan tambahan.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Yang di-Pertua. Jadi er…pertamanya, sebagaimana kita tahu ada syarikat-syarikat yang menjalankan projek di berhampiran jalan seperti Jalur Cahaya dan sebagainya yang mana mengakibatkan berlaku kerosakan jalan yang agak teruk. Soalannya adakah pihak pemaju tersebut turut sama mengeluarkan belanja untuk pembinaan jalan tersebut? Kerana kalau harap kepada Kerajaan Negeri sahaja, rugilah dia guna jalan Kerajaan Negeri dan kemudian dia tak keluarkan sebarang perbelanjaan untuk membina kembali jalan.

Yang kedua berkaitan dengan jalan luar bandar. Er...juga berkait dengan pemaju. Apabila pemaju dia er… majukan satu tempat. Di antaranya, kalau saya bagi contoh, di Kampung Pak Mahat. Di sana ada dua syarikat iaitu Adenland yang buat perumahan dan satu lagi Jalur Cahaya yang bina pembentungan. Jadi, er...mengikut maklumat daripada Ketua Kampung, er… jalan ke Kampung Pak Mahat daripada flat Pak Mahat ke Kampung Pak Mahat itu er... er...disepakati untuk er…dibina oleh kedua pemaju tersebut.

Jadi, difahamkan hanya Jalur Cahaya sahaja yang bina jalan dan kemudian separuh lagi yang Adenland itu sepatutnya dia bina, dia tak bina. Jadi jalan tu terputuslah. Tak ada jalan dan kemudian ada jalan. Yang Jalur Cahaya dah bina, Adenland tak bina, dan dipahamkan kepada saya bahawa telah ada perbincangan dengan Adenland tapi Adenland dia tak nak bina juga jalan tu. Jadi dia sukarlah kepada orang kampung. Insya-Allah.

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Terima kasih kepada ADUN YB Tanjung Lumpur. Er… sebagaimana yang kita saya tahu, yang dimaklumkan bahawa yang dimaksud dengan jalan tadi adalah dia melibatkan Jalur Cahaya. Jadi Jalur Cahaya ini dia telah melaksanakan program untuk er... kumbahan, sistem kumbahan berpusat. Yang ini dilaksanakan di seluruh bandaraya Kuantan bagi memastikan sistem kumbahan yang lebih bersistematik dapat dilaksanakan di dalam bandaraya kita. Dan ini semua adalah tertakluk di bawah pengawasan pihak Majlis Bandaraya Kuantan. Dan ini di pihak Majlis Bandaraya Kuantan juga, kita telah menubuhkan satu *taskforce* juga.

Maknanya untuk kita menangani masalah yang berkaitan dengan pembinaan yang berkaitan dengan kualiti jalan raya dalam bandaraya ini. Kualiti jalan raya. Jadi kalau kena Jalur Cahaya itu, kita memberikan peringatan. Saya dimaklumkan begitu oleh Pihak Bandaraya. Kita sentiasa memantau dan memastikan pihak Jalur Cahaya membaiki semula jalan-jalan yang rosak akibat daripada pembinaan sistem pembentungan berpusat ni.

Jadi yang seperti Jalur... Adenland tadi, ada juga tertakluk kepada Majlis Bandaraya Kuantan dan pihak Yang Berhormat boleh juga menyalurkan maklumat tersebut kepada pihak Majlis Bandaraya ataupun Ahli Wakil Kerajaan kita daripada untuk Bandaraya untuk bersama-sama kita melihat perkara ini dan memastikan bahawa setiap permasalahan itu dapat kita tangani dengan sebaik yang mungkinlah untuk Majlis Bandaraya. Dan ini adalah satu perkara-perkara yang dapat kita adakan kerjasama antara Wakil-wakil Yang Berhormat untuk memberikan maklumat kepada pihak kerajaan untuk diambil tindakan yang sepatutnya.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Soalan seterusnya. Wakil Soalan nombor 5 ya. Er… Yang Berhormat dari Bukit Ibam.

YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 5.

[Apakah status terkini Perumahan Generasi Kedua Felda di Chanis?

Adakah projek ini telah diambil alih oleh Kerajaan Negeri Pahang ?]

YB TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, terima kasih Yang di-Pertua. Di bawah portfolio FELDA ni memang banyak soalan-soalan berkaitan dengan rumah generasi baru FELDA ni dan saya di sini mengucapkan terima kasihlah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang mengambil inisiatif menerusi agensi Kerajaan Negeri kerana langkah ini dapat membantu... membantu kepada generasi kedua dan juga kepada FELDA bagi menyelesaikan masalah berkaitan dengan rumah generasi baru FELDA ni.

Jadi berhubung dengan pertanyaan daripada Bukit Ibam, Bukit Ibam bertanya apakah status terkini perumahan generasi kedua FELDA di Chanis? Dan adakah projek ini telah diambil alih oleh pihak Kerajaan Negeri?

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Perumahan Generasi Baru FELDA Chanis di FELDA Keratong 7 itu sebanyak 400 unit merupakan salah satu daripada 10 projek PGBF yang telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri Pahang secara usaha sama dengan syarikat KMDI Holding Sdn. Bhd. yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Pahang Ke-30 tahun 2022, perkara A2 pada 3 Ogos 2022.

Semua projek yang telah diambil alih oleh Kerajaan Negeri Pahang dijenamakan semula kepada Skim Rumah Pahang. Pembelian pembeli Rumah Pahang akan diuruskan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang melalui sistem e-Perumahan dan tertakluk kepada terma-terma. Soalan ini lebih kurang sama dengan soalan saya hari pertama dulu.

Jadi, antara terma-terma dia ialah pemohon adalah kalangan generasi kedua FELDA yang menetap atau bekerja di negeri Pahang di dalam kawasan berkenaan sahaja atau kawasan yang sama, daripada warganegara Malaysia dan keutamaan kepada rakyat di bawah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, jumlah pendapatan isi rumah tidak melebihi daripada RM5,000.00 sebulan, tidak mempunyai tanah ataupun dengan syarat nyata bangunan atau rumah kedua-dua sekali atau kedua-dua sekali yang didaftarkan atas nama pemohon atau suami isteri, tidak pernah memiliki rumah atas nama pemohon dan isteri, bukan seorang peserta di bawah Rancangan Pembangunan Tanah atau Rancangan Penempatan Semula yang dianjurkan oleh pihak kerajaan dan telah menetap dan tinggal di negeri Pahang secara terus menerus tidak kurang daripada 5 tahun.

Sekian, terima kasih Yang di-Pertua.

YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Soalan tambahan daripada saya. Terima kasih kepada Yang Berhormat Muadzam Shah atas jawapan dan saya ingin merakamkan terima kasih dan syabas kepada Kerajaan Negeri Pahang atas keprihatinan ini dan usaha ini dapat menyelamatkan projek ini yang terbengkalai sekian lamalah di Keratong 7 ini. Cuma soalan saya, selain

daripada usaha ini ataupun inisiatif yang diambil, adakah Kerajaan Negeri bercadang juga untuk mengagihkan lot-lot kosong untuk generasi kedua FELDA? Terima kasih.

YB TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada soalan tambahan yang dikemukakan oleh Bukit Ibam. Jawapan kepada soalan itu memang ini salah satu usaha inisiatif daripada Kerajaan Negeri Pahang untuk melihat kawasan-kawasan dalam kawasan FELDA yang ada tanah kosong untuk kita bagi tapak-tapak rumah. Insya-Allah benda ini sedang berjalan dan kita akan lihat satu persatu kawasan-kawasan rancangan FELDA di negeri Pahang. Sekian, terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Soalan seterusnya Wakil daripada Chenor.

YB TUAN MUJIBUR RAHMAN BIN ISHAK

Assalamualaikum WBT. Dato' Sri Yang Pertua, soalan saya nombor 6.

[Mohon penjelasan status terkini pembinaan perumahan PAKR Chenor yang telah lama terbengkalai:

a) Adakah Kerajaan Negeri telah mengambil alih untuk menyiapkannya daripada kontraktor asal?

b) Bilakah jangkaan perumahan ini akan siap sepenuhnya?]

YB DATO' SRI JOHARI BIN HARUN

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. Salam sejahtera selamat pagi.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Yang Berhormat Chenor bertanya berkenaan dengan Projek Perumahan Awam Kos Rendah Chenor yang soalannya adakah Kerajaan Negeri telah ambil alih untuk siapkan projek ini dan bilakah jangka masa siapnya.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sebelum ni tadi soalan nombor 5 juga ialah berkaitan dengan projek terbengkalai juga. Sebagai contoh di FELDA tadi 10 projek yang dibuat oleh FELDAlah sebelum tu kan… FELDA yang 10 projek, macam banyak projek jugalah untuk 10 tapak, 10, 10 fail, dengan izin. Ini memang satu masalah dan begitu juga dengan PAKR Chenor ni tadi. Gagal juga.

Jadi, Kerajaan Negeri selepas pada ni akan bertindak dengan begitu... Orang kata apa? Tegaslah. Insya-Allah lepas pada ni kita akan memastikan projek-projek perumahan yang berkaitan dengan kerajaan ni kita akan pastikan kita akan tapis pemaju-pemaju ni supaya lebih serius lagi. Saya memandang memang seriuslah orang kata apa, bila masalah projek perumahan ni bila terbengkalai, dia bukan saja projek tu terbengkalai, dia melibatkan kesusahan yang begitu ketaralah kepada pembeli khususnya bila contohnya seseorang tu beli rumah.

Pemaju baru nak buatlah, dah masuk perjanjian dan 30% perumahan itu berjalan, terbengkalai. Perjanjian dah *sign*, bank dah *sign*, bank dah potong. Jadi kalau dia menyewa rumah, dia kena bayar sewa, lepas tu bank dah potong pun kena bayar juga apa namanya ni pinjaman. Ini memang banyak perkara ni saya dah perhatikan. Insya-Allah dengan Lembaga Perumahan yang ada sekarang ni yang dah diwujudkan pada tahun 2022, insya-Allah kita akan memastikan selepas pada ni, masalah-masalah projek terbengkalai ni kita akan atasi.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Projek Perumahan Awam Kos Rendah Chenor ini telah lama terbengkalai sebenarnya dan pelbagai masalah dihadapi oleh kontraktor iaitu JNS Holdings Sdn. Bhd., nama sedap… dan banyak masalah dihadapi ialah dan setelah bergelut dengan pelbagai masalah dan tarik tali antara kontraktor dan kerajaan, akhirnya Kerajaan Negeri, kita tamatkan perjanjian dengan syarikat berkenaan dan pada bulan September tahun lepas 2022, Kerajaan telah melantik PKNP, telah melantik PKNP mengambil alih projek tersebut dan pada bulan 12 tahun lepas, PKNP telah melantik kontraktor baru untuk meneruskan projek ini dan kerja-kerja awalan kerja pembersihan sebab projek ni dah lama terbengkalai telah dimulakan di tapak.

Seterusnya PKNP perlu memasuki semula kebenaran merancang untuk memulihkan projek ini dimulakan semula dan terkini PKNP menyasarkan segala proses teknikal dan juga Kebenaran Merancang ini akan selesai pada bulan Julai tahun ini, Julai 2023 dan kerja-kerja sebenar insya-Allah akan bermula pada bulan Ogos 2023 untuk tempoh yang ditetapkan selama 18 bulan. Maka tarikh siap sepenuhnya projek ini adalah pada Februari 2025.

Insya-Allah Yang Berhormat Chenor, saya sendiri akan memantau rapat walaupun PKNP, saya akan memantau rapat dia orang untuk memastikan projek ini untuk berjaya dan mengelakkanlah segala sebarang kegagalan ataupun kelewatan yang kita tidak mahu lihat, insya-Allah, terima kasih Yang di-Pertua.

YB TUAN MUJIBUR RAHMAN BIN ISHAK

Terima kasih jawapan daripada pihak kerajaan. Alhamdulillah, kita melihat keprihatinan EXCO Perumahan terhadap rumah yang telah lama terbengkalai. Saya difahamkan bahawa projek ini adalah projek silang di mana pemaju JNS Holdings itu telah pun diberikan tanah untuk menyiapkan perumahan awam kos rendah ini. Jadi bila dia gagal, apakah kerajaan bercadang nak tarik semula tanah yang dikurniakan, diberikan kepada JNS itu.

Kemudian yang keduanya berkenaan dengan status pemohon rumah ini, saya dimaklumkan bahawa dah ada pemohon-pemohon tak ada rumah ini dan sebahagian mereka ada dah meninggal. Jadi, apabila siap kelak apakah akan dibuka semula kepada pemohon-pemohon yang baru? Terima kasih.

YB DATO' SRI JOHARI BIN HARUN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Ya projek ini, Projek PAKR Chenor ni adalah projek silang di mana ada 2 keping tanah yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri sebagai balasan kepada projek perumahan yang bernilai RM12 juta lebih kurang. Jadi syarikat dan juga kerajaan telah pun memasuki perjanjian. Dan perjanjian ini, maknanya kita akan sudah pasti mematuhi

lah perjanjian yang telah termaktub. Apa yang saya difahamkan, secara jujurnya, er... pemberian tanah itu adalah mengikut peratusan er... kemajuan kerja. Ya, setelah dia melepasi 50% daripada er... kemajuan projek tersebut, sebelum ini, dia er... *claim* separuh daripada tanah yang dijanjikan tersebut. Dan benda itu memang telah pun diberi kepada syarikat berkenaanlah.

Dan kita akan memerhati semula perjanjian ini sebabnya dia buat rumah ini bukan separuh. Contohnya kalau 200 rumah, dia dah siap 100, itu takpe jadi dia bawa ni separuh, dapatlah tanah itu tetapi dia buat serentak maknanya separuh, memang rumah tak siap lagilah. Tetapi dalam perjanjian itu, dah nyatakan bahawa dia kena, makna Kerajaan Negeri kena er... mematuhi perjanjian tersebut.

Jadi kita akan lihat semula perkara ini. Sama ada kalau kita tidak menolak kemungkinan kalau kita perlu kita ambil alih, kita ambil balik, kita tarik balik tanah ini kalau kita perlu, kalau kita ikut perjanjian ataupun undang-undang membenarkan, kita akan, kita akan lihat semula perkara ini.

Dan keduanya tentang pemohon yang dah, sebab lama, projek ini lama sangat. Jadi yang dah meninggal, kita, yang penting kita siapkan rumah ini dulu. Dan kita akan lihat semula, er... mungkin kita akan buka semula dan sebagainya permohonan yang baru.

Dan mungkin yang ada permohonan yang meninggal itu kita tengok ahli keluarga dan sebagainya, kita akan pastikan apa namanya bahawa kepentingan yang pemohon sebelum ni mungkin dah ada dipilih dan sebagainya. Kita akan cubalah, cuba untuk bantu. Dan apapun, bila dah siap esok kita akan selaraskan semula. Kita akan dapatkan semula apa namanya ini apa pemohon…permohonan yang baru. Terima kasih Yang di-Pertua.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Yang di-Pertua, soalan tambahan.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Terima kasih. Di antara faktor kegagalan kontraktor ialah kerana kenaikan kos selepas COVID-19. Dan purata peningkatan lebih daripada 20%. Kerajaan Persekutuan pada umumnya bersetuju untuk tingkatkan jumlah 20% itu kepada pemaju supaya projek ini tak terbengkalai dan rakyat tak rugi, kerajaan juga tidak rugi. Soalan saya apakah Kerajaan Pahang juga boleh menimbangkan cadangan yang sama untuk menilai balik kos awal yang diberi sebelum kenaikan kos mendadak selepas COVID-19 kepada pemaju-pemaju yang sedang berjalan ataupun kita *stick* dengan kos asal yang kita *offer* kepada dia? Terima kasih.

YB DATO' SRI JOHARI BIN HARUN

Terima kasih Yang di-Pertua. Kita lihat perkara ini, terima kasih atas soalan tambahan daripada Yang Berhormat Cheka. Kita perhati kepada dua, satu kepada projek-projek perumahan yang melibatkan kerajaan, satu yang swasta. Jadi kita memahami Kerajaan Persekutuan pun memang mengambil perhatian yang jelaslah untuk apa yang boleh dibantu.

Sebagai contohnya macam harga simen, yang di apa dikurangkan dan sebagainya untuk meringankanlah beban. Cuma dari segi pihak kerajaan, projek-projek perumahan, sebagai contohnya PR1MA, itu yang kita tengah, sikit lagi kita tengah semak, untuk, nombor satu, tentang harga yang diminta oleh kebanyakan pemaju. Dan mungkin insentif-insentif lainlah yang saya tak dapat nak umumkan sekarang sebab masih lagi dalam, dalam orang kata apa er... penilaian sikit lagi.

Mungkin dalam sebulan dua lagi kita akan apa namanya umumkan insentif-insentif ini. Ini projek yang berkaitan dengan kerajaan. Termasuklah rumah RRP dan sebagainya yang harganya memang RM75,000.00. Ada kontraktor yang boleh buat, ada yang serahkan balik projek. Jadi kita faham itu. Jadi, selain daripada itu, kita Kerajaan Negeri cuba juga lah orang kata apa, apa juga apa namanya ini apa, kita pun kalau nak naikkan harga pula, beban pula kepada pembeli. Itu satu masalah dah, masalah juga.

Sebagai contohnya, ada satu skim perumahan itu makna RM80,000.00, kita nak naikkan ke RM95,000.00 supaya pemaju dapatlah orang kata apa bernafas sikit tapi akan bebankan kepada kumpulan B40 ini tadi. Jadi, insya-Allah Kerajaan Negeri akan tengok lah apa boleh yang kita lakukan tapi saya nampak lebih kepada insentif. er... insentif. Insentif sebagai contoh adalah macam untuk PR1MA itu kita bagi lagi orang kata apa insentif macam dia boleh er... satu projek perumahan tu 50% buat PR1MA, 50% buat apa namanya pembangunan bercampur.

Sebelum inilah, ini praktik yang apa ini yang dasar kita ada sekarang. Kita akan naikkan. Maknanya yang projek bercampur itu boleh, boleh lebih daripada 50%. Itu yang kita akan antara er... usaha yang kita lakukan. Terima kasih Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Soalan seterusnya, saya benarkan 2 soalan sahaja. Wakil daripada Beserah, dia aktif. Lepas ini boleh tanya soalan lain pula. Er... seterusnya wakil daripada Semambu.

YB TUAN CHAN CHUN KUANG

Selamat pagi dan salam Malaysia MADANI, saya ingin kemukakan soalan nombor 7.

YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera saya ucapkan kepada Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

Terima kasih di atas soalan yang dikemukakan oleh sahabat saya, YB Semambu. Sahabat saya telah bertanyakan apakah fasiliti dan pemudahcara yang diperkenalkan kepada pelabur-pelabur yang ingin melabur di negeri Pahang oleh Kerajaan Negeri Pahang.

Baik, dalam usaha menarik pelabur ke negeri Pahang, terdapat pelbagai insentif dan kemudahan yang disediakan oleh pihak Kerajaan Negeri. Dan untuk makluman Yang Berhormat, antara inisiatif Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:

Pertamanya, Bahagian Pelaburan dan Penswastaan bertindak sebagai One Stop Agency bagi memudahcara urusan pelaburan bersama dengan Syarikat-syarikat

Berkaitan Kerajaan ataupun dengan izin, State Government-Linked Company serta agensi-agensi teknikal di peringkat negeri dan persekutuan.

Selain itu, Perbadanan Setiausaha Kerajaan juga telah membangunkan laman web, laman sesawang investpahang.com sebagai usaha mempromosikan maklumat-maklumat berkaitan peluang pelaburan di negeri Pahang, seperti Taman Industri, lokasi dan sebagainya.

Manakala, bagi memudahcara proses permohonan pelaburan pula, PSK dalam proses membangunkan sistem Invest Pahang Business Suite. Jadi, Invest Pahang Business Suite ini merupakan satu penambahbaikan daripada sistem yang sedia ada iaitu e-pelaburan di mana semua permohonan pelaburan dapat dibuat atas talian secara sepenuhnya. Ianya dapat memudahkan urusan para pelabur.

Dan seterusnya, Bahagian Pelaburan dan Penswastaan bersama Unit Antarabangsa turut memudahcara permohonan pelaburan asing serta domestik dengan mengadakan jawatankuasa pra-pelaburan dan jawatankuasa ini berfungsi untuk meneliti cadangan-cadangan projek dan menapis projek-projek yang memberi kebaikan yang tinggi, potensi yang tinggi untuk dibangunkan dalam negeri Pahang.

Para pelabur yang berkelayakan akan turut ditawarkan insentif-insentif daripada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dan agensi-agensi pusat lain yang berkaitan. Terima kasih.

YB TUAN CHAN CHUN KUANG

Yang di-Pertua, saya ingin kemukakan soalan tambahan. Terima kasih atas penjelasan daripada YB Peramu Jaya. Saya cuma nak tanya berkenaan dengan tadi, Yang Berhormat, menyatakan mengenai e-pelaburan dan juga One Stop Centre. Contohnya, kalau sebuah syarikat pelabur mereka membuat *investment* di negeri Pahang ini, berapa tempoh dan berapa lama untuk mereka dapat kelulusan? Terima kasih.

YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Terima kasih di atas soalan tersebut. Apabila para pelabur ingin membuat satu pelaburan, kita ada pelbagai jenis kriteria yang kita perlu lihat. Antaranya apa itu, potensi pembangunan dan kekuatan kewangan er...dan mereka perlu mematuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh pelbagai Agensi Kerajaan Tempatan seperti er... Pejabat Tanah dan Galian, Majlis Daerah dan sebagainya. Dan lain-lain syaratlah seperti, untuk mendapat er... Kebenaran Merancang dan sebagainya.

Ia, ia bergantung kepada maklumat yang diberikan kepada, er...diberikan oleh para pelabur. Sekiranya maklumat lengkap, dan kita boleh, apa proses. Biasanya dalam masa setahunlah, tapi kita, kalau boleh, kita ada projek yang kita boleh *fast track* ke 6 bulan. Sekiranya maklumat-maklumat lengkap dan kita dapat kerjasama penuh daripada pelabur dan agensi-agensi er...mendapati dokumen yang diberikan, maklumat yang diberikan dari segi kewangan, pematuhan syarat dan sebagainya sebenarnya lengkap. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk ucapkan terima kasih kepada YB Semambu yang bantu saya memberi pencerahan mengenai jumlah pelaburan pada 2022 yang berjumlah RM20.5 billion di mana dia pecah kepada FDI dan DDI terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih.

YB TUAN HO CHI YANG

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya.

> [Adakah Kerajaan Negeri Pahang mengenal pasti sektor-sektor yang strategik agar kerajaan negeri boleh mempercepatkan pemindahan teknologi, pemindahan kemahiran dan merancakkan transformasi ekonomi negeri Pahang?]

YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Terima kasih di atas soalan daripada sahabat saya, Yang Berhormat Tanah Rata. Berkenaan dengan soalan itu, satu soalan yang menarik dan sudah tentu Kerajaan Negeri Pahang ingin mengenal pasti sektor-sektor yang berpotensi tinggi untuk dibangunkan di negeri Pahang. Bagi pendapat saya, Kerajaan Negeri Pahang perlu er... perlu apa tu... perlu ambil peranan untuk dengan izin, *play to our strength*lah. Kita kena melihat kekuatan kita sebagai negeri Pahang er...sebagai contoh saya berpendapat Kerajaan Negeri Pahang mempunyai potensi yang besar dalam sektor pertanian terutama sekali AgriTech di mana saya berpendapat kita ada begitu banyak lagi tanah yang boleh diusahakan supaya kita akan menjadi pengeluar makanan yang terbesar dalam Malaysia…kita ada potensi itu.

Jadi, kita boleh lihat contoh di Holland di mana, di mana saiz negara itu 1/200 daripada Amerika Syarikat. Tetapi yang menariknya dengan negara Belanda ni negara Holland ni dia adalah pengeksport pertanian dan makanan kedua terbesar di dunia, belakang Amerika Syarikat. Walaupun saiznya tidak berapa besar. Ini kerana mereka menggunakan begitu banyak teknik Pertanian Moden seperti *Appreciation Farming* menggunakan IoT di mana mereka *Internet of Things* dengan izin di mana mereka boleh apa er... membekalkan sensor-sensor kepada ladang-ladang pertanian untuk mengukur dengan begitu tepat, baja yang diperlukan suhu yang yang tepat dan lain-lain input seperti air yang diperlukan untuk tanaman-tanaman tertentu seperti sayur-sayur dan sayur-sayuran, buah tomato, buah-buahan dan sebagainya.

Dan kita juga menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang di mana baginda ingin melihat apa-apa pelaburan yang masuk ke dalam negeri Pahang ini perlulah mesra alam sekitar…tidak melakukan pencemaran yang begitu teruk. Sebagai contoh, kita ada pelaburan di Paloh Hinai, kawasan sahabat saya YB Chini di mana ada satu syarikat bernama Nextgreen Pulp & Paper, di mana syarikat ini adalah contoh terbaik syarikat yang menggunakan Green Teknologi.

Green Teknologi dan saya menyifatkan syarikat ini sebagai syarikat yang berada dalam pasaran Blue Ocean dengan izin. Maksudnya Blue Ocean ni syarikat ini masuk dalam pasaran yang tidak boleh tidak maaf tidak pernah dijejaki oleh mana-mana syarikat. Jadi, persaingan tidak terlalu hebat berbanding apa, er... apa dengan industri F&B ataupun makanan mana terlalu banyak pesaing sebagai contoh, dalam sektor Green Technology ini tidak terlalu banyak pesaing yang satu dunia bergerak ke arah Teknologi Hijau di mana kita semua bimbang akan apa akan apa kesan perubahan iklim di dunia ini ataupun *green…greenhouse gas emission* dengan izin.

So, Syarikat Nextgreen Pulp & Paper ini apa yang mereka buat? Mereka mengambil *anti-fraud base* ataupun buah tandan kosong dan mereka mempunyai teknik kilang atau proses untuk menukarkan buah tandan kosong ini untuk menjadi kertas A4. Bayangkan A4 *Paper* yang bukan sahaja itu mereka mampu membuat tisu, membuat er...apa tu cawan kertas ataupun bekas makanan yang dengan izin *biodegradable* dan tidak mencemarkan alam sekitar seperti pembuangan plastik.

Jadi, kita ingin menarik lebih banyak lagi syarikat seperti Nextgreen yang apa itu yang menggunakan teknologi hijau terkini dan mereka juga mengitar semula semua hasil dalam kilang itu segala sisa air dikitar semula dan antara produk sampingan yang menarik daripada kilang Nextgreen ini ialah mereka dapat menghasilkan komposisi baja. Dan baja ini adalah satu baja khas di mana ia boleh digunakan untuk orang kata merawat tanah kelapa sawit di mana tanah kelapa sawit yang begitu asetik boleh dicampurkan dengan baja yang dihasilkan oleh kilang Nextgreen ni untuk menjadikan dia PH *neutral* daripada terlalu asetik dia akan menjadi PH 7 sekurang-kurangnya supaya keadaan tanah itu bertambah baik untuk penanaman semula dan tanaman seterusnya.

Selain itu, Kita sedia maklum akan negeri Pahang akan membangunkan Lapangan Terbang yang baru di Gebeng, dan di situ kita ada potensi untuk industri *aerospace* di mana ada potensi untuk membangunkan kemudahan dengan izin MRO, *Maintenance, Repair and Overhaul* dengan ini, sekira apabila pembangunan ini dijalankan. Pembangunan Lapangan Terbang ini dijalankan kita berharap syarikat-syarikat *aerospace* terkemuka akan bertapak di Lapangan Terbang Gebeng supaya kita dapat meluaskan peluang tersebut.

Selain daripada itu, kita mempunyai kekuatan sedia ada dari segi komposisi kilang di negeri Pahang maksud saya di Gebeng, kita ada industri petrokimia, *Petro Chemical* yang diusahakan oleh Petronas er...ASF Chemicals dan sebagainya. Begitu banyak kilang *Petro Chemicals* kita ada kilang industri berat, sebagai contoh, Alliance Steel telah membuat pelaburan sebanyak RM5.5 billion lepas tu mereka ingin meluaskan er... Tapak kilang mereka, jadi kita dah ada kemudahan ini, jadi kita perlu tarik lebih banyak lagi kilang industri berat dan apa separuh berat *medium and like industries* dengan izin, er...sebab kita dah ada taman-taman industri yang kita khaskan untuk industri kilang berat ini.

Jadi kita boleh menarik pemain-pemain industri dalam sektor industri berat er...seperti sama seperti Alliance Steel dan Golden Frost yang yang mendirikan kilang manganese alloy dan kita boleh menarik pemain-pemain yang, yang apa begitu aktif dalam sektor petrokimia ataupun petro chemicals. Lagi apa, banyak industri nak cakap ni.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Tak pa yang tu, nanti er...wakil kerajaan boleh jumpalah sendiri. Maknanya kita, memang *very comprehensive* lah ye makna industri yang akan masuk ke Pahang ini. Itu yang paling penting sekali, maknanya semua sektor ada semua kluster.

YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Insya-Allah Dato' Sri. Tapi ada yang berpendapat kita tak boleh bermain di semua industri ataupun *we cannot play in all industries* kerana kebimbangannya, kita akan apa, kita akan apa, membahagikan er...membahagikan er...*resource* yang kita sedia ada kepada terlalu banyak industri dan kita tak dapat manfaat penuh sekiranya industri-industri tersebut dibangunkan secara kolektif. Kalau kita bermain di terlalu

banyak industri, kita tak dapat er... manfaat penuh daripada limpahan ekonomi. Satu lagi...

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang di-Pertua. nampak wakil daripada Peramu Jaya ni ulasan yang cukup *detail,* alhamdulillah. Jadi semua er…Ahli-ahli Dewan yang mulia inilah mungkin YB Cheka pun ambil perhatian. Kita memang ini…dalam usaha yang kita buat menarik untuk menarik pelabur dan juga membuka peluang-peluang pelaburan ke Negeri Pahang. Insya-Allah kalau semuanya keadaan baik, politik negeri ini harmoni, saya rasa manfaatnya adalah kepada Negeri Pahang dan juga rakyatnya, insya-Allah. Jadi ini sebenarnya antara yang telah diperjelaskan, dibangkit oleh Yang Berhormat Cheka tentang usaha menarik pelaburan…perancangan pembangunan kita. Saya rasa Peramu Jaya telah memberi penjelasan. Saya rasa itu saja yang lain mungkin kita minum kopi dan sebagainya. Terima kasih.

YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Terima kasih... terima kasih... Dato' Sri Benta dan akhir sekali, sebagai contoh yang terakhirlah sebelum saya duduk, adalah industri automotif, kerana YB sedia maklum, kita ada industri automotif di Pekan dan daripada kekuatan industri yang ada ni, kita boleh menarik pemain-pemain seperti *electronic vehicles players* dan baru-baru ni ada delegasi daripada negara Jerman yang berminat…yang mungkin berminat untuk membuat kilang *recreational vehicles* dengan izin ataupun *caravan* di mana mereka melihat er... Pahang ini boleh menjadi pintu gerbang pada Asia Pasifik untuk menjadi hub eksport *caravan* kepada negara-negara yang sangat membangun seperti China, Korea Selatan dan Jepun.

Jadi inilah sedikit sebanyak yang saya boleh rumuskan dan sekiranya ada soalan lain kita boleh kopi bersama. Terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Soalan seterusnya er...wakil daripada Tioman.

YB DATO' SRI HAJI MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

Saya ingin menanyakan soalan ataupun pertanyaan nombor 8. Terima kasih.

> [Adakah program mamogram percuma dan perkhidmatan HPV DNA masih diteruskan pada tahun 2023?]

YB DATO' SABARIAH BINTI SAIDAN

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua dan juga kepada sahabat yang bertanya. Untuk makluman Ahli Dewan, kedua-dua program yang ditanya oleh sahabat kita ini sebenarnya telah bermula pada tahun 2020 sehingga 2022. Melalui pengumuman

belanjawan tahun 2023, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengumumkan bahawa kedua-dua program ini diteruskan untuk tahun 2023 dan bukan sahaja diteruskan, malah penerima rawatan untuk kedua-dua program ini telah ditambah daripada 4,000 kepada 6,000 penerima rawatan dan *team* saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar kerana begitu cakna kepada masalah kesihatan wanita di Negeri Pahang. Sekian, terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Seterusnya, soalan wakil daripada Sabai.

YB TUAN MOHD SHARIM BIN HJ. MD ZAIN

Assalamualaikum WBT. Salam Sejahtera. Saya mewakili Ahli Dewan Negeri Sabai mengemukakan soalan ke-9.

> [Infrastruktur sukan awam adalah pemangkin bagi membina masyarakat yang sihat dan produktif. Masih terdapat kawasan yang ketandusan infrastruktur sukan awam di Negeri Pahang seperti di DUN Sabai. Adakah sebarang perancangan dari kerajaan negeri bagi membina kompleks sukan awam di kawasan sedemikian?]

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya...Sabai ni ada maklumkan ada orang meninggal.

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Bismillahirrahmanirrahim. [Bacaan dalam Bahasa Arab]. Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat daripada Chini yang bertanyakan soalan bagi pihak Yang Berhormat Sabai. Dato' Sri Yang di-Pertua…bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat ADUN Sabai berkenaan sebarang perancangan daripada Kerajaan Negeri Pahang bagi membina kompleks sukan awam di kawasan tersebut.

Saya ingin menyatakan bahawa usaha membina kemudahan sukan di sebuah daerah atau di sesuatu kawasan merupakan tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan. Tanggungjawab ini dilaksanakan dengan kerjasama Pejabat Belia dan Sukan Daerah serta Pejabat Daerah dan Tanah. Cara amalannya agensi-agensi terlibat akan mengemukakan cadangan pembinaan kemudahan atau fasiliti-fasiliti sukan tersebut.

Dalam proses ini antara kriteria yang akan dinilai dan dipertimbang secara mendalam termasuklah yang pertama mengenal pasti terlebih dahulu sama ada terdapat tapak yang bersesuaian untuk dipilih, yang kedua sama ada wujud atau tidak permintaan yang mencukupi agar fasiliti tersebut tidak terbiar atau tidak digunakan selepas dibina sekaligus mengelakkan pembaziran.

Yang ketiga, adakah terdapat kemudahan yang serupa di kawasan yang berhampiran bagi memastikan tidak berlaku sebarang pertindihan pembangunan atau pemusatan pembangunan hanya di setengah kawasan. Yang keempat, membuat semakan dengan Kerajaan Persekutuan untuk memastikan sama ada wujud atau tidak rancangan yang serupa dan yang kelima, memperhalusi status serta kedudukan kewangan Kerajaan Negeri.

Selain itu, kesesuaian tapak akan diperhalusi dengan serius bagi memudahkan rakyat setempat mengakses dan mengoptimumkan aktiviti riadah atau sukan dengan selesa dan selamat. Bagi pembinaan fasiliti sukan di DUN Sabai seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sabai, Kerajaan Negeri akan melihat perkara ini secara mendalam berpandukan kriteria-kriteria yang saya gariskan tadi.

Dalam hal ini, saya ingin menegaskan bahawa Jabatan Belia dan Sukan Pahang akan memberi perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya berhubung permohonan ini. Kerajaan Negeri sentiasa menyokong segala usaha untuk membina infrastruktur sukan awam di daerah-daerah. Seterusnya membantu daerah dalam melaksanakan program pembangunan sukan yang lebih sistematik. Selain itu, pihak Kementerian Belia dan Sukan dimaklumkan amat memahami dan menyedari akan keperluan pembinaan sebuah lagi kompleks sukan khususnya di bahagian Pahang Barat termasuklah di daerah Bentong.

Sehubungan itu, tindakan awal Jabatan Belia dan Sukan Pahang ialah menyenaraikan pembinaan sebuah kompleks sukan baharu di daerah Bentong dalam *Rolling Plan* Ke-4 Rancangan Malaysia Ke-12. Buat masa ini, Dato' Sri Yang di-Pertua, terdapat sebuah kompleks sukan komuniti di Pelangai, Bentong yang telah dibina pada tahun 2008 bagi menampung keperluan rakyat. Dato' Sri Yang di-Pertua saya mengambil ruang yang ada ini untuk membangkitkan satu perkara apa yang dibahaskan oleh Yang Berhormat Pancing yang ketika waktu itu semalam saya tidak berada di dalam Dewan Yang Mulia ini kerana ada urusan lain yang perlu diselesaikan.

Dalam perbahasan beliau, beliau menyatakan dan melabelkan *posting* dengan izin *posting* saya di *Facebook* sebagai *posting* sampah dan bagi saya kenyataan sebegini tidak seharusnya diungkapkan di Dewan Yang Mulia ini, justeru saya mengambil perhatian Dato' Sri Yang di-Pertua dan seisi Dewan untuk merujuk peraturan Dewan perkara 36 (4) yang menyatakan adalah salah pada Peraturan Mesyuarat bagi seseorang ahli menggunakan bahasa biadab.

Saya tidak berhasrat untuk memanjangkan perkara ini dan pada kali ini saya memaafkan beliau atas ungkapan tersebut. Namun saya amat berharap agar ungkapan-ungkapan sebegini tidak diucapkan lagi oleh beliau terutama di Dewan Yang Mulia ini. Terima kasih. Dato’ Sri Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih... ada soalan tambahan.

YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Soalan tambahan. Assalamualaikum. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

Er... di kawasan DUN Sungai Lembing, khususnya di kawasan FELDA, terdapat gela... er… gelanggang… banyak gelanggang futsal yang tidak dapat digunakan disebabkan berlakunya kerosakan dan sebagainya. Bayangkan lantai gelanggang futsal tersebut seolah-olah seperti mana jalan tar yang rosak yang boleh kita lihat seperti yang ada di dalam negeri kita. Jadi di FELDA saya sendiri terdapat 3 gelanggang futsal di Gugusan FELDA Bukit Sagu 1, 2 dan 3 ini, satu kawasan FELDA tu ada 3 gelanggang futsal.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Soalan, soalan Yang Berhormat. Apa soalannya?

YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Soalan saya, berapa gelanggang futsal yang rosak dan terbiar di negeri Pahang ini yang tidak dapat digunakan dan jika ada saya mencadangkan agar *standard* gelanggang futsal ini dinaik tarafkan, kalau tak sampai pun seperti *standard* FIFA paling kurang pun kita dapat *standard* seperti mana yang pengusaha-pengusaha gelanggang futsal ini buat. Jadi maknanya kalau di DUN Sungai Lembing itu kita kalau boleh ada satu. Satu pun cukup untuk peringkat awal inilah. Begitu juga di DUN Jelai lah, saya fikir begitulah, okey terima kasih.

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Terima kasih Yang Berhormat Sungai Lembing atas soalan tambahan yang ditanyakan sebentar tadi. Gelanggang futsal yang terbiar di seluruh negeri Pahang… nanti mungkin saya boleh sebut atau keluarkan kenyataan bertulis saya. Berkenaan dengan gelanggang futsal yang kebanyakannya rosak dan terbiar di kawasan di Sungai Lembing sukacita saya maklumkan bahawa gelanggang-gelanggang futsal ini kebanyakannya telah diserah oleh Kementerian Belia dan Sukan untuk dibawah kawal selia Pihak Berkuasa Tempatan. Barangkali masalah peruntukan menjadi halangan sehingga mengakibatkan gelanggang-gelanggang futsal ini terbiar dan saya difahamkan ada yang diangkat terus kepada Kementerian Belia dan Sukan untuk dibaik pulih.

Barangkali disebabkan kekangan kewangan itulah menjadikan perkara tersebut tidak dapat dilaksanakan tapi Pihak Berkuasa Tempatan juga ada membaik pulih gelanggang-gelanggang ini cuma barangkali juga isu peruntukan tersebut. Untuk memastikan di suatu kawasan ada satu gelanggang futsal agar boleh diselenggara dengan baik yang itu nanti saya bincang dengan pihak Jabatan Belia dan Sukan Pahang untuk memperhalusi cadangan-cadangan tersebut. Terima kasih Yang Berhormat Sungai Lembing.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Masalahnya Yang Berhormat, setiap kampung itu tengok kampung sebelah ada futsal, dia nak futsal. Itu *problem* yang ada. Sebab saya pernah jadi Wakil Rakyat, kita tahulah. Seterusnya soalan yang terakhir. Wakil daripada Tras.

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya, soalan nombor 10.

> [Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk mengekalkan keadaan semula jadi Bukit Fraser dalam masa yang sama mengalakkan pertambahan sektor pelancongan di sana?]

YB CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada YB Tras yang bertanyakan pelancongan di Bukit Fraser. Pahang mempunyai 5 kawasan tanah tinggi iaitu Genting Highlands, Cameron Highlands, Bukit Fraser, Janda Baik dan Tanah Tinggi. Masing-masing mempunyai tarikan yang berbeza. Mengikut Pelan Ekopelancongan Kebangsaan 2020, Bukit Fraser tersenarai

dalam kluster ekopelancongan. Kerajaan negeri Pahang mensasarkan untuk mengekalkan keindahan semula jadi dengan mengawal pembangunan, tapi menambah pelbagai program, acara dan aktiviti sepanjang tahun.

Salah satu keunikan utama di Bukit Fraser adalah kepelbagaian spesies burung yang melebihi 270 spesies sehingga dikenali sebagai IBA, *Important Bird Area,* dengan izin. Setiap tahun, Fraser Hill International Bird Race diadakan untuk menarik pelancong dalam dan luar negara dan tahun ini telah masuk tahun ke-34. Pada tahun 2021, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM250,000.00 untuk pengindahan landskap, pembinaan laluan perjalan kaki dan pagar keselamatan di Bukit Fraser bagi memberi keselesaan kepada pelancong. Terima kasih.

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Terima kasih YB EXCO dan terima kasih juga kepada Dato' Sri. Baru-baru ini diviralkan berkenaan di tempat-tempat penginapan di Bukit Fraser dan beberapa wartawan juga menanya soalan tersebut kepada saya. Jadi soalan saya, apakah pihak Tourism, pelancongan mempunyai media sendiri atau saluran tertentu untuk membuat promosi bagi menangkis fitnah-fitnah ini atau informasi negatif. Terima kasih.

YB CIK LEONG YU MAN

Terima kasih Yang Berhormat Tras. Apa yang digambarkan dalam media sosial yang viral tentang Bukit Fraser tidak menggambarkan keadaan sebenar. Bangunan yang termasuk itu sebenarnya bangunan yang tidak dibuka untuk penginapan dan memang tidak menerima pelancong. Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, di Bukit Fraser terdapat 5 hotel yang beroperasi dan semua menerima pelancong. Soalan yang dikemukakan oleh YB Tras tentang promosi dan media sosial, memang selama ini Tourism Pahang melalui media sosial dan bekerjasama dengan rakan-rakan media mempromosikan dan menguar-uarkan aktiviti yang diadakan di Bukit Fraser dan juga memaklum bahawa memang Bukit Fraser mempunyai peminat mereka tersendiri khususnya pencinta alam. Terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Bukit Fraser terkenal dengan *The Little England*.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Saya nak menambah sikit. Sebenarnya produk pelancongan ini, dia memang unik. Tengok orang dia pergi ke macam di Kuala Selangor, dia tengoknya *sky mirror* yang bayangan langit. Dia duduk situ. Lepas tu kalau kita pergi ke luar negara, UK, di err... di Perancis dan lain tempat, memang *theme park* ini ada *haunted house*. Dia buat macam tu, buat macam yang tiruanlah. Jadi kalau kita dah ada, misalnya macam tu, rumah yang berhantu ini buat apa pula kita nak ini... takut kan? Sebab tempat lain itu dia wujudkan, Dato' Sri. Dia wujudkan *the haunted house*.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Kalau pergi Disneyland, ada Yang Berhormat.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang kita dah ada ini, yang *natural.* Saya rasa mesti ada yang pelancong-pelancong yang berani, yang nak duduk di rumah itu. Jadi jangan *don't be apologetic*, dengan izin. Kita sediakan, kita kata "*to those who are brave enough, who dares*", kita khabar.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Jadi dia masuk situ. Bagi dia duduk situ. Pakej hebat-hebatnya. Biar berhantu tu. Yang mana satu? Dia ke berhantu ataupun yang…

YB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Mohon mencelah. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya nak tanya rakan saya Benta. Pernah jumpa ke hantu ini?

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Saya dulu-dulunya... memang dulu, zaman dululah. Dato' Sri Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Sri.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Amat Berhormat, selalunya orang yang jumpa hantu ini, dia berkawan dengan hantu.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dato' Sri, dulu kita masa dulu, dia bukan macam sekarang. Kita pergi ke hutan semua sekali mencari lemba, tepuih, melastik burung, *sorry* maknanya maknanya apa... menjerat burung sebagainya.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Aktiviti kampung.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Aktiviti kampung. Maknanya kita ni berhantu juga. Hah, sebab itu yang kiranya dia, saya rasa produk macam inilah. Dia macam-macam. Ada produk dorang suka duduk tepi longkang, ada setengah orang dia suka motor kira otot motor dua-dua tayar itu atas jalan. Dah satu tayar atas jalan itu. Jadi macam-macam. *So, tourism product* ini adalah satu produk yang memang pelik-pelik. Ada orang minat begini, ada orang minat lain.

Bagi saya, saya mohon rakan Wakil Kerajaan daripada Triang, Ahli EXCO Pelancongan, saya ingat *look into that, the possibility* untuk kita bangkitkan. Mungkin ada hantu-hantu yang *haunted* ini, *ghostbusters* ini, dia panggil *ghostbusters*, dengan izin. Daripada seluruh dunia, turun. Daripada Brazil, misalnya itu yang memang *voodoo* itu, Afrika dan sebagainya. Mungkin dia duduk situ, dia buat konvensyen. *Why not? After all, whoever that comes over* dengan izin, yang pentingnya kita boleh *promote*.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

So, selain daripada tengok burung, kita tengok hantu juga? Tengok hantu di Bukit Fraser.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Ataupun, maknanya kita *booking* hantu mana yang kita nak [Ahli Dewan ketawa].

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya, apa namanya, kita telah selesai 10 Pertanyaan dan Jawapan. Saya bercadang untuk menempohkan persidangan pada pagi ini untuk minum pagi dan kita sambung balik pada pukul 11.45 pagi.

[*Persidangan ditempohkan pada jam 11.17 pagi*]

[*Persidangan disambung semula*]

MENIMBANG USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA PAHANG

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Ketiga: Menimbang Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Di hadapan Majlis ialah satu Usul yang berbunyi:

> **"Bahawa Dewan Negeri Pahang Yang Bersidang Pada Hari Ini, Bersetuju Menjunjung Kasih Atas Limpah Perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Berangkat Menyempurnakan Titah Diraja Kepada Dewan Negeri."**

Usul tersebut telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan telahpun disokong dan dibahaskan pada 9 dan 10 Mei 2023. Seramai 30 orang Ahli telah mengambil bahagian membahaskan Usul tersebut.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Pada hari ini, Pihak Kerajaan akan menjawab pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa Perbahasan yang lepas. Untuk itu, dengan sukacita saya menjemput dengan sukacitanya saya menjemput Wakil Kerajaan EXCO Perpaduan, Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Pahang.

YB CIK LEONG YU MAN

Salam sejahtera, salam perpaduan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam sesi penggulungan ini. Pertama sekali, saya ingin menjunjung kasih Titah Diraja Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Sempena Istiadat Pembukaan Penggal Kedua Dewan Negeri Pahang ke-15. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang yang memberi kepercayaan kepada saya untuk bertugas sebagai EXCO Perpaduan Pelancongan dan Kebudayaan.

Negeri Pahang merupakan negeri yang terbesar dalam Semenanjung Malaysia dan mempunyai banyak tarikan pelancongan bertaraf antarabangsa. Walaupun rasa berdebar untuk memikul amanah ini banyak yang perlu dipelajari. Saya akan berusaha. Saya juga bersyukur kerana dalam Dewan Yang Mulia ini, kita ada dua bekas EXCO Pelancongan iaitu Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Inderapura. Perkongsian pengalaman dan pengetahuan mereka membantu saya dalam menjalankan tugas.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Selama ini, Kerajaan Negeri berkomited dan bergiat dalam pembangunan industri pelancongan. Dengan wabak COVID-19 pada tahun 2020 dan 2021, industri pelancongan di seluruh dunia mengalami kesan yang amat teruk. Pada tahun 2022, negeri Pahang menyambut kedatangan pelancong sebanyak 10.2 juta orang. Pada tahun ini, kita mensasarkan 13 juta orang pelancong untuk melawat negeri Pahang.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri telah menyusun kalendar acara pelancongan Pahang sepanjang tahun ini yang mengandungi aktiviti bertaraf antarabangsa. Lebih 25 acara telah dijadualkan hingga hujung tahun ini. Penganjuran acara bukan sahaja meningkatkan jumlah pelancong, merancakkan ekonomi kawasan sekitar, mempromosikan destinasi pelancongan dan meningkatkan hasil negeri melalui perbelanjaan pelancong. Penganjuran acara sukan boleh mengoptimumkan hubungan sinergi antara pelancong dan sukan untuk memaksimumkan faedah ekonomi. Kita mensasarkan lebih banyak penganjuran acara sukan untuk diadakan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri melalui Tourism Pahang turut menyertai Exposisi Pelancongan Dalam dan Luar Negeri. Eksposisi pelancongan luar negara yang telah disertai adalah U.A.E dan Germany. Manakala negara yang dirancang untuk sertai adalah Indonesia, United Kingdom, China dan sebagainya. Kita juga akan mengkaji pasaran baru mempromosikan Pahang mengikut segmen tarikan dan minat yang bersesuaian.

Pelancong domestik merupakan penyumbang utama untuk kedatangan pelancong. Pahang mempunyai khazanah alam seperti kawasan tanah tinggi, pulau, pantai. Pahang, juga pintu masuk ke Pantai Timur. Oleh itu, mempunyai kelebihan untuk menerima pelancong dari Pantai Barat untuk menikmati keindahan alam semula jadi di samping lari jauh dari kesibukan kota raya. Tourism Pahang turut menyertai Eksposisi Pelancongan Dalam Negara seperti Kuala Lumpur dan Perak.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri dalam perancangan bagi mengadakan lawatan suai kenal *Familiarization Trip* dengan izin, *Familiar Trip* bagi pengusaha pelancong dari Singapura pada bulan Julai dan kumpulan dari PATA…Pacific Asia Travel Association dari Negara Jerman pada bulan Julai atau September. Lawatan ini dapat memberi pendedahan dan mempromosikan destinasi pelancongan sedia ada dan baru untuk menarik lebih ramai pelancong luar negara.

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang dihormati,

Kerajaan Negeri berusaha memulihkan sektor pelancongan dengan penambahan penerbangan ke Kuantan. Buat masa ini, Malaysia Airlines mempunyai tiga penerbangan sehari dari Kuala Lumpur ke Kuantan. Scoot, sebuah syarikat penerbangan tambang rendah yang juga anak syarikat Singapura Airlines, telah menyambung semula penerbangan dari Singapura ke Kuantan pada 26 Mac tahun ini dengan 3 kali penerbangan seminggu.

Dengan adanya penerbangan Scoot, jumlah kedatangan pelancong antarabangsa khususnya dari Singapura, dapat meningkat. Syarikat penerbangan Batik Air, yang

dahulu dikenali Malindo Air, juga akan mengaktifkan semula penerbangan ke Kuantan dari Subang ke Kuantan mulai 2 Jun tahun ini. Selain itu, kita juga mengadakan perbincangan dengan syarikat penerbangan yang lain untuk mengaktifkan semula penerbangan ke Kuantan. Pada April yang lalu, kita mengadakan perjumpaan dengan syarikat Firefly…diharap ada berita baik untuk diumumkan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun ini, Kerajaan Negeri Pahang memperuntukkan RM1 juta untuk menaik taraf membaik pulih infrastruktur dan kemudahan pelancongan dalam negeri. Ini termasuk daerah Bentong RM300,000.00, daerah Bera RM253,500.00, daerah Lipis RM300,000.00, daerah Maran RM100,000.00, daerah Raub RM30,000.00. Kerajaan Pahang juga menerima peruntukan sebanyak RM700,000.00 daripada kementerian...

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya menarik perhatian soal penerbangan tadi daripada Kuala Lumpur. Kita banyak penerbangan dari Kuala Lumpur ke Kuantan. Saya ingin dapat penjelasan apakah pihak kerajaan tidak bercadang untuk juga meningkatkan penerbangan dari Kuala Lumpur ke Pulau Tioman atau Singapura ke Pulau Tioman. Suatu masa dulu, kita ada Kuantan ke Pulau Tioman, Singapura ke Tioman dan Kuala Lumpur ke Pulau Tioman menyebabkan Tioman ini menjadi kawasan destinasi bebas cukai. Minta penjelasan.

YB CIK LEONG YU MAN

Terima Kasih Yang Berhormat Cheka, buat masa ini memang ada penerbangan dari Kuala Lumpur ke Pulau Tioman mengikut SKS Flight, dan saya difahamkan bahawa perancangan untuk syarikat penerbangan ini akan menambah penerbangan dari *Singapore* ke Tioman yang memang ini satu yang kita nanti-nantikan. Terima kasih Yang Berhormat Cheka.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Mohon mencelah sikit ya. Saya ingin memaklumkan Sidang Dewan, *support* kepada apa ni maklumat. Kita ada satu *airline*s SKS ingat Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua juga tahu perkara ini dalam makluman dan sokongan Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua ketika dulu yang menyebabkan penerbangan tersebut ada beroperasi di Subang ke Pulau Tioman. Terima kasih.

YB CIK LEONG YU MAN

Terima kasih Yang Berhormat Tioman. Saya teruskan. Kerajaan Pahang juga menerima RM700,000.00 daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTEC) bagi projek Pemerkasaan Sektor Pelancongan, Kebudayaan dan Warisan. Projek dilaksanakan di daerah Rompin dengan kos RM250,000.00, Jerantut RM250,000.00 dan Lipis RM200,000.00. Bagi projek pembangunan bawah Rolling Plan III RMK-12, sejumlah RM8.3 juta diperuntukkan untuk kerja menaik taraf di Pulau Tioman.

Kerajaan Negeri sentiasa sedar pentingnya program latihan kepada penggiat industri pelancongan. Oleh itu, beberapa siri pelatihan akan dilaksanakan pada tahun ini. Untuk sebagai contoh khusus pemandu pelancong alam semula jadi, malim gunung, pemandu bot pelancongan dan *Certificate of Tourism Related Education* (CTRE)

dengan izin. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang begitu prihatin menerusi sesi perbahasan mereka yang telah bangkit tentang isu-isu pelancongan, sila izinkan saya untuk menjawab persoalan persoalan yang dibangkitkan.

YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Mohon mencelah Dato' Sri Yang di-Pertua, saya semalam bangkitkan isu di Lubuk Yu. Saya difahamkan ada operator yang dilantik untuk menguruskan kawasan pelancongan tersebut. Jadi adakah operator ini telah dilatih oleh kerajaan mengenai pelancongan yang sepatutnya mereka lakukan untuk memajukan kawasan tersebut? Terima kasih.

YB CIK LEONG YU MAN

Terima kasih Yang Berhormat Kuala Sentul. Saya akan jawab dalam sebab soalan Kuala Sentul pun wujud dalam sesi perbahasan dan saya akan jawab sekali nanti. *Orait*.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Yang Berhormat Sungai Lembing telah mencadangkan untuk pembinaan fasiliti dan dekorasi pelancongan di Sungai Lembing. Jadi untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri telah mendapat peruntukan RM5 juta daripada Kementerian Kewangan Malaysia bagi menaik taraf kawasan Sungai Lembing sebagai kawasan pelancongan. Jadi antara komponen yang telah dirancang oleh Majlis Bandaraya Kuantan adalah seperti berikut:

Pembinaan semula sebahagian kilang pemprosesan biji timah dan galeri interaktif, Pemuliharaan panggung wayang dan sistem aktiviti perlombongan, Penyelenggaraaan sebahagian terowong dan laman, naik taraf pintu Gebeng selain itu Kerajaan Negeri juga telah mendapat peruntukan berjumlah RM250 ribu daripada MOTAC bagi menaik taraf bangunan, tram, kaunter tiket dan kerja kerja di terowong Sungai Lembing.

Yang Berhormat Ketari mohon kerajaan untuk menyediakan *blueprint* jangka panjang untuk pelancongan khususnya di kawasan Ketari. Melalui Tourism Pahang, Kerajaan Negeri sedang menghasilkan *blueprint* pelancongan negeri Pahang dengan kerja sama pihak Tourism Productivity Nexus di bawah Malaysia Productivity Corporation (MPC) dengan izin. Di samping itu, Unit Pembangunan Wilayah Ekonomi Pahang Barat Plus juga membuat kajian Pembangunan Wilayah Ekonomi Pahang Barat yang merangkumi Cameron Highlands, Lipis, Raub, Jerantut, Bera sektor pelancongan termasuk dalam kajian ini untuk menggariskan hala tuju dan projek pembangunan.

Yang Berhormat Tras yang mencadangkan aktiviti ekopelancongan sebagai penggantian untuk hasil tradisional negeri. Jadi untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua, hasil-hasil tradisional seperti gua-gua, hutan-hutan di negeri Pahang boleh dijadikan produk pelancongan untuk menarik kedatangan pelancong dan boleh menambah pendapatan negeri. Hasil bukan kayu adalah merupakan produk yang sedang diusahakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri. Sehingga kini, lebih daripada 26 eko rimba dipromosikan sebagai contoh Mossy Forest Cameron Highlands.

Yang Berhormat Pulau Tawar mohon Kerajaan Negeri memelihara kampung tradisional serta menjenamakan semula kampung tradisional, kampung warisan dan

kampung negarawan agar dapat menjadi tempat pelancongan. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Pahang sentiasa menyokong usaha sebegini dan pihak Kerajaan akan bekerjasama dengan pihak MOTAC untuk mengenal pasti kampung-kampung tradisional yang berpontensi. Pada masa yang sama, di negeri Pahang sebenarnya terdapat 16 kampung *homestay* yang sedang dilaksanakan. Pelaksanaan program homestay ini berobjektif untuk mengekalkan identiti dan warisan komuniti dengan memelihara dan memartabatkan khazanah warisan.

Yang Berhormat Batu Talam yang mohon Kerajaan Negeri untuk menyokong usaha daerah Raub pemeliharaan spesies Ungka yang boleh menyanyi. Kerajaan Negeri ambil maklum tentang cadangan ini. Pemeliharaan spesis Ungka atau nama saintifiknya *Hylobatidae* yang merupakan sejenis Mawas tinggal di pedalaman hutan Asia Tenggara dan Asia Selatan. Kerajaan Negeri akan menelitikan cadangan ini.

Yang Berhormat Batu Talam juga mencadangkan untuk mengembalikan perkhidmatan Feri Malaysia dan mencadangkan Freedom Malaysia sebagai pengendali perkhidmatan. Untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua, Feri Malaysia yang menghubungkan Semenanjung dan Borneo pada tahun 1980an terpaksa menghentikan operasi kerana kos yang amat tinggi. Jadi cadangan Yang Berhormat bergantung kepada kos. Kerajaan Negeri mengalu-alukan mana-mana pihak swasta atau individu yang berhasrat yang minat untuk menjayakan projek ini. Yang Berhormat Jenderak, Jenderak yang mencadangkan supaya Kerajaan Negeri memperkasakan perkampungan Orang Asli sebagai hub pelancongan.

Untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan JAKOA untuk mengenal pasti perkampungan Orang Asli yang mempunyai potensi pelancongan. Yang Berhormat Kuala Sentul err…Yang Berhormat Kuala Sentul dalam perbahasan beliau menuduh bahawa tiada promosi dan program di buat di kawasan pelancongan Lubuk Yu. Dengan ini saya ingin menafi tuduhan Yang Berhormat sebab kawasan Lubuk Yu memang dimasukkan dalam bahan-bahan promosi Tourism Pahang dan ada acara tahunan yang dianjurkan di Lubuk Yu iaitu *Hammock Fest* setiap tahun 2019, 2020 dan tahun lepas.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga memperuntukkan RM100 ribu pada tahun lepas untuk menaik taraf taman rekreasi di Taman Lubuk Yu. Jadi saya berharap bahawa Yang Berhormat boleh semak fakta sebelum berbahas. Tapi walau bagaimanapun, kita mengalu-alukan hasrat Yang Berhormat untuk berkolaborasi dan memajukan lagi kawasan pelancongan di sana.

YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Mungkin saya bukan menuduh cuma saya tak nampak promosi yang akan diadakan sebab ramai yang datang mengadu kepada saya tidak tahu pun di mana Lubuk Yu dan ada beberapa perkara di Lubuk Yu yang saya difahamkan ada operator yang menjalankan pusat rekreasi tersebut. Jadi ada banyak aduan yang mengatakan operator itu mengenakan *charge parking* dan sebagainya. Tempat itu tempat terpencil.

Jadi pelancong-pelancong yang nak pergi pun bila mengenangkan ada *charge* terutama pelancong domestik lah pelancong tempatan tadi ya. Itu yang saya bangkitkan isu pusat pelancongan Lubuk Yu ini jadi saya nak mendapat informasi yang lebih luas mengenai promosi ke operator yang menjalankan adakah bertanggungjawab mencapai sasaran yang disasarkan oleh Kerajaan Negeri tentang

pengunjung yang sepatutnya datang ke Pahang sebanyak 10 juta. 10 juta ke 20 juta tadi?

YB CIK LEONG YU MAN

Tahun lepas 10.2 juta.

YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Dan juga peruntukan RM100 ribu kepada pelancongan di Maran dan saya mohon mendapat informasi ke mana peruntukan RM100 ribu itu diagihkan. Adakah di Lubuk Yu sahaja atau berapa tempat lagi di Maran. Terima kasih.

YB CIK LEONG YU MAN

Terima kasih Yang Berhormat Kuala Sentul. Untuk peruntukan RM100 ribu itu digunakan untuk Taman Rekreasi Lubuk Yu dan untuk makluman Yang Berhormat pada tahun lepas, Kerajaan Negeri juga memperuntukkan RM500 ribu untuk menaik taraf membaik pulih infrastruktur pelancongan di Maran. Tapi *details* kita akan boleh maklumkan…kita boleh bagi secara bertulis. Jadi Yang Berhormat Yang di-Pertua, kalau kata tiada promosi Lubuk Yu saya rasa tidak benar sebab zaman ini zaman digital. Saya sendiri Google, Google sahaja, Hammock Fest Lubuk Yu ada. Ada sosial media, ada post, ada video, ada gambar. Jadi saya berharap bahawa tuduhan tiada promosi tidak benar tapi tentang aduan, tentang operator, operator kita akan ambil maklum dan saya akan dapatkan maklumat lanjut dan sekiranya boleh mungkin kita akan adakan lawatan. Terima kasih.

YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Dato' Sri Yang di-Pertua, saya ambil maklumlah apa yang dikatakan oleh EXCO Pelancongan kemungkinan promosi tidak mencapai tahap yang diharapkan. Jadi saya harap kita sama-sama berusaha untuk sama-sama memperkenalkan Lubuk Yu. Sebab ini kawasan Kuala Sentul ni tak ada…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sebab Yang Berhormat pun baru lagi.

YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Ya, saya baru lagi.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Bagi dia *hot* sikit.

YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Kuala Sentul ni kawasan FELDA. Jadi tak ada apa yang nak ditunjukkan. Melainkan ada satu khazanah alam yang kita perlu ketengahkan dan pelihara. Terima kasih.

YB CIK LEONG YU MAN

Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya akan beralih ke portfolio kebudayaan. Kebudayaan juga merupakan elemen pelengkap dan penting untuk menjana ekonomi negeri Pahang di bawah sektor pelancongan. Dalam usaha memartabatkan seni budaya di negeri Pahang pelbagai program dan aktiviti telah dilaksanakan pada tahun-tahun lepas. Untuk tahun ini perancangan program yang berskala besar adalah Festival Kesenian Orang Asal Antarabangsa yang akan dilaksanakan jangkaan pada bulan Julai. Program ini akan diadakan bersama dengan Program National Water Festival bawah MOTAC. Dengan adanya program sebegini, aktiviti seni budaya dapat dilestarikan di kalangan masyarakat dan memberi kefahaman dan kesedaran untuk terus menghargai mengenai seni dan budaya yang semakin terpinggir dan dilupai oleh generasi muda.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Pertama, untuk portfolio Perpaduan. Perpaduan merupakan agenda penting negara kita yang mempunyai kepelbagaian kaum dan etnik. Kerajaan Negeri Pahang sentiasa komited dalam memperkasakan keharmonian dan perpaduan dalam negeri Pahang bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Untuk menyokong Aspirasi Malaysia Madani terdapat tiga komponen utama iaitu Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan dan Komuniti Rahmah.

Program yang telah dilaksanakan pada tahun ini, Program Gerak Rahmah, Jom Sihat Peringkat Negeri Pahang pada bulan Februari. Program Harmoni Peringkat Negeri Pahang pada bulan Februari. Program Gerak Rahmah, Jom Ronda SRS Peringkat Negeri Pahang pada bulan Mac, Program Gerak Rahmah, Jom Masak Bubur Lambuk Peringkat Kebangsaan yang dihadiri Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada bulan April.

Manakala perancangan program akan datang termasuk sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Negeri Pahang bertarikh 27 ke 28 Mei bertempat di Dataran Teluk Chempedak, Kuantan…semua dijemput hadir, dan juga kita akan ada Program RT4ALL Unity Plogging, pelancaran Satu Rumah Satu Jalur Gemilang, Pantun Perpaduan, Diskusi Perpaduan, Kuih Perpaduan dan banyak lagi.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Terdapat dua orang Ahli yang bertanyakan bagi pembinaan premis kekal, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional akan menyemak semula status pembinaan tersebut.

Untuk Yang Berhormat Luit yang mencadangkan supaya memaparkan papan tanda perpaduan di semua daerah dalam usaha mempromosikan perpaduan di negeri Pahang. Kerajaan Pahang menyambut baik cadangan yang dikemukakan sebagai salah satu usaha mempromosikan perpaduan dan pada masa yang sama memberi kesedaran kepada masyarakat tentang semangat perpaduan di negeri Pahang.

Kita akan melihat semula kaedah pelaksanaan yang bersesuaian. Akhir sekali saya mohon jasa baik Yang Berhormat-Yang Berhormat untuk bersama…untuk bersama mengeratkan perpaduan memajukan pelancongan dan kebudayaan demi kemakmuran negeri Pahang. Saya sokong. Terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih... Pengerusi... EXCO Perpaduan, Pelancongan dan Kebudayaan seterusnya EXCO Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Negeri Pahang.

YB TUAN SIM CHON SIANG

Salam sejahtera dan salam perpaduan, Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar dan Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negeri. Saya amat bersyukur dan berterima kasih kerana diberi kesempatan menyertai bersama di dalam Mesyuarat Pertama Penggal Ke-2 Dewan Negeri Pahang Yang Ke-15. Dan ambil kesempatan ini, saya ingin mengucapkan junjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang yang telah menyempurnakan Istiadat Pembukaan Dewan Negeri Pahang Ke-15.

Selaku EXCO Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Negeri Pahang, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam pembahasan yang menyentuhkan portfolio saya.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa memberikan perhatian yang serius dalam menumpukan usaha-usaha bagi mengawal harga dan bekalan-bekalan dan keperluan harian di negeri Pahang sentiasa mencukupi dan di pasaran untuk kegunaan rakyat di Pahang.

Berbagai perancangan dan program yang komprehensif dirangka untuk memastikan keperluan harian adalah mencukupi. Untuk menjaga *benefit* untuk rakyat, Program Jualan Rahmah merupakan program jualan barangan keperluan harian dilaksanakan dengan penglibatan pasar raya yang mana pasar raya digalakkan untuk memberi pengurangan harga barangan semasa program jualan berlangsung antara 10 hingga 30% berbanding harga pasaran semasa berdasarkan tempat untuk dinikmati oleh rakyat Pahang yang bertujuan untuk mengurangkan kos sara hidup. Sehingga kini, Jualan Rahmah telah dilaksanakan sebanyak 28 kali dan dirancang untuk dilaksanakan sepanjang tahun setiap parlimen dan dalam negeri Pahang.

Untuk program penyeragaman harga, program ini diadakan bertujuan untuk menanggung kos pengangkutan dari pembekal ke kawasan pedalaman yang terpilih bagi tujuh barangan keperluan kawalan seperti tepung, gandum, gula putih, beras putih dan minyak masak paket, gas LPG, petrol, RON 95 dan diesel. Objektif program ini adalah bagi membolehkan penduduk di kawasan luar bandar dan dalam dapat membeli barangan keperluan bersubsidi tersebut pada harga yang ditentukan oleh kerajaan.

Program Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan. Program ini dilaksanakan dengan pemberian baucer tunai kepada 6,000 pengguna dan peniaga dalam bentuk e-wallet RM20.00 dan seorang dengan peruntukan sebanyak RM120,000.00. Projek ini juga dirancang untuk diperluaskan ke daerah lain dalam negeri Pahang dengan mensasarkan seramai 200 peniaga berlatar e-wallet luar bandar.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Untuk aktiviti penguatkuasaan KPDN. Seksyen penguatkuasaan KPDN Pahang telah merancang beberapa berapa program sepanjang tahun berkaitan penguatkuasaan dalam meningkatkan kesedaran peniaga-peniaga dan mematuhi perundangan

perniagaan dan juga perlindungan pengguna daripada peniaga-peniaga yang tidak beretika.

Antara program yang dirancang bagi tujuan tersebut adalah operasi-operasi yang telah dijalankan. Pemeriksaan khas barangan keperluan asas. Pemeriksaan secara harian bagi memastikan bekalan barangan keperluan asas seperti minyak masak, telur, gula, tepung dan ayam mencukupi di pasaran untuk kegunaan rakyat.

Ops Menu memastikan semua jenis premis menjual makanan seperti restoran mempamerkan tanda harga yang jelas bagi melindungi pengguna daripada penipuan harga jualan oleh peniaga peniaga.

Ops Catut. Operasi yang dijalankan sepanjang tahun bagi melindungi pengguna memastikan peniaga-peniaga tidak mengambil keuntungan yang tidak munasabah ke atas barangan-barangan yang diniagakan. Ops Pantau, operasi yang dijalankan pada bulan Ramadan dibeberapa lokasi tumpuan seperti bazar Ramadan, pasar awam dan pasar raya bagi memastikan bekalan makan barangan keperluan harian mudah diperolehi oleh pengguna dengan harga yang berpatutan. Ops Tiris menjalankan operasi bagi membas…membasgi…membasmi aktiviti penyelewengan minyak diesel bersubsidi oleh sindiket dan industri bagi memastikan subsidi yang ditanggung oleh kerajaan dapat disalurkan kepada rakyat dengan lebih berkesan.

Untuk penguatkuasa, seksyen penguatkuasa menjalankan Program Skim Harga Maksimum Musim Perayaan yang dijalankan sebanyak 4 kali setahun pada musim-musim perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Deepavali dan Krismas. Tujuan pelaksanaan skim ini adalah melindungi pengguna daripada peniaga-peniaga yang mengambil keuntungan berlebihan. Antara program-program yang telah selesai disan…dilaksanakan bagi tahun 2023 adalah Ops Pantau, Skim Harga Maksimum Tahun Baru Cina dan Skim Harga Maksimum Hari Raya Aidilfitri.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Seksyen Pendayaupayaan Pengguna berfungsi menjalankan program pendidikan, pengetahuan dan perlindungan pengguna serta menggalakkan dan membantu gerakan kepada penggunaan dalam meningkatkan ilmu dan pengetahuan dalam hak-hak pengguna. Saya yakin pengguna-pengguna rakyat Pahang adalah bijaksana dan pandai menggunakan kuasa peng…pengguna serta bijaksana membanding harga sebelum membeli barangan. Untuk Tribunal Tuntutan Pengguna, bagi tahun 2023, Tribunal Tuntutan Pengguna negeri Pahang merancang untuk mengadakan 3 siri program penerangan bertemakan Kenali Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia.

Pelaksanaan program ini adalah selaras dengan usaha Kementerian untuk melahirkan pengguna bijak dan mendedahkan pengguna kepada fungsi tribunal sebagai platform pengguna membuat tuntutan tebus rugi pembeli barangan dan perkhidmatan. Untuk pengetahuan semua, tribunal tuntutan pengguna hanya menerima aduan tidak melebihi RM50,000.00 sahaja.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Untuk portfolio er…Sumber Manusia.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Mohon mencelah Yang di-Pertua

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila-sila.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih Yang di-Pertua. Saya ingin penjelasan er…ataupun respons daripada pihak kerajaan er…had untuk dirujuk kepada Tribunal Pengguna ini hanya RM50,000.00. Ada tak cadangan Pihak Kerajaan untuk menaikkan sebab tuntutan RM50,000.00 pengguna ni adalah terlalu kecil dan pengguna ini banyak yang tertipu ni biasanya macam *scammer* main ratus, ribu, berjuta. Adakah ini diberikan pertimbangan er…untuk dirujuk sebagai satu bidang kuasa tribunal itu sendiri? Terima kasih.

YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih Wakil dari Beserah. Er… RM50,000.00 ini ditentukan oleh Kementerian. *So* kita sebagai EXCO Negeri kita hanya ikut saja. *So* yang bahawa ini boleh lebih, tak boleh lebih nanti kita akan bawa ke Hal Pengguna dan kita bincang semula. Terima kasih.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Untuk portfolio Sumber Manusia, berkaitan dengan portfolio Sumber Manusia, untuk makluman sidang dewan yang mulia, Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan peluang pekerjaan kepada anak-anak negeri Pahang terbuka luas. Menurut Laporan Sosio Ekonomi Pahang 2021, kadar pengangguran di negeri Pahang menunjukkan peningkatan dari tahun 2021 hingga 20 er…2019 hingga 2021.

Berdasarkan data daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial atau dikenali PERKESO, sejumlah RM 9.1 juta telah dibayar kepada er…9,114 pekerja yang kehilangan pekerjaan pada tahun 2021 akibat pandemik COVID-19. Oleh yang demikian, Kerajaan telah menubuhkan Majlis Pekerja Negeri Pahang. Fungsi utama penubuhan Majlis ini adalah untuk membuka peluang pekerjaan di taman-taman industri kepada rakyat negeri Pahang tidak kira golongan tua, muda, golongan istimewa, dan orang asal.

Penubuhan Majlis ini adalah sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri dalam memastikan pemulihan dan peningkatan sektor ekonomi di negeri Pahang. Antara fungsi-fungsi Majlis Pekerjaan adalah seperti berikut:

1. Merangkakan dasar, strategi dan inisiatif Kerajaan Pahang dalam mencipta peluang pekerjaan di negeri Pahang serta mengatasi isu pengangguran.

2. Mewujudkan rangka bersepadu dalam penciptaan peluang pekerjaan di taman-taman industri negeri Pahang.

3. Mewujudkan kerjasama bersama IPTA dan IPTS di negeri Pahang dalam menyediakan program yang dapat memenuhi keperluan dan kehendak industri.

Majlis Pekerja Negeri Pahang dalam usaha untuk membangunkan Rangka Tindakan dan Pelan Strategik Majlis Pekerjaan Negeri Pahang 2023 sampai 2024 telah melantik Universiti Malaya Pahang sebagai konsultan bagi projek ini...juga dibantu oleh Jabatan

Agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia. Pemain industri di negeri Pahang ini industri dan institusi Pengajian Tinggi negeri Pahang.

Program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) adalah satu cabang pendidikan yang menu…menumpukan kepada kemahiran teknikal atau dengan izin *skill worker*. Bagi rakyat Pahang sendiri, pihak kerajaan telah pun mempunyai pusat latihan sendiri di bawah portfolio sumber manusia, iaitu ADTEC, Advanced Technology Training Centre di Jerantut dan ILP, Industri Latihan Perindustrian di Gebeng.

Ini adalah proses pendidikan mempunyai hala tuju pekerjaan dengan penekanan terhadap amalan industri bagi menghasilkan tenaga kerja mahir dalam bidang tertentu. Kepada pelajar lepasan SPM yang mungkin kurang berjaya dalam bidang akademik, digalakkan menyertai kursus-kursus teknikal di ADTEC Jerantut dan ILP Gebeng.

Oleh kerana itu, saya yang ar…oleh kerana itu, pada saya apa yang penting sekarang ini ialah bagaimana TVET menyumbang peluang pekerjaan kepada rakyat Pahang. Apa apabila pelajar dan belia didedahkan kepada bidang teknikal lebih awal, ia menjadi laluan kerja yang mudah bagi memenuhi keperluan industri.

Jadi, anak Pahang bolehlah merebut peluang yang sudah disediakan oleh Kerajaan Negeri Pahang. Ada antara bidang teknikal yang mampu menyumbang kepada keperluan orang kurang upaya juga. Sebagai contoh, pelajar ADTEC mampu menghasilkan tangan palsu menggunakan teknikal cetakan 3D dengan kos lebih kurang RM300.00. Untuk maklumat semua Ahli-ahli Dewan sekiranya kawasan ada mempunyai er…orang yang kehilangan tangan okey, bolehlah jumpa dengan saya dan kita bawa dia ke sana sebab dia mungkin dia kerat-kerat dia itu tak tahu berapa panjang itu, kita kena ukur. *So* setiap orang kalau OKU itu kita boleh hantar ke ADTEC ukur. Okey.

YB DATO' SRI HAJI IBHARIM BIN TUAN MAN

Er… Pertama sekali tahniah kepada Kerajaan dalam menubuh Majlis Pekerja Pahang. Satu usaha yang sangat positif. Cuma saya perlukan dapat data mungkin bertulis pun tak apa tentang berapa jumlah penganggur yang ada di Pahang mengikut er… daerah supaya kita boleh fokus usaha usaha di bawah Majlis Pekerja Negeri Pahang. Terima kasih.

YB TUAN SIM CHON SIANG

Okey terima kasih Cheka er…nanti kita akan bagi jawapan dalam bertulis ya. *So*…

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Mencelah sikit, boleh? Yang di-Pertua, saya ya kita ucap terima kasih fokus Kerajaan untuk membangunkan kemahiran dan apa ni melalui tumpuan, fokus diberikan kepada TVET. Cuma satu perkara yang saya rasa pihak Kerajaan perlu ambil perhatian dan juga kalau boleh ada tindakan, kesempatan yang diambil oleh pelabur-pelabur ini, mereka biasanya bila kerja-kerja yang berkaitan dengan kemahiran terutama sekali yang 3D, mereka klasifikasikan sebagai yang 3D ini, mereka *outsource*.

Dia *contract out*. Skop kerja di tempat itu, di kilang ataupun di kawasan industri itu, mereka *outsource*. Yang mereka ambil kesempatan hanya mengambil tenaga kerja asing kerana kos rendah. Walaupun kita ada banyak kemahiran, anak-anak muda kita

ramai, kelulusan berkemahiran. Tapi oleh kerana kesempatan diambil oleh pelabur untuk nak mengurangkan kos operasi, mereka *outsource*, mereka kontrakkan skop kerja itu.

Jadi peluang untuk anak tempatan yang ada kemahiran ini pun tersekat. Maka ada tak langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan supaya kesempatan sebegini dapat diatasi, terima kasih.

YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih Beserah untuk maklumat Beserah. Budak-budak yang belajar di ADTEC, pelajaran tinggal satu tahun sudah di offer dah. Memang yang belajar dekat ADTEC ini memang cukup lah. Tak cukup untuk apa tu orang sudah *booking*. Industri sudah buat *booking*. Memang tak cukup. Guru besar bagi tahu saya, memang tak cukup.

YANG DI-PERTUA DEWAN

Pasaran tinggi.

YB TUAN SIM CHON SIANG

Pasaran terlalu tinggi. Tak cukup. *So* untuk menolong orang di kawasan OKU yang patah tangan, patah kaki jangan cari saya, patah tangan saja. Kalau dia nak tangan palsu tu, boleh hubungi saya. Sekali lagi saya keluarkan nombor *phone* saya 012 981 8819. Ingat eh, kalau ada orang yang ingin, tolong beritahu saya. Kita tolong dia orang. Bersama kita tolong.

YB TUAN MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

minta- minta ulang sikit nombor telefon...

YB TUAN SIM CHON SIANG

012 981 8819. Ini kali ketiga dah. Mengenai isu yang dibangkit oleh Pulau Tawar yang menjemput anak Pahang ini pulang ke negeri untuk bekerja kembali bekerja di Pahang. Saya dan jugalah Yang Amat Berhormat Kemayan juga bangkit anak muda tidak mempunyai kerja. Di sini saya sekalilah saya bangkit. Kalau anak kita nak kerja ini, kita boleh melayari website MyFutureJobs.goverment.my yang diuruskan oleh PERKESO. Untuk syarikat Alliance Steel yang tadi dibangkitkan oleh EXCO kawan saya dia juga memerlukan 500 orang yang baru-baru ni yang Lotus, pasar raya Lotus yang akan buka pada 15 bulan Jun ni dia juga beritahu saya orang tempatan cukup susah nak cari dia perlu dekat 300 orang sekarang apa dia dapat?100 lebih saja tak boleh pergi sampai 300 Itu sebablah, keperluan untuk pekerja untuk anak-anak kita nak kerja dekat Pahang ni masih *lost* okey.

So itu saya harap untuk YB Pulau Tawar dan Pulau Kemayan, kalau anak-anak kita nak kerja di Pahang, kalau tak dapat boleh call saya. Saya turut carikan. *Phone* sudah ada.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Boleh gulung Yang Berhormat?

YB TUAN SIM CHON SIANG

Boleh-boleh, tambah sikit Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Untuk isu pemerdagangan manusia, itu hari saya tertinggal sikit. Dengan izin, *job scam*. Apa yang berlaku sekarang, nasihat saya kepada anak-anak muda. Jangan mudah terpedaya dengan tawaran pekerja di luar. Di luar negara terutama, dia akan ajak ke Singapura dan Dubai dulu. Lepas tu, dia akan bagi gaji yang lumayan. Dan mangsa ini akan bawa ke Singapura dan Dubai terdahulu. Dan kemudian akan pindah ke Bangkok. Atas alasan latihan kerja atau dinaik pangkat ke Bangkok. Kalau anak-anak muda betul ke Bangkok, kalau di Bangkok, mangsa itu dia duduk dalam kereta lebih kurang 9 jam. Kena jaga-jagalah. Itulah tempat dipanggil *MESOT*, itu sempadan, Thai dengan Miawadi. So di Miawadi ini, jika mangsa gagal mencapai sasaran ditetapkan oleh sindiket. Dan masa ini akan dipukul, didera, dicabul. Terutama anak muda perempuan, jaga-jaga.

Jika masih *target* yang dibagi oleh sindiket, dan sindiket akan menjual organ mereka dengan harga, itu hari saya lupa bagitahu, 400,000 USD sebiji jantung. Dan akan di*operate* dan *body* akan dibuang dalam Sungai Moin ada satu sungai tu, ada Sungai Moin dan dalam ini ada buaya tak payah tanam pun kalau di*operate* bila saya sampai ke sana, saya tanya kepada orang yang tinggal dekat sempadan ada tak nampak *body body* dia kata *body* tak nampaklah kalau kaki tangan tu biasa lah tengok. Fikirlah berapa orang sudah mati di sana." Lepas tu, sindiket ini akan ambil apa tu video masa dia dera dan hantar kepada keluarga. Dan minta wang tebusan sebanyak RM300,000.00 sampai RM400,000.00 kalau mangsa nak pulang.

So, apabila mangsa sudah menjadi sedikit, tempat itu lebih dikenali sebagai KK Garden. Dan memang dia kepung dia, tempat kawasan tinggi dia, tembok dia itu, dengan kawat duri setinggi 4 meter. Memang you tak boleh lari keluar. Itu sebab saya menasihatkan anak muda ni dia, "Pahang ini kita banyak kerja. Jangan pergi sampai luar negeri." Lagi untuk kes *love scam*, itu hari saya tak bangkit. Saya ingin juga mengingatkan anak-anak muda dan juga Ahli Dewan supaya jangan terpedaya dengan mesej yang cinta yang tiba-tiba diterima melalui media sosial atau individu-individu tidak dikenali.

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Ya Berhormat Yang di-Pertua...

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, Kita banyak banyak celah ni, ada seorang lagi? Sila...sila...

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Satu je.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Okey. Okey.

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Saya nak tanya yang ADUN daripada Teruntum, Wakil Kerajaan. Sama ada nak pergi lagi ke Burma ke tidak? Sebab ramai yang nak ikut ni.

YB TUAN SIM CHON SIANG

Nanti dulu, biar habis saya cakap dulu. Kalau terima mesej untuk laki, kalau tiba-tiba nampak awek-awek yang *contact* you cantik-cantik, sindiket ini akan gunakan cara ini, *love scam*. memperdayakan kita. Lepas tu dia cinta cinta dalam phone 3, 4 bulan. Dan dia akan ajak kita pergi ke, apa ni, mempelawa kita ni ke Bangkok untuk berjumpa. Lepas tu dia akan bawa ke sana. Juga jadi sebagai mangsa. *So*, untuk untuk nak menyelamatkan mangsa-mangsa sekarang saya berharap lah kalau siapa Ahli Dewan Undangan Negeri berminat nak pergi bersama saya, EXCO JKR mungkin dia minat. Boleh beritahu saya kalau ada *chance* saya pergi. Saya bawa *you* pergi.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

No telefon dah ada dah okey.

YB TUAN SIM CHON SIANG

Mau 3 kali dah...mau kali nombor 4 ke...

YANG DI-PERTUA DEWAN

Boleh gulung Yang Berhormat.

YB TUAN SIM CHON SIANG

Okey okey... *so*, terima kasihlah semua. *So* Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi penerangan dan serta cadangan melibatkan portfolio saya. Saya menghargai segala cadangan dan teguran serta akan mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan input yang diterima.

Saya bersama jentera-jentera di bawah portfolio saya dari semasa ke semasa sentiasa berusaha sedaya upaya untuk memastikan keperluan harian sentiasa ada dan mencukupi. Seterus, kami sentiasa mengalukan cadangan penambahbaik dan sebarang bentuk kerjasama daripada semua pihak. Dengan ini, saya memohon menyokong, usul, menjunjung, kasih titah, ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Pemangku Raja dan moga Tuanku dan dikurniakan kesihatan tubuh badan sentiasa berpanjangan. Sekian terima kasih. Saya mohon menyokong.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih EXCO Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Negeri Pahang. Cuma saya nak ingatkan kalau kita nak baca, kita tak boleh baca. Jangan naikkan kertas tu. Ini ada perkara dalam peraturan kita. Perkara 35. Jadi, letak di bawah tak apa. Jangan dilihat. Ini antara peraturan kitalah. Saya nak bagi peluang seorang lagi iaitu EXCO kita…EXCO…sebelum kita berehat iaitu EXCO Komunikasi dan Multimedia, Belia, Sukan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan Negeri Pahang. Silakan Yang Berhormat.

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Bismilahhirahmanirrahim [Bacaan ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk menjunjung setinggi-tinggi kasih kesisi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang atas Titah Sempena Istiadat Pembukaan Penggal Ke-2 Dewan Negeri Ke-15 pada Isnin yang lalu. Banyak sekali saranan serta kata nasihat yang seharusnya kita semua ambil iktibar dan jadikan perangsang untuk memberikan khidmat yang terbaik kepada rakyat dan negeri tercinta Pahang Darul Makmur ini.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih atas kesempatan dan ruang untuk melakukan penggulungan bagi Jawatankuasa Komunikasi dan Multimedia, Belia, Sukan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan Negeri Pahang pada hari ini. Tidak lupa terima kasih juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan isu yang berkait dengan Jawatankuasa ini. Bagi sesi pengulungan ini, saya akan mencerakinkannya kepada beberapa bahagian. Saya mulakan dengan segmen belia serta usaha-usaha pemerkasaan belia di negeri Pahang.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Pertama sekali saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Pahang bersama dengan Jabatan Belia dan Sukan Pahang telah merangka satu program khas ke arah pemantapan belia dan kepimpinan organisasi belia. Bermula Jun ini, program khas ini akan mula dilaksanakan melibatkan tiga peringkat iaitu daerah, zon serta negeri dengan melibatkan enam belas program secara keseluruhannya. Inisiatif ini akan dikenali sebagai Program *YES* iaitu *Youth Empowerment Society Program* di mana intipati program akan menjurus kepada aspek pemerkasaan dan pemantapan pengurusan belia.

YES akan menjadi intervensi khusus yang diharapkan dapat mencetuskan minat serta menarik lebih ramai anak muda untuk bergiat aktif dalam pelbagai aktiviti kemasyarakat dan juga pertubuhan. Diharapkan dengan adanya program *YES* ini, kepimpinan belia yang terlatih ini akan dapat menjadi pembimbing serta pelaksana bagi memperkasa pembangunan sahsiah dan insaniah belia-belia di seluruh negeri Pahang. Program ini penting dalam usaha kita untuk melahirkan kepimpinan belia yang cemerlang pada masa hadapan sekaligus menjawab pertanyaan Yang Berhormat Lepar mengenai usaha Kerajaan Negeri untuk melahirkan generasi belia yang berdisiplin, bersahsiah serta berpendidikan.

Program ini akan turut memberi fokus kepada kumpulan belia berisiko iaitu salah satu daripada lapan jenis kumpulan belia yang telah digariskan oleh Kementerian Belia dan Sukan dalam Dasar Belia Malaysia. Selain program pemantapan kepimpinan dan pengurusan organisasi, program pemerkasaan ekonomi belia turut menjadi fokus Kerajaan Negeri. Penumpuan akan diberi kepada pembangunan *agropreneur* muda yang telah... yang lebih sistematik. Program ini akan melibatkan keseluruhan daerah dengan penekanan kepada program pertanian yang berpendapatan tinggi. Kerajaan Negeri turut melaksanakan Program *I-PUSH* yang memberi manfaat kepada golongan usahawan belia untuk mendapatkan bantuan pembiayaan perniagaan.

Ramai kalangan usahawan belia yang memohon dan telah berjaya mendapat pembiayaan sehingga RM10,000.00. Malah, berapa agensi Kerajaan Negeri termasuklah Yayasan Pahang bersama syarikat-syarikat tempatan seperti Aki Burger dan Laziz Patin dan lain-lain telah menyatakan kesudian membantu Kerajaan Negeri untuk bertindak sebagai mentor atau pembimbing kepada bakal usahawan anak muda mengikuti bidang kepakaran masing-masing. Saya berharap inisiatif yang digariskan

ini dapat menjawab soalan yang ditimbulkan oleh ADUN Kemayan berhubung usaha Kerajaan Negeri membangunkan belia atau usahawan belia di negeri ini.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Untuk segmen yang kedua, saya akan menjawab dan memberi maklum balas kepada isu-isu yang berkaitan dengan pembangunan sukan. Untuk itu saya akan merumuskan kesemuanya berdasarkan cakupan-cakupan berikut. Pertama, usaha mengukuhkan kerjasama dalam kalangan agensi dan jabatan-jabatan yang berkaitan dalam menjayakan program pembangunan sukan berprestasi tinggi di Pahang, saya percaya kesepakatan antara semua agensi adalah penting. Semua pihak sama ada di peringkat negeri mahupun persekutuan, mesti berganding bahu untuk menjayakan program pembangunan sukan secara berkesan.

Untuk itu, saya bersama-sama dengan Majlis Sukan Pahang telah mengadakan satu lawatan kerja selama satu hari di Majlis Sukan Negara dan Institut Sukan Negara pada Februari yang lalu. Dalam lawatan kerja ini, beberapa perkara telah ditekankan. Antaranya keperluan agar segala perancangan dan pembangunan sukan di Pahang mendapat sokongan dan perhatian daripada Kerajaan Pusat. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri Pahang menggesa Kerajaan Pusat untuk merancakkan penyaluran dana pembangunan sukan ke negeri Pahang agar kita dapat mengejar prestasi negeri-negeri lain dalam bidang sukan dan juga pembangunan infrastrukturnya.

Paling penting di bawah portfolio ini, saya turut menekankan usaha pengukuhan gerakan sivil seperti Badan-Badan Bukan Kerajaan dan Persatuan-persatuan Masyarakat untuk turut sama memperkasa dan memajukan bidang sukan di negeri ini. Kedua, meningkatkan kapasiti serta pengetahuan kakitangan dan penggerak sukan di peringkat negeri. Kita percaya bahawa untuk membangunkan sukan di Pahang secara sistematik dan berkesan, kakitangan serta sumber manusia yang berkualiti dan berpengalaman sangat diperlukan.

Atas dasar itu, mulai 13 Mac yang lalu seramai 5 orang pegawai dari Majlis Sukan Pahang telah kita tempatkan secara berkala di Majlis Sukan Negara dan Institut Sukan Negara. Selain bertujuan memberi lebih pendedahan terhadap pengurusan pembangunan sukan di negeri ini, program ini turut bertujuan memastikan Majlis Sukan Pahang mempunyai hubungan yang rapat dengan Majlis Sukan Negara yang merupakan badan induk menguruskan sukan di negara ini. Ketiga, memantapkan kedudukan kewangan dan dana pembangunan sukan di negeri Pahang. Kerajaan Negeri sedar ramai anak-anak muda berbakat di negeri Pahang yang cukup berpotensi perlu digilap.

Walau bagaimanapun....walau bagaimanapun bagi melahirkan bakat sukan yang bertaraf dunia, ia memerlukan satu pelaburan yang besar untuk direalisasikan dan sebagai sebuah negeri yang berdaya saing, Pahang tidak berhasrat untuk hanya bergantung harap kepada Kerajaan Persekutuan semata-mata. Justeru, selaras dengan Pelan Pembangunan Sukan Prestasi Tinggi 2030, Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan satu *crowdfunding* yang dinamakan sebagai Tabung Sukan Pahang. Inilah yang saya kongsikan bersama Yang Berhormat Lepar baru-baru ini. Melalui tabung ini, pihak swasta, syarikat korporat dan orang awam yang menyalurkan sumbangan kepada program pembangunan sukan di Pahang akan diberi pengecualian cukai.

Sebelum ini selain mewujudkan dana bagi pembangunan sukan, tabung ini juga sebenarnya bertujuan menjadikan program pembangunan sukan sebagai program

tanggungjawab bersama semua pihak. Malah bagi merancakkan penglibatan sektor korporat dan juga swasta, mereka dialu-alukan untuk memilih sukan angkat untuk disokong dan dibantu oleh organisasi masing-masing. Urus tadbir kewangan tabung ini akan melalui satu jawatankuasa khas yang akan dibentuk di bawah Jawatankuasa Pengurus Majlis Sukan Pahang bagi memastikan ia dapat diurus dengan cekap, telus serta mencapai hasrat yang disasarkan.

Ini adalah inisiatif terbaru yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Pahang bagi meningkatkan mutu dan pembangunan sukan di negeri ini. Insya-Allah, akaun bank untuk tabung ini akan dilancarkan dalam masa terdekat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang.

Keempat, memperkemaskan strategi peningkatan kecemerlangan sukan. Saya ingin memaklumkan Dewan Yang Mulia ini, bahawa Majlis Sukan Pahang telah menyusun dan meneliti beberapa strategi utama untuk memastikan kelancaran dan keberhasilan yang positif bagi meneraju kecemerlangan sukan di negeri ini. Atas dasar itu, perancangan sukan sama ada dari aspek kejurulatihan, latihan mahu pun pertandingan perlu diperkemas agar sesuai dengan revolusi semasa.

Dalam hal ini, Majlis Sukan Pahang akan memberi fokus kepada usaha mewujudkan kualiti kejurulatihan yang tinggi dan sukacita saya memaklumkan bahawa Majlis Sukan Pahang akan membuat penyelarasan semula terhadap gaji-gaji jurulatih sepenuh masa di negeri ini. Penyelarasan semula skim jurulatih ini adalah akan dilaksanakan berdasarkan kelayakan dan pengalaman jurulatih yang dilantik oleh Majlis Sukan Pahang.

Langkah ini diharap dapat meningkatkan motivasi dan komitmen jurulatih di negeri ini dalam melaksanakan tanggungjawab mereka bagi memacu kecemerlangan sukan Pahang. Malah, inisiatif ini juga menggambarkan kesungguhan serta komitmen tidak berbelah bahagi Kerajaan Negeri Pahang dalam memajukan sukan di negeri ini. Selain memastikan jurulatih-jurulatih yang dilantik dapat mengikuti kursus-kursus spesifik, Majlis Sukan Pahang turut mengukuhkan kemampuan jurulatih dengan menetapkan KPI atau sasaran prestasi utama yang jelas bagi setiap sukan.

Sasaran prestasi ini penting kerana ia akan membolehkan kita mengukur keberkesanan serta kekuatan kita dari semasa ke semasa. Malah ia adalah satu mekanisme yang wajar dan adil dalam menilai pelantikan, penyambungan dan penamatan kontrak jurulatih.

Kelima, merancakkan usaha melahirkan komuniti sukan yang berdisiplin, berbakat dan berpengetahuan. Dalam hal ini, Majlis Sukan Pahang akan memfokuskan kepada peningkatan aplikasi sains sukan dalam pelbagai program latihan atlet di negeri ini. Jurulatih, pengurus pasukan, pembantu lapangan, kakitangan agensi sukan, tenaga pentadbiran dan semua pemegang taruh dalam sektor sukan negeri akan didedahkan dengan kaedah latihan dan pembangunan sukan berteraskan sains sukan. Perancangan kursus jurulatih yang merangkumi aspek-aspek biomekanik, suaian fizikal, pemakanan sukan, fisiologi senaman dan psikologi sukan akan dilaksanakan dengan sistematik dan meluas selepas ini, insya-Allah.

Sasaran kemuncak dan medan ujian pertama kepada semua usaha yang saya gariskan ini sudah pastilah untuk kita melakar kecemerlangan dalam 'Temasya Sukan Berprestij' termasuklah SUKMA 2024 pada tahun hadapan di Sarawak, insya-Allah.

Menyentuh berkenaan dengan Stadium Darul Makmur, Perbadanan Stadium Darul Makmur telah merangka pelbagai program dan projek menaik taraf bagi memastikan Stadium Darul Makmur lebih selesa, kelihatan menarik dan berevolusi baru terutama sempena 50 tahun usia Stadium Darul Makmur pada tahun ini.

Di antara projek naik taraf yang baharu sahaja siap ialah pembinaan trek dan balapan yang menelan belanja sebanyak RM4.6 juta. Selain trek dan balapan, Stadium Darul Makmur kini baru sahaja dilengkapi dengan lebih kurang 1,640 unit tempat duduk penonton dengan nilai peruntukan RM300,000.00.

Selain itu, pelbagai usaha lain akan turut dilaksanakan bagi menambah baik kemudahan dan fasiliti sukan di Stadium Darul Makmur. Antaranya ialah mengecat bangunan luar stadium dengan peruntukan sebanyak RM500,000.00, menaik taraf tandas secara berperingkat dengan anggaran peruntukan sebanyak RM100,000.00, menaik taraf dewan tertutup yang serba lengkap dengan peruntukan sebanyak RM300,000.00.

YB TUAN MOHD YAZID BIN MOHD YUNUS

Ada soalan tambahan.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya.

YB TUAN MOHD YAZID BIN MOHD YUNUS

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua. Nak tanya sikit, adakah ada apa-apa bentuk bantuan er... kewangan seperti biasiswa atau geran pinjaman untuk memberi peluang kepada atlet-atlet Pahang yang berkebolehan pergi ke luar negara belajar sambil berlatih, kerana kita lihat kadang-kadang keperluan di dalam negeri ini, fasiliti tak mencukupi ataupun dari segi *sparring* dia orang tak cukup er...handal, dia orang terpaksa pergi ke luar negara untuk nak orang kata nak er...lebih berkebolehan.

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Terima kasih Yang Berhormat

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Sebelum tu, saya...saya mohon er... untuk boleh jawab sekali. Er...kita ada sedikit apa yang di… di... diviralkan dalam media sosial berkenaan hutang pemain import kita, Ivan Carlos. Beliau telah beberapa kali sebenarnya telah masukkan ke dalam Twitter dia dan ini menjejaskan nama baik pasukan Pahang dan mungkin dapat jelaskan kepada Dewan Yang Mulia er...status terkini tentang beliau dan pemain-pemain import yang lain...Yang Berhormat. Terima kasih.

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Terima kasih Yang Berhormat Lepar dan juga Yang Berhormat Cheka atas soalan yang ditanyakan sebentar tadi. Soalan pertama daripada Yang Berhormat Lepar, nanti saya dapatkan perincian andai ada inisiatif yang sedia di bawah Jabatan Belia dan Sukan dan juga Majlis Sukan Pahang dan saya percaya inisiatif ini barangkali lebih tepat di bawah bidang kuasa Majlis Sukan Pahang. Nanti saya akan bagi jawapan

bertulis.

Berhubung soalan kedua daripada Yang Berhormat Cheka er...saya nanti, saya dapatkan maklumat terperinci sebab benda ni mungkin dah viral di media sosial nanti salah jawab nanti kena balun lagi. Ya, Yang Berhormat Cheka. Terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila sambung, ada lima minit lagi.

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Untuk segmen yang ketiga, saya ingin sampaikan adalah berkaitan dengan kemudahan komunikasi dan jaringan internet. Meskipun menghadapi pelbagai cabaran pelaksanaan khususnya, dalam tempoh 2 tahun semasa COVID-19 melanda negara iaitu pada tahun 2020 dan 2021. Pelan Jalinan Digital Negara atau JENDELA Fasa 1 yang bermula pada tahun 2020 kini kembali berada di landasan yang tepat.

Di bawah pelaksanaan JENDELA Fasa 1 di Pahang, terdapat sebanyak 4 projek utama telah dirancang iaitu yang pertama pembinaan menara baru sebanyak 270 menara. Yang kedua; menaik taraf stesyen pemancar sebanyak 902 stesyen pemancar. Ketiga; pelaksanan Jalur Lebar Satelit di Kampung Orang Asli, 69 Kampung Orang Asli terlibat dan yang keempat; sambungan gentian optik di premis-premis, sebanyak 118,260 premis terlibat.

Sehingga penghujung suku pertama tahun ini, pencapaian bagi setiap projek JENDELA adalah seperti mana berikut: Yang pertama, status semasa 270 menara baru disasarkan untuk dibina, kini sedang giat dilaksanakan di mana 53 menara sudah siap dibina dan 217 menara lagi dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Disasarkan untuk kesemua menara ini akan siap dibina pada penghujung tahun ini.

Kedua, kesemua 902 stesen pemancar telah siap dibina di bawah projek menaik taraf Stesyen Pemancar Ke Rangkaian 4G. Ketiga, sasaran 69 Kampung Orang Asli mempunyai internet jalur lebar berteknologi satelit telah siap dilaksanakan. Keempat, projek sambungan gentian optik di 118,260 premis pula telah menunjukkan perkembangan yang pantas iaitu sebanyak 103,765 premis telah siap dilaksanakan dan hanya tinggal 14,495 premis lagi dalam proses pelaksanaan.

Justeru saya ingin membetulkan fakta yang dikemukakan oleh Adin...ADUN Panching semalam, bahawa jumlah menara baru yang telah dirancang dibawah JENDELA di Pahang adalah sebanyak 270 menara. Manakala proses pembinaan menara telah bermula pada tahun 2020 dan sehingga kini 53 menara telahpun siap dan beroperasi. Baki 217 menara lagi kini dalam pelbagai peringkat pelaksanaan dan semua menara ini disasarkan untuk siap dan beroperasi selewatnya pada tahun ini.

Berdasarkan perkembangan terkini, kadar liputan jalur lebar mudah alih 4G untuk Negeri Pahang telah meningkat daripada 89.1% pada suku ke-2 2020 kepada 94.31% pada suku pertama tahun ini. Kadar ini akan terus meningkat apabila semua projek JENDELA Fasa Satu siap khususnya pembinaan menara baru yang dijangka akan siap secara berperingkat sebelum penghujung tahun ini. Dato' Sri.

YB TUAN MOHD TARMIZI BIN YAHAYA

Mohon…mohon mencelah.

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Saya dah terima dua lagi celahan.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, kita dah pukul 1.05 Yang Berhormat.

YB TUAN MOHD TARMIZI BIN YAHAYA

Satu sahaja Yang di-Pertua. Saya petik data yang saya bagi itu daripada err...penerangan portal...potal maklumat rakyat. Penerangan Malaysia itu pada bertarikh 5 April 2022 pembinaan 244 menara komunikasi di Pahang. Itu sahaja.

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Terima kasih Yang Berhormat Panching err...ini maklumat yang terbaru yang saya terima mungkin kita boleh betulkan andai ada kesilapan dari portal tersebut. Dato' Sri Yang di-Pertua, semenjak JENDELA...

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Boleh-boleh gulung tak Yang Berhormat.

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Sikit lagi pasal JENDELA ini Dato' Sri. Boleh saya cerita pasal 5G ini, ramai yang tanya Dato' Sri.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Bolehlah. 5G, 6G, teruslah Yang Berhormat.

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sebagai usaha berterusan dalam menambah baik perkhidmatan komunikasi di Pahang. Pelaksanaan 5G di bandar-bandar utama di Pahang telah mula...dimulakan pada penghujung tahun 2020 oleh Digital National Berhad, syarikat yang dilantik oleh kerajaan. Bagi memastikan pelaksanaan ini dijalankan mengikut perancangan Kerajaan Negeri bersama dengan SKMM sentiasa memantau dan menyelia pelaksanaan 5G di Pahang bagi memastikan perkhidmatan tersebut dapat dinikmati dan memenuhi kehendak rakyat.

Sehingga 30 April tahun ini sebanyak 159 tapak daripada 361 tapak atau 44% di Pahang telah siap dibangunkan oleh Digital National Berhad. Tapak-tapak ini melibatkan Kuantan 104 lokasi, Pekan 17 lokasi, Temerloh 13 lokasi, Bentong 14 lokasi, Rompin 11 lokasi, baki 202 tapak lagi sedang dalam peringkat pelaksanaan dan dijangka akan siap secara berperingkat sehingga penghujung tahun ini. Pihak

pemberi perkhidmatan yang menyediakan *access* 5G kepada pengguna di Pahang ketika ini adalah CELCOM, DIGI, UMobile, YTL, Telekom Malaysia dan YUDO.
Dato' Sri Yang di-Pertua, kesimpulannya, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih atas ruang dan peluang yang diberikan ini. Saya sangat berharap.

YB TUAN MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Boleh mencelah Yang di-Pertua,

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat dah nak habis dah. Baiklah…bagilah Yang Berhormat…dia demam kempunan pula. Silakan, sila Yang Berhormat.

YB TUAN MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya itu tertunggu-tunggu semalam saya ada menyebut *rally* lumba kereta lasak yang dibuat tahun lepas. Tak ada, tak ada respons dari kerajaan sebab ini produk bukan saja sukan tapi produk pelancongan yang saya rasa berpotensi untuk dimajukan di negeri ini. Terima kasih.

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Dato Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. sebenarnya Yang Berhormat dah tanya saya tadi di luar. Tapi saya cakap. Saya kena *prepare* keesokan sediakan *feedback*.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Err...Yang Berhormat. Dia nak menunjukkan kepada orang Luit itu. Bahawa dia bertanya soalan dia. Itu sahaja. Lepas ini pula dia viralkan, tengok saya...

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Setuju-setuju.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Juara berlumba. Betul Yang Berhormat. Err...betul...betul...Err...Yang Berhormat setuju dengan saya, saya pun, bersetuju dengan Yang Berhormat. Sila-sila kita nak...nak ini tangguh.

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Kita nak Luit lagi kita akan sediakan jawa...jawapan bertulis untuk Yang Berhormat. Dato' Sri Yang di-Pertua, saya sangat berharap segala inisiatif yang telah disusun oleh Kerajaan Negeri Pahang di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Wan Rosdy bin Wan Ismail akan dapat kita jayakan dengan cemerlang. Saya ini ingin mengajak semua Ahli-ahli Yang Berhormat untuk kita bersama-sama memberikan yang terbaik demi kemakmuran dan kesejahteraan negeri ini.

Sebelum saya mengakhiri sesi pengulungan bagi Pihak Kerajaan ini, saya dengan ini menyokong penuh segala Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku

Raja Pahang pada 8 Mei lalu. Terima kasih, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. [Ahli-ahli Dewan menepuk meja]

Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum saya menangguhkan. Saya nak mengalu-alukan kehadiran anak-anak kita ataupun adik-adik kita dari Sekolah Menengah Sultan Abu Bakar, Kuantan yang bersama dengan kita di tempat galeri. Ahli-ahli Berhormat sekalian, saya akan menangguhkan persidangan pada pagi ini kerana kita akan memberi laluan kepada makan tengah hari dan juga solat Zuhur. Saya juga nak maklumkan bahawa bagi pihak pelancongan Pahang, Yang Berhormat-berhormat ada Jamuan Raya.

Jadi bolehlah pergi ke pekarangan Tourism Pahang dan kita ada enam lagi err...Wakil Kerajaan yang belum menggulung dan kita harap supaya tidak banyak gangguan. Kalau tidak kita terpaksa tangguh sampai...sampai pukul 7 ataupun kita sembahyang maghrib kemudian kita sambung baliklah. Jadi, kita gangguan-gangguan tu bukan gangguan maknanya mencelah-mencelah ini kita cuba kurangkan untuk kita beri laluan kepada enam Ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, itu hak Yang Berhormat masing masing lah. Jadi saya hanya menyarankan.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Bukan enam, tujuhlah lagi?

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Tujuh lagi, tujuh...tujuh minta maaf, tujuh betullah. Sebab dah lebih daripada pukul satu Yang Berhormat, *so* dengan ini…

YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARUDDIN

Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Dengan ini saya menangguhkan persidangan ke pukul 2.30 petang. Persidangan ditangguhkan.

[Persidangan ditempohkan jam 2.30 petang]

[Persidangan disambung semula]

SAMBUNGAN USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH DI RAJA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA PAHANG

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara ketiga: Sambungan Menimbang Usul Menjunjung Kasih atas Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya akan meneruskan Aturan Urusan Mesyuarat bagi perkara ketiga iaitu menjemput Wakil Kerajaan bagi memberi jawapan dan pandangan. Saya nak hadkan kepada seorang hanya boleh tanya dua kali sahaja di dalam sesi petang ini. Makna kita tak bolehlah yang orang sama, orang yang sama, sama kerana kenapa, kita nak satu, kita nak menjimatkan masa dan kita nak beri pada Wakil Kerajaan untuk menjawab tanpa gangguan dan kalau boleh kita nak selesaikan lebih kurang dalam pukul sebelum pukul 6, insya-Allah. Untuk itu, saya menjemput. Exco Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang. Silakan.

YB DATO' SABARIAH BINTI SAIDAN

Bismillahirahmanirrahim, Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri. Alhamdulillah, bersyukur kepada Allah SWT kerana dengan limpah keizinannya, maka dapat kita bersama-sama di dalam Dewan Yang Mulia pada hari ini. Ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang menyentuh portfolio saya, Exco Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang.

Di kesempatan ini juga patik ingin menyembahkan setinggi-tinggi junjung kasih kesisi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al Mustafa Billah Shah yang telah menyempurnakan Titah Diraja, yang pada hemat patik begitu komprehensif mencakupi...mencakupi segenap aspek dalam memastikan arus perdana negeri ini.. urus perdana negeri ini berjalan dengan baik.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri Pahang memberikan komitmen yang tinggi dalam melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membantu rakyat sepertimana yang dizahirkan dalam belanjawan negeri Pahang 2023. Usaha menjaga kebajikan dan kesejahteraan rakyat menjadi fokus utama Kerajaan Negeri bagi membela nasib mereka. Oleh itu, EXCO Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang akan meneruskan usaha menangani isu-isu semasa bagi memastikan kesejahteraan rakyat diutamakan.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang. Pelbagai inisiatif yang dirancang oleh Kerajaan Negeri sepanjang tahun 2023 diakui memberi manfaat

kepada rakyat. Antara program yang dilaksanakan oleh jabatan adalah bagi memperkukuhkan tadbir urus dalam pengurusan bencana Negeri Pahang. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM7.6 juta kepada Kumpulan...Kumpulan Wang Amanah, Jawatankuasa Malapetaka Negeri Pahang (KWAMP). Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang akan membuat 13 perolehan pada tahun 2023 melibatkan perbelanjaan sebanyak RM4.69 juta. Selain itu, menaikkan kadar apungan tabung bantuan bencana di setiap daerah daripada RM20,000.00 kepada RM50,000.00.

Kerajaan Negeri juga memfokuskan kepada kesejahteraan rakyat di mana penekanan kepada aspek kebajikan dan keperluan rakyat termasuk kebajikan warga emas dan orang kurang upaya (OKU). Di antara program-program berkenaan adalah seperti berikut:

Yang pertama, pelaksanaan Program Khidmat Bantu di rumah ke atas warga emas dan OKU melibatkan peruntukan sebanyak RM1 juta. Program Ziarah Prihatin ini melibatkan JKM, Majlis Tindakan Sosial Negeri Pahang (MTSP) dan Gabungan Pertubuhan Sukarelawan Kebajikan (GPSK).

Program Anugerah Premis Mesra Orang Kurang Upaya Negeri Pahang telah melibatkan peruntukan RM150,000.00 bertujuan untuk memperbanyakkan akses dan kemudahan bersifat mesra orang kurang upaya. Sumbangan *one-off* RM250.00 akan diberikan kepada 300 orang penyelia dan petugas Program Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) melibatkan peruntukan RM75 juta sebagai menghargai tanggungjawab besar yang dipikul oleh mereka.

Karnival Sukan Orang Kurang Upaya (OKU) Program Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Negeri Pahang telah melibatkan peruntukan RM250,000.00. Ini bertujuan untuk memberi peluang kepada golongan Orang Kurang Upaya menyertai sukan dan menyerlahkan potensi mereka ke peringkat lebih tinggi. Geran Pembangunan dan Insentif Khas Orang Kurang Upaya Negeri Pahang melibatkan peruntukan RM850,000.00.

Peruntukan permulaan untuk mewujudkan program khusus bersama Institusi Pengajian Tinggi Negeri Pahang untuk golongan orang kurang upaya melibatkan peruntukkan RM1 juta. Pembelian al-Quran *Braille* melibatkan peruntukan RM1.2 juta bagi memudahkan Orang Kurang Upaya penglihatan yang beragama Islam untuk membaca al-Quran. Bantuan Prihatin Pahang 2023 secara bersasar dan melibatkan penerima yang lebih ramai iaitu anak yatim yang berdaftar dengan JKM akan menerima RM200.00 melibatkan 700 orang penerima dengan peruntukkan berjumlah RM140,000.00.

Orang Kurang Upaya yang akan menerima RM50.00 melibatkan 36,548 orang pemegang kad OKU yang dengan jumlah peruntukan sebanyak RM1.827 juta.

Rumah anak yatim yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat akan menerima RM10,000.00 melibatkan 14 buah pusat jagaan dengan peruntukan sebanyak RM140,000.00.

Pemberian subsidi RM3,000.00 kepada 500 orang warga emas untuk pembedahan katarak mata melibatkan peruntukan sebanyak RM1.5 juta.

Program Kebanggaan Pahang merupakan inisiatif khas untuk menghargai anak kebanggaan Pahang di mana pemberian Kad Kesihatan Pahang Pride Kasih kepada

30,600 orang penerima yang memenuhi syarat dan kelayakan melibatkan warga emas, pesara KEMAS, JASA dan Seranta, bekas Ketua Kampung, Ketua Kampung dan Orang Kurang Upaya. Penerima jabatan...bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat JKM dengan peruntukan sebanyak RM20 juta.

Bagi mengatasi isu-isu pembuangan bayi dari terus...dari terus berleluasa, pihak JKM telah menjalankan beberapa program berbentuk pencegahan dan pemulihan seperti berikut:

Program pencegahan hamil luar nikah yang mengatasi...bagi mengatasi isu pembuangan bayi. Program Advokasi Sosial kepada ibu-ibu hamil bagi penempatan kanak-kanak di dalam jagaan orang yang layak dan sesuai.

Memperkasa Akta Kanak-kanak 2001, melalui Program Advokasi dan Kempen Jenayah Seksual terhadap kanak-kanak. Pusat Jagaan Sinar Kasih (PJSH) ditubuhkan bagi memberikan perlindungan kepada wanita berusia 18 hingga 21 tahun. Perlindungan diberikan sehingga mereka melahirkan kandungan.

Ini dilakukan bagi mengelakkan pembuangan bayi oleh wanita yang mencari jalan singkat untuk mengatasi masalah yang dihadapi. Pusat Jagaan Sinar Kasih ini memberikan perlindungan kepada ibu dan bayi yang dilahirkan dengan selamat. Di samping itu juga memastikan bayi mendapat penjagaan dan perlindungan di rumah kanak-kanak sekiranya ibu kandung tidak sanggup memelihara bayi. Berdasarkan statistik pembuangan bayi di Pahang dari tahun 2022 hingga kini, terdapat 3 kes kanak-kanak telah diselamatkan oleh pihak JKM.

YB DATO' SRI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Minta laluan sikit. Sekiranya ada data tentang berapa bilangan anak luar nikah, anak-anak yang anak tanpa sah taraf di negeri Pahang, kalau boleh untuk 3 tahun...bertulis tak apa sebab saya ingat data ini perlu mengambil masa sedikit. Terima kasih.

YB DATO' SABARIAH BINTI SAIDAN

Kasih atas pertanyaan daripada YB Cheka. Insya-Allah kita akan berikan jawapan bertulis tentang data yang dipohon tadi. Okey. Seterusnya, Kerajaan Negeri Pahang juga komited dalam memastikan semua perolehan pembelian bekalan makanan kering yang dibuat oleh JKM akan disalurkan kepada 159 pangkalan hadapan di setiap daerah bermula bulan Ogos sehingga November 2023 bagi memastikan kelancaran pengurusan bencana.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Melalui pembangunan wanita... melalui Jabatan Pembangunan Wanita dan Keluarga pula, wanita Malaysia membentuk 48.5% daripada keseluruhan 32.7 juta rakyat negara. Manakala di Pahang, wanita mewakili 47% daripada keseluruhan 1.68 juta penduduk negeri Pahang. Justeru, tidak dapat dinafikan sekiranya potensi mereka diupayakan sepenuhnya, wanita boleh menyumbang dan menyertai usaha-usaha pembangunan negara dalam aspek ekonomi, politik, budaya dan sosial dengan lebih efektif.

Di negeri Pahang, pelbagai inisiatif telah dirangka bagi memperkasa wanita sebagai nadi yang menjadi penyumbang penting dalam pembangunan... dalam pembangunan negara. Untuk ini, Kerajaan Negeri telah merangka pelbagai inisiatif bagi mencapai

matlamat ini. Antaranya adalah bagi memastikan isu-isu berkaitan wanita termasuk isu diskriminasi gender serta semua aspek pembangunan wanita, program-program dijalankan mengikut inisiatif dan objektif dalam Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Pahang... secara komprehensif.

Pelbagai program dasar dan Pelan Tindakan Wanita Pahang ini telah dijalankan seperti Program Klinik Undang-undang, Program Bijak Wang untuk pelajar institusi er... pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam dan Institut Pengajian Tinggi Swasta. Merakyat... Merakyatkan Seni Budaya Pahang, Program Ummu Umarah Wanita Inspirasi Membangun Bersama, Program Awareness Penglihat... Penglibatan Wanita Dalam Kerjaya Gig Ekonomi Negeri Pahang, dan juga... termasuk juga Program Team Building, Program Keusahawanan Wanita, Program Bidadari Merah dan juga program-program keagamaan. Program- program ini memberi manfaat kepada wanita dalam semua kategori dan kluster tanpa mengira bangsa. Bagi tujuan pelaksanaan program-program DPTWP ini, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM1 juta setahun... RM1 juta setahun sehingga tahun 2026.

Bagi program pembangunan ekonomi wanita, Kerajaan Negeri memberi fokus kepada usahawan kecil ibu tunggal melalui Program Anggun Niaga seperti yang telah saya er... bentangkan semalam. Dalam aspek kesihatan pula, Kerajaan Negeri telah melaksanakan program yang juga dikenali sebagai Program Cakna Suri. Ini juga telah saya bentangkan sema... bukan semalam, pagi tadi ya? pagi tadi.

Jadinya saya terus kepada *point* yang keempat. Kerajaan Negeri juga akan mewujudkan Pusat Pembangunan Usahawan Wanita Pahang di empat daerah terpilih di Pahang bagi mengembangkan dan memperkasakan ekonomi wanita Pahang. Keprihatinan Kerajaan Negeri bukan sahaja kepada orang dewasa malah seawal kelahiran turut diberi perhatian. Program Anak Kebanggaan Pahang 2023 *(Pahang Pride Kid 2023)* dengan izin diteruskan lagi pada tahun ini khas bagi menghargai anak kelahiran Pahang yang lahir pada tahun 2023 sepertimana yang telah diumumkan dalam Belanjawan Pahang 2023, pada Oktober tahun lepas.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Selain itu, Kerajaan Negeri Pahang juga telah berkolaborasi bersama Pejabat Pembangunan Wanita Negeri bagi melaksanakan beberapa program tahun 2023 untuk meningkatkan peluang dan penyertaan wanita dalam ekonomi dan sokongan psiko-sosial. Program Pemerkasaan Penjanaan Pendapatan Wanita iaitu WeJana dan WeBridge yang mula diperkenalkan pada tahun 2022 akan diteruskan dan dilaksanakan bagi tahun 2023, yang mana Program WeJana memberi bimbingan dan panduan kepada wanita yang ingin menjana pendapatan melalui aktiviti keusahawanan, namun tidak mempunyai produk mahupun pengetahuan untuk bermula. Seramai 30 peserta pada tahun 2022 di negeri Pahang telah terlibat dan telah berjaya meningkatkan purata penambahan pendapatan sehingga RM1,000.00 sebulan.

Program WeBridge pula memberi bimbingan dan latihan serta menghubungkan usahawan wanita kepada lebih banyak platform untuk memperluaskan perniagaan bagi membantu meningkatkan daya maju perniagaan mereka. Ianya melibatkan 30 peserta di negeri Pahang pada tahun 2022 dan telah berjaya meningkatkan purata penambahan pendapatan sehingga RM2,000.00 sebulan.

Dalam usaha untuk memperkasakan Skuad Waja, Jabatan Pembangunan Wanita telah membangunkan Modul Skuad Waja 2.0. Bermula pada tahun 2023, Skuad Waja

akan dilatih menggunakan Modul 2.0 ini bagi meningkatkan kompetensi Skuad Waja dalam membantu mereka yang memerlukan. Modul Skuad Waja 2.0 ini merangkumi kemahiran Bantuan Awal Psikologi atau dengan singkatan PFA dan Psikospiritual kon… iaitu konsep terapi yang mengintegrasikan unsur psikologi dan kerohanian. Contohnya terapi syukur, terapi sabar, terapi harapan dan terapi keredhaan. Perancangan pemerkasaan Skuad Waja bagi tahun 2023 juga melibatkan latihan *Train of Trainers* yang merangkumi penyertaan daripada pelbagai agensi bagi memastikan keberkesanan Modul Waja 2.0 ini.

Sementara itu, Program MATAHARI iaitu meningkatkan daya tahan dan psikologi wanita yang dilaksanakan merupakan usaha meningkatkan kesejahteraan kendiri melalui strategi psikologi, pemikiran positif bagi memastikan emosi yang stabil dan tindakan yang lebih bijak serta mempromosi kesedaran pentingnya kemahiran resiliensi iaitu berdaya tahan dan adaptasi positif kepada perubahan.

Program IRIS iaitu literasi perundangan dan hak wanita juga dilaksanakan yang mana program ini memfokuskan kepada elemen pemahaman terhadap perihal penganiayaan terhadap wanita dari segi perundangan. Fokus utama program ini adalah untuk meningkatkan literasi undang-undang dalam kalangan wanita. Program ini berfungsi sebagai medium penyampaian ilmu dan pengetahuan mengenai hak individu dan dari aspek perundangan, saluran aduan dan bantuan yang disediakan kepada mangsa keganasan dan diskriminasi.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Lembaga Penduduk dan daripada... dari segi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Negeri Pahang pula adalah…Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negeri Pahang (LPPKN) merupakan agensi badan berkanun persekutuan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia. Bagi usaha tindakan pencegahan dan bantuan sokongan keluarga pada tahun 2023, LPPKN Negeri Pahang merancang beberapa program seperti berikut:

Yang pertamanya adalah Kempen Penerapan Nilai Teras Keluarga iaitu yang kita namakan KASIH. Nilai teras Keluarga KASIH merujuk pada nilai... nilai kasih sayang, akhlak sihat dan selamat, ilmu dan harmoni yang harus dihayati dan diterapkan dalam keluarga di Malaysia. Kempen penerapan lima nilai ini disampaikan menerusi hebahan infografik di media massa, media sosial dan papan iklan di setiap lokasi yang bersesuaian. Media sosial dan papan iklan di lokasi bersesuaian. Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga… Malaysia dan LPPKN Negeri Pahang memberi keutamaan penghayatan nilai teras kasih menerusi program utama yang dilaksanakan pada tahun 2023.

Menerusi inisiatif Kerajaan Negeri, kempen ini digerakkan melalui enam Program Jelajah Peduli Keluarga berskala besar yang dilaksanakan di seluruh negeri Pahang. Di samping menerapkan nilai kasih menerusi siri ceramah dan perkongsian, tips kepada masyarakat, LPPKN Negeri Pahang bersama agensi kerajaan yang lain di negeri Pahang turut menyediakan perkhidmatan lain yang memberi manfaat kepada ahli keluarga seperti perkhidmatan kaunseling, pemeriksaan kesihatan, pendaftaran subsidi mamogram dan aktiviti untuk kesejahteraan remaja di pusat interaktif anak remaja.

Pencapaian... pencapaian Januari 2023 hingga April 2023, satu Program Jelajah Peduli Keluarga di FELDA Sungai Kemahal, Bentong telah dilaksanakan dengan 197 orang peserta yang hadir mendapatkan perkhidmatan dari... dan menyertai aktiviti.

Di samping itu juga prog... er... LPPKN telah mengadakan Program Pendidikan Kemahiran Keibubapaan dan Bimbingan Kaunseling. Kerajaan Negeri Pahang mengambil berat akan kepentingan mengutamakan keluarga dan memastikan kesejahteraan keluarga sentiasa terpelihara. Bagi memastikan ahli keluarga terutamanya ibu bapa diberi ilmu dan kemahiran keibubapaan, Kerajaan Negeri Pahang memberi sokongan kepada LPPKN Negeri Pahang untuk melaksanakan program dan kursus keibubapaan secara bersiri. Pencapaian yang telah tercapai di antara Januari hingga 2023 hingga April 2023 adalah *Program Smart Belanja@LPPKN* dengan 5 peserta… 50 peserta, 27 peserta mengikuti sesi kaunseling individu dan 268 peserta mengikuti sesi kaunseling berkelompok.

Di samping itu juga, LPPKN mengadakan Program Psiko-Seksual Remaja. Remaja merupakan generasi penting dalam mencorakkan masa depan negara. Oleh yang demikian, golongan ini perlu dibimbing dan diberi perhatian serta sokongan untuk melalui fasa alam remaja selaras dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan remaja yang berdaya tahan dan berperibadi mulia. LPPKN menyediakan perkhidmatan dan melaksanakan program yang bersesuaian kepada remaja menca… mencakupi kemudahan kesihatan, *reproductive*, kaunseling, pendidikan dan riadah supaya mereka mempunyai sikap positif terhadap kesihatan diri serta meningkatkan ilmu pengetahuan mereka dan aspek fizikal, mental dan sosial.

Pada tahun 2023, perkhidmatan dan program kepada remaja ini dilaksanakan menerusi aktiviti pusat remaja kepada remaja ini, aktiviti pusat interaktif anak remaja *Cafe Teen* di UTC Kuantan, Program PEKERTI di sekolah dan komuniti serta di Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia.

YB TUAN MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Mohon mencelah. Terima kasih. Saya rasa er… ucap tahniah la kepada apa ini Bahagian Pembangunan Wanita ini banyak program-program yang telah di… diberitahu kepada kita. Cuma saya nak tanya, ada mekanisma apa tak untuk kita mengukur kejayaan program-program yang kita buat ini. Kita tak boleh ukur dengan belanja sahaja atau pun jumlah peserta sahaja tapi saya rasa ada… ada mekanisma untuk mengukur macam kepuasan pelanggan dan sebagainya ya. Sebab sekarang, zaman sekarang ini benda tak nampak pun dah boleh ukur dah. *Measureable*, dengan izin. Terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Boleh… boleh gulung Yang Berhormat.

YB DATO' SABARIAH BINTI SAIDAN

Okey, saya sedikit lagi Yang di-Pertua sebabnya tak hadir er… tak adil rasanya saya tidak er… menyebarkan lagi kebaikan-kebaikan er… ataupun perkhidmatan ataupun keprihatinan yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri Pahang kepada rakyat ini. Sedikit lagi Dato' Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila, sila.

YB DATO' SABARIAH BINTI SAIDAN

Okey, untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat tadi. Okey, kita mengukur macam ini sekiranya program tersebut mengurangkan masalah. Contohnya, kalau ada masalah sosial bagi remaja di suatu tempat, bila kita buat program masalah tersebut dapat dikurangkan. Jadi itu adalah satu kejayaanlah walaupun kita tidak dapat mengurangkan 100% masalah yang dihadapi.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Okey, kita er… saya ingin me… memajukan apakah kemajuan program sehingga akhir April 2023 yang telah dilancarkan oleh atau pun telah dijalankan oleh LPPKN. Kita… mengenai remajalah. Okey, seramai 4,047 orang remaja telah mengikuti Program Psiko-Seksual Remaja yang dilaksanakan oleh LPPKN. Jadi, apabila semakin ramai mereka menyertai program, jadi semakin er… banyak masa dapat kita kurangkan.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Yang Berhormat… Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, penglibatan serta sumbangan kaum wanita amat diperlukan dalam membantu kerajaan membangunkan negeri. Wanita harus mempunyai rasa tanggungjawab meningkatkan keupayaan dalam memajukan diri dalam apa jua bidang yang diceburi. Bagi menempatkan diri dalam arus perkembangan semasa, menguasai teknologi adalah satu langkah yang tepat bagi wanita membina kerjaya dan empayar. Wanita perlu menghadapi perubahan dalam cara… dalam cara bekerja seiring dengan perubahan digital dan ekosistem seterusnya dapat memacu ekonomi keluarga dan negara tanpa mengabaikan tugas dan tanggungjawab sebagai isteri dan juga ibu.

Oleh kerana peranan dan komitmen wanita sangat tinggi dalam melaksanakan apa jua agenda pembangunan yang diamanahkan, Kerajaan Negeri Pahang melalui Pelan Tindakan Wanita Pahang telah memperincikan keperluan wanita dan peluang yang perlu diberikan kepada mereka terutamanya dalam bidang ekonomi dan pembuat dasar bagi memastikan mereka kekal relevan dan terus memberi sumbangan.

Sebelum saya mengakhiri ucapan penggulungan saya pada tengah hari ini, izinkan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang kerana telah meluluskan 5 Projek Pembinaan Pusat Pemindahan Kekal di Negeri Pahang di setiap kawasan yang terjejas dengan banjir. Pusat Pemindahan Kekal Kampung Luit, Maran adalah yang pertama dibina dalam Negeri Pahang Darul Makmur. Pembinaan PPK ini telah siap 100% dan peruntukan tambahan telah diturunkan untuk menyediakan tempat memasak dan penyediaan tempat parkir kenderaan. Jumlah peruntukan diluluskan adalah sebanyak RM650,300.00 dan bakal dirasmikan pada pertengahan bulan Julai 2023.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan portfolio saya Exco Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang akan mengambil perhatian dan tindakan ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pegawai-pegawai serta kakitangan kerajaan yang terlibat dalam urusan persidangan Dewan Undangan Negeri kali ini.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sebagai pemimpin dipilih oleh rakyat setiap dari kita telah melalui dan mengutip pengalaman yang berharga sebagai Yang Berhormat dan kita juga seharusnya merasa bertuah kerana di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail kerana telah memberi banyak insentif kepada rakyat negeri Pahang khususnya golongan wanita dan negeri yang kita sayangi akan terus aman dan makmur. Rasa bangga sebagai rakyat Pahang ini sewajarnyalah kita terapkan di jiwa dan sematkan di hati setiap warga di negeri bertuah ini.

Kesemua inisiatif kebajikan dan pemerkasaan wanita adalah manifestasi Kerajaan Negeri agar setiap golongan lapisan masyarakat di negeri Pahang sentiasa mendapat pembelaan dan perhatian. Saya mohon menyokong. Sekian, wabillahi taufik wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih EXCO Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang. Seterusnya, kita pergi kepada EXCO Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi Dan Inovasi. Cuma saya nak ingatkan Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kita tidak perlu menyebut nama ya, kita hanya menyebut gelaran sahaja. Yang Berhormat wakil daripada contohnya wakil daripada Benta ataupun Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Jadi nama ini sebab disebut dalam peraturan er… kalau kita pergi kepada Perkara 36 er…36 iaitu (5) seseorang ahli-ahli tidak dibenarkan menyebut nama ahli lain. Jadi kita sebut gelaran sahaja. Terima kasih. Ini ingat-mengingati sesama kita, saya pun baru belajar dan kita semua kena tahu. Terima kasih, sila Yang Berhormat.

YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua dan terima kasih sekali lagi di atas peringatan tersebut. Bismillahirrahmanirrahim, Assalammualaikum WBT dan Salam Sejahtera. Saya ingin mengambil kesempatan untuk merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Ilahi kerana dengan keizinan-Nya, kita Ahli-ahli Dewan diberi kekuatan dan kesihatan yang baik dalam menyampaikan mandat yang diamanahkan serta dapat berkumpul bersama-sama dalam menyempurnakan persidangan kita pada kali ini di Dewan Yang Mulia ini.

Pada kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam sesi penggulungan kita pada hari ini. Begitu juga kepada rakan-rakan Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan semasa sesi soal jawab yang berkaitan dengan portfolio saya mahupun ketika Perbahasan Usul Ucapan Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang pada hari pembukaan Sidang Dewan yang lalu.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi junjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah

Shah di atas pelantikan saya selaku EXCO Kerajaan Negeri Pahang serta di atas keprihatinan dan buah fikiran Baginda dalam memartabatkan usaha Kerajaan Baginda untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada seluruh rakyat jelata di negeri ini. Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah memberikan kepercayaan kepada saya untuk memegang portfolio iaitu Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi dan Inovasi.

Seterusnya menyambung legasi beliau dalam menguruskan hal ehwal berkaitan pelaburan di negeri Pahang, negeri yang tercinta ini. Lalu banyak pencapaian hebat sepanjang Yang Amat Berhormat Menteri Besar memegang portfolio pelaburan ini untuk saya nyatakan secara terperinci. Namun apa yang boleh diungkapkan adalah beliau seorang yang sangat berusaha keras untuk memastikan pelabur-pelabur memilih negeri Pahang sebagai destinasi pelaburan yang utama walaupun beliau memikul begitu banyak tanggungjawab yang lain.

Saya juga ingin ucapkan berbanyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan khususnya yang menyentuh mengenai portfolio saya antaranya Yang Berhormat Cheka, YB Beserah, YB Semambu, YB Sabai, Ketari dan Chini.

Yang Berhormat Dato’ Sri Yang di-Pertua,

saya amat berbesar hati mengambil tanggungjawab yang diberikan dalam memastikan pelaburan di negeri Pahang dapat terus ditingkatkan kepada satu tahap yang lebih memberangsangkan. Pelbagai usaha dan inisiatif telah dirancang oleh kerajaan negeri bersama-sama dengan agensi- agensi kerajaan termasuk di peringkat persekutuan yang selama ini telah bertungkus-lumus untuk memastikan negeri Pahang kekal sebagai sebuah negeri yang relevan dan berdaya saing di peringkat global.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

untuk makluman Sidang Dewan yang mulia pada hari ini berdasarkan rekod pelaburan tahun 2022 yang terkumpul oleh Bahagian Pelaburan dan Penswastaan sejumlah RM20.5 bilion yang terbagi kepada pelaburan asing sebanyak RM11 bilion dan pelaburan domestik RM9.5 bilion berjaya diperolehi berbanding RM12.7 bilion yang direkodkan pada tahun 2021. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM7.8 bilion bagi jumlah keseluruhan pelaburan yang berjaya dibawa masuk ke negeri Pahang. Walau bagaimanapun, kejayaan ini bukanlah alasan untuk kita mendabit dada dengan angka yang diperolehi. Berdasarkan rekod pelaburan 2022 kerajaan negeri telah menetapkan RM21 bilion sebagai sasaran nilai pelaburan yang perlu dicapai pada tahun 2021.

YB DATO’ JASRI BIN JAMALUDIN

Dato’ Sri Yang di-Pertua, mohon mencelah.

YB DATO’ SRI NIZAR BIN DATO’ SRI MOHAMAD NAJIB

Silakan.

YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pahang dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana berjaya menarik pelaburan dari luar negeri. Terutama pelaburan dari Singapura, Thailand, China dan Korea Selatan. Sekaligus menjana tumbuhan dan kemajuan ekonomi bagi negeri Pahang. Pada Februari tahun lepas 2022 kerajaan negeri Pahang telah menandatangani MoU sebanyak RM5.5 bilion. Jadi soalan saya, berapa banyakkah yang telah direalisasikan? dan yang belum. Terima kasih.

YB DATO' SRI NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Kuala Sentul bertanyakan mengenai soalan sebentar tadi.

Angka yang… yang kita sebentar tadi… yang saya sebut sebentar tadi RM20.5 bilion, angka ini adalah berdasarkan *Memorandum of Agreement,* dengan izin. Maksudnya keseluruhan pelaburan ini telah ditandatangani perjanjian. Maknanya bukan di peringkat MoU Yang Berhormat. Jadi dia adalah peringkat perjanjian di mana ia akan dilaksanakan dalam masa terdekat ataupun telah dilaksanakan seperti pelaburan Alliance Steel, Golden Phosphorous yang ada kilang *manganese, alloy* dan sebagainya.

Untuk makluman, sehingga April 2023 anggaran nilai pelaburan yang berjaya diterima adalah sebanyak RM8.6 bilion merangkumi pelaburan domestik dan juga pelaburan asing yang bertitik tolak daripada hasil usaha keras agensi-agensi kerajaan negeri, persekutuan serta anak-anak syarikat kerajaan negeri Pahang sejak tahun 2022 lagi.

Untuk menyokong dan menggalakkan pelaburan kerajaan negeri dengan kerjasama agensi seperti Malaysian Investment Development Authority (MIDA) dan *East Coast Economic Region Development Council (ECERDC),* dengan izin serta Kementerian Pelaburan Perdagangan dan Industri (MITI) di peringkat persekutuan telah menawarkan pelbagai inisiatif dan insentif kepada pelabur-pelabur negeri Pahang. Ini termasuklah insentif cukai, *grant* dan program bantuan yang bertujuan menarik pelabur dan membantu dalam perkembangan pelaburan di negeri Pahang.

Bagi memastikan lebih banyak pelaburan dapat dibawa masuk banyak ruang-ruang perbincangan yang disediakan bersama pihak-pihak yang berminat untuk melabur dalam negeri ini. Jaringan hubungan sedia ada di kalangan pemain industri dengan mana-mana pertubuhan bukan kerajaan dari dalam di luar negara merupakan peluang untuk dimanfaatkan. Sebagai contoh kerajaan negeri telah mengambil langkah proaktif dengan mewujudkan hubungan kerjasama bersama New Zealand - Malaysia Business Association, dengan izin dalam usaha untuk membawa masuk pelaburan dari New Zealand ke Negeri Pahang.

Selain mencari ruang untuk membuka peluang perdagangan produk-produk daripada usahawan Malaysia ataupun tempatan ke New Zealand. Ruang kerjasama seperti ini boleh juga diwujudkan dengan mana mana pihak yang berminat untuk sama-sama berkolaborasi dalam meningkatkan perkembangan sosial dan ekonomi negeri Pahang.

Kerajaan Negeri juga telah wujudkan jawatan kuasa prapelaburan di bawah bahagian pelaburan dan penswastaan yang bertindak sebagai *one stop agency,* dengan izin untuk menyelaras permohonan pelaburan. Jawatan kuasa ini secara aktif membantu

memastikan keperluan projek-projek pelaburan yang sedia ada berdaya saing dan dapat direalisasikan dengan penglibatan jabatan teknikal yang utama seperti Pejabat Daerah dan Tanah, pihak berkuasa tempatan, Jabatan Alam Sekitar, PLANMalaysia dan Jabatan Perhutanan dengan lebih cepat, berkesan di samping mengurangkan karenah biokrasi seperti mana yang dicadangkan oleh YB Semambu.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Bagi memastikan perkembangan pelaburan di negeri Pahang sentiasa relevan dengan keperluan dan *trend* semasa, dengan izin dan untuk makluman sahabat-sahabat YB, YB Beserah dan sahabat-sahabat lain kerajaan, ini kini memfokuskan kepada pelaburan dalam sektor automotif, industri hijau, petrol kimia dan aero-angkasa.

Selain itu, penekanan juga akan diberikan kepada pelaburan dalam sektor pertanian serta agritek bagi memastikan keterjaminan makanan dengan harapan negeri Pahang akan muncul sebagai pembekal utama makanan nasional. Untuk tujuan ini saya akan bekerja rapat bersama kekanda saya YB Benta, EXCO Pertanian Negeri Pahang yang selama ini telah banyak menyumbang kepada kemajuan pertanian di negeri Pahang. Kerajaan Negeri akan cuba memastikan supaya pelaburan dapat dibawa ke seluruh negeri Pahang, termasuk ke kawasan-kawasan luar bandar melalui usaha-usaha penambahbaikan infrastruktur yang sedang dilaksanakan seperti yang diutarakan oleh YB Chini.

Tumpuan pelaburan dalam sektor-sektor tersebut dapat disokong dengan pembinaan kemudahan infrastruktur yang baik dan bertaraf antarabangsa seperti pembinaan projek mega di Gebeng untuk pembangunan *hub transit* nasional melalui pembinaan Lapangan Antarabangsa Kuantan yang bernilai RM2 bilion. Pembinaan pelabuhan darat di jajaran ECRL dan pengukuhan fungsi Pelabuhan Kuantan yang menggalakkan aktiviti import dan ekspot negara. Usaha yang dilakukan ini adalah senada dengan hasrat dan matlamat Kerajaan Negeri Pahang untuk menjadi sebuah negeri yang berdaya saing, maju mengikut arus periadaran masa yang berteraskan Revolusi Perindustrian, IR 4.0.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kepentingan peningkatan pelaburan dalam memacu ekonomi negeri tidak dapat disangkal lagi. Saya yakin dengan komitmen dan usaha yang sedang dilaksanakan oleh semua anak syarikat kerajaan negeri termasuklah Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang, Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang, Perbadanan Setiausaha Kerajaan, Pahang *Corporation*, Pahang*Go*, Pahang *Mining Corporation*, Pahang *Water and Energy Resources* akan membolehkan lebih banyak pelaburan asing dan domestik dapat dibawa masuk ke negeri yang tercinta ini. Perancangan yang lebih komprehensif dan strategik akan dapat dilaksanakan apabila semua anak syarikat kerajaan negeri ini memperkasakan fungsi dan peranan masing-masing dan bergerak di bawah payung *Invest* Pahang dalam mendukung hasrat Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pelaburan masuk dan seterusnya menambah baik tahap sosial dan ekonomi penduduk negeri ini.

Yang Berhormat, Dato' Sri Yang di-Pertua,

Menurut Laporan Kajian Sosioekonomi Negeri Pahang yang terkini pada tahun 2021 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Negara di Jabatan Perdana Menteri, sektor pembuatan di Negeri Pahang mencatatkan sumbangan kedua tertinggi bagi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negeri Pahang iaitu sebanyak 23.5% selepas

sektor perkhidmatan yang juga telah meningkat sebanyak 6.1% berbanding tahun sebelumnya.

Prestasi perdagangan negeri Pahang juga mencatatkan angka yang amat memberansangkan iaitu menyumbang sebanyak RM46.6 bilion pada tahun 2021 yang menyaksikan peningkatan ketara berbanding tahun sebelumnya dan meletakkan negeri ini di kedudukan ke-6 berbanding negeri-negeri lain di Malaysia. Angka-angka ini menunjukkan bahawa sektor perindustrian di negeri Pahang ini kekal kompetitif pasca COVID-19 yang melanda kita suatu masa lalu.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sejak saya memegang portfolio ini, beberapa sesi libat urus bersama pemain industri di negeri Pahang telah dijalankan yang melibatkan antaranya Persatuan Pengilang Malaysia (FMM) dan Gebeng Industrial Support Group. Antara isu yang dibincangkan adalah kenaikan bil elektrik oleh TNB, isu bekalan air terutamanya di kawasan perindustrian Gebeng, perbincangan cukai tanah dan isu berkenaan naik taraf infrastruktur di kawasan-kawasan perindustrian.

Selain itu, pemain industri juga memberikan pandangan mereka tentang isu-isu berkaitan dengan er...dengan pembangunan industri di negeri Pahang dan bagaimana kerajaan boleh membantu memperbaiki keadaan. Semasa sesi tersebut, saya telah menyatakan kepada mereka bahawa kerajaan negeri mengambil maklum dan akan cuba untuk menjadi mediator kepada mereka dengan memberikan respons yang positif terhadap isu dan permasalahan yang dibangkitkan oleh pemain industri tersebut.

Dengan kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah memberi jaminan tempoh hari bahawasanya kadar cukai tanah tidak akan dinaikkan selama 5 tahun. Kita harus akur bahawa pemain industri adalah pemangkin kepada pertubuhan ekonomi negeri Pahang dan bagaimana pentingnya kerajaan memberi perhatian kepada isu dan permasalahan yang mereka hadapi.

Kerajaan Negeri Pahang bersama Malaysia Productivity Corporation (MPC) telah mewujudkan unit MyMudah di ke semua Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Daerah dan Tanah, seterusnya menjadikan Pahang sebagai negeri pertama *#Pahang1st* yang mewujudkan unit berkenaan. MyMudah merupakan satu *platform* untuk rakan-rakan industri menyalurkan maklumat, cadangan dan pandangan berkaitan isu-isu karenah birokrasi dan beban peraturan yang tidak wajar.

Ini menunjukkan komitmen daripada Kerajaan Negeri untuk memudahkan urusan menjalankan perniagaan, bagi menarik pelaburan, merancakkan perdagangan dan melonjakkan produktiviti. Kerajaan Negeri Pahang serius dan responsif dalam memberi sokongan, memudah cara perniagaan dengan kadar segera. Mengenai Lynas Malaysia Sdn. Bhd., Lynas Malaysia Sdn. Bhd. merupakan syarikat milik penuh Lynas Corporation Australia. Syarikat ini telah beroperasi untuk memproses nadir bumi ataupun dengan izin *rare earth* di Kawasan Perindustrian Gebeng yang melibatkan pelaburan sebanyak RM2.5 bilion.

Baru-baru ini, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Yang Berhormat Chang Lih Kang telah memaklumkan keputusan menolak rayuan pengangguran... pengguguran maaf, 4 syarat lesen pengoperasian oleh Lynas Malaysia Sdn. Bhd. Walau bagaimanapun, setelah mengambil kira kesan keputusan ini terhadap rantaian bekalan nadir bumi di

peringkat global, Yang Berhormat Menteri MOSTI bersetuju untuk melanjutkan tempoh operasi kilang pemecahan dan peresapan *cracking* dan *leaching*. Puas rujuk Kamus Dewan, menda *cracking* dengan *leaching* ni. Melanjutkan tempoh operasi Kilang Lynas Malaysia sehingga 31 Disember 2023.

Kami percaya ini bukan keputusan mudah yang dibuat kerana ianya melibatkan nasib para pekerja Lynas Malaysia dan er... dan potensi kehilangan hasil yang menjadi penyumbang kepada ekonomi negeri Pahang. Kerajaan Negeri berharap agar satu situasi menang-menang dapat dicapai berkenaan isu ini supaya bukan sahaja kesejahteraan dan kesihatan penduduk setempat dapat dipelihara, malah juga keputusan yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan berkenaan perkara ini tidak menjejaskan sosioekonomi negeri Pahang khasnya dan juga negeri Malaysia secara amnya.

Baik, saya akan menyentuh kepada bahagian portfolio Sains, Teknologi dan Inovasi. Yang Berhormat, Dato' Sri Yang di-Pertua, pusat sains merupakan sebuah pusat yang penting dalam usaha kerajaan untuk melahirkan lebih ramai lagi aset tenaga kerja yang berkemahiran tinggi melalui pelajar-pelajar yang berminat dan berkemahiran dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik, mata pelajaran STEM. Walau bagaimanapun, negeri Pahang masih belum mempunyai sebuah pusat sains.

Walaupun negeri Pahang merupakan sebuah negeri yang pesat membangun dan sedang giat meluaskan pelaburan dalam bidang sains, teknologi dan inovasi. Perwujudan Pusat Sains Negeri Pahang ini sudah pastinya akan memberikan impak yang besar kepada kemajuan Negeri Pahang secara khususnya dan negeri-negeri berhampiran di Pantai Timur Semenanjung. Justeru, Kerajaan Negeri Pahang telah memohon dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan kami sedang merancang untuk mewujudkan pusat sains bagi tujuan pendidikan yang dirasakan dapat menjadi salah satu usaha penting untuk menarik minat generasi muda yang kelak bakal menjadi pewaris masa depan negara di dalam bidang sains, teknologi mahupun inovasi.

Program Minggu Sains Negara, MSN peringkat negeri Pahang 2023 akan dianjurkan oleh Kerajaan Negeri dengan sokongan daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan kerjasama daripada pihak Universiti Malaysia Pahang. Penganjuran Minggu Sains Negara ini adalah perlu bagi menyokong pelaksanaan di peringkat persekutuan dan turut diadakan di seluruh negara pada tahun ini. Penganjuran program MSN di peringkat negeri Pahang akan dapat membantu dalam usaha menyemarakkan aktiviti inovasi dan kreativiti negeri dalam kalangan rakyat selain memanfaatkan sains dan teknologi ke arah pertumbuhan sosioekonomi negeri.

Objektif utama penganjuran program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap sains, teknologi dan inovasi dalam kehidupan seharian. Menarik minat dan meningkatkan bilangan pelajar yang memilih jurusan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik serta untuk mendidik masyarakat dalam menghargai dan mengiktiraf sumbangan serta kejayaan dalam bidang sains. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya menjunjung kasih di atas keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang yang menitahkan supaya golongan Orang Kurang Upaya (OKU) tidak dilupakan dan perlu mendapat perhatian istimewa daripada Kerajaan Negeri.

Di sini saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Pahang sedang dalam rangka untuk berkolaborasi dengan Universiti Malaysia Pahang bagi memanfaatkan sumber kepakaran akademik, penyelidikan dan inovasi di UMP, khususnya dalam bidang

pemberdayaan ataupun dalam erti kata *empowerment* dengan izin. *Empowerment* untuk OKU untuk memanfaat bersama terutamanya dalam membantu menjana er... menjana sumber ekonomi yang lestari dan inklusif bagi golongan berkenaan.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, boleh gulung.

YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Sikit lagi Dato' Sri ada beberapa perkara lagi. Saya akan cuba ringkaskan.

Selain itu, portfolio Sains, Teknologi ada inisiatif Pahang Innovative Startup Accelerator ataupun PISA. PISA merupakan satu program kolaborasi di antara Yayasan Pahang dengan syarikat swasta Beyond4, di mana akan terbina sebuah ekosistem yang direka untuk mengenalpasti syarikat pemula, syarikat *startup* dengan izin yang berpotensi tinggi dan membolehkannya membentuk laluan *startup* tersebut dengan pengetahuan program mentor, bantuan dana dan perkhidmatan sokongan dan matlamat mewujudkan *startup* yang cekap dan mampan.

Program selama 3 bulan yang dirangka ini akan memberi peluang kepada syarikat pemula yang potensi tinggi menjalani latihan bersama mentor tempatan dan antarabangsa, akses pada hub inovasi, sumber dan pendedahan pasaran yang luas serta memberi pembiayaan lanjut sebagai faedah program. Terdapat sebanyak 18 buah syarikat pemula yang telah menyertai program perintis ini dan terdapat sebanyak 2 syarikat pemula iaitu YesHello dan Smart yang berjaya melepasi tahap tinggi program ini dan telah berjaya mendapat pembiayaan melalui *Equity Crowdfunding* (dengan izin) untuk mengembangkan lagi syarikat mereka. Saya berharap agar lebih ramai graduan-graduan di Pahang ini khususnya, mengambil peluang untuk menubuhkan sebuah syarikat pemula dengan Yayasan Pahang dan Beyond4 akan menyediakan *platform* yang bersesuaian untuk mencapai ke arah yang diinginkan.

Dari segi inovasi Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya ingin kongsikan menurut laporan yang dikeluarkan oleh *World Intellectual Property Organization* pada ketika ini kedudukan negara dalam *Global Innovation Index* ataupun GII berada di kedudukan 36 daripada 132 negara secara keseluruhan. Manakala berada pada tangga yang kelapan dalam benua Asia dan tangga ketiga dalam kumpulan *negara Upper middle Income*. Kedudukan ini perlu dipertingkatkan lagi agar kita terus kekal berdaya saing dalam ekonomi global.

Bagi tahun 2023. Saya boleh kongsikan sebanyak enam agensi negeri Pahang telah berjaya mengharumkan nama negeri Pahang di peringkat antarabangsa melalui anugerah-anugerah inovasi yang diterima dalam *Public Service Innovation Asia* (PSIA) *Awards* bersempena *Malaysia Technology Expo* (MTE) pada 17 Mac 2023 yang lalu. Agensi tersebut ialah Jabatan Kesihatan Negeri Pahang (JKNP), Majlis Bandaraya Kuantan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Peramu, Pekan oh Peramu DUN kawan ya, Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Jerantut, Jabatan Kerja Raya Lipis dan Yayasan Pahang. Tahniah diucapkan.

Akhir sekali, saya menyeru kepada semua rakan-rakan Ahli Dewan yang ada di Dewan Yang Mulia ini agar dapat memberikan sepenuh komitmen untuk menjadikan negeri Pahang sebagai salah satu destinasi pelaburan utama di negeri ini dan juga kekal kondusif dan kompetitif dan memacu keyakinan para pelabur dan golongan perniagaan. Kejayaan yang bakal kita kecapi hasil daripada usaha yang digerakkan

oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, insya-Allah akan memberi manfaat yang besar khususnya kepada rakyat negeri Pahang dalam usaha menjadikan negeri Pahang yang tercinta ini terus memahatkan sejarah gemilang dalam mencapai tahap pelaburan yang tinggi dan juga tidak melupakan kecaknaan terhadap kelestarian alam sekitar dan biodiversiti yang kekal kukuh untuk generasi akan datang.

Di kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua jabatan dan agensi yang banyak membantu saya menggerakkan segala inisiatif dan perancangan di bawah portfolio saya. Sekiranya ada soalan-soalan daripada Ahli Dewan yang saya terlepas pandang ataupun saya tidak menjawab secara spesifik, saya akan beri jawapan secara bertulis kepada rakan-rakan Ahli Dewan Negeri.

Sekian saya sudahi dengan salam serta doa semoga kita sentiasa diberi petunjuk yang benar dalam apa jua pun yang kita laksanakan demi kemakmuran negeri Pahang. Dengan ini saya mohon menyokong. Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Exco Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Pahang. Kita juga nak mengucapkan selamat hari jadi kepada EXCO wakil daripada Peramu Jaya.

YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang juga hari ini sama dengan hari ulang tahun UMNO, 11 Mei. Seterusnya, EXCO Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Pahang. Silakan untuk menggulung.

YB DATO' SRI JOHARI BIN HARUN

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualikum WBT, salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar Pahang. Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Pahang. Pertamanya, saya memanjatkan rasa syukur kehadrat Allah SWT kerana dengan izin dan kurnia-Nya dapat saya menggulung perbahasan pada persidangan kali ini yang juga merupakan sidang Dewan Negeri yang pertama buat saya. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan, merafak sembah serta menjunjung kasih kesisi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di atas Titah Diraja sempena dengan Istiadat Pembukaan Penggal Ke-2 Dewan Negeri Pahang Ke-15.

Saya juga ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang menyentuh portfolio Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau. 4 portfolio Yang Berhormat Dato' Sri, jadi saya cuba tepati masa yang diperuntukkan. Ada 28 soalan tambahan Dato' Sri untuk portfolio ini. Saya juga teruja dengan keprihatinan ahli-ahli Yang Berhormat terhadap portfolio ini yang dizahirkan melalui soalan-soalan yang dikemukakan semasa perbahasan.

Soalan-soalan berkaitan dengan Kerajaan Tempatan. Pertamanya, berkenaan dengan Rancangan Kawasan Khas Janda Baik. Saya telah pun menjawab soalan ini pada hari Selasa yang lepas. Namun apa yang saya nak tegaskan di sini adalah Kerajaan Negeri tetap berpendirian akan mengambil kira semua perkara dan libat urus pada semua pihak atau *stakeholders* dengan izin sebelum sesuatu rancangan itu untuk kita laksanakan. Jadi, untuk RKK Janda Baik tetap kita dengan keputusan untuk ditangguhkan ke satu masa sehingga kajian menyeluruh dilaksanakan.

Keduanya, pusat judi haram. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tanjung Lumpur di atas perkara ini dan Majlis Bandaraya Kuantan dengan bantuan Polis Diraja Malaysia telah mengadakan operasi pemutihan terhadap pusat-pusat judi haram di sekitar Kuantan dan termasuk premis yang tidak berlesen. Operasi ini sering dijalankan sama ada secara berkala ataupun secara *on the spot a*pabila sesuatu aduan diterima. Di sini menyatakan bahawa data pemutihan tersebut untuk suku pertama tahun 2023 adalah seperti berikut, bilangan operasi adalah sebanyak 22 kali, Notis Tutup Premis adalah sebanyak 17 notis, kompaun, 7 kompaun dikeluarkan dan sita, 107 tablet komputer telah disita.

Seterusnya penjenamaan semula nama tempat. Merujuk kepada pertanyaan Yang Berhormat Tanjung Lumpur juga berhubung dengan nama tempat yang kurang tepat dan sering menimbulkan kekeliruan dan dalam perkara ini, Pihak Berkuasa Tempatan melalui surat Pekeliling Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang Bilangan 3 Tahun 2021 akan menamakan semula jalan, taman atau premis yang berada di dalam satu-satu kawasan Pihak Berkuasa Tempatan sekiranya... sekiranya terdapat permohonan atau keperluan dan permohonan ini juga perlu diangkat melalui Jawatankuasa Teknikal Nama Geografi untuk pertimbangan dan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

Seterusnya berkenaan dengan syarat pembaharuan lesen perniagaan. Yang menjadi sedikit isu sebelum ini dan saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Mentakab yang membangkitkan isu berkaitan dengan syarat pemberian lesen perniagaan dan Kerajaan Negeri Pahang amat prihatin dengan situasi semasa ekonomi setempat. Justeru itu, pihak kerajaan telah memudahkan prosedur pembaharuan lesen perniagaan yang dengan menggugurkan dua daripada syarat daripada empat syarat yang asal iaitu salinan resit bayaran elektrik dan bil air. Yang dua ini kita gugurkan.

Namun begitu, hanya salinan resit bayaran cukai tanah dan cukai taksiran sahaja perlu dikemukakan. Jadi, ini adalah satu usaha kerajaan negeri untuk memastikan kesemua pihak bertanggungjawab membayar cukai tanah dan cukai taksiran dan kita faham bahawa ada setengah-setengah tu yang menyewa dan yang tuan punya premis tu tak bayar. Jadi isu, isu yang apa lain. Tetapi kita kena selesaikanlah. Apa pun saya telah berjumpa dengan kesemua Yang Dipertua PBT untuk kita walaupun kita ada syarat ini, kita cuba orang kata apa memudahkan juga untuk kesemua pemohon untuk perbaharui lesen-lesen perniagaan mereka.

Seterusnya Fi Kelestarian, Yang Berhormat Jenderak. Berkenaan kutipan Fi Kelestarian Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah pun menjawab juga dan telah dilaksanakan buat julung kalinya pada tahun 2022 dan hasil kutipan telah berjaya mencecah RM9 juta. Kutipan ini adalah hasil daripada keputusan Kerajaan Negeri Pahang untuk mengenakan *fee* berjumlah RM3 semalam bagi setiap bilik penginapan yang dihuni oleh semua hotel di negeri Pahang.

Penyenggaraan pokok berisiko. Merujuk kepada isu penyenggaraan pokok-pokok oleh PBT untuk mengelakkan dan mengurangkan risiko kemalangan atau bencana alam seperti yang diungkapkan oleh Yang Berhormat Beserah dan kita memang er...Pihak Berkuasa Tempatan memang ada jadual-jadual berkala untuk melaksanakan penyelenggaraan pokok-pokok di dalam kawasan PBT secara berkala menggunakan peruntukan MARRIS. Jadi pokok, memang kita buatlah jadi kekadang nama pun kecemasan jadi berlakulah perkara-perkara sepertimana Yang Berhormat Beserah beritahu kejadian yang berlaku pada 19 Januari 2023.

Kita memang amat kesal yang berlaku kepada Allayarham…Allahyarhamah adik Aliya Zahra binti Mohamad Hasnizam yang ditimpa pokok dan saya ataupun Kerajaan Negeri er…dengan insiden tersebut, kita mengarahkan ke seluruh PBT untuk mengambil tindakan proaktif bukan sahaja kita buat perkara yang biasa-biasa untuk membuat pemeriksaan kepada pokok ini, saya juga minta PBT berbincang juga dengan pihak JKR kerana kebanyakan jalan tersebut adalah jalan-jalan persekutuan… jadi kita ambil jalan, apakah jalan yang terbaik untuk bersama dengan jabatan kedua-dua jabatan ini khususnya untuk kita mengambil iktibar dari apa kejadian yang berlaku pada 19 Januari yang lalu. Insya-Allah selepas daripada ini kita mengharapkan kejadian seumpama ini tidak akan berulang kembali.

Seterusnya, Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, tempat pembuangan sampah haram. Sepertimana Yang Berhormat Padang Tengku mengutarakan perkara ini, dan er… Negeri Pahang adalah salah satu negeri yang menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007, iaitu Akta 672. Justeru itu, Kerajaan Negeri Pahang telah menyerahkan haknya dalam pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam kepada Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan melalui SWCorp di bawah JSPN yang bertanggungjawab sepenuhnya kepada perkara-perkara berkaitan dengan pemeriksaan dan sampah-sampah ini dan kita er… memang menerima bahawa masalah tapak-tapak sampah haram ini memang masih lagi berlaku. Data ini saya akan beri secara bertulis yang memang ada daripada SWCorp.

SWCorp dengan jumlah penguatkuasa yang ada dan memang sering membuat er... pemantauan dan juga serbuan kepada tapak-tapak haram ini. Ada pihak yang memang menjaga tapak-tapak sampah haram ni tadi. Jadi, insya-Allah kita selepas pada ini, kita akan memperkasakan lagi penguatkuasaan oleh SWCorp ni. Jadi, tapak-tapak sampah haram ni kita boleh er...bukan...memanglah kalau boleh kita nak hilangkan terus, tapi sekurang-kurangnya kita kurangkan untuk keselesaan rakyat semua.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Mohon... mohon soalan tambahan sikit. Terima kasih. Er… Tahniah kepada Kerajaan Negeri yang telah mengambil pelbagai inisiatif. Cuma saya ingin dapat penjelasan berhubung dengan penggunaan *incinerator*. Hingga setakat ini kita difahamkan bahawa 2 tempat, Tioman dan Cameron Highlands menggunakan *incinerator*. Walau bagaimanapun dia gagal kedua-dua projek ini dikatakan gagal kerana faktor pengasingan sampah.

Soalan saya ialah tapak pelupusan sampah Bandaraya Kuantan ini sangat kritikal dan berada di tahap yang sepatutnya ditutup. Persoalan saya, apakah kerajaan bercadang untuk menggunakan *incinerator* juga untuk Bandaraya Kuantan? Terima kasih.

YB DATO' SRI JOHARI BIN HARUN

Terima kasih Yang Berhormat Cheka di atas soalan tambahan. Er... dua.

Yang pertama, tentang *incinerator* yang di Cameron Highlands dan Pulau Tioman. Betul, memang er... kita menyatakan bahawa *incinerator* ini er... tidak berfungsi sewajarnyalah dan di Cameron Highlands setakat ini tidak beroperasi. Yang mana pengoperasian ini dibuat oleh Alam Flora di bawah Kerajaan Persekutuan. Dan di Tioman pun begitu juga. Masalahnya adalah sampah di negara ini boleh katakan tidak sesuai dan teknologi *incinerator* yang ada itu pun memang terlalu lama.

Berkenaan dengan tapak di Kuantan, tapak Jabor-Jerangau, tapak ini boleh beroperasi dalam tempoh 2 tahun lagi daripada sekarang. Dan pertamanya, menjawab soalan Yang Berhormat Cheka, belum ada lagi er... rancangan untuk menggunakan *incinerator*. Dan tapak ini, salah satu tapak yang masih berada adalah di dalam di bawah Kerajaan Negeri Pahang yang tidak ikut masa Akta 672 itu bermula.

Dan selepas 2 tahun ini, er… Kerajaan Persekutuan melalui JSPN telah pun, ataupun sedang mendapatkan tapak, yang tapak itu yang saya dimaklumkan dah dikenal pasti, cuma sedang menunggu er…penyelesaian dari segi untuk mendapatkan tapak itu di Kuantan juga tidak jauh dari tempat yang... yang ada sekarang ini dan setelah er… selesai dari segi pengurusan tanah, pengambilan tanah... perolehan tanah tersebut dan tapak ini akan dipindahkan kepada tapak yang baru yang jauh sikitlah dengan penduduk dan teknologi…apakah teknologi yang akan digunakan di tapak tersebut ini adalah bergantung kepada JSPN yang mana tapak ini nanti akan diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan dan tidak lagi berada di bawah Kerajaan Negeri Pahang. Terima kasih.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat ADUN Pelangai. Mohon mencelah sedikit.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya dulu pernah menjaga Kerajaan Tempatan dan Perumahan dan berkenaan dengan *incinerator* ini semasa saya menjadi EXCO memang ada isu. Cuma saya nak pembetulan sedikit. Saya difahamkan ketika itulah, kegagalan *incinerator* ini di Cameron Highlands dan di Tioman. Kerana difahamkan cuaca, cuaca negara kita dengan negara yang kita beli *incinerator* tu tidak sama, dan ini menyebabkan ia tidak diproses. Tetapi semasa saya membuat lawatan, sama dengan Tan Sri Noh ketika itu di Tioman, masa kita temu bual, saya fikir itu bukan satu masalah yang 100% *incinerator* itu tidak berfungsi kerana masalah sampah.

Saya dapati pada kajian sayalah, berdasarkan pengalaman dan perbincangan, ianya kerana yang menguruskan, yang menguruskan *incinerator* itu tidak mengikut peraturan yang dikehendaki. Sebagai contohnya, sepatutnya sampah-sampah yang masuk ke dalam *incinerator* tersebut, kena mengamalkan sistem FIFO. *First in, first out.* Maknanya mana-mana sampah yang masuk, diproses, yang itu dikeluarkan.

Tetapi, apa yang berlaku, dia tidak terjadi FIFO. Tapi dia menjadi LIFO. *Last in, first out*. Maksudnya, di dalam gudang tersebut, yang masuk itu tidak diproses, kemudian yang sampah-sampah yang lain masuk. Dan dia menjadi *backlog* dan menyebabkan fungsi tidak er... dapat dilaksanakan.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri telah meminta supaya projek yang melibatkan berjuta-juta ringgit ini kena dibuat *feasibility study* supaya tidak berlaku

sepertimana apa yang berlaku di Tioman dan juga di Cameron Highlands, kerana ini membazirkan duit rakyat. Terima kasih Yang di-Pertua, sedikit penjelasan daripada saya. Terima kasih, YB Pelangai beri laluan.

YB DATO' SRI JOHARI BIN HARUN

Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar. Tuan Yang... Timbalan Yang di-Pertua, zon sebenarnya zon sempadan hijau Negeri Pahang...

YB DATO' MUSTAPA BIN LONG

Dato' Speaker, saya nak celah sedikit.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB DATO' MUSTAPA BIN LONG

Sebelum, pergi ke...saya mengutarakan tentang pembuangan sampah er…secara merata-rata oleh penduduk-penduduk di kampung tradisional, maknanya diletak di mana-mana, di sungai, di tepi-tepi jalan dan sebagainya. Dan kita nampak ada kesedaran di kalangan penduduk-penduduk ni membuang sampah. Atau ini mendapat perkhidmatan daripada pengusaha ataupun syarikat yang mengangkut sampah ini tetapi er…mereka kalau nak dapat perkhidmatan kena kalau dalam Majlis kita ada cukai...cukai pintu tapi tak semua kawasan boleh masuk Majlis.

Jadi saya ada cadangkan supaya diwujudkan satu cukai khas di mana cukai itu hanya untuk kutip sampah di mana orang-orang kampung tradisional boleh masuk tetap... tanpa perlu masuk ke dalam kawasan Majlis. Itu yang saya cadangkan supaya isu membuang sampah ini er…dapat kita kawal.

Saya juga ada cadangkan supaya mungkin wujudkan satu lokasi khas. Sekarang ni macam orang Merapoh. Dia nak buang sampah, tempat sampah yang ada di Lipis. Jadi tak mungkin. Jadi akhirnya dia orang Kelantan…Terengganu ditohoklah ke mana-mana pun. Ini... ini masalah yang perlu di...ditangani. Saya juga ada cadangkan supaya tong-tong komuniti yang dulu diwujudkan di lokasi-lokasi tertentu sekarang ni apabila kawasan-kawasan itu dah ditiadakan, bila kawasan itu jadi kawasan Majlis, maknanya tong-tong sampah diletak di rumah-rumah. Jadi tong kuasa komuniti-komuniti dan tong pusat ni dah tak ada. Dulu dia orang tolong ataupun dia orang buang sampah orang kampung tradisional, dia akan buang di komuniti ini, di tong komuniti ni. Itu juga telah tiada.

Kemudian, saya juga cadangkan supaya mungkin kita boleh wujudkan skim kontraktor di mana pihak-pihak komuniti yang berhajat supaya mereka boleh *engage* dengan kontraktor-kontraktor ini untuk mengangkut sampah di kampung masing-masing dengan kawalan harga. Ha…ini yang saya sebutkan supaya ada usaha untuk menangani masalah sampah-sampah di kampung-kampung tradisi yang menyebabkan banyak kes Aedes dan sebagainya itu. Terima kasih, kalau boleh bagi penjelasan sikit.

YB DATO' SRI JOHARI BIN HARUN

Terima kasih Yang Berhormat Padang Tengku.

YB TUAN HO CHI YANG

Boleh mohon penjelasan sikit saja.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, sila sila.

YB TUAN HO CHI YANG

Berkenaan *incinerator,* adakah kerajaan ada perancangan untuk contoh mempertimbangkan syarikat yang menjalankan bisnes macam kitar semula sebagai cara untuk menggantikan *incinerator step by step?* Dengan izin.

YB DATO' SRI JOHARI BIN HARUN

Timbalan Yang di-Pertua, menjawab soalan Yang Berhormat Padang Tengku. Kita yang menjadi masalah hari ini adalah berkaitan dengan undang-undang. Kita apabila kita *sign* Akta 672 itu, kesemua tentang pembersihan awam, sampah di bawah kelolaan JSPN, SWCorp dan konsesinya adalah Alam Flora. Dalam kontrak tersebut, konsesi tersebut, dalam konsesi apa namanya kontrak perjanjian konsesi tersebut di dalam kawasan-kawasan yang diselia oleh majlis.

Untuk apa-apa juga, kalau mengikutkan akta tersebut, apa-apa jua perkara berkaitan dengan pengurusan sampah ini mesti berada di bawah SWCorp dan kontraktor sekiranya selain daripada Alam Flora, macam contohnya di Janda Baik memang ada komuniti tersebutlah yang melantik kontraktor-kontraktor untuk menguruskan sampah ni tadi tetapi kontraktor yang dilantik itu pun perlu mendapat seolah macam kelulusan daripada JSPN itu sendiri.

Jadi perkara ni memang kita katakan bolehlah kalau di kampung-kampung tu, maknanya JKK itu sendiri ataupun JPKK itu sendiri untuk apa namanya nak melantik apa-apa jua kontraktor untuk menggunakan sampah masing-masing boleh tetapi masih lagi perlu kepada SWCorp, JSPN. Jadi, kontraktor tersebut mesti pun mendapat kelulusan daripada JSPN itu sendiri, Yang Berhormat apa namanya…Padang Tengku.

Jadi inilah berkaitan 672 ini. Kita perlu ada juga berhasrat juga untuk memikir macam mana kita nak, kalau kita menguruskan sendiri, itu tak ada masalah.

Berkaitan dengan *incinerator* itu tadi, benda ini saya perkara yang samalah. Nombor satu sekali perbelanjaannya begitu besar untuk daripada Yang Berhormat Tanah Rata dan setakat ini kita kesemua 11 tapak pengurusan sampah yang ada di dalam negeri Pahang ini, semua masih lagi menggunakan kaedah yang konvensional. Makna *landfill* biasa, *sanitary* dan tidak ada lagi apa namanya program untuk kita membuat *incinerator*lah dekat situ dan apa yang ada sekarang ni adalah macam pengasingan, *separation* punya program, maknanya di tempat di tapak sampah itu sendiri ada yang buat pengasingan plastik dan sebagainya dan yang lain-lain itu masih lagi kekal seperti biasa.

Saya mohon meneruskan Timbalan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, berkaitan dengan zon sempadan hijau Negeri Pahang. Kerajaan Negeri Pahang menjunjung Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang bersempena dengan Pembukaan Penggal Ke-5 Dewan Negeri Pahang Ke-14 yang telah menyeru semua agensi dan jabatan negeri, jabatan di negeri Pahang agar meningkatkan kefahaman dan pelaksanaan berkaitan dengan persekitaran sosial dan tadbir urus (ESG). Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) Negeri Pahang Yang Ke-4 tahun 2021 telah meluluskan Inisiatif Sempadan Hijau Negeri dalam jajaran 500 meter antara sempadan negeri Pahang dengan Terengganu, Kelantan, Perak dan Negeri Sembilan serta Selangor dan Johor.

Perkara ini juga telah dizahirkan melalui Garis Panduan Pembangunan di Kawasan Sempadan Hijau Negeri Pahang yang telah berkuat kuasa pada November 2022. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, Garis Panduan ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Rundingan Kertas Kerja Jawatankuasa Perancang Wilayah (JPW) bagi Kawasan Tanah Tinggi Cameron Highlands-Kinta-Lojing (CEKAL) yang Ke-6 di PLANMalaysia Putrajaya.

Seterusnya portfolio perumahan, berkaitan dengan projek-projek perumahan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri, bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat Kuala Sentul. Projek perumahan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pahang meliputi yang pertama Skim Rumah Mampu Milik. Sehingga kini, Kerajaan Negeri telah meluluskan sebanyak 138 projek PR1MA dengan harga RM150,000.00 sebuah di mana sebanyak 131 projek dalam peringkat pra pembinaan, 19 projek dalam pembinaan dan 35 projek-projek yang melibatkan 6,776 buah rumah telah siap dibina.

Dalam jumlah keseluruhan PR1MA yang diluluskan, secara terkumpul iaitu sebanyak 44,171 unit iaitu daripada jumlah 138 projek yang diluluskan. Manakala Projek Rumah Makmur, sebanyak 26 Projek Rumah Makmur berharga RM80,000.00 sebuah dalam peringkat pra pembinaan dan 4 projek dalam pembinaan yang melibatkan 7,649 unit rumah secara keseluruhannya. Bagi Rumah Pahang iaitu membaik pulih Projek Perumahan Generasi Kedua FELDA (PGBF). 10 projek melibatkan pembinaan semula ataupun mengambil alih 1,850 unit rumah yang berharga RM120,000.00 unit sebuah dalam peringkat pembinaan dan peringkat pertama bakal siap pada Disember 2024.

Untuk rumah kos rendah, sebanyak 2 projek PPRM yang berharga RM35,000.00 hingga RM45,000.00 seunit dalam peringkat pra pembinaan, 3 projek dalam pembinaan dan 29 projek yang melibatkan 3,968 unit rumah telah siap dibina. PPRM adalah projek di bawah Kementerian Pembangunan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Manakala projek PAKR sebanyak 1 projek PAKR berharga RM35,000.00 hingga RM45,000.00 seunit sedang dalam pembinaan dan 111 projek melibatkan 13,999 unit rumah telah siap dibina. Untuk rumah bagi rakyat miskin, kerajaan dan negeri telah melancarkan seperti yang kita tahu iaitu Rumah Rakyat Pahang yang begitu popular sekarang ini yang bernilai RM75,000.00 seunit yang diberikan secara percuma kepada rakyat miskin dan miskin tegar.

Pada masa ini, sebanyak 175 unit rumah dalam peringkat pra pembinaan dan 73 unit dalam pembinaan dan 325 unit rumah telah siap dibina. Bagi Projek Perumahan Rumah Rakyat Al-Sultan Abdullah (Ru'RASA) sebanyak 154 unit dalam peringkat pra pembinaan dan 50 unit dalam pembinaan. Projek Ru'RASA adalah inisiatif khas daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong Sultan Abdullah yang melibatkan peruntukan sebanyak RM76 juta dan rumah-rumah ini juga akan diberi percuma kepada rakyat-rakyat yang layak.

Skim Rumah oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan yang turut menyumbang kepada rakyat Negeri Pahang untuk pemilikan rumah. Sebanyak 498 unit Rumah Mesra Rakyat (RMR) yang berharga RM75,000.00 sebuah dalam peringkat pra pembinaan RM319,000.00...

YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

... Ogos 2006. Kemudian, er... KPKT mengambil alih projek ini pada tahun 2015. Dan pada tahun 2019, KPKT batalkan dana kerajaan untuk meneruskan projek ini. Soalan saya adakah projek ini akan diteruskan dan tindakan-tindakan susulan yang diambil, yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meneruskan dan er... seterus me, seterusnya, seterusnya, menjadikan satu realiti sebab Maran ini dulu dikenali sebagai 'Bandar Ayam Kampung' tapi tak jadi. Sekarang ini diubah nama menjadi 'Bandar Sejahtera'. Saya harap kali ini betul-betul sejahteralah. Terima kasih.

YB DATO' SRI JOHARI BIN HARUN

Terima kasih Yang Berhormat Kuala Sentul. Maran antara kutipan cukai taksiran yang, yang rendahlah. Jadi sebab itu kita sangat menggalakkan projek-projek pembangunan ini, jadi makin banyak rumah makin banyaklah mempunyai cukai taksiran. Jadi memang kita er... faham dan kita tahu dalam perhatian kita sebab tahun 2019 itu bertukar kerajaan. Jadi, masa itu kita ceritalah, cerita yang lepaslah dan ini kita telah *follow up* ataupun kita telah susul dengan KPKT dan kita sedang merayulah untuk projek ini dia masih di bawah KPKT lagi untuk projek ini akan diteruskan, insya-Allah, saya akan teruskan usaha untuk memastikan bahawa KPKT dapat memberikan kelulusan untuk menyambung projek ini, insya-Allah.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, Yang Berhormat, masa sampai. Minta gulung ya.

YB DATO' SRI JOHARI BIN HARUN

Sikit je lagi lah, nak habiskan perumahan. Okey. Er... tentang dasar perumahan, dasar er... Pembiayaan Perumahan. Yang Berhormat Timbalan Speaker, er... saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Sabai bagi pembelian rumah mampu milik secara skim mampu bayar.

Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang sedang dalam penelitian dan kajian bagi pelaksanaan skim *Rent To Own* ataupun *RTO* dengan izin, er... dan setakat ini skim sewa dan jual beli ditawarkan kepada penyewa yang memohon Projek Perumahan Awam Kos Rendah di seluruh negeri Pahang dengan kadar sewaan yang berpatutan, dan harga jualan di bawah harga pasaran melalui subsidi Kerajaan Negeri. Dan Skim *RTO* ini ataupun *Rent to Own* dengan izin, er... ada ditawarkan oleh pihak bank yang kita sedang berbincang dan skim ini juga telah dilaksanakan di Pulau Pinang dan juga di Selangor.

Dan, dengan adanya skim *Rent To Own* ini, kita boleh er... orang kata apa membantu pembeli-pembeli yang tidak mempunyai slip gaji dan sebagainya. Jadi, kaedah ini juga memang kita akan er... er... cuba usahakan supaya mendapat dijayakan, insya-Allah.

Dan seterusnya, tahun 2020 Kerajaan Negeri telah pun memansuhkan syarat penyediaan bayaran pendahuluan sebanyak 10% kerana syarat ini membebankan rakyat sebagaimana saranan Yang Berhormat Kuala Sentul juga.

Dan ini berdasarkan kepada hasil pemerhatian telah dilakukan oleh unit ataupun Unit Jualan, Bahagian Perumahan mendapati, mendapati ramai rakyat terpaksa menolak tawaran ini atas ketidakmampuan untuk menyediakan bayaran deposit. Dengan pemansuhan syarat ini, hasrat Kerajaan Negeri dalam meningkatkan er... kebolehmilikan rumah mampu milik untuk rakyat Pahang akan dapat dicapai.

Sebelum saya mengakhiri ucapan penggulungan ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan er... pertanyaan dan membangkitkan isu-isu berkaitan dengan Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Pahang. Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau akan mengambil perhatian dan tindakan ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pegawai-pegawai serta kakitangan kerajaan yang terlibat dalam urusan Persidangan Dewan Undangan Negeri kali ini. Akhir kata, saya dengan ini menyokong usul Menjunjung Kasih Atas Titah Diraja Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah. Mudah-mudahan Kebawah Duli Yang Mulia Tuanku terus berada dalam hidayah dan perlindungan Allah SWT jua hendaknya, insya-Allah. Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Asslamualaikum WBT.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih EXCO Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Pahang. Seterusnya saya menjemput Yang…Yang Berhormat EXCO FELDA, Koperasi dan Usahawan Negeri Pahang. Sila.

YB TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Timbalan Yang di-Pertua kerana memberi ruang untuk saya dalam sesi penggulungan perbahasan, Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Pemangku Raja Pahang.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya kita semua dapat berada di Dewan Yang Mulia ini pada hari keempat pada petang ini. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, Dewan Yang Mulia ini, saya merafak sembah menjunjung kasih atas Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Pemangku Raja Pahang yang merupakan Titah Diraja terakhir sebagai Pemangku Raja Pahang yang begitu komprehensif sempena Pembukaan Penggal Ke-2 di Dewan Negeri Pahang ke-15 pada hari Isnin yang lalu.

Dan seterusnya, saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Jelai, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail yang sekali lagi, dilantik sebagai Menteri Besar Pahang bagi penggal ke-2 serta barisan rakan-rakan EXCO Kerajaan Negeri. Dan saya juga menzahirkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd. Sharkar bin Haji Shamsudin atas pelantikan sebagai Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negeri Pahang dan Yang Berhormat Tuan Lee Chin Chen yang dilantik sebagai Timbalan Yang di-Pertua Negeri Pahang.

Dalam pada itu, saya juga turut merakamkan ucapan tahniah kepada Dato' Indera Haji Zulkifli bin Haji Yaacob yang telah dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang dan tidak lupa juga, saya ucapkan tahniah dan zahir, ucap tahniah zahirkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang telah dipilih mewakili kawasan Dewan Undangan Negeri masing masing.

Dan di kesempatan ini juga, saya menzahirkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak, mantan Yang, Yang Berhormat Setiausaha, Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang yang telah banyak menabur bakti er... kepada pembangunan khususnya Negeri Pahang Darul Makmur ini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, di awal Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Pemangku Raja, Baginda berharap kerajaan yang ada pada hari ini meneruskan keharmonian serta kegemilangan untuk membangunkan ekonomi dan fizikal serta meningkatkan pendapatan negeri demi kemakmuran rakyat Baginda.

Ini memberi gambaran bahawa pentadbiran Kerajaan Negeri Pahang, di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, daripada penggal lepas sehinggalah ke hari ini berada dalam keadaan ataupun berada di landasan yang betul. Dan jika diteliti secara menyeluruh, Baginda menyentuh pelbagai aspek meliputi pengurusan dan pentadbiran berkaitan ekonomi, keperluan rakyat, kehidupan, haiwan, alam sekitar termasuklah peringatan Baginda kepada kepimpinan agar rakyat tidak terabai.

Baginda juga mengingatkan kepada majikan-majikan swasta agar menjaga hak kebajikan pekerja dan mengambil tanggungjawab dalam memberi sumbangan *CSR* serta kewajipan berzakat. Ini memberi peringatan agar kita semua tidak alpa dari pelbagai aspek kewajipan sebagai pemimpin dan pentadbir, dengan apa yang kita miliki pada hari ini.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, jika kita lihat hari ini, Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Jelai, selaku Menteri Besar Pahang telah melaksanakan pelbagai inisiatif dan bantuan yang saya kira boleh dibanggakan sebagai rakyat Pahang di mana bermulanya daripada yang lahir sehinggalah, ke orang yang meninggal pun, er... dibantu oleh pihak kerajaan.

Maka dengan itu, wajarlah saya mengzahirkan ucapan tahniah atas kewibawaan dan kecemerlangan pentadbiran di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Jelai, selaku Menteri Besar Pahang yang setiasa mengambil cakna akan keperluan rakyat di semua peringkat dan lapisan masyarakat.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan penghargaan, terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat di atas soalan dan cadangan yang dikemukakan kepada pihak kerajaan dalam dalam Dewan dalam sidang Dewan yang mulia ini. Ini menunjukkan betapa Yang Berhormat, amat perihatin tentang kesejahteraan rakyat serta Kemakmuran negeri Pahang yang saya tercinta. Syabas, Yang Berhormat-Yang Berhormat sekelian.

Tuan Yang di-Pertua,

Berkaitan dengan Portfolio FELDA untuk makluman, semua Ahli Dewan bagi pembelian rumah Perumahan Generasi Baru FELDA, (PGPF), pemohon boleh pemohon iaitu dari Generasi Baru FELDA yang tidak mempunyai pendapatan tetap dan slip gaji boleh memohon melalui Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) di bawah Kementerian Kewangan. Ini er... saya rasa soalan tambahan ari tu daripada Tahan yang bertanya soalan ni ye. Antara kelayakan untuk (SJKP) ini adalah Warganegara berumur 18 tahun ke atas, pembelian kali pertama rumah kediaman pinjaman kan pinjaman sehingga RM500 ribu termasuk nilai insurans pinjaman dan yuran guaman er... tiada rekod *CCRIS* melebihi dua bulan bagi tempoh dua bulan terkini.

Pemohon perlu menyediakan dokumen sokongan seperti Penyata Akaun Bank, Lesen Perniagaan, atau lain-lain dokumen sokongan aktiviti jualan beli er… atau perniagaan. Pemohon perlu mendapat pengesahan pendapatan daripada individu yang dibenarkan daripada Pegawai Kerajaan Kategori A, ataupun daripada Pengerusi ataupun er… jawatankuasa, Kemajuan Rancangan, Penghulu ataupun Pengurus Cawangan Bank. Pemohon juga boleh memohon Pembiayaan Perumahan ini di mana-mana institusi kewangan yang menyertai Skim jaminan ini seperti BSN, Agrobank dan lain lain.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Er... berkenaan dengan kelulusan ataupun berkenaan dengan er... dua rumah satu lot yang er… ada dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kelulusan lebih satu unit rumah di dalam satu lot, satu tapak FELDA telah mendapat teguran sebenarnya daripada pihak Jabatan Tanah dan Galian Negeri kerana dimaklumkan telah melanggar beberapa syarat nyata tanah dan meminta pentadbir memperhalusi semula kelulusan yang diberikan terutama berkait dengan syarat nyata tanah, syarat kepentingan Subseksyen 15(1) Akta Tanah, Kawasan Penempatan Berkelompok dan sebagainya dan perkara ini turut berhubung kait dengan pengeluaran geran baru, isu-isu perwarisan di atas tapak, rangkaian geran tanah rumah, pembiayaan, pembinaan oleh institusi bank, kos pembiayaan dikenakan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan termasuk elektrik, air, insurans dan lain-lain.

Pentadbir bersama PTG Negeri masih lagi dalam fasa perbincangan bagi mencari jalan penyelesaian terbaik untuk isu ini dan saranan daripada pihak PTG adalah pelaksanaan ini dapat ditangguhkan bagi membolehkan semakan akta dan seksyen terlibat dapat dilihat dikaji semula. Namun ini adalah sehingga pindaan dan penambahbaikan kepada akta dibuat terhadap Akta Tanah Kawasan Penempatan Berkelompok 1960 Akta 530 kerana tiada punca atau sumber kuasa penerangan yang membenarkan pelaksanaan dua rumah dalam satu lot ini.

Malum balas daripada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) juga, telah diterima pada 1 November 2022 yang turut tidak mengesyorkan pelaksanaan dasar dua rumah satu lot ini, dilaksanakan kerana ia bertentangan dengan peruntukan sedia ada Akta 530 sebagaimana dinyatakan di bawah peruntukan seksyen 17 Subseksyen 11 (3) dan (4) Akta 530.

Selain itu, mesyuarat bersama Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan Jabatan Perdana Menteri (JPN) pada 22 September 2022 turut membincangkan pengwujudan Jawatankuasa Khas Pemantauan Perlaksanaan Pindah Akta Tanah Kawasan

Pendapatan Berkelompok 1960 Akta 530. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, Portfolio...

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Sebentar, saya me… laluan sikit. Terima kasih er... saya balik ke penjelasan yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat EXCO Kerajaan Negeri, cuma isu kita sekarang ini agak serius sebab jumlah rumah yang dibina oleh penduduk ini banyak sebab bila kerajaan bagi kelulusan satu waktu dulu, masing-masing dah buat rumah. Jadi isu sekarang ini adalah elektriklah.

> [Apakah ada satu mekanisme sama ada kita boleh bekalkan sementara kepada penduduk?]

Isu ni sekarang ini rumah dah siap dan mereka tak dapat bekalkan elektrik kerana kerana bercanggah dan saya yakin nak tunggu pindaan Akta 530 ini, GSA, ia akan ambil masa yang sangat lama. Saya ingat dalam setahun dua tahun tak selesai-selesai. Cuma mungkin mekanisme yang boleh kita bantu er…penduduk ini bagaimana untuk mereka dapat bekal elektrik tanpa menunggu suatu pindaan. Sama ada kita bekal sementara dan sebagainya. Mungkin dapat penjelasan. Terima kasih.

YB TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM

Terima kasih jawapan tambahan daripada Cheka er...berkenaan dengan soalan er... elektrik, er... ini jawapan yang saya dapat daripada saya dapat maklum balas daripada Pengarah er...FELDA Wilayah, setakat ini pengurus boleh memberi kebenaran memasang air dan elektrik rumah kedua yang siap yang siap sebelum Mei 2022. Jadi mana-mana yang siap rumah dalam tempoh masa tu, pihak pengurus boleh er... memberi kebenaran untuk menyambung api dan air.

Saya sambung kembali Yang di-Pertua, er...saya nak menyentuh juga berkenaan dengan portfolio Usahawan, er...sebelum tu saya, saya ingin menjawab persoalan daripada Yang Berhormat Sabai. Berkaitan dengan Permohonan Skim i-PUSH yang mengambil masa terlalu lama untuk diluluskan, skim i-PUSH ini adalah Skim pembiayaan kewangan mikro negeri Pahang. Untuk makluman Ahli semua Dewan, untuk Skim i-PUSH ini merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Pahang dengan melantik Bank Muamalat Malaysia Berhad sebagai agen penyaluran dan ketuan balik dana pembiayaan yang telah dikenalkan pada tahun 2022.

Berdasarkan pelaksanaan pada fasa pertama, pada tahun lepas, tahun 2022, tempoh yang diambil bermula dari permohonan dibuat oleh pemohon hinggalah dana pembiayaan berjaya dikreditkan er... ke akaun pemohon mengambil masa antara 6 hingga 9 bulan melibatkan 1,158 pemohon. Permohonan yang diterima di pentadbiran Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri akan melalui tujuh proses permohonan iaitu tapisan…mula Permohonan, Tapisan, Temuduga, Semakan Muflis dan AMLA oleh pihak bank dan kelulusan er…oleh kerajaan negeri dan juga termasuk pembukaan akaun semasa setelah tanda tangan perjanjian di bank dan penyumbang dana pembaikan akaun tersebut.

Namun begitu, kerajaan negeri melalui Penubuhan Jawatankuasa Task Force, Skim i-PUSH yang er… dimulakan pada tahun awal tahun ini, 2023 telah berjaya mengambil langkah proaktif dengan mengurangkan tempoh menunggu para pemohon Skim i-PUSH ini untuk fasa ke 2 bagi tahun 2023 ini. Ianya hanya mengenai masa selama 3 hingga 5 bulan bagi tempoh pemohonan dibuat oleh pemohon sehingga kelulusan

dikeluarkan yang melibatkan peningkatan sekali ganda pemohonan pada fasa ke-2 ini itu sebanyak 2,415 pemohonan.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Er...malah pada hari ini, seolah-olah kita semua sedang diselubungi satu serkup perangkap yang membantas dan membelenggu kita dalam satu lohong yang gelap tidak berpenghujung. Malaysia dan seluruh dunia diterjah musibah pandemik yang menjadikan seluruh warganya huru-hara dan tidak keruan. Namun begitu, mari kita sama-sama bersyukur atas nikmat Yang Maha Esa kita sekarang dalam keadaan fasa merancakkan kembali sektor ekonomi melalui pelbagai program dan inisiatif untuk pembangunan usahawan khususnya di negeri Pahang. Antara inisiatif dan program yang telah er... dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri terhadap pembangunan usahawan di Pahang adalah yang pertama, pembangunan *Food Long Corner*, berkonsepkan *food court* yang mana bertujuan untuk menjadikan sebagai hub usahawan belia.

Pelaksanaan projek tersebut merupakan *pilot* projek yang mana dibangunkan di daerah Kuantan. Terlebih dahulu bagi menilai sejauh mana keberkesanan inisiatif ini kepada pembangunan usahawan belia. Saya kira, penerangan saya berkaitan inisiatif pembangunan *Food Long Corner* menjawab soalan yang telah diajukan oleh Yang Berhormat Kemayan. Di samping itu, Kerajaan Negeri akan menganjurkan program Karnival Hari Usahawan Negeri Pahang sempena minggu PMKS Peringkat Pantai Timur yang akan diadakan pada 23 Jun hingga 25 Jun er... pada tahun ini.

Kerajaan Negeri akan berkolaborasi bersama dengan SME CORP Malaysia bagi melaksanakan karnival ini dengan melibatkan 3 buah negeri iaitu Pahang, Terengganu dan Kelantan. Tuan Yang di-Pertua, Ketiga, Kerajaan Negeri meluluskan lagi Skim I-PUSH untuk fasa kedua yang kini dalam proses kelulusan dan penyaluran dana pembiayaan kepada 1,518 pemohon yang berjaya diagihkan sepanjang bulan ini bermula bulan Mei hinggalah ke bulan Jun 2023 dengan melibatkan peruntukan baki peruntukan sedia ada berjumlah RM12.85 juta dan peruntukan tambahan sebanyak RM10 juta dijadikan jumlah keseluruhan RM22.85 juta pada tahun ini.

Seterusnya, Progam Jelajah Usahawan Pahang yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui kerjasama semua Pejabat Daerah dan Tanah serta Pihak Berkuasa Tempatan dengan melibatkan semua jabatan dan agensi yang punya inisiatif atau program bantuan khusus untuk usahawan. Pendekatan ini bertujuan untuk menangani isu ketidaksampaian maklumat kepada masyarakat berkaitan inisiatif, program atau bantuan yang telah disediakan oleh pelbagai jabatan atau agensi khususnya untuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana. Konsepnya adalah sehari bersama usahawan di daerah yang mana setiap jabatan atau agensi yang terlibat akan diberi masa untuk menyampaikan maklumat kepada PMKS yang hadir.

Tuan Yang di-Pertua.

Melalui Jelajah Usahawan yang diadakan kelak, Kerajaan Negeri dapat mengenalpasti usahawan-usahawan yang berpotensi tinggi untuk diketengahkan dan juga dibawa ke *Malaysian International Halal Showcase* atau MIHAS. Berdasarkan reputasi Kerajaan Negeri dalam MIHAS 2022, negeri Pahang telah dinobatkan *Best Pavilion Award* MIHAS 2023 er... 2022. Bukan itu sahaja seramai 16 usahawan Pahang telah dibawa ke MIHAS 2022 telah melakar sejarah tersendiri di mana 10 daripadanya telah berjaya menarik pelabur dari luar negara bagi mendapat tempahan dan seterusnya

membekalkan produk mereka berdasarkan permintaan negara tersebut yang mencecah hampir RM1 juta sepanjang berlangsungnya MIHAS 2022.

Selari dengan pencapaian MIHAS 2022, Kerajaan Negeri berhasrat untuk menyertai MIHAS 2023 dengan kapasiti sebanyak 20 usahawan Pahang sebanyak berpotensi untuk produknya dipasarkan ke luar di samping memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan. Yang Berhormat Yang di-Pertua saya juga ingin menyentuh berkaitan dengan portfolio saya iaitu satu lagi koperasi. Sedikit laporan statistik perkembangan koperasi di Negeri Pahang yang dapat saya laporkan er... untuk tahun 2022. Bilangan koperasi yang telah berdaftar di Negeri Pahang adalah sebanyak 1,146 buah koperasi dengan bilangan keanggotaan seramai 302,884 orang melibatkan syer dan yuran terkumpul berjumlah RM0.44 bilion dan aset terkumpul melebihi daripada RM1.6 bilion.

Perolehan pendapatan gerakan koperasi Negeri Pahang bagi tahun 2022 sebanyak RM0.97 bilion merupakan penyumbang pendapatan kedua terbesar bagi gerakan koperasi di Malaysia selepas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan ini menghampiri sasaran Suruhanjaya Koperasi Pahang yang meletakkan sasaran RM1 bilion pada tahun 2025. Bukan itu sahaja sebanyak 10 koperasi daripada negeri Pahang tersenarai dalam indeks 100 koperasi terbaik di Malaysia bagi tahun 2022.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Berikut 10 koperasi di negeri Pahang yang tersenarai dalam indeks koperasi terbaik di Malaysia iaitu pertama, Koperasi Makmur Malaysia Berhad berada dalam *ranking* ke-11 kemudian Korporasi Serbaguna Dara Berhad berada di *ranking* ke-17, Korperasi Felda Sebertak Pahang Berhad *ranking* ke-45, Koperasi Peserta Felda Sungai Koyan 2 Berhad *ranking* ke-53, Koperasi Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Pahang Makmur Berhad berada di *ranking* ke-60, Koperasi Felda Koyan 3 Raub Berhad berada di *ranking* ke-65, Koperasi Peneroka Felda Keratong 2 Rompin Berhad berada di *ranking* ke-66, Koperasi Pengguna Pahang Berhad *ranking* ke-75, Koperasi Serbaguna Daerah Jerantut Berhad *ranking* ke-86, Koperasi Pekebun Kecil Daerah Jerantut Berhad berada di *ranking* ke-94. Manakala ada 31 koperasi dari negeri Pahang turut tersenarai dalam indeks 350 koperasi terbaik Malaysia bagi tahun 2022.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat minta gulung ya.

YB TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM

Okey ya. Fokus Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Pahang adalah untuk pendaftaran dan pembangunan koperasi bagi tahun 2023 melalui kumpulan sasar yang melibatkan belia, wanita, kariah masjid dan juga Orang Asli. SUK Pahang juga berhasrat memberi tumpuan dan menggalakkan koperasi menceburi aktiviti peniagaan berimpak tinggi di samping memberi tumpuan kepada aktiviti agro pertanian dan penternakan bagi menyokong usaha kerajaan dalam isu keterjaminan makanan.

Keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap sektor koperasi terbukti lagi terserlah melalui kelulusan Kerajaan Negeri terhadap cadangan pemberimilikan tanah kerajaan di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara Akta 828 atau di bawah Seksyen 10 Akta Tanah Kawasan Penempatan Kelompok 1960 bagi tujuan tapak bangunan, perindustrian dan pertanian kepada syarikat kerjasama koperasi FELDA dalam

kawasan penempatan berkelompok bagi kawasan-kawasan yang telah dibangunkan sahaja.

Ini merupakan…ia merupakan Kerajaan Negeri yang pertama mengambil tindakan seumpama ini sehingga hari ini sebanyak 18 buah koperasi FELDA telah berjaya memenuhi proses permohonan dan telah mendapat kelulusan memiliki pemberimilikan tanah koperasi FELDA yang melibatkan 10 buah koperasi dari Wilayah Mempaga dan 8 buah koperasi daripada Wilayah Kuantan dengan adanya geran pemilikan tanah ini adalah diharapkan ianya dapat meningkatkan lagi jumlah aset koperasi serta memudahkan lagi urusan pembangunan aktiviti koperasi khususnya bagi menyelesaikan isu pelesenan sesetengah aktiviti di negeri Pahang.
Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Sekali lagi, Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat di atas soalan dan cadangan yang telah dikemukakan berkaitan portfolio saya sebagai EXCO FELDA, Koperasi dan Usahawan Negeri Pahang dalam sidang Dewan Yang Mulia ini. Tidak lupa juga saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada semua pegawai dan kakitangan kerajaan yang telah terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam penyediaan dan jawapan bagi menjawab semua soalan-soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian.

Saya percaya semua persoalan dan cadangan berkaitan portfolio saya sebagai EXCO FELDA, Koperasi dan Usahawan Negeri Pahang yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Tahan, Yang Berhormat Pulau Manis, Yang Berhormat Jengka, Yang Berhormat Pulau Tawar, Yang Berhormat Kuala Sentul, Yang Berhormat Kemayan, Yang Berhormat Sungai Lembing, Yang Berhormat Cheka yang telah mengemukakan soalan secara bertulis. Segala jawapan berkaitan dengan soalan tersebut akan dikemukakan dan secara bertulis.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Sesungguhnya semua fokus pemerkasaan ekonomi mencerminkan komitmen dan kesungguhan Kerajaan Negeri dalam memastikan usahawan syarikat mampu meneruskan kelangsungan hidup dalam perniagaan. Kerajaan Negeri juga tidak sesekali meminggirkan golongan usahawan mikro er...penjaja kecil selaras dengan keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap seluruh rakyat Pahang. Besarlah harapan kita semua, semoga seluruh rakyat Pahang tanpa mengira kaum berusaha ke arah memperkasakan ekonomi negeri pada setiap masa selaras dengan apa yang telah diwariskan kepada kita oleh pemimpin terdahulu.

Seterusnya, saya berharap agar semua cabaran, dugaan dan ujian yang telah kita hadapi dapat dijadikan sebagai pengalaman dan kekuatan untuk kita mengorak langkah lebih jauh lagi. Akhir kata, saya menyokong Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang sempena pembukaan Penggal Ke-2 Dewan Negeri Pahang pada 8 Mei 2023. Sekian, Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat EXCO FELDA, Koperasi dan Usahawan Negeri Pahang. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat EXCO Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Negeri Pahang.

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Bismillahirrahmanirrahim. [Bacaan ayat al-Quran]. Assalamualaikum WBT. Selamat petang. Salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya untuk membahas Titah Ucapan Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Riayatuddin Al-Mustafa Billah Shah. Saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan juga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Riayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di atas sokongan dan dorongan tanpa berbelah bagi buat Kerajaan Negeri selama ini di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang. Bak kata pepatah, Raja dan Rakyat Berpisah Tiada.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Pertama sekali, saya ingin menzahirkan ucapan tahniah kepada pemimpin yang dikasihi, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail yang telah dilantik sebagai Menteri Besar Pahang untuk kali yang ke-2. [Ahli Dewan menepuk meja]. Walaupun Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang telah menghadapi pelbagai ujian, dugaan dan cabaran yang amat hebat tetapi Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang telah berjaya mewujudkan Kerajaan Perpaduan bagi meneruskan kesinambungan untuk terus membantu rakyat dan membawa lebih banyak kejayaan dan kecemerlangan kepada negeri Pahang yang kita kasihi.

Tahniah juga kepada Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd Sharkar bin Shamsuddin dan Yang Berhormat Tuan Lee Chin Chen yang telah dilantik sebagai Speaker dan Timbalan Speaker Dewan Negeri Pahang serta Yang Hormat Dato' Indera Haji Zulkifli bin Haji Yaacob di atas pelantikan sebagai Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Pahang. Tahniah juga kepada rakan-rakan Wakil Kerajaan dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah dilantik sebagai Ahli Dewan Negeri Pahang yang Ke-15.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang telah berjaya membawa begitu banyak perubahan kepada pentadbiran dan peningkatan hasil Kerajaan Negeri Pahang. Buat pertama kalinya dalam sejarah pada tahun 2022, Kerajaan Negeri Pahang telah berjaya memperolehi hasil pendapatan sebanyak RM1.288 bilion, mengatasi sasaran awal sebanyak RM1.036 bilion. Dengan pencapaian yang melebihi RM1 bilion ini Tuan Yang di-Pertua telah banyak, telah meletakkan negeri Pahang sebaris dengan negeri-negeri yang maju yang lain yang mempunyai pendapatan lebih daripada RM1 bilion.

Untuk tahun 2023, Kerajaan Negeri Pahang telah mensasarkan kutipan hasil sebanyak RM1.083 bilion. Negeri Pahang juga telah berjaya membawa masuk pelaburan yang bernilai RM6.7 bilion pada tahun 2020, RM10.5 bilion bagi tahun 2021 dan pada tahun 2022, negeri Pahang berjaya memperolehi pelaburan berjumlah RM20.56 bilion. Angka ini telah melangkaui sasaran yang telah ditetapkan iaitu RM18 bilion. Setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan kakitangan pentadbiran Kerajaan Negeri Pahang di atas usaha-usaha yang dilakukan secara berterusan serta pencapaian yang amat cemerlang ini. Tahniah saya ucapkan. Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Sri.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Dengan kestabilan politik dan kejayaan negeri Pahang memperolehi pendapatan melebihi RM1 bilion ini telah menyaksikan usaha menjaga kebajikan rakyat dapat dipertingkat dan diperluaskan lagi secara bersasar oleh Kerajaan Negeri Pahang. Saya begitu amat berbangga dengan kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang yang begitu prihatin terhadap kebajikan rakyat. Sejak tahun 2020, program Rumah Rakyat contohnya, Rumah Rakyat Pahang telah diberikan secara percuma kepada rakyat negeri ini yang betul-betul layak dan memerlukan bagi setiap DUN dan Parlimen dalam negeri Pahang. Bermula dengan hanya 2 unit rumah.

Pada peringkat awalnya yang bernilai RM65,000.00 setiap unit dan kini telah dapat dipertingkatkan kepada lapan unit rumah bagi setiap DUN yang bernilai RM100,000.00 bagi setiap unit. Ini adalah sejajar dengan Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang yang mahu melihat inisiatif ini diteruskan dan bilangan keluasan rumah rakyat Pahang ini dapat kita tingkatkan lagi.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri Pahang telah mewujudkan Bantuan Prihatin Pahang. Sebanyak RM42.4 juta diperuntukkan bagi tahun 2023 berbanding RM34 juta pada tahun 2022 menerusi pelbagai bentuk inisiatif yang diwujudkan melibatkan 4 kluster utama iaitu kluster pelajar dan anak muda, kluster golongan B40, kluster masyarakat umum dan kluster pemberian apresiasi.

Kalau nak sebut, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, begitu banyak sekali. Tapi di antaranya adalah, pertamanya contohnya anak kebanggaan Pahang. Awal lahir pun dah dapat bantuan. Keduanya, bantuan awal persekolahan tanpa mengira agama dan bangsa dan kedudukan. Pelajar SPM, pelajar tahfiz, mahasiswa, mahasiswi, anak yatim, ibu tunggal, nelayan, petani, pemandu teksi, warga emas, pengerusi dan setiausaha JPKK, JPKKOA, Tok Batin, perkahwinan untuk anak muda, juadah makmur, lesen motor anak muda, *Pahang Pride Student* dan pelbagai lagi inisiatif yang tak dapat saya sebutkan di sini. Semua ini telah membuktikan bahawa setiap daripada peningkatan hasil yang diterima oleh kerajaan selama ini akan dikembalikan semula kepada rakyat dan pembangunan negeri Pahang.

Lebih banyak lagi perancangan-perancangan dan inisiatif-inisiatif akan dilaksanakan sekiranya pendapatan hasil Kerajaan Negeri ini dapat ditambahkan lagi pada masa akan datang, insya-Allah. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang juga tidak pernah melupakan jasa dan komitmen penjawat awam negeri Pahang dalam memastikan agenda pembangunan negeri dan masyarakat dapat dicapai dengan jayanya.

Sebagai penghargaan dan sanjungan tinggi kepada kakitangan awam yang sentiasa mendukung aspirasi serta agenda kemajuan negeri Pahang, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang telah memberikan bantuan khas kewangan iaitu bonus sebanyak satu setengah bulan gaji kepada setiap penjawat awam di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri yang melibatkan sebanyak RM33 juta bagi tahun 2022.

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri. Bahkan, Kerajaan Negeri juga telah memberikan bantuan *one-off* baru-baru ini sebanyak RM1200.00 kepada 8,000 penjawat awam negeri Pahang baru ini sempena Hari Raya Aidilfitri. Terima kasih kita ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan Yang Berhormat

Tuan Yang di-Pertua. *This is Pahang. Pahang1st*, dengan izin Yang Berhormat. Tiada janji, lihat bukti, angka yang tidak pernah berbohong.

Kerajaan yang macam mana lagi yang kita nak untuk Kerajaan Negeri Pahang ini. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada isu-isu berkaitan di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya.

Sebanyak 137 cadangan projek jalan telah dimohon kepada Kementerian Kerja Raya dan sebanyak 77 cadangan projek jalan telah dipohon kepada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah dalam Rolling Plan yang ketiga, RMKe-12 yang berjumlah anggarannya sebanyak RM38 bilion. Hanya 15 bilangan projek sahaja telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan yang berjumlah anggarannya adalah RM894 juta semasa pembentangan Bajet 2023 pada 24 Februari 2023 baru-baru ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat,

Menyentuh tentang keperluan senggaraan Jalan Persekutuan. Tempoh hayat penurapan struktur *pavement* jalan adalah selama 7 tahun sahaja. Justeru itu, senggaraan berkala struktur *pavement* ini perlu dilaksanakan dalam tempoh tersebut bagi mengelakkan ianya uzur dan juga mudah rosak. Dukacita, dimaklumkan sejak tahun 2015 hingga 2022, sebagaimana yang saya nyatakan sebelum ini, setiap peruntukan yang dimohon hanya diluluskan secara puratanya sebanyak 40% saja sejak daripada 2015. Kiranya peruntukan yang dimohon ini tidak diluluskan, sepertimana yang kita pohon, ianya akan memberi impak yang negatif, seperti peningkatan bilangan jalan yang rosak, peningkatan kos senggaraan setiap tahun, peningkatan kes kemalangan, peningkatan aduan, peningkatan risiko tuntutan ganti rugi dan juga saman terhadap Kerajaan Negeri.

Ini adalah…saya juga merujuk kepada apa yang saya katakan sebelum ini, Tuan Yang di-Pertua. Sekiranya jalan ini kita tak cukup bajetnya, sudah tentu kita akan menghadapi risiko yang lebih besar pada masa hadapan. Untuk tahun ini saja, kita telah memohon RM491 juta dan kita harapkan jumlah yang lebih besar akan diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri untuk bagi membolehkan pembaikan Jalan Persekutuan ini dapat kita adakan dengan lebih baik lagi.

Merujuk kepada soalan ADUN daripada Chini, apakah kesan-kesan kualiti kerja-kerja pembaikan jalan sekiranya permohonan peruntukan yang dipohon itu tidak mencukupi. Sukalah saya nyatakan di sini bahawa sekiranya permohonan peruntukan yang diperlukan itu tidak mencukupi, dia akan melibatkan peningkatan kos senggaraan kepada Kerajaan Negeri setiap tahun.

Yang keduanya, peningkatan kes yang melibatkan kemalangan yang juga boleh melibatkan kehilangan nyawa, ketiganya, peningkatan aduan dan keempatnya peningkatan risiko tuntutan ganti rugi dan juga saman. Bagi peruntukan senggaraan Jalan Persekutuan tahun 2023 sehingga 15 April 2023, JKR Negeri Pahang telah menerima sebanyak RM94.5 juta peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan. Peruntukan Fasa 1 ini, telah banyak membantu untuk menyelesaikan masalah-masalah jalan yang didapati rosak, yang paling kritikal dan yang memberikan ketidakselesaan kepada pengguna-pengguna jalan raya, yang boleh menyebabkan kerosakan harta benda, kemalangan dan kehilangan nyawa.

Tuan Yang di-Pertua,

Bersama-sama saya ini, yang RM94.5 juta ni, di sini ada 55 senarai projek-projek yang sedang dilaksanakan dan akan dilaksanakan tak lama lagi bagi membolehkan pembaikan Jalan Persekutuan ini dilakukan dengan segera. Diantaranya termasuklah, sebagaimana daripada ADUN Semambu, termasuklah kerja-kerja pembaikan *konkrit*, *pavement* di jalan masuk ke kawasan perindustrian Semambu, yang bawah *flyover* Semambu, dengan izin Yang di-Pertua, yang dijangka siap pada 3 Ogos 2023 nanti. Makna, jalan bawah *flyover* itu akan kita baik pulih untuk memastikan kelancaran trafik dan juga jalan yang lebih baik sebagaimana yang diadukan oleh banyak netizen-netizen kita, dan ini sebagai salah satu jalan yang ambil oleh Kerajaan Negeri memohon peruntukan dan akhirnya diluluskan, dan kita telah menjalankan kerja tersebut dengan kadar segera.

Yang keduanya, kerja-kerja pembaikan di Jalan Pintasan, Gebeng secara *mill and pave*, mohon Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, yang dijangka siap pada 31 Mei 2023 dengan anggaran kos sebanyak RM1.579 juta. Yang ketiganya, kerja-kerja pembaikan di Jalan Kuantan-Pelabuhan secara *mill and pave*, dengan izin Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dengan anggaran kos sebanyak RM1.11 juta dan kerja ini dijangka siap pada 10 Julai 2023 dan sebagaimana yang dinyatakan oleh ADUN daripada Pancing sebelum ini, bahawa keadaan jalan di Jabor, Jerangau yang didapati tidak disenggarakan dengan baik. Tidak dijalankan langsung juga, hari ini untuk pengetahuan Yang Berhormat Yang di-Pertua dan Sidang Dewan bahawa jalan tersebut telah dibaikpulih dan 90% telah siap, dan kerja kerja untuk mengecat jalan je, mengecat *line* jalan itu sudah dilaksanakan dan ini akan dijangka siap pada 31 haribulan Mei 2023.

ADUN daripada Beserah boleh lalulah lepas ni. Lalu naik jalan bulatan itu, Jabor-Jerangau itu. Jalan itu dah elok dah, dulu kalau saya pergi sendiri memang saya dapat lihat, jalan itu memang teruk tetapi biasalah. ADUN dari Beserah, kita memerlukan masa untuk memohon peruntukan, dan saya juga berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana dalam Jemaah Menteri telah mendesak supaya peruntukan segera dibagikan, bagi membolehkan jalan-jalan seperti ini dibaiki pulih, dibaik pulih dengan kadar segera kerana memang teruk dan kita mengambil masa yang singkat, peruntukan telah diluluskan. Alhamdulillah, hari ini jalan tersebut kalau Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua pergi, memang…memang *first class* lah, boleh tengok. Bolehlah ADUN Beserah, kita boleh lawat sama-sama.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah panjang, untuk makluman Sidang Dewan, jumlah panjang Jalan MARRIS yang didaftarkan pada tahun 2020 adalah sebanyak 30,720 km. Manakala pada tahun 2021, sebanyak 37,022 km. Manakala tahun 2022 telah didaftarkan Jalan Marris sepanjang 43,036 km dan ianya telah berjaya melebihi sasaran 5,000 km pendaftaran baru Jalan MARRIS. Semua kejayaan ini merupakan adalah inisiatif dan usaha keras daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar bagi pendaftaran Jalan MARRIS. Tahniah dan terima kasih Yang Berhormat Menteri Besar atas kejayaan ini.

Yang Berhormat untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, dalam mesyuarat EXCO ada dinyatakan bahawa kadang-kadang jalan kita ni kadang-kadang lebih pendek dari jalan di Negeri Sembilan. Maknanya kita telah, Yang Berhormat Dato' Sri Menteri Besar telah mengarahkan pihak JKR supaya mendaftarkan lebih banyak jalan lagi, saya masih ingat. Dan akhirnya hari ini, dengan panjang jalan 43,000 km ini, lebih banyak lagi peruntukan yang masuk kepada Kerajaan Negeri dan bagi membolehkan

kita mengawal selia dan menyenggara jalan negeri ini dengan lebih baik lagi. Sehingga 15 April 2023, JKR Negeri Pahang juga telah menerima peruntukan sebanyak RM90 juta untuk kerja penyelenggaraan jalan negeri dan jalan kampung.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Ni nak abis dah, kerja berkenaan dengan JKR. Jadi saya nak memberi jawapan sikit ADUN, jawapan dia kepada er… ADUN Tanjung Lumpur berkenaan dengan JKR ni. Isu keselamatan pelajar ataupun isu keselamatan pelajar berkaitan dengan jejantas. Tiada jejantas. Untuk makluman, dia tak ada pula ni. ADUN Tanjung Lumpur, pihak JKR melalui Bahagian Perancang Ekonomi telah mengangkat semula permohonan projek ni dalam Rolling Plan Keempat, Rancangan Malaysia Ke-12 bagi pertimbangan dan kelulusan oleh pihak Kementerian Kewangan Malaysia dan KKDW kelak. Mudah-mudahan permohonan kita ini mendapat restu daripada Allah SWT dan diberikan kejayaan. Semoga pembinaan jejantas lintasan pejalan kaki ini dapat dilaksanakan. Jalan yang dinyatakan oleh ADUN daripada Tanjung Lumpur.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya juga amat menjunjung kasih di atas Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang yang telah menitahkan satu penubuhan *task force* bagi membaiki segera jalan-jalan yang rosak di dalam negeri ini. Insya Allah, *task force* ini akan dilaksanakan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Menyentuh tentang pembinaan projek Laluan Rel Pantai Timur, *ECRL* dengan izin Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, telah melibatkan beberapa buah daerah di negeri Pahang iaitu daerah Kuantan, Maran, Temerloh dan juga Bentong, dan ianya juga sedang rancak dilaksanakan. Kemajuan kerja, sejak projek ECRL di Pahang sehingga 30 April 2023 telah mencapai sebanyak 42.96% menepati jadual pelaksanaan. Insya-Allah projek ini dijangka siap pada Disember 2026 dan dijangka beroperasi pada tahun 2027.

Kerajaan Negeri Pahang sentiasa memantau pelaksanaan projek ECRL di negeri Pahang secara komprehensif dan juga secara berkala. Mesyuarat koordinasi secara berlainan diadakan bagi membincang dan menangani segala isu yang berbangkit untuk memastikan kerja-kerja pembinaan dapat dilaksanakan mengikut jadual yang telah kita tetapkan. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri Pahang juga telah memberikan perhatian yang serius dalam aspek kebajikan rakyat Pahang yang terlibat dalam pelaksanaan Projek ECRL.

Antaranya adalah dengan memastikan setiap pembayaran pampasan yang setimpal diberikan kepada semua pemilik tanah yang terlibat dalam projek ECRL ini. Yang Hormat Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman sidang Dewan, pembinaan ECRL mempunyai beberapa fasa. Untuk makluman fasa 1 merupakan pengambilan tanah tambahan sepanjang jajaran, maknanya dari Kelantan turun ke Terengganu, maksudnya jajaran sahaja sampailah ke Gombak dan Fasa 2A pula merupakan pengambilan tanah tambahan sepanjang jajaran tersebut sekiranya terdapat perubahan dalam reka bentuk.

Dan fasa 2B merupakan pengambilan tanah bagi tujuan pembinaan stesen- stesen serta jalan masuk ke stesen- stesen tersebut. Dalam fasa 2B inilah terdapat 204 lot tanah milik persendirian yang terlibat dalam proses Pengambilan Tanah. 52 lot di

Kuantan, 174 lot di Maran, 1 lot di Temerloh, 17 lot di Gebeng manakala terdapat 73 lot adalah tanah milik kerajaan. Satu lawatan tapak akan dimulakan pada 15 Mei 2023 yang melibatkan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) dan juga Jabatan Pengurusan Penilaian Harta untuk mengesahkan penandaan lot. Dalam proses Pengambilan Tanah bagi maksud awam, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Gelian Persekutuan (JKPTG) telah menggariskan tindakan yang perlu dilaksana pada peringkat pra pengambilan, semasa pengambilan dan pasca pengambilan. Prosedur ini diguna dan dipatuhi oleh Kementerian, Jabatan Pengguna KPJ dan juga Pentadbir Tanah. Kerajaan Negeri berharap agar.

YB TIMBALAN YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, minta gulung ya.

YB DATO' MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Sikit lagi, boleh ya.

YB TIMBALAN YANG DI-PERTUA DEWAN

Okey.

YB DATO' MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Kerajaan Negeri berharap agar pengambilan tanah ini tidaklah menjadi isu yang besar kerana projek ECRL akan lebih banyak mendatangkan kemudahan dan manfaat kepada negara ini khususnya kepada kejayaan dan kemakmuran negeri Pahang serta untuk rakyat negeri Pahang. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri Pahang juga memberikan perhatian yang serius dalam memastikan bayaran saguhati atau ek-gratia diberikan kepada penduduk kampung dan juga masyarakat Orang Asli yang terjejas dari segi pendapatan kerana kawasan pertanian dan perusahaan ternakan ikan sangkar yang terlibat dalam projek pembinaan ECRL.

Yang Berhormat Tuan di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas di Bandaraya Kuantan, Kerajaan Negeri sedang melaksanakan kajian dan percubaan penggunaan sistem lampu isyarat pintar. Beberapa siri perbincangan telah diadakan sebelum ini dan menetapkan sasaran pengurangan 25% hingga 30% kesesakan lalu lintas di setiap persimpangan yang terlibat di Bandar Kuantan yang mempunyai *traffic light* dengan izin Yang di-Pertua. Kita sedang melaksanakan kajian dan percubaan di tiga lokasi persimpangan lampu isyarat.

Yang pertamanya, persimpangan lampu isyarat KotaSAS sehingga persimpangan lampu isyarat Indera Mahkota bersebelahan Restoran Mohd Chan. Yang keduanya, persimpangan lampu isyarat JUPEM - Jalan Beserah sehingga persimpangan lampu isyarat Jalan Teluk Sisek simpang Tanjung Lumpur dekat jambatan Tanjung Lumpur tu dari JUPEM sampai Tanjung Lumpur Lampu isyarat yang bersambung sambung tu Kita nak pastikan supaya kelancaran trafik.

Yang ketiganya, persimpangan lampu isyarat Jalan Kuantan-Bypass iaitu persimpangan Semambu yang di POLISAS tu, Semambu di bawah tu dan juga persimpangan Permatang Badak. Ini kita nak tengok kesan daripada kajian tersebut dan perlaksanaan sistem *traffic light* pintar. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sikit

lagi la…ya kesihatan sebab saya tak sentuh kesihatan. Jadi saya nak memberitahu terdapat 17 projek pembangunan fizikal sedang dilaksanakan dalam Negeri Pahang.

Yang pertamanya, pembinaan Klinik Kesihatan dengan kuarters di Sungai Soi, Kuantan dengan kos RM32.4 juta. Keduanya, pembinaan Klinik Kesihatan di kuarters Bukit Ibam, Rompin dengan kos RM14 juta. Ketiganya, tambahan blok Hospital Jerantut dengan kos RM41 juta. Keempat, ubah suai Dewan Bedah Hospital Jengka dengan kos RM13.4 juta. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, tahun 2023 juga telah melakar sejarah bagi Jabatan Kesihatan Negeri Pahang dengan bermulanya perkhidmatan bersalin yang dinaik taraf di Klinik Kesihatan Tekek Pulau Tioman. Boleh bersalin di Pulau Tioman dah maknanya hari ini.

Pelaksanaan ini tidak mungkin berjaya tanpa dengan kerjasama erat daripada Kerajaan Negeri Pahang. Kerajaan Negeri Pahang telah menyalurkan sendiri peruntukan sebanyak RM2.93 juta melalui Majlis Ugama Islam Pahang dan Lembaga Pembangunan Tioman bagi membekalkan peralatan perubatan yang lengkap supaya penduduk di Pulau Tioman dapat akses yang lebih mudah kepada perkhidmatan bersalin bagi ibu mengandung dengan risiko yang bersesuaian tanpa perlu berusaha payah naik bot untuk ke Rompin ataupun ke Mersing.

YB DATO' MUSTAPA BIN LONG

Tuan Speaker, saya nak minta sikit celah, boleh? sikit permintaannya saya nak ucap terima kasih di Pantai Tengku, ni ada satu.

YB DATO' MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Duduk Tioman ke?

YB DATO' MUSTAPA BIN LONG

Tak-tak. Saya pasal pasal klinik-klinik tadi eh. Saya nak celah sikit ni saya nak minta di Pantai Tengku ni…di Kampung Chegar Perah dah dapat klinik yang baru. Tapi isunya ambulans tak adalah. Jadi orang kampung pesan dekat saya tadi cakap sikit dalam Dewan. Jadi saya cakap la ni, tolong pertimbangkan sikit. Terima kasih.

YB DATO' MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Insya-Allah, kita ambil perhatian tentang permohonan Padang Tengku ni..ada yang mencatitlah dalam ni daripada Jabatan Kesihatan Negeri, Pengarah Kesihatan Negeri pun ada. Terima kasih Pengarah. Kerajaan Negeri Pahang juga akan menaik taraf perkhidmatan bersalin di Klinik Kesihatan Perwira Jaya, Felda Selancar Rompin, Klinik Kesihatan Sungai Ular, Kuantan yang merangkumi kerja membina pusat bersalin baru dengan peruntukan RM1.72 juta untuk setiap polisi yang merangkumi kos pembinaan, perolehan aset perubatan moden, penamatan ambulans baru di Klinik Kesihatan tersebut.

Naik taraf ini dijangka selesai pada 2023…September 2023. Jabatan Kesihatan Negeri Pahang juga komited dalam mempertingkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan sedia ada. Dari tahun 2020 hingga 2023, 5 buah Klinik Desa telah dinaik taraf iaitu Klinik Kesihatan Temai, Klinik Kesihatan Kuala Wau, Maran, Klinik Kesihatan Kuala Tekai, Temerloh, Klinik Kesihatan Kuala Labu, Jerantut dan Klinik Kesihatan Kampung Chegar Perah, Lipis sebagaimana yang dinyatakan oleh sahabat saya tadi. Chegar Perah tiada ambulans je.

Dalam masa yang sama keperluan naik taraf Klinik Desa dan Klinik Kesihatan sedia ada juga akan disemak dari semasa ke semasa sejajar dengan keperluan semasa. Sedikit lagi Yang Berhormat Yang di-Pertua. Dua minit je.

Selain daripada projek-projek di atas, penggantian alat baru, pertambahan alat baru juga terus giat diusahakan di seluruh hospital-hospital berpakar. Yang pertamanya, mewujudkan perkhidmatan CT Scan di Hospital Pekan dan juga Hospital Bentong. Kedua, mewujudkan perkhidmatan mamogram di Hospital Kuala Lipis dan penggantian mamogram di Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan yang telah berusia lebih daripada 15 tahun. Ketiga, mewujudkan perkhidmatan *angio biplane* bagi proses perimejan angiografi untuk rawatan penyakit jantung. Alhamdulillah.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Dalam perkhidmatan kesihatan Jabatan Kesihatan Pahang telah mewujudkan 3 Hospital Kluster saya nak beritahu. Yang pertamanya Hospital Kluster Pahang Timur yang terdiri daripada Hospital Tengku Ampuan Afzan. Yang keduanya Hospital Pekan, Hospital Rompin dan Hospital Muadzam Shah. Kluster Pahang Tengah terdiri daripada Hospital Sultan Haji Ahmad Shah Temerloh, Hospital Bera, Hospital Jengka, Hospital Jerantut dan Hospital Bentong manakala yang ketiga Hospital kluster Pahang Barat yang terdiri daripada Hospital Kuala Lipis, Hospital Cameron Highlands dan juga Hospital Raub.

Saya menjawab daripada ADUN Ketari yang menanyakan bahawa Hospital Bentong ni…yang sebenarnya Hospital Bentong ni adalah Hospital Pakar Minor maknanya Hospital Pakar Minor dah. Dah dikategorikan kerana dia ada 6 pakar, ada Etegori Department pakar di situ. Maknanya Hospital Bentong ni bagaimana yang disuarakan ADUN Ketari memohon hospital baru, hospital pakar baru tak perlulah maknanya Hospital Bentong tu dah dikategorikan sebagai Hospital Pakar Minor. Hospital Pakar jugalah. Tujuan Jabatan Kesihatan mewujudkan inisiatif hospital kelas...

Hospital ini untuk makluman Sidang Dewan adalah untuk memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan yang berkualiti, bersepadu melibatkan semua hospital dalam kluster melalui sistem pengurusan perkhidmatan yang lebih efisien. Inisiatif ini dapat memberikan akses kepada perkhidmatan kepakaran kepada penduduk seperti lawatan pakar dalam pelbagai bidang di semua hospital-hospital terbabit dalam kluster masing-masing dan juga bagi meningkatkan lagi pengurusan dan pembangunan sumber manusia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat... Ahli Dewan, terdapat beberapa kategori hospital di Negeri Pahang untuk makluman. Pertamanya, hospital negeri iaitu Hospital Tengku Ampuan Afzan yang mempunyai kepakaran melebihi 25 jenis kepakaran. Yang keduanya, hospital berpakar major iaitu Hospital Sultan Haji Ahmad Syah Temerloh yang mempunyai 15 kepakaran. Yang ketiga, Hospital Berpakar Minor iaitu Hospital Kuala Lipis dengan 14 kepakaran, Hospital Pekan dengan lapan kepakaran, Hospital Bentong dengan tujuh kepakaran. Maaf tadi saya cakap enam, tujuh sebenarnya.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Negeri Pahang akan sentiasa mengambil tindakan yang proaktif dalam memujudkan

dasar-dasar dan program-program yang akan memberikan manfaat kepada seluruh rakyat negeri Pahang. Pelbagai strategi dalam melengkapkan kemudahan asas rakyat yang melibatkan jalan negeri, Projek Laluan Rel Pantai Timur, ECRL dengan izin Yang di-Pertua, projek penyenggaraan berskala kecil dan juga besar melibatkan sekolah, pejabat, jambatan dan sebagainya. Adalah diharapkan dapat dimanafaatkan sebaiknya oleh rakyat negeri Pahang.

Saya mengambil kesempatan ini untuk sekali lagi merakamkan setinggi -tinggi paharagaan dan mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan yang tak dapat saya nyatakan di sini satu per satu dan membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan juga Kesihatan…dan saya ingin mengucapkan terima kasih juga kepada semua pegawai-pegawai serta kakitangan kerajaan yang terlibat dalam urusan Persidangan Dewan pada kali ini.

Dengan segala peruntukan dan perancangan yang telah disediakan yang akan dilaksanakan nanti, sudah tentu akan lebih memaju, mensejahtera dan memakmurkan lagi Negeri Pahang Darul Makmur. Insya-Allah, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong, wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Ahli Dewan tepuk meja)

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih, Yang Berhormat EXCO Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Negeri Pahang. Seterusnya saya menjemput EXCO Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa dan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang. Sila.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan, Bismillahirahmanirrahim... [Bacaan dalam Bahasa Arab]. Pertamanya kita melafazkan syukur kehadrat Ilahi dengan limpah kurnia dan inayah-Nya kita pada minggu ini dapat berhimpun di dalam Dewan Yang Mulia bagi menunaikan tanggungjawab kita bersama-sama dengan kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang untuk kita melaksanakan tanggungjawab kepada negeri kita, kepada rakyat dan anak bangsa ini, moga segalanya dapat rahmat dan daripada Allah SWT.

Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi menjunjung kasih kesisi Kebawah Duli Tuanku Pemangku Raja Pahang Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang telah berkenan berangkat bercemar duli merasmikan Persidangan Dewan kita pada tahun ini. Sudah tentulah dengan keberangkatan Kebawah Duli Tuanku tambah memberi semangat kepada Kerajaan Negeri bahkan kepada Ahli-ahli Dewan untuk terus berbakti kepada Negeri Pahang Darul Makmur dengan sebaik mungkin.

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan,

Saya mengucap syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurnia dan inayah-Nya juga dapat bersama dengan rakan-rakan turut serta untuk di dalam Sesi Penggulungan untuk menjawab beberapa persoalan yang dikemukakan oleh rakan-rakan ADUN. Saya mengambil kesempatan juga untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah ke sisi Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar Pahang yang telah dilantik sebagai Menteri Besar dan dipilih sekali lagi. Sesungguhnya ini adalah bukti kepercayaan daripada rakyat dan juga daripada Ahli-ahli Dewan di atas kesungguhan semai bakti

yang telah dibuktikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kepada negeri ini dan kepada rakyat Negeri Pahang.

Sudah tentulah kita memanjatkan doa ke hadrat Ilahi. Semoga Allah SWT mengurniakan kekuatan kesisi Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan juga ke semua Ahli-ahli Dewan untuk berbakti kepada rakyat dengan sebaik mungkin.

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan,

Saya ingin mengambil kesempatan menyatakan sesungguhnya portfolio agama ini telah dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin adalah kerana usaha murni dan pelbagai resolusi positif yang telah dikemukakan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar Pahang kepada Negeri Pahang Darul Makmur di dalam pelbagai siri untuk memperkasakan agama seumpama kata tidak memadai dengan bantuan-bantuan yang bersifat *one off* tetapi juga Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang selama ini telah berusaha untuk memastikan Hal Ehwal Agama ini dapat dilaksanakan dengan baik dan dibentangkan dengan persetujuan Dewan secara sebulat suara.

Pelbagai RUU telah dibentangkan yang berkaitan dengan pentadbiran Islam, berkaitan dengan pendidikan Islam, jenayah syariah dan penyebaran agama selain daripada apa yang telah dipersetujui di dalam Dewan Yang Mulia ini. Alhamdulillah, ini adalah bukti kesungguhan Kerajaan Negeri Pahang untuk memperkasakan agama Islam di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, mudah-mudahan usaha murni ini diberkati oleh Allah SWT dan diberi jalan yang lebih luas untuk kita memperkasakan agama dengan sebaik mungkin.

Baru baru ini saja kita tengok bagaimana Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang telah turun padang dan pergi ke Masjid Negeri menyantuni bakal-bakal haji yang seramai lebih daripada 1,200 orang untuk mereka menunaikan ibadat haji. Bukan sahaja mereka didoakan dan diberikan iringan nasihat dan peringatan yang murni untuk mereka melaksanakan ibadat dengan baik dan sempurna, bahkan mereka disantuni dengan sedikit sebanyak peruntukan bagi meringankan beban dan usaha murni mereka menunaikan ibadat rukun Islam yang kelima yang telah diperintahkan oleh Allah SWT kepada seorang muslim.

Yang Berhormat.... Yang di-Pertua Dewan,

Kita juga bersyukur ke hadrat Ilahi, institusi agama ini dijagakan dengan sebaik mungkin apabila sekolah-sekolah agama diperkasakan. Kita hanya memiliki 18 buah sekolah agama tetapi kita memberi komitmen yang sebaik-baiknya. Semoga kualiti-kualiti yang ada di sekolah agama itu dapat diperkasakan dengan sebaik mungkin. Seumpama kata, kita telah menaik taraf seramai 100 orang guru-guru sementara dijadikan guru-guru *Contract of Service* dengan izin iaitu mereka ini diberikan gaji dan juga elaun serta keistimewaan yang dimiliki oleh penjawat-penjawat awam yang lainnya.

Dato' Sri... Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya juga ingin menyatakan di dalam Dewan Yang Mulia ini alhamdulillah, di dalam jangka masa yang terdekat ini, pihak Universiti Al-Azhar telah menerima dan sudi untuk menerima kedatangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang di dalam menyatakan Memorandum Persetujuan Kerjasama untuk diteruskan di antara Universiti Islam Pahang dengan Universiti Al-Azhar bagi memastikan pelajar-pelajar

kita dapat diterima terus untuk mengambil pengajian di Universiti Al-Azhar dan juga untuk meneruskan Sistem Muadalah ataupun Terima Belajar untuk menyambung di Universiti Al-Azhar bagi pelajar-pelajar Sekolah Menengah Agama Negeri Pahang Darul Makmur.

Yang berhormat Timbalan Yang di-Pertua,

Ini bukanlah satu perkara yang mudah kerana pada ketika ini pelajar-pelajar yang ingin menyambung ke Universiti Al-Azhar bukan sahaja mereka perlu mengambil Sijil STAM. Sijil Tinggi Agama yang telah diuruskan oleh Kementerian Pendidikan Negara kita, tetapi mereka perlu melalui temu duga khusus... melalui Imtihal Qabul, peperiksaan penerimaan daripada pihak Universiti Al-Azhar yang agak sukar dan sulit. Ramai pelajar-pelajar di negara kita yang tergendala dan terkandas untuk menyambung pembelajaran mereka ke Universiti Al-Azhar.

Saya bagi pihak Jabatan Agama Islam Pahang dan Pentadbiran Agama Negeri Pahang mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada usaha murni Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang Dato' er… Menteri Besar Pahang selaku wakil daripada Jelai. Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan, kita juga bersyukur ke hadrat Ilahi di bawah portfolio Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, kita telah memperolehi peruntukan…

YB DATO' MUSTAPA BIN LONG

Er… Dato' Tuan Speaker, sebelum EXCO pergi ke tajuk yang lain, saya nak balik pasal sekolah agama tadi yang disebutkan bahawa kita meningkatkan guru-guru dan sebagainya. Saya ucapkan terima kasih. Tapi ada persoalan yang saya timbulkan, saya tunggu jawapannya, tak dapat lagi iaitu di Padang Tengku ini masalah yang saya timbulkan itu, guru yang kritikal dalam Bahasa Inggeris.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih. Itu ADUN apa ADUN er… Padang Tengku. Saya ni baru mukadimah sughro belum mukadimah kubro iya ini permulaan yang kecil belum lagi permulaan yang besar, jadi kita bermalam di Mina malam ni.

YB DATO' MUSTAPA BIN LONG

Ah…takpelah gitu sebab dah pergi ke luar bandar tadi jadi saya takut ia takkan disentuh. Okey takpe saya tunggu saya tunggu.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Iyalah akan sampai…akan sampai.

YB DATO' MUSTAPA BIN LONG

Saya tunggu

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Akan sampai. Yang Berhormat Yang di-Pertua er… Dewan Negeri Pahang, kita bersyukur ke hadrat Ilahi, Kementerian Luar Bandar dan Desa juga telah memperuntukkan sebanyak lebih RM400 juta untuk projek-projek pembangunan luar

bandar bagi melaksanakan 127 projek di seluruh daerah di Negeri Pahang Darul Makmur. Mudah-mudahan dengan adanya peruntukan ini dapat mengembangkan lagi pembangunan masyarakat di luar bandar dan sesungguhnya peruntukan ini telah men…er…menunjukkan satu peningkatan sebanyak RM15 juta berbanding dengan tahun yang lalu.

Saya juga ingin menyatakan er…di dalam Dewan Yang Mulia ini bagi menjawab beberapa persoalan yang dikemukakan oleh rakan-rakan Dewan seumpama er… daripada er…Tanjung Lumpur dan juga daripada Chenor yang mempersoalkan tentang imam yang telah uzur ataupun tidak berupaya dan tidak bermaya untuk menunaikan tanggungjawab mereka sebagai imam di masjid-masjid yang tertentu.

Sebenarnya imam-imam ini bolehlah dicadangkan oleh pihak kampung ataupun ahli kariah melalui Jawatankuasa Masjid ataupun daripada JKK kepada pejabat agama untuk er… di apa istilahnya dengan izin di *renew*kan dengan cadangan-cadangan imam yang baru untuk ditemu duga dan dicalonkan kepada Jabatan Mufti dan Majlis Agama, jika sesuai mereka bolehlah digantikan. Itu pilihan yang pertama ataupun pilihan yang kedua, Jabatan Agama sentiasa meneliti dan memantau jika ada masjid-masjid yang sedemikian rupa, kita akan latihkan terlebih dahulu ataupun kaunselorkan supaya mereka dapat menunaikan er… tugas mereka sebagai imam di masjid dengan sebaik mungkin.

Ada juga sebahagian masjid er…Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan, yang mana mereka itu kampung itu memang tidak ada. Itu sahaja dah yang adanya. Cari di tanah, cari di rumah, cari di atap, itulah yang paling alim dan lebainya. Maka bak kata pepatah arab “aljud fil mawjud”, apa yang ada itulah yang kita pakai dan guna untuk kita jadikan imam dan tidak ada jadi masalah seandainya kebetulan saya pergi di situ, apalah salahnya saya membantu tok imam itu atau pun ust… Yang Berhormat daripada Chenor kebetulan sembahyang di situ, apalah salahnya membantu imam itu untuk dia bertugas dan juga Jabatan Agama insya-Allah akan terus memantau dan memastikan hal ini.

Dalam waktu yang sama, Kerajaan Negeri telah meminta Jabatan Agama menyediakan satu kertas yang apa…yang apa dapat memberikan satu resolusi yang terbaik bagaimana kita nak memastikan imam-imam masjid kariah ini supaya mereka lebih berupaya dan dapat melaksanakan tugas dengan sebaik-baiknya.

Yang Berhormat er…Yang di-Pertua Dewan,

Merujuk pula kepada soalan sahabat saya daripada DUN Luit yang menanyakan tentang er… status perlaksanaan projek Masjid Kampung Lubuk Paku dan Masjid Kampung Batu di DUN Luit serta penjelasan tentang status tanah bagi masjid Ulu Luit, Maran. Projek ini, projek ini telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan untuk menamatkan kontrak projek secara penamatan bersama. Penamatan bersama dengan kontraktor akan ditandatangani setelah terma dan syarat perjanjian dipersetujui oleh Jawatankuasa di per…peringkat JKR Malaysia.

Maksudnya benda ini di bawah teknikal JKR bukan di bawah teknikal Jabatan Agama tapi saya jawab bagi pihak er…sahabat saya apa namanya yang menguruskan soal JKR. JKR Pahang masih menunggu keputusan jawatankuasa untuk penamatan bersama. Insya-Allah saya akan usaha dan luangkan masa, saya akan ajak Jabatan Agama dan JKR akan pergi ziarah ke masjid ini untuk memastikan supaya benda ini dapat dilaksanakan dengan sebaik- baiknya. Tentang status bagi masjid Ulu Luit,

Maran, pihak MUIP telah mengemukakan permohonan kepada pejabat tanah agar er… status tanah itu dapat apa dipersetujui dan diluluskan.

Merujuk pula kepada sahabat saya daripada Padang Tengku yang menyoalkan tentang ketiadaan guru Bahasa Inggeris di Sekolah Menengah Agama Padang Tengku. Sebenarnya bukan teda… bukan tiada guru Bahasa Inggeris ini dia…dinaikkan pangkat dan terpaksa berpindah. Pangkat yang di apa di… diamanahkan kepada cikgu ini tidak ada tempat di Padang Tengku kerana tempat itu telah dipenuhi jawatannya…jadi terpaksa dipindahkan kepada ke Sekolah Menengah Agama Batu Talam.

Namun demikian, di atas kerana sekolah agama ini YDP PIBG dia ADUN Pulau Tawar, maka Jabatan Agama telah menggantikan 3 orang guru. Keluar seorang, ganti 3 Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua iaitu seorang guru BM, Geografi dan Ekonomi, seorang guru Bahasa Inggeris, Sains dan Biologi dan seorang lagi guru Sejarah dan Sains. Mudah-mudahan dengan penggantian 3 tokoh orang guru ini dapat membantu hasrat Sekolah Menengah Agama Padang Tengku untuk mempertingkatkan nilai pendidikan anak-anak mereka di Sekolah Menengah Agama Padang Tengku.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya merujuk kepada persoalan yang dikemukakan oleh sahabat saya daripada Kuala Sentul iaitu tentang sekolah agama KAFA di apa namanya di Kuala Sentul. Sekolah agama KAFA ni sebenarnya tak ramai murid dia. Cuma kita izinkan mereka er… melaksanakan pembelajaran mereka Tahun 1 ada 17 orang murid, Tahun 2 ada 13 orang murid, Tahun 3 ada 11 orang murid, Tahun 4 ada 8 orang murid dan Tahun 5 ada 8 orang murid. Sebanyak 4 kelas KAFA dijalankan di Kuala Sentul iaitu 2 kelas di Madrasah Al-Amin dan 2 kelas di surau lama.

Asalnya betullah kata di sahabat saya, 2 kelas ini dilaksanakan di sekolah yang apa berhampiran tetapi dipindahkan ke surau kerana surau itu saya dah tengok lebih selesa ada *aircond* dan sebagainya dan disediakan kerusi meja yang cukup dan apa namanya boleh memadai untuk apa er… mereka belajar dan melaksanakan aktiviti-aktiviti pendidikan di sekolah KAFA berkenaan. Mengenai guru, guru telah dilan…dilantik lebih daripada keperluan yang sepatutnya yang ada.

YB DATO JASRI BIN JAMALUDIN

Boleh mencelah?

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

KAFA, ya…sila, sila.

YB DATO JASRI BIN JAMALUDIN

Er…pemindahan yang di surau itu adalah penye… penyelesaian sementara apabila kita telah berbincang dengan Jabatan Agama Islam Maran.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih. Untuk mendapat bangunan yang baru pihak pentadbiran sekolah ataupun JKK ataupun apa Pejabat Agama boleh membuat permohonan kepada JAKIM dan Majlis Agama supaya dapat membina bangunan baru sebagaimana

sekolah-sekolah KAFA yang lain. Tetapi benda ini memerlukan kepada proses dan waktu supaya peruntukan itu dapat diturunkan oleh pihak JAKIM kepada Kerajaan Negeri dan kita akan bersedia untuk melaksanakan bangunan yang baharu.

Yang Berhormat er… Yang di-Pertua Dewan,

Merujuk kepada persoalan daripada sahabat saya, Chenor er… tentang membangkitkan isu er… masalah akaun masjid beku. Kalau sahabat saya, ADUN Chenor tak boleh bantu bawa pengerusi surau dan masjid itu ke bank, saya akan suruh Jabatan Agama pergi. Kalau Jabatan Agama tak nak pergi, saya pergi ni esok. Bawa pengerusi masjid itu pergi berpakat dengan pegawai bank. Saya pun pelik juga apa pasal pengurusan masjid ini sampai ini silap… silap surau dia ni pun beku agaknya.

Jadi, apa itu pun heran bin ajaib. Tak sewajarnya sebagai pentadbiran kampung yang ada sampai jadi begitu. Tetapi insya Allah dengan berkat kerjasama kita minta Pejabat Agama dan rakan-rakan di Chenor untuk pergi tengok dan bantu. Sahabat saya daripada Chenor juga bertanya tentang status pembinaan asrama sekolah agama Chenor. Kita bukan nak bina sekolah agama Chenor sahaja.

Kita ada Sekolah Agama Al-Ihsan, kita ada Sekolah Agama Guai, kita ada Sekolah Agama Pulau Tawar dan kita ada Sekolah Agama Padang Tengku dan kesemua ini telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang untuk dibina asrama dan Guai untuk dibina apa namanya Dewan Makan. Insya Allah apa namanya proses-proses untuk pemindahan telah mula dilaksanakan. Paling lewat akhir tahun, kita harap tidak akhir tahun. Dalam bulan 10 ke bulan 11, kerja penyerahan projek kepada kontraktor-kontraktor yang telah dikenalpasti oleh pihak JKR dapat dilaksanakan maklumlah Jabatan Agama tidak ada kepakaran untuk menyediakan apa pelan, nak menyediakan siapa orang yang boleh, siapa orang yang tak boleh. Kita tak kenal.

Jadi JKR yang akan bantu Jabatan Agama insya Allah, mudah-mudahan terdirilah asrama itu sebagai mana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang. Juga dipersoalkan oleh Chenor tentang status Masjid Chenor, Masjid Chenor tetap masjid daerah sebagai mana yang telah diluluskan oleh kerajaan negeri semenjak dulu lagi. Bahkan kerajaan negeri telah meluluskan Masjid Lama Lipis dijadikan masjid sejarah dan masjid daerah. Dia asalnya masjid negeri. Dan juga Masjid Koyan dan Masjid Benta serta Masjid Jengka sebagai masjid daerah juga, Dato' Sri Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Merujuk kepada persoalan yang dibangkit oleh Bukit Ibam. Tentang Tok Imam ni.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN

Boleh dapat penjelasan sikit?

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Sila-sila.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN

Saya mengalu-alukan jawapan yang telah dikemukakan. Cuma saya tengok apakah sebab satu daerah itu kadang dua atau tiga yang diisytihar sebagai masjid daerah. Jadi apakah memang statusnya begitu ataupun memang hanya satu daerah itu satu masjid daerah. Sebab saya lihat macam contoh Jengka, kita ada dua masjid daerah. Masjid lama itu diistihar sebagai masjid daerah, kemudian masjid baru pun diisytihar sebagai masjid daerah. Benta pun sama. Di Lipis masjid daerah, kemudian di Benta pun diisytihar sebagai masjid daerah. Apakah ini memang kelaziman biasa ataupun ada minta penjelasan sikit.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih Dato' daripada Cheka yang menyoalkan tentang kenapa setengah daerah ada dua…ada tiga. Sebenarnya, kita sedang usaha untuk meningkatkan masjid ini daripada masjid kariah kepada masjid daerah. Berdasarkan kepada keupayaan dan kemampuan kita dari semasa ke semasa. Tidak mestinya daerah ini kena ada dua, daerah itu kena ada tiga, daerah ini kena ada satu saja. Kita konsisten, istiqamah untuk menaiktaraf masjid ini dari semasa ke semasa. Insya Allah berkat kerja kuat Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita, dan rakan-rakan EXCO dan dokongan ahli-ahli Dewan semua, mungkin banyak lagi masjid yang kita akan naiktarafkan. Dato' Sri Yang di-Pertua, merujuk kepada sahabat saya daripada Bukit Ibam yang menanyakan tentang elaun, Guru KAFA yang katanya diumumkan untuk naik RM100.00. Memang benar, ini yang telah diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan baru baru ini. Kalau tak silap, pada Februari yang lalu.

Jadi untuk menguruskan apa namanya pembayaran ini tidaklah semudah itu. Saya rasa Kerajaan Persekutuan mengambil sedikit masa dan ruang. Kita tunggu jelah. Bila dia *transfer* nanti kepada Pejabat Kewangan Negeri, pegawai Kewangan Negeri tidak akan peram dan jadikan duit itu tapai. Insya Allah akan di*transfer*kan secepat mungkin. Dan kami ini kalau boleh maknanya, kata ada je, kun je, faya kun selalu. Maknanya sampai saja duit itu terus kita *deliver* kepada dengan izin kepada Guru KAFA yang selayaknya menerima itu insya Allah, dan juga...

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, minta gulung ya Yang Berhormat.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Gulung ya. Saya baru bentang. Minta maaf, Yang Berhormat Yang di-Pertua. Saya berusaha untuk cuba gulung. Cuma sahabat saya daripada Ibam ini juga bertanya tentang imam-imam masjid yang surah yang bertaraf. Imam-imam surau yang menunaikan Sembahyang Jumaat. Boleh tak diberi elaun? Boleh. Tapi dengan syarat jawatankuasa masjid surau itu memohon surau dia itu untuk dinaiktaraf jadi masjid… buatlah kerja sikit, buat permohonan melalui pejabat agama pejabat agama…naikkan ke apa?

Naikkan kepada jabatan, jabatan akan bawa kepada mesyuarat Jawatankuasa Syariah yang dipengerusikan oleh Mufti, kita minta Mufti cepatkan kelulusan itu, imam tu bolehlah kita syorkan kepada kerajaan persekutuan untuk diberikan elaun sebagaimana imam yang lain. Banyak lagi ni, saya rasa yang tercicir yang tertinggal tu saya akan jawab secara bertulis, saya minta maaf kepada rakan-rakan dewan

bukan saya tak nak bermalam di Mina ataupun di Muzdalifah tapi apakan daya Dato' Sri Soffi dah mengasah parang jadi kita apa-apa, Yang Berhormat Benta saya...

YB DATO' MUSTAPA BIN LONG

Speaker, saya minta sikit laluan ni *sorry*lah ke Mina ke dan sebagainya…tadi saya ni bukan saya baru rujuk saya keluar tadi saya rujuk dengan Pengetua tentang isu guru ni…kita bukan bertujuan untuk mempertikaikan jabatan tapi sebagai penduduk ataupun wakil rakyat di situ saya perlu ambil perhatian ni. Memang guru yang keluar di Padang Tengku ni 6 orang digantikan dengan 4 orang sebagaimana disebutkan oleh EXCO tadi, tak termasuk guru Bahasa Inggeris yang dipaksa mengajar ni guru Matematik dan Sains paksa mengajar Bahasa Inggeris sedangkan guru yang diambil tu guru Bahasa Inggeris digantikan dengan guru Bahasa Arab, jadi saya nak minta sekejap dah saya nak minta tolong kalau kita tukar.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Saya yang membenar ke? ada yang membenar ni…Yang di-Pertua.

YB DATO' MUSTAPA BIN LONG

Tak, saya yang membenar saya suruh saya nak sampaikan laporan yang baru dapat tadi...

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, Yang Berhormat minta ahli dari pihak.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Saya faham Dato', isu yang dibangkit Yang Berhormat Yang di-Pertua oleh ADUN Padang Tengku iaitu kekosongan guru Bahasa Inggeris, guru Bahasa Inggeris telah diganti, dia mengajar 2, 3 subjek itu biasa, saya pun pernah jadi cikgu…saya ajar Tauhid, Adab Dan Nusus itu mata pelajaran sastera Klasik Arab saya pernah juga mengajar mata pelajaran Fiqah itu pelajaran yang berkaitan dengan hukum syarak berbeza langsung dan pengetua saya tu dalam waktu yang sama suruh juga saya mengajar Bahasa Melayu saya ajar juga, ramai yang dapat kreditnya, alhamdulillah.

Jadi cikgu ni dia tak bolehlah kerana dia ni apa tadi bidang yang utama dia Sastera Klasik Islam ataupun Sastera Klasik Arab, maka dia tak nak mengajar Fikah, dia tak nak mengajar Tauhid. Saya ni guru ni tak boleh begitu…kita sebagai seorang yang telah menandatangani untuk menerima apa-apa perjawatan sebagai guru kita sanggup untuk menerima sesuai dengan apa yang diarahkan oleh pihak pentadbiran sekolah itu apa pengetua itu sendiri dan kalau pengetua itu rasa guru dia tidak berkelayakan dengan mengajar tak mampu dia boleh buat laporan kepada Pengarah Jabatan Agama Islam dan Ketua Penolong Pengarah Jabatan Agama Islam bersedia untuk mendengar apa rungutan yang sepatutnya dibantu, insya-Allah.

Dato' Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan, saya dengan kata-kata itu sebagai rakan-rakan yang lain, ingin mengucapkan setinggi-tinggi menjunjung kasih, kesisi Kebawah Duli Tuanku, di atas titah perasmian dan juga meny…

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Ada sikit dari Jengka. Boleh ya. Saya dapat maklumat, imam di surau kebenaran Jumaat ni tiada elaun langsung. Berbanding dengan imam di Masjid Kariah, dapat elaun RM850.00. Bilal RM300.00, Siak RM300.00. Adakah kerajaan negeri bercadang untuk menaikkan?

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Sebagaimana saya sebut, imam ni dia boleh mohonlah, kalau dia tak mohon dia tak dapat dan dia kena maklum ke pejabat agama dia boleh dapat elaun sama ada Imam Masjid Kariah ataupun Imam Masjid Solat Jumaat…tetapi yang saya fahamkan persoalan yang dikemukakan oleh rakan saya daripada Bukit Ibam, dia mendapat elaun sebagaimana apa namanya er... imam-imam lain. Jadi itu saya beri keterangan. Dia kena naik taraf sebagaimana imam masjid eh...surau dia kena dinaik taraf sebagai masjid naik, surau dia kena dinaik taraf sebagai masjid, insya-Allah kita bantu. Selagi mana di atas nama surau, pihak JAKIM dasar dia begitu.

Dia tak bayar kepada imam surau jadi kita pakatlah supaya ahli kariah itu, Tok Empat, Pengerusi Masjid buat permohonan kepada Jabatan Agama untuk dinaik taraf surau dia kepada masjid, mudah sangat bendanya. Er... hantar ke Kadi, Kadi angkat kepada bahagian pengurusan masjid, Bahagian Pengurusan Masjid kemukakan ke Jabatan Mufti untuk dibawa dalam Mesyuarat Jabatan Syariah dah dilulus, ditauliahkan oleh Majlis Agama Islam di dalam mesyuarat yang dipengerusikan oleh Kebawah Duli Tuanku kemudian terus dia... apa... dia diiktiraf sebagai masjid dan boleh dapat elaun, insya-Allah.

YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

Minta laluan er…Timbalan Yang di-Pertua, er… maksud saya Yang Berhormat ialah er… bagaimana elaun untuk imam er...bilal untuk masjid qariah er...jadi mohon juga untuk diberikan elaun kepada surau kebenaran masjid. Mereka telah dibenarkan untuk apa ni... dinaik taraf daripada surau biasa kepada surau yang solat...solat jumaat er... cuma setakat ini pihak er... tidak ada elaun untuk mereka, jadi itu maksud saya.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Ya…ya boleh kita ubah dulu nama surau itu jadi nama masjid. Tapi yang boleh mengubahkan dan mengiktirafkan dia sebagai masjid, Jabatan Mufti. Itu... itu prosedur yang tak dapat saya nak lari dah, yang ditetapkan. Jadi saya rasa jadilah tanyanya. Saya apa namanya... Bukan Dato' Sri Soffi hari esok, kita ada lagi RUU... Yang Amat Berhormat nak menggulung. Jadi apa namanya, apa yang kita boleh bincang di belakang yang tak... tak cukup dan yang saya tak jawab, kita jawab secara bertulis. Dengan itu, saya Wakil daripada Kerdau ingin merafak sembah menjunjung kasih di atas keberangkatan Kebawah Duli Tuanku dan juga er... menyokong di atas titah perasmian Kebawah Duli Tuanku Pemangku Raja Pahang. Sekian wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima EXCO dari Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa dan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang. Seterusnya saya ingin menjemput er…Ahli EXCO yang terakhir pada sesi petang ini iaitu Yang Berhormat EXCO Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan Negeri Pahang, sila.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Assalamualaikum WBT, salam sejahtera selamat petang [Bacaan ayat al-Quran]

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Pertama sekali saya merakamkan setinggi penghargaan kerana mengizinkan saya untuk terlibat sama dalam penggulungan... sesi penggulungan bagi Pihak Kerajaan yang selaras dengan Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Sempena Istiadat Pembukaan Penggal Ke-2 Dewan Undangan Negeri Pahang Ke-15 pada 8 Mei 2023 bersamaan 17 Syawal 1444 Hijrah. Alhamdulillah, Kebawah Duli Tuanku dalam Titah Ucapan Baginda telah menyentuh banyak aspek.

Kalau kita lihat misalnya contohnya dari segi teks ucapan Tuanku mengikut nombor siri mencakupi seluruh aspek kehidupan. Dan er...kesemuanya kalau ikut para perenggan ni ada 91 para...*paragraph* ataupun perenggan kerana ini saya menarik perhatian, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sahabat-sahabat saya ada menyentuh mengenai…memang menyentuh mengenai titah ucapan dan merujuk perenggan-perenggan di mana Kebawah Duli Tuanku bertitah secara dasarnya er... dan juga rakan-rakan satu kepimpinan mengambil maklum Titah Ucapan Tuanku yang amat prihatin untuk memastikan kemajuan pembangunan dan kemajuan Negeri Pahang Darul Makmur ini terus dapat dirancang, dirangka dan dilaksana dan dibangunkan er...dengan penuh ketelitian dan insya-Allah memberi manfaat, kesejahteraan kepada masyarakat, rakyat jelata yang ada di negeri Pahang ini, insya-Allah junjung titah Tuanku.

Dalam konteks ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi penghargaan kepada Ahli-ahli Dewan Yang Mulia ini yang telah terlibat sama dalam perbahasan mahupun yang ingin menyatakan soalan-soalan lisan. Pada hari kedua hinggalah pada hari ini, insya-Allah dan…insya-Allah pada hari esok ada lagi iaitu YB Luit, YB Cheka, YB Lepar, YB Pulau Manis, YB Tras, Lanchang, Inderapura, Sabai, Chini, Tahan, YB Tanah Rata, Padang Tengku, Tioman dan juga Jenderak.

Saya kalau nak memperjelaskan nak mengulung ni Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mengangkat ni ada dua, tiga siri. Saya ingat tak panjang mungkin dua jam [Ahli Dewan ketawa] tapi saya melihat raut muka wajah masing-masing tu, jam dah 5.35 kalau 25 minit pukul 6, kalau 40 minit jauh melampaui pukul 6…jadi saya akan cuba nak ringkaskan macam mana caranya yang itu yang saya tengah berfikir tadi.

Duduk di luar macam mana caranya nak supaya saya dapat menjawab dan pada masa yang sama dapat memperjelaskan perancangan, dasar dan pendekatan Pihak Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam mentadbir negeri. Dan saya merasakan Ya Allah Ya TuhanKu, suasana yang ada ni cukup harmoni. Masa perasmian Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kita dengar titah, kita sama-sama mengikuti bersama majlis perasmian. Kemudian masuk ke dalam Dewan Yang Mulia ini, dengar Titah Tuanku.

Kemudian kita bergambar bersama-sama. Kemesraan itu cukup ampuh. Dan kita berbahas di sini secara serius sebab kita nak bawa isu-isu kepentingan rakyat jelata di dalam Dewan Yang Mulia ini. Kemudian kita keluar minum bersama…dia tak ikut kluster. Yang Berhormat Dato' Sri panggil ke bilik. kesempatan... ke bilik kamar Yang Amat Berhormat Dato' Sri sebab... sebenarnya Yang Amat Berhormat Dato' Sri kalau boleh nak panggil semua itu Dato' Sri... Kalau boleh hari-hari tapi apakan daya, bilik

itu kecil tapi tak tahu Yang Berhormat Dato' Sri kalau nanti bangunan baru tu, besar sikit kamar Menteri Besar itu. Jadi dapat mungkin boleh muatkan.

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Dato' Sri Speaker, saya ingat Benta mukadimah 5 minit saja…terus *go to the point* dengan izin…

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Sabarlah Jengka, saya ni tadi saya tak kacau pun Jengka. Tak saya nak maklumkan bahawa saya hari ni…

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, YB Jengka boleh bawa kereta tak? Pandai bawa kereta yang pakai gear? Dulu sebelum ada yang automatik ni kita pakai gear. Kalau kita bawa kereta tu, kita pergi tekan gear 5 apa jadi? Yang Berhormat daripada Benta macam tu juga. Dia kena masuk gear 1 dulu, gear 2, gear 3. Jarang yang pergi-pergi terkam terus macam tu. Terima kasih.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ADB RAZAK

Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Sri, saya nak menggambarkan kita berada dalam Dewan ni dalam keadaan yang harmoni ni. Yang Amat Berhormat panggil, jemput makan, sambil kita bincang. Kita bincang mengenai masalah masyarakat. Bukan semata-mata di dalam Dewan ini sahaja. Keluar pun dan masa permainan boling, ada rakan yang bila menang *"give me five"* [Ahli buat aksi tangan] Macam ni lah. Boleh? Haa... maknanya seronok. Maksud saya di sini ialah tidak ada suasana toksik dalam Dewan Yang Mulia ini. Sebab kita merupakan Ahli Dewan Yang Mulia yang bertanggungjawab, kerana kumpulan sasar kita ialah rakyat jelata.

Yang ini, yang pentingnya seperti mana saya bangkitkan pagi tadi, masalah nak tanda tangan borang. Kalau tak tanda tangan, tetapi yang dapat itu adalah anak buah kita, mereka yang layak, dapat. Itu yang pentingnya. Bukannya yang sebenarnya prosedur itu, maksud saya. Sebab itu dalam konteks seumpama ini, tadi saya berjumpa dengan rakan-rakan, ADUN Tahan, hah ni dia, *hello, hello, bye, bye*, gitu je. Suasana itu elok.

Yang mana boleh kita bantu, kita bantu dan inilah yang sebenarnya yang ditekankan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar. Saya ini, kiranya saya ingat dari segi Dewan, saya yang paling otai sekali. 6 penggal saya ni, 5 penggal sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Wakil Kerajaan tapi saya teringat ada seorang sahabat saya arwah Dato' Ishak Ismail daripada Seremban. Dia kata sembelih ayam ni, sebenarnya sekali saja. Sembelih ayam 2 kali hukumnya haram.

Jadi saya sekali lagi sebut, saya 6 kali nak kena sembelih tapi alhamdulillah lah ya… manusia merancang, Allah merancang. Saya ada di sini dan saya tak ada masalah sebab dulu saya pernah menjadi pemain bola sepak. Di gelanggang kita lawan sungguh-sungguh tapi di luar gelanggang kita bersalam kerana kita membawa misi yang sama kesetiaan kepada entiti yang kita bawa.

Pada hari ini, kebetulan insya-Allah, mudah-mudahan berterusan ya Dato' Sri, saya mewakili pihak kerajaan dengan membantu Yang Amat Berhormat Dato' Sri sebagai peneraju Menteri Besar dan rakan-rakan saya sebarisan ini, 10 orang di kalangan

kami bercerita, bincang, bagaimana kita nak bantu rakyat jelata. Bagaimana kita nak bantu mereka yang memerlukan waima daripada anak yang sekecil-kecil bayi hinggalah warga emas yang tua tak ghut, tak mampu malahan kalau kita senaraikan, bantuan yang kita bagi itulah yang selalu kita ungkap sebenarnya daripada sebelum lahir.

Maknanya kalau kita ambil... katalah kita ambil daripada kahwin, kahwin tu kita... kemudian bila lahir anak itu, anak tu kita bagi. Bila masuk sekolah darjah satu, kita bagi bantuan. Kemudian kalau dia masuk sekolah menengah, kita bagi bantuan biasiswa sekolah, biasiswa sekolah rendah, kita bagi. Bantuan awal kita bagi, biasiswa sekolah rendah kita bagi untuk Tahun 4 hingga Tahun 6.

Biasiswa sekolah menengah kita bagi, malahan kita bagi Pahang Pride Student, Kad Diskaun, tak pernah buat Kad Diskaun tu, RM100.00, pergilah. Mungkin bagi kita sikit tetapi sebenarnya bagi pelajar dan juga keluarga yang memerlukan ini ianya merupakan satu bantuan yang cukup-cukup bermakna. Malahan golongan warga emas bila kita ada kad prihatin, Pahang Pride Kasih yang RM500.00 ni nilai tu, kalau kita pergi ke hospital kita menunggu maklum saja orang ramai, yang itu tak perlu kita pergi ke klinik dan bilnya dihantar kepada pihak kerajaan negeri. Idea ni bukan idea... idea daripada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar. [Ahli Dewan menepuk meja].
Kalau kita kumpulkan semua sekali tu, percayalah, tak percaya kita pergi. Pergi tiap-tiap kawasan DUN kita termasuk rakan-rakan saya yang tidak sebarisan dengan kami di sini, memang tetap ada dan kita tidak mengambilkira sama ada pelajar atau mereka yang perlu diberi bantuan ini terdiri daripada mereka yang penyokong dari mana-mana parti, bukan begitu. Ini tidak pernah kita ungkitkan begitu sebenarnya. Sebab itu apabila Kebawah Duli Tuanku bertitah, saya yakin Tuanku bertitah tu kerana sayang kepada rakyat jelata.

Dan insya-Allah Yang Amat Berhormat Dato Sri pun sendiri telah bersetuju kita akan beri tumpuan kepada permasalahan masyarakat. Ini janji kita, ikrar kita, wa'ima di Jengka pun, misalnya contohnya kita akan bagi bantuan…betul *brother, you and I* kata orang putih *i love you, i hate you*, serupalah suami isteri, *love and hate* ni biasa. Betul tak? Contohnyalah 'ahlan wa sahlan'.

Jadi dalam konteks seumpama ini, saya mohon kalau boleh maknanya, bangkitkan, apa masalah misal contoh Luit kalau ada masalah? Jumpa dengan Yang Amat Berhormat Dato' Sri. Seingat sayalah permasalahan masyarakat ni, saya di Kawasan Benta, saya di Kawasan Benta tu, saya bagi contoh lah... kali ini saja saya menang 1521. Dulu paras ini jer [Ahli tunjuk jari dekat hidung].

Last election dengan izin Tuan Yang di-Pertua, PRU Ke-14 saya menang 340 makna ramai orang benci ke saya. Ramai orang tak suka ke saya, yang sukanya lebih sikit 340 tapi saya tak pergi keluar parang, asah semua, pancung mana yang tak suka ke saya. Dia ajak saya pergi, dia peluk kita peluk, tak pernah. Ini pengalaman sayalah, tak pernah kalau dia sakit kita jaga. Kita tahu dia memang dulu kuat dia, Bilik Gerakan kan... tak pernah, begitu juga Yang Amat Berhormat Dato' Sri.

Mencelah sikit. Orang Benta sebenarnya tak benci ke Dato' Sri. Tak ada, saya tanya tak benci, cuma dia tak mengundi jer. [Ahli Dewan ketawa]. Cuma satu saya nak tambah sikit, kita sebenarnya menaruh harapan tinggi kepada pihak kerajaan ini, bukan sekadar membantu rakyat. Tapi kalau boleh lebih tambah DUN, kita bersama insya-Allah. Kita memang nak bersama-sama membantu. Tambah DUN kecil pun tak apa. Makna ada peradaban, ada penghargaan negeri masa akan datang. Terima

kasih.

Itu sebab saya tengok, terima kasih rakan daripada Luit. Kalau kita boleh bercakap, dia orang kata begini, *as long as you can talk*. Selagi kita boleh bercakap, *it's a good sigh*. Makna kalau kita tak bersapa, bergurau-gurau biasa itu, yang itu *problem. Don't close the door*, kita jangan tutup pintu perundingan, *never*. That is orang kata pra syarat dalam kita berunding. Dia macam mana pun, Israel dengan Palestin, mesti bong... bang, bong... bang. Selagi ada ruang untuk berunding itu, insya-Allah. Yang ini, saya terpaksa cakap begini, kerana untuk memberi penjelasan, tidak ada langsung usaha untuk memangsakan mana-mana pihak, di mana-mana juga.

Malahan kalau saya lihat, misalnya contohnya, rakan saya daripada Beserah, tak ada di sini. Tahun 2019, masa itu, rakan ataupun nelayan-nelayan datang berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Dato' Sri, bercakap mengenai susahnya nelayan ini tadi nak masuk ke... nak pergi ke pantai kerana dia tohor kan, terpaksa tarik, menggunakan pelbagai kaedah. Yang Amat Berhormat tanya bagaimanakah kaedah yang paling baik sekali? Traktor dia orang kata. Yang Amat Berhormat Dato' Sri luluskan 4 buah traktor, 2 di kawasan Beserah. Beserah sendiri 2. Padahal kalau kita ikut YB Beserah ni kita tahulah daripada parti pembangkang, tapi tak pernah kita buat begitu. Bagi 2 biji. Kita bagi lagi.
Di Kuantan, misal contoh di Kawasan Tanjung Lumpur sendiri pun kita bagi bantuan. Itu sebagai contoh.

Dan bila bertemu dengan Yang Berhormat Dato' Sri, yang dana yang dikawal kita bagi bantuan baik yang *end up* sekolah, baik yang sakit, sakit kronik. Insya-Allah, jadi ini penting supaya kita dapat sembah maklum kepada Kebawah Duli Tuanku. Tidak ada elemen-elemen memangsa, *victimization* dengan izin *there is no such thing as that*. Supaya gambaran ini dapat difahami (BPP) Bantuan Prihatin Pahang adalah satu bantuan yang cukup unik. Saya biasa juga pergi ke Kuala Krau itu sampai kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, boleh cakap Kelantan "mana demo, mari bila wei, orrr…gi Dataran Mara...Mara makan colek.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Ini...ini Ahli Parlimen, sahabat saya Ahli Parlimen Kubang Kerian. Yang unik di sini kerana sahabat saya Yang Berhormat Cheka ini dia boleh mengalami dua keadaan. Ikhlasnya sebagai Ahli Parlimen Kubang Kerian...Kubang Kerian ya, Dato' Sri ya, Kubang Kerian. Sudah tentu Yang Berhormat dapat rasai bagaimana pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Kemudian sebagai ADUN Cheka, tentu dapat rasa macam mana keadaan pentadbiran…Kerajaan Negeri Pahang. Saya sampai singgah di Lapangan Terbang Kota Bharu ada seorang anak muda, nama dia Syakirin. Saya telefon dia, "Syakirin, saya tak kenal." Saya naik itu saya borak dengan dia. Dia mencerita masalahnya. "Duduk dengan siapa?" dengan ayah. Bila saya bercerita tentang bagaimana kita paham menangani ini, masalah-masalah.

Kita ada (STR) Skim Tanah Rakyat, Skim Tanah Wawasan, kita ada PR1MA, kita ada Makmur, Perumahan Makmur. Kita ada (RRP) Rumah Rakyat Pahang, masya-Allah. Anak-anak muda sebenarnya berkeinginan untuk mengecapi perkara ini. Sehingga alhamdulillah ADUN Cheka ada di sini, tolonglah bawa kepada Kerajaan-Kerajaan Kelantan. Mungkin kita boleh…boleh laksanakan perkara seumpama ini. Hok mana

yang baik itu kita terima. Mana yang tak baik itu kita ketepikan dan kita perbaiki. Mungkin ada contoh yang di Kelantan yang baik kita gunakan. Itu maksud saya tadi.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Err...terima kasih. Saya cadang nak tanya dua soalan tadi. Yang pertama berapa soalan EXCO perlu jawab masa kita panjang sebab saya kebetulan ada *appoinment* lain dalam waktu yang dijadualkan bila tamat. Terima kasihlah pandangan saya, saya lihat bahawa kita, kita harus menghargai mungkin apa yang kita buat adalah satu usaha yang baik. Saya dengan Yang Berhormat Menteri sebenarnya sama-sama *senior*, sama-sama tahun 1999 saya dengan termasuk Tuan Haji Yang Berhormat *Speaker*.

Saya lihat bahawa usaha-usaha yang kita buat ini, kita *combine* bersama untuk melihat nilai-nilai yang baik tadi. Nilai baik yang kita boleh kongsi, kita *share* bersama. Nilai yang tak baik, kita sama-sama cuba atasi. Itu sikap yang kami bawa pada sesi ini dan sebelum ini pun. Insya-Allah usaha baik itu kita akan bersama-sama mendukung. Terima kasih Yang Berhormat.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Terima kasih. Saya bangkitkan ini kerana media, dia buat viral seolah-olah Barisan Nasional, kepimpinan kerajaan perpaduan, BN dan PH ini, dianggap sebagai menderhaka pada titah Tuanku. Ini maksud saya, sebenarnya saya yakin Kebawah Duli Tuanku amat prihatin inginkan rakyat jelata tidak dimangsakan. Itu yang maksudnya di sini dan di*highlight*kan di sini ialah peruntukan mesti dibagi secara sama rata. Yang ini saya bangkitkan, itu yang saya maklumkan tadi. Ada 91 para…para yang ada di sini. Titah Tuanku ini ada 91 perenggan merangkumi pelbagai. Simbiosis Tuanku titahkan, kita minta kaki tangan kerajaan, perusahaan kolaborasi. Ya ini bagus.

Tapi janganlah pula bila bangkit tu, bila dalam tu, kita menyokong. Jadi, seolah-olah, kalau tak dilaksanakan, maka kami menderhaka. Nauzubillah amin zalim tidak begitu. Minta ampun Tuanku. Maksudnya sebab itu dalam konteks umpama ni mungkin tak ramai yang berani bersentuh mengenai isu ini tapi saya ini sebagai orang tualah sini, saya cakap ni, saya menyeru. Kita *sit down, go and play*. Kita main bola, kita membola sama kita. Biar kita main bola sama kita. Tak payah kita *we are here, well enough*. *You fight through,* kita *argue* dengan izin kita berbahas, kita bangkit ni. Saya yakin nak bangkit soalan ini soalan ni boleh bangkit.

Saya yakin kalau kita dah tak ada di atas bumi ini, masalah rakyat ini tetap ada. Saya selalu bangkitkan, Tuan Yang di-Pertua, saya umur enam puluh...enam tahun, arwah ayah saya dah jadi Ahli Parlimen Lipis. Sekarang saya berumur mencecah enam puluh enam tahun, *sixty years*...masalah masih lagi ada dan masalah ni bukan zaman kita saja. Zaman mula Nabi Allah Adam. Manusia ini memang bermasalah sebab itu dia perlukan pemimpin dan kitalah di antara pemimpin yang telah terpilih untuk menangani masalah ini.

Bukan hanya bahu ini terletak atau berat beban amanah ini terletak di bahu Yang Berhormat Dato' Menteri Besar itu dah sebabnya saya terpaksa bercakap perkara ini. Sebab saya kalau nak sentuh mengenai perkara yang dibangkit ini, saya boleh maklumkan memang perancangan. Saya EXCO Pertanian terima kasih, Yang Berhormat Dato' Sri bagi jawatan apa nama ini, EXCO Pertanian dan sekarang ini Pendidikan.

Bila bercakap mengenai pendidikan sebenarnya Yang Berhormat daripada Kerdau sahabat saya lama dah dalam bidang ini. Apabila VC datang menjumpai saya, sebab pendidikan termasuk Institusi Pengajian Tinggi, dia maklumkan saya apakah arah pandu, *what is your direction* untuk digunakan sebagai asas, saya telah maklumkan ada sebuah universiti (UNiPSAS) Universiti Islam Pahang Sultan Haji Ahmad Shah. Perjalanan universiti ini cukup hebat, daripada hanya Kolej KIPSAS bergerak akhirnya menjadi *full flesh university* dengan izin.

Dan semua yang terlibat, daripada pemimpin dulu hingga pemimpin sekarang dan Almarhum Kebawah Duli Tuanku Sultan Haji Ahmad Shah Al Musta'in Billah terlibat sama disusuli oleh Kebawah Duli Tuanku sekarang ini.

Saya maklumkan kepada *(VC) Vice Chancellor* mudah saja. Oleh kerana nama Universiti ini Universiti Islam Pahang Sultan Haji Ahmad Shah. Telefon ini barang aneh. Kalau dia tertinggal di kampus Universiti Islam Pahang Sultan Haji Ahmad Shah tinggal di situ seminggu, kita datang semula. Telefon tak ada di situ. Kenapa saya sebutkan begini, saya mohon maaf sahabat-sahabat. Kalau di *Germany*...Jerman, kita pergi ke Jerman, kita tertinggal barang dia tak akan hilang. Dia akan ada di balai polis, kita pergi situ insya-Allah akan ada. Kalau kita laluan yang kita lalu itu, kita tertinggal barang, dia akan sangkut laluan yang kita lalui. Itu maksudnya, jadi saya katakan kalau boleh dalam kampus UNiPSAS ini sendiri kita mengamalkan begitu. Alhamdulillah, *because* yang *detail* itu dengan izin. Pensyarah dia tahulah, nak bagi ilmu teras itu. Tetapi budaya itu supaya apabila mereka dewasa, mereka akan menjadi ahli masyarakat yang hebat. Kalau dia jadi Wakil Rakyat, bertamadun, madani. Ini maksud saya pen*detail* lan itu diteruskan.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat minta gulung ya.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Saya nak gulung ini sebab saya dah tengok pukul 5.57 pm, pukul 6.00 ramai kawan-kawan saya apalah ini orang tua ini cakap. Misi dalam mengutuk ini kakitangan kerajaan. Saya nak beri maklum, saya takut terlupa. Pertama sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya merakam setiap penghargaan kepada anggota barisan perkhidmatan.

Kalau boleh dalam kampus UNiPSAS ini sendiri kita mengamalkan begitu. Alhamdulillah, *because* yang *detail* itu dengan izin pensyarah dia tahulah 5 teras tu, tetapi budaya itu. Supaya apabila mereka, dewasa, mereka akan menjadi ahli masyarakat yang hebat. Kalau dia jadi Wakil Rakyat, bertamadun, madani err... apa maksudnya itu. Pen*detail* lan itu diteruskan.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat mintak gulung ya.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Saya hendak gulung dah ni. Sebab saya dah tengok pukul 5.57. Pukul 6.00 ramai kekawan apalah orang tua ini bercakap. Tidak jelas dalam kakitangan kerajaan saya nak bagi maklum, takut terlupa. Pertama sekali, Tuan Yang di-Pertua. Saya merakam

setinggi penghargaan kepada anggota barisan Perkhidmatan Awam. Mereka tidak ada ruang untuk membela diri. Kalau kita bangkit sini kita kata mereka tak boleh berjawab. Tak boleh nak bangun…tiba CEO PAIP tiba-tiba nak bangun, tak boleh. Ataupun Pengarah Pertanian nak err…tak boleh. MBK tak boleh, Datuk Bandar duduk geram nak terkam, tak boleh. Dato' DO-do ni daripada jauh dating…tinggal suami, tinggal isteri tak boleh. Kita bagi penghormatan 1 tepukkanlah kepada semua kakitangan. (Ahli Dewan menepuk meja)

Begitu juga mereka yang di belakang tabir. Yang duduk nak siapkan kita punya *handsard*, hendak sediakan jawapan-jawapan bertali arus yang saya hendak merakamkan penghargaan. Yang ini saya nak merakam penghargaan tapi istimewanya sahabat-sahabat sayalah barisan Kerajaan, Ahli-ahli *backbencher* pengerusi *backbencher* Dato' Sri Jo dan juga rakan-rakan daripada rakan tak jadi. Rakan tak jadi faham, sebab kita ni belum menjadi. Ha…Yang Amat Berhormat Dato' Sri kita belum menjadi. Jadi saya tahu ADUN Beserah dia *very gentlemen*. Sahabat saya daripada Damak, kami ni sepadan aja. Daripada Tahan, daripada Panching dan semua sekalilah. Yang baharu ni saya tak berapa kenal.

Daripada Lepar tu bercakap saya dengar okey. Dahsyat dia punya kiasan terkena pedih macam penumbuk 5 tan. Sampai kata kalau-kalau tak ada tak boleh nak naik kapal terbang balik *powerful* padu, hebat belaka. *So* kita dalam proses mengenali yang mana rakan-rakan yang lama itu saya kenalah jadi yang baru belum mengenali lagi.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, 2, 1 di bawah porfolio pertanian, 1 di bawah portfolio pendidikan. Jadi, kalau kita nak cakap insya-Allah saya boleh teruskan sampai ke Isyak. Tapi, hari ini ulang tahun UMNO. Parti keramat yang telah diwujudkan 11 Mei 1946, saya perlu merakam itu, kerana berdirinya saya dengan Yang Berhormat Dato' Sri pada hari ini ialah kerana wujudnya sebuah parti yang dinamakan sebagai Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu…UMNO, United Malay National Organization yang telah berjasa memerdekakan tanah air. Sebab itu saya kena bagi penghormatan.

Dan saya janji tadi saya berjumpa dengan ADUN Tahan…sahabat saya. Di khabar kekadang saya khabar kita nak bagi jawapan bertulis. Dia mintak kalau boleh tu buat susulan. Yang ini saya nak rekodkan dalam *handsard*. Insya-Allah. Perkara yang dibangkitkan tadi banyak Dato' Sri. Saya tengok pun pening. Jangan kata dasar yang saya membaca pun masak kita. Insya-Allah kalau dibenarkan oleh Yang di-Pertua atau sahabat-sahabat la ke hendak saya jawab juga. Boleh, saya boleh aja jawab di sini tak ada benda tegak aja saya di sini...

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Tapi sekiranya er…saya tanya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak saya ni boleh saya boleh…bagi satu, satu ni dan boleh. Tapi kalau semua sahabat-sahabat semua bersetuju saya menghantar jawapan secara bertulis. Setuju Lepar? Masing masing dah jemu mendengar. Itulah pun. Betul dak. Dia di antaranya cara kita nak jawab, tak menjawab biar sampai oranglah. Kalau boleh tak yang cakap. Ha, itu la yang saya hendak dengar. Dak maksud saya tu begini. Saya kena hormat Yang Berhormat Dato' Sri selaku Presiden UMNO 1, naib presiden err...dia bisik tengok jam tu. Dato' Sri jarang dia nak melenting begitu. Insya-Allah.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Jadi kalau dah setuju Dato' Sri, saya mintak pejabat urus setialah Dewan hantar, pastikan setiap perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan Yang Mulia ini kita kena bagi penghormatan. *Make sure* kita hantar soalan ataupun jawapan bertulis secara tepat. Dan *copy*nya kepada rakan-rakan EXCO termasuk saya sendiri supaya kita boleh buat *follow up*. Boleh begitu ya.

Jadi saya rasa nak ambil kesempatan ini sekali lagi. Menjunjung kasih titah ucapan Kebawah Duli Tuanku Pemangku Raja Pahang dalam Majlis Istiadat Pembukaan Penggal Ke-2 Dewan Undangan Negeri Pahang Ke-15 baharu-baharu ini yang menyentuh semua aspek. Dan insya-Allah, saya dan rakan rakan dan juga Yang Amat Berhormat Dato' Sri selaku ketua akan melaksanakan yang terbaik demi kepentingan negeri dan juga rakyat jelata yang tercinta. Terima kasih. Mohon maaf jika adanya terkasar bahasa dan sebagainya. Saya mahu menyokong dan sekian, wabillah taufik wal hidayah wassakamualaikum warahmatullahi wabarakuh.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih EXCO Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan Negeri Pahang. Baiklah, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita mengucapkan terima kasih kepada 10 Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pihak Kerajaan yang telah memberikan jawapan-jawapan diatas permasalahan yang telah dikemukan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan pihak Kerajaan akan menyambung semula jawapan dan pandangan pada hari esok. Saya akan penempohkan Persidangan pada hari ini dan Persidangan kita akan sambung semula pada hari Jumaat 12 Mei 2023 bersamaan 21 syawal 1444 Hijrah bermula pukul 9.30 pagi, insya-Allah. Sekian terima kasih. Persidangan ditempohkan.

[*Persidangan ditempohkan pada jam 6.06 Petang*]

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL KE-2
DEWAN NEGERI PAHANG
KE-15

HARI KELIMA
12 MEI 2023
(JUMAAT)

KANDUNGAN

HARI KE-5: 12 MEI 2023 (JUMAAT)

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	**KEHADIRAN**	**i - iv**
2	**DOA**	**1**
3	**PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR**	**1**
4	**SAMBUNGAN MENIMBANG USUL MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH DIRAJA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA PAHANG**	**27**
5	**RANG UNDANG-UNDANG**	
	RANG UNDANG-UNDANG. DN 1/2023 & DN 3/2023.	
	RANG UNDANG-UNDANG. RANG UNDANG UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (2023) 2023. DN 1/2023.	
	MEMORANDUM PERBENDAHARAAN TAMBAHAN PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2023. DN3/2023	
	- BACAAN KALI PERTAMA	**40**
	- BACAAN KALI KEDUA	**40**
	- DALAM JAWATANKUASA	**43**
	- BACAAN KALI KETIGA	**44**
	RANG UNDANG-UNDANG DN 2/2023.	
	RANG UNDANG-UNDANG TAREKAT PAHANG 2023. DN 2/2023	
	- BACAAN KALI PERTAMA	**44**
	- BACAAN KALI KEDUA	**45**
	- DALAM JAWATANKUASA	**47**
	- BACAAN KALI KETIGA	**49**
6	**USUL TAMBAHAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DAN PERBEKALAN AIR 2023.**	**49**
	MEMORANDUM PERBENDAHARAAN TAMBAHAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DAN PERBEKALAN AIR 2023. DN 4/2023.	

7	**USUL PELANTIKAN AHLI-AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI BAGI DEWAN NEGERI PAHANG KE-15.**	**54**
8	**USUL PELANTIKAN AHLI-AHLI JAWATANKUASA PERATURAN MESYUARAT BAGI DEWAN NEGERI PAHANG KE-15**	**55**
9	**USUL PELANTIKAN AHLI-AHLI JAWATANKUASA HAK DAN KEBEBASAN BAGI DEWAN NEGERI PAHANG KE-15**	**57**
10	**USUL PELANTIKAN AHLI-AHLI JAWATANKUASA PILIHAN KHAS BAGI DEWAN NEGERI PAHANG KE-15**	**59**
11	**USUL TAMBAHAN SILING PERUNTUKAN NEGERI BAGI PROJEK PEMBANGUNAN DAN PERBEKALAN AIR RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS TAHUN 2021 – 2025 NEGERI PAHANG**	**60**
12	**URUSAN-URUSAN AM**	**62**
13	**PENANGGUHAN**	**63**

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KE-2
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.

Tarikh : 12 Mei 2023 (Jumaat)

Masa : 9.30 Pagi

HADIR:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negeri Pahang
Dato' Sri Haji Mohd Sharkar bin Haji Shamsudin,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang
Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, - **Jelai**
SSAP., SUMW., DSAP., DIMP., SMP., AMP.
EXCO Perancangan, Kewangan, Tanah, Sumber Asli, Tenaga dan Air.
EXCO Pembangunan Ekonomi, Perladangan dan Komoditi.

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ir. Mohd Soffi bin Tan Sri Abd Razak, - **Benta**
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP.
EXCO Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan.

Yang Berhormat Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, - **Kerdau**
SSAP., DIMP., AMP., AMN.
EXCO Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa dan Hal Ehwal Orang Asli.

Yang Berhormat Dato' Mohammad Fakhruddin bin Mohd. Ariff, - **Bebar**
DSAP., DIMP., AMP., AMN., PKT.
EXCO Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan.

Yang Berhormat Tuan. Ir. Razali bin Kassim. - **Muadzam Shah**
EXCO FELDA, Koperasi dan Usahawan.

YB. Dato' Sri Johari bin Harun, - **Pelangai**
SSAP., DIMP., SMP.
EXCO Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar Dan Teknologi Hijau

Yang Berhormat Dato' Mohamad Nizar bin Dato' Sri Mohamad Najib, - **Peramu Jaya**
DSAP.
EXCO Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi Dan Inovasi

Yang Berhormat Dato' Sabariah binti Saidan, DIMP., SMP. **EXCO Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita Dan Keluarga**	-	**Guai**
Yang Berhormat Tuan Fadzli bin Mohamad Kamal, DSM., AMP. **EXCO Komunikasi Dan Multimedia, Belia, Sukan dan Badan-badan Bukan Kerajaan**	-	**Dong**
Yang Berhormat Tuan Sim Chon Siang **EXCO Hal Ehwal Pengguna Dan Sumber Manusia**	-	**Teruntum**
Yang Berhormat Cik Leong Yu Man **EXCO Perpaduan, Pelancongan Dan Kebudayaan**	-	**Triang**
Yang Berhormat Tuan Lee Chin Chen **(Timbalan Yang di-Pertua Dewan)**	-	**Bilut**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Sharif, SSAP., DSAP., DIMP., SMP.	-	**Inderapura**
Yang Berhormat Dato' Abd Aziz bin Haji Mat Kiram , DSAP., DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK.	-	**Batu Talam**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd Johari bin Haji Hussain, SSAP., DIMP., PPA.	-	**Tioman**
Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Long, DIMP.	-	**Padang Tengku**
Yang Berhormat Mohd Sharim bin Hj Md Zain	-	**Chini**
Yang Berhormat Dato' Rodzuan bin Zaaba, DIMP.	-	**Jenderak**
Yang Berhormat Tuan V Arumugam a/l A Veerappa Pillai,	-	**Sabai**
Yang Berhormat Tuan Khaizulnizam bin Mohamad Zuldin	-	**Kemayan**
Yang Berhormat Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji	-	**Tras**
Yang Berhormat Tuan Su Keong Siong	-	**Ketari**
Yang Berhormat Tuan Woo Chee Wan	-	**Mentakab**
Yang Berhormat Tuan Ho Chi Yang	-	**Tanah Rata**
Yang Berhormat Tuan Chan Chun Kuang	-	**Semambu**

Yang Berhormat Dato' Sri Tuan Ibharim bin Tuan Man SSAP., SJMK., DIMP., AMP.	-	**Cheka**
Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Abdul Jabar	-	**Tanjung Lumpur**
Yang Berhormat Tuan Haji Andansura bin Rabu	-	**Beserah**
Yang Berhormat Tuan Mohd Zakhwan bin Ahmad Badarddin	-	**Tahan**
Yang Berhormat Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud	-	**Damak**
Yang Berhormat Tuan Mohd Tarmizi bin Yahaya	-	**Panching**
Yang Berhormat Tuan Mohd Sofian bin Abd Jalil	-	**Luit**
Yang Berhormat Tuan Mujibur Rahman bin Ishak	-	**Chenor**
Yang Berhormat Tuan Shahril Azman bin Abd Halim	-	**Jengka**
Yang Berhormat Tuan Mohd Yazid bin Mohd Yunus	-	**Lepar**
Yang Berhormat Dato' Jasri bin Jamaludin, DIMP.	-	**Kuala Sentul**
Yang Berhormat Tuan Yohanis bin Ahmad	-	**Pulau Tawar**
Yang Berhormat Tuan Mohamad Ayub bin Mat Ashri	-	**Sungai Lembing**
Yang Berhormat Tuan Mohammad Rafiq Khan bin Ahmad Khan	-	**Pulau Manis**
Yang Berhormat Tuan Hasan bin Omar	-	**Lanchang**
Yang Berhormat Tuan Hassanuddin bin Salim	-	**Kuala Semantan**
Yang Berhormat Tuan Nazri bin Ahmad	-	**Bukit Ibam**

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN II PERKARA 11 UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG:

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang,
Dato' Indera Haji Zulkifli bin Haji Yaacob,
SIMP,. DSAP., DIMP., AAP., AMP.

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Pahang,
Dato' Indera Nazri bin Abu Bakar,
SIMP., DSAP., DIMP., SMP.

Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang,
Dato' Saiful Edris bin Zainuddin,
DSAP.

SETIAUSAHA MESYUARAT:

Encik Mohd Zukri bin Sidek, SMP., AMP.

SETIAUSAHA DEWAN

Mesyuarat Pertama Penggal Ke-2 Dewan Negeri Pahang Ke-15 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari : Jumaat, 12 Mei 2023
Bersamaan 21 Syawal 1444 Hijrah

DOA

Bacaan Doa.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Al-Fatihah. [Ayat Al-Quran] Segala puji bagi Allah dibuka Dewan... Mesyuarat Dewan Negeri dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah, Yang Maha Mengasihani, kepada-Nya terpulang segala puji-pujian. Ya Allah yang bersifat Maha Hikmah, limpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas Raja dan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi mentadbir maslahah masyarakat pergaulan. Mudah mudahan sentosa, aman makmur, limpah kebahagiaan meliputi penduduk negeri Pahang ini.

Ya Allah, kami sekian hamba-Mu yang diperkenankan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan, yang terutama bagi negeri ini serta rakyatnya sekalian. Ya Allah berkat-Mu ke atas kami berhimpun, dipohon anugerahkan taufik-Mu, dipohonkan menyuluh, memandukan pada ketika kami berunding, menimbang, bertukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduknya sekalian. Ya Allah, dipohon doa kami diperkenankan. Amin, Ya Rabbal A'lamin.

PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara kedua: Pertanyaan-pertanyaan kepada Menteri Besar.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Assalamualaikum WBT. Salam sejahtera, salam Pahang 1st dan salam Kerajaan Madani. Selamat pagi Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan syukur kepada Allah SWT kerana dapat meneruskan persidangan kita untuk hari yang terakhir ini. Sebelum kita memulakan mesyuarat kita, saya ingin mohon kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengisi borang...Borang Kajian Kepuasan Pelanggan yang telah diedarkan kalau kita tengok di atas meja masing masing. Baiklah dan juga kita akan mengedar buku, *Coffee Table Book* yang dilancarkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang ketika kita mengadakan er...jamuan makan malam, insya-Allah.

Baiklah, terus...saya ingin meneruskan atur urusan mesyuarat kita pada hari ini, saya menjemput Ahli Yang Berhormat dari Cheka untuk mengemukakan pertanyaan. Silakan. Soalan nombor 1.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Assalamualaikum WBT. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua, soalan saya nombor 1.

> [Berapakah jumlah keluasan hutan simpan kekal di seluruh Pahang, dan jumlah yang telah dinyahwartakan, dan langkah yang telah diambil bagi menggantinya semula?]

YB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Assalamualaikum WBT, selamat pagi, salam sejahtera.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada ADUN Cheka yang bertanyakan soalan berhubung dengan jumlah keluasan hutan simpan kekal di seluruh Pahang. Satu soalan ada tiga pertanyaan. Yang kedua ialah jumlah yang telah dinyahwartakan. Bahasa mudahnya pewartaan keluar. Bahasa dalam persuratan, dinyahwartakan. Dan er...apakah…yang ketiga, langkah-langkah yang telah diambil bagi menggantikannya semula bagi yang telah diperwatakan keluar.

Sukacita saya maklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa Jabatan Perhutanan Negeri Pahang telah merekodkan luas hutan simpanan kekal sehingga April tahun 2023, seluas 1,596,062.44 hektar iaitu bersamaan 44.37% daripada keluasan negeri Pahang seluas 3,596,500 hektar.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, keluasan negeri Pahang...mana yang saya katakan tadi. Tetapi ada lagi iaitu luas kawasan berhu...berhutan iaitu 2,037,757.25 hektar. Ini yang sering saya katakan 57% hutan simpan daripada 2 juta hektar tersebut terbahagi kepada tiga, iaitu hutan simpan 1.5 juta yang saya sebutkan tadi, hutan tanah kerajaan 122,185.65 hektar manakala Hutan Perlindungan Hidupan Liar Taman Negara 319,509.16 hektar.

Bagi soalan yang kedua, jumlah yang telah diperwartaan keluar ataupun dinyahwartakan. Pada tahun 2022, jumlah luas pewartaan keluar seluas 1,183.74 juta hektar. Itu yang kita wartakan keluar. Tapi untuk makluman Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan, kita juga telah mewartakan pewartaan masuk yang... yang kita keluar 1.1 juta tetapi yang kita masukkan, kita wartakan masuk ialah sebanyak 2 juta...2,574.85 hektar. Bermakna yang keluar adalah sikit, yang masuk lagi banyak. Jadi er...itulah pertanyaan yang dikemukakan oleh ADN Cheka. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Dato' Sri Yang di-Pertua, soalan tambahan saya.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya bagi Wakil daripada Inderapura dulu lepas tu boleh Cheka. Sebab kita ada dua. Baik, baik Inderapura, sila Inderapura lepas tu bagi pada Cheka.

YB DATO' HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua. Yang Berhormat... Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar er...saya ingin tahulah, saya ada kedengaran dulu-dululah mana... hutan, ni Projek Ladang Hutan. Ingin tahu...ni ingin tahulah apakah Projek Ladang Hutan tu masih diteruskan dasarnya oleh Kerajaan Negeri dan er…macam mana statusnya? Kalau dah ada tu status tu ke...kejayaannya, kegagalannya, itu saja. Terima kasih.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, terima kasih kepada sahabat saya ADUN Inderapura. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, ladang hutan ni sebenarnya ditetapkan ataupun diberi panduan oleh Kerajaan Pusat. Ianya boleh dilaksanakan tetapi seboleh-bolehnya tidaklah melebihi 5% dan setakat hari ini mengikut rekod yang ada di Jabatan Perhutanan Negeri, angka tepat saya tak ingat, tetapi ianya masih lagi er...seperti mana yang ditetapkan oleh Kerajaan Pusat.

Manakala er…oleh sebab projek ini banyak, melibatkan 100 ribu apa ni…hektar lebih, ada yang berjaya, ada yang tidak berjaya, ada yang sedang dilaksanakan dan ada yang kerajaan sedang dalam proses untuk membatalkan kelulusan. Maknanya ada... ada…ada. Ada yang berjaya, nak batalkan kelulusan yang sedang dilaksanakan dan ada juga projek yang baru mula, Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila wakil daripada Cheka.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas penjelasan tentang usaha Kerajaan Negeri mewartakan ladang hutan, saya ucap tahniahlah. Cuma persoalan saya kalau ikut Laporan Audit Negara Tahun 2021, terdapat 33 pengusaha yang diluluskan Projek Ladang Hutan tidak melaksanakan projek yang telah dirancang. Kalau kita tengok data yang ada, daripada 73,360 hektar yang diluluskan untuk se... untuk tebang dan tanam semula ladang hutan, hanya 5% penanaman semula dibuat. 33 syarikat ini tidak tanam semula menyebabkan Kerajaan Pahang er...tidak dapat kutip hasil daripada pokok yang tidak tanam, dianggarkan kerugian, ni laporan audit ya...kerugian berjumlah RM12.03 juta.

Persoalannya, mengapakah tindakan denda sebanyak RM117.87 juta tidak dikenakan terhadap syarikat yang terlibat dan mereka ini terang-terang melanggar kontrak perjanjian waktu diluluskan untuk proses penebangan balak tersebut. Sepatutnya bila tak er…tebang, dia mesti tanam semula. Kerajaan akan rugi dua perkara. Satu, hasil sebanyak RM12.03 juta, denda pun tak dikutip sebanyak RM117.87 juta. Jadi persoalan saya ialah, kenapa tindakan tidak diambil daripada 33 syarikat yang telah pun kita luluskan ini. Terima kasih.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada ADUN Cheka. Untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, sebenarnya yang tidak dikutip itu bukan tidak dikutip, belum dikutip dalam proses. Bila kita nak kutip ada sahaja alasan-alasan tertentu dan sebagainya. Dan merujuk kepada Laporan Ketua Audit untuk makluman kita semua, Kerajaan Negeri telah memanggil Pengarah Audit untuk membuat pembentangan kepada Ahli Majlis Mesyuarat kerana kita dapati ada ketidaktepatan. Ada yang bercanggah dan er…ada sedikit perbezaan daripada apa yang telah kita laksanakan dan susulan daripada itu, saya selaku Ketua Kerajaan Negeri telah pun menulis surat kepada Ketua Audit Negara untuk menyatakan beberapa perkara yang kita rasa tidak tepat.

Kerana ada di antaranya yang er…yang diambil sebelum itu, terlalu lama, tidak menggambarkan situasi sebenar dan er…saya difahamkan juga Pihak Perhutanan telah pun berjumpa dengan er…Audit untuk membentangkan keadaan yang sebenar dan semasa pembentangan tersebut Pengarah Audit sendiri er…ada mengatakan bahawa beliau baru 2 minggu datang ke Pahang ini. Jadi atas sebab itu beliau perlu mendalami laporan tersebut. Tetapi pokok pangkalnya ialah apa yang dilaporkan itu adalah kurang tepat dan harus dibuat pembetulan. Dan perkara ini kita sedang dalam proses untuk pembetulan. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih er…boleh satu lagi pasal ini soalan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita bagi 3, yang lain semua 2.

YB TUAN MOHD SHARIM BIN HJ. MD ZAIN

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Soalan saya, sejauh manakah hasil hutan menyumbang kepada pendapatan Kerajaan Negeri Pahang?

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Angka untuk tahun lepas saya ingat. Tapi untuk tahun sebelum itu, saya tidak ingat. Tetapi yang pentingnya ialah hasil hutan ini memang ada berlaku peningkatan setiap tahun kalau pada tahun 2021, kalau tak silap saya dalam RM101 juta. Pada tahun ini er…kalau tak…kalau tidak saya lebih kurang RM140 juta yang disumbangkan daripada hasil hutan. Terima kasih Yang Berhormat daripada Chini. Chini ada hutan tak? Ada haa…okay, terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Seterusnya, soalan er…nombor 2 sila wakil daripada Padang Tengku.

YB DATO' MUSTAPA BIN LONG

Assalammualaikum WBT. Dato' Sri Yang di-Pertua,

Dari Benta ke Kampung Gua,
Soalan saya nombor dua.

[Berdasarkan belanjawan 2021 Kerajaan telah meluluskan pembinaan sebuah bangunan akademik dan sebuah dewan di Sekolah Menengah Agama Al-Maidah Addiniah Padang Tengku berjumlah RM 9 Juta:

a) Bilakah dewan dan bangunan akademik sekolah berkenaan akan dibina dan nyatakan isu-isunya sehingga pembinaannya tertangguh sehingga sekarang serta apakah langkah penyelesaiannya?]

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Assalammualaikum WBT. Selamat pagi, salam sejahtera.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Padang Tengku, rakan saya Padang Tengku telah membangkitkan tentang er…status kemajuan pembinaan bangunan akademik dan juga dewan Sekolah Menengah Agama Al-Maidah Addiniah, Padang Tengku. Pertama sekali, saya nak maklumkan bahawasanya tapak tanah ini memang ada isu iaitu tanah yang dicadangkan untuk buat binaan baru ini adalah merupakan tanah milik Kementerian Kesihatan. Dia merupakan kuarters bagi er…bidan tapi tidak dihuni atau tak digunakan. Namun proses-proses perlu diambil untuk memohon supaya pihak KPTG menyerah semula tanah ini kepada pihak Kerajaan Negeri dan er…kita kemudiannya melupuskan kepada pihak JAIP lah dan di sini baru boleh kita bina bangunan baru tersebut.

Namun er…pihak KPTG telah meminta supaya tanah yang diambil ini diganti dan pihak Pentadbir Tanah Daerah Lipis telah mengenal pasti tapak yang sesuai lah untuk diganti iaitu berdekatan dengan hospital sedia ada, Hospital Lipis sedia ada. Dan kalau dilihat dari segi nilaian, tanah yang nak kita ambil ini dalam 1.1 ekar, lebih kurang satu ekar, bernilai dalam RM954,000.00 dan tanah gantian ini nilaiannya jauh lebih besar, lebih kurang dalam RM1.9 juta nilaiannya.

Dan er…ini telah pun diambil tindakan melalui permohonan perbincangan antara semua pihak termasuk Pentadbir Tanah Daerah Lipis sendiri yang diketuai oleh Tuan DO…Dato' DO telah bertemu dengan Pengarah Hartanah KPTG di Putrajaya mengemukakan er…pandangan cadangan untuk menyegerakan dan Alhamdulillah baru-baru ini KPTG Putrajaya telah pada 9 Mac yang lalu mengemukakan surat kepada KPTG Pahang supaya melihat tapak, menilai dan mengambil tindakan-tindakan susulan yang bersesuaian. Ini untuk makluman lah.

Jadi er…selaras dengan itu, kita juga mengambil maklum bahawasanya er…kesegeraan ini penting kerana kita ada peruntukan yang telah disediakan oleh pihak Kerajaan Negeri melalui JAIP yang perlu kita guna dan kita manfaatkan. Alhamdulillah er…tender bagi dewan sekolah ini akan dilaksanakan dalam bulan Jun dan insya-Allah selepas 3 bulan dijangkakan dalam September akan dikeluarkan Surat Setuju Terima kepada kontraktor yang berjaya. Dan er…bagi bangunan akademik pula, dijangkakan dalam bulan Ogos…dalam bulan Ogos kita akan er…pihak JKR la, akan memanggil tender dan sebelum akhir tahun ini, dijangkakan kita akan dapat mengeluarkan Surat Setuju Terima kepada kontraktor yang berjaya untuk dilaksanakan projek ini. Jadi itulah kedudukan sekarang ini. Terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Soalan seterusnya, soalan nombor 3. Sila wakil daripada Tanah Rata.

YB TUAN HO CHI YANG

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua. Soalan saya soalan 3.

[Perkhidmatan Asas Perkampungan Orang Asli di Pahang:

a) Nyatakan Kampung Orang Asli di seluruh Pahang yang masih kekurangan perkhidmatan asas seperti elektrik dan internet.

b) Jelaskan usaha kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut.

c) Nyatakan syarikat telco yang terbabit dalam menawarkan perkhidmatan talian menerusi menara komunikasi di sepanjang Jalan Lembah Bertam-Sungai Koyan?]

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Tanah Rata yang menanyakan tentang kemajuan atau pun status kampung Orang Asli yang tertinggal dari pelbagai sudut khususnya internet dan juga bekalan elektrik. Soalan ini hampir sama dengan beberapa rakan-rakan Ahli Dewan yang lepas seumpama yang bertanya tentang persempadanan kemajuan ekonomi daripada Kemayan. Jadi suka saya nyatakan bagi pihak Kerajaan Negeri kita sangat mengambil dan menitik berat tentang pembangunan perkampungan masyarakat Orang Asli ini.

Dari setiap sudut tapi maklumlah kampung mereka ini sebahagiannya terlalu jauh ke dalam dan sukar untuk di…apa er…kita sampai ke tempat-tempat itu dan mengambil masa yang lama serta halangan yang begitu banyak sekali namun demikian Kerajaan Negeri melalui agensi-agensinya sama ada JAKOA, SKMM dan sebagainya kita bertungkus lumus untuk memastikan usaha memajukan kampung-kampung Orang Asli ini.

Seumpama kata, tentang kita er…mengenal pasti ataupun menentukan persempadanan kampung-kampung Orang Asli. Di tahun 2021, kita telah berjaya mendapat kelulusan peruntukan untuk ukur perimeter di 4 er…4 buah kampung, 2 di Bera dan 2 di Lipis. 10 kampung dapat kita ukur secara halus iaitu di Temerloh, Lipis, Pekan, Rompin, Jerantut, Bentong dan Cameron Highlands. Pada tahun 2022, 19 buah kampung Orang Asli kita berjaya ukur perimeter iaitu kampung di er…kampung-kampung di Rompin, Pekan, Bentong, Bera, Jerantut dan Lipis. Begitu jugalah apa pada tahun 2023 ini, JAKOA berjaya mendapatkan peruntukan daripada kementerian untuk mengukur 11 buah kampung lagi secara perimeter termasuk 2 buah kampung di Jenderak, di Paya Mendoi dan Seboi sebagaimana yang dikemukakan oleh rakan saya daripada Jenderak.

Manakala berkaitan dengan apa yang disoalkan oleh rakan saya daripada Tanah Rata berkaitan dengan internet dan elektrik. Memang ini adalah perkara yang sedang dihadapi oleh sebahagian kecil kampung Orang Asli. Kita ada 262 buah kampung Dato' Sri Yang di-Pertua. Hanya tinggal 56 buah kampung lagi yang tidak ada elektrik dan 6 buah kampung yang tidak ada internet. Itu data daripada JAKOA tapi kalau kita tengok kepada kampung Orang Asli ini yang tidak rasmi maklumlah Orang Asli ini ada sebahagiannya kelmarin dia duduk di kampung namanya Paya Sendayan seumpama contoh tapi dia dapat peluang untuk bekerja di tempat lain mengikut tauke-tauke balak ataupun siapa ke dia buat pula kampung baru.

Contohnya, di Jerantut ada kampung Semata. Semata ini bukan kampung asal Orang Asli tapi dia datang daripada Rompin dia pindah ke Jerantut dia duduk di situ. Ini kampung baru bagi Orang Asli dan tidak berdaftar di bawah JAKOA. Jadi ini pun kita ambil kira juga. Kalau kita kira kampung ini jumlah kampung yang tidak mempunyai bekalan apa namanya internet sebanyak 331 buah kampung. Perkara ini telah kita kenal pasti, kita telah gemblengkan usaha melalui JAKOA dan SKMM. Kita minta jasa baik SKMM untuk membantu supaya perkara ini dapat diatasi dari semasa ke semasa.

Maklumlah, sebagaimana yang saya sebutkan tadi, kerana tempat yang jauh. Hubungan yang agak sulit kita berusaha, kita telah memperkenalkan satu program yang dinamakan JENDELA iaitu Jalinan Digital. Jalinan Digital ini berusaha untuk membina 11 buah menara komunikasi yang berfungsi bermula daripada lembah Bertam hingga ke Sungai Koyan yang berfungsi 2G dan 4G oleh syarikat Digi dan Celcom. Insha-Allah 7 menara lagi bakal dibina di seluruh Pahang ini, di perkampungan Orang Asli bagi memberi kemudahan apa namanya internet insha-Allah.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Begitu jugalah sebagaimana yang disebut tadi 56 buah kampung tidak ada mempunyai bekalan elektrik. Tetapi baru-baru ini diantara 56 buah kampung itu kampung di Bentong, Kampung Sempayang ke kampung apa…kampung Sungai Sempayang? Bukan. Dekat apa…dekat dengan Fraser Hill. Di situ kita dah pergi ke kampung tu saya pergi sendiri bulan puasa Dato' Sri Yang di-Pertua. Alhamdulillah kita telah berjaya memasang solar-solar untuk membantu beberapa kampung berkenaan.

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Kampung Telaga?

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Bukan. Bukan telaga. Sempayang, Sempeleng gitulah.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Tak apa Yang Berhormat, lepas ni kita boleh pergi.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Ya, boleh. Seronok pergi situ, dapat halia *free.*

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Alhamdulillah.

Sila soalan daripada Wakil daripada Tras. Lepas tu daripada Tanah Rata.

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua. Biasa…biasanya kos untuk membina menara komunikasi ini agak tinggi, mencecah ratusan ribu ringgit malaysia. Kemudian

kawasan Orang Asli ini agak tidak setempat dan berbukit- bukau. Jadi soalan saya, adakah pihak kerajaan bersedia untuk memikirkan atau bercadang untuk membina peralatan komunikasi ini yang alternatifnya? Ya, selain menara. Ini kerana rujukan saya ada pihak-pihak swasta menggunakan kaedah ini kerana kos nya kurang daripada RM20,000.00. Minta penjelasan. Terima kasih.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Kerajaan ini sentiasa menerima Dato' Sri Yang di-Pertua, sebarang cadangan yang positif, baik, murah, mudah dan cepat. Itu maknanya nikmat yang terbesar Dato' Sri Yang di-Pertua. Terima kasih banyak.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Boleh cadang. Wakil daripada ni… saya bagi peluang untuk bertanya. Okey. Sila, sila.

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Dato' Sri, saya nak *response* yang apa soalan menara tadi.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Okey.

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Sebenarnya kerajaan negeri memang ada kerjasama dengan pihak syarikat tertentu contohnya macam MEASAT untuk dia tidak buat menara tapi kemudahan talian internet yang lebih murah dia panggil BWA.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Okey satelit lah.

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Haah dia satelit lah. *Broadband wireles access* setahu saya dan kita laksanakan sekarang ni di Kampung Kuala Boh kawasan wakil rakyat…Yang Berhormat Tanah Rata sebelum menara yang er…apa platform yang lengkap yang dibina. Terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang kekal. Sila saya bagi peluang kepada Wakil Tanah Rata kerana dia yang bertanya soalan.

YB TUAN HO CHI YANG

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

Soalan saya, adakah kerajaan ada perancangan untuk menambah syarikat telco yang menawarkan perkhidmatan talian di sepanjang jalan Lembah Bertam, Sungai Koyan selain daripada Digi dan Celcom?

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua. Kata dek orang ni kecil tapak tangan, niru gadang kita tadahkan, asalkan SKMM setuju. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Soalan seterusnya Wakil daripada Damak soalan nombor 4.

YB TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Dato' Sri Yang di-Pertua, soalan saya nombor 4.

> [kini keadaan jalan utama di kawasan Dun Damak kelihatan banyak berlubang dan diambil tindakan dengan menampak kembali jalan tersebut. Namun, kesannya jalan tidak sekata, kembali berlubang dan mengakibatkan kerosakan kepada kenderaan yang menggunakan jalan tersebut. Mohon penjelasan pihak kerajaan berkaitan;
>
> a) Apakah teknologi yang digunakan bagi membaik pulih jalan yang rosak?
>
> b) Apakah tatacara pengendalian piawai atau Standard Operating Procedures (SOP) oleh pihak kerajaan dalam menangani permasalahan tersebut?
>
> c) Berapakah tempoh masa tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan untuk menyelesaikan permasalahan seperti ini?]

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Bismillahirrahmanirrahim. Terima kasih kepada ADUN Damak. Yang pertamanya saya nak tanya sikit ADUN Damak er…ada tak spesifik jalan tu yang terlibat ni? Yang dikatakannya.

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Maksud dia macam mana tu?

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Jalan tu jalan negeri ke? Jalan *federal road* ke? Jalan persekutuan ke? Yang mana satu?

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Minta maaf saya tak pasti jalan tu samada federal ataupun jalan negeri. Cuma mungkin dalam ucapan saya sebelum ni kita, saya menyebut er..gred tu maksudnya senang kita kenal pasti. Maksud dia kita faham kerajaan mungkin kengkangan kewangan, mungkin…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ini…Yang Berhormat, tanya Damak Yang Berhormat. Damak, Damak.

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Hari jumaat. *Confuse.*

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya faham kerja kuat semalam. Sila, sila wakil Damak.

YB TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Saya ucap terima kasih kepada Tras kerana wakili Damak ni macam ada...

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Macam ada persetujuan awal ni. Bahaya.

YB TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Berkenaan dengan pertanyaan daripada Bebar tadi kalau saya boleh spesifikasikan ialah jalan Persekutuan dan ada satu jalan yang runtuh sekarang ini iaitu FT 64, Seksyen 35.10, Jalan Bentong Jerantut. Runtuh pada 24 Januari dulu dan hingga sekarang ini belum siap lagi lah tapi saya dimaklumkan sudah ada kerja-kerja yang dibuatlah cuma agak lewat dan memang menjejaskan hubungan antara Jerantut-Benta. Jadi saya nak pergi ke kawasan Benta pun payah nak berjumpa dengan EXCO di sana tu. Jadi diharap dapat ambil tindakan segera.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, boleh *video call* je.

YB Dato' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dato' Sri Yang di-Pertua, patutlah saya tak nampak rakan saya daripada Damak berceramah di kawasan Benta. Nasib baik juga ni tanah tu runtuh.

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Seperti yang saya jelaskan dalam sidang dewan… penggulungan Dewan baru-baru ini kita sahaja baru menerima peruntukan sebanyak RM94 juta daripada Kerajaan Pusat lewat sikit terima. Tetapi pemasalahan yang berlaku di setiap daerah dalam negeri Pahang ini kita sentiasa mengambil perhatian dan kita sentiasa berbincangkan dalam Mesyuarat Majlis…Mesyuarat Kerajaan Negeri atas inisiatif Yang Amat Berhormat Menteri Besar perkara ni mendapat perhatian segera dan akhirnya kita menerima peruntukan segera tu untuk membaik pulih jalan-jalan yang kritikal.

Sebagai contohnya baru-baru ni dalam senarai yang kita terima tu kita menerima peruntukan sebanyak RM2.9 juta untuk membaik pulih jalan FT64 ni antara Jerantut

dan Maran dan juga sebanyak RM1.5 juta untuk membaik pulih jalan antara Temerloh dan juga Jerantut. Ini adalah sebahagian daripada peruntukan yang telah kita terima.

Jadi saya berharap ya kepada sidang Dewan Yang di-Pertua supaya persoalan yang kita tanyakan tu mudah-mudahan soalan yang tepat supaya tidak mengelirukan pandangan masyarakat kerana kita di pihak kerajaan sentiasa mengambil tahu tentang apa berlaku. Macam semalam, saya di Panching ada kemukakan soalan berkaitan dengan jalan Jabor - Jerangau tu. Maknanya dah 90% dah siap, cuma nak buat *line* je. Maknanya kalau kita dalam Dewan kita kata benda tu tak siap mungkin mengelirukan pandangan sesetengah daripada masyarakatlah.

Jadi menjawab soalan daripada ADUN Damak, teknologi yang digunakan ada lebih kurang di sini ada 5 teknologi. Yang pertamanya *Cold In Place Recycling* (CIPR) dengan izin Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua iaitu kaedah campuran bahan penstabil sebelum lapisan premix semula jalan. Yang keduanya, *Mill and Pave* dengan izin Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Iaitu proses itu kita mencakar jalan tu pada kedalaman tertentu dengan menggunakan *asphalt milling machine* dengan izin Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan diikuti dengan kerja premix semula jalan. Dua…dua ni memang yang selalu kita gunalah CIPR dan juga *Mill and Pave*.

Yang lain tu *reconstruction* pembinaan semula, *Super Fiber Mix* dan juga *Crumb Rubber Modified Asphalt* iaitu kaedah campuran bahan *crumb rubber modified binder* dengan lapisan *premix* semula jalan dengan izin Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Yang soalan bagi jawapan B untuk soalan B, err...tatacara pengendalian piawaian. Kalau bagi kerosakan jalan yang dikategorikan sebagai *potholes*, yang kerosakan lubangnya bersaiz kecil sehingga 1 tak lebih daripada 1m2 dan kedalamannya sehingga 25mm sahaja. Kaedah tampalan sementara menggunakan *coldmix* akan dilaksanakan dalam tempoh 24 jam serta maklumat yang diterima daripada pasukan rondaan konsesi, aduan awam, manakala tampalan kekal menggunakan *hotmix* akan dilaksanakan dalam tempoh 3 hari susulan tampalan sementara tersebut.

Jadi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang dengan *coldmix*, *hotmix* ni pada musim tengkujuh yang lalu, kita tengok kadar turun hujan tu sangat tinggi kita menggunakan kaedah *coldmix* sebab *hotmix* tak boleh buat dalam hujan lebat ni. Pasal apa kita guna *coldmix* juga kita kena tampal juga sebab bila hujan lebat air tu penuh atas jalan lubang tu kita tak nampak. Jadi kalau kita tak tampal dia membahayakan pengguna jalan raya. Contohnya, motor, kereta yang boleh mengakibatkan kemalangan. Dia gini ADUN Damak, kalau dalam air itu tak nampak lubang tu.

Jadi, pihak JKR ni konsesi ni, dia mengambil inisiatif tampal juga itu menggunakan *coldmix*. Bila dah kering nanti baru diganti balik menggunakan kaedah *hotmix*. Bagi kerosakan lubang yang bersaiz dan kedalaman lebih besar, ianya dikategorikan sebagai kerosakan struktur jalan. Ya lah tak boleh nak ni, maknanya kalau dia dah dalam sangat air tu dah masuk bawah jalan. Maknanya kalau lori lalu lagi akan rosak teruk.

Pihak JKR akan menyediakan *Notice of Defect* (NOD) dengan izin Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, beserta anggaran kos pembaikan semula yang melibatkan struktur *pavemen* dan NOD ini akan dikemukakan kepada pihak Cawangan Senggara Fasiliti Jalan JKR Malaysia bagi pertimbangan dan kelulusan oleh pihak Kementerian Kerja Raya. Kerja-kerja pembaikan struktur hanya akan dilaksanakan setelah

kelulusan peruntukan diperolehi dari pihak Kementerian Kewangan Malaysia dan Kementerian Kerja Raya.

Bagi menjawab soalan C. Bagi kerosakan *pothole*, tampalan sementara akan dilaksanakan dalam tempoh 24 jam. Setelah maklumat kita terima dari pasukan rondaan dan manakala tampalan kekal akan dilaksanakan dalam tempoh tiga hari. Ni bagi yang kurang daripada satu meterlah. Yang lebih pada satu meter ini, kita akan gunakan NOD. Bagi kerosakan struktur jalan, kerja-kerja pembaikan jalan hanya akan dilaksanakan setelah kelulusan peruntukan kita perolehi dari pihak Kementerian Kewangan Malaysia. Itu sahaja Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Sekian terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Soalan seterusnya, soalan err...

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Boleh minta izin sikit. Sikit je...

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya. Sila...sila Yang Berhormat.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Saya ingat Pengarah mesej saya, kampung yang dia pergi tu namanya Kampung Sungai Penjuring, Bentong.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Kampung Sungai?

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Penjuring.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ha…boleh kita pegi.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Ada 25 *family*.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ha...boleh kita pergi.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dah…dah maknanya insya-Allah kita tak makan nasi basi sebab dah ada elektrik.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Alhamdulillah.

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDIN BIN MOHD ARIFF

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya tadi *confuse* dah. Saya ingat rakan saya ini sama macam Tras juga. Hari Jumaat (ketawa).

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

[Ketawa] Hari Jumaat Yang Berhormat.

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDIN BIN MOHD ARIFF

Ingat nak jawab soalan saya. Saya ingat dia nak tanya saya.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Hari Jumaat.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Penuh keberkatan namanya.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Amin. Yang Berhormat, soalan seterusnya soalan nombor enam, sila wakil daripada Sabai. Eh, soalan nombor 6. Eh, soalan nombor 5. Pulau Tawar. Allah [Ahli Dewan ketawa]. Saya dah cakap hari Jumaat.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Ini...pagi Jumaat.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ha tu lah. Lupa nak baca ma'thurat pagi tadi (ketawa). Sila, soalan err...soalan nombor 5 ya. Wakil daripada Pulau Tawar, sila.

YB TUAN YOHANIS BIN AHMAD

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua. Soalan saya nombor. 5.

> [Apakah status pelaksanaan projek Skim Tanah Rakyat (STR) iaitu agihan lot tapak rumah di tanah rancangan FELDA dalam Dun Pulau Tawar yang telah selesai cabutan undi baru baru ini?]

YB TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Dato' Sri Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada er...Pulau Tawar yang mengemukakan soalan yang berkaitan dengan status pelaksanaan projek Skim Tanah

Rakyat (STR) iaitu agihan lot tapak rumah di tanah rancangan FELDA dalam DUN Pulau Tawar err...yang telah selesai cabutan undi baru-baru ini.

Dato' Sri Yang di-Pertua, terdapat sebanyak 8 skim Tanah Rakyat STR di kawasan Felda dan DUN Pulau Tawar iaitu STR Generasi Baru Felda Lepar Utara 3, Kota Gelanggi 1, Kota Gelanggi 2, Kota Gelanggi 3, Kota Gelanggi 4, Sungai Tekam Utara, Sungai Tekam, Jengka 8, Jengka 9, Jengka 10, Jengka 12, Jengka 13 dan Jengka 24. Dan bilangan tapak kediaman yang ditawarkan adalah sebanyak 3,967 lot. Berkenaan dengan status yang di tanya oleh Pulau Tawar er...status pelaksanaan semasa ataupun terkini ialah pihak pentadbir Tanah Jerantut kini dalam tindakan untuk mengeluarkan notis 5A. Ini termasuklah proses kiraan bayaran premium, kelulusan yang patut dibayar peserta, serta tindakan menyediakan pelan bagi pendaftaran hakmilik individu. Sekian terima kasih. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Soalan seterusnya soalan nombor 6. Wakil daripada Sabai.

YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Salam sejahtera dan selamat pagi. Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk kemukakan soalan nombor 6.

> [Berapakah bilangan projek dan bilangan rumah yang kini di dalam pembinaan di bawah skim perumahan PR1MA, Program Perumahan Rakyat (PPR), Projek Perumahan Kos Rendah dan Sederhana Rendah di seluruh negeri Pahang mengikut daerah? Bagaimanakah keberkesanan proses dan prosedur Sistem e-Perumahan Negeri Pahang?]

YB DATO' SRI JOHARI BIN HARUN

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT dan selamat pagi. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, soalan daripada jiran saya, Yang Berhormat Sabai menyatakan berapakah bilangan projek dan bilangan rumah yang kini dalam pembinaan di bawah Skim PR1MA dan juga Program Perumahan Rakyat dan bagaimanakah keberkesanan proses dan prosedur sistem ePerumahan di negeri Pahang.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, pada asalnya saya telah pun menyentuh soalan-soalan ini dalam penggulungan saya. Tapi tak apalah saya ulangi sekali lagilah sebahagian daripadanya. Kerajaan Negeri Pahang mempunyai 25 buah projek perumahan yang sedang dijalankan dengan melibatkan sejumlah 3,755 buah rumah. Melalui statistik yang dikeluarkan PR1MA dan juga Program Perumahan Rakyat PPR adalah merupakan projek tumpuan bagi Kerajaan Negeri Pahang sebagai agenda utama perumahan di negeri Pahang untuk memastikan masyarakat dan orang ramai di Pahang dapat mendapatkan rumah mampu milik. Daerah Kuantan merupakan daerah yang terbanyak dibangunkan Skim-skim Perumahan Rakyat di negeri Pahang dengan jumlah sebanyak 9 buah projek PR1MA dan 2 buah projek perumahan PPR yang melibatkan sejumlah 1,996 buah rumah.

Manakala bagi daerah Bentong yang mana Sabai berada dalam daerah Bentong. Terdapat 2 projek di bawah Projek Perumahan PR1MA Pahang dengan melibatkan jumlah 94 buah rumah. Bagi statistik yang lebih terperinci di sembilan daerah yang lain, saya mohon izin Dato' Sri Yang di-Pertua agar Yang Berhormat Sabai dapat er...

saya berikan secara bertulis kepada Yang Berhormat Sabai. Seterusnya Yang Berhormat bertanyakan mengenai keber...keberkesanan proses dan prosedur sistem ePerumahan di...di negeri Pahang. Sistem ini telah dibangunkan bersama oleh Bahagian Teknologi Maklumat dan Bahagian Perumahan, Pejabat Kerajaan…Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang. Sistem ini sangat membantu bagi mempercepatkan er...dan melancarkan proses permohonan dan juga memudahkan pemilihan pembeli yang layak untuk mengisi untuk pengisian rumah-rumah di bawah skim-skim perumahan Kerajaan.

Pemohon boleh juga menyemak dan mengemaskini permohonan secara terus melalui Sistem ePerumahan Negeri Pahang atau boleh dibuat melalui pentadbir sistem yang dilantik oleh Pejabat Daerah dan Tanah, Pejabat Daerah dan Tanah (PDT). Sehingga kini, bilangan pemohon yang berdaftar adalah melebihi bilangan rumah yang dibina dan ini menunjukkan bahawa sistem ini dapat mendapat perhatian dan digunakan oleh masyarakat di negeri Pahang.

Namun begitu, Kerajaan Negeri Pahang melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang, LPHP akan sentiasa menambah baik Sistem ePerumahan Negeri Pahang selaras dengan perkembangan teknologi terkini dan keperluan masyarakat dan orang ramai bagi memastikan perkhidmatan yang terbaik sepanjang masa dapat diberikan kepada rakyat Negeri Pahang.

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB TUAN HASSANUDDIN BIN SALIM

Dato’ Sri Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila, wakil daripada...wakil daripada Kuala Semantan dulu, lepastu ini...ini...ini Beserah.

YB TUAN HASSANUDDIN BIN SALIM

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua. Saya mohon izin untuk soalan tambahan khusus kepada Skim Perumahan PR1MA Pamah Kasih Charuk Puting kerana saya mendapat aduan daripada pembeli-pembeli di sini, rumah ini masih lagi belum disiapkan dan menjadi bebanan kepada mereka kerana sebahagian pembeli ini adalah dengan pendapatan mereka, mereka terpaksa membayar sewa dan membayar juga rumah yang telah dibeli di Skim Perumahan ini. Jadi saya mohon er…untuk bilakah skim ini dapat disiapkan?

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB DATO' SRI JOHARI BIN HARUN

Perumahan-perumahan di Charuk Puting ini pun salah satu daripada kita kenal pasti er...projek yang sakit. Dan er...itulah, er...macam saya katakan semalam er...banyak seperti mana nombor...apa namanya...jumlah saya beritahu yang projek-projek PR1MA ini yang masih bergerak ataupun merangkaklah. Jadi ini yang kita sedang lakukan untuk memastikan er...pemaju bertanggungjawab sebab bila kita memulakan satu-satu projek perumahan khususnya PR1MA ini tadi, kita ada perjanjian dengan dengan...dengan pemaju, tapi kita boleh orang kata bertegas tetapi orang kata apa,

terpaksa juga kita me...me...melihat kepada perjanjian yang ada. Namun begitu, er... kita akan memastikanlah yang perumahan PR1MA di Charuk Puting ini untuk er... mereka berjanji untuk menyiapkan jugalah mengikut masa yang ditetapkan yang kita bagi EOT dan sebagainya. Tapi kita akan cubalah sedaya upaya untuk memastikan projek ini berjalan. Insya-Allah.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Wakil daripada ini, Beserah. Sila.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Salam sejahtera Dato' Sri Yang di-Pertua. Saya ingin er...soalan tambahan daripada saya adalah apakah perancangan pihak Kerajaan ataupun mekanisme yang boleh diambil oleh pihak Kerajaan untuk menjamin hak pembeli? Sebab nama-nama projek yang dinyatakan ini, PR1MA, Rumah Makmur dan sebagainya adalah *brand* Negeri Pahang. Jadi, rakyat tengok itu satu jenama yang hebat. Maka keyakinan rakyat untuk beli rumah itu adalah lebih tinggi. Permintaan pun tinggi dan ha...harapan dia pun tinggi supaya projek itu siap seperti mana yang dijadualkan.

Macam contohnya, saya sebut itu hari, projek PR1MA Cherating. Dah 3 tahun sepatutnya siap, sampai hari ini jadi hutan balik, pembeli nak mintak balik duit dia, tak dapat. Kontraktor lari. *So* apa perancangan Kerajaan untuk menjamin hak mereka yang membeli ini, sekiranya projek itu tidak berjaya atau gagal nak ambik balik duit, sekurang- kurangnya mereka tak rugi atau hak mereka dilindungi. Terima Kasih.

YB DATO' SRI JOHARI BIN HARUN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, er…khusus kepada contoh projek PR1MA di Cherating. Nombor 1, kita telah *terminated* lah apa nama pemaju itu. Yang kedua, kita sekarang ni dalam proses kita nak...nak...nak batalkan perjanjian SMP tersebut. Kita yang paling mustahak adalah untuk memastikan pembeli itu dapat juga rumah yang berkenaan. Dan seperti saya katakanlah, dia dalam er...melibatkan pembelian rumah ni tadi dia berbaliklah kepada perjanjian jual beli itu. Itu yang...yang...yang asas yang kita boleh katakan ataupun punca kuasa dia tu. Jadi, kita memahami macam saya beritahu sebelum ini bahawa masalah ada yang menyewa rumah, lepas itu dia dah bayar apa namanya bank juga.

Jadi kita untuk apa yang Lembaga Perumahan yang kita buat kepada beberapa kes tertentu untuk yang pinjaman dengan Pinjaman Kerajaan, kita boleh bantu kita dapat macam moratorium untuk apa namanya ini...apa tangguhkan bayaran, apa namanya pinjaman tersebut tapi dengan pihak bank ada bank yang membantu, tetapi apa namanya ada juga bank yang tidak dapat untuk membantu, mana mereka terpaksa teruskan untuk...untuk bayaran ini.

Berbalik kepada jaminan, itulah yang saya katakan, er…kita sangat bertegaslah untuk memilih pemaju perumahan selepas daripada ini untuk memastikan khususnya kedudukan kewangan. Rata-rata apa yang berlaku kegagalan ini ialah daripada tahun 2000 hujung 2019 ataupun awal 2020 berdekatan dengan pandemik.

Di Cherating pun begitu juga. Jadi asas sekarang ini, Kerajaan Negeri er...sedaya upaya untuk memastikan projek- projek perumahan terbengkalai ini, kita kena siapkan.

Mungkin kita tidak dapat untuk bayar *cash* dan sebagainya kepada pembeli tadi, jadi rumah itu yang paling mustahak. Jadi tumpuan kita adalah untuk memastikan mungkin pemaju penyelamat, jadi itu yang kita kena tumpukan. Mahu tak mahu kita kena...kena teruskan juga untuk memastikan segala projek perumahan terbengkalai ini tadi di Cherating dan sebagainya untuk diteruskan dan akhirnya pembeli ini tadi dapat rumah mereka. Terima kasih Yang di-Pertua.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya ingin mencelah sikit, Yang Berhormat Pelangai ya.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila, Yang Amat Berhormat.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Okay, karang terlupa. Memang kita tidak nafikan yang dikatakan oleh daripada Beserah. Untuk tujuan itu, yang terkini untuk memperkemaskini lagi, untuk memastikan perkara yang lepas tidak berulang, kita cuba *minimise kan*. Kerajaan Negeri telahpun menubuhkan Lembaga Perumahan dan Hartanah Negeri. Dan di mana di dalam lembaga ini ada wakil daripada Perumahan, ada *lawyer* dan ada beberapa pihak yang lain yang boleh membantu kita. Itu adalah salah satu tindakan yang komprehensif supaya masalah ini kita dapat tangani...tangani dan kita dapat meminima kan. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Amat Berhormat. Soalan seterusnya, soalan no. 7. Wakil daripada Chini.

YB TUAN MOHD SHARIM BIN HJ. MD ZAIN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

> *Membawa isteri di musim tengkujuh,*
> *Saya kemukakan soalan ketujuh*.
>
> [Seperti yang sedia maklum, negeri Pahang merupakan negeri terbaharu yang menganggotai kerjasama serantau Indonesia-Malaysia-Thailand "growth triangle" (IMT-GT) pada tahun 2022. Apakah manfaat yang bakal diterima oleh negeri ini dari segi limpahan ekonomi terutamanya kepada peningkatan nilai pelaburan dan perdagangan?]

YB DATO' MOHAMAD NIZAR BIN DATO' SRI MOHAMAD NAJIB

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Dato' Sri Yang di-Pertua, terima kasih kepada sahabat saya YB Chini yang bertanyakan soalan mengenai IMT-GT. Soalannya adalah seperti berikut. Seperti yang sedia maklum, negeri Pahang merupakan negeri terbaru yang menganggotai kerjasama serantau Indonesia, Malaysia, Thailand '*Growth Triangle'* ataupun

singkatannya, IMT-GT pada tahun 2022. Apakah manfaat yang bakal diterima oleh negeri ini dari segi limpahan ekonomi terutamanya kepada peningkatan nilai pelaburan dan perdagangan? Baik.

Kerjasama Serantau Indonesia, Malaysia, Thailand, *Growth Triangle* (IMT-GT) telah membawa banyak manfaat kepada negeri-negeri yang terlibat dalam kerjasama ini. Sebagai negeri yang terbaru yang menyertai IMT-GT, negeri Pahang bakal menerima pelbagai manfaat dari segi ekonomi bagi meningkatkan nilai pelaburan dan perdagangan di negeri ini.

IMT-GT ini diasaskan oleh lapan tiang utama iaitu kesalinghubungan pengangkutan, fasiliti perdagangan dan pelaburan ataupun (dengan izin) *Trade and Investment Facilitation Pillars*, pelancongan, pertanian dan asas tani, perkhidmatan produk dan perkhidmatan halal, transformasi digital, pembangunan sumber manusia dan alam sekitar. Negeri Pahang secara amnya berhasrat untuk menyumbang dengan lebih banyak kepada kerjasama serantau ini dengan terlibat secara aktif kepada pembangunan 8 tonggak utama IMT-GT dengan memberi penekanan kepada sektor-sektor yang sesuai dengan keperluan dan kekuatan negeri ini.

Beberapa *flagship projects* (dengan izin) bagi negeri Pahang akan disenaraikan sebagai pemangkin kerjasama ekonomi bagi negara-negara yang terlibat. Sebagai contohnya, meningkatkan kesalinghubungan ataupun *connectivity* Pelabuhan-pelabuhan negara...negara anggota IMT-GT, mewujudkan jaringan pelancongan antara negara anggota, memberi penekanan kepada pembangunan modal insan, tenaga kerja dan sebagainya. Secara asasnya, antara manfaat yang boleh diperolehi oleh negeri Pahang apabila terlibat dalam kerjasama serantau ini adalah seperti berikut: Pertamanya, akses kepada pasaran yang lebih luas. Melalui IMT-GT negeri Pahang dapat memperluaskan pasaran ke Indonesia dan Thailand. Ini akan membuka peluang baru perdagangan dan pelaburan di negeri Pahang sekaligus dapat memperluaskan pasaran mereka di rantau ASEAN ini.

Kedua - Meningkatkan peluang perdagangan. Kerjasama IMT-GT juga akan membawa peluang untuk meningkatkan perdagangan antara negara-negara yang terlibat. Hal ini akan membuka peluang baru untuk pelabur dan perniagaan di negeri Pahang untuk menjalin hubungan-hubungan perdagangan yang lebih erat dengan Indonesia dan Thailand dan pastinya kesan berganda limpahan ekonomi ataupun dengan izin, *multiply effect* kepada negeri Pahang akan dirasai dengan pewujudan lebih banyak peluang pekerjaan dan industri-industri baru yang berasaskan 8 tonggak utama IMT-GT.

Memperkukuh, memperkukuhkan jaringan infrastruktur - Kerjasama IMT-GT melibatkan pembangunan infrastruktur yang lebih baik untuk meningkatkan hubungan perdagangan dan pelabuhan antara negara-negara yang terlibat. Ini termasuklah pembangunan jaringan lebuh raya, pelabuhan, lapangan terbang dan sebagainya. Dengan adanya infrastruktur yang lebih baik, negeri Pahang akan dapat menarik lebih banyak pelaburan dan perniagaan ke negeri ini.

Seterusnya meningkatkan kemahiran tenaga kerja - Kerjasama IMT-GT juga akan membawa manfaat kepada tenaga kerja di negeri Pahang. Program-program latihan dan pembangunan kemahiran akan disediakan untuk meningkatkan kemahiran tenaga kerja dalam sektor-sektor yang berkaitan. Ini akan membantu meningkatkan produktiviti tenaga kerja dan menarik lebih banyak pelaburan ke negeri ini dan akhirnya meningkatkan pelaburan asing langsung. Dengan adanya kerjasama IMT-GT, pelaburan asing langsung ke negeri Pahang akan meningkat. Pelabur dari

Indonesia dan Thailand akan dapat melabur secara langsung di negeri Pahang. Ini akan membawa banyak manfaat kepada negeri ini termasuk meningkatkan ekonomi, menambah peluang pekerjaan dan meningkatkan kemajuan infrastruktur.

Secara kesimpulannya, negeri Pahang akan memperolehi banyak manfaat ekonomi dari kerjasama IMT-GT terutamanya dengan meningkatkan nilai pelaburan dan perdagangan. Negeri Pahang akan bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Ekonomi dan rakan kongsi IMT-GT untuk memastikan manfaat ini dapat diperoleh dengan sepenuhnya oleh rakyat Pahang. Sekian terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Soalan seterusnya. Wakil daripada Lanchang. Soalan nombor 8.

YB TUAN HASAN BIN OMAR

Assalamualaikum dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, soalan saya nombor 8.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Slow sangat la Lanchang ni... bagi kuat sikitlah.

YB TUAN HASAN BIN OMAR

Soalan nombor 8.

[Pembangunan Belia ke arah melahirkan Usahawan Muda Negeri Pahang

a) Berapakah jumlah belia yang masih menganggur tiada berpekerjaan tetap mengikut daerah di Pahang?

b) Apakah perancangan Kerajaan dalam menangani masalah golongan muda bagi menampung pendapatan harian mereka?

c) Apakah perancangan kerajaan untuk menarik golongan Belia menceburi bidang pertanian?

d) Berapakah jumlah sasaran kerajaan mewujudkan Usahawan Pertanian serta unjuran yang dijangkakan boleh diwujudkan setiap tahun dalam tempoh 5 tahun akan datang?]

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ha...pasal wakil Lanchang dulu kuat.

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Lanchang atas soalan yang diajukan. Soalan yang pecahannya ada 4 pertanyaan lanjut.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

bagi soalan pecahan pertama berkenaan jumlah penganggur belia di Pahang. Saya ingin terlebih dahulu memaklumkan bahawa rumah penganggur yang digunakan secara asasnya merujuk kepada mereka yang tidak bekerja dan sedang mencari pekerjaan. Manakala belia mengikut definisi dasar Belia Malaysia adalah mereka yang berada dalam kumpulan umur 15 hingga 30 tahun. Mengikut Laporan Tenaga Buruh Malaysia keluaran Februari 2023 yang diterbitkan pada 10 April 2023 oleh Jabatan Perangkaan Negara menunjukkan kadar pengangguran belia berumur 15 hingga 30 tahun di Malaysia secara keseluruhannya telah menunjukkan trend penurunan iaitu daripada 3.6% kepada 3.5% dengan 591,500 orang penganggur.

Manakala mengikut data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Pahang pada tahun 2021, bilangan penganggur belia negeri ini merekodkan jumlah 19,100 orang berbanding 19,300 orang penganggur belia pada tahun 2020. Untuk makluman Yang Berhormat, statistik pengangguran belia mengikut daerah adalah tidak tersedia kerana kekangan kos, masa dan sumber manusia.

Bagi pecahan soalan yang kedua, suka saya merujuk kepada pembentangan Belanjawan 2023 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar khususnya yang berkait dengan perancangan Kerajaan Negeri dalam menangani masalah golongan muda bagi menampung pendapatan harian mereka.

Kerajaan Negeri telah menggariskan 5 strategi belanjawan utama dalam strategi ke-5 iaitu membina generasi masa depan yang gemilang telah dinyatakan dengan jelas komitmen Kerajaan Negeri untuk membantu anak muda khususnya dalam membina masa depan ekonomi mereka sendiri yang bermaruah, berketahanan dan mandiri.

Melalui inisiatif kedua dalam belanjawan ini iaitu pembangunan anak muda Pahang. Kombinasi pembangunan sahsiah, kemahiran dan gaya hidup anak muda akan digembleng secara bersama dengan pelbagai program intervensi dan pengukuhan. Antaranya ialah yang pertama - pelaksanaan Program Intervensi Sosial. Program Youth Carrier, Program Web Bina Youth Digital, Program Youth Agrotech dan Program Pengurusan Organisasi. Secara keseluruhannya melibatkan peruntukan sebanyak RM375,000.00

Kedua - pelaksanaan pelbagai program dan kursus latihan untuk membangunkan anak muda dengan peruntukan berjumlah RM1 juta. Ketiga - peruntukan sebanyak RM3 juta untuk Program Teknokrat yang meliputi aspek seperti geran latihan, kursus kemahiran dan pembelajaran Internet of Things dan penyediaan Latihan Kemahiran *Coding.*

Pembangunan aplikasi dan kemahiran digital serta *sports cameraman*. Kesemua intervensi dan perancangan ini bertujuan mengurangkan kadar peratusan pengangguran anak muda di negeri Pahang sekaligus membantu golongan muda untuk memperolehi pendapatan yang sewajarnya.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri akan terus menyokong usahawan belia di bawah bimbingan agensi serta francaisor yang telah disenarai pendek oleh Kerajaan Negeri seperti usahawan di bawah bimbingan Yayasan Pahang, MARA Pahang, Aki Burger, Laziz Patin serta beberapa syarikat tempatan yang lain yang telah menyatakan kesediaan untuk bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Pahang bagi membuka peluang pekerjaan baru kepada belia di seluruh negeri.

Jabatan Belia dan Sukan Pahang turut menjadualkan sebanyak 10 program usahawan muda sama ada secara bersemuka atau *virtual* sepanjang tahun ini bagi memastikan

belia negeri Pahang didedahkan dengan perkembangan keusahawanan kreatif dalam pasaran terbuka yang berpotensi melangkaui pasaran antarabangsa.
Dato' Sri Yang di-Pertua, bagi pecahan soalan C berkaitan perancangan Kerajaan Negeri untuk menarik golongan belia bagi menceburi bidang pertanian, Kerajaan Negeri Pahang menyedari bahawa sektor pertanian mampu menyediakan pendapatan yang baik kepada golongan belia.

Justeru, terdapat pelbagai usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk mempromosi bidang pertanian kepada golongan belia. Antaranya ialah menyediakan pelbagai kursus latihan dan inisiatif pertanian yang bertujuan melahirkan golongan usahawan dalam bidang ini.

Melalui kursus dan latihan ini, peserta akan didedahkan secara terperinci berkenaan potensi bidang usaha yang ingin diceburi. Ini termasuklah pendedahan kepada perkembangan dan teknologi terbaharu dalam bidang pertanian seperti penggunaan teknologi tanaman fertigasi, mekanisasi dan *Internet Of Things*. Sebagai contoh, Program Agropreneur Muda. Program ini dibuka kepada belia berumur 40 tahun dan ke bawah, yang bertujuan membantu dan menarik minat golongan belia menceburi bidang perikanan. Skop bantuan Program Agropreneur Muda di bawah bidang perikanan adalah meliputi projek akuakultur, penangkapan ikan, pembenihan ikan, ikan hiasan dan pemprosesan produk perikanan setelah memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan.

Di bawah program pemula pula, Kerajaan Negeri pada tahun lalu, telah menyediakan bantuan berjumlah RM1 juta bagi membantu golongan belia dalam sektor pertanian. Ini merupakan intervensi khusus bagi membantu belia dari segi modal asas untuk memulakan projek pertanian dan juga industri asas tani.

Bagi pecahan soalan yang terakhir iaitu soalan (d), berkenaan jumlah sasaran Kerajaan Negeri untuk mewujudkan Usahawan Pertanian serta unjuran yang dijangkakan boleh diwujudkan setiap tahun, dalam tempoh 5 tahun akan datang. Sebenarnya, soalan ini lebih sesuai untuk dijawab oleh Exco Pertanian kerana soalan tidak spesifik kepada usahawan belia atau anak muda, yang di bawah Portfolio saya.

Bagaimanapun, bagi tidak menghampakan Ahli Yang Berhormat daripada Lanchang, yang bertanya, saya ingin menyatakan bahawa Jabatan Pertanian Negeri Pahang mengunjurkan untuk melahirkan 3,025 usahawan pertanian dalam tempoh 5 tahun dengan pecahan 2,750 orang usahawan tanaman dan 275 usahawan industri asas tani. Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB TUAN HASAN BIN OMAR

Er...Dato' Sri, er...sedikit soalan tambahan. Er…pertamanya saya ucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana saya melihat bahawa banyak program-program yang dirangka. Cuma ada satu perkara, oleh kerana kita melihat di bawah sana ramai, dan er...seringkali dalam tempoh tersebut ada golongan belia dan anak muda ini sering bertanya er...tentang program yang telah pun dirangka begitu baik tetapi maklumat tidak sampai ke bawah. Jadi bagaimanakah mekanisme yang kita gunakan untuk sekarang bahawa kita telah pun menyediakan banyak program ke arah tersebut tetapi untuk sampai ke bawah tidak sampai. Jadi, apakah kaedah yang digunakan pakai untuk menyampaikan maklumat tersebutlah. Terima kasih, Yang di-Pertua.

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Terima kasih Yang Berhormat daripada Lanchang. er...saya ambil maklum berkenaan dengan perkara ini dan insya-Allah kita perbaiki jika benar ia berlaku er…di mana, kita boleh menggunakan banyak er...saluran antaranya melalui er...kerjasama bersama dengan Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pahang di mana er...mereka boleh mendapatkan komitmen daripada er...Majlis er...daripada Pihak Majlis Belia Negeri Pahang yang rangkaiannya er...ada di seluruh daerah dan parlimen di seluruh Pahang dan ini adalah satu kaedah yang kita boleh gunakan untuk Majlis-majlis Belia Daerah menyebarkan maklumat-maklumat kepada belia-belia di kawasan masing-masing dan insya-Allah er...selepas ini, er...sebarang inisiatif Kerajaan Negeri yang sememangnya kita dah buat pun, barangkali ada yang er...er...tak dapat maklumat kita akan perhebatkan er...sebaran maklumat ini di media-media er...sosial dan juga di media *mainstream* insya-Allah. Terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Soalan seterusnya, wakil daripada Mentakab, soalan nombor 9.

YB TUAN WOO CHEE WAN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, nom…nombor 9 soalan saya.

YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih soalan dari er...Mentakab. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, Malaysia adalah negara yang mengamalkan pasaran terbuka dan banyak bergantung kepada barang import. Dan er...Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Negeri Pahang akan terus meningkatkan usaha membantu mengurangkan beban rakyat dan akan mengambil tindakan bagi menangani kenaikan harga barang.

Antara tindakan dan usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian. Er...nombor 1, menguatkuasakan Akta Kawalan Harga, atau kita panggil Antipencatutan 2011. Er...KPDN akan er...mengawal er...peniaga diwajibkan menetap harga. Itu satu.

Nombor 2, melaksanakan Skim Harga Maksimum Keluarga, maknanya skim ini melibatkan kawalan harga ke atas beberapa kategori barangan seperti ayam, telur, er...ayam, telur ayam dan sayur-sayuran.

Nombor 3, Skim Harga Maksimum Musim Perayaan, yang seperti yang baru er... Aidilfitri ini, kementerian mengawal 22 jenis barangan.

Dan untuk 4, melaksanakan penentuan Harga Maksimum Ayam dan Telur. Ayam di er...diletak dekat harga RM9.40 ya sekilo, dan er...telur 3 jenis kita kawal. Telur saiz ‘A’ RM0.41, untuk ‘B’, saiz ‘B’ RM0.34, sebiji ya, ‘C’ RM0.45 sebiji.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, macam mana kita nak tentukan saiz telur itu, dia er...er...harga telur tu ‘A’, ‘B’, ‘C’. Saiz dia ke ataupun macam mana?

YB TUAN SIM CHON SIANG

Ada saiz dia dan keberatan dia.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih.

YB TUAN SIM CHON SIANG

Okey, untuk 5, penguatkuasaan Pencatutan. Peniaga akan dikenakan tindakan sekiranya mengambil keuntungan tinggi yang tidak munasabah. Kedai dia suka boleh letak berapa tinggi dia nak. Kalau ada aduan, kita, pegawai kita akan pergi, pergi saman dia. Tapi dia kena tunjuk dulu lah sebab kenapa dia boleh jual mahal sebegitu. Nombor 6, melaksanakan Ops Lantai.

Ops ini dilaksanakan untuk pengetahuan lantai bekalan sesuatu barangan dari peringkat pembekal sehingga peruncit, bagi memastikan tiada keuntungan tidak musa…munasabah diambil, di mana-mana peringkat pengedaran. Untuk er...kawalan harga, kita pun er...ada Ops juga ya, Ops Anti Sorok, er...kalau seperti apa yang er...mungkin sedang berlaku adalah gula pasir, mungkin mereka ingat bulan 6 mahu naik harga dan ya mereka simpan, tapi ini memang tidak berlaku, kalau kita dapat pemborong atau ini peruncit dia simpan untuk naikkan harga, kita ambil juga tindakan.

Nombor 3, pemantauan harga barang. Pemantauan harian dilakukan secara konsisten oleh pegawai KPDN di premis terpilih dan di seluruh negeri Pahang. Seperti pasar raya, pasar basah, pasar mini dan kedai serbaneka 24 jam, kita akan kawal.

Kementerian sentiasa menjalankan kerjasama dengan pelbagai pihak antaranya, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Persatuan Pengguna dan Rakan KPDN. Untuk er...Sidang Dewan yang mulia ini, para pengguna bahan ini yang macam dalam gulungan semalam saya, memang bijak, selalu buat perbandingan, antara kedai mana. Kita juga ada satu *apps* untuk senangkan er...rakyat kita ini. So, saya menggalakkan semua pengguna di Pahang ini, menjadi satu pengguna yang bijaksana dan kita ada satu a*pps* panggai, dipanggilkan *'Price Catcher'* dalam lingkungan 10km ini kita tahu siap, harga mana yang paling murah.

Kalau siapa nak *download*, pergi *download* lah.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Aplikasi ya.

YB TUAN SIM CHON SIANG

Aplikasi, Aplikasi *'Price Catcher'.* KDN, KPDN juga memperkenalkan insentif Payung Rahmah, atau er...biasa kita panggil Jualan Rahmah yang harganya er...macam semalam gulung juga yang apa saya gulung itu, 10% sampai 30% dari harga asal. Dan untuk Menu Rahmah, restoran kita menggalakkan jual dengan harga RM5.00.

Lepas itu, pemantau dan penguatkuasa yang lebih agresif meliputi seluruh rantaian pengedaran dan pembekalan barangan dan perkhidmatan ke seluruh negeri, kita akan *check* ya termasuk pegawai dan anggota penguatkuasa KDN telah diarahkan. Saya sudah pun beri arahan kepada mereka dan sentiasa berada di kawasan-kawasan

hotsport seperti pasar raya awam, pasar raya, pemborong bagi memantau situasi bekalan dan harga barangan keperluan rakyat.

Untuk er...sebarang aduan, kalau bolehlah er...kita banyak tempat boleh mengadukan aduan kalau dapat harga yang mahal. So... kita ada *branch* KPDN di Kuantan, Temerloh, Raub, Jerantut, Rompin dan juga, kalau bolehlah pergi ke pejabat nak buat aduan dengan bukti ye, jangan tak ada bukti cakap-cakap saja itu jangan susah kita ambil tindakan. Boleh pergi talian hotline KPDNHEP er...tolong pergi *google* lah nak *contact* dekat mana-mana pejabat ni macam mana *phone contact*. Kalau tak tahu *google,* boleh call saya jugak. 012-9818819. Itu tindakan lebih tegas lebih cepat sikit. Empat kali je. Lima kali pun tak apa.

YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya…seingat saya dah banyak kali dah YB Teruntum ni bagi nombor telefon. Saya cadangkan unit Media kita buat poster satu, letak nombor telefon dan isi dia punya perkhidmatan dia dan boleh sebar insya-Allah.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih cadangan daripada Tahan.

YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih. Tahan saya terima, tapi untuk maklumat hanya untuk aduan atau cari kerja saja. Nak kahwin jangan cari saya. Itu sebanyak-sebanyaklah kita KPDN sebagai EXCO, kita boleh membantu rakyat di Kuantan di Pahang, So, harap maklumlah kalau siapa-siapa ahli ada masalah boleh *call* saya terus. Terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya nak terus kepada soalan yang terakhir. ADUN er...wakil daripada Ketari soalan nombor 10.

YB TUAN SU KEONG SIONG

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 10.

> [Apakah perancangan jangkamasa panjang Kerajaan Negeri untuk menjadikan kawasan Janda Baik suatu destinasi pelancongan yang lestari dan mampan?]

YB CIK LEONG YU MAN

Yang Borhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Ketari yang bertanya yang Janda Baik. Janda Baik merupakan perkampungan Melayu di Tanah tinggi yang menjadi tarikan pelancong berkonsepkan alam semula jadi. Untuk menjadikan Janda Baik satu destinasi pelancongan yang lestari dan mampan, kerajaan sentiasa menyokong untuk perkembangan sektor pelancongan berasaskan komuniti, *community based ecotourism* dengan izin dengan juga memantau pembangunan yang dirancang supaya tidak menjejaskan alam sekitar. Di samping itu, aktiviti promosi juga dijalankan untuk membantu pelancongan di Janda Baik dan peruntukan disalurkan untuk menambah baik kemudahan di Janda Baik.

YB TUAN SU KEONG SIONG

Soalan tambahan Dato' Sri.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya...ya…Yang Berhormat.
YB TUAN SU KEONG SIONG

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua. Memang er...Janda Baik ni kawasan ni yang amat unik dan kalau di promosi dan dirancang dengan baik, ia akan memanfaatkan penduduk-penduduk sekitar dan juga kepada negeri kita dari segi sektor pelancongan. Jadi, salah satu cabaran yang dihadapi dalam kawasan seperti ini adalah perubahan iklim dan juga perancangan dari segi infrastruktur seperti lampu jalan dan juga pembuangan sampah. Jadi apakah…apakah rancangan pihak Kerajaan Negeri untuk merangkumi semua ini dilihat dari segi objektif agar ia dapat menjadikan satu kawasan yang…yang baik untuk pelancongan dari segi perancangan-perancangan infrastruktur dan juga masalah perubahan iklim?

YB CIK LEONG YU MAN

Terima kasih kepada Yang Berhormat Ketari. Memang kita faham bahawa untuk menjayakan satu destinasi pelancongan, usaha bersepadu diperlukan dan untuk er... menyediakan kemudahan-kemudahan yang diperlukan saya rasa ini telah dibentang dan dibangkit oleh Yang Berhormat Ketari dalam perbahasan beliau dan juga pernah dirujuk dalam sesi soal jawab bersama dengan Yang Berhormat Pelangai dan saya rasa Kerajaan akan meneliti isu-isu yang dihadapi.

YB DATO SRI JOHARI BIN HARUN

Mohon mencelah Yang Berhormat Dato' Sri.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila wakil Pelangai. Wakil kerajaan.

YB DATO SRI JOHARI BIN HARUN

Seperti mana Yang Berhormat Ketari beritahu perkataan dengan infrastruktur dan sebagainya memang itu yang kita nak buat. Memang kerajaan dah perhatikan bahawa apabila kemunculan banyak resort-resort dekat situ, jadi perlunya di naik taraf infrastruktur khususnya jalan. Tapi, untuk buat perkara-perkara begitu, dia melalui tadi lah kita ada buat RTD dulu. Maknanya Rancangan Tempatan Daerah, itu pun dibantah. Kita nak buat RKK itu pun dibantah. Ini adalah proses. Proses kerajaan untuk orang kata apa memajukan satu tempat tu ini lah proses dia tapi nampak bantahan. Sebagai sebuah kerajaan yang prihatin, jadi kita terpaksa pun dengar apa yang rintihan daripada masyarakat itu tadi.

Jadi perkara inilah yang balik kepada kita cerita kerajaan mahu kita akan cuba untuk er... apa namanya *enggage* dengan penduduk-penduduk yang mana ini memang mustahak. Janda Baik tu sangat berpotensi tetapi infra dia, orang kata apa kita mesti nak di…dinaiktarafkan insya-Allah kita akan cuba buat yang terbaik.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya…kita selesai membincangkan sepuluh pertanyaan dan jawapan. Sebelum saya menangguhkan, saya ingin er...mengucapkan selamat datang kepada er...ada dua kumpulan pemerhati di tempat ini pada hari ini. Satunya daripada Universiti Kolej of Yayasan Pahang. [Ahli Dewan menepuk meja] dan yang keduanya daripada Pergerakan Pemuda Umno Negeri Pahang. [Ahli Dewan menepuk meja] Ahli Yang Berhormat sekalian, saya bercadang untuk menempohkan persidangan kita pada pagi ini untuk minum pagi dan persidangan akan disambung semula pada pukul 11.15 pagi ini. Sekian, persidangan ditempohkan.

[*Persidangan ditempohkan pada jam 10.48 pagi*]

[*Persidangan disambung semula*]

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara ketiga: Sambungan menimbang usul menjunjung kasih atas titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dihadapan Majlis adalah satu Usul yang berbunyi:

"Bahawa Dewan Negeri Pahang yang bersidang pada hari ini, bersetuju menjunjung kasih atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang berangkat menyempurnakan titah Diraja kepada Dewan Negeri".

Usul tersebut telah dibawa oleh Yang Maha Berhormat Menteri Besar Pahang dan telahpun disokong dan dibahaskan pada 9 dan 10 Mei 2023. Seterusnya pihak kerajaan seramai 10 orang telah pun memberikan jawapan-jawapan pada hari Khamis 11 Mei 2023. Pada hari ini, Majlis akan menyambung menimbang usul tersebut. Sekarang saya menjemput Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk menjawab pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa membahaskan usul tersebut.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua kerana menjemput saya menyampaikan ucapan dalam sesi pergulungan ini dan er... Alhamdulillah syukur kepada Allah SWT kerana dengan Rahmat serta izin-Nya kita dapat meneruskan persidangan Dewan kita dan hari ini merupakan hari yang terakhir. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya menjunjung serta tinggi kasih ke sisi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billal Shah atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku mencemar duli berangkat menyempurnakan Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama, Penggal Ke-2 Dewan Negeri Pahang Ke-15 pada hari Isnin yang lalu.

Sesungguhnya keberangkatan Tuanku dengan iringan lafaz titah Diraja telah menyemarakkan semangat juang dalam kalangan patik pacar-pacar sekalian untuk mendahulukan rakyat dan memakmurkan negeri ini. Intipati titah Diraja oleh Tuanku menjadi panduan yang amat berguna kepada Kerajaan Negeri serta kepada pacar-pacar Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya lagi sekali untuk meneruskan perbahasan dan dalam sesi pengulungan dan ini membolehkan saya menjawab beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat sekalian.

Saya juga ucapkan terima kasih kepada semua pihak sepanjang persidangan Dewan Negeri yang mulia ini telah memukakan soalan-soalan dan pertanyaan-pertanyaan yang begitu baik dan ini membolehkan saya untuk menjawabnya. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada kesemua Ahli-ahli

Yang Berhormat selama 30 orang yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan kali ini. Terima kasih dan taniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berbahas secara berhemah serta menyatakan pandangan serta berusaha mendapatkan maklum balas daripada pihak Kerajaan Negeri. Mudah-mudahan Allah SWT memudahkan segala urusan kita dan memberikan Rahmat-Nya kepada kita semua.

Yang berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

Sepanjang perbahasan tersebut antara topik yang banyak dibangkitkan ialah berkenaan dengan perkhidmatan bekalan air di Negeri Pahang dan seperti mana saya jelaskan di Dewan Yang Mulia pada sidang Dewan Negeri ke-14 yang lalu, oleh sebab kita dah ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru, saya ingin menyatakan bahawa perkhidmatan bekalan air merupakan salah satu keutamaan dan fokus utama Kerajaan Negeri dan seperti mana yang saya katakan semasa sidang Dewan Ke-14 yang lalu, di mana saya telah berjanji untuk turun ke setiap daerah negeri Pahang, bagi tujuan mendengar rintihan dan mengadakan perbincangan dengan pihak pengurusan PAIP daerah dan juga berbincang bagaimanakah untuk menyelesaikan isu dan mencari penyelesaian di Negeri Pahang.

Maka bermula pada 10 April 2022 bagi daerah Lipis dan Cameron Highlands sehinggalah yang terakhir sekali pada 5 Ogos 2022 bagi daerah Maran dan Bera. Saya dah pergi semua Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua di semua daerah di negeri Pahang ini. Melalui jelajah berkenaan, saya lagi sekali mengulangi komitmen Kerajaan Negeri dan PAIP untuk memastikan 90% isu bekalan air di negeri Pahang ini dijangka dapat diselesaikan pada tahun 2026. Ini adalah komitmen dan janji Kerajaan Negeri. Sebenarnya agenda air ini amat besar dan ia mempunyai beberapa komponen yang perlu kita tangani antaranya ialah masa dan juga peruntukan kewangan dan ia memerlukan perancangan yang rapi. Tiga komponen yang sangat penting perancangan, masa dan peruntukan kewangan.

Masalah berkaitan bekalan air berlaku bukan sahaja di Pahang malah ia juga berlaku di semua negeri di seluruh negara bahkan ada negeri yang tahap perkhidmatan airnya lebih teruk daripada negeri Pahang. Ini ramai yang tahu. Kita ini bukan yang tercorot. Ada negeri yang lebih teruk lagi daripada Pahang. Insya-Allah saya ada maklumat yang dibekalkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara. Bukan saya bercakap Suruhanjaya yang bentang air Negara yang memberi maklumat kepada Kerajaan Negeri. Isu utama adalah kadar tarif yang rendah. Negeri Pahang ni adalah negeri yang kedua rendah selepas Pulau Pinang dan ianya adalah bergantung kepada di mana kajian tarif bekalan air domestik yang dilakukan pada tahun 1983 dan tarif air domestik Negeri Pahang ini, di Malaysia ini adalah yang kedua terendah selepas Pulau Pinang.

Namun begitu Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, kekangan kadar tarif dan peningkatan kos operasi tersebut tidak menghalang Kerajaan Negeri Pahang untuk tidak melakukan yang terbaik dari aspek bekalan air. Berdasarkan laporan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara atau SPAN, sehingga tahun 2021 dengan panjang paip sepanjang 15,086km dan bentuk geografi yang mencabar Kerajaan Negeri dalam usaha untuk menggantikan paip jenis *asbestos cement* (AC) dengan paip jenis baru dan berkualiti iaitu *mild steel cement lining* di seluruh negeri Pahang.

Saya pada mulanya bercadang untuk nak bawa paip jenis *asbestos* ini ke Dewan ini, Dato' Sri Yang di-Pertua supaya Ahli-ahli Dewan dapat tengok, a*sbestos Cement* atau AC la kita panggil kita *compare* dengan jenis *mild steel cement Lining* tapi tidak sempat

dibawa pada hari ini. Jadi kalau kita boleh tengok, paip jenis *asbestos* ini analoginya jentik pun boleh bocor. Jadi kita cuba nak ganti. Sehingga kini sebanyak 24.2% paip jenis MSCL yang berkualiti berbanding dengan AC tadi telah pun dipasang diganti di negeri kita dan ianya lebih baik berbanding dengan negeri-negeri lain seperti Kedah, Terengganu dan Kelantan sebagai contohnya.

Manakala kadar *non revenue water* NRW, negeri Pahang pula adalah pada kadar 49.3% pada tahun 2021 dan ini secara *average* NRW ini di bandar dan di luar bandar dia tak sama. Tetapi kita ambil purata, 49.3%. Kadar ini lebih rendah dan lebih baik berbanding dengan negeri lain. Kalau kita nak bandingkan secara khusus, kita boleh bandingkan Kelantan dan Kedah. Mana Pahang lebih baik daripada dua-dua negeri ini. Malah bagi kadar, malah kadar bagi Negeri Pahang pada tahun 2022 juga telah menurun dan bertambah baik lagi yaitu pada kadar 47.6% bermakna 49.3% pada tahun 2021, 2022, 47.6% dan saya juga dimaklumkan insya-Allah pada tahun ini angka ini akan dapat dikurangkan lagi.

Selain daripada itu juga, Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, rizab margin Bekalan Air Negeri Pahang Adalah 20.6% lebih baik berbanding dengan beberapa negeri lain iaitu kalau sebagai contohnya kita ambil negeri Kelantan punyai 0% ataupun tidak mempunyai *result margin*. Ini yang dinyatakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara. Bukan saya kata, bukan Kerajaan Negeri Pahang kata, tapi ini adalah laporan yang dibentangkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara sehingga tahun 2021. Manakala aduan berkenaan kualiti air bagi tahun 2020 hingga 2021 juga menyaksikan Pahang di kedudukan 4 terbaik di Malaysia dengan jumlah 668 aduan berbanding 3254 jumlah aduan bagi negeri jiran kita. Malas nak sebut Kelantan banyak kali ini, bagi negeri jiran kita.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kita akur kelemahan masih ada dan ruang untuk menambah baik perkhidmatan pasti ada. Namun ini tidak bermakna keadaan dan prestasi perkhidmatan air negeri Pahang sewenang-wenangnya dikatakan sebagai teruk dan tidak tidak dicakna oleh Kerajaan Negeri. Sesungguhnya, perkhidmatan air masih menjadi fokus utama Kerajaan Negeri sehinggalah sekarang.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya ingin menyentuh sedikit perancangan dan status semasa projek pembangunan perkhidmatan air negeri Pahang ini di mana dimaklumkan ketika sidang Dewan sebelum ini, sehingga kini sejumlah 217 projek masih kekal dalam perancangan rapi dan pelaksanaan oleh Kerajaan Negeri melibatkan peruntukan berjumlah RM2.3 bilion. Keseluruhan peruntukan ini bukanlah sekadar janji, angka atau impian kosong, ini merupakan satu inisiatif yang pasti dan dijayakan dengan kerjasama pelbagai pihak.

Perincian peruntukan adalah seperti berikut, saya kena nyatakan. Jika tidak nanti timbul pelbagai tafsiran dan persepsi. Pecahan peruntukan bagi projek bekalan air negeri Pahang, fasa pertama err...bermula tahun 2021 hingga tahun 2026. Sumber mana kita dapat duit? Antaranya daripada PAIP sendiri ataupun PAAB, pembangunan Persekutuan, pinjaman Persekutuan, Wang Negeri, daripada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, FELDA, ECRDC dan BBA NREC. BBBA NRECC itu adalah Bahagian Bekalan Air, Kementerian Sumber Asli Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.

Yang menjadikan jumlahnya semua sekali seperti mana saya katakan tadi iaitu RM2.3 bilion. Kalau ikut pecahannya, PAIP RM661 juta, Pembangunan Persekutuan RM256 juta, pinjaman Persekutuan RM922 juta, Wang Negeri RM16 juta, KKDW RM210 juta, FELDA RM27 juta, ECERDC RM235 juta, BBA NRECC RM13 juta. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga April 2023 iaitu kira-kira setahun lepas siri jelajah saya ke daerah-daerah bersama PAIP termasuk juga dengan mantan Setiausaha Kerajaan yang lalu, Pegawai Daerah yang terlibat. Berdasarkan daripada 217 projek, saya telah diberitahu bahawa 82 projek telah siap dilaksanakan, membabitkan kos sebanyak RM47 juta manakala 37 projek dalam pembinaan membabitkan kos RM299 juta dan 98 projek lagi dalam peringkat pra pembinaan iaitu perancangan reka bentuk pecahan mengikut projek adalah banyak.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Tidak mungkin bagi saya untuk membaca satu per satu tetapi tidak ada masalah sekiranya rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat daripada sebelah sana untuk mendapatkan maklumat. Kita boleh buat perkongsian. Ini secara *detail*nya, sebagai contohnyalah. Cameron Highlands, 10 projek. Bilangan projek siap, 5. Bilangan projek dalam bandaran, 4. Bilangan projek pra pembinaan, 1. Itu contohnyalah ya. Boleh dapatkan ini. Kalau Yang Berhormat daripada DUN Cheka nak dapat lepas ini, boleh jumpa saya. Untuk Cheka ini, kita bagi *special* sikit sebab yang pertama, bekas Menteri. Yang kedua, Ketua Pembangkang. Kemudian rakan saya, Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Terima kasih Yang Amat Berhormat. Terima kasih.

YB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Sama sama, Yang Berhormat daripada Cheka. Seterusnya Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, projek-projek ini dirancang bagi atasi masalah bekalan air negeri Pahang, antaranya ialah paip pecah, tekanan rendah, bukan sahaja darah, darah kita terkena tekanan rendah, tekanan tinggi. Paip pun ada juga tekanan rendah, tekanan tinggi. Kalau paip jenis AC itu, Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, kalau kena tekanan tinggi, pecah. Analogi dia sama saja. Putus bekalan, kualiti air mentah yang merosot dan penukaran jajaran paip lama.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya lagi sekali mengulangi komitmen Kerajaan Negeri dalam mengatasi masalah bekalan air negeri Pahang demi keselesaan rakyat. Sudah pasti masa amat diperlukan bagi melaksanakan semua projek ini selain daripada peruntukan kewangan dan perancangan rapi. Berilah ruang dan peluang buat Kerajaan Negeri dan PAIP melaksanakan semua inisiatif yang telah dirancang mengikut masa yang ditetapkan.

Kerajaan Negeri juga mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan melalui agensi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan…atas kelulusan projek-projek CAPAC yang telah diterima. Marilah kita semua mengambil kesempatan ini untuk mendoakan agar segala usaha dan perancangan ini dapat dijalankan dengan jayanya. Andai kata kita diuji, marilah kita semua berikrar untuk bekerjasama dengan ikhlas, bersungguh-sungguh dan berganding bahu, menyelesaikan masalah berkenaan, ketepikanlah segala perbezaan, keselesaan rakyat, menjadi keutamaan.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, berkenaan dengan pemuliharaan Harimau Malaya.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Mohon mencelah, Dato' Speaker.

YB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Sila.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Sekejap, sebelum beralih ke lain. Pasal air ini, tadi saya dengar Yang Amat Berhormat membentangkan bahawa NRW kita telah menurun dengan baik. Syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri dan PAIP. Cuma saya ingin bertanya penjelasan, ada tak sasaran yang ditetapkan? Sama ada oleh pihak SPAN atau sasaran Kerajaan Negeri sendiri? Ke tahap manakah kita nak kurangkan NRW ini, sampai bila? Supaya dia menjadi satu sasaran yang tepat untuk kita buat. Terima kasih.

YB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Soalan yang... ataupun pertanyaan yang sangat baik daripada Beserah. Jawapannya ada. Saya dalam perbincangan dengan PAIP, selalunya saya minta perbandingan. Tidak ada sasaran secara khusus. Kalau katanya, katakan, semasa perbincangan tersebut, negeri Selangor, contohnya NRWnya 25%. Hah, itu kita cuba pergi ke arah itu dulu. Jadi kita tidaklah menetapkan dengan izin, by 2 or 3 years NRW ini perlu 10% atau tidak. Sebab kita sangat memahami bahawa kesulitan untuk meminimakan NRW ini sangat *complicated*. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, boleh saya teruskan?

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Silakan, Yang Berhormat…Yang Amat Berhormat.

YB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih Dato' Sri. Berkenaan dengan pemuliharaan Harimau Malaya. Kerajaan Negeri juga komited dalam usaha pemuliharaan Harimau Malaya dengan mewartakan rizab Harimau Diraja Al-Sultan Abdullah seluas 134,183 hektar, kalau ekar lagi luas, kali dengan 2.5 lebih kuranglah ya. Sebagai permulaan pihak Jabatan Perhutanan Negeri Pahang telah melaksanakan pewartaan fasa pertama ke atas kawasan hutan tadahan air dan hutan pelindungan tanah di keseluruhan hutan simpan Gunung Ais dan hutan simpan Gunung Ais tambahan seluas 92,649.33 hektar sebagai hutan pelindungan hidupan liar melalui siar warta bertarikh 4 Mei 2023. Manakala selebihnya pula kita akan laksanakan menerusi fasa kedua.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kita seharusnya berbangga kerana rizab ini merupakan yang pertama di Malaysia. Di Malaysia, negeri Pahang adalah negeri yang pertama mengadakan rizab yang sedemikian. Seharusnya kita berbangga kerana Kerajaan Negeri telah mendahului negeri-negeri lain di negara kita Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Kawasan rizab ini akan menjadi salah satu daripada projek karbon kredit di bawah skim Malaysian Forest Fund ke arah meningkatkan usaha-usaha konservasi hutan kita secara kolektif. Selain itu juga, Pusat…penubuhan Pusat Konse…Konve…Konservasi Harimau Malaya...ini hari Jumaat ini Dato' Sri Yang di-Pertua, nak kena...

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Friday.

YB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Friday. *This is* Friday *not only, This is* Pahang. Selain itu juga penubuhan Pusat Konservasi Harimau Malaya Negeri Pahang di Lanchang. Di kawasan Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

YB YANG DIPERTUA DEWAN

Dulu.

YB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Ya, dulu dan ini pun dipohon oleh Yang Berhormat ADUN Lanchang ketika itu. EXCO Kerajaan Negeri, bagi satu tepukan kepada Dato' Sri Yang di-Pertua. (Ahli Dewan menepuk meja) kerana…

YB YANG DIPERTUA DEWAN

Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat kena sebut yang dulu, bukan sekarang. [Ketawa] yang sekarang ni, dia belum mohon lagi.

YB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Saya ulangi, yang dulu Dato' Sri Yang di-Pertua. (Ahli dewan menepuk meja). ADUN Lanchang yang dulu kerana telah berusaha untuk memohon mendapatkan Pusat Konservasi Harimau Malaya di Lanchang, Temerloh seluas 80 hektar. Ini juga membuktikan Kerajaan Negeri Pahang begitu serius dalam melindungi kepupusan Harimau Malaya di negeri kita yang tercinta ini.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Pusat Konservasi yang dibina dengan kos RM42.25 juta ini adalah selaras dengan kempen Selamatkan Harimau Malaya yang sedang digiatkan oleh kerajaan dan telah mula beroperasi pada 1 Februari 2020 yang lalu. Kita juga seharusnya berbangga kerana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang merupakan seorang putera raja yang begitu prihatin terhadap kepupusan habitat berharga ini.

Habitat harimau mesti dijaga
Kelestarian hutan akan terpelihara
Syukurnya Pahang Dikurnia Putera Raja
Prihatin Alam Negeri Sejahtera

[Ahli Dewan menepuk meja]

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Berkenaan dengan penguatkuasa. Kerajaan Negeri sememangnya serius dan begitu serius terhadap usaha-usaha penguatkuasaan bagi memberi tumpuan berterusan terhadap kes-kes yang menyebabkan kehilangan hasil Kerajaan Negeri. Oleh sebab itulah Kerajaan Negeri telah menubuhkan Unit Penguatkuasa Negeri Pahang yang ditubuhkan pada 15 Oktober 2019 dan Kerajaan Negeri telah berjaya membanteras penerokaan tanah secara haram terutamanya dalam Ops Lestari di Cameron Highlands.

Malah bagi tahun 2022, Kerajaan Negeri telah melaksanakan sebanyak 107 operasi yang melibatkan peruntukan sebanyak RM1.217 juta untuk tujuan pemusnahan, penyertaan dan lain-lain usaha pemantauan yang digerakkan secara bersepadu. Malah dengan penubuhan skuad elit juga, usaha-usaha membanteras penerokaan haram ini juga giat dilaksanakan secara berterusan. Skuad elit ini berperanan melakukan risikan awal serta serbuan ke kawasan yang didapati telah melakukan perbuatan penerokaan haram, dan bagi Menjunjung Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Kerajaan Negeri akan terus memperhebatkan lagi aktiviti penguatkuasaan agar kelestarian alam sekitar ini terus terpelihara.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya juga ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan soalan tambahan. Tidak mungkin untuk saya menjawabnya semua sekali. Saya ucapkan terima kasih kepada rakan-rakan, Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan. Saya juga bercadang untuk menggunakan strategi daripada sahabat saya ADUN Benta supaya saya pergi ke tempat-tempat lain dulu, apabila masa sudah agak suntuk. Jadi saya mintak maaf kerana tidak menjawab. Tapi saya ingin mengambil kesempatan jugalah untuk menjawab ya. Yang pertama sekali soalan daripada Yang Berhormat daripada Cheka, yang mencadangkan supaya 10% peratus hasil yang diperoleh daerah Lipis dan Jerantut contohnya, perlu dikembalikan kepada daerah-daerah tersebut.

Saya ucapkan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat daripada Cheka. Walau bagaimanapun, saya suka memaklumkan di Dewan yang mulia ini. Kerajaan Negeri sentiasa memberi keutamaan kepada keperluan dan permohonan yang dikemukakan oleh pegawai daerah. Pegawai pegawai daerah boleh terus ajukan apa saja permohonan dan keperluan mereka terus kepada saya ataupun kepada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri. Insya-Allah, kita akan berikan pertimbangan khas. Sebagai contohnya, sebelum ini, Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

Kita telah memberi pertimbangan khas di atas permohonan oleh pegawai-pegawai daerah. Sebagai contohnya, Kerajaan Negeri telah meluluskan RM40 juta kepada semua daerah-daerah di Pahang iaitu berkaitan dengan isu selepas Pasca Banjir 2021. Di mana ketika itu saya bersama-sama dengan Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri telah berjumpa dengan semua pegawai daerah, daerah demi daerah. Bukan kita panggil sekali. Ini daerah demi daerah. Kita…saya ingin tahu apakah isu banjir? Apakah yang…semasa banjir dan apakah cadangan yang mereka perlukan supaya banjir ini dapat diminimakan? Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon izin sekejap. Minum air. Hari Jumaat.

YB YANG DIPERTUA DEWAN

Sila, Yang Amat Berhormat. Tulah. Kena tambah air ya.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Er…Yang Berhormat, saya minta laluan sikit. Sementara Dato' Sri minum air. Er…saya…saya kemukakan cadangan…saya mengalu-alukan apa yang jawapan yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya kemukakan pandangan ini, bila saya lihat sumber hasil setiap daerah ni tak seimbang. Ada negeri…daerah-daerah yang sangat rendah hasilnya contoh macam Maran, macam yang dibentang.

Di *planning*, perancangan daerah itu untuk pembangunan daerah tu sangat terhad sebab dia tak banyak cukai yang boleh diambil. Cukai pintu, kedai tak banyak, industri tak banyak tetapi hasil daripada daerah tu besar. Balak, bijih besi dan sebagainya. Kalau sekiranya dapat di…ini…ini pandangan saya Dato' Sri. Saya lihat bahawa untuk *long-term planning* di peringkat daerah sekiranya dia ada, dia dapat dana tersebut, dia boleh susun, jangka untuk 10 tahun, 20 tahun akan datang bagi membangun pembangunan daerah yang…itu pandangan sayalah. Terima kasih. Terbuka untuk perbincangan. Terima kasih.

YB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat daripada Cheka. Pandangan yang sangat baik tapi saya ingin menyatakan di sini bahawa…bahawasanya kita akan pergi kepada *case by case* lah, dengan izin. Kita tidak mengabaikan sekali mana-mana daerah di negeri Pahang ini, sebab itulah bila perjumpaan, sebagai contohnya di Maran. Pegawai Daerah Maran ketika itu telah mengemukakan Pusat Pemindahan Mangsa Banjir secara tetap. Kerajaan Negeri telah luluskan, dan sebanyak RM40 juta telah kita peruntukkan kepada semua-semua daerah. Antara permohonan mereka ialah sebagai contohnya, Pegawai Daerah mengatakan berlaku apa ni kegagalan untuk menghantar bekalan makanan semasa banjir kerana terputus jalan. Mereka mahu helipad kita bagi. Jadi itulah antara-antaranya.

Namun begitu, Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, oleh sebab Kerajaan Negeri begitu prihatin. Apa yang baik untuk daerah, untuk negeri, kita akan pertimbangkan dan kita akan tengok keadaan macam mana bergantung kepada kedudukan kewangan secara keseluruhannya.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Menjawab soalan Ahli Yang Berhormat daripada Beserah, berhubung isu pengambilan balik tanah untuk projek ECRL di dalam kawasan DUN Beserah yang didakwa tidak dibincangkan dengan teliti bersama pemilik tanah. Saya ingin menyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa dakwaan ini tidak begitu tepat. Yang mana pemilik atau tuan tanah tidak perlu…tidak. Saya suka juga maklumkan bahawa pemilik atau tuan tanah tidak perlu merasa bimbang kerana ia melibatkan proses yang panjang untuk pengambilan tanah ni. Bukan boleh pagi ini atau esok lusa teringat nak ambik tanah tersebut, kita terus pergi amik. Tidak.

Dia ada tiga…tiga peringkat Yang Berhormat daripada Beserah. Yang pertama sekali ialah semasa peringkat pra pengambilan. Sebelum ambil tu, ada proses dia di

peringkat pra pengambilan, dan juga semasa pengambilan dan pasca pengambilan. Ini adalah yang telah ditetapkan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian. Malah, prosedur ini digunakan dan dipatuhi daripada dulu lagi semenjak merdeka sehinggalah ke hari ini oleh Kementerian Jabatan Pengguna dan juga pentadbir tanah. Saya yakin menerusi proses-proses ini, pemilik tanah mempunyai hak yang tidak boleh disangkal ke atas tanah mereka dan mereka juga berhak untuk menerima pampasan yang sewajarnya. Sekiranya tanah mereka diambil oleh kerajaan bagi maksud awam ataupun demi *public interest* dengan izin.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Berkenaan dengan peruntukan kepada ADUN Pembangkang. Saya ingin menyentuh perkara ini, dan suka saya nyatakan lagi sekali bahawa Kerajaan Negeri sentiasa mempertimbangkan untuk memberi peruntukan kepada Yang Berhormat Pembangkang seperti mana yang telah Kerajaan Negeri berikan RM5,000 ketika bulan Ramadan yang lalu. Saya ucapkan terima kasih kepada dua orang rakan saya di sebelah sana, yang ada mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana mengatakan duit RM5,000 dah dimasukkan di dalam pusat.

YB YANG DIPERTUA DEWAN

Boleh bagi lagilah kalau macam tu.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Insya-Allah, insya-Allah Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Saya tegaskan lagi sekali bahawa Kerajaan Negeri tidak sesekali mengabaikan kebajikan rakyat. Malah Kerajaan Negeri juga sentiasa menyalurkan pelbagai bentuk sumbangan dan bantuan kepada rakyat negeri ini secara berterusan meliputi segenap lapisan masyarakat tanpa memilih bangsa, agama mahupun warna politik. Malah di kawasan DUN Pembangkang sekali pun Kerajaan Negeri akan tetap salurkan bantuan walaupun pengundi di kawasan tersebut tidak memilih kami pada PRU yang lalu kerana ini sudah menjadi tanggungjawab kami sebagai Kerajaan. [Ahli Dewan menepuk meja].

Walaupun peruntukan tidak disalurkan terus kepada ADUN Pembangkang, tetapi bantuan-bantuannya tetap sampai kepada rakyat di kawasan rakan-rakan daripada ADUN Pembangkang. Dan ianya disalurkan sama ada melalui Pejabat Menteri Besar atau pun saya sendiri atau pun melalui EXCO Kerajaan Negeri ataupun melalui Yang Berhormat daripada Kerajaan ataupun melalui penyelaras DUN-DUN ataupun Pejabat Pejabat Daerah.

Sebagai contohnya, bantuan yang kita salurkan terus kepada rakyat di seluruh negeri ini tanpa mengira fahaman politik, bangsa dan agama. Bantuan RM100 kita berikan kepada semua murid Tahun Satu. Mana-mana mereka yang masuk Tahun Satu bantuan awal persekolahan kita terus bagi kita tak tanya dia. Ayah dia ke mana ke kiri atau ke kanan? Tak tanya. Kita bagi automatik. Itu contoh.

Yang kedua, bantuan RM300.00 yang kita berikan kepada semua anak-anak Pahang yang menuntut di Institusi Pengajian Tinggi. Baru saja kita buat program baru ini, jamuan hari raya di Kuala Lumpur. Kita pun tak tanya mereka. Daripada mana, kampung mana ataupun fahaman politik sekalipun kita bagi semua kita tak pilih bulu. Dan begitu juga bantuan Pahang Pride Kid kepada ibu yang melahirkan anak di negeri Pahang. Dulu RM200.00 sekarang RM300.00. Kita pun tak tanya walaupun saya

dimaklumkan semasa menyampaikan bantuan jelas ada bendera-bendera yang tidak sehaluan dengan kita. Kita tak tanya pun, kita terus bagi. Apa lagi?

Bantuan Pahang Pride Kasih RM500.00 kad kesihatan kepada warga emas tidak kira siapa jua. RM300 sebagai inisiatif perkahwinan bagi kahwin bagi kahwin kali pertama kepada pengantin baru. Dulu RM200.00 sekarang RM300.00 kita pun tak tanya ia daripada mana. Kalau dia kahwin kali pertama kalau ada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang belum kahwin yang kali pertama lah, ada tak? kalau ada kita pun bagi juga.

YANG DI-PERTUA DEWAN

Boleh tambah kalau Yang Berhormat kahwin kita boleh tambah sedikit lagi.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Boleh.

YANG DI-PERTUA DEWAN

Kalau ada rakan- rakan Yang Berhormat belum kahwin dengan nak kahwin boleh kita lebih lagi.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Tapi saya ingat rakan-rakan EXCO tak ada halangan bagi rakan-rakan Ahli Yang Berhormat daripada Pembangkang yang nak kahwin. Dia tak faham maksud Yang di-pertua, apa dia? Cuba Yang di-Pertua jelaskan sikit.

YANG DI-PERTUA DEWAN

Maksudnya [Ahli Dewan ketawa] maksud Yang Amat Berhormat, [Ahli Dewan ketawa] Yang Amat Berhormat kita bagi RM300. Itu kerajaan bagi. Tapi kalau sekiranya ada wakil-wakil kita yang nak kahwin yang belum kahwin lagilah yang kahwin kedua, ketiga tu itu kita cakap dalam kamar je lah yang belum kahwin lagi kita kita semua boleh tambah lagi. Itu maksud saya.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Boleh Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Apa Yang Berhomat Dato' Sri Yang di-Pertua cakap saya kena boleh dan tidak saya bimbang Yang Berhormat suruh saya berhenti [Ahli Dewan ketawa]. Yang Berhomat Dato' Sri Yang di-Pertua, itulah antaranya dan yang terkini Yang Berhomat Dato' Sri Yang di-Pertua ialah pemberian RM500.00 kepada semua bakal-bakal haji daripada negeri Pahang yang akan menunaikan haji Kerajaan Negeri bagi tidak mengira siapa.

Dan saya juga ingin maklumkan menerusi bantuan Prihatin Pahang yang kita beri ini bagi tahun ini, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan berjumlah RM42.4 juta ringgit dan jumlah ini meningkat RM8 juta berbanding tahun lalu iaitu RM34 juta. Boleh dikatakan semuanya kita bagi bermula daripada bayi yang baru lahir sehinggalah mereka yang meninggal akibat COVID pun mendapat sentuhan daripada Kerajaan Negeri Pahang. Seterusnya Yang Berhomat Dato' Sri Yang di-Pertua, selain daripada itu, merujuk kepada projek pembangunan yang memancarkan Malaysia yang Ke-12.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Minta laluan sikit, Terima kasih. Buat apa yang telah pun disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Bantuan-bantuan seluruh negara rakyat dapat sedikit. Itu tak ada isu kami pun memahaminya dan dapat makluman. Cuma apa yang titah oleh Tuanku ialah diberi kepada wakil rakyat yang telah dipilih oleh rakyat dalam sistem demokrasi. Diberi kepada wakil rakyat Pembangkang. Saya fikir bukan pada rakyat itu. Rakyat susah tapi wakil rakyat ini dipilih. Kami dipilih dalam maka sebagaimana di titah oleh Tuanku jadi saya dapat penjelasan sama ada Kerajaan Negeri bersetuju dengan pandangan Tuanku ataupun tidak bersetuju diserah kepada pembangkang. Terima kasih.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Saya ingat tak ada isu sebab sebelum Tuanku titah pun Kerajaan Negeri dah bagi RM5000. Cuma ketika itu, Kerajaan Negeri bercadang untuk memberi secara berkala sewaktu selepas beberapa bulan kita bagi RM5000 maknanya selepas itu maknanya ada lagi. Tuanku titah kita menjunjung titah Tuanku tak titah pun memang menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk memberi juga kepada rakan-rakan kita. Kita faham tapi tidaklah boleh seperti mana wakil rakyat daripada Kerajaan sebab tu berbeza Pembangkang dengan Kerajaan. Itu perbezaan dia.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Maknanya Yang Berhormat kalau nak masuk Kerajaan [Ahli Dewan ketawa] kita…kita mengalu-alukan. Kalau minta hari ini, semalam kita lulus dah. Jadi Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, ini kena ada perbezaan seperti mana saya malas mengulas lebih lanjut, saya tidak mahu panjangkan isu. Contohnya rakan-rakan daripada ADUN Pembangkang pergi ke melawat saya malas *details* kan. Kalau mereka minta pihak ataupun jabatan berkenaan memberi taklimat, mereka tak boleh la sebab meraka ini pembangkang tetapi untuk pergi ke pejabat berkenaan, tak ada masalah. Itu beza dia, begitu juga dengan peruntukan.

Kita akan bagi tetapi tidaklah sama dengan wakil Kerajaan. Itu adalah perkara biasa, perkara biasa yang memang kita tidak dapat nafikan tidak pernah berlaku dalam sejarah negara kita peruntukan sama kerajaan dengan Pembangkang mesti lebih kepada kerajaan. Jadi berbalik izinkan saya Yang Berhomat Dato' Sri Yang di-Pertua untuk meneruskan.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila ya Yang Berhormat.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Selain daripada itu merujuk kepada projek pembangunan Rancangan Malaysia ke-12 Negeri Pahang bagi tahun ini, sebanyak RM118.5 juta diperuntukkan ke kawasan DUN Pembangkang. RM118.5 yang Kerajaan Negeri telah peruntukkan di kawasan Pembangkang untuk melaksanakan pelbagai bentuk pembangunan yang menggunakan peruntukan kepada Kerajaan Negeri. Tetapi sudah tentulah peruntukan yang disalurkan kepada pejabat daerah kita tidak salurkan kepada wakil rakyat

Pembangkang. Itu bezanya. Pendek kata Kerajaan Negeri asal apa sahaja yang menyentuh kebajikan rakyat, kita akan salurkan dan kita akan usaha untuk bantu.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya fikir menjunjung titah Tuanku kita junjung memang dalam perancangan saya. Rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Kerajaan boleh sahkan meletakkan kita bercadang. Itu kita bagi permulaan dengan RM5000 tapi bukan tiap- tiap bulan. Dan saya telah pun memberi. Sebelum ini pun, saya dah beritahu kepada Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri supaya ada *benchmark* dia. Maknanya kalau kita bagi RM5000 sebab apa kita bagi RM5000 *benchmark* dia maknanya kita kena lihat kepada Kerajaan Negeri yang mana yang ditadbirkan oleh sebelah sana. Supaya kita ada ukuran dia. Yang Berhormat Pegawai Kerajaan Negeri telah pun mendapatkan maklumat butiran terperinci.

Tetapi yang menjadi masalahnya ialah kita mendapat pelbagai pelbagai versi sebagai contohnya baru-baru ini bagi tak bagi jadi kita pun *confuse* kalau berbanding dengan Kerajaan Negeri Pahang, siapa-siapa pun Tanya ADUN Pembangkang dapat beberapa? RM5000 seia dah sekata. Tidak di negari lain. Ada ADUN ni dapat ada ADUN ni tak dapat. Ada ADUN ni dapat RM1000 ada ADUN ni dapat RM10,000 dia berbeza beza. Macam ada sesuatu yang yang kurang jelas. Tapi kita *clear.* Tidak ada apa apa agenda kepada kita. Jadi bila Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri membawa kertas untuk kepda EXCO sebab ini melibatkan duit Kerajaan.

Saya tidak menuduh tidak boleh dengan sewenang wenangnya. Bila teringat pagi ini nak bagi RM10,000 terus semua RM10,000, tak boleh saya kena tengok implikasi kewangan, aliran-aliran tunai duit Kerajaan Negeri dan pelbagai lagi. Jadi jawapannya untuk makluman Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, bantuan itu tetap ada bantuan tetap ada tetapi banyak mana cara. Mana Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri akan bawa kepada EXCO seperti mana bantuan RM5,000 baru ini lah bulan puasa yang kita bagi kepada DUN Pembangkang. Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri bentang kepada EXCO. Kita bincang kita, kita setuju, kita bagi dan perkara yang sama yang akan kita lakukan untuk di masa-masa yang akan datang.

Apabila kertas tersebut siap, bawa ke EXCO kita akan bagi. Ini pun junjung Titah la juga. Jadi pokoknya saya nak bagitau disini sebelum Tuanku bertitah lagi Kerajaan Negeri telah pun menyediakan peruntukan tetapi secara berkala Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, sebagai penutup gulungan…penggulungan saya pada hari ini, marilah kita. Yang Berhormat ADUN Cheka okay ye jawapan saya. Jawapannya ada, menjunjung titah. Tapi nak mintak macam Kerajaan tak boleh la.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Terima kasihlah atas penjelasan cuma ialah Dato' Sri Menteri Besar memahami bagaimana beban tanggungan yang ditanggung kepada semua ADUN samada Pusat Khidmatnya ataupun bila berlaku bencana kepada rakyat yang mereka datang ke Pusat Khidmat. Jadi kami kemuka atas sifat sebagai yang dipilih rakyat. Itu sahaja terpulang pada Yang Berhormatlah.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya ingat tidak ada masalah seperti mana yang saya katakan tadi rakyat-rakyat di negeri Pahang ini sama ada daripada Pembangkang atau Kerajaan kita bagi sama ja. Maknanya bila kita kepada rakyat bantuan yang sama, saya fikir dia takkan pergi ke

Pusat Khidmat kecuali ada permohonan-permohonan lain. Baiklah Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat sekalian sebagai penutupnya bagi penggulungan saya pada kali ini, marilah kita sama-sama berdoa memohon kepada Allah SWT sentiasa merahmati usaha membimbing tindakan dan mengizinkan hasil yang sempurna buat kita semua di bumi yang bertuah ini. Insya-Allah ditokok apa yang kurang, dicantum apa yang jarang, dihimpun apa yang kejauhan dengan sifat Rahman dan Rahim, diampunkan segala dosa yang kita lakukan.

Moga sidang kita pada kali ini diterima oleh Allah SWT sebagai bukti ikhtiar hambanya sebagai khalifah di atas hamparan dunia ini. Yang indah itu dari Ilahi, dan yang kurang itu sifat insani. Marilah kita berdoa kepada Allah Yang Maha Berkuasa agar ditetapkan iman kita di atas jalan kebenaran. Semoga kita sentiasa istiqomah dalam perjuangan di jalan-Nya. Saya juga berharap agar kita semua sama ada daripada blok Kerajaan dan blok Pembangkang dapat bersama sama menjalankan fungsi masing-masing untuk kesejahteraan rakyat dan negeri bertuah ini seperti mana yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang pada Isnin lalu. Semoga negeri Pahang ini terus aman dan makmur dengan masyarakatnya hidup bersatu padu serta saling hormat menghormati antara satu sama lain.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sekian sahajalah sesi penggulungan saya. Semoga saya telah menjawab soalan yang ditujukan kepada saya sebagai Menteri Besar yang turut mengetuai Jawatankuasa Negeri yang dipertanggungjawabkan ke atas saya. Jika ada soalan-soalan soalan lain yang tidak dijawab, insya-Allah, jawapan secara bertulis akan saya berikan kepada Ahli Yang Berhormat kelak.

Akhlak Dayung Pahlawan arah ke kota.
Kisah Mat Kilau jadi Hikayat,
Junjung titah lupakan sengketa,
Negeri makmur demi rakyat.

Wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh [Ahli Dewan tepuk meja]. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Usul yang telah dicadang dan disokong. Soalnya sekarang ialah Usul ini hendaklah dikemukakan di Dewan ini untuk mendapat kelulusan Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila katakan tidak. Usul tersebut diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara keempat (1): Rang Undang-Undang. Rang undang undang Enakmen Perbekalan Tambahan (2023) 2023. DN 1/2023.

Memorandum Perbendaharaan Tambahan Perbelanjaan Mengurus Tahun 2023. DN 3/202. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

BACAAN KALI PERTAMA

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, Saya mohon mengemukakan Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tambahan (2023) 2023.

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya menyokong Usul itu.

SETIAUSAHA DEWAN

"Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2023 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun ini".

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon Rang Undang-Undang tersebut dibaca bagi kali yang kedua pada hari ini juga.

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon izin menyokong Usul itu.

BACAAN KALI KEDUA

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2023) 2023, dibaca bagi kali yang kedua.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon mencadangkan,

"Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2023 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu".

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Perkara 44 Bahagian Dua Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Pahang menyatakan bahawa jika wang diperuntukkan oleh Undang-undang Perbekalan tidak mencukupi atau terdapat lebih perbelanjaan bagi apa-apa maksud di mana-mana tahun kewangan, ianya hendaklah dibentangkan di dalam Dewan Negeri dan kepala-kepala perbelanjaan tersebut hendaklah dimasukkan dalam Rang Undang-undang Perbekalan.

Di samping itu, Seksyen 11 (3) Akta Prosedur Kewangan yang membolehkan Menteri Besar membuat pendahuluan dari Kumpulan Wang Disatukan untuk menampung keperluan tersebut. Jumlah wang yang dipohon untuk perbelanjaan tambahan bagi tahun kewangan 2023 ialah sebanyak RM24,251,562.00.

Peruntukan tambahan ini dimohon bagi tujuan menampung keperluan perbelanjaan serta memastikan pelaksanaan projek-projek yang akan memberi kesan secara langsung pada rakyat dapat diteruskan.
Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Maklumat penuh bagi tujuan tambahan ini adalah dinyatakan di dalam Memorandum Perbendaharaan Tambahan Bagi Perbelanjaan Mengurus tahun 2023 Negeri Pahang yang dibentangkan di dalam Persidangan Dewan Negeri ini sebagai kertas DN 3/2023.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sekian sahaja penerangan ringkas saya berhubung Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan Tambahan (2023) 2023 ini dan berharap Rang Undang-undang yang saya bentangkan ini mendapat sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan seterusnya diluluskan. Saya mohon mencadang, terima kasih.

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Dipertua, saya mohon izin menyokong Usul itu.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masalah di hadapan majlis ialah:

"Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2023 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu,"

dibaca untuk kali yang kedua sekarang dan dibuka untuk dibahas.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Pertama sekali saya nak mendapat penjelasan sama ada peruntukan tambahan ini dibaca sekali DN3 dengan DN4 ataupun DN3, Yang Amat Berhormat Menteri Besar… DN3…DN4. Sekali ke? Sekali…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sekali.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Okey. Saya nak rujuk pada kertas DN4/2023. Seasasnya kita menerima peruntukan tambahan yang dicadangkan cuma sekadar untuk dapat penjelasan beberapa perkara. DN4/2023, muka surat 2. Pada kod 00901. Sokongan dan kemudahan penyelenggaraan bangunan dan kampus. Peruntukan asal yang dimohon ialah RM400,000.00. Peruntukan tambahan ialah RM435,000.00. dan demikian juga… 02301, peruntukan asal RM4 juta, peruntukan tambahan RM9 juta.

06201…Projek pengeluaran baka ternakan terpilih, peruntukan asal RM400,000.00… peruntukan tambahan RM4,500,000.00. Saya fikir ini satu penambahan yang terlalu besar untuk pengeluaran baka ternakan terpilih. Asal peruntukan RM400,000.00. Tambahan RM4,500,000.00. Jadi saya perlukan penjelasan…pen*detail*an sebab untuk dapat baka terpilih tak akan dapat sampai RM4,500,000.00 dimohon peruntukkan tambahan dan demikian juga yang yang lain-lain kerana peruntukan biasa, peruntukan tambahan ini tidak tidak lebih daripada peruntukan asal. Mohon penjelasan.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sebab ianya melebihi daripada peruntukan asal, itu yang kita pohon. Dan ini adalah satu perkara yang bukan satu perkara yang luar biasa dan setiap tahun dan peruntukan tambahan ini akan dibuat oleh Pejabat Kewangan Negeri untuk dibawa kepada Dewan Yang mulia ini untuk mendapat kelulusan.

Sebab kadang-kadang ada yang luar jangka sebagai contohnya Bantuan Prihatin Pahang, COVID dan sebagainya. Dan sebab itulah kita minta di Dewan yang mulia ini. Duit dah Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat er…Yang di-Pertua,

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila Wakil Kerajaan.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Sebenarnya Usul untuk er…DN4 *oblique* 2023 ni belum dibentang oleh Yang Amat Dato' Sri Menteri Besar, tadi baru DN3. Er…belum dibentang jadi…

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Saya mohon penjelasan pada Yang Berhormat Dato' Sri Speaker sama ada DN4 ni bersekali dengan DN3. Dimaklumkan sekali sebab tu saya kemukakan. Kalau berasingan tak apa. Kita akan bincang kemudian.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya adalah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju nyatakan setuju dan yang tidak, sila nyatakan tidak. Tiada. Rang Undang-undang tersebut dibaca untuk kali yang kedua sekarang.

SETIAUSAHA DEWAN

Suatu enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada wang yang disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2023 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Dewan Negeri ber…bermesyuarat dalam Jawatankuasa.

DALAM JAWATANKUASA

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.32, Kumpulan Wang Terkanun.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, maksud Bekalan B.32 Kumpulan Wang Terkanun dibuka untuk dibahaskan. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM24,251,562.00 untuk maksud Bekalan B.32 Kumpulan Wang Terkanun bagi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan “bersetuju”, Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan “tidak”. Tiada. maksud Bekalan B.32 Kumpulan Wang Terkanun jadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Fasal 1 dan Fasal 2.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Fasal 1 dan Fasal 2 menjadi sebahagian daripada undang-undang. Dengan ini saya mohon Ahli Yang Berhormat membuat cadangan.

YAB DATO’ SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato’ Sri Pengerusi, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Yang Berhormat Dato’ Sri Pengerusi, saya mohon menyokong Usul itu.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan Tambahan (2023) 2023 dimaklumkan kepada Majlis sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan “setuju”. Ahli-ahli yang tidak sila nyatakan “tidak”. Tiada, Majlis bersidang semula dalam Majlis Mesyuarat.

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2023) 2023 dibaca bagi kali yang ketiga.

BACAAN KALI KETIGA

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa

"Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2023 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu"

telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan dipersetujukan dengan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibaca bagi kali ketiga dan diluluskan sekarang.

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon sokong usul tersebut.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2023) 2023 dibaca untuk kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan setuju, [Ahli Dewan nyatakan setuju] yang tidak bersetuju sila nyatakan tidak. Tiada, Rang Undang-undang ini dibaca untuk kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2023) 2023 bahawa dengan ini disahkan menjadi Enakmen oleh Badan Perundangan Negeri Pahang.

Perkara Keempat (2): Rang Undang-undang Tarekat Pahang 2023 DN 2/2023, Yang Berhormat EXCO Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa dan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang akan membawa cadangan.

BACAAN KALI PERTAMA

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon mengemu…mengemukakan Rang Undang-undang Tarekat Pahang 2023.

YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN HAJI SHARIF

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya menyokong usul itu.

SETIAUSAHA DEWAN

"Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran tarekat dan peraturan peruntukan-peruntukan bagi mengelakkan dan menghalang pengamalan tarekat yang bertentangan dengan hukum syarak dan undang-undang serta perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya".

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon Rang Undang-undang tersebut dibaca bagi kali yang kedua pada hari ini juga.

YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN HAJI SHARIF

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua, saya mohon izin menyokong usul itu.

BACAAN KALI KEDUA

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Tarikat Pahang 2023 dibaca bagi kali yang kedua.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran tarikat dan peruntukan-peruntukan bagi mengelakkan dan menghalang pengamalan tarekat yang bertentangan dengan hukum syarak dan undang-undang serta perkara perkara lain yang berkaitan dengannya.

YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN HAJI SHARIF

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Penyokong, tu ada tambahan sikit kat belakang tu.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Tarikat ini perlu diwujudkan segera atas alasan-alasan yang berikut. Pertama, tiada peruntukan undang-undang yang jelas bagi mengawal pengamalan tarikat di negeri Pahang, memberikan sempadan dalam menentukan amalan tarikat yang benar bagi menjaga keharmonian dalam masyarakat. Ketiga membendung dan mengawal penyeleweng…penyelewengan kumpulan yang mengeksploitasikan amalan tarekat bagi memelihara khazanah ismu…is…ilmu Islam yang tidak disalahgunakan dan keempat untuk memperkasakan penguatkuasaan undang undang.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, sekian sahaja penjelasan ringkas saya mengenai Rang Undang-undang Tarekat pada 2023 dan saya mohon mencadang.

YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN HAJI SHARIF

Dato' Sri, Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya menyokong…saya mohon izin menyokong usul itu dan ingin menyampaikan sedikit penerangan yang paham sayalah.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Silalah.

YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN HAJI SHARIF

Dalam dua tiga minitnya. Saya percaya ini satu pendekatan baru yang bertujuan untuk mencegah er…keharmonian aqidah agama kita supaya ianya tidak disalahgunakan. Kita tak nak lagi berlaku seperti mana kejadian er…Ayah Pin dan er…beberapa tahun yang lalu ada berlaku kes pembunuhan antaranya sahabat saya, allahyarham er…Rafli yang ada kaitan juga sedikit sebanyak dengan ajaran- ajaran sesat ini.

Jadi bila kita ada undang-undang pencegahan, ini adalah undang-undang pencegahan, insyaAllah, ianya boleh mendatang kebaikan untuk keharmonian agama kita. Yang ini dikatakan sebagai 'alwiqayyah khairu minal ilayh'. Maksudnya, mencegah itu dari bagus, lebih bagus daripada berubah. Terima kasih. Saya mohon menyokong sekali lagi.

YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Masalah di hadapan Majlis ialah "Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran tarekat dan peruntukan-peruntukan bagi mengelakkan dan menghalang pengamalan tarekat yang bertentangan dengan hukum syarak dan hukum dan undang-undang serta perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya. Dibaca untuk kali yang kedua sekarang dan dibuka untuk dibahaskan.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Yang Berhormat saya tidak cadang panjang untuk menyokong Rang Undang-Undang ini. Saya melihat bahawa kalau laporan daripada JAKIM ataupun Kerajaan Jabatan Agama Islam Negeri, kita dapati bahawa ada 4 bentuk utama berlakunya penyelewengan yang melibatkan ajaran sesat, apa yang dibangkitkan dan sebagainya. Yang pertama ialah ajaran kesufian dan kerohanian. Biasa elemen inilah yang akan menyebabkan berlaku penyelewengan. Yang kedua, perbomohan dan persilatan. Yang ketiga, perkara kurafat dan tahyul. Yang keempat adalah penyelewengan pemikiran. Empat elemen ini kenalpasti oleh JAKIM di antara punca-punca berlakunya penyelewengan dan mudah berlaku penyelewengan. Kerana itu saya menyokong penuh rang undang-undang yang dibentangkan pada hari ini.

Sekurang-kurangnya faham kita ada satu peraturan yang boleh mengawal. Cuma bila saya teliti rang undang undang ini, mungkin ini boleh dimasukkan di bawah peraturan. Kita tidak ada fasa tentang apakah tarekat itu boleh terima dana luar negara ataupun tak boleh. Sebab kita tahu tarekat ini dia berkait rapat dengan induk dia dan dia tak putus dengan induk. Kalau induk dia daripada Yaman, dia akan bersambung-sambung sampai di sini kalau berat. Jadi, apakah memungkinkan tarekat itu terima dana luar negara dan apakah mekanisme untuk kita kerajaan mengawal dana tersebut supaya

tidak salah guna. Saya cadang mungkin boleh lihat dalam peraturan. Mungkin boleh tambah dalam peraturan saja, tak perlu dalam Rang Undang-undang. Tapi saya fikir fasa itu mungkin boleh…boleh diadakan. Terima kasih.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua, dan terima kasih rakan daripada Cheka. Sebenarnya kita menyediakan Rang Undang-undang ini, tujuannya adalah antara perkara-perkara yang seperti itulah tidak nak berlaku perkara khurafat, adanya pemikiran-pemikiran yang bercanggah dengan syarak dan ini sesuai dengan nasihat Imam Syafie [Bahasa Arab] Kita tak nak orang tu dia jadi ulama fiqah sahaja dan kita tak nak juga dia sufi sahaja. Kalau fiqah sahaja, kata Imam Syafie dia tak ada tazkiah tasawuf dia keras, dia gersang. Kita tak nak juga kata Imam Syafie sufi sahaja yang tidak ada dasar-dasar syarak yang diperkuatkuasakan dengan undang-undang Ini orang bodoh. Macam mana orang bodoh boleh mendamaikan dan mengharmonikan keadaan?

Berdasarkan kepada inilah Kerajaan Negeri mewujudkan satu rang undang undang untuk memastikan benda ini dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Insyaallah perkara-perkara yang berikut seperti andai kata ada berlaku penyelewengan, ada rang undang-undang yang ditetapkan bagaimana kita nak kaunselorkan mereka.

Begitu juga apabila mereka mendaftar, mereka dikehendaki menyata, *declare*kan dengan izin bagaimana dia ini, siapa tok guru dia, apa sumber dia, bagaimana pergerakan dia, dia kena *detail*kan. Dengan pen*detail*an itulah nanti kita akan perhatikan pergerakan dia. Kita tidak, kalau seandainya pergerakan dia itu mengikut rang undang-undang. Kita tidak akan melarang dia untuk mendapat mana-mana dana. Tetapi kalau seandainya bercanggah dengan undang undang, jangankan daripada luar negara, di dalam negara pun kita tak bagi dia mendapat mana-mana dana. Terima kasih Dato' Sri Yang di-pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian Sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan “setuju”, dan yang tidak bersetuju sila nyatakan “tidak” Tiada. Rang Undang-undang tersebut dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

SETIAUSAHA DEWAN

Suatu enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran Tarekat dan peruntukan bagi mengelakkan dan menghalang pengamalan Tarekat yang bertentangan dengan hukum syarak dan undang-undang serta perkara lain yang berkaitan dengannya.

YANG DI-PERTUA DEWAN

Dewan Negeri bermesyuarat dalam Jawatankuasa.

DALAM JAWATANKUASA

SETIAUSAHA DEWAN

Fasal 1 hingga Fasal 39.

YANG DI-PERTUA DEWAN

Fasal 1 hingga Fasal 39 dibuka untuk perbahasan sekarang. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa Fasal 1 hingga Fasal 39 jadi sebahagian daripada undang-undang hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan “Setuju”. Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “tidak”.

YANG DI-PERTUA DEWAN

Tiada. Fasal 1 hingga Fasal 39; menjadi sebahagian daripada Undang-undang.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Yang Berhormat Dato' Sri Pengerusi, saya mohon mencadangkan iaitu Rang undang-undang ini dimaklumkan kepada majlis sekarang.

YB DATO' HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Yang berhormat Dato' Sri Pengerusi, saya mohon menyokong usul itu.

YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya ialah bahawa Rang Undang- undang Tarekat Pahang 2023 dimaklumkan kepada majlis sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan setuju. Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan tidak. Tiada. Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini boleh dinamakan Enakmen Tarekat Pahang 2023 dibaca bagi kali yang ketiga.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Saya mohon memaklumkan bahawa:

“Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran tarekat dan peruntukan-peruntukan bagi mengelakkan dari…bagi mengelakkan dan menghalang pengamalan tarekat yang bertentangan dengan hukum syarak dan undang-undang serta perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.”

telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan dipersetujukan dengan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibaca bagi kali ketiga dan diluluskan sekarang.”

YB DATO' HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Yang berhormat, Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul itu.

BACAAN KALI KETIGA

YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian masalahnya ialah bahawa Rang Undang- undang Tarekat Pahang 2023 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan setuju dan tidak bersetuju sila nyatakan tidak. Tiada. Rang Undang-undang dibaca untuk kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Tarekat Pahang 2023, bahawa dengan ini disahkan menjadi Enakmen oleh Badan Perundangan Negeri Pahang.

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara kelima (1): Usul dan Memorandum.

Usul Tambahan Perbelanjaan Pembangunan dan Perbekalan Air 2023. Memorandum Perbendaharaan Tambahan Perbelanjaan Pembangunan dan Perbekalan Air 2023. DN 4/2023.Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato’ Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon izin untuk membawa satu Usul di Dewan yang mulia ini yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini, mengikut syarat-syarat ketetapan yang menubuhkan Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Perbekalan Air, dengan ini bersetuju meluluskan Anggaran Perbelanjaan Tambahan 2023 daripada Kumpulan Wang tersebut itu sebagaimana yang ditetapkan di dalam Rang Anggaran Perbelanjaan Tambahan 2023 yang dibentangkan di dalam Persidangan ini sebagai Kertas Mesyuarat DN 4/2023.”

Yang Berhormat Dato’ Sri Yang di-Pertua, Tambahan peruntukan adalah untuk yang pertama, Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri berjumlah RM3,163,162.00. Kedua, Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri berjumlah RM9,000,000.00. Ketiga, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri berjumlah RM5,388,400. Keempat, Jabatan Agama Islam Negeri berjumlah RM 6,700,000. Peruntukan tambahan ini bagi tujuan menampung eperluan perbelanjaan serta memastikan perlaksanaan projek-projek yang akan memberi kesan secara langsung pada rakyat dapat diteruskan.

Yang Berhormat Dato’ Sri Yang di-Pertua,

Sekian saja penerangan ringkas saya berhubung Usul Tambahan Perbelanjaan Pembangunan dan Pembangunan dan Perbekalan Air 2023. Saya berharap Usul ini mendapat sokongan dan kelulusan Dewan yang mulia ini. Saya mohon mencadang.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ada Ahli-ahli yang menyokong?

YB DATO'SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, Saya mohon menyokong Usul itu.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Usul ini dibuka untuk perbahasan.

YB DATO'SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Er...minta maaf saya bangkitkan sekali lagi untuk bukan nak pertikai cuma perlukan penjelasan mungkin bertulis. Berhubung dengan peruntukan Veterinar, er…saya lihat peruntukannya bagi Projek Pengeluaran Baka Ternakan Terpilih yang diperuntukkan ialah RM400,000.00 pada asal tambahan RM4.5 juta. Saya fikir satu jumlah besar bagi Projek Pengeluaran Baka Ternakan Terpilih. Persoalan saya ialah, mohon penjelasan er...mungkin kalau tak boleh *detail* pun bertulis pun tak apa sebab angka ini terlalu besar. Daripada RM400,000.00 yang asal, tambahan RM4.5 juta.

Jadi bagi saya, saya rasa kita rakyat pun layak dapat penjelasan, itu saja. Terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB DATO'SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya selaku EXCO Pertanianlah mewakili Pihak Kerajaan Yang Berhormat Dato' Sri akan berikan penjelasan insya-Allah mudah-mudahan dengan penjelasan ini dapat er…Ahli-ahli Dewan yang mulia ini memberikan sokongan saya apa nama ni…tidak boleh buat jawapan secara er…lisan…bertulis sebab yang ini kita kena er…bahas dan kita luluskan Usul ini dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sebenarnya pendekatan Kerajaan Negeri adalah untuk er...memperkasakan lagi industri ternakan negara. Lantaran itu atas nasihat dan pandangan daripada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar maka Kerajaan Negeri telah mengambil pendekatan untuk melihat kejayaan negara-negara yang berjaya khususnya dalam industri ternakan. Lantaran itu, lawatan kerja dan lawatan teknikal telah dianjurkan untuk melawat negara-negara di Eropah seperti Holland, Belgium, Perancis, Germany...Jerman ya, Australia dan er...selain daripada itu Australia dan New Zealand.

Dan kita dapati bahawasanya negara-negara ini berjaya kerana ia mempunyai satu sistem ternakan yang hebat dan juga mempunyai baka ataupun *breed* dengan izin yang premium. Antaranya ialah Wagyu dan baka-baka premium yang lain Limousine, Charolais dan lain-lain…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Itu apa tu? Nama lembulah tu?

YB DATO'SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Nama lembu…nama lembu…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Nama lembu?

YB DATO'SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Nama lembu. Bukan *limousine* yang kereta tu tapi ini *Charolais*, bukan *Chevrolet.* Dan ini kita telah lihat dan kaji er...Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Bahawasanya apa yang kita ada pada ketika ini terdapat juga baka-baka lembu yang dipanggil KK (Kedah-Kelantan). Dia kurus dan er...dia punya karkas dia dengan izin maknanya apa ni... rangka. Rangka itu kecil jadi mungkin 70 kilo satu...satu…seekor. Jadi pengusaha-pengusaha di luar-luar bandar ini tadi, bila dia bela pelihara lembu-lembu ini, lembu-lembu ini liar, berkejar-kejaran. Tapi bila kita nak jual seekor lembu tu kadang masa musim perayaan macam Raya Haji dia mungkin mencapai RM5,000.00.

Kalau tidak hari-hari lain itu mungkin RM3,000.00 lebih dia dalam RM40.00 satu kilo dia punya harga daging. Sebab itu kita mengambil pendekatan, kita akan perkenalkan *breed* ataupun baka yang premium. Wagyu kita telah mulakan kita telah mulakan di Raub di Bukit Kajang kita telah luluskan lebih kurang dalam 700 ekar dan ini akan diusahakan dan baka-baka ini nanti akan dibekalkan kepada penternak-penternak termasuk di luar-luar bandar.

Lantaran itu, satu usaha telah dibuat dan kita telah memeterai satu perjanjian dengan Wagyu Association of Germany dengan izin iaitu Persatuan Wagyu Jerman dan mereka telah bersedia untuk menjual semen…mani wagyu itu tadi dan juga embrio…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Semen air manilah…air mani…*money* dia tak tahu. *Money* ni macam duit Yang Berhormat. Haa…mani, air mani…semen.

YB DATO'SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Hari jumaat ni Dato' Sri [Ahli Dewan ketawa] jadi dia tak boleh cakap pasal air sangat.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila, sila Yang Berhormat.

YB DATO'SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Jadi kita telah memeterai satu perjanjian persetujuan untuk membeli embrio ni, iaitu bahasa Malaysia dia mana dengan izin...embrio je. Bahasa Malaysia ada embrio, embrio je. So kalau kita beli embrio tu tadi, kita masukkan ataupun ada caralah, maknanya [Ahli Dewan ketawa] kepada induk lembu ni tadi. Jadi kalau kita ambil embrio wagyu kita tumpangkan dengan lembu tadi bila dia beranak tu dia akan dapat wagyu tetapi kalau semen ni tadi air mani ni tadi dia *cross-fertilize*kan ataupun dia *cross-breed*kan, dia akan keluar F1, F2, F3, F4 lama dan di antaranya juga kita perlukan membeli wagyu yang induk yang...jantan...jantan yang induk ni daripada Australia misal contohnya harga dia lebih kurang RM30,000 seekor.

So kalau kita membeli 100 ekor maka RM3 juta lah. S*o* yang tu kita akan bekalkan untuk kita jadikan sebagai *bull* apa nama ni...sebagai lembu jantan.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat nampak pakarlah. [Ahli Dewan ketawa]

YB DATO'SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Saya duk ralit ke lembu je dah beberapa tahun ni. Jadi persetujuan telahpun kita capai dan kita akan laksanakan program untuk tahun ini. Tetapi setelah kita teliti daripada Pejabat Kewangan bahawasanya kita dapati tidak ada bajet. Tidak ada peruntukan yang telah diperuntukan sebelum ini. Hanya peruntukan yang ada ialah RM400,000.00. Sebab itu kita perlu untuk er...mohon peruntukan tambahan dan insya-Allah setelah dipersetujui Jabatan Veterinar dan juga jabatan-jabatan teknikal yang lain akan mengambil tindakan yang segera insya-Allah.

Saya yakin kalau perkara ini dapat kita laksanakan segera manfaatnya ialah penternak-penternak termasuk di luar-luar bandar dan ada di kalangan mereka merupakan ibu-ibu tunggal yang perlu diberi pembelaan. Saya mohon Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon Ahli-ahli Dewan yang mulia ini untuk memberi sokongan supaya dapat kita laksanakan program ini er... segera.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Insha-Allah, kita harap negeri Pahang akan menjadi hub kepada…

YAB DATO'SRI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya nak tambah sikit. Kenapa pertambahan peruntukan ini berlaku Yang Berhormat Dato'Sri Yang di-Pertua, Sebagai contohnya, semasa kita bercadang untuk membuat penyelenggaraan bangunan masjid dan lain-lain fasiliti di seluruh Pahang. Asalnya kita letak RM200,000.00 je sebagai siling je dan begitu juga dengan bangunan di bawah seliaan JAIP kita letak RM1 juta kemudian jadi RM1.6 juta tambahan. Kemudian yang masjid tadi daripada RM200,000.00 kepada RM1.3 juta begitu juga kita nak bina baru Masjid Al-Falah Sungai Isap 2. Asalnya memang RM200,000.00 itu adalah biasa sebab kita tak tahu kos yang sebenarnya kita nak bagi. Dia ada kepala sahaja lepas tu bila kita dah dapat kos sebenar yang dikemukakan oleh JKR dan sebagainya jadilah RM3.8 juta.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat...Yang Amat Berhormat er...selalunya kalau di peringkat Pusat ni er... dia letak RM10 je untuk...untuk dia supaya dia nak *book* kepala tersebut.

YAB DATO' SRI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Maknanya Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, tidak peliklah benda ini berlaku.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Tak.

YAB DATO'SRI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Jadi tak perlu kita bincang, kita lulus je lah…lagipun hari Jumaat. Terima kasih Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Masalahnya ialah Usul ini telah dicadangkan dan disokong. Soalannya sekarang ialah Usul ini hendaklah dikemukakan untuk mendapat kelulusan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan usul ini, sila nyatakan "Setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila nyatakan "Tidak". Tiada. Usul tersebut diluluskan.

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kelima (2) : Usul Pelantikan Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri bagi Dewan Negeri Pahang Ke-15.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,
Pelantikan Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri adalah mengikut Peraturan 68, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negeri Pahang.

Tujuan utama Jawatankuasa ini ialah memeriksa dan memantau urusan kewangan Kerajaan Negeri, pertubuhan-pertubuhan, laporan-laporan audit dan apa-apa yang difikirkan oleh Jawatankuasa ini untuk diperiksa dan memastikan ketelusan pengurusan dan pentadbiran kewangan negeri ditadbir secara baik dan sempurna. Jawatankuasa ini hendaklah mengandungi seorang Pengerusi yang akan dilantik oleh Majlis dan tidak lebih dari enam (6) orang.

Seterusnya adalah Usul pelantikan Ahli-ahli Jawatankuasa tersebut.

SETIAUSAHA DEWAN

Usul pelantikan Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri bagi Dewan Negeri Pahang Ke-15. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon izin untuk membawa satu usul di Dewan yang mulia ini yang berbunyi:

"Bahawa Negeri Pahang yang bersidang pada hari ini, bersetuju melantik:

i) Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Sharif
(Ahli Dewan Negeri Kawasan Inderapura)
- Selaku Pengerusi

Ahli-ahlinya:

ii) Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Abdul Jabar
(Ahli Dewan Negeri Kawasan Tanjung Lumpur)
- Selaku Timbalan Pengerusi

iii) Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Long,
(Ahli Dewan Negeri Kawasan Padang Tengku)

iv) Yang Berhormat Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji,
(Ahli Dewan Negeri Kawasan Tras)

v) Yang Berhormat Tuan V. Arumugam a/l Veerappa Pillai
(Ahli Dewan Negeri Kawasan Sabai)

vi) Yang Berhormat Tuan Su Keong Siong
(Ahli Dewan Negeri Kawasan Ketari)

vii) Yang Berhormat Tuan Mohd Tarmizi bin Yahaya
(Ahli Dewan Negeri Kawasan Panching)

Menjadi Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri bagi Dewan Negeri Pahang Ke-15. Saya berharap Usul ini akan mendapat sokongan dan kelulusan Dewan yang mulia ini.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ada Ahli yang menyokong?

YB CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Usul ini dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan telah disokong oleh Yang Berhormat EXCO Perpaduan, Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Pahang. Dengan ini saya akan membuka Usul ini untuk dibahaskan. Tiada Perbahasan.

Usul ini telah dicadang dan disokong. Soalnya sekarang ialah Usul ini hendaklah dikemukakan untuk mendapat kelulusan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan Usul ini, sila nyatakan "ya".

AHLI-AHLI DEWAN

Ya.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak setuju, sila nyatakan "tidak". Tiada. Usul ini diluluskan.

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kelima (3) : Usul Pelantikan Ahli-ahli Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat bagi Dewan Negeri Pahang Ke-15

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Pelantikan Ahli-ahli Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat adalah mengikut Peraturan 69, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negeri Pahang.

Tujuan utama Jawatankuasa ini ialah menimbangkan berkenaan dengan perkara-perkara berkaitan dengan Peraturan-Peraturan Mesyuarat termasuk cadangan pindaan atau pembaikan peraturan sedia ada bagi mempastikan kelancaran mesyuarat.

Jawatankuasa ini mengandungi Yang di-Pertua Dewan sebagai Pengerusi dan enam (6) orang Ahli-ahli yang lain.

Seterusnya adalah Usul pelantikan Ahli-ahli Jawatankuasa tersebut.

SETIAUSAHA DEWAN

Usul Pelantikan Ahli-ahli Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat bagi Dewan Negeri Pahang Ke-15.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon izin untuk membawa satu Usul di Dewan yang mulia ini yang berbunyi:

"Bahawa Negeri Pahang yang bersidang pada hari ini bersetuju melantik:

i) Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd Sharkar bin Haji Shamsudin,
(Yang di-Pertua Dewan Negeri)
- Selaku Pengerusi

ii) Yang Berhormat Tuan Lee Chin Chen
(Ahli Dewan Negeri Kawasan Bilut)
- Selaku Timbalan Pengerusi

Ahli-ahlinya:

iii) Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Haji Mat Kiram,
(Ahli Dewan Negeri Kawasan Batu Talam)

iv) Yang Berhormat Dato' Rodzuan bin Zaaba,
(Ahli Dewan Negeri Kawasan Jenderak)

v) Yang Berhormat Tuan Woo Chee Wan
(Ahli Dewan Negeri Kawasan Mentakab)

vi) Yang Berhormat Tuan Chan Chun Kuang
(Ahli Dewan Negeri Kawasan Semambu)

vii) Yang Berhormat Tuan Hasanuddin bin Salim
(Ahli Dewan Negeri Kawasan Semantan)

Menjadi Ahli Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat bagi Dewan Negeri Pahang Ke-15.

Saya berharap Usul ini akan mendapat sokongan dan kelulusan Dewan yang mulia ini.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ada Ahli yang menyokong?

YB TUAN SIM CHON SIANG

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Usul ini dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan disokong oleh Yang Berhormat EXCO Hal Ehwal Pengguna Dan Sumber Manusia Negeri Pahang. Dengan ini saya akan membuka Usul ini untuk dibahaskan.

Usul ini telah dicadang, disokong. Soalnya sekarang ialah Usul ini hendaklah dikemukakan untuk mendapatkan kelulusan. Bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan Usul ini, sila nyatakan "ya".

AHLI-AHLI DEWAN

Ya.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang tidak bersetuju, sila nyatakan “tidak”. Tiada. Usul ini diluluskan.

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kelima (4) : Usul Pelantikan Ahli-ahli Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bagi Dewan Negeri Pahang Ke-15.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Pelantikan Ahli-ahli Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan adalah mengikut Peraturan 70, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negeri Pahang. Tujuan utama Jawatankuasa ini ialah menimbangkan perkara-perkara yang menyentuh kuasa-kuasa, hak-hak dan kebebasan Majlis. Jawatankuasa ini mengandungi Yang di-Pertua sebagai Pengerusi dan enam (6) orang Ahli.

Seterusnya adalah Usul pelantikan Ahli-ahli Jawatankuasa tersebut.

SETIAUSAHA DEWAN

Usul Pelantikan Ahli-ahli Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bagi Dewan Negeri Pahang Ke-15.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

YAB DATO’ SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato’ Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon izin untuk membawa satu Usul di Dewan yang mulia ini yang berbunyi:-

“Bahawa Negeri Pahang yang bersidang pada hari ini, bersetuju melantik:

i) Yang Berhormat Dato‘ Sri Haji Mohd Sharkar bin Haji Shamsudin,
(Yang di-Pertua Dewan Negeri)
- Selaku Pengerusi

ii) Yang Berhormat Tuan Lee Chin Chen
(Ahli Dewan Negeri Kawasan Bilut)
- Selaku Timbalan Pengerusi

iii) Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd Johari bin Haji Hussain,
(Ahli Dewan Negeri Kawasan Tioman)

iv) Yang Berhormat Tuan Mohd Sharim bin Md Zain
(Ahli Dewan Negeri Kawasan Chini)

v) Yang Berhormat Tuan Ho Chi Yang
(Ahli Dewan Negeri Kawasan Tanah Rata)

vi) Yang Berhormat Dato’ Jasri bin Jamaludin, DIMP.

(Ahli Dewan Negeri Kawasan Kuala Sentul)

vii) Yang Berhormat Tuan Mohd Zakhwan bin Ahmad Badarddin
(Ahli Dewan Negeri Kawasan Tahan)

Menjadi Ahli Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bagi Dewan Negeri Pahang Ke-15.

Saya berharap Usul ini akan mendapat sokongan dan kelulusan Dewan yang mulia ini.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ada Ahli yang menyokong?

YB DATO' RODZUAN BIN ZAABA

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon menyokong Usul yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Usul ini dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan disokong oleh Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri Kawasan Jenderak. Dengan itu saya membuka Usul ini untuk dibahas. Tiada. Usul ini dicadang dan disokong.

Soalnya ialah Usul ini hendaklah dikemukakan untuk mendapatkan kelulusan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan Usul ini, sila nyatakan "ya".

AHLI-AHLI DEWAN

Ya.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila nyatakan "tidak". Tiada. Usul ini diluluskan.

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kelima (5): Usul Pelantikan Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Khas bagi Dewan Negeri Pahang Ke-15.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Pelantikan Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Khas atau Select Commitee adalah mengikut Peraturan 71, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negeri Pahang.

Tujuan utama Jawatankuasa ini ialah bagi membincangkan isu-isu atau perkara-perkara yang melibatkan kepentingan awam. Jawatankuasa ini hendaklah dilantik

dengan perintah Majlis dan dengan tertakluk kepada Perintah Majlis, Jawatankuasa ini hendaklah mengandungi Ahli-ahli sebagaimana yang dilantik oleh Majlis.

Seterusnya adalah Usul pelantikan Ahli-ahli Jawatankuasa tersebut.

SETIAUSAHA DEWAN

Usul Pelantikan Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Khas bagi Dewan Negeri Pahang Ke-15.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,
Saya mohon izin untuk membawa satu Usul di Dewan yang mulia ini yang berbunyi:-

"Bahawa Negeri Pahang yang bersidang pada hari ini, bersetuju melantik:

i) Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd Sharkar bin Haji Shamsudin,
(Yang di-Pertua Dewan Negeri)
- Selaku Pengerusi

ii) Yang Berhormat Tuan Lee Chin Chen
(Ahli Dewan Negeri Kawasan Bilut)
- Selaku Timbalan Pengerusi

iii) Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Haji Sharif,
(Ahli Dewan Negeri Kawasan Inderapura)

iv) Yang Berhormat Tuan Khaizulnizam bin Mohamad Zuldan,
(Ahli Dewan Negeri Kawasan Kemayan)

v) Yang Berhormat Tuan Mohammad Rafiq Khan bin Ahmad Khan,
(Ahli Dewan Negeri Kawasan Pulau Manis)

vi) Yang Berhormat Tuan Yohanis bin Ahmad,
(Ahli Dewan Negeri Kawasan Pulau Tawar)

vii) Yang Berhormat Tuan Mohd Yazid bin Mohd Yunus,
(Ahli Dewan Negeri Kawasan Lepar)

menjadi Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas bagi Dewan Negeri Pahang Ke-15.

Saya berharap usul ini akan mendapat sokongan dan kelulusan Dewan yang mulia ini.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ada ahli-ahli yang menyokong?

YB TUAN V ARUMUGAM A/L VEERAPPA PILLAI

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon menyokong Usul yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Usul ini dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan disokong oleh Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Sabai. Dengan ini...dengan itu saya akan membuka Usul ini untuk dibahas. Tiada berbahasan.

Usul ini telah dicadang, disokong dan dibahas.

Soalnya sekarang ialah Usul ini hendaklah dikemukakan untuk mendapatkan kelulusan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan Usul ini, sila nyatakan “ya”.

AHLI-AHLI DEWAN

Ya.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak setuju, sila nyatakan “tidak”.

Usul ini diluluskan.

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kelima (6): Usul Tambahan Siling Peruntukan Negeri Bagi Projek Pembangunan dan Perbekalan Air Rancangan Malaysia Kedua Belas Tahun 2021 – 2025 Negeri Pahang.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato’ Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon izin untuk membawa satu usul di Dewan yang mulia ini yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan di bawah seksyen 9, Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406] dan mengikut ketetapan yang menubuhkan Kumpulan Wang Pembangunan Negeri dan Kumpulan Wang Perbekalan Air, dengan ini bersetuju meluluskan:

“Tambahan Siling Peruntukan Negeri Bagi Projek Pembangunan Dan Perbekalan Air Rancangan Malaysia Kedua Belas Tahun 2021 - 2025 Negeri Pahang”.

Yang Berhormat Dato’ Sri Yang di-Pertua,

Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Ke-15/2023 pada 19 April 2023 telah bersetuju meluluskan permohonan tambahan siling peruntukan sebanyak RM275,000,000.00

(Ringgit Malaysia: Dua Ratus Tujuh Puluh Lima Juta) sahaja bagi maksud Projek Pembangunan dan Perbekalan Air Rancangan Malaysia Kedua Belas Negeri Pahang menjadikan kos keseluruhan daripada RM2,595,710,170.00 (Ringgit Malaysia: Dua Bilion Lima Ratus Sembilan Puluh Lima Juta Tujuh Ratus Sepuluh Ribu Satu Ratus Tujuh Puluh) sahaja kepada RM2,870,710,170.00 (Ringgit Malaysia: Dua Bilion Lapan Ratus Tujuh Puluh Juta Tujuh Ratus Sepuluh Ribu Satu Ratus Tujuh Puluh) sahaja.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Jabatan-jabatan yang terlibat dalam Tambahan Siling Peruntukan Negeri bagi Pembangunan dan Perbekalan Air Rancangan Malaysia Kedua Belas Negeri Pahang adalah seperti yang berikut:

a) Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri: RM67,000,000.00 (Ringgit Malaysia: Enam Puluh Tujuh Juta) sahaja;

b) Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri: RM8,000,000.00 (Ringgit Malaysia: Lapan Juta) sahaja;

c) Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang: RM200,000,000.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Juta) sahaja.

Senarai projek serta kos akan dikemaskini dan disemak mengikut keperluan semasa dan keutamaan negeri sebelum kelulusan bajet setiap tahun dibuat semasa Mesyuarat Dewan Negeri Pahang dan apa-apa perubahan dan penambahan baik tajuk-tajuk projek hanya memerlukan kelulusan Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Pahang atas syor Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) atau Setiausaha Bahagian, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri berdasarkan siling jabatan/agensi yang diluluskan di peringkat Dewan Negeri Pahang.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sekian sahaja penerangan berhubung Usul ini dan saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini, mengikut peruntukan di bawah seksyen 9, Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406] dan mengikut ketetapan yang menubuhkan Kumpulan Wang Pembangunan Negeri dan Kumpulan Wang Perbekalan Air, dengan ini bersetuju meluluskan:

"Tambahan Siling Peruntukan Negeri Bagi Projek Pembangunan Dan Perbekalan Air Rancangan Malaysia Kedua Belas Tahun 2021 - 2025 Negeri Pahang".

Saya berharap Usul ini akan mendapat sokongan dan kelulusan Dewan yang mulia ini.

Saya mohon mencadang.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ada Ahli yang menyokong?

YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon menyokong Usul itu.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Usul ini dibuka untuk perbahasan.

Tiada perbahasan. Masalahnya ialah Usul ini telah dicadangkan dan disokong. Soalannya sekarang ialah usul ini hendaklah dikemukakan untuk mendapat kelulusan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan usul ini, sila nyatakan "Setuju",

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila nyatakan "Tidak". Tiada.

URUSAN-URUSAN AM

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara keenam: Urusan-Urusan Am
Kertas-kertas Mesyuarat.

Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2021 Siri 2 Mengenai:
Auditan Khas Pengurusan Hutan dan Impak kepada Alam Sekitar, Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri dan Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi
DN 5/2023

Laporan Ketua Audit Negara Mengenai:
Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Pahang Tahun 2021
DN 6/2023

Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang Berakhir 31 Disember 2021
DN 7/2023

Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Tioman Berakhir 31 Disember 2021
DN 8/2023

Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Kuantan Berakhir 31 Disember 2021
DN 9/2023

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Temerloh Berakhir 31 Disember 2021
DN 10/2023

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Bentong Berakhir 31 Disember 2021
DN 11/2023

Penyata Kewangan Majlis Daerah Pekan Berakhir 31 Disember 2021
DN 12/2023

Penyata Kewangan Majlis Daerah Lipis Berakhir 31 Disember 2021
DN 13/2023

Penyata Kewangan Majlis Daerah Jerantut Berakhir 31 Disember 2021
DN 14/2023

Penyata Kewangan Majlis Daerah Cameron Highlands Berakhir 31 Disember 2021
DN 15/2023

Penyata Kewangan Majlis Daerah Maran Berakhir 31 Disember 2021
DN 16/2023

Penyata Kewangan Majlis Daerah Rompin Berakhir 31 Disember 2021
DN 17/2023

Penyata Kewangan Majlis Daerah Bera Berakhir 31 Disember 2021
DN 18/2023

Penyata Kewangan Majlis Daerah Raub Berakhir 31 Disember 2021
DN 19/2023

PENANGGUHAN

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Ketujuh: Penangguhan

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

YAB DATO‘ SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon cadangan bahawa dewan ini ditangguhkan sekarang. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Alhamdulillah syukur kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya serta keizinan-Nya pada hari ini kita dapat menyempurnakan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Negeri Pahang ke-15 yang bersidang selama lima hari bermula pada Isnin ini.

Terlebih dahulu, saya sekali lagi menjunjung tinggi-tinggi kasih ke sisi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al Sultan Abdullah Riayatuddin Al Mustaffa Billah Shah yang berkenan berangkat menyempurnakan Istiadat Pembukaan Mesyuarat kita pada kali ini. Sudah pastinya sebagai wakil rakyat segala titah kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku akan kita junjung dan laksanakannya dengan sebaik mungkin demi kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan negeri Pahang.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sepanjang tempoh lima hari ini. Minta maaf, Dato' Sri saya kena laju sikit. Zohor masuk 1.06 minit. Kalau tak silap sayalah.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, sepanjang tempoh lima hari ini, saya dapati perjalanan Mesyuarat kita berlangsung dengan begitu baik sekali meskipun di awalnya sedikit panas dengan isu peruntukan kepada ADUN pembangkang. Bagaimanapun, ia berlangsung dengan penuh semangat setia kawan dan muhibah. Terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. [Ahli Dewan tepuk meja].

Sesungguhnya Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian telah mempamerkan kematangan berhujah kebijaksanaan memberi pendapat, bernas dan bijak. Sama ada di pihak Kerajaan mahupun pihak pembangkang kerana apa juga yang diutarakan merupakan hujah-hujah yang bernas demi kebaikan rakyat negeri ini. Saya percaya suasana harmoni dalam tempoh lima hari persidangan kita pada kali ini tidaklah terhenti setakat ini saja. Ianya hendaklah diteruskan pada persidangan-persidangan yang akan datang. Sebagai contohnya mengadakan sukan. Selain daripada boling Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, mungkin boleh adakan yang lain.

YB YANG DIPERTUA DEWAN

Insya-Allah Yang Amat Berhormat Dato' Sri.

YAB DATO‘ SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Mengambil kesempatan berada pada penghujung persidangan kita pada kali ini. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato’ Sri Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua kerana telah menguruskan penjalanan Mesyuarat kita dengan begitu baik dan teratur sekali [Ahli Dewan tepuk meja] diselang seli dengan lawak jenaka. Cuma sekali sahaja Yang Berhormat Dato’ Sri Yang di-Pertua, terlupa makan ubat [Ahli Dewan ketawa].

Yang Berhormat Dato’ Sri Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Setiausaha Dewan serta kakitangan di bawah atas komitmen tinggi dan kerja keras mereka bagi memastikan kelancaran persidangan Dewan kita ini. Ucapan terima kasih juga kepada semua ketua-ketua jabatan, negeri dan persekutuan, serta agensi-agensi kerajaan yang telah hadir setiap hari serta menyediakan butiran yang diperlukan kepada pihak kerajaan untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan yang… yang dikemukakan.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada anggota Polis Diraja Malaysia dan anggota RELA yang memberikan khidmat keselamatan, serta petugas kesihatan yang menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada yang memerlukan. Turut tidak dilupakan ucapan terima kasih kepada mereka yang telah menjayakan dengan sempurnanya Istiadat Pembukaan Persidangan kali ini. Ini meliputi pasukan perbarisan oleh pasukan Tentera Udara Diraja Malaysia sehinggalah kepada petugas-petugas Jabatan Kerja Raya dan Majlis Bandaraya Kuantan yang terlibat dalam kerja-kerja persiapan tempat. Saya juga turut berterima kasih kepada petugas-petugas media yang memberikan liputan sepanjang persidangan kita berlangsung setiap hari.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kepada rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, selepas ini kita akan pulang ke kawasan masing-masing, maka lak...laksanakanlah tugas kita sebagai wakil rakyat dengan sebaik-baiknya. Sebagai Ketua Kerajaan Negeri insya-Allah, saya akan pastikan segala bentuk bantuan, sumbangan dan juga pembangunan akan

dilaksanakan dengan sebaiknya di semua kawasan tanpa mengira kawasan yang terletak di DUN Kerajaan mahupun DUN Pembakang kerana ini adalah kewajipan saya [Ahli Dewan menepuk meja] untuk memastikan setiap rakyat di bumi Pahang ini mendapat limpahan kemakmuran yang sama rata.

Memandangkan kita masih lagi dalam bulan Syawal, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat hari raya aidilfitri, maaf zahir dan batin. Semoga kita dapat berjumpa lagi pada persidangan yang akan datang, insya-Allah.

Hanyut belati kayunya basah,
Bau mengharum wangi setanggi,
Hari ini kita berpisah,
Panjang umur bertemu lagi.

[Ahli Dewan menepuk meja]
Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Dengan ini saya mencadangkan supaya Mesyuarat Pertama Penggal Ke-2 Dewan Negeri Ke-15 ini ditangguhkan. Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhomat Yang di-Pertua.

[Ahli Dewan menepuk meja]

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon menyokong Usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya menangguhkan, saya ingin memaklumkan bahawa persidangan pada kali ini sudah tentu begitu bermaknalah kepada kami berdua, saya dan Timbalan kerana ini kali pertama kita mengendalikan mesyuarat penuh seperti ini.

Tahniah saya ucapkan kepada semua yang telah mengambil bahagian. Saya ucapkan terima kasih juga kepada semua yang telah memberikan cadangan-cadangan yang baik ya. Sudah tentu ianya akan menjadi satu pedoman kepada kerajaan. Tahniah juga saya ucapkan ya kepada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri yang baharu.

Saya ingin mohon maaf ya sekiranya sewaktu saya mempengerusikan Mesyuarat ini ada terkasar bahasa, kadang-kadang terlepas cakap. Saya minta maaf banyak-banyak. Sebagai manusia biasa, saya juga tidak terlepas daripada melakukan kesalahan. Saya akan baiki dan melakukan yang terbaik di masa-masa yang akan datang. Minta maaf Yang Berhormat daripada Cheka tadi ya. D2, D4, D3. Minta maaf ya er...silap sikit tadi sebab baru makan ubat.

Insya-Allah selepas ini saya akan cuba sedaya upaya untuk melakukan beberapa pembaikan, bukan sahaja dari segi pentadbiran tetapi ia secara keseluruhannya membabitkan aspek ketepatan masa, maklumat atau ko...dokumen yang diberikan termasuklah dari segi makanan...makan minum yang disediakan. Kita juga bercadang

Dewan Negeri ini mempunyai logo tersendiri, Yang Amat Berhormat Dato' Sri seperti negeri-negeri yang lain. Sebelum saya menangguhkan, sekali lagi saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberikan kerjasama yang amat baik semasa saya mempengerusikan Mesyuarat kali ini.

Kita tahu bahawa ramai di antara Ahli-ahli Yang Berhormat adalah kali pertama bermesyuarat penuh seperti ini. Kita akan mengadakan satu lagi Mesyuarat sebelum pembentangan bajet yang akan dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada bulan November atau Disember er...tahun ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Saya yakin dan percaya segala pandangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diambil kira oleh Kerajaan Negeri Pahang. Saya mendoakan selepas ini Ahli-ahli Yang Berhormat akan pulang ke kawasan masing-masing dan menu… menunaikan tanggungjawab. Jangan lupa jaga keluarga er...dan jaga kesihatan agar Yang Berhormat akan terus cergas untuk menjaga rakyat. Kerana itulah saya berpesan dan mengajak Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian untuk bermuhasabah tentang peranan masing-masing dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat negeri Pahang keseluruhannya. Bersama-samalah kita laksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai Ahli Yang Berhormat seperti yang disebut dalam Surah Al-Baqarah, ayat ke-148 [ayat Al-Quran] yang ber...bermaksud berlumba-lumba untuk melakukan kebaikan.

Saya juga nak ucap terima kasihlah kepada rakan-rakan kita daripada Perikatan Nasional kerana dia bagi harum manis ya untuk ADUN je ya untuk ADUN je... untuk ADUN je kan? Untuk ADUN dan semua yang ada di sinilah termasuk yang atas ni. Nanti ambillah harum manis. Er...marilah kita sama-sama membaca tasbih Kifarah dan Surah Wal-Asr. Saya menangguhkan sidang Dewan ini pada tarikh yang akan ditetapkan. Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Mesyurat ditangguhkan.

[Persidangan ditangguhkan pada jam 1.02 tengah hari]